




UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**ORGANISED BY :  
CENTRE FOR LANGUAGE STUDIES AND GENERIC DEVELOPMENT**



Proceeding

# ICU 2018 CLS

**INTERNATIONAL CONFERENCE ON UMMAH 2018:  
CIVILISATION, LANGUAGE AND SUSTAINABILITY**

**31 OCTOBER - 1 NOVEMBER 2018  
GRAND RIVERVIEW HOTEL  
KOTA BHARU, KELANTAN, MALAYSIA**

# PROCEEDINGS

**INTERNATIONAL CONFERENCE ON UMMAH 2018  
(ICU 2018)**

Copyright UMK PRESS, 2018

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in production transmitted in any form, whether electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without having permission from the **UMK Press**.

Book title : Proceedings International Conference on Ummah 2018  
eISBN No : 978-967-2229

Published by:  
UMK Press  
Universiti Malaysia Kelantan  
Office of Library and Knowledge Management  
Locked Bag 36, Pengkalan Chepa,  
16100 Kota Bharu, Kelantan

In Collaboration:  
Centre for Language Studies and Generic Development  
Universiti Malaysia Kelantan Kampus Bachok  
Beg Berkunci 01, 16300,  
Bachok Kelantan.  
Telephone : 09-779 7445  
Fax : 09-7797442

## CONTENTS

LIST OF EDITORS		vi
FOREWORD		vii
<b>THEME : UMMAH DEVELOPMENT AND CIVILIZATION</b>		
1	Pemetaan Isu Dan Cadangan Dalam Memperkasakan Agenda Melayu Nur Azuki Yusuff	1
2	Kitab Tib Betawi: Sorotan Awal Terhadap Penulisan Dan Pemikiran Ilmu Perubatan Melayu Tradisional Nik Yusri Musa	15
3	Krisis Kerajaan BN Kelantan (1974): Polemik Persoalan PAS Keluar daripada BN atau disingkirkan Che Hassan Che Yusoff	21
4	Keusahawanan Islam; Kerohanian Dan Kaitannya Dengan Motivasi Keusahawan Mohd Zain Bin Mubarak	34
5	Kelestarian Elemen Melayu Islam Dalam Pakaian Masyarakat Melayu Norulzaila Ismail	42
6	Pendidikan Komuniti Dalam Projek Makmal Sosial :Kajian Kes di Kg. Takang Noor Hisham Md Nawi	51
7	Kurikulum Pendidikan Awal Kanak-Kanak Dalam Membentuk Insan Berakhlak Oleh Pusat Asuhan Tunas Islam: Satu Analisis Awal Lina Mastura Jusoh	63
8	Tahap Kesiapan guru dalam Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) Siti Afifah Munirah Bt Salleh	70
9	Kesan Rawatan Berorientasi Penyucian Hati Terhadap Perubahan Sikap Pembuli Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Di kota Bharu Mohd Zani Bin Hassan	78
10	Isu Pemilikan Dan Penentuan Interpretasi Fiqh ( <i>Al-Takhrijat Al-Fiqhiyyah</i> ) Bagi Manfaat Takaful Kematian Mphd Kamil Ahmad	86
11	Analisis Definisi Pluralisme Agama Di Kalangan Sarjana Malaysia Earnie Elmie Hilmi	97
12	Peranan Masjid Dan Pengajaran Ilmu Aqidah Ismaiyyah Dalam Usaha Pembasmian Kemiskinan Tegar Dalam Komuniti Muslim: Satu Kajian di Negeri Kelantan Mohd Nawi Bin Ismail	105
13	The Role Of Charitable Institutions In Achieving The Maqasid Of Sharia'h And propagation of Islamic Da'wah In Southeast Asia (Cambodia As A Model) Mohamed Mohamed Tolba Said	114
14	Unsur-Unsur Kepercayaan <i>Dinamisme</i> Dalam Perubatan Tradisional Melayu Kelantan Mohd Zawawi bin Mohamad	129
15	Empat Akhlak Utama Shah Wali Allah al-Dihlawi dan Relevansinya Dalam Memperkasakan Ummah Noraini Junoh	145
16	Kepercayaan terhadap Kewujudan Saka dalam Kepercayaan Masyarakat Melayu Berdasarkan Pendekatan Psikobudaya Yohan Kurniawan	158

17	Establishing Hysteria Profiling Among Malay Students Using Clinical Psychology Approach Nagarubini Paramasivam	164
18	Work-Life Balance And Psychological Well-Being Among Women: A Conceptual Review Hazura Hakim Jasman	172
19	Work Stress and Employee Deviance on Employees in Putrajaya Marriott Hotel, Malaysia Nahzatul Fatma binti Saufi	178
20	Islamic Fiminism To Univeil Islamophobia of the Hijab in Shelina Zahra Janmohamed's Love in a Headscarf (2010) Normazla Ahmad Mahir	187

#### THEME : LANGUAGE & COMMUNICATION

21	Strategi Penguasaan Sebutan Dalam Meningkatkan Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Ahmad Fared B. Mohd Din	193
22	Penggunaan Aplikasi Mudah Alih Berasaskan Terjemahan Bahasa Mahasiswa-mahasiswi Di Kelantan: Satu Kajian Kes Na Hui Imm	204
23	Students' Perspectives on Learning Mandarin Lexical Through Constructivist Learning Theory Lee Hui Ling	211
24	The Effect of Task-based Language Teaching on Non-native Mandarin Learners' Learning Motivation Chua Hui Wen	222
25	Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Ilmu Retorik Bahasa Arab Abdul Aziz Ibrahim	234
26	A Conceptual Review of Effective Questioning in ESL Classroom Lai See May	245
27	The Use of E-Dictionaries in ESL Classroom : A Pleliminary Paper Azzieatul Syazwanie Binti Azmi	250
28	Pengaruh Dialek Kelantan Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Pelajar Thai Di Universiti Malaysia Kelantan Khuzaiton Binti Zakaria	256
29	The Evaluation of the Comic Integration in Learning Vocabulary Nur Salina Ismail	263
30	Pembinaan Formula Kebolehan Bacaan Bahan Bacaan Arab Untuk Pelajar Bukan Penutur Jati Kamarulzaman Abdul Ghani	276
31	Students' Perception Towards The Integration Of Technology In English Language Learning Nur Hafezah Hussein	291
32	Exploring Students' Perceptions Of English KAHOOT Module For Basic Learners In UMK Nor Hanim Mustafa	299
33	Kesesuaian dan Kesahan Butiran Ujian Bahasa Arab Tahap Dua: Kajian Analisis Ahmad Abdul Rahman	307
34	CEFR Gauging of ESL Learners' Speaking Skills in Malaysia: A Conceptual Paper Nurul Iman Ahmad Bukhari	313
35	The Effect Of Reading Short Stories In Promoting Incidental Vocabulary Learning Mimi Mazlina Binti Mohamad	319

36	Exploring English Teachers' Need of E-Portfolio Via Wix.com Nik Alif Hakimi Bin Nik Mohd Fadzil	325
37	Exploring Students' Perceptions Of English Language Quizlet Live Module for Basic Learners in UMK Nurul Izzati Binti Mohd Aiseri	331
38	Blended Learning Module In Teaching L2 Grammar: The Needs Analysis Normadiha Mahmud Zuhodi	339
39	A Comparative Study On Multiculturalism Representation Of Malaysia In Travel Brochures Ariezal Afzan Hassan	352
40	Conflict Resolution Strategies In Newspapers: A Retrospective Study on Google and China Ariezal Afzan Hassan	360
41	Interactive Participation As Mediating Variable Between Social Media Use And Social Capital Online During Humanitarian Crises Response Ahmed Salmen	370
42	Nilai Murni Watak Utama Dalam Novel Kanak-Kanak Xu You Bin Seow Hooi Lee	386
43	Novel Mencari Cahaya: Penelitian Pemikiran Islam Dalam Lensa Teori Takmilah Mohd Faradi Mohamed Ghazali	395
44	Konsep <i>'Ilm Al-Bayan</i> Dalam Gaya Bahasa Melayu: Sorotan Perbandingan Dan Pemanfaatannya Dalam Pengajaran Ilmu Balaghah Zulazhan Ab. Halim	406
45	Kemahiran Membaca Dan Kefahaman Bacaan Teks Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua: Satu Sorotan Literatur Mohd Hazli Yah@Alias	422
46	Pedagogy And Multimedia Integration System Model For Writing Adenan Ayob	433

#### THEME : SUSTAINABLE COMMUNITY AND SOCIETY

47	Penelitian Perubahan Modal Komuniti Orang Asli Negrto Malaysia Melalui Kajian Longitudinal Panel Wan Ahmad Amir Zal	440
48	Penukaran Sistem Kewangan Konvensional Kepada Islam Dan Sumbangannya Kepada Pembangunan Sistem Kewangan Islam Di Malaysia Nurul Iman Mohd Zain	452
49	The Ombudsman Of The Republic Of Indonesia Representative Strategy Of Bengkulu Province In Enhancing Community Participation Zahran Mabrukah Tomimi	466
50	Penghasilan Nilai Sosial Dalam Program Pembangunan Komuniti Di Ngo-Bmi Malaysia Marwan Bin Ismail	473
51	Sebuah Etnografi: <i>Local Genius</i> Mendukung Ketahanan Ekonomi Komunitas Adat Terpencil (Kat) Suku Mandras Di Bengkulu Yunilisiah	484
52	The Inspiration Of Maryam For Involvement In Humanitarianism And Volunteerism Qaziah Fatimah Berhanuddin	493
53	Sinergisme Wakaf Pendidikan Tinggi Dan Keusahawanan Sosial Syahida Binti Sidek	504

## **LIST OF EDITORS**

Noor Hisham Md Nawi  
Lee Hui Ling  
Zaleha Embong  
Nik Yusri Musa  
Nurul Iman Ahmad Bukhari  
Ahmad bin Abdul Rahman  
Suhaida Omar  
Mohd Kamil Ahmad  
Ariezal Afzan Hassan  
Chin Siao Mei  
Chua Hui Wen  
Nur Hafezah Hussein  
Wan Suzanna Aafanii Adeeba Wan Ibrahim

## FOREWORD

Assalamu`alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Assalamualaikum wbt and good day!

In the name of Almighty Allah, Most Gracious and Most Merciful, I would like to welcome and express my utmost gratitude to everyone for been able to participate in the 1<sup>st</sup> International Conference on UMMAH 2018: Civilisation, Language, and Sustainability (ICU) held in Grand Riverview Hotel, Kota Bharu from 31<sup>ST</sup> October -1<sup>st</sup> November 2018. I would like to take this opportunity to thank Prof Dato' Dr. Hussaini Bin Omar, the Vice Chancellor of Universiti Malaysia Kelantan (UMK) for his willingness to officiate this conference. I also would like to thank all the invited speakers, participants, and the organizing committee who has contributed directly or indirectly in making the conference a great success.

The conference aims to provide a scientifically and critically sophisticated medium on the development of civilization and all its components in local and international context. This can be done through the partnership between researchers, industry players and representatives of public universities in carrying out the nation's civilization agenda. The conference also intends to explore the methods and approaches in implementing the agenda of Ummah in civilization, language and sustainability introduced by the Centre for Language Studies and Generic Development (PBI), UMK.

Besides, this conference also intends to look for possible aspect for the implementation of the nation's civilization agenda as well as to build a repository of challenges to be addressed. The conference also aims to provide the space for sharing of views and practical ideas in the effort of developing the nation's civilization with the focus on the issues of humanity, language, and civilization of Malaysia. Thus, I would like to invite all the participants to be actively involved in the conference, providing the directions and thoughts in enhancing the transformation of a strong society towards building the unity of the Ummah. The conference would not be possible without the excellent papers contributed by participants. I hope that this ICU will be the platform and further stimulate research in civilization, language and sustainability, and provide researchers with better techniques, procedures, and tools for deployment. The next ICU will be held in 2020.

Last but not least, on behalf of the organizing committee, I would like to welcome our international participants, and hope that you will have a good time exploring Malaysia and Kelantan.

Have a fruitful conference. Thank you.

Best regards,

Prof. Madya Dr. Nur Azuki Yusuff

Chairman of ICU 2018

[icu2018cls@gmail.com](mailto:icu2018cls@gmail.com)



## **PEMETAAN ISU DAN CADANGAN DALAM MEMPERKASAKAN AGENDA MELAYU**

Nur Azuki Yusuff (Ph.D)

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan  
nurazuki@umk.edu.my

### **ABSTRAK**

Perjuangan memperkasakan agenda Melayu tidak boleh dipinggirkan dari arus perdana pembangunan Negara. Justeru, usaha berstruktur perlu dimulakan dengan pemetaan isu dan cadangan ke arahnya. Data diperolehi melalui diskusi eksklusif bersama beberapa ilmuan melayu. Konstruksi item yang dipersetujui melalui data kualitatif tersebut dianalisis dalam rangka jadual. Antara agenda Melayu yang dikenalpasti ialah pendidikan, pemikiran, adab dan tata susila, kehidupan beragama dan pencapaian sosio-ekonomi, sosio-budaya serta sosio-politik. Kepincangan prestasi anak melayu turut menjadi perbualan, di samping isu ketokohan dan identiti melayu di persada dunia serta perpaduan melayu. Strategi dalam bentuk pemetaan isu dan cadangan diketengahkan dalam mengkonsepsikan fokus kecemerlangan Melayu kini. Dapatan jelas menekankan peranan kepimpinan melayu sebagai perantara dan pemangkin agenda pembudayaan kecemerlangan agenda Melayu.

**Kata kunci:** agenda Melayu, pemetaan, pemerksaan, isu dan cadangan

### **PENDAHULUAN**

Masyarakat Melayu masih dalam memperjuangkan pemerksaan nasib mereka dan mempertahankan maruah dan harga diri. Sebelum ini, bangsa Melayu sering dikaitkan dengan budaya malaise, lesu dan tersisih. Komuniti Melayu tidak boleh berpeluk tubuh dan melihat bangsa sendiri dipermainkan dan dipinggirkan dari arus perdana. Masyarakat Melayu perlu bangkit memartabatkannya. Malaysia yang mempunyai kependudukan Melayu yang besar pada suatu ketika dahulu namun kini makin ‘mengecil’. (Mahathir Mohamed, 1982)

### **PERNYATAAN MASALAH DAN OBJEKTIF KAJIAN**

Sepanjang pengamatan pengkaji, pelbagai agenda Melayu yang dibincangkan pada masa kini, antaranya; isu pendidikan, ekonomi, sosio-budaya, sosio-politik, ketuanan Melayu, agama dan adat warisan. Kepincangan prestasi anak melayu turut menjadi perbualan, di samping isu ketokohan dan identiti melayu di persada dunia serta perpaduan melayu. Berdasarkan pembacaan dan pengamatan, dilihat keperluan memetakan isu dan cadangan ramai tokoh negara di samping merangkakan strategi baharu pemerksaan agenda Melayu. Dari sini, pengkaji mengambil peluang daripada program diskusi yang diadakan sebelum ini untuk merangka dapatan tersebut.

### **PENGAEDAHAN PENGUMPULAN DAN ANALISA DATA**

Dapatan kajian secara diskriptifnya diambil dari diskusi eksklusif bersama beberapa tokoh melayu. Ianya dipilih berdasarkan jemputan sebagai panel dan undangan khas dalam program Wacana Kontemporari Melayu pada 3 Ogos 2017 di Dewan Eksperimental, UMK. Mereka ialah Prof. Dato’ Dr. Ibrahim Che Omar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato’ Dr. Mohd Jamil bin Maah, Pengarah Pusat Kecemerlangan Melayu,

UM, Prof. Dr. Supyan Hussin (Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM dan Dr Salinah Binti Ja'afar, Timbalan Pengarah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Pengkaji juga memperolehi maklumat daripada beberapa ilmuan lain seperti rakan di UMK Prof. Madya Dr. Suria Baba, Dr. Nasirin Abdillah, Dr. Nik Yusri Musa, Dr. Noor Hisham Md Nawi dan Dr. Nordiana. Begitu juga rakan strategik seperti Encik Ramli Rahman dari Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Cik Raimi, Puan Hajjah Jamilah, Che Hasan yang merupakan pensyarah Institut Pendidikan Guru dan Pengetua Sekolah serta En. Mohd Ikram Fadli selaku Timbalan Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Wilayah Timur. Mereka semua memiliki resepi masing-masing dalam berkongsi pengalaman, sumbangan idea dan tips-tips terbaik serta pantang larang bagi membantu kutipan data ini. Pengkaji mahukan sedikit kelainan dengan meneroka pendekatan, agar apa yang kami bakal ketengahkan nanti kekal relevan dalam memperjuangkan nasib bangsa Melayu ini.

## DAPATAN KAJIAN

Pandangan ilmuan berkaitan agenda Melayu kini:

**Prof. Dato' Dr. Ibrahim** menyatakan berkaitan status dan pencapaian Melayu kini. Baginya Melayu pada masa kini perlu berbangga kerana menjadi Melayu dan menghormati adat istiadat Melayu. Isu semasa berkenaan masyarakat Melayu dahulu tidak begitu kuat kerana segala yang baru berubah sekitar tahun 90-an. Wujud komuniti muda Melayu yang tidak bangga menjadi Melayu dan mula menunjukkan ciri ciri konflik dan saling bercanggah. Ianya diiringi oleh percubaan untuk mencabar kedaulatan, isu politik, isu bangsa dan bahasa. Kemudiannya, dasar berubah selaras dengan usaha kerajaan mengubah dasar dengan bahasa Inggeris diutamakan.

Persoalannya bagaimanakah Melayu di masa hadapan. Apakah cabaran yang akan dihadapi dan bagaimana mereka (Melayu) mampu bersaing dengan kaum lain di Malaysia. Pencapaian Dasar DEB masih belum dicapai sepenuhnya. Pencapaian akademik dan bukan akademik orang Melayu juga tidak meningkat berbanding kaum lain. Jikalau orang lain (bangsa lain) menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, namun orang Melayu kini kurang yakin dengan Bahasa sendiri. Semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat Melayu juga makin luntur. Ini adalah disebabkan oleh perasaan dalaman yang tidak kuat. Sebagai contohnya, kerjasama antara sesama Melayu lagi rendah daripada kaum lain, umpamanya masyarakat Cina. Identiti masyarakat Melayu terhakis daripada segi budaya dan amalan baik.

Selain itu, pengaruh budaya luar giat menular terutama dalam kalangan orang muda, contohnya kebebasan LGBT atas alasan hak asasi manusia. Masyarakat bukan Islam juga sudah berani mencabar isu agama Melayu. Seheinggakan sanggup membawa isu ke Geneva untuk memperjuangkan hak peribadi mereka. Orang Melayu dituduh rasis sekiranya memperjuangkan hak Melayu walhal orang lain memperjuangkan hak mereka juga. Jelas di sini, kedaulatan Melayu kian dicabar. Pengkelasan yang perlu diberikan perhatian dan tindakan adalah; kemiskinan yang tinggi, sumbangan kepada kecemerlangan Negara, Agama, pencapaian akademik, peluang pekerjaan tidak seimbang, penguasaan ekonomi (bahasa Melayu belum diterima sepenuhnya), bahasa sebagai ejen perpaduan, budaya Melayu juga terhakis dan Sistem pendidikan yang menghambat pencapaian Melayu sendiri.

Justeru beberapa usaha dan pendapat yang diutarakan oleh Prof. Dr. Ibrahim:

- a) Latihan dan vokasional untuk memperkukuhkan kemahiran teknikal.
- b) Pendidikan institusi pengajian tinggi. Memperkasakan pengajian kesusasteraan Melayu dan Pengajian Islam.
- c) Pembangunan modal insan Melayu. Ini adalah penting dalam menjayakan modal insan melalui keberanian politik (political will).

Cadangan bagi mencemerlangkan bangsa Melayu pula ialah:

- a) Keberanian Politik (Political will).
- b) Transformasi Melayu kerana Islam.
- c) Kepimpinan peringkat sekolah. Unit khas di sekolah yang melihat kepada pelajar yang lemah dan guru yang menjayakan ini adalah guru yang cemerlang.
- d) Penguatkuasaan akta TVET untuk memantapkan kolaborasi industri.
- e) Mendaulatkan jalinan antara universiti dan komuniti di peringkat kebangsaan.
- f) Memelihara kesinambungan hak orang Melayu selaras dalam perlembagaan Negara.
- g) Mendaulatkan Bahasa Melayu.

Beliau mencadangkan model Melayu masa depan dengan menerima nilai sejagat, keperibadian yang luhur, berilmu, semangat setiakawan, ciri-ciri keusahawanan dan penguasaan bahasa yang baik. Bangsa Melayu seharusnya menjadi role model kepada bangsa yang lain kerana berbeza perundangan agama. Namun sebaliknya yang berlaku pada masa ini kerana melayu tidak boleh menjadi role model kerana akhlak dan pencapaian yang tidak membanggakan. Faktor utama yang menjadi kekangan dan halangan ini adalah kerana faktor “kesediaan”. Melayu perlu bersedia untuk berubah. Demi masa depan, bangsa Melayu perlu bangga dengan bangsa dan budaya sendiri. Orang Melayu perlu kembali kepada agamanya beserta dengan semangat ukhwa yang kukuh berteraskan Islam dalam menghasilkan perpaduan bangsa.

**Prof. Dr. Supyan** pula melihat dari aspek pensejarahan berkaitan dengan asal usul Melayu dan rumpun Melayu. Rumpun Melayu dikategorikan di bawah satu rumpun yang sama iaitu Melayu Nusantara. Dari segi geografi, Melayu Nusantara terdiri daripada Pentas Sunda, Benua Sunda dan Tanah Besar Melayu. Selain itu, Rumpun Melayu turut melibatkan beberapa wilayah lain seperti Selatan Thailand (Pattani) dan Champa. Manakala *Malay Archipelago* pula melibatkan sebuah wilayah yang lebih luas dengan menghimpunkan tiga tamadun yang besar iaitu Tamadun Melayu, Tamadun China dan Tamadun India. Namun, apabila Barat mula menjelajah kawasan timur, mereka mula meluaskan pengaruh mereka dengan agenda-agenda tertentu iaitu untuk menguasai dan mengambil alih.

Berdasarkan kajian dalam sejarah, orang Melayu dipercayai mempunyai kemahiran pelayaran yang sangat tinggi berbanding masyarakat Barat. Perkara ini dibuktikan dengan penemuan beberapa hasil kajian berkaitan dengan Awang Hitam sebagai pelayar daripada keturunan Melayu. Penemuan ini jelas memperlihatkan bahawa orang Melayu sebagai orang Samudera. Justeru, dicadangkan agar rangka penyelidikan untuk dilaksanakan dalam kajian berkaitan Melayu ini dengan bersandarkan kepada ungkapan akal budi Melayu dengan menyetengahkan aspek-aspek berikut: falsafah, pemikiran, perlakuan, formasi dan gaya hidup.

Akal budi Melayu yang dimaksudkan mempunyai hubung kait yang rapat dengan nilai-nilai Melayu seperti: sahabat alam, hormat-menghormati, tolong-menolong, mengalah, sopan santun, setia, sabar, tolak ansur, akomodatif, asimilasi, tidak derhaka dan tidak menyerang. Dalam usaha melaksanakan kajian berkaitan dengan agenda Melayu kini, masyarakat Melayu dilihat berdasarkan perkembangan masyarakat Melayu itu sendiri daripada Melayu dahulu, sekarang dan akan datang. Oleh itu, perkembangan-perkembangan masyarakat Melayu digambarkan bermula dari Pagan – Hindu – Buddha – Islam – Islam Murtad – Melayu Moden dan akhirnya Melayu Ultra.

Menyentuh aspek berkaitan dengan isu-isu berkaitan dengan masyarakat Melayu, terdapat dua aspek yang diambil kira iaitu isu-isu asas orang Melayu dan isu-isu Melayu yang dibahagikan seperti berikut: Isu-isu Asas Orang Melayu, Persekutuan Tanah Melayu, Tanah Simpanan Melayu (Rizab), Rejimen Askar Melayu, Raja-raja Melayu, Agama Islam, Bahasa Melayu dan Hak Istimewa Orang Melayu. Kesemua aspek ini dikaitkan dengan Wasiat Raja-raja Melayu.

Manakala isu-isu Melayu kini ialah; politik, pendidikan, ekonomi, hartanah, patriotik, rasis (perkauman), perceraian dan gejala sosial. Selain itu, aspek-aspek lain yang dapat dikaitkan dengan masyarakat Melayu adalah berkaitan dengan Maqasid Syariah yang melibatkan aspek-aspek pemuliharaan; agama, nyawa, maruah dan keturunan, akal dan harta. Aspek-aspek ini dikaitkan dengan perpaduan atas dasar Islam.

Apabila menyentuh berkaitan dengan generasi muda dalam kalangan masyarakat Melayu, golongan ini diketengahkan dalam beberapa peringkat generasi iaitu Generasi Y dan Generasi Z dengan memberi fokus kepada aspek-aspek berkaitan dengan gejala sosial seperti budaya lepak, rempit, ponteng dan sebagainya.

Dalam usaha menangani masalah-masalah berkaitan dengan generasi masa kini, masyarakat Melayu berhadapan dengan Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang mengajak masyarakat Melayu untuk melaksanakan tindakan selanjutnya seperti: Mengingati Semula Sejarah, Berpegang Kepada Wasiat Raja-raja Melayu, Mengingati Dan Berpegang Kepada Tali Allah, Melaksanakan Aspek Pendidikan, Pencegahan dan Penguatkuasaan, Menjalankan Penyelidikan TN50, Membina Korpus Ilmu Dalam Bentuk Dokumentasi dan Melaksanakan Program Perkongsian Pintar (CSR & GLC).

Prof. Dr. Supyan menegaskan masyarakat perlu menghormati kerajaan semasa yang mentadbir apabila menyentuh persoalan berkaitan isu politik semasa Negara. Suara-suara rakyat perlu dikemukakan melalui saluran yang betul. Masyarakat juga perlu akur dengan polisi-polisi yang diamalkan oleh pemerintah semasa. Manakala berkaitan dengan hal-hal agama contohnya perpecahan fahaman, masyarakat perlu mengekalkan perkara-perkara yang baik dengan penerapan aspek-aspek pendidikan, pencegahan dan penguatkuasaan.

Begitu juga ilmu berkaitan kesusasteraan Melayu sebagai memahami akal budi Melayu. Pengajian Kesusasteraan Melayu perlu memanfaatkan teknologi terkini untuk mendedahkan nilai-nilai yang terdapat di dalam kesusasteraan bersesuaian dengan perkembangan Generasi Z.

Akal budi Melayu hendaklah diikat bersama dengan agama Islam bagi memastikan masyarakat melalui terus berada di landasan pemikiran yang sebenar. Perlakuan atau gaya hidup masyarakat Melayu juga perlu difahami oleh keseluruhan anggota masyarakat tanpa mengira latar belakang mereka.

Perbincangan mengenai definisi Melayu dan konsep Melayu, asal usul Melayu, kepimpinan dan feudalism serta politik orang Melayu telah menjadi topik bagi **Dr Salinah Binti Ja'afar**, Timbalan Pengarah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Katanya, tiada bukti yang kukuh yang mengatakan kewujudan orang Melayu tetapi selepas kemerdekaan, Melayu mula mencari identiti mereka. Satu kajian bersama Anthony Milner telah membuktikan bahawa terdapat bukti kewujudan orang Melayu di dalam literatur yang terdahulu.

Konsep Ketuanan Melayu:

1. Perkara 153 – Yang diPertuan Agong sebagai tuan dan orang-orang Melayu sebagai ahli-ahlinya dan Yang di Pertuan Agong perlu menjalankan tanggungjawabnya bagi menjaga hak-hak orang Melayu
2. Kerajaan pusat perlu melindungi hak-hak orang Melayu terutamanya memberikan biasiswa dalam pendidikan orang Melayu.
3. Fungsi yang di Pertuan Agong sebagai ketua agama Islam, berkuasa dalam melantik PM, membubarkan parlimen, Ketua Angkatan Tentera Malaysia, menjaga hak – hak orang Melayu dan ketua Majlis Raja – Raja dalam mendaulatkan undang-undang.

Rekonstruksi Melayu; antara kajian-kajian yang perlu diketengahkan pada masa akan datang mestilah berkaitan sumber manusia, politik Malaysia, ekonomi (anak-anak muda perlu menceburkan diri dalam bidang keusahawanan), pendidikan (sukatan pembelajaran perlu dipertingkatkan), sosial (membendung masalah sosial yang berlaku di dalam negara

terutamanya dengan kemasukan pekerja-pekerja asing) dan menjalankan kajian yang bersesuaian dengan perubahan masa. Katanya lagi, kajian dalam mempraktikkan Rukun Negara dalam memberi *sense of belonging* dan semangat cintakan negara perlu dipertingkatkan.

**Prof. Dato' Dr. Mohd Jamil Bin Maah** pula mengulas bahawa isu dan masalah Melayu yang wujud semakin meruncing kini. Isu-isu ini boleh dikatakan menjadi virus yang kian menular sehingga akhirnya menjadi barah kepada tindakan, pemikiran dan sosiobudaya masyarakat Melayu. Tindakan segera daripada pelbagai pihak perlu diambil bagi mengelakkan isu ini berterusan dan kesedaran tentang jati diri Melayu perlu diperkemas di peringkat awal lagi supaya ketuanan Melayu tidak lenyap ditelan zaman. Beberapa isu-isu dan masalah Melayu kini telah dikenalpasti ekoran daripada perbincangan ini, antaranya; Penghapusan kawasan kampung Melayu tradisi di Bandar, Cabaran sosial masyarakat Melayu, Pengaruh teknologi digital terhadap remaja Melayu Bandar, Isu ekonomi Melayu terutama hutang dan pengurusan kewangan dalam kalangan Melayu, Industri beridentitikan Melayu tiada, Isu tulisan jawi terutama di akhbar dan *letterhead* dihapuskan dan Isu penggunaan bahasa asing untuk nama tempat.

Pandangan daripada beberapa ilmunan, sebagaimana berikut:

1. Agama, masing wujud perbezaan amalan beragama (seperti kumpulan wahabi)
2. Ekonomi (Orang Melayu yang tidak boleh bersaing) (Encik Ramli Rahman)
3. Pendidikan (Ratio Pra Siswazah dan Pasca Siswazah adalah tidak seimbang). Pendidikan – perlu ratio yang bersesuaian seperti bilangan undergraduate dan postgraduate.
4. Polisi kerajaan berubah – ubah dan orang di bawah perlu mengikut dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan.
5. Islam – agama yang satu dan kita tidak perlu berpecah belah
6. Adab susila dalam komunikasi dengan orang Melayu. Bahasa yang ada seperti bahasa istana perlu diperkenalkan dan perlu diterapkan dalam kalangan anak-anak (Cik Raimi).
7. Perlu *direct interaction* dengan anak-anak (pelajar-pelajar sekolah) dalam maksud *Community engagement* (Puan Hajjah Jamilah)

Dr. Salinah Ja'afar menambah menyatakan;

- Cara menjawab budaya lama. Kajian lanjutan boleh mengetengahkan kepentingan indeks 'rasa hormat'. Data dan analisis serta kaedah-kaedah untuk mengatasi permasalahan ini perlu didapatkan.
  - Projek bersama dengan pelajar-pelajar – pensyarah, profesor dan anak-anak sekolah bekerjasama dalam membantu mereka. Cth: subjek Bahasa Melayu – mengajar bahasa Melayu
  - Pelan Tindakan untuk mempertingkatkan bahasa Melayu
8. Encik Hassan (JPN) -Isu kesusasteraan Melayu dan bahasa
  9. Dr. Nasirin – Persoalan jati diri dari sudut bahasa dan kesusasteraan. Siapa kita di masa lampau untuk melangkah ke masa hadapan. Penggunaan bahasa yang digunakan kini “Tiada Melayu Hilang Dunia” yang tidak wujud di dalam Sulalatus Salatin adalah hasil penulisan kreatif.
  10. Dr. Nik Yusri - Ilmu asas (Pendidikan Islam) yang membentuk pemikiran dan jati diri.
  11. En. Mohd Ikram Fadli (DBP – Wilayah Timur) – Bahasa – Bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah, dan adakah BM telah berjaya diangkat menjadi sebagai bahasa pengantar di peringkat universiti?

12. Sastra Melayu dalam sekolah – rata – rata generasi Z tidak berminat dengan sastra Melayu.
  13. Keangkuhan politik – tiada pejuang politik yang betul-betul berjuang untuk membela bangsa Melayu
  14. Ilmu Asas – Ikrar Rukun Negara – adakah kita menjiwai rukun negara. – terapkan nilai-nilai rukun Negara
  15. Dasar Bahasa Pendidikan – tiada kesudahan.
  16. Pelan Memartabatkan BM di universiti. – masih lagi dalam usaha pemantauan di peringkat university
  17. Cadangan buku: Perangai bergantung kepada diri sendiri oleh Zaaba
- Prof. Dr. Supyan Hussin turut menegaskan bahawa
- Masyarakat perlu menghormati *the government of the day*.
  - Penggunaan teknologi
  - Agama - Kehidupan kita yang baik kita perlu kekalkan terutamanya sebagai ahli sunnah wal jamaah.
  - Teknologi tidak datang bersama akhlak.
  - Didik masyarakat untuk menggunakan teknologi dengan betul
  - Community Engagement – NBOS
  - Kesusasteraan Melayu dan Pemikiran – Kesusasteraan Melayu tidak semestinya dikaitkan dengan bahasa tetapi kesusasteraan Melayu adalah berkaitan dengan buah pemikiran dan konteks kehidupan. Kombinasi dengan teknologi seperti *youtube*.
  - Keangkuhan politik – akal budi Melayu tetapi diikat dengan Islam.
  - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) –Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) ada satu pelan tindakan pemantauan penggunaan Bahasa Melayu (BM)– makalah yang dikeluarkan di dalam BM.

## PERBINCANGAN

Berdasarkan semua pandangan tadi, pengkaji telah membahagikan topik perbincangan mengikut konstruk item dan isu dan berpadanan iaitu Pendidikan dan Penyelidikan, Bahasa Melayu, Ekonomi dan Pembangunan Fizikal, Sosio Budaya dan Sosio Politik, Ketuanan Melayu dan Sejarah seterusnya Agama dan Adat.

Prof. Dato' Dr. Ibrahim

<p>1. Pendidikan dan Penyelidikan</p> <p>Masalah: Sistem pendidikan di sekolah yang tidak memihak kepada pencapaian orang Melayu.</p> <p>Cadangan: Latihan dan vokasional, Mewujudkan program penting untuk nilai bangsa di institusi pengajian tinggi seperti kesusasteraan Melayu dan Pengajian Islam, Kepimpinan sekolah merujuk kepada guru cemerlang, Perkasakan jalinan universiti dan komuniti dan Unit khas di sekolah yang melihat kepada pelajar Melayu yang lemah.</p>
<p>2. Bahasa Melayu</p> <p>Masalah: penggunaan Bahasa Ibunda (Melayu) yang tidak baik, Bahasa tidak lagi menjadi ejen perpaduan, Bahasa Melayu belum diterima sebagai bahasa korporat/industri dan Pencapaian akademik orang Melayu tidak memberangsangkan berbanding bukan Melayu</p> <p>Cadangan: Mendaulatkan Bahasa Melayu</p>
<p>3. Ekonomi dan Pembangunan Fizikal</p> <p>Masalah: Peratusan kemiskinan tinggi dan tidak seimbang, Hanya 30-36% saja Melayu cemerlang dan menyumbang kepada kecemerlangan negara. Peluang pekerjaan tidak</p>

seimbang (kerana pencapaian tidak sekata) Cadangan: Penggubalan dan penguatkuasaan AKTA TVET untuk kolaborasi industri
4. Sosio Budaya dan Sosio Politik Masalah: Perpecahan Melayu semenjak 2000 akibat daripada fahaman politik Cadangan: Pembangunan modal insan Melayu melalui keberanian politik (political will).
5. Ketuanan Melayu Sejarah Masalah: Orang Melayu dah tak peduli dengan bangsa sendiri. cabaran; Sikap dan budaya orang Melayu, “kesediaan”. Melayu perlu bersedia untuk berubah. Cadangan: Memelihara kesinambungan hak orang Melayu dalam perlembagaan Mencadangkan model Melayu masa depan seperti: Menerima nilai sejagat. Melayu perlu menerima agama lain, namun tidak menafikan diri, adat dan budaya serta agama. Keperibadian yang luhur. Melayu perlu dihormati disebabkan oleh akhlak yang luhur Berilmu, Semangat setiakawan, Bercirikan keusahawanan, Penguasaan bahasa yang baik
6. Agama dan Adat Masalah: Tidak peka dengan adat istiadat Melayu, Orang bukan Melayu mencabar kedaulatan, Masyarakat bukan Islam juga sudah berani mencabar isu agama Melayu, Agama tidak lagi digunakan untuk alat kecermerlangan Hubungan antara Melayu juga terhakis Budaya Melayu juga terhakis Cadangan: Transformasi Melayu kerana Islam

Prof. Dr. Supyan Bin Hussain

1. Pendidikan dan Penyelidikan Cadangan: Rangka penyelidikan berkaitan agenda Melayu bersandarkan ungkapan Akal Budi Melayu dengan mengetengahkan aspek-aspek: Falsafah, Pemikiran, Perlakuan, Formasi dan Gaya Hidup. Juga berkaitan kesusasteraan Melayu sebagai memahami akal budi Melayu. Pengajian ini perlu memanfaatkan teknologi terkini untuk mendedahkan nilai-nilai yang terdapat di dalam kesusasteraan bersesuaian dengan perkembangan Generasi Z. Kajian berkaitan agenda Melayu perlu dilihat berdasarkan perkembangan masyarakat Melayu yang digambarkan seperti berikut: Pagan – Hindu – Buddha – Islam – Islam Murtad – Melayu Moden – Melayu Ultra
2. Bahasa Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) perlu ada satu pelan tindakan pemantauan penggunaan Bahasa Melayu (BM)
3. Ekonomi Pembangunan Fizikal Isu Melayu kini; Ekonomi dan Hartanah. Community Engagement melalui NBOS
4. Sosio Budaya dan Sosio Politik Masalah: - Keangkuhan politik - Isu-isu agenda Melayu; Politik, Pendidikan, Ekonomi, Hartanah, Patriotik, Rasis (perkauman), Perceraian dan Gejala Sosial. Apabila menyentuh berkaitan dengan generasi muda dalam kalangan masyarakat Melayu,

golongan ini diketengahkan dalam beberapa peringkat generasi iaitu Generasi Y dan Generasi Z dengan memberi fokus kepada aspek-aspek berkaitan dengan gejala sosial seperti budaya lepak, rempit, ponteng dan sebagainya.

Cadangan:

-Akal Budi Melayu mempunyai hubung kait rapat dengan nilai-nilai: Sahabat alam, hormat-menghormati, Tolong-menolong, Mengalah, Sopan santun, Setia, Sabar, Tolak ansur, Akomodatif, Asimilasi, Tidak derhaka dan Tidak menyerang.

- Masyarakat perlu menghormati kerajaan semasa *the government of the day*. Suara-suara rakyat perlu dikemukakan melalui saluran yang betul dan perlu akur dengan polisi-polisi yang diamalkan oleh pemerintah.

#### 5. Ketuanan Melayu dan pemikiran

Sejarah Lihat aspek pensejarahan asal usul Melayu dan rumpun Melayu (*Malay Archipelago*)

Isu-isu Asas Orang Melayu; Persekutuan Tanah Melayu, Tanah Simpanan Melayu (Rizab), Rejimen Askar Melayu, Raja-raja Melayu, Agama Islam, Bahasa Melayu dan Hak Istimewa Orang Melayu. Kesemua aspek ini dikaitkan dengan Wasiat Raja-raja Melayu.

Isu semasa; usaha menangani masalah berkaitan Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang mengajak masyarakat Melayu; mengingati Semula Sejarah, Berpegang Kepada Wasiat Raja-raja Melayu, Mengingati Dan Berpegang Kepada Tali Allah, Melaksanakan Aspek Pendidikan, Pencegahan dan Penguatkuasaan, Menjalankan Penyelidikan TN50, Membina Korpus Ilmu Dalam Bentuk Dokumentasi dan Melaksanakan Program Perkongsian Pintar (CSR & GLC).

Kesusasteraan Melayu dan Pemikiran adalah berkaitan buah pemikiran dan konteks kehidupan. Kombinasi dengan teknologi seperti *youtube*

#### 6. Agama dan Adat

-Akal budi Melayu perlu diikat dengan Islam; berkaitan Maqasid Syariah yang melibatkan aspek pemuliharaan; Agama, Nyawa, Maruah dan Keturunan, Akal dan Harta. Ia dikaitkan dengan perpaduan atas dasar agama Islam.

Manakala berkaitan dengan hal-hal agama contohnya perpecahan fahaman, masyarakat perlu mengekalkan perkara-perkara yang baik dengan penerapan aspek-aspek Pendidikan, Penggunaan teknologi, Pencegahan dan Penguatkuasaan.

-Kekalkan mazhab ahli sunnah waljamaah.

- Teknologi tidak datang bersama akhlak. Oleh itu, didik masyarakat untuk menggunakan teknologi dengan betul.

Dr Salinah Binti Ja'afar

#### 1. Pendidikan dan Penyelidikan

Melayu perlu mencari identiti melalui kronologi kewujudan Bangsa Melayu yang perlu diterapkan dalam silibus seperti berikut:

- i. Pra-kolonial; Kesultanan dan kedaulatan Melayu – Kesultanan Pasai, Kedah, Melaka dan Johor.
- ii. Zaman Kemerdekaan; Kontrak sosial seperti hak raja – raja Melayu yang tidak boleh disentuh, Islam agama rasmi dan Bahasa Melayu.
- iii. Selepas Kemerdekaan; Definisi dan hak Melayu dalam Perlembagaan
- iv. Zaman Globalisasi dan Generasi Z

Rekonstruksi Melayu, kajian-kajian yang perlu diketengahkan:

Fokus dan Sumber

Pendidikan: perbaharui dan pertingkatkan sukatan pembelajaran

Kajian yang bersesuaian dengan perubahan masa



Ketengahkan kepentingan indeks 'rasa hormat'. Data dan analisis serta kaedah-kaedah untuk mengatasi permasalahan ini.
2. Bahasa Melayu Projek kolaborasi mengajar bahasa Melayu bersama dengan mahasiswa, pensyarah dan professor Pelan Tindakan untuk mempertingkatkan bahasa Melayu
3. Ekonomi Pembangunan Fizikal kajian yang perlu diketengahkan; Fokus dan Sumber Bagaimana berjaya dalam bidang keusahawanan
4. Sosio Budaya Sosio Politik Kajian yang perlu diketengahkan: Sosial – Membendung masalah sosial yang berlaku di dalam negara terutamanya dengan kemasukan pekerja-pekerja asing. Kepentingan dalam mempraktikkan Rukun Negara dalam memberi <i>sense of belonging</i> dan semangan cintakan Negara.
5. Ketuanan Melayu, Sejarah dan pemikiran Pertahankan Konsep Ketuanan Melayu: Perkara 153 Kerajaan pusat perlu melindungi hak – hak orang Melayu terutamanya memberikan biasiswa dalam pendidikan orang Melayu.
6. Agama dan Adat Pertahankan Konsep Melayu: Islam agama rasmi dan Yang diPertuan Agong sebagai ketua agama Islam

## 4. Prof. Dato' Dr. Mohd Jamil Maah

1. Pendidikan dan Penyelidikan Isu-isu dan masalah Melayu kini :Isu tulisan jawi terutama di akhbar dan <i>letterhead</i> dihapuskan
2. Bahasa Melayu Isu penggunaan bahasa asing untuk nama tempat, terkini projek 'MyExpo' 26 september di Putrajaya.
3. Ekonomi Pembangunan Fizikal Isu-isu dan masalah Melayu kini :Isu ekonomi Melayu terutama hutang dan pengurusan kewangan dalam kalangan Melayu, Industri beridentitikan Melayu tiada,
4. Sosio Budaya dan Sosio Politik Isu-isu dan masalah Melayu kini; Penghapusan kawasan kampung Melayu tradisi di Bandar, Cabaran sosial masyarakat Melayu, Pengaruh teknologi digital terhadap remaja Melayu Bandar, Tindakan segera yang bersifat uniti (bersatu) perlu diambil oleh semua pihak dalam pelbagai peringkat bagi melaksanakan hasrat ini. Melayu kini perlu menghilangkan keangkuhan politik sebaliknya menjayakan keberanian politik ( <i>political will</i> ) dengan suntikan Islam sebagai teras dalam mendepani isu dan cabaran yang membelenggu masyarakat Melayu pada zaman ini.
5. Ketuanan Melayu dan Sejarah
6. Agama dan Adat Tindakan segera; Menjayakan keberanian politik ( <i>political will</i> ) dengan suntikan Islam sebagai teras.

Projek Makmal Sosial adalah satu inisiatif yang bersifat jangka panjang dari Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan untuk membangunkan komuniti

5. Pandangan beberapa ilmuan berikutnya:

<p>1. Pendidikan dan Penyelidikan          Masalah: Ratio Pra Siswazah dan Pasca Siswazah adalah tidak seimbang          Cadangan:          Direct interaction dengan anak-anak (pelajar-pelajar sekolah)          Adab susila – Bahasa-bahasa yang ada seperti bahasa istana perlu diperkenalkan dan perlu diterapkan di kalangan anak-anak          Community engagement adalah perlu supaya mesej yang ada disampaikan</p>
<p>2. Bahasa Melayu          Cadangan: Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah dan di peringkat universiti?          Sastera Melayu dalam sekolah, rata-rata generasi Z tidak berminat dengan sastera Melayu          Ilmu Asas – Ikrar Rukun Negara – adakah kita menjiwai rukun negara. – terapkan nilai-nilai rukun negara          Dasar Bahasa Pendidikan – tiada kesudahan.</p>
<p>3. Ekonomi Pembangunan Fizikal          Masalah: Tidak mampu bersaing dalam ekonomi</p>
<p>4. Sosio Budaya dan Sosio Politik          Polisi kerajaan berubah – ubah dan orang di bawah perlu mengikut dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan          Adab susila dalam komunikasi dengan orang Melayu          Keangkuhan politik – tiada pejuang politik yang betul-betul berjuang untuk membela bangsa Melayu</p>
<p>5. Ketuanan Melayu dan Sejarah          Isu kesusasteraan Melayu dan bahasa: Persoalan jati diri dari sudut bahasa dan kesusasteraan.          Siapa kita di masa lampau untuk melangkah ke masa hadapan.</p>
<p>6. Agama dan Adat          Ilmu asas Pendidikan Islam membentuk pemikiran dan jati diri.          rujuk buku: Perangai bergantung kepada diri sendiri oleh Zaaba          konflik beragama, cthnya wahabi. Melayu tidak perlu berpecah belah</p>

## RUMUSAN

Jadual di bawah merumuskan secara lengkap dapatan yang diperlukan:

<b>Pendidikan dan Penyelidikan</b>	
Masalah:	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sistem pendidikan di sekolah yang tidak memihak kepada pencapaian orang Melayu.</li> <li>2. Isu tulisan jawi terutama di akhbar dan <i>letterhead</i> dihapuskan.</li> <li>3. Ratio Pra Siswazah dan Pasca Siswazah yang tidak seimbang.</li> </ol>
Cadangan:	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Latihan dan vokasional</li> <li>2. Program nilai bangsa di IPT; kesusasteraan Melayu dan Pengajian Islam</li> <li>3. Kepimpinan sekolah merujuk kepada guru cemerlang</li> <li>4. Perkasakan jalinan universiti dan komuniti.</li> </ol>

	<ol style="list-style-type: none"> <li>5. Unit khas di sekolah yang melihat kepada pelajar Melayu yang lemah.</li> <li>6. Perbaharui dan pertingkatkan sukatan pembelajaran</li> <li>7. <i>Direct interaction</i> dengan anak-anak (pelajar-pelajar sekolah)</li> <li>8. <i>Community engagement</i> adalah perlu supaya mesej yang ada disampaikan</li> <li>9. Melayu perlu mencari identiti melalui kronologi kewujudan Bangsa Melayu yang perlu diterapkan dalam silibus seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pra – kolonial; Kesultanan dan kedaulatan Melayu – Kesultanan Pasai, Kedah, Melaka dan Johor.</li> <li>2. Zaman Kemerdekaan;Kontrak sosial seperti hak raja – raja Melayu yang tidak boleh disentuh, Islam agama rasmi dan Bahasa Melayu.</li> <li>3. Selepas Kemerdekaan; Definisi dan hak Melayu dalam Perlembagaan</li> <li>4. Zaman Globalisasi dan Generasi Z</li> </ol> </li> </ol> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Rangka penyelidikan berkaitan Melayu bersandarkan ungkapan Akal Budi Melayu dengan mengetengahkan aspek-aspek: Falsafah, Pemikiran, Perlakuan, Formasi dan Gaya Hidup. Juga berkaitan kesusasteraan Melayu sebagai memahami akal budi Melayu. Pengajian ini perlu memanfaatkan teknologi terkini untuk mendedahkan nilai-nilai yang terdapat di dalam kesusasteraan bersesuaian dengan perkembangan Generasi Z.</li> <li>2. Kajian perlu melihat perkembangan masyarakat Melayu yang digambarkan seperti berikut: Pagan – Hindu – Buddha – Islam – Islam Murad – Melayu Moden – Melayu Ultra</li> <li>3. Kajian yang bersesuaian dengan perubahan masa</li> <li>4. Ketengahkan kepentingan indeks ‘rasa hormat’. Data dan analisis serta kaedah-kaedah untuk mengatasi permasalahan ini.</li> </ol>
<b>Bahasa Melayu</b>	
Masalah:	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penggunaan Bahasa Ibunda (Melayu) yang tidak baik</li> <li>2. Bahasa tidak lagi menjadi ejen perpaduan</li> <li>3. Bahasa Melayu belum diterima sebagai bahasa korporat/industry</li> <li>4. Pencapaian akademik orang Melayu tidak memberangsangkan berbanding bukan Melayu</li> <li>5. Isu penggunaan bahasa asing untuk nama tempat, terkini projek ‘MyExpo’ 26 september di Putrajaya.</li> <li>6. Sastera Melayu dalam sekolah, rata-rata generasi Z tidak berminat dengan sastera Melayu</li> <li>7. Ilmu Asas – Ikrar Rukun Negara – adakah kita menjiwai rukun negara. – terapkan nilai-nilai rukun Negara</li> <li>8. Dasar Bahasa Pendidikan – tiada kesudahan.</li> </ol>
Cadangan:	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mendaulatkan Bahasa Melayu</li> <li>2. Adab susila – Bahasa-bahasa yang ada seperti bahasa istana perlu diperkenalkan dan perlu diterapkan di kalangan anak-anak</li> <li>3. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) perlu ada satu pelan tindakan pemantauan penggunaan Bahasa Melayu (BM)</li> <li>4. Projek kolaborasi mengajar bahasa Melayu bersama dengan mahasiswa, pensyarah dan professor</li> <li>5. Pelan Tindakan untuk mempertingkatkan bahasa Melayu</li> <li>6. Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah dan di</li> </ol>

	peringkat universiti?
<b>Ekonomi dan Pembangunan Fizikal</b>	
Masalah:	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peratusan kemiskinan tinggi dan tidak seimbang</li> <li>2. Hanya 30-36% saja Melayu cemerlang dan menyumbang kepada kecemerlangan negara.</li> <li>3. Peluang pekerjaan tidak seimbang (kerana pencapaian tidak sekata)</li> <li>4. Isu ekuiti dan Hartanah.</li> <li>5. Isu hutang dan pengurusan kewangan dalam kalangan Melayu, Industri beridentitikan Melayu tiada,</li> <li>6. Tidak mampu bersaing dalam Ekonomi</li> </ol>
Cadangan:	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penggubalan dan penguatkuasaan akta TVET untuk kolaborasi industri.</li> <li>2. <i>Community Engagement</i> melalui NBOS</li> </ol> <p>Kajian yang perlu diketengahkan;</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Fokus dan Sumber</li> <li>2. Bagaimana berjaya dalam bidang keusahawanan</li> </ol>
<b>Sosio Budaya dan Sosio Politik</b>	
Masalah:	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perpecahan Melayu semenjak 2000 akibat daripada fahaman politik</li> <li>2. Keangkuhan politik</li> <li>3. Isu-isu agenda Melayu; Politik, Pendidikan, Ekonomi, Hartanah, Patriotik, Rasis (perkauman), Perceraian dan Gejala Sosial.</li> <li>4. Generasi muda: gejala sosial seperti budaya lepak, rempit, ponteng dan sebagainya.</li> <li>5. Isu Penghapusan kawasan kampung Melayu tradisi di Bandar, cabaran sosial masyarakat Melayu, pengaruh teknologi digital terhadap remaja Melayu Bandar.</li> <li>6. Adab susila dalam komunikasi dengan orang Melayu</li> <li>7. Keangkuhan politik – tiada pejuang politik yang betul-betul berjuang untuk membela bangsa Melayu</li> <li>8. Polisi kerajaan berubah – ubah dan orang di bawah perlu mengikut dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan</li> </ol>
Cadangan:	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pembangunan modal insan Melayu melalui keberanian politik (political will).</li> <li>2. Akal Budi Melayu mempunyai hubung kait rapat dengan nilai-nilai: Sahabat alam, Hormat-menghormati, Tolong-menolong, Mengalah, Sopan santun, Setia, Sabar, Tolak ansur, Akomodatif, Asimilasi, Tidak derhaka dan Tidak menyerang.</li> <li>3. Masyarakat perlu menghormati kerajaan semasa <i>the government of the day</i>. Suara-suara rakyat perlu dikemukakan melalui saluran yang betul dan perlu akur dengan polisi-polisi yang diamalkan oleh pemerintah.</li> <li>4. Tindakan segera yang bersifat uniti (bersatu) perlu diambil oleh semua pihak dalam pelbagai peringkat bagi melaksanakan hasrat ini.</li> <li>5. Melayu kini perlu menghilangkan keangkuhan politik dengan suntikan Islam sebagai teras dalam mendepani isu dan cabaran yang membelenggu masyarakat Melayu pada zaman ini.</li> </ol> <p>Kajian yang perlu diketengahkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sosial – Membendung masalah sosial yang berlaku di dalam negara terutamanya dengan kemasukan pekerja-pekerja asing.</li> </ol>

	2. Kepentingan dalam mempraktikkan Rukun Negara dalam memberi <i>sense of belonging</i> dan semangat cintakan Negara.
<b>Ketuanan Melayu dan Sejarah</b>	
Masalah:	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Orang Melayu dah tak peduli dengan bangsa sendiri.</li> <li>2. Isu-isu Asas Orang Melayu; Persekutuan Tanah Melayu, Tanah Simpanan Melayu (Rizab), Rejimen Askar Melayu, Raja-raja Melayu, Agama Islam, Bahasa Melayu dan Hak Istimewa Orang Melayu. Kesemua aspek ini dikaitkan dengan Wasiat Raja-raja Melayu.</li> <li>3. Isu semasa; usaha menangani masalah berkaitan Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang mengajak masyarakat Melayu; mengingati Semula Sejarah, Berpegang Kepada Wasiat Raja-raja Melayu, Mengingati Dan Berpegang Kepada Tali Allah, Melaksanakan Aspek Pendidikan, Pencegahan dan Penguatkuasaan, Menjalankan Penyelidikan TN50, Membina Korpus Ilmu Dalam Bentuk Dokumentasi dan Melaksanakan Program Perkongsian Pintar (CSR &amp; GLC).</li> <li>4. Isu kesusasteraan Melayu dan bahasa: Persoalan jati diri dari sudut bahasa dan kesusasteraan.</li> </ol> <p>Cabaran; Sikap dan budaya orang Melayu; “kesediaan”. Melayu perlu bersedia untuk berubah.</p>
Cadangan	<p>1. Lihat aspek pensejarahan asal usul Melayu dan rumpun Melayu (<i>Malay Archipelago</i>) Memelihara kesinambungan hak orang Melayu dalam perlembagaan Mencadangkan model Melayu masa depan seperti:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Menerima nilai sejagat. Melayu perlu menerima agama lain, namun tidak menafikan diri, adat dan budaya serta agama.</li> <li>ii. Keperibadian yang luhur. Melayu perlu dihormati disebabkan oleh akhlak yang luhur</li> <li>iii. Berilmu</li> <li>iv. Semangat setiakawan</li> <li>v. Bercirikan keusahawanan</li> <li>vi. Penguasaan bahasa yang baik</li> </ol> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pertahankan Konsep Ketuanan Melayu: Perkara 153</li> <li>2. Kerajaan pusat perlu melindungi hak-hak orang Melayu terutamanya memberikan biasiswa dalam pendidikan orang Melayu.</li> </ol>
<b>Agama dan Adat</b>	
Masalah:	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tidak peka dengan adat istiadat Melayu</li> <li>2. Orang bukan Melayu mencabar kedaulatan</li> <li>3. Masyarakat bukan Islam juga sudah berani mencabar isu agama Melayu</li> <li>4. Agama tidak lagi digunakan untuk alat kecermerlangan</li> <li>5. Hubungan antara Melayu juga terhakis</li> <li>6. Budaya Melayu juga terhakis</li> <li>7. konflik beragama, cthnya wahabi. Melayu tidak perlu berpecah belah</li> </ol>
Cadangan:	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Transformasi Melayu kerana Islam.</li> <li>2. Akal budi Melayu perlu diikat dengan Islam; berkaitan Maqasid Syariah yang melibatkan aspek pemuliharaan; Agama, Nyawa,</li> </ol>

	<p>Maruah dan Keturunan, Akal dan Harta. Ia dikaitkan dengan perpaduan atas dasar agama Islam.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>3. Manakala berkaitan dengan hal-hal agama contohnya perpecahan fahaman, masyarakat perlu mengekalkan perkara-perkara yang baik dengan penerapan aspek-aspek Pendidikan, Penggunaan teknologi, Pencegahan dan Penguatkuasaan.</li> <li>4. Kekalkan mazhab ahli sunnah waljamaah.</li> <li>5. Teknologi tidak datang bersama akhlak. Oleh itu, didik masyarakat untuk menggunakan teknologi dengan betul.</li> <li>6. Pertahankan Konsep Melayu: Islam agama rasmi dan Yang diPertuan Agong sebagai ketua agama Islam</li> <li>7. Menjayakan keberanian politik (<i>political will</i>) dengan suntikan Islam sebagai teras.</li> <li>8. Ilmu asas Pendidikan Islam membentuk pemikiran dan jati diri.</li> </ol>
--	--

## PENUTUP

Kesimpulannya tindakan segera yang bersifat uniti (bersatu) perlu diambil oleh semua pihak dalam pelbagai peringkat bagi melaksanakan hasrat ini. Melayu kini perlu menghilangkan keangkuhan politik sebaliknya menjayakan keberanian politik (*political will*) dengan suntikan Islam sebagai teras dalam mendepani isu dan cabaran yang membelenggu masyarakat Melayu pada zaman ini. Hasil kajian berjadual ini boleh disimpulkan dalam bentuk strategi yang lebih tersusun. Pengkaji mendambakan sokongan dan penglibatan semua dalam merealisasikan pembangunan agenda Melayu.

## PENGHARGAAN

Penghargaan kepada pihak Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMK yang memperuntukkan bajet kepada Kluster Penyelidikan Melayu Kontemporari mengadakan Wacana Kontemporari Melayu 2017 bagi menjayakan penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- Anthony Milner (2016), Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule, cetakan kedua: SIRD
- Mahathir Mohamed, (1982) Dilema Melayu, terjemahan Ibrahim Saad: Federal Publication Sdn. Bhd.
- Nur Azuki, Nasirin dan Suria Baba, “Agenda Kontemporari Melayu; Pemetaan Isu Dan Cadangan” dalam Kolokium Serantau PBI(UMK)-FISIP(UNIB), Pusat Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insaniah 27 September 2017.

## KITAB TIB BETAWI: SOROTAN AWAL TERHADAP PENULISAN DAN PEMIKIRAN ILMU PERUBATAN MELAYU TRADISIONAL

Nik Yusri Musa

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan  
nikyusri@umk.edu.my

Azhar Muhammad.

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan  
azhar.my@umk.edu.my

### ABSTRAK

Manuskrip Melayu dalam pelbagai bidang ilmu adalah warisan Melayu tradisional yang memperlihatkan keintelektualan dan keilmuan bangsa Melayu. Asas penulisan dan pemikiran di kalangan intelektual Melayu silam dalam pelbagai bidang termasuk ilmu perubatan masih banyak yang belum diterokai, sedangkan ia merupakan khazanah ilmu yang bernilai tinggi. Kajian ini bertujuan menyorot bentuk penulisan dan pemikiran ilmu perubatan Melayu tradisional berdasarkan *Kitab Tib* Betawi yang ditulis oleh Haji Zainal Abidin pada tahun 1824 Masihi. Kajian melihat kepada pelbagai disiplin penulisan dan pemikiran penulis dalam kitab tib ini. Kajian melalui metode manuskripsi transliterasi ini menggunakan reka bentuk analisis dokumen. Karya asli ini ditransliterasi dan dianalisis kandungannya bagi menghasilkan dapatan yang disasarkan dalam kajian. Dapatan kajian mendapati bahawa penulisan kitab tib ini dilakukan dengan menggunakan gaya bahasa Melayu yang banyak terkesan dengan pengaruh Arab. Begitu juga dengan pemikiran ilmu perubatan yang banyak terpengaruh dengan unsur-unsur agama Islam yang terkadang digabungkan dengan kepercayaan Melayu lama. Pengamalan ilmu perubatan dan cara perawatannya banyak menekankan penggunaan ayat-ayat al-Quran, selawat, hadis Nabi Muhammad SAW, periwayatan dari sumber lain, dan amalan bacaan doa sama ada secara *ma'thur* atau tidak. Hanya beberapa contoh sahaja diketengahkan bagi memberi penjelasan terhadap dapatan yang ditemui dalam kitab tib ini.

**Kata kunci:** Kitab Tib, penulisan, pemikiran, pengaruh, periwayatan.

### PENDAHULUAN

Manuskrip Melayu dalam pelbagai bidang penulisan adalah warisan Melayu tradisional yang memperlihatkan himpunan keintelektualan, pemikiran dan keilmuan bangsa Melayu. Kekayaan khazanah yang terdapat di dalam manuskrip ini masih banyak yang belum diterokai untuk mengeluarkan kandungan asas penulisan dan pemikiran dalam kalangan keintelektualan Melayu dalam pelbagai bidang. Antara bidang dan khazanah yang tersimpan dalam manuskrip Melayu ini ialah ilmu perubatan atau lebih dikenali dengan nama “Kitab Tib”. Perubatan merupakan satu bidang ilmu yang penting dalam kebanyakan masyarakat termasuk masyarakat Melayu. Aktiviti, penggunaan, pembelajaran dan pengamalan perubatan telah wujud dan berkembang subur dalam kehidupan masyarakat sejak zaman berzaman. Aktiviti ini termasuk pengubatan dan rawatan penyakit, pembuatan ubat, penyediaan bahan, pemerolehan ilmu dari pelbagai sumber hingga kepada penanaman tumbuh-tumbuhan untuk kegunaan perubatan. Dalam masyarakat Melayu tidak terdapat maklumat yang tepat, baik

dari sumber lisan apatah lagi dari sumber sejarah, sejak bila tradisi pengubatan ini bermula (Harun Mat Piah, 2006).

## **METODOLOGI DAN SOROTAN LITERATUR**

Asas-asas penulisan dan pemikiran dalam kalangan intelektual Melayu dalam pelbagai bidang termasuk ilmu perubatan masih banyak yang boleh diselidiki. Justeru usaha ke arah mentransliterasi, menganalisis dan mempersembahkannya dalam situasi semasa amat diperlukan memandangkan kepada nilai yang begitu besar dalam karya-karya mereka.

Makalah ini akan memfokuskan kepada manuskrip ilmu perubatan Melayu tradisional iaitu Kitab Tib Betawi. Manuskrip ini adalah salah satu manuskrip ilmu perubatan Melayu yang dibukukan di Betawi, Indonesia pada tahun 1824M oleh Haji Zainal Abidin. Manuskrip yang berusia hampir 200 tahun ini perlu dianalisis bagi melihat bentuk penulisan dan pemikiran ilmu perubatan yang diperbahaskan di dalam kandungannya. Justeru makalah ini bertujuan menyorot bentuk penulisan dan pemikiran ilmu perubatan Melayu tradisional berdasarkan kitab tib ini. Kajian melihat kepada pelbagai disiplin analisis penulisan yang digunakan oleh penulis termasuk gaya bahasa, penggunaan istilah dan sebagainya; begitu juga dengan pemikiran ilmu perubatan dari aspek bentuk rawatan, sumber dan bahan rawatan yang digunakan. Kajian ini menggunakan reka bentuk analisis dokumen yang menjadikan teks manuskrip Kitab Tib Betawi sebagai bahan utama kajian. Karya asli ini ditransliterasi dan dianalisis kandungannya bagi menghasilkan dapatan yang disasarkan dalam kajian.

Kajian yang memperkatakan mengenai ilmu perubatan tradisional dalam pelbagai bangsa sama ada di peringkat tempatan dan antarabangsa telah banyak diterokai oleh para sejarawan. Meskipun begitu, kajian sorotan yang memperincikan mengenai perubatan Melayu tradisional yang diaplikasikan melalui manuskrip-manuskrip nukilan para ulama dan pakar perubatan di Tanah Melayu masih belum banyak dirintis.

Kajian yang dijalankan terhadap manuskrip-manuskrip ilmu perubatan Melayu tradisional ini sebenarnya akan membuktikan ketokohan intelektual dan ilmuwan Melayu dalam bidang perubatan, perawatan, dan penggunaan bahan-bahan rawatan seperti herba dan sebagainya. Menurut Harun Mat Piah (2006), di Perpustakaan Negara Malaysia sahaja terdapat sekitar empat puluh manuskrip yang tergolong atau berhubungan dalam bidang kajian perubatan ini. Sebuah manuskrip terdiri daripada sekitar 100 halaman hingga 500 halaman. Jumlah ini tidak termasuk naskhah-naskhah dalam koleksi lain-lain institusi dunia seperti di Dewan Bahasa dan Pustaka; Pusat Islam; Universiti Malaya; dan di luar negara seperti di Leiden, Brussel, Paris dan London. Sebagai contohnya, kajian yang dilakukan oleh Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Nurul Wahidah Fauzi (2012) terhadap Kitab Tib Pontianak; memperlihatkan bahawa kebanyakan manuskrip Melayu ditulis dalam bentuk bunga rampai pengetahuan. Dalam teks yang kaya dengan isi itu boleh didapati panduan, nasihat, hiburan, pendidikan, sejarah, politik, hubungan antarabangsa, perubatan, sains, teknologi dan banyak lagi maklumat dan ilmu. Ini termasuklah pengamalan perubatan Melayu tradisional.

Kajian mengenai Kitab Tib ini masih perlu dilakukan oleh penyelidik-penyelidik kerana kepelbagaian yang terdapat pada kitab tersebut seperti Kitab Tib Patani, Kitab Pawang, Kitab Tib Pontianak, dan lain-lain. Ini bagi menjamin kesinambungan ilmu perubatan tradisional Melayu tidak pupus dan hilang begitu sahaja sedangkan khazanahnya amat bernilai. Melihat ilmu perubatan tradisional Melayu sebagai satu khazanah yang bernilai dan perlu disebar luaskan kepada masyarakat Melayu masa kini, maka kajian seperti ini amat penting bagi melihat bentuk penulisan dan pemikiran ilmu perubatan Melayu tradisional yang dihasilkan oleh para intelektual Melayu. Kajian juga membongkarkan khazanah perubatan Melayu melalui kaedah-kaedah rawatan dan jenis-jenis herba tempatan yang digunakan



dalam rawatan. Kajian ini hanya akan menumpukan sorotan dan analisis terhadap penulisan dan pemikiran yang terdapat di dalam manuskrip Kitab Tib Betawi.

## KITAB TIB BETAWI

Manuskrip Kitab Tib Betawi adalah antara manuskrip awal bertulisan tangan yang memuatkan khazanah ilmu perubatan masyarakat Melayu tradisional. Ia mengandungi 504 halaman dan ditulis tanpa tajuk dan sub tajuk, tiada bab atau pembahagian bab. Ia juga didapati tidak mengandungi tanda baca seperti noktah, koma, pengikat kata dan sebagainya. Tidak dapat diketahui di mana permulaan dan penamat bab kepada suatu tajuk yang dibicarakan. Selain itu, kitab ini ditulis dengan menggunakan jenis khat mirip kepada beberapa jenis khat Arab seperti Nasakh, Thuluth, dan Ta'liq. Manakala banyak penggunaan gaya bahasa Melayu di dalam kitab ini dipengaruhi oleh frasa-frasa tertentu. Isi kandungannya mencatatkan kaedah-kaedah perubatan Melayu khususnya di Betawi pada zaman tersebut yang berkait rapat dengan kepercayaan-kepercayaan tertentu di samping latar belakang agama Islam yang menjadi anutan masyarakat.

Sorotan mendapati penulisan kitab tib ini banyak menerima pengaruh dari bahasa Arab, Islam serta periwayatan yang tidak jelas sumbernya yang disandarkan kepada kepercayaan Islam. Penggunaan ayat-ayat al-Quran serta hadis di dalam kitab tib ini dapat dikesan dengan banyak sekali, namun kedapatan banyak kesilapan teknikal yang berlaku dalam penulisan ayat dan hadis tersebut. Ayat-ayat al-Quran dan hadis yang digunakan dalam kitab ini didapati berlaku kesalahan ejaan yang ketara dan memerlukan kepada pentashihan. Begitu juga dengan hadis atau penceritaan bersandarkan kepada agama Islam yang melibatkan Nabi Muhammad SAW atau Nabi-Nabi lain. Semua ini memerlukan kepada tahqiq atau pengesahan sumber dan status hadis yang digunakan.

Selain itu, banyak istilah dan nama herba serta jenis pohon yang dipanggil dengan sebutan di Semenanjung Tanah Melayu berbeza dengan yang dikenali di Betawi. Merujuk kepada penggunaan istilah sebagaimana yang telah dinyatakan; kitab tib ini ditulis dengan menggunakan gaya dialek Melayu Indonesia lama. Merujuk beberapa perkataan seperti ayam ditulis dengan “hayam” هائم (rujuk halaman 24), resdung ditulis dengan “restung” (rujuk halaman 3). Kitab ini juga menggabungkan elemen gaya bahasa Melayu Indonesia/Betawi dan juga gaya bahasa Arab. Contoh pada halaman 1 penulis menulis maksud “kebergantungan” dengan kalimah “*ta'aluq*”. Ada juga penyakit yang diberi nama dengan kata nama bahasa Arab seperti “*illat*” bermaksud membawa kecelakaan bagi bahasa Indonesia atau kecacatan dalam bahasa Melayu Semenanjung. Bahkan, penulis banyak menggunakan teks-teks doa berdasarkan nas al-Quran dan juga hadis seperti contoh pada halaman 4; teks menggunakan doa dalam bahasa Arab. Terdapat penggunaan sendi bahasa Arab seperti “*aw*” أو digunakan secara berleluasa untuk menerangkan persamaan antara dua perkara.

Manakala penggunaan istilah yang agak asing, tidak biasa didengari juga banyak ditemui kerana penulis ada kalanya menggunakan loghat bahasa Melayu Betawi. Terdapat juga satu perkataan yang tidak konsisten dalam ejaan; bahkan ada yang tidak sama walaupun dalam satu halaman atau halaman berikutnya. Contohnya perkataan “*helai*” dieja dengan “*halai*”; “*kerana*” juga dieja dengan “*karena*”; “*sireh*” adakalanya juga dieja dengan “*siri*”; dan lain-lain lagi.

Penulis didapati pada setiap mengutarakan kaedah rawatan dan apa-apa yang disebut akan disusuli pada akhir perbincangan dengan frasa ayat dalam bahasa Arab iaitu “*wallahu a'lam*” membawa erti Allah Yang Maha Tahu; menunjukkan bahawa penulis bersifat tawadhuk dengan ilmunya. Ini antara beberapa contoh yang terdapat dalam halaman-halaman awal yang memperlihatkan bentuk penulisan ilmu perubatan dalam kitab tib ini.

### Pemikiran Dalam Kitab Tib

Dalam aspek pemikiran pula, penulis dilihat amat terkesan dengan Islam dalam penulisan dan pemikiran. Situasi sebegini sebenarnya menggambarkan pemikiran masyarakat nusantara suatu masa dahulu. Berasaskan kefahaman Islam secara umum yang didengari melalui cerita-cerita yang tiada rujukan asas lantas mengabadikannya dalam bentuk penulisan. Pada halaman yang pertama lagi, penulis memulakan karyanya berpandukan periwayatan yang jarang didengari iaitu kisah perbualan antara Allah, Nabi Muhammad, Nabi Sulaiman, Jibril, dan jin yang dikenali dengan Sarhabat. Periwayatan ini setelah ditahqiq dan dirujuk kepada al-Sahihah mana-mana hadith (himpunan hadith-hadith sahih), tidak dijumpai mana-mana kisah berkaitan *Sarhaabat* iaitu Jin yang menyebabkan penyakit angin ahmar. Bahkan berlaku perkara *maudhu'* (yang direka) dalam riwayat kisah tersebut apabila diceritakan bahawa Raja Sulaiman (Nabi Sulaiman) berjumpa Rasul Allah Muhammad ﷺ untuk meminta rawatan. Periwayatan tersebut dimulakan seperti berikut:

*“Faqaala ‘Abd al-Dha’if Rihih al-Ahmar segala peristiwa ada seorang Raja Sulaiman ada anaknya dua orang laki-laki, maka suatu hari anakanda baginda itu pergi bermain-main kepada suatu taman maka peninggal raja itu anakanda baginda itu sakit sangat maka datang orang memberi tahu Raja Sulaiman, maka baginda pun segera pulang maka dilihat hal anaknya demikian dimasuki **Sarhabat**, maka baginda segera pergi mendapatkan Rasul Allah ia bertanya ujarinya; Ya Nabi Allah betapa hal anak hamba sakit terlalu sangat seperti orang gila lakunya khairan segala hamba melihat bala maha besar itu, maka sabdanya Rasul Allah Sallallah ‘alaih kepada segala sahabat hai sahabatku sekalian adaku dengar kata Jibril ada penghulu segala penyakit itu **Sarhabat** namanya, maka Nabi Allah pun hendak minta doa kepada Allah Ta’ala **Sarhabat** itu ta’aluq kepada Nabi Allah maka dengan seketika itu juga Jibril pun datang kepada Nabi maka ujar Jibril ‘alaih al-Salam ya Nabi Allah sabarlah dahulu tuan hamba minta doa kepada Allah Ta’ala tiada ia dapat dita’aluq kan melainkan Allah Ta’ala mengira ia dia bermula jika sekadar tuan hamba hendak bertemu **Sarhabat** itu minta doalah tuan hamba maka Nabi pun minta doalah maka firman Allah “Hai **Sarhabat** angin merah pergilah engkau kepada kekasihku Muhammad Amin Allah ia hendak bertemu dengan engkau, hatta maka sarhabat pun turunlah mendengar firman Allah itu kepada Nabi Allah rupanya seperti suatu selimut yang amat ajaib berbagai-bagai warna berasal hebat dengan besarnya dan beryala-nyala seperti api yang besar-besar nyalanya dan bunyinya pun terlalu gempita datang ia dihadapan Rasul Allah Sallallah ‘alaih wa sallam serta ia memberi salam maka ujar Jibril ya Rasul Allah inilah yang bernama **Sarhabat** penghulu segala penyakit maka sabda Nabi Allah bertanya mana antara ertinya siapa engkau ini maka menyahut ia bahkan ya Nabi Allah hambalah yang bernama **rihh al-Ahmar** dan **Sarhabat** angin merah bahwa sesungguhnya hambalah yang memberi penyakit kepada anak cucu Adam ‘alaih al-Salam”.*

Perawatan melalui penulisan kitab tib ini juga menyebutkan suatu elemen pengubatan menggunakan tangkal sedangkan perkara tersebut adalah dilarang dalam Islam. Manakala, setelah dirujuk berkaitan teks doa perawatan, telah dijumpai di dalam website pro-Syiah yang banyak mengajarkan kepada doa ini bertujuan mendapatkan perlindungan. Doanya seperti berikut:

Bermula شة بان شة غالب شة باهشة هشة غالب شة باهشة شة غالب شة باشة شة غالب شة بائجة شة غالب شة با جهاري جهاريغالب شة باشة طالب غالب مطلوب شة با دو دو غالب شة غالي جهاريانه بانه غالب جهاريباشة جهار هشة جهار .....

Begitu juga berlaku kisah yang berlawanan dari segi adat dan logik iaitu pertemuan antara Imam al-Syafi'e dengan Rasul ﷺ sedangkan jarak kewafatan baginda dengan kelahiran Imam Syafi'e begitu jauh (rujuk halaman 6 teks):

*Fasal ini ubat segala penyakit maka ada suatu hari Imam Syafi'e Radhi Allah 'anh bertemu dengan Rasul Allah ﷺ maka katanya ya Rasul Allah; Ajarkan hamba suatu ubat supaya sembuh penyakit hamba ini maka sabda Rasul Allah ﷺ'alaih wa sallam surah olehmu enam ayat daripada ayat Qur'an pada bacaan maka basuh minum airnya, nescaya disembuhkan Allah anggotamu daripada sakit itu ....*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ... بِسْمِ اللَّهِ خَيْرَ الْأَسْمَاءِ بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ بِسْمِ اللَّهِ الشَّافِي بِسْمِ اللَّهِ .... فِي بَسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَيَنْصُرُكُمْ عَلَيْكُمْ وَيَشْفِي صُدُورَ قَوْمٍ مُؤْمِنِينَ يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشَاءَ لِمَا فِي الصُّدُورِ وَيُخْرِجُ مِنْ بَطُونِهَا شَرَابٌ مُخْتَلَفٌ أَلْوَانُهُ فِيهِ شِفَاءٌ لِلنَّاسِ وَنَنْزَلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينُ قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ آمَنُوا هُدًى وَشِفَاءٌ اللَّهُمَّ أَشْفِ وَأَنْتَ الشَّافِي اللَّهُمَّ أَكْرَمُ وَأَنْتَ الْكَافِي اللَّهُمَّ عَافِ وَأَنْتَ الْعَافِي بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

Doa ini mempunyai campuran kata biasa berdoa dengan ayat al-Quran yang digabungkan seperti Yunus:57, al-Nahl:69, al-Isra':82 , dan al-Syu'ara:80.

Walau bagaimana pun, terdapat juga rawatan yang menggunakan kaedah yang menimbulkan kontroversi dari aspek pengamalannya dalam Islam seperti kaedah tolak bala, jampi mentera, tangkal azimat, penujuman, penilikan, dan lain-lain. Contohnya penolakan bala, penyembuhan penyakit bersama jampi mentera dapat dikesan melalui halaman 10 dan 11, manakala halaman 24 berkaitan penyembelihan ayam hitam sebagai merawat pesakit. Manakala perubatan awal banyak menggunakan konsep tilikan seperti membuang ejaan nama dengan nama hari, sekiranya tinggal jumlah tersebut begitu atau begini maka akan terjawablah tilikan (halaman 10,11,12,13,14, dan 15):

*..... ambil nama orang yang sakit itu dan nama hari ia bertanya di dalamnya dengan kira-kira angka abjat maka buang empat jika tinggal esa sakitnya panas jika tinggal dua sakitnya sejuk jika tinggal tiga sakitnya itu daripada al-jin dan al-syaitan jika tinggal empat sakitnya daripada manusia wa Allah 'allam. BAB jika bertanya akan pencuri laki2 atau perempuan maka ambil nama orang yang bertanya dan hari ia bertanya itu maka buang dua2 jika tinggal esa laki2 jika tinggal dua perempuan Wa Allah 'allam*

Ada satu kaedah perawatan menggunakan pulut hitam atau ayam hitam. Jika tidak disedekahkan dalam tempoh tertentu maka tidak mujarab sakitnya. Penggunaan dian, kemenyan, beras kunyit untuk menghalau jin dan syaitan. Penggunaan sarang burung dan bacaan jampi serapah sebagai penghalau jin dan syaitan. Penggunaan telur ayam hitam dan dituliskan azimat pada telur (halaman 22) merupakan cara merawat sakit gila. Manakala penggunaan azimat sebagai pendinding juga dicatatkan penulis pada halaman 23 seperti berikut:

Fasal ini disurat pada telur hayam yang baharu maka alikan pada orang sakit itu inilah angkanya

24	45	24	48	154
..6	84	76	..2	12
65	44	..	86	155
..5	44	94	94	26
85	68	88	8	36

Ada ditemui rawatan yang menggunakan jampi mantera dengan menggunakan seruan jin-jin beserta dengan bacaan yang tidak dapat dijelaskan maksudnya. Tulisannya juga tidak dapat dipastikan; ada campuran antara Arab dan Melayu; dinyatakan halaman 27:

علينا قونا الى سمهم براهشا ملكوتا اصابوتا شله ائ شمخلوش هو مالك الملك لقد كنت في  
غفلة من هذا فكشفنا غلك غطاء ك فبصرى اليوم حديد اجب ياكشف يائك وأمر لعساكر ان  
يرفع الحجاب بينه وبين ناظوري هذا حي يره بعينه ومخاطبه

Manakala bahan atau herba yang digunakan untuk rawatan banyak berkisar tumbuhan nusantara seperti kunyit, bawang, jintan putih, sireh, kulit kacang, ketumbar, dan sebagainya. Ada penyakit yang dikemukakan pelbagai alternatif untuk rawatan seperti demam kepialu. Antara yang disebut dalam rawatan demam kepialu, terdapat beberapa bahan dan herba yang digunakan bergantung kepada keadaan demam tersebut, contohnya:

BAB ini ubat demam kepialu dan jika orang itu demam malam tiada kembah dan berpeluh demam itu tiada berhenti maka penyakit itu pohonnya angin namanya maka ambil temu melayu tujuh hiris dan gagang sireh secupak dan ketumbar tujuh biji dan timah putih dikikir barang sedikit dan kerupis tikar buruk barang sedikit maka pipis bubuh pada tempurung maka hancurkan dengan air daun penganga maka bedakkan seluruh tubuhnya nescaya afiat.

Ini antara beberapa contoh yang terdapat dalam halaman-halaman awal penulisan. Banyak lagi contoh yang boleh dilihat dari aspek kaedah perawatan yang memperlihatkan bentuk pemikiran ilmu perubatan dalam kitab tib ini.

## RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Kitab Tib Betawi memperlihatkan khazanah ilmu perubatan Melayu tradisional yang jelas mempunyai pengaruh mendalam dalam peradaban Arab-Islam yang digabungkan dengan amalan perubatan Melayu lama. Maka tidak hairan ia masih dibayangi dengan anasir-anasir yang kurang tepat dengan penghayatan agama Islam yang sebenar. Sorotan awal ini hanya memperlihatkan asas-asas penulisan dan pemikiran dalam ilmu perubatan Melayu secara umum dan perlu disusuli dengan secara khusus dari aspek kaedah rawatan dan penggunaan bahan-bahan dalam perawatan sesuatu penyakit.

## RUJUKAN

- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (1980), JAKIM.  
Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Nurul Wahidah Binti Fauzi (2012), Perubatan Melayu Tradisional: Kitab Tib Pontianak, dlm. *Jurnal Al-Tamaddun Bil.* 7(1) 2012, 149-162  
Harun Mat Piah (2006), *Kitab Tib Ilmu Perubatan Melayu*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.  
Kamus Indonesia (2007), Edisi Ketiga, Jakarta: Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Indonesia.  
Hakim 'Abdullah, (2017) *Khazinat al-Insan Kitab Perubatan Melayu*, Akademi Jawi Malaysia.

## **KRISIS KERAJAAN BN KELANTAN (1974): POLEMIK PERSOALAN PAS KELUAR DARIPADA BN ATAU DISINGKIRKAN**

Che Hassan Che Yusoff  
Nur Azuki Yusuff  
nurazuki@umk.edu.my

### **ABSTRAK**

Kronologi politik pentadbiran di Kelantan adalah berliku. Kertas ini berusaha merakamkan kembali persoalan di sebalik krisis politik BN sepanjang tahun 1974 hingga 1978 berkaitan adakah PAS disingkirkan atau keluar secara pilihan sendiri dari BN? Melalui data dokumentasi dan wawancara eksklusif yang diselitkan dengan perjalanan cerita krisis, dapatlah dinyatakan polemik ini melibatkan percaturan kesemua pihak. BN di bawah kepimpinan tertinggi menggunakan kebijaksanaan mengatur watak-watak penting dalam politik Kelantan sehingga PAS berasa tertekan dan melakukan beberapa tindakan yang akhirnya dengan kuasa perundangan ianya disisihkan dan menyisihkan diri. Rakaman sejarah ini boleh menjadi tauladan dan sempadan kepada formula permuafakatan politik kini.

**Kata kunci:** Krisis politik, BN Kelantan, Penyingkiran

### **PENDAHULUAN**

Sejarah krisis politik pentadbiran era Barisan Nasional di Kelantan yang dibina dalam jangka masa hanya empat tahun telah memberi kesan besar sehingga PAS tidak lagi anggota parti dalam Barisan Nasional. Krisis adalah berkaitan penentangan PAS berkaitan pelantikan Menteri Besar sehinggalah pemecatan Dato' Mohamed Nasir sebagai ahli PAS. Krisis ini semakin melebar sehingga pentadbiran negeri Kelantan diisytiharkan darurat dan pemerintahan secara MAGERAN mengambil-alih bagi menenangkan krisis politik yang kian teruk.

### **PERSOALAN DAN KEPENTINGAN KAJIAN**

Isu yang ingin dibincangkan dalam kertas ini ialah persoalan berdasarkan sejarah; adakah PAS keluar dari BN, ataupun ia disingkirkan dari BN oleh kepimpinan BN pada masa tersebut. Dalam maksud melihat fakta pemisahan PAS dari Barisan Nasional. Perkara ini penting dijawab semula apabila mengambilkira kepentingan tauladan dan sempadan yang boleh diambil oleh semua kepimpinan berkaitan pemetaan sejarah lalu. Biasa disebutkan bahawa 'sejarah boleh mengajar kita erti kehidupan'. Pernyataan tersebutlah yang cuba dimurnikan oleh penulis dan kertas ini.

### **KAEDAH PENGUMPULAN DATA DAN ANALISIS DATA**

Penulis menggunakan kaedah dokumentasi data sejarah bersumber sekunder bagi latar sejarah. Namun apabila merujuk kepada objektif, data wawancara dikumpulkan dari beberapa informan berautoriti. Analisa dilakukan secara diskriptif dengan dipandukan oleh beberapa jadual bagi menampakkan kejelasan data kajian.

### **Latar Sejarah Krisis BN Kelantan (1974)**

Ekoran pengisytiharan darurat oleh Yang di-Pertuan Agong dengan penguatkuasaan Rang Undang-Undang Darurat (Kelantan) 1977 yang mendapat kelulusan persidangan Dewan

Rakyat pada 8 November 1977, berlaku kesan buruk terhadap kedudukan PAS dalam Barisan Nasional. Hal ini terjadi meskipun Dato' Mohd Asri menegaskan bahawa situasi keselamatan di Kelantan terkawal dan tidak memerlukan darurat. Penentangan yang dilakukannya adalah rusuhan yang tidak melibatkan kemalangan jiwa rakyat. Kekecohan politik hanya berlaku di jajahan Pasir Mas dan Pasir Puteh yang berdekatan Kota Bharu, pusat pentadbiran negeri. Dikatakannya tidak sampai 50% dilakukan oleh anak-anak tempatan, selebihnya dilakukan oleh *professional demonstrator* yang diimport dari Kuala Lumpur dan juga *trouble maker* yang diimport daripada Selatan Thai. Salah seorang penyokong kuat semasa Dato' Mohamed Nasir menerima undi tidak percaya di DUN Kelantan pada 15 Oktober 1977 memberitahu;

"...Walaupun Dato' Mohd Asri menegaskan bahawa krisis ini adalah masalah rumahtangga PAS sendiri, namun pada pandangan orang ramai ianya juga turut melibatkan Barisan Nasional dan beliau menegaskan; sebenarnya krisis ini adalah kerana kemelut dalam PAS sendiri pada mulanya, cuma UMNO mengambil kesempatan di atas krisis ini ; yakni menanggung di air keruh supaya krisis ini nampak semakin parah dan peluang UMNO untuk merampas Kelantan menjadi lebih mudah..."

Hal ini turut disokong oleh bekas seorang Gerakan Pemuda Tahan Lasak UMNO, iaitu Tuan Haji Abdul Razak bin Abas dan beliau menyatakan bahawa;

"...Krisis antara Dato' Mohd Asri dengan Dato' Mohamed Nasir selaku Menteri Besar berpunca daripada permohonan Dato' Mohd Asri yang mahukan kawasan balak tanpa ditender daripada Menteri Besar, tetapi tidak dilayan oleh Dato' Mohamed Nasir dan mengarahkan beliau supaya memasuki tender seperti orang lain bagi menjaga ketelusan dalam pentadbirannya tanpa mengira kedudukan dan pangkat. Dato' Mohamed Nasir adalah ikon rakyat Kelantan pada masa itu atas kejujuran dan ketelusan beliau..."

PAS terus membantah dan tidak menerima keputusan Parlimen meluluskan Undang-Undang Kuasa Darurat Kelantan 1977, ekoran daripada itu Jawatankuasa PAS Pusat yang dipengerusikan oleh Dato' Mohd Asri sebulat suara telah mengarahkan Datuk Nik Abdul Rahman Nik Mohamad, Speaker Dewan Undangan Negeri, Wan Ismail Wan Ibrahim, Timbalan Menteri Besar, dan barisan Exconya seperti Ishak Lotfi, Salahuddin Abdullah, Abdullah Ahmad, Muhammad Noor Yusof dan Abdul Hamid Salleh supaya melepaskan jawatan masing-masing bermula 19 November 1977. Sebelum itu, Jawatankuasa PAS Pusat melarang mana-mana ADUN PAS menerima sebarang pelantikan terhadap segala apa-apa jawatan di bawah Pengarah Kerajaan Negeri Kelantan dan tidak terkecuali bahawa larangan itu juga meliputi semua ahli PAS dalam Majlis Penasihat, Pengarah Kerajaan Negeri Kelantan. Sekiranya ada mana-mana pemimpin dan ahli didapati didapati melanggar keputusan ini, dengan sendirinya tersingkir daripada menjadi ahli PAS. Ingatan seperti ini diberikan lebih awal kerana dikhuatiri pemimpin serta ahli-ahli PAS akan berubah arah dengan memberi sokongan kepada Pengarah Kerajaan Negeri yang dilantik oleh Perdana Menteri dan semestinya pengaruh PAS akan terhakis serta akan menghadapi kesukaran untuk kembali memerintah pada masa hadapan. Namun demikian Barisan Nasional mempunyai peraturan yang mesti dipatuhi oleh kesemua parti komponen agar tidak bertentangan dengan peraturan yang telah dipersetujui serta tidak akan terlepas daripada tindakan yang setimpal.

Pihak Barisan Nasional telah menyusun langkah-langkah perlu untuk menyelesaikan polemik. Mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional diadakan pada 5 Disember 1977 telah mengarahkan PAS memecat ahli-ahli Parlimennya yang telah mengundi menentang Rang Undang-Undang Darurat kerana penentangan tersebut melanggar Fasal 14 Perlembagaan Barisan Nasional. Dalam mesyuarat tersebut PAS tidak diberi sebarang kesempatan untuk menyatakan pendirian mengenai Rang Undang-Undang Darurat (Kelantan) 1977. Pada 7

Disember 1977, satu arahan rasmi daripada pihak Barisan Nasional tidak diendahkan oleh pihak PAS, malah telah menegaskan bahawa tidak akan memecat Ahli-Ahli Parlimennya dan rela menerima sebarang tindakan yang bakal dikenakan oleh kepimpinan tertinggi Barisan Nasional nanti. Setelah kedua-dua pihak nampaknya saling mempertahankan pandangan dan pendirian masing-masing, ketegasan telah diambil oleh pihak Barisan Nasional dalam mencari satu kata putus yang dapat menjamin keutuhan Barisan Nasional pada masa depan. Sebelum itu yakni pada hari Khamis 13 Oktober 1977, satu formula bagi menyelesaikan pergolakan politik telah mula dibuat di dalam pertemuan dari hati ke hati antara Datuk Hussein Onn dengan Dato' Mohd Asri di Sri Taman. Namun cadangan serta formula penyelesaian tidak dapat persetujuan kedua-dua pihak yang terlibat bagi membolehkan penyelesaian dibuat.

Akibat dari kegagalan formula pertama, maka pada 25 Oktober 1977 satu lagi formula dikemukakan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada pihak PAS. Pertemuan itu diadakan di rumah Ketua Polis Negeri Kelantan merangkap Ketua Polis Cawangan Khas, Encik Mohd. Yasin bin Jaafar di Jalan Raja Dewa, Kota Bharu. Antara lain formula tersebut ialah;

- 1) Kerajaan yang dipimpin oleh Dato' Mohamed Nasir pada waktu itu hendaklah meletakkan jawatan masing-masing.
- 2) Sebuah kerajaan baharu ditubuhkan terdiri dari muka-muka baru baik dari PAS mahupun UMNO. Enam orang ADUN dari PAS hendaklah dilantik sebagai ahli-ahli Exco baru tidak termasuk Datuk Nik Abdul Rahman bin Nik Mat (Speaker) dan Datuk Ishak Lotfi bin Omar. Tiga orang dari UMNO juga bukan dari ahli-ahli Exco.
- 3) Melihat kepada keadaan keselamatan yang serius, maka seorang Pegawai Tadbir Kanan MCS akan dilantik di bawah kuasa darurat yang akan diluluskan oleh Parlimen. Pegawai kanan ini akan bertanggungjawab kepada Perdana Menteri dan;
- 4) Pembubaran Dewan atau penggulingan kerajaan tidak akan dilakukan.

Dalam jawapannya, PAS bersetuju dengan butir-butir (1) dan (4) tetapi keberatan untuk menerima syarat (2) dan (3). Syarat (3) pada pandangan PAS akan menodai sistem demokrasi berparlimen dan oleh itu ianya tidak wajar dan sesuai untuk dilaksanakan di Kelantan. Dalam kebuntuan dalam mencari kata sepakat yang jitu, pihak PAS telah menimbulkan satu perkara lagi yang berkaitan Jawatankuasa Keselamatan Negeri yang dianggap tidak memenuhi fungsi yang sepatutnya. Oleh hal yang demikian, timbul pula cadangan PAS bagi memperkemas kedudukan Jawatankuasa Negeri supaya boleh berfungsi dengan lebih baik dalam menjaga keselamatan. Hal ini perlukan kepada penyusunan semula bagi memperkemas aspek-aspek keselamatan agar ianya terjamin. Hal ini disokong dengan beberapa kenyataan yang dipetik berikut;

"...Asri wants UMNO to agree that Kelantan's Security Committee should be reconstituted and placed under control of a civil servant acceptable to both sides..."

PAS mencadangkan agar ahli-ahli Jawatankuasa Keselamatan Negeri Kelantan hendaklah terdiri daripada Ketua Polis Kelantan, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Pegawai Pemerintah Askar di Kelantan dan Pengarah Penerangan Negeri bagi melaksanakan tugas-tugas keselamatan di dalam negeri ini. Pada 27 Oktober 1977, pihak PAS menubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi menyelesaikan pergolakan itu dan adalah diura-urakan akan menubuhkan sebuah kerajaan baharu, tetapi pihak UMNO terutama Tengku Razaleigh Hamzah kurang berminat dengan perkara tersebut. Malahan beliau berpandangan adalah lebih penting rakyat diutamakan berbanding dengan penubuhan kerajaan baharu itu. Dalam pada itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamad membayangkan kemungkinan satu bentuk pentadbiran darurat akan diwujudkan di Kelantan. Sehingga tarikh 31 Oktober 1977, PAS menolak cadangan Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dengan

mengemukakan cadangan balasnya, namun tidak mendapat persetujuan daripada kerajaan pusat. Langkah-langkah dan pelbagai cadangan yang dibuat oleh kedua-dua pihak tidak mendapat persetujuan yang konkrit. Bagi mengatasi masalah ini, maka pada 1 November 1977, PAS yang diketuai oleh Dato' Mohd Asri telah mengatur perjumpaan dengan Datuk Hussein Onn. Pertemuan itu menatijahkan sesuatu yang baharu yang mana Perdana Menteri telah memberikan tempoh selama lima hari bagi PAS memberi jawapannya sehingga 6 November 1977.

Belum sempat PAS memberi sebarang jawapan kepada pihak Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn telahpun mengumumkan satu Rang Undang-Undang di Parlimen untuk mewujudkan pemerintahan darurat di Kelantan. Hal ini dilakukan kerana atas alasan keselamatan rakyat yang dianggap sebagai sesuatu yang sangat penting dan perlu diutamakan. Sebagai langkah mengawal politik Kelantan ketika itu, Yang Dipertuan Agong atas nasihat kabinet Persekutuan telah membuat pengisytiharan Rang Undang-Undang Kuasa-Kuasa Darurat (Kelantan) dibentangkan di Parlimen oleh Datuk Hussein Onn pada 7 November 1977. Parlimen tetap meluluskannya walaupun tanpa persetujuan daripada pihak PAS dan DAP, manakala seramai 118 orang ahli Parlimen termasuk Haji Hassan Adli dari PAS menyokong Rang Undang-Undang tersebut. Antaranya;

"...Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang yang bertajuk "Suatu Akta di Bawah Fasal-Fasal 41 (5) dan (6) perkara 150 Perlembagaan Persekutuan mengenai semua perkara yang sekarang ini ada di dalam kuasa pemerintah Negeri Kelantan, dengan dikecuali DUN Kelantan kuasa perundangan negeri Kelantan mengenai semua perkara yang sekarang ini ada di dalam kuasa perundangan Negeri Kelantan dibacakan kali yang kedua sekarang..."

Perdana Menteri Datuk Hussein Onn seterusnya menyatakan bahawa beliau tidak sekali-kali berniat untuk mengatakan tindakan itu wajar ataupun tidak, betul atau salah. Apa yang hendak ditekankan ialah akibatnya iaitu berbangkitnya suatu keadaan yang mengancam keselamatan negeri itu (*etat de siege*), hal ini tidak dapat tidak Kerajaan Pusat terpaksa campurtangan bagi menjamin keamanan di Kelantan. Lantaran itu, Datuk Hussein Onn mengarahkan agar anggota polis ditambah. Dalam soal pembubaran Dewan Undangan Negeri sememangnya adalah atas budi bicara Pemangku Sultan yakni DYMM Tengku Ismail Petra Ibn Sultan Yahya Petra dengan nasihat Menteri Besar menurut Perlembagaan Negeri Kelantan, tetapi pada ketika itu Pemangku Sultan belum lagi membuat apa-apa keputusan mungkin kerana bimbang bahawa apa-apa keputusan yang dibuatnya akan menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan satu golongan rakyat dengan golongan lain. Hal ini kebijaksanaan dan keadilan Pemangku Sultan nampak terserlah dengan tindakan untuk tidak melakukan sesuatu keputusan terburu-buru. Memandangkan suasana keselamatan yang mungkin semakin membimbangkan, Kerajaan Pusat bertindak mengambil-alih buat sementara waktu kuasa pentadbiran eksekutif dan perundangan negeri Kelantan. Pada 13 Disember 1977, satu Mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional sekali lagi mengarahkan PAS berbuat demikian sebelum tarikh 17 Disember 1977, atau jika tidak PAS akan terpecat secara automatik daripada Barisan Nasional. Sekiranya PAS gagal untuk mengambil tindakan tersebut, kesemua pemimpin parti komponen Barisan Nasional telah bersetuju untuk menyingkirkan PAS daripada pakatan mereka. Arahan yang telah dikeluarkan oleh Majlis Tertinggi Barisan Nasional tidak diendahkan oleh pihak PAS dan ianya ditolak oleh Jawatankuasa Kerja Agung PAS dalam mesyuarat khasnya pada 14 Disember 1977 dan memutuskan untuk menganggap bahawa PAS telah pun dipecat daripada Barisan Nasional lebih awal lagi, iaitu pada 13 Disember 1977. Pada 8 November 1977, Rang Undang-Undang Kuasa Darurat (Kelantan) 1977 dibentangkan di Parlimen oleh Datuk Hussein bin Onn dan akhirnya Parlimen telah meluluskan Rang Undang-Undang tersebut setelah lapan jam



dibahas dan diluluskan. Walau bagaimanapun seramai 18 orang para ahli Parlimen pihak pembangkang seperti PAS dan DAP menentang Rang Undang-Undang berkenaan, manakala seramai 118 orang para ahli Parlimen yang lain termasuk Haji Hassan Adli dari PAS menyokong. Hasil daripada kelulusan Rang Undang-Undang Darurat diluluskan, maka kuasa kerajaan MAGERAN ini akan dijalankan oleh seorang pegawai dari Perkhidmatan Awam Persekutuan dan kepadanya akan diserahkan kuasa-kuasa Eksekutif, Fungsi dan Kuasa termasuk juga Majlis Eksekutif di mana tugas-tugas ini sebelum ini dijalankan oleh Menteri Besar. Pegawai ini dilantik sendiri oleh Perdana Menteri dan bertanggungjawab terus kepada Perdana Menteri serta menerima nasihat, arahan, tunjuk ajar dan panduan daripada Perdana Menteri. Perdana Menteri sendiri akan bertanggungjawab, pertamanya kepada kabinet mengenai perjalanan pentadbiran Negeri Kelantan dan seterusnya Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Kerajaan Persekutuan seterusnya telah mengirim Encik Hashim Aman ke Kelantan untuk menjadi Pengarah Kerajaan Kelantan. Namun demikian, Dato' Mohamed Nasir masih kekal sebagai Menteri Besar yang tidak mempunyai apa-apa kuasa, malah Pengarahlah yang mempunyai kuasa dan bertanggungjawab penuh kepada Kerajaan Persekutuan.

Pelaksanaan pemerintahan Kerajaan MAGERAN ekoran Darurat ini telah meletakkan PAS dalam keadaan kepayahan. Dato' Mohd Asri dan dua orang Timbalan Menteri serta dua orang Setiausaha Parlimen daripada PAS meletakkan jawatan sebagai tanda protes. Dato' Mohd Asri ketika itu menjawat jawatan Menteri Tanah dan Kemajuan Wilayah, Datuk Abu Bakar Omar menjawat jawatan Timbalan Menteri Kesihatan, Mustapha Ali menjawat jawatan Timbalan Menteri Sains dan Teknologi, Wahab Yunus menjawat jawatan Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan dan Zahari Awang menjawat jawatan Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan. Namun demikian, hanya Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Haji Hassan Adli sahaja yang tidak meletakkan jawatan dalam Kabinet Persekutuan kerana pada pandangan beliau langkah kerajaan Pusat (UMNO) dengan MAGERAN itu adalah sesuai dan tepat pada waktunya. Beliau kemudiannya dipecat daripada PAS kerana tidak mengikut arahan kepimpinan parti supaya menentang Rang Undang-Undang Darurat. Kerajaan MAGERAN ini walaupun hanya untuk sementara waktu sepertimana yang dijelaskan oleh Perdana Menteri Datuk Hussein Onn bakal meninggalkan kesan buruk kepada PAS itu sendiri pada masa depan dan sebaliknya menguntungkan UMNO. Keadaan yang begini adalah cukup baik bagi UMNO untuk mengembangkan pengaruhnya semula di Kelantan tanpa menghadapi ancaman politik dari PAS. Hal ini kerana sepanjang MAGERAN berjalan, UMNO selalu memburuk-burukkan PAS sebagai bahan kempen pilihan raya dan PAS tidak boleh berbuat begitu kerana halangan Akta. Hal ini kerana sebarang kegiatan politik dibekukan dan pihak PAS merasakan bahawa mereka telah ditipu oleh UMNO, sebaliknya pemimpin UMNO semakin giat dan bebas melakukan aktiviti politik tanpa halangan daripada pihak berkuasa. Dengan hal yang demikian, apa yang dicita-citakan oleh pemimpin-pemimpin UMNO semenjak kekalahan mereka pada tahun 1959 telah membuka peluang seluas-luasnya untuk menguasai semula Kelantan hampir menjadi kenyataan. Pada peringkat ini tumpuan politik Kelantan lebih kepada pimpinan UMNO dalam sebarang hal pentadbiran. Perundingan UMNO-PAS sedikit demi sedikit sudah dihilangkan melalui Dato' Mohamed Nasir. Peranan beliau tidak lagi dihargai sepertimana semasa krisis politik dahulu. Hal ini secara tidak langsung pengaruh Dato' Mohamed Nasir semakin berkurangan. Perkara ini dilakukan oleh UMNO supaya kekuatan pengaruh Dato' Mohamed Nasir dapat dilemahkan sebelum sebarang pilihan raya baharu diadakan bagi mengekang pengaruh PAS pada mata rakyat. Tambahan pula dari segi strategi politik UMNO lebih baik untuk tidak mengadakan pilihan raya kebangsaan kerana peluang ini dapat digunakan oleh UMNO untuk membangunkan semula imejnya sebagai parti yang paling baik untuk memerintah Kelantan dan MAGERAN itu sebenarnya cara yang tidak adil. Dato' Mohamed Nasir dipetik sebagai berkata;

"...MAGERAN adalah baik bagi rakyat Kelantan, nasib politik saya tidak penting kerana yang lebih penting adalah nasib masa depan rakyat Kelantan...". Sikap jujur beliau sebagai seorang Menteri Besar ini diambil kesempatan atas kelemahan dan terlalu bertolak-ansur ini oleh golongan yang bijak mempergunakan beliau untuk kepentingan politik mereka. Dari sinilah telah dapat ditelaah dalam strategi politik beliau, perhitungan ini mungkin silap kerana tidak dapat membuat perhitungan politik secara bijaksana. Akhirnya beliau, kerajaannya, partinya dan rakyat Kelantan menjadi mangsa keadaan.

### **PAS Tidak lagi Sebahagian Daripada Barisan Nasional**

Kesan sampingan yang sangat mendalam kepada PAS adalah apabila pihak UMNO melalui Mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional yang diadakan pada 5 Disember 1977 bagi membincangkan kes PAS yang menentang Rang Undang-Undang Darurat (Kelantan) 1977 di Dewan Rakyat dahulu telah memberi impak yang paling buruk kepada PAS. Penentangan ini melanggar Fasal 14 Perlembagaan Barisan Nasional. Sebanyak 11 buah parti anggota dalam Barisan Nasional, sembilan menyokong PAS dipecat, PPP berkecuali dan PAS menentang usul tersebut. Lantaran daripada keputusan Mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional pada 5 Disember 1977 telah menatijahkan kepada kedudukan PAS dalam Barisan Nasional. Dalam perjumpaan dengan Ketua-Ketua Bahagian seluruh Malaysia yang diadakan pada 9 Disember 1977 di Dewan Tuanku Abdul Rahman Kuala Lumpur, Perdana Menteri Datuk Hussein Onn menyampaikan ucapannya seperti berikut;

"...Memandangkan kepada perbuatan, sikap dan pendirian pucuk pimpinan PAS selama ini, maka UMNO berpendapat kerjasama yang erat tidak mungkin dapat terus wujud di antara UMNO dengan PAS dalam Barisan Nasional. Oleh yang demikian, bagi mengelakkan pertelingkahan ini berpanjangan yang akhirnya akan membawa perpecahan kepada Barisan Nasional, Majlis Tertinggi UMNO telah dengan perasaan dukacita mengambil tindakan sebagaimana yang dikehendaki di dalam resolusi yang telah diperuntukkan oleh Barisan Nasional dalam Mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional supaya dipersetujui resolusi memecat PAS dari Barisan Nasional...".

Hasil daripada keputusan Mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional memecat PAS dari Barisan Nasional, maka tamatlah secara rasminya lima tahun PAS di dalam Kerajaan Campuran dan Barisan Nasional sejak 1 Januari 1974 hingga 13 Disember 1977. Maka berakhirilah juga penguasaan PAS dalam pemerintahannya selama 18 tahun itu di Kelantan yang dikuasai sejak tahun 1959 lagi. Penyingkiran PAS secara rasmi daripada parti komponen Barisan Nasional kerana enggan mematuhi Ketua komponen BN berkaitan Rang Undang-Undang Darurat (*Rang Undang-Undang Darurat (1977)Kelantan*) yang ditentang oleh Dato' Mohd Asri ialah berkaitan Fasal 150. Bermula tarikh tersebut, maka bolehlah dikatakan kerjasama PAS dan Perikatan dalam Kerajaan Campuran bermula 1 Januari 1973 dan seterusnya dalam Barisan Nasional telah berakhir.

### **Persoalan Adakah PAS Keluar daripada BN atau disingkirkan.**

Berdasarkan latar sejarah tadi, timbul persoalan yang lebih spesifik berkaitan adakah PAS Keluar daripada BN atau disingkirkan. Sila rujuk kepada jadual di bawah untuk perbincangan lanjut.

### **DAPATAN KAJIAN PAS DISINGKIR DARIPADA BARISAN NASIONAL**

Secara ringkasnya dapatlah dilihat rumusan bahawa PAS dikeluarkan atau disingkir daripada Barisan Nasional berdasarkan pernyataan / bukti penemuan seperti mana di bawah;

1. Muhammad Shukri Salleh melalui tulisannya ;

“...In 1974, PAS was accept as a component of the National Coalition, which then changed its name from Perikatan to Barisan Nasional but **was expelled** about four years later on 13 December 1977...”. Jurnal terbitan KURENAI: Kyoto University Research Information Repository bertajuk: “*Establishing an Islamic State: Ideals and Realities in the State of Kelantan, Malaysia*” (<Special Issue> Islam in Southeast Asia) (1999).Hlm 238.

2. “...Beside UMNO, MCA and MIC, Barisan Nasional is made up of six other parties including PAS (which was later expelled from BN) and PGRM...” Tulisan Kim-Hui Lim dalam Jurnal Politik dan Undang-Undang, Vol.1, No.1, Mac 2008, terbitan Canadian Center of Science and Education (CCSE): Institute of Occidental Studies (IKON), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tulisan Wai-Mun Har, Fakulti Pengurusan dan Perakaunan, Universiti Tunku Abdul Rahman dengan tajuk: “*Ad Baculum, Islamic State and Malaysian Chinese Politics: A Rhetorical Study of Selected Political Advertisement in the Local Chinese Media during the 11<sup>th</sup> Malaysian General Election Campaign*”.

(<http://ccsenet.org/journal/index.php/jpl/article/viewFile/57/38>).

Ensiklopedia ini menyatakan bahawa;

“...After Tunku’s retirement and learning from past mistake, Razak worked toward political conciliation and merger with former adversaries, such as the Gerakan Party and the Pan-Malaysia Islamic Party (PAS), which led to the formation of an even bigger organization known as the Barisan Nasional (National Front) in 1974. **Although PAS was expelled from the Barisan Nasional in 1978, the membership of the Barisan Nasional had grown to more than a dozen communal-based parties by 2003...**” Tulisan Ooi Keat Gin dalam ensiklopedia yang bertajuk;

“*Southeast Asia A Historical Encyclopedia, from Angkor Wat to East Timor*”. Dalam Carian Tun Abdul Razak Hussein (1922-1976).

(<http://worldtracker.org/media/library/Reference/Encyclopedia's/Encyclopedia%20of%20Southeast%20Asia.pdf>)

## DAPATAN KAJIAN BERKAITAN PAS TERKELUAR DARIPADA BARISAN NASIONAL.

Hal ini pula berlainan dengan beberapa penulisan di atas antaranya;

1. Encik Abdul Rahman Mohd Salleh yang merupakan Pembantu Dato’ Mohamed Nasir dan juga Exco Pemuda Berjasa. Temu bual dengan beliau pada 16 Mac 2016 di Kampung Bunut Susu, Pasir Mas. Beliau berpendapat bahawa;

“...Bukan UMNO yang memecat PAS daripada Barisan Nasional dan bukan juga PAS yang keluar daripada Barisan Nasional, tetapi apabila kerjasama antara PAS atas kapasiti Dato’ Mohamed Nasir selaku ahli dan Menteri Besar PAS dengan UMNO yang dimulai semasa Kerajaan Campuran dan Barisan Nasional, apabila krisis berlaku dalam PAS sehingga beliau mendapat undi tidak percaya daripada para ADUN PAS dan beliau dipecat daripada PAS, secara automatik hubungan PAS dan UMNO dalam Barisan Nasional terlerai dengan sendiri...”

2. Tuan Haji Abdul Razak Abas yang merupakan bekas Pemuda Tahan Lasak UMNO semasa Darurat 1977. Temu bual di adakan di rumahnya di Kampung Banggol Kulim, Rantau Panjang. Beliau berpendapat bahawa;

“...Semasa PAS menyertai Kerajaan Campuran dan juga Barisan Nasional, tiada perjanjian hitam-putih dilakukan di antara kedua-dua belah pihak samada melalui dokumen bertulis dan sebagainya. Hanya yang ada adalah perjanjian atau persetujuan lisan sahaja. Apabila krisis melanda PAS dengan pemecatan Dato’ Mohamed Nasir sebagai Menteri Besar melalui undi tidak percaya melalui sidang DUN Kelantan serta

*pergeseran antara pemimpin politik UMNO dan PAS semakin parah diikuti MAGERAN, maka menjelang Pilihan Raya Khas Kelantan 11 Mac 1978 itu, PAS dan UMNO tidak lagi bertandimh bersama-sama atas tiket Barisan Nasional, malahan calon UMNO dan PAS turut bertanding di kerusi yang sama di kerusi Parlimen dan DUN...”.*

3. Temuramah dengan Encik Zaid bin Fadil di rumahnya di Kampung Dalam Pondok Meranti, Pasir Mas Kelantan pada hari Ahad bersamaan dengan 7 Disember 2015. Merupakan bekas ADUN N8 Meranti bagi penggal 1986-1990 yang memenangi kerusi berkenaan atas tiket HAMIM yakni parti serpihan PAS yang bergabung dengan Barisan Nasional pada pilihan raya 1986. Beliau merupakan bekas Setiausaha Kerja PAS Kawasan Pasir Mas (1973-1976), Ahli Majlis Mesyuarat HAMIM Pusat, Setiausaha HAMIM Kawasan Pasir Mas. Pada pilihan raya umum 1990, menyaksikan kekalahan Barisan Nasional kepada PAS / APU (Angkatan) dan beliau seterusnya menjadi pengikut YBM Tengku Razaleigh Hamzah mendokong Parti Melayu Semangat 46 (PMS46). Beliau berpendapat bahawa;

*“...Sememangnya pada masa itu Dato’ Mohd Asri sangat kuat menyokong PAS bersama-sama dengan UMNO bagi menubuhkan Kerajaan Campuran. Saya salah seorang yang ditugaskan untuk memberi penerangan kepada rakyat dan penyokong PAS. YBM Tengku Razaleigh sangat bersetuju jika PAS juga bersama-sama dengan UMNO untuk menubuhkan pemerintahan di Kelantan melalui gabungan Barisan Nasional. Namun demikian kerana kepentingan politik melibatkan kepentingan individu dalam kedua-dua parti sama ada UMNO dan PAS, maka wujudnya krisis yang menjurus kepada campurtangan secara langsung UMNO dalam pelantikan Menteri Besar. Hal inilah yang menyebabkan pihak PAS tidak dapat menerima tindakan UMNO tersebut dan PAS seolah-olah diberi tekanan oleh pihak UMNO untuk menerima apa sahaja yang diputuskan oleh UMNO. Perbincangan untuk menyelesaikan krisis tetap ada, namun setiap parti ada pendirian masing-masing dan tidak mahu bertolak ansur. UMNO menggunakan Perlembagaan Barisan Nasional bagi memecat PAS daripada Barisan Nasional. Jadi, PAS dengan sendirinya terkeluar daripada Barisan Nasional...”*

## **DAPATAN KAJIAN BERKAITAN PAS KELUAR DARIPADA BARISAN NASIONAL**

Hal ini pula berlainan dengan beberapa pandangan sebelum ini sepertimana jadual berikut;

Sumber	Pernyataan / Bukti Penemuan
Laporan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) bertarikh 4 Disember 1977.	Menyatakan bahawa; " <i>...PAS was expelled from Barisan Nasional...</i> ". (PAS keluar dari Barisan Nasional)
Laporan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) bertarikh 22 Oktober 1999.	Mengulangi pernyataan yang hampir sama bahawa; " <i>...At the time of its birth, the BN consisted of nine parties—Umno, MCA, MIC, PAS, Gerakan, PPP, SUPP, PBB and Perikatan Sabah. PAS was however expelled in 1977...</i> "

## **PERBINCANGAN**

Persoalan di sini adakah benar PAS yang keluar atau menarik diri daripada Barisan Nasional ataupun PAS sebenarnya disingkir daripada Barisan Nasional masih menjadi persoalan di sini dalam kalangan sejarawan dan penganalisis politik tanah air sehingga kini. Namun jika dilihat secara mendalam berdasarkan apa yang akan diketengahkan ini, kemungkinan besar

polemik ini akan dapat dirungkaikan sebagai suatu pencerahan dalam mencari titik penyelesaian antara dua pihak yakni UMNO dan PAS. Satu penelitian telah dilakukan dengan membuat pemerhatian melalui beberapa penulisan jurnal dan ensiklopedia bagi mencari fakta-fakta yang boleh menyokong apa sebenarnya berlaku dalam krisis Barisan Nasional pada 13 Disember 1977. Jika merujuk kepada yang Jurnal diterbitkan oleh KURENAI : Kyoto University Research Information Repository ditulis oleh Muhammad Shukri Salleh bertajuk *Establishing an Islamic State: Ideals and Realities in the State of Kelantan, Malaysia (<Special Issue>Islam in Southeast Asia) (1999)* menyebutkan di halaman 238 seperti berikut:

"...In 1974, PAS was accepted as a component of the National Coalition, which then changed its name from Perikatan to Barisan Nasional but was expelled about four years later on 13 December 1977..."

Manakala dalam Jurnal Politik dan Undang-undang vo. 1 no. 1 Mac 2008 terbitan Canadian Center of Science and Education (CCSE) tulisan Kim-Hui Lim dari Institute of Occidental Studies (IKON), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Wai-Mun Har dari Fakulti Pengurusan dan Perakaunan, Universiti Tunku Abdul Rahman dengan tajuk *Ad Baculum, Islamic State and Malaysian Chinese Politics: A Rhetorical Study of Selected Political Advertisements in the Local Chinese Media during the 11th Malaysian General Election Campaign* antaranya menyebutkan seperti berikut;

"...Besides UMNO, MCA and MIC, Barisan Nasional is made up of six other parties including PAS (which was later expelled from BN) and PGRM..."

Dalam sebuah ensiklopedia berjudul *Southeast Asia A Historical Encyclopedia, from Angkor Wat to East Timor* yang ditulis oleh Ooi Keat Gin pada carian berkenaan dengan Tun Abdul Razak Hussein (1922-1976) antaranya menyebutkan;

"...After Tunku's retirement and learning from past mistakes, Razak worked toward political conciliation and merger with former adversaries, such as the Gerakan Party and the Pan-Malaysia Islamic Party (PAS), which led to the formation of an even bigger organization known as the Barisan Nasional (National Front) in 1974. Although PAS was expelled from the Barisan Nasional in 1978, the membership of the Barisan Nasional had grown to more than a dozen communal-based parties by 2003..."

Berdasarkan kepada beberapa rujukan yang dilakukan melalui kajian akademik, maka jelaslah bahawasanya PAS telah dikeluarkan, disingkirkan dan dibuang dari Barisan Nasional pada 13 Disember 1977 dan bukanlah PAS yang bertindak sendiri untuk keluar daripada kerjasama tersebut. Namun demikian, hal tersebut disangkal oleh seorang tokoh yang sangat rapat Dato' Mohamed Nasir ketika krisis ini berlaku; tokoh tersebut adalah Encik Abdul Rahman Mat Salleh menyatakan bahawa;

"...Bukan UMNO yang memecat PAS daripada Barisan Nasional dan bukan juga PAS yang keluar daripada Barisan Nasional, tetapi apabila kerjasama antara PAS atas kapasiti Dato' Mohamed Nasir selaku ahli dan Menteri Besar PAS dengan UMNO yang dimulai semasa Kerajaan Campuran dan Barisan Nasional, apabila krisis berlaku dalam PAS sehingga beliau mendapat undi tidak percaya daripada para ADUN PAS dan beliau dipecat daripada PAS, secara automatik hubungan PAS dan UMNO dalam Barisan Nasional terlerai dengan sendiri..."

Hal yang hampir sama turut diberi pandangan oleh Haji Abdul Razak Abas, dan beliau menyatakan bahawa;

"...Semasa PAS menyertai Kerajaan Campuran dan juga Barisan Nasional, tiada perjanjian hitam-putih dilakukan di antara kedua-dua belah pihak samada melalui dokumen bertulis dan sebagainya. Hanya yang ada adalah perjanjian atau persetujuan lisan sahaja. Apabila krisis melanda PAS dengan pemecatan Dato' Mohamed Nasir

sebagai Menteri Besar melalui undi tidak percaya melalui sidang DUN Kelantan serta pergeseran antara pemimpin politik UMNO dan PAS semakin parah diikuti MAGERAN, maka menjelang Pilihan Raya Khas Kelantan 11 Mac 1978 itu, PAS dan UMNO tidak lagi bertanding bersama-sama atas tiket Barisan Nasional, malahan calon UMNO dan PAS turut bertanding di kerusi yang sama di kerusi Parlimen dan DUN...”.

Namun hal yang berlainan pula jika dibuat rujukan daripada laporan akhbar terbitan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) ketika menyebut berkenaan dengan peristiwa ini ialah; "...PAS was expelled from Barisan Nasional...". (PAS keluar dari Barisan Nasional). Hal yang sama turut disebut kemudiannya oleh akhbar yang sama melaporkan bahawa; "...At the time of its birth, the BN consisted of nine parties—Umno, MCA, MIC, PAS, Gerakan, PPP, SUPP, PBB and Perikatan Sabah. PAS was however expelled in 1977...".

## RUMUSAN

Dapatan ini sekurang-kurangnya dapat menjernihkan polemik politik selama ini yang sudah sekian lama menjadi tanda tanya. Sehingga ke hari inipun antara pemimpin dan penyokong UMNO dan PAS saling tuduh menuduh serta saling menyalahkan antara satu sama lain. Fakta ini merupakan kebenaran yang tidak seharusnya disenyapkan demi merungkai rasa benci pengikut dan penyokong PAS yang melulu terhadap BN khususnya UMNO. Rasa kesal akibat episod penyingkiran PAS daripada Barisan Nasional dapat dilihat daripada pendapat yang dinyatakan oleh Salahuddin Abdullah;

"...Inilah hakikat dan realiti sejarah yang perlu diingat, dikenang dan tidak mudah dilupakan. Inikah kaedah pelaksanaan kaedah ukhwa Islamiyah ala UMNO? Allah Subhana wa Taala jua yang lebih tepat dan berhak memberi jawapannya...".

Krisis ini adalah disebabkan oleh perbezaan ideologi politik dan kurangnya persefahaman serta saling tidak menghormati prinsip parti masing-masing antara kedua-dua belah pihak iaitu UMNO dan PAS dalam semangat kerjasama dan gabungan kepartian semasa dari Kerajaan Campuran sehingga kepada gabungan Barisan Nasional. PAS menggunakan '*political emotion*' untuk mengekalkan sokongan daripada ahlinya tetapi sayang ianya telah disadari oleh pengikutnya yang sudah memahami akan segala tipu muslihat pemimpin parti sehingga ketokohan pidato Dato' Mohd Asri sebagai '*the finest orator of his generation*', tidak mendapat tempat lagi di hati rakyat. Semasa penyertaan PAS ke dalam Kerajaan Campuran 1973 dan seterusnya menganggotai Barisan Nasional 1974, Dato' Mohd Asri tidak mengambil pandangan ahli akar umbi PAS tetapi mengambil keputusan yang dibincangkan melalui pucuk kepimpinan PAS sahaja. Pemecatan PAS daripada sebagai parti komponen Barisan Nasional secara tidak langsung turut mengubah fungsi Muktamar Khas PAS Kali ke-4 yang bakal diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 25 Disember 1977. Pada awalnya Muktamar Khas ini bertujuan mengkaji dan membincangkan status PAS dalam pergolakan politik semasa, tetapi akhirnya merupakan sekadar taklimat akademik daripada pucuk pimpinan PAS sahaja setelah PAS secara rasminya disingkirkan daripada gabungan Barisan Nasional. Semasa Muktamar Khas ini dijalankan, Dato' Mohd Asri menegaskan bahawa tentang punca sebenar berlakunya krisis ini adalah disebabkan tindakan dua orang tokoh UMNO Kelantan; iaitu Tengku Razaleigh Hamzah dan Abdullah Ahmad yang menjadikan negeri ini medan perjudian untuk melonjakkan kedudukan diri mereka sendiri dalam UMNO dengan menaja dan memeralatkan Dato' Mohamed Nasir untuk menghancurkan kekuatan PAS dari dalam. Namun, walaupun beliau mendakwa pemimpin UMNOlah yang memainkan peranan penting menyumbang kepada krisis ini, beliau tidak menolak sebarang kemungkinan PAS akan bekerjasama semula dengan UMNO dan berusaha menaikkan moral ahli-ahli PAS pada masa depan. Setelah PAS disingkirkan daripada Barisan

Nasional dan kembali menjadi parti pembangkang di semua peringkat, Dato' Mohamed Nasir telah memposisikan diri beliau dalam politik dengan menubuhkan parti baharu. Berjasa merupakan parti serpihan PAS iaitu nama penuhnya Barisan Jemaah Islamiah SeMalaysia (Berjasa) yang ditubuhkan pada 13 Oktober 1977 dan beliau dilantik sebagai Presiden. Kebanyakan daripada ahli-ahli Berjasa adalah terdiri daripada ahli PAS yang setia kepada Dato' Mohamed Nasir dan ada antara mereka ini telah dipecat daripada PAS. Penerimaan rakyat Kelantan pada awalnya terhadap BERJASA adalah hambar kerana misi perjuangan parti ini dilihat hanya cuba menyaingi PAS semata-mata dan ditambah pula dengan tiada hala tuju perjuangan yang mantap. Namun apabila mereka diyakinkan bahawa parti baharu ini akan menjadi alternatif kepada PAS dalam perjuangan menegakkan Islam, akhirnya ia mendapat sokongan yang semakin membanggakan hasil daripada gerak kerja yang dilakukan oleh para pimpinan dan penyokong akar umbi. Kemunculan Berjasa di tengah-tengah masyarakat Kelantan khususnya telah mewujudkan persaingan baharu kepada PAS yang telah berpecah itu. Jika pada 24 November 1951 dahulu PAS dilahirkan daripada tulang rusuk UMNO, maka kelahiran BERJASA pada tahun 1977 ini adalah atas kehendak dan aspirasi UMNO itu sendiri. UMNO perlukan kepada kawan dalam usahanya mencari pengaruh khususnya di Kelantan apatah lagi Kelantan bakal diadakan pilihan raya apabila Kerajaan MAGERAN yang akan berakhir nanti.

Pada Muktamar Khas PAS kali ke-4, Dato' Mohd Asri telah menggariskan beberapa program yang bertujukan kepada peningkatan kefahaman dan keyakinan politik Islam dalam kalangan para ahli PAS dan masyarakat sivil bagi mengembalikan semula semangat serta kekuatan PAS sebagai sebuah parti pembangkang. Kritikan oleh para perwakilan Bruas dan Padang Rengas terhadap Dato' Mohd Asri kerana sebelum ini beliau pernah tidak menerima hujah-hujah daripada mereka yang tidak bersetuju dengan kerjasama PAS dan UMNO dahulu sama ada dalam Kerajaan Campuran PAS-Perikatan dan Barisan Nasional selepas peristiwa 13 Mei 1969 dahulu. Malah kritikan lebih meluas lagi terhadap beliau daripada perwakilan Sabak Bernam, Baling, Tumpat dan Kangar kerana kurang tegasnya beliau apabila berhadapan dengan UMNO. Walaupun menerima pelbagai kritikan pedas daripada para perwakilan, satu usul kepercayaan terhadap kepimpinan beliau tetap diluluskan. Namun demikian halnya, usul ini tidak mendapat sokongan daripada para perwakilan Bruas yang membawa usul agar Dato' Mohd Asri mengundurkan diri secara terhormat daripada jawatan Yang Di Pertua Agung PAS dan digantikan dengan Dr. Abbas Alias, manakala jawatan Timbalan Yang Di Pertua Agung PAS yang kosong berikutan pemecatan Haji Hassan Adli Arshad dan dicadang agar diberikan kepada Haji Yusoff Rawa. Struktur kepimpinan PAS diperkemaskan semula dengan pelantikan Pemangku Timbalan Yang Di Pertua Agung disandang oleh Abu Bakar Umar, manakala Mohd Daud Abdul Samad memangku Naib Yang Di Pertua Agung. Haji Abdul Hadi Awang, Muhammad Kasim dan Sudin Wahab pula dilantik sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS. Dewan Ulama PAS Pusat telah lumpuh dan tidak lagi dapat berperanan dengan baik akibat daripada perletakan jawatan seramai 11 daripada 19 orang ahli jawatankuasa kerja kerana penolakan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 10 Oktober 1977 yang lalu terhadap keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja PAS pada 9 Oktober 1977 yang mengusahakan perdamaian dengan Dato' Mohamed Nasir semasa krisis politik berlangsung. Akibat daripada krisis politik dan perpecahan dalaman PAS, kerajaan Barisan Nasional tidak dapat berfungsi.

Kelulusan pembentangan Rang Undang-Undang Darurat (Kelantan) 1977 oleh Parlimen telah meletakkan negeri dan kerajaan Kelantan dalam pentadbiran Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang dipengerusikan oleh Encik Hashim Aman dan beliau dilantik sebagai Pengarah Kerajaan Kelantan oleh Perdana Menteri Datuk Hussein Onn. Pada 12

Februari 1978 pemerintahan MAGERAN ditarik-balik dan dimansuhkan oleh Kerajaan Pusat dan pada 11 Mac 1978 Pilihan Raya Negeri Kelantan diadakan.

## KESIMPULAN

Pilihan Raya Umum 1974 menyaksikan Barisan Nasional menang dengan gabungan PAS sebagai ahlinya di Kelantan. Namun Percaturan politik pentadbiran Kepimpinan BN meletakkan PAS dalam keadaan terdesak sehingga akhirnya PAS tidak lagi menjadi parti komponen BN. Isu permuafakatan politik kepartian seperti ini amat merugikan dan perlu dijadikan tauladan dan sempadan demi keharmonian demokrasi Malaysia.

## RUJUKAN.

- Alias Muhammad (1987). *“Sejarah Perjuangan Parti PAS”*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House
- Kim-Hui Lim, Wai-Mun Har *“Ad Baculum, Islamic State and Malaysian Chinese Politics: A Rhetorical Study of Selected Political Advertisements in the Local Chinese Media during the 11th Malaysian General Election Campaign”* Jurnal Politik dan Undang-undang vo. 1 no. 1 Mac 2008. Canadian Center of Science and Education (CCSE): (<http://ccsenet.org/journal/index.php/jpl/article/viewFile/57/38>).
- K. Das, *“Challenge Brews For Hussein”*, Far Eastern Economic Review, Vol. 98, No. 42, bertarikh 21 Oktober 1977
- \_\_\_\_\_, *“Opposition Waits And Hopes”*, Far Eastern Economic Review, Vol. 98, No. 43, bertarikh 11 November 1977
- \_\_\_\_\_, *“Reconciliation of Sorts”*, Far Eastern Economic Review, Vol 98, No. 47, 25 November 1977
- \_\_\_\_\_, *“The Kelantan Crunch”*, Far Eastern Economic Review, Vol 98, No. 46, 18 November 1977
- Lotfi Ismail (1978), *“Berakhirnya Zaman Keagungan PAS”*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd.
- Mohd Salleh Abbas (1982), *“Undang-Undang Darurat”*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Shukri Salleh *“Establishing an Islamic State: Ideals and Realities in the State of Kelantan, Malaysia”* (<Special Issue>Islam in Southeast Asia) (1999): KURENAI (Kyoto University Research Information Repository)
- Ooi Keat Gin, *“Southeast Asia A Historical Encyclopedia, from Angkor Wat to East Timor”* (<http://worldtracker.org/media/library/Reference/Encyclopedia's/Encyclopedia%20of%20Southeast%20Asia.pdf>).
- Mohammad Ridhaudin Mohd Salleh dan Nur Arfah Abdul Sabian (2015), *“Tahaluf Siyasi: Antara Peluang dan Prinsip”*, Dungun: Megamind Leadership Consultancy
- M.G.G. Pillai, *“Crisis In Malaysia”*, Asia Weeks, Vol. 3, No. 44, 8 November 1977.
- Rosli bin Abu Bakar (1986/87), *“Dato Mohammad Nasir: Tokoh politik di Kelantan dalam tahun 1960-an hingga kini”*. Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah: Universiti Malaya.
- Suffian Mohammad, 1983. *“Perlembagaan Malaysia: Perkembangannya 1957-1977”*. Petaling Jaya, Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Monograf, Manuskrip, Warta dan akhbar:  
*Akta Kuasa Darurat (Kelantan)*, 1977, Seksyen 9(1).  
*Asia Weeks* bertarikh 18 November 1977.  
*Berita Harian* bertarikh 10 dan 14 Disember 1977.



*Berita Harian* bertarikh 17 November 1977, 19 November 1977.  
BERNAMA bertarikh 4 Disember 1977, 22 Oktober 1999.  
Buletin *INTAN*, 1996, Jil. 20 Bil 1.  
Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Kelantan pada 26 Oktober 1977, hlm 1.  
Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Disember 1977: 2.  
Malaysia, "*Asri Makes His Comeback*", Asia Weeks, Vol. 3, No. 45, 11 November 1977.  
*New Straits Times* bertarikh 7, 8 dan 29 November 1977.  
*New Sunday Times* bertarikh 6 November 1977.  
*New Straits Times* bertarikh 13 Februari 1978.  
Penyata Rasmi Parlimen (Hansard), Penggal Ketiga pada 1 November 1977.  
Perlembagaan Barisan Nasional, 1975 Fasal 14.  
Siaran Penerangan PAS Negeri Kelantan 1977.  
*The Star* bertarikh 10 November 1977.  
*Utusan Melayu* bertarikh 14 Disember 1977.  
*Utusan Melayu* bertarikh 10 Disember 1977.  
*Warta Kerajaan Persekutuan*, 8 November 1977, P.U (A) 358.  
*Warta Kerajaan Persekutuan*, 12 Februari 1978, P.U (A) 46.

Senarai Teks Ucapan:

YAB Perdana Menteri Datuk Hussein Onn dalam Perjumpaan Ketua Bahagian UMNO pada 9 Dis. 1977 di Dewan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.  
YAB Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn semasa membentangkan Rang Undang-Undang Kuasa-Kuasa Darurat (Kelantan) di Dewan Rakyat pada 8 November 1977.  
Dato' Mohd Asri dalam Muktamar Khas PAS kali ke-4 pada 25 Disember 1977 bertajuk "Cubaan dan Cabaran".  
Peringatan Muktamar Khas PAS ke-4 pada 25 Disember 1977: 23.  
Dato' Mohd Asri di Dewan Rakyat pada 8 November 1977 dalam menentang Fasal 150, Rang Undang-Undang Darurat (Kelantan) 1977.  
Dato' Mohamed Nasir di Simposium Kepimpinan Melayu di Universiti Malaya pada 6 November 1977.

Senarai informan:

Abdul Rahman bin Mat Salleh  
Haji Abdul Razak bin Abas  
Abdul Rahman Mohd Salleh @ Deroman Intelek  
Zaid bin Fadil.

## KEUSAHAWANAN ISLAM; KEROHANIAN DAN MOTIVASI USAHAWAN

Mohd Zain Mubarak Kasma Md. Hayas, Marwan Ismail,  
Mohd Nazri Muhayiddin, Wan Salihin Wong Abdullah  
mzain@umk.edu.my

### ABSTRAK

Kerangka utama Keusahawanan Islam merujuk kepada hubungan manusia dengan Allah dan sesama manusia (hablun min Allah hablun min al-Nas). Dimensi ini menjadikan konsep keusahawanan Islam sedikit berbeza sama ada dari sudut aktiviti (keusahawanan) dan juga pelaku (usahawan). Unsur penting dalam menjayakan aktiviti keusahawanan adalah faktor usahawan itu sendiri. Lantaran itu, elemen kerohanian menjadi aspek penting yang mempengaruhi pemikiran dan tindakan seseorang dalam kegiatan keusahawanan. Kajian tentang kerohanian dalam konteks keusahawanan kini semakin penting dalam usaha memperkasakan pembangunan usahawan Muslim semasa. Kajian ini memfokuskan lima (5) ciri kerohanian dengan menggunakan borang soal selidik terhadap 80 usahawan yang dipilih secara rawak bagi mengukur tahap dan kaitannya dengan aspek motivasi dalam keusahawanan. Dapatan kajian menunjukkan ciri-ciri keyakinan (min 5.3), qana'ah (min 4.0), tawakal (min 3.9), amalan (min 5.3) dan akhlak (min 4.7) mempunyai pengaruh yang positif terhadap motivasi usahawan. Sementara itu berdasarkan analisis hubungan (Multiple Linear Regression) data kajian menunjukkan aspek akhlak mempunyai hubungan paling signifikan dengan motivasi yang menunjukkan elemen ibadat fardu dan adab atau etika merupakan faktor penyumbang terpenting kepada motivasi usahawan dalam kegiatan keusahawanan.

**Kata kunci;** Keusahawanan Islam, kerohanian, motivasi.

### PENDAHULUAN

Kerohanian merupakan pengakuan tauhid terhadap Allah SWT untuk seseorang mengorak langkah dan hidup mengikut kehendak serta arahan-Nya (Nasr, 1987). Konsep kerohanian berkait rapat dengan Islam kerana segala aspek kehidupan seseorang Muslim bergantung kepadanya memandangkan tujuan penciptaan manusia ialah untuk beribadat kepada Allah SWT (Rulindo *et.al*, 2011). Falsafah keusahawanan Islam berpandukan kepada falsafah ekonomi itu sendiri yang mana perniagaan adalah berasaskan kepada unsur Rabbani atau bercirikan ketuhanan (al-Qaradhawi, 2001) sekaligus mewujudkan hubungan atau pengaruh elemen kerohanian dalam kegiatan keusahawanan. Konsep usahawan Islam menekankan integrasi dengan unsur-unsur kerohanian kerana Islam pada hakikatnya berfungsi secara menyeluruh dalam setiap pekerjaan atau gaya hidup (Che Zarrina & Solahuddin, 2011) dalam memenuhi tuntutan sebagai khalifah di muka bumi. Unsur kerohanian juga menjadi elemen penting terhadap motivasi umat Islam dalam segala usaha dan tindakan dalam kehidupan seharian. Teori Keperluan Pencapaian (Need For Achievement) dari sudut psikologi menjelaskan bahawa aspek motivasi sebagai unsur penting bagi usahawan dalam menjayakan agenda keusahawanan (McClelland, 2010). Namun apakah ciri-ciri kerohanian tersebut dan kaitannya dengan motivasi usahawan Muslim?.


### SOROTAN LITERATUR

Usahawan Muslim tidak sepatutnya melihat keusahawanan dalam konteks material, fizikal dan akal manusia sahaja tanpa melihat kepada aspek kerohanian atau ketuhanan (Syukri, 1999) yang menjangki kerangka pelaksanaan malah motivasi keusahawanan Islam itu

sendiri. Aspek kejayaan dalam kegiatan keusahawanan yang banyak bergantung kepada diri usahawan itu sendiri menjadikan teori personaliti ini berkembang dan penting bagi pembangunan usahawan. Walau bagaimanapun keusahawanan dari sudut Islam yang berkait dengan elemen ketuhanan menjadikan perbincangan mengenai ciri-ciri usahawan tidak dapat dipisahkan dengan elemen spiritual atau kerohanian (Mohd Zain, 2014). Kajian Mohd Zain (2014) mendapati ciri-ciri kerohanian usahawan berjaya ialah keyakinan, *qana'ah*, amalan, akhlak dan tawakal. Keimanan adalah salah satu sumber motivasi dalam Islam yang dilihat sebagai semangat yang dicetuskan oleh perintah dan berpusatkan ketuhanan (Khaliq, 2011) memberi keyakinan terhadap pertolongan Allah SWT dalam semua aspek kehidupan termasuk kegiatan keusahawanan. Amalan merujuk kepada aktiviti kerohanian merangkumi fardu ain dan kifayah seperti solat, berzakat dan bersedekah. Akhlak merujuk kepada sifat amanah, jujur dan ikhlas serta menjauhi larangan syarak. Tawakal pula bukan hanya berserah kepada ketentuan Tuhan namun berusaha sebaik mungkin dan redha dengan apa jua natijah. Manakala *qana'ah* adalah suatu sifat yang melibatkan rasa bersyukur dan berasa cukup (mencukupi) dengan apa yang diperoleh.

Sementara itu, teori mengenai motivasi keusahawanan banyak merujuk kepada ahli psikologi yang terkenal seperti McClelland melalui teori keperluan pencapaian atau *Need For Achievement*. Teori Keperluan Pencapaian atau *Need for Achievement* oleh McClelland (2010) dilihat sebagai teori yang mempelopori pendekatan psikologi dalam kajian keusahawanan. Keperluan Pencapaian atau *Need for Achievement* didefinisikan oleh McClelland sebagai keinginan untuk melakukan sesuatu yang sukar dengan jayanya. Teori ini menekankan bahawa individu yang mempunyai keperluan pencapaian tinggi adalah mereka yang ingin menyelesaikan masalah sendiri, menetapkan sasaran, dan berjuang mencapai sasaran melalui usaha sendiri dan mereka juga dilihat mempunyai pencapaian yang lebih baik serta mempunyai keinginan yang kuat untuk berjaya sebagai usahawan (Littunen, 2000). Terdapat banyak kajian tentang personaliti atau *entrepreneurial skills* dengan motivasi usahawan antaranya oleh Norita *et. al.* (2005), Norfadilah & Halimah (2010) dan Nurzaliza (2015). Namun agak sukar menemukan kajian yang melihat kepada pengaruh ciri-ciri kerohanian terhadap motivasi usahawan yang penting dan signifikan dalam konteks keusahawanan Islam. Justeru, kajian ini memfokuskan kepada lima (5) ciri-ciri kerohanian usahawan iaitu keyakinan, *qana'ah*, tawakal, amalan dan akhlak serta pengaruhnya terhadap motivasi keusahawanan. Secara ringkasnya kerangka teori kajian adalah seperti Rajah 1 di bawah;

Rajah 1. Kerangka Teori Kajian



## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif bagi mengenalpasti ciri dan pengaruh kerohanian terhadap motivasi usahawan. Sampel kajian dipilih secara rawak mudah (convenience sampling) seramai 80 responden mewakili usahawan mikro, kecil, sederhana dan besar dalam pelbagai bidang perusahaan daripada jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Tanah Merah dan Bachok. Instrumen kajian menggunakan borang soal selidik yang mempunyai tiga (3) bahagian iaitu demografi, ciri-ciri motivasi dan kerohanian usahawan menggunakan skala Likert enam (6) tahap iaitu *1-Sangat Tidak Setuju*, *2-Tidak Setuju*, *3-Sedikit Tidak Setuju*, *4-Sedikit Setuju*, *5-Setuju* dan *6-Sangat Setuju*. Soalan berkaitan ciri-ciri kerohanian dibina berdasarkan tema kerohanian usahawan oleh Mohd Zain (2014) manakala soalan pemboleh ubah bersandar iaitu motivasi menggunakan soal selidik berasaskan teori keperluan untuk pencapaian McClelland oleh Mohar & Manjit (2007) dan Shafie & Fakhrul (2011). Analisis data menggunakan perisian SPSS dan dipersembahkan secara deskriptif bagi menjelaskan pengaruh ciri-ciri kerohanian terhadap usahawan. Beberapa item kerohanian yang mencapai nilai Alpha Cronbach rendah ( $< 0.6$ ) telah digugurkan daripada analisis dapatan kajian. Nilai keseluruhan nilai Alpha Cronbach bagi setiap pemboleh ubah adalah seperti Jadual 1 berikut;

Jadual 1. Nilai Alpha Cronbach

Pemboleh ubah Kerohanian	Alpha Cronbach
Keyakinan	0.674
Qanaah	0.645
Tawakal	0.661
Amalan	0.646
Akhlak	0.614

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Data kajian diperoleh melalui edaran borang soal selidik kepada 80 orang usahawan. Majoriti responden kajian adalah lelaki (72.5%) manakala (40%) daripada keseluruhan responden berusia dalam lingkungan 21 sehingga 39 tahun. 30% mempunyai pendidikan tahap SPM dan 65% mempunyai kelulusan diploma dan ke atas. Pengalaman dalam keusahawan pula 40% tidak melebihi tiga (3) tahun, 28.5% di antara 4-9 tahun dan 31.3% melebihi 10 tahun. Secara ringkasnya latar belakang responden adalah seperti Jadual 2 berikut;

Jadual 2. Biografi Responden

Maklumat Responden	Peratus (%)
<b>Jantina</b>	
Lelaki	72.5
Perempuan	27.5
<b>Umur</b>	
< 21	1.3
21-39	55
40-49	23.8
>50	20
<b>Pendidikan</b>	
SRP	5
SPM	30
Diploma/Setaraf	27.5

Ijazah	30
Sarjana/PhD	7.5
<b>Status</b>	
Berkahwin	65
Bujang	32.5
Duda/Janda	2.5
<b>Pengalaman</b>	
1-3 tahun	40
4-6 tahun	17.5
7-9 tahun	11.3
> 10 tahun	31.3
<b>Pinjaman Kewangan</b>	
Ya	35
Tidak	65
<b>Tahap</b>	
Mikro	16.3
Kecil	43.8
Sederhana	37.5
Besar	2.5
<b>Jenis</b>	
Perkhidmatan	55
Pembuatan/perkilangan	43.8
Pertanian	1.3

Ciri-ciri kerohanian melibatkan lima (5) pemboleh ubah iaitu keyakinan, *qana'ah*, tawakal, amalan dan akhlak. Dapatan menunjukkan keyakinan responden terhadap kekuasaan Allah dan aspek keberkatan dalam perniagaan adalah tinggi dan konsisten sebagaimana ditunjukkan pada item 1, 3 dan 5. Sisihan piawai yang tinggi pada item 4 (1.12) dan item 6 (1.46) pada pengamatan penyelidik adalah kerana persepsi dan kecenderungan berbeza dalam memberi respon mengenai peranan diri mereka sendiri dalam menentukan sesuatu kejayaan terhadap apa yang diusahakan. Dapatan kajian berkaitan aspek keyakinan adalah seperti Jadual 3 di bawah;

Jadual 3. Keyakinan

Item (RKY)	Min	Sisihan Piawai
1. Saya yakin rezeki adalah satu kurniaan	5.6500	.69537
3. Aspek keberkatan boleh mempengaruhi kejayaan dalam perniagaan	5.6125	.60575
4. Saya pasti dapat apa yang saya usahakan	4.9125	1.12727
5. Saya perlu berdoa untuk memperolehi rezeki	5.5375	.74534
6. Saya yang menentukan halatuju dan kejayaan perniagaan saya	4.7625	1.46039

Aspek *qana'ah* yang berkait dengan rasa mencukupi dan kesyukuran responden terhadap apa yang telah dicapai menunjukkan dapatan yang kurang konsisten dengan sisihan piawai antara 1.4 dan 1.6 (Rujuk Jadual 4). Ini kerana rata-rata sifat usahawan yang tidak mudah berpuas

hati dengan apa yang dicapai dan sentiasa mahu berusaha ke arah kebaikan mewujudkan perbezaan persepsi responden terhadap konsep *qana'ah* secara langsung. Namun begitu, bagi penyelidik ini tidak bermaksud sifat *qana'ah* tidak mendokong atribut kecemerlangan usahawan tetapi ciri *qana'ah* penting dalam konteks tertentu seperti mengawal diri usahawan daripada melakukan perniagaan tambahan yang mungkin tidak mampu dicapai oleh responden.

Jadual 4. *Qana'ah*

Item (RQH)	Min	Sisihan Piawai
4. Saya sentiasa membandingkan pencapaian saya dengan usahawan lain	4.2000	1.42669
5. Segala peluang untuk mendapat keuntungan perlu direbut walau apa pun keadaannya	4.2375	1.60098
6. Saya kecewa jika tidak memperolehi apa yang saya usahakan	3.8000	1.67181

Wujud persepsi dan maklum balas berbeza responden tentang aspek *Qanaah* dan Tawakkal menyebabkan data kurang konsisten. Ini kerana terdapat responden bersikap sederhana dalam konteks ini dan lebih cenderung untuk menerima seadanya ketentuan Tuhan setelah berusaha. Namun penyelidik berpendapat ia tidak menjejaskan secara keseluruhan unsur kaizen para usahawan dan tidak mudah berpuas hati dengan apa yang telah dicapai. Pada hakikatnya responden berusaha dengan bersungguh-sungguh dan setelah itu mereka bertawakal serta menerima ketentuan Tuhan. Dapatan mengenai aspek tawakal adalah seperti Jadual 5;

Jadual 5. Tawakal

Item (RTW)	Min	Sisihan Piawai
1. Saya berusaha tanpa bergantung kepada orang lain	3.8625	1.52402
2. Setiap usaha yang saya lakukan pasti menghasilkan kejayaan	4.1375	1.27034
3. Segala cabaran dan masalah perniagaan tidak memberi kesan kepada saya	3.7625	1.42530

Dapatan menunjukkan pelaksanaan amalan atau ibadat kerohanian adalah penting bagi responden bagi mencapai kejayaan dalam perniagaan melalui item 5 dan 6. Sisihan piawai item 3 yang agak tinggi kerana perbezaan pandangan responden terhadap keuntungan dalam perniagaan berdasarkan usaha dan strategi bukan semata-mata dengan menunaikan zakat. Ini tidak bermakna responden menidakkan tanggungjawab dan kepentingan zakat dalam perniagaan. Ia mempunyai persamaan dari sudut persepsi dan trend responden sebagaimana item *qana'ah* sebelum ini. Dapatan mengenai amalan kerohanian adalah seperti Jadual 6;

Jadual 6. Amalan Kerohanian

Item (RAR)	Min	Sisihan Piawai
3.Zakat ada kaitan dengan keuntungan dalam perniagaan	5.2875	1.12727
5.Saya mengambil berat rutin ibadat pekerja	5.3875	.72030
6.Amalan kerohanian ada kaitan dengan kejayaan perniagaan	5.4000	.68621

Dari sudut akhlak, dapatan menunjukkan min yang tinggi tentang pentingnya aspek amanah, kejujuran dan soal halal haram dalam kegiatan keusahawanan (item 1, 3 dan 8). Namun amanah dilihat sukar diamalkan dalam konteks perniagaan hari ini (item 4) dan menjadi cabaran besar kepada usahawan. Ini juga dapat dilihat pada item 7 yang menunjukkan pandangan yang berbeza tentang amalan kebiasaan dalam memberi sumbangan atau imbuhan kepada pihak berkepentingan dalam perniagaan.

Jadual 7. Akhlak

Item (RAK)	Min	Sisihan Piawai
1.Setiap kejayaan usahawan bergantung kepada sifat amanah	5.2875	.99612
2.Saya suka mengadakan majlis keraian bersama orang lain	4.9250	.72522
3.Kejujuran boleh menentukan kejayaan dalam perniagaan	5.4625	.67400
4.Amanah sukar diamalkan dalam perniagaan hari ini	3.7625	1.61671
5.Matlamat utama dalam perniagaan adalah untuk mencari keuntungan	4.0625	1.30572
6.Saya mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa	5.0500	.84043
7.Sumbangan kepada pihak berkepentingan merupakan amalan biasa dalam perniagaan	4.0000	1.65353
8.Halal dan haram menjadi pertimbangan utama dalam perniagaan	5.6125	.80338

Kajian ini menilai ciri-ciri motivasi dan dapatan menunjukkan ciri-ciri seperti bekerja keras dan bercita-cita tinggi begitu menonjol dalam kalangan usahawan. Ciri motivasi usahawan merujuk kepada lima (5) item yang diukur dengan dapatan nilai adalah seperti berikut;

Jadual 8. Motivasi

Item (PMO)	Min	Sisihan Piawai
1.Saya sentiasa bekerja keras supaya menjadi yang terbaik.	5.4375	.70878

2.Saya lebih suka berfikir mengenai kemungkinan masa depan daripada berfikir mengenai pencapaian yang lepas.	5.2750	.82638
7.Saya mempunyai keinginan untuk mempunyai pendapatan yang tinggi.	5.3250	.75933
8.Saya mempunyai cita-cita yang tinggi.	5.4125	.70610
9.Saya akan berjaya jika saya bekerja keras.	5.2250	.88554

Kajian ini juga menilai sejauhmana pengaruh kelima-lima ciri kerohanian iaitu keyakinan, *qana'ah*, tawakal, amalan dan akhlak terhadap motivasi usahawan. Berdasarkan analisis hubungan (*Multiple Linear Regression*), hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri kerohanian dengan motivasi keusahawanan. Aspek akhlak menunjukkan hubungan paling kuat melalui ciri-ciri seperti amanah, kejujuran dan patuhi peraturan berbanding ciri-ciri kerohanian lain. Dapatan ini turut membuktikan bahawa usahawan yang berpegang teguh kepada etika atau akhlak Islam mempunyai keinginan yang kuat untuk berusaha dan sekaligus menyumbang kepada kejayaan mereka dalam perusahaan yang diceburi.

## KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa ciri-ciri kerohanian khususnya aspek akhlak (amanah, kejujuran, rezeki halal yang berkat) mempunyai pengaruh yang kuat terhadap motivasi usahawan. Hasil kajian ini telah mengesah dan menguatkan lagi hasil kajian kualitatif mengenai ciri-ciri usahawan yang telah dilakukan oleh penyelidik sebelum ini. Namun data kajian yang melibatkan 80 orang responden tidak memadai bagi menghasilkan suatu generalisasi yang kuat. Justeru, beberapa aspek penambahbaikan kajian seterusnya perlu dilihat dari sudut bilangan sampel dan lokasi kajian yang mungkin menghasilkan dapatan lebih komprehensif. Begitu juga mengkaji hubungan dan pengaruh kerohanian dan personaliti terhadap potensi usahawan menjadikan kajian lebih lengkap dan signifikan dengan keadaan semasa dunia keusahawanan hari ini.

## RUJUKAN

- Al-Qaradhawi, Y. (2001). *Dawr al-Qiyam wa al-Akhlaq fi al-Iqtisad al-Islami*. Al-Qahirah. Maktabah Wahbah.
- Che Zarrina Saari & Solahuddin Abdul Hamid. (2011). Reconstructing Entrepreneur s Development Based on al- Quran and al-Hadith. *International Journal of Business and Social Science*, 2(19), October 2011: 110- 116.
- Khaliq, A. (2011). Leadership Motivation From The Islamic Perspective. dalam K. Ahmed, R. Islam & Y. Ismail. (Eds). *Issues In Islamic Management*. Selangor. IIUP Press.
- Littunen, H. (2000). Entrepreneurship And The Characteristics of The Entrepreneurial Personality dalam *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*. Vol.6. No.6. MCB University Press.
- McClelland, David. (2010). *The Achieving Society*. Mansfield Centre. Martino Publishing.
- Mohar, Y. & Manjit, S. (2007). Relationship Between Psychological Characteristics And Entrepreneurial Inclination; A Case Study of Students At UNITAR. *Journal of Asia Entrepreneurship Sustainability*. Vol.3 (2).



- Mohd Zain Mubarak. (2014). *Keusahawanan Islam Berasaskan Ciri Personaliti dan Kerohanian Di Negeri Kelantan*. Tesis Ijazah Kedoktoran Falsafah. UMT.
- Muhammad Syukri Salleh. (1999). *Usahawan Islam: Erti dan Strategi*. Seminar Usahawan Islam. Anjuran Muslim Students Association, Universiti Sains Malaysia, Kedah, 5 Oktober.
- Nasr, Syed Hussein. (1987). *Islamic Spirituality*. London. Routledge & Keagan Paul.
- Norfadhilah Nasharudin & Halimah Harun. (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 35 (1).
- Norita Deraman *et. al.* (2005). Kajian Tentang Ciri-ciri Personaliti Keusahawanan Di Kalangan Usahawan Bumiputra (Melayu) Malaysia. Sriwijaya. *Jurnal Manajemen & Bisnis*. Vol.3. No.6.
- Nurzaliza Mohd Noor. (2015). *Pengukuran Personaliti Keusahawanan dan Prestasi Perniagaan Bahan Binaan di Negeri Kelantan*. Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Kelantan.
- Othman, M.N *et al.* (2005). Demographic and Personal Characteristics of Urban Malaysian Entrepreneurs; An Ethic Comparison. *International Journal of Entrepreneurship and Innovation Management*. 5(5/6), 421-440.
- Rulindo, R. *et.al.* (2011). The Importance of Spirituality For Succesful Entrepreneurs dalam K. Ahmed, R. Islam & Y. Ismail. (Eds). *Issues In Islamic Management*. Selangor. IIUP Press.
- Shafie, S. & Fakhrul, A.Z (2011). Psychological Traits and Business Performance of Entrepreneurs in Small Construction Industry in Malaysia. *International Business and Management*. Vol.2 (1). Canada.

## KELESTARIAN ELEMEN MELAYU ISLAM DALAM PAKAIAN MASYARAKAT MELAYU

Norulzaila Ismail, Nur Azuki Yusuff, Burhan Che Daud  
Pusat Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan  
nurulzaila11@gmail.com

### ABSTRAK

Pelbagai koleksi pakaian telah menarik minat wanita Melayu Islam untuk berpakaian menepati citarasa moden dengan penampilan gaya elegan yang tidak menepati syariat. Ini menggambarkan masyarakat memandang ringan tuntutan kewajipan menutup aurat tetapi lebih memenuhi tuntutan semasa untuk kelihatan bergaya. Masyarakat Melayu juga didapati kurang berminat dengan pakaian tradisional masyarakat Melayu yang akan menyebabkan hilangnya elemen Melayu Islam dalam pakaian. Kelestarian elemen Melayu Islam perlu dilestarikan bagi menjamin kesinambungan warisan untuk generasi masa hadapan. Objektif kajian ini dijalankan bagi melestarikan elemen Melayu Islam dalam amalan pemakaian. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan. Antara elemen yang dilestarikan ialah elemen nilai, bentuk, gaya, hiasan, prinsip, jenis pakaian, struktur dan fabrik. Beberapa cadangan dikemukakan untuk diberi perhatian bagi kajian pada masa hadapan antaranya pihak –pihak yang bertanggungjawab dalam meningkatkan kesedaran masyarakat untuk mengekalkan elemen Melayu Islam dalam memilih cara berpakaian.

**Kata Kunci :** Pakaian, Masyarakat Melayu, Islam, lestari.

### PENDAHULUAN

Pakaian melambangkan keunikan budaya, adat resam dan mencerminkan peradaban sebuah bangsa. Pakaian akan terus menjadi keperluan asas dan menjadi salah satu warisan yang istimewa dalam mencorak budaya masyarakat Melayu serta menjadi perhatian kepada perkembangan dunia. Setiap agama dan bangsa mempunyai pakaian tradisional masing-masing. Begitu juga dengan masyarakat Melayu. Pakaian tradisional masyarakat Melayu adalah seperti baju Kurung, Baju Kebaya, Baju Kota Bharu dan pakaian Cik Siti Wan Kembang (Abbas Alias & Norwani Md. Nawawi, 2006). Pakaian ini selalunya akan dipakai dalam upacara yang tertentu untuk meraikan sesuatu majlis dalam sesebuah masyarakat contohnya majlis tahlil, majlis keramaian dan majlis perayaan. Pakaian tradisional masyarakat Melayu seperti baju kurung dan baju kebaya yang mempunyai elemen Melayu Islam ini harus dilestarikan supaya terus kekal dan menjadi pilihan kepada masyarakat Melayu apabila ingin memilih cara berpakaian.

Tujuan pakaian dalam perspektif Islam adalah untuk menutup aurat dan berhias-hias (Akmal Mohd Zain, 2006). Sebagaimana firman Allah S.W.T maksudnya:

“ *Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu dan pakaian perhiasan*” (Al-A'raaf:26)”

Pada peringkat awal pakaian lebih bersifat kegunaan khususnya sebagai alat perlindungan bagi memelihara anggota badan daripada sebarang keadaan cuaca serta persekitaran (Maziah Ab Rashid, 2005). Namun selepas kedatangan agama Islam telah berlakunya perubahan dalam cara pemakaian masyarakat Melayu khususnya apabila mereka telah mula mengamalkan memakai pakaian yang menutup aurat (Abbas Alias & Norwani Md. Nawawi, 2006).

Namun perkembangan negara yang semakin maju dalam pelbagai bidang seperti teknologi dan media massa telah menyebabkan berlakunya keruntuhan nilai sopan dalam amalan pemakaian remaja masa kini (Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, & Ahmad Arifin Sapar, 2013). Hal ini kerana, remaja hari ini lebih suka menggayakan fesyen pakaian jeans, kemeja-T, kemeja atau baju kasual, skirt dan blouse yang dipadankan dengan topi, kasut dan barang-barang perhiasan seperti rantai, gelang, tali pinggang dan anting-anting pada sekitar tahun 1999 hingga 2000 (Rokiah Ismail, 2003).

Sebagai masyarakat Melayu yang beragama Islam, kewajipan menutup aurat dengan sempurna berdasarkan kehendak syariat merupakan prinsip utama yang perlu diberi perhatian terutamanya kepada golongan wanita. Golongan wanita dan lelaki wajib menutup aurat apabila seseorang itu telah mencapai usia baligh. Allah S.W.T memerintahkan umat Islam supaya menutup aurat untuk menghindarkan mereka daripada mendapat dosa (Roslan Ab Rahman, Dasima Sidek, Khiral Anuar Daud, & Abdulsoma Thoarlim, 2015). Sebagaimana firman Allah S.W.T

*“Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka;”*Al-Nur:31

Hal ini kerana apabila seseorang menutup aurat dengan sempurna mereka akan dihormati dan dipandang mulia. Selain itu, amalan pemakaian yang menutup aurat akan menampakkan ciri-ciri keindahan Islam dan ciri masyarakat Melayu yang diwarisi dari turun temurun. Oleh sebab itu, elemen Melayu Islam harus dilestarikan untuk menggalakkan masyarakat memilih cara berpakaian mengikut etika yang betul dan tidak bertentangan dengan agama.

Kesimpulannya, kelestarian ciri-ciri budaya Melayu dalam gaya berpakaian yang berlandaskan syariat Islam harus dikekalkan kerana cara berpakaian akan menggambarkan jati diri dan menjaga maruah serta dapat mencerminkan perwatakan, nilai hidup dan kesantunan budi masyarakat Melayu. Selain itu juga boleh menjadi panduan kepada masyarakat Melayu apabila ingin memilih cara berpakaian.

### **Defini Kelestarian**

Konsep lestari selalunya dikaitkan dengan kualiti kehidupan yang merangkumi sistem ekonomi, sosial dan persekitaran bagi menjamin kesejahteraan hidup dan persekitaran yang sihat dan produktif (Fatimah Hassan & Fauziah Che Lah, 2007). Lestari boleh didefinisikan sebagai keperluan ekonomi dan sosial dalam memenuhi keperluan ekologi dan keadaan masa depan yang bergantung pada keadaan sekarang.

Kelestarian bermaksud pengekalan sesuatu perkara atau keadaan UNESCO (2015) dalam Sariah Abd Jalil (2016). Definisi kelestarian secara umumnya membawa maksud mengekalkan atau menetapkan. Kelestarian dalam konteks yang lebih luas sewajarnya merangkumi bukan sahaja pengekalan tetapi turut menambahbaik keadaan sedia ada. Ini bermaksud kelestarian pakaian mempunyai kaitan dengan usaha untuk mengekalkan serta menambah baik keaslian pakaian Melayu ke arah yang lebih baik. Konsep ini bermaksud, satu bentuk pembangunan yang memenuhi keperluan masa kini tanpa menjejaskan kemampuan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka. Dari sudut pandangan hidup Islam, konsep ini merangkumi tuntutan untuk berlaku adil kepada semua makhluk Allah SWT, berhemah dalam penggunaan, berhikmah dalam membuat keputusan serta mengambil kira konsep masalah dalam melayari kehidupan sebagai hamba-Nya (Azrina

Sobian, 2014). Definisi kelestarian pakaian menurut pengkaji ialah suatu cara untuk mempertahankan warisan budaya pakaian tersebut sehingga dapat diturunkan kepada generasi seterusnya yang bertujuan untuk mengekalkan dan memelihara keindahan warisan secara berterusan.

Sebagai masyarakat Melayu yang beragama Islam unsur budaya Melayu Islam dalam etika berpakaian harus diutamakan dalam memilih cara berpakaian. Masyarakat Melayu juga perlu diberi Pendedahan tentang keunikan pakaian tradisional supaya dapat memastikan kelestarian budaya Melayu dalam berpakaian dapat dikekalkan (Nazarudin Zainun & Mohamad Omar Bidin, 2017). Kegagalan untuk memastikan kelestarian ini akan menjejaskan warisan masyarakat (Azrina Sobian, 2014). Hal ini kerana, perubahan fesyen pakaian daripada tradisi seperti Baju Kurung dan Baju Kebaya kepada pakaian yang lebih moden dan bergaya akan menghakis ciri-ciri menutup aurat seperti yang di tuntutan dalam Islam (Zunaidah Zainon, 2006).

Fesyen pakaian yang berteraskan ciri pakaian Islam mempunyai kesitimewaan dan akan mendapat keredhaan Allah S.W.T serta dapat memberi kesejahteraan kesihatan kepada wanita (Rashidah Othman, Siti Norlina Muhamad, Farahwahida Mohd Yusof, & Muhammad Amir Wan Harun, 2016). Selain itu juga dapat memartabatkan hukum syarak (Mohd Syah Zali Ramle 2013 ).

## **KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN LITERATUR**

### **Elemen Melayu Dalam Pakaian**

Elemen Melayu yang harus ada dalam pakaian Melayu ialah dipantangkan membuka aurat, dipantangkan terlalu nipis, dipantangkan terlalu ketat dan intinya mencerminkan nilai-nilai pakaian yang Islami (Tenas Effendy, 2002), dan pantang memandai-mandai (Tenas Effendy, 2004). Manakala menurut Asliza Aris (2015) ialah tidak menunjukkan bentuk badan atau bayang, tidak menggunakan kain nipis sehingga menampakkan warna kulit melainkan kain tersebut dilapik dengan “lining”, pakaian lelaki tidak menyerupai wanita dan begitulah sebaliknya.

Pakaian Masyarakat melayu yang dihasilkan sama ada mempunyai ciri longgar atau sendat, formal atau kasual telah mengalami olahan dari segi pola, tekstil, warna dan gaya yang di sesuaikan dengan identiti dan citarasa masyarakat Melayu (Haziyah Hussin & Norwani Md. Nawawi @Eshah Haji Mohamed, 2013). Pakaian cara Melayu menurut Siti zainon Ismail (2009) dijelaskan melalui pemerihaln “persalinan” dan “sederhana pakai” iaitu tiga hingga lima persalinan terdiri daripada kain, baju, destar, ikat pinggan, sibar dan seluar. Pakaian tradisi wanita Kelantan mempunyai ciri pakaian Sriwijaya yang terkenal pada zaman Cik Siti Wan Kembang iaitu cindai atau limar yang dipakai dengan cara meribu (sarung), berkemban (menutup dada), kain panjang menutup bahu dan dada. Di Kelantan wujud pola pakaian kebaya (tunik) pendek dan disesuaikan dengan sarung hitam kain kapas, pakaian labuh. Sebelum kedatangan Islam konsep menutup tubuh dalam masyarakat Melayu adalah dengan cara melilit tubuh, berkemban dengan kain sarung, kain panjang hingga paras dada dan berkelubung di bahagian dada ke atas.

### **Elemen Islam Dalam Pakaian**

Kedatangan Islam Ke tanah Melayu telah mengubah cara berpakaian masyarakat Melayu. Cara berpakaian Islam telah dititikberatkan supaya tidak lari daripada landasan agama. Hal ini kerana masih ada masyarakat yang kurang memahami hal yang berkaitan dengan etika berpakaian menurut Islam (Roslan Ab Rahman et al., 2015). Pengaruh Islam dalam pakaian Melayu iaitu baju labuh, longgar dan besar dipakai di luar baju dan diperbuat daripada kain broket, sutera dan baldu songket (Siti Zainon Ismail, 2006). Islam telah menetapkan etika

dalam berpakaian. Sebagai perempuan muslimah etika tersebut haruslah diikuti dan jangan berlebihan dalam pemakaian. Saadah Ibrahim (2012) Islam tidak menetapkan pakaian tertentu kepada umatnya asalkan menutup aurat dengan sempurna. Menutup aurat dengan sempurna dapat menghindari fitnah, perkara buruk, pandangan jahat dan mengelakkan diri daripada di ganggu. Menutup aurat merupakan kewajipan kepada wanita muslimah dan Allah S.W.T telah mensyariatkan kepada umatnya supaya memelihara aurat dengan sempurna. Islam telah menggariskan panduan terutamanya kepada wanita sebagai panduan dalam berpakaian.

Garis panduan dalam berpakaian ialah wajib menutup seluruh tubuh kecuali muka dan tapak tangan, pakaian tersebut haruslah tebal, tidak nipis dan jarang sehingga boleh menampakkan bayangan tubuh badan dan selesa di pakai, longgar dan tidak terlalu sempit atau ketat sehingga boleh menampakkan susuk tubuh badan, tidak menyerupai pakaian lelaki, tidak menyerupai pakaian wanita kafir, berpakaian tidak bertujuan untuk kemasyuran, warna yang tidak keterlaluan (warna gelap) dan sederhana, tidak bewarna-warni yang boleh menarik perhatian, tidak terlalu wangi dan bersederhana dalam memakai perhiasan (Rashidah Othman et al., 2016), (Abbas Alias & Norwani Md. Nawawi, 2006), pakaian tersebut tidak berbentuk hiasan yang boleh menarik perhatian orang yang melihatnya (Saadah Ibrahim, 2012), tidak bewarna-warni, lengan baju haruslah panjang hingga pergelangan tangan (Muhammad Abdul Aziz Amru, 2009), tidak mempamerkan kecantikan dan perhiasan tubuh badan dan memakai tudung labuh ke paras dada (Shofian Ahmad & Lotfiah Zainol Abidin, 2004). Apabila mengenakan pakaian baru haruslah dimulakan dengan doa, tidak boleh memakai pakaian yang mempunyai tanda salib, tidak boleh mengenakan pakaian yang diperbuat daripada kulit binatang (Syukri Muhammad Yusuf (2011) dalam Mujiburrahman (2015), labuh pakaian sehingga menutup kaki atau memakai stoking (Roslan Ab Rahman et al., 2015).

Jadual 1 di bawah menunjukkan perbandingan dan persamaan tatacara berpakaian Melayu dan Islam. Jadual tersebut menunjukkan banyak persamaan dan perbezaan di antara tatacara berpakaian Melayu dan Islam.

Elemen	Ciri Pakaian Melayu	Ciri Pakaian Islam
Nilai	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menutup badan dan bersopan bersesuaian dengan adat Melayu</li> <li>- Selaras dengan ajaran Al-Quran.</li> <li>- Mempamerkan sifat pemakai.</li> <li>- Taat kepada pemerintah dan memelihara adat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengikut hukum syarak</li> <li>- Menutup aurat</li> <li>- Menunjukkan akhlak mulia dan bersifat memelihara si pemakai (menjaga maruah).</li> <li>- Taat kepada Allah</li> <li>- Ibadah</li> </ul>
Siluet (Bentuk)	Lurus, Bentuk A 	Lurus, Bentuk A 
Gaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengikut tradisi Melayu</li> <li>- Labuh dan longgar</li> <li>- Diperbuat daripada tekstil tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengikut hukum Al Quran.</li> <li>- Labuh dan longgar</li> <li>- Diperbuat daripada tekstil yang tidak menampakkan bentuk badan dan nipis hingga menampakkan warna kulit.</li> <li>- Tebal (nipis “lining”)</li> </ul>
Hiasan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bergantung kepada status sosial.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sederhana</li> <li>- Tidak bermegah-megah dan</li> </ul>

		menggunakan perhiasan yang berlebih-lebihan. -Memakai wangian yang sederhana (tidak terlalu wangi).
warna	-Warna-warna tertentu dikhususkan untuk raja, permaisuri dan pembesar-pembesar istana. - Menghormati perlambangan raja-raja	-Tidak menggunakan warna yang menonjol dan terang - Menggalakkan warna putih dan warna gelap
Prinsip	- Menutup badan dan sopan	- Menutup aurat. - Tidak menyerupai orang kafir - Tidak meniru pakaian lelaki (bagi perempuan) dan sebaliknya. -Tujuan berpakaian tidak menunjukkan kemasyuran dan kebanggan -Memakai pakaian baru harus dimulakan dengan doa - Disiplin
Struktur	- Perempuan: Baju, kain, kelubung atau selendang - Lelaki: Baju, seluar, sampin dan destar atau baju, kain dan kopiah atau songkok	- Perempuan: Baju, kain labuh, jubah dan penutup kepala yang labuh hingga menutupi bahagian dada. - Lelaki: Baju yang labuh ke pinggul, seluar atau sarung yang melepasi lutut dan labuh yang tidak melebihi paras buku lali. -Perempuan:Lengan baju haruslah panjang hingga pergelangan tangan, - Perempuan : Labuh kain tutup kaki dan pakai stoking
Fabrik	Pelbagai jenis fabrik luar dan tradisional.	Pelbagai jenis fabrik yang bersesuaian dengan prinsip pakaian Islam. -Fabrik pakaian bukan daripada kulit binatang
Jenis Pakaian	- Baju Kurung Pesak Buluh - Baju Kurung Cekak Musang - Baju Kurung Potong Riau	- Jubah - Pakaian yang menepati syariat Islam.

Jadual 1: Diubahsuai Daripada Perbandingan Dan Persamaan Di Antara Tatacara Berpakaian Melayu Dan Islam (Asliza Aris, Norwani Md. Nawawi, & Saemah Yusof, 2015)

## DAPATAN KAJIAN

### Elemen Nilai

Apabila ingin memilih cara berpakaian masyarakat Melayu yang beragama Islam diwajibkan memilih pakaian yang menutup aurat (kecuali tapak tangan dan muka) walaupun ingin

mengikut trend semasa. Pakaian yang dipilih akan mempamerkan sifat pemakai. Pakaian yang menutup aurat menunjukkan nilai akhlak mulia dan memelihara maruah si pemakai serta memelihara adat Melayu. Pakaian yang dipilih juga menunjukkan nilai taat kepada Allah dan ibadah. Oleh sebab itu, pakaian yang ingin dihasilkan oleh pereka mestilah mengambil kira soal aurat wanita muslimah dengan menghasilkan pakaian yang boleh menutup seluruh tubuh badan kecuali muka dan tapak tangan. Pola pakaian yang sentiasa berubah mengikut perubahan zaman haruslah disesuaikan dengan tuntutan agama dan adat Melayu. Oleh sebab itu, sebagai pereka fesyen haruslah bijak dalam menghasilkan fesyen semasa yang bersesuaian dengan masyarakat Melayu.

### **Elemen Bentuk**

Bentuk Pakaian masyarakat Melayu dan Islam ada dua bentuk iaitu lurus dan bentuk A. bentuk lurus dan bentuk A akan menutup bentuk badan. Bentuk ini harus dilestarikan kerana bersesuaian dengan ciri pakaian Melayu dan tuntutan agama Islam mengikut hukum Al-Quran iaitu pakaian yang tidak menampakkan bentuk tubuh.

### **Elemen Gaya**

Elemen gaya mengikut tradisi Melayu dan Islam ialah pakaian tersebut haruslah longgar, tidak sempit dan labuh. Oleh sebab itu, masyarakat Melayu yang beragama Islam dituntut supaya lebih mengutamakan syariat berbanding dengan terlalu mengikut fesyen semasa. Oleh sebab itu, tekstil pakaian yang dipilih juga haruslah tebal (tidak menampakkan warna kulit), tidak nipis (jika nipis perlu memakai *lining*) dan selesa dipakai supaya boleh mengelak fitnah daripada masyarakat sekeliling serta dapat menjaga maruah wanita tersebut. Hal ini kerana, pakaian yang nipis akan menampakkan bentuk tubuh dan kecantikan wanita yang hanya boleh dilihat oleh mahram mereka sahaja. Pakaian masyarakat Melayu yang boleh dilestarikan ialah baju kurung kerana pakaian tersebut longgar dan tidak sempit. Manakala jubah yang longgar adalah contoh pakaian Islam. Hal ini kerana pakaian yang ketat akan menampakkan bentuk tubuh badan dan bahagian-bahagian tertentu yang boleh menimbulkan nafsu syahwat dan fitnah. Cara pemakaian tersebut tidak memenuhi pensyariaan pakaian yang telah diuntut oleh Islam iaitu wajib menutup aurat dengan sempurna.

### **Elemen Hiasan**

Elemen hiasan dalam pakaian akan menyerikan lagi penampilan apabila ingin berfesyen. Perhiasan masyarakat Melayu selalunya bergantung kepada status sosial manakala agama Islam menuntut umatnya besederhana dalam memilih perhiasan seperti rantai, gelang, cincin dan minyak wangian yang sederhana (tidak terlalu wangi) supaya tidak menarik perhatian orang lain dengan bau-bauan yang terlalu kuat. Apabila ingin memilih cara berpakaian aksesori dan perhiasan akan menjadi pelengkap kepada penampilan diri. Pemilihan aksesori dan perhiasan boleh menambahkan lagi kecantikan dalam berfesyen. Oleh sebab itu, pemilihan aksesori dan perhiasan seperti rantai, batu permata dan manik yang berlebihan boleh menimbulkan perasaan ingin menunjuk-nunjuk dan riak dalam diri pemakai. Masyarakat haruslah besederhana mengikut panduan yang telah ditetapkan oleh Islam. Pemakaian bau wangi-wangian seperti minyak wangi, bedak, “deodorant” adalah digalakkan tetapi tidak boleh berlebihan. Pemakaian wangian yang berlebihan boleh menarik perhatian dan dihidu oleh orang lain. Pemakaian wangi-wangian ini boleh menambahkan keyakinan diri dan membersihkan diri daripada bau yang tidak di senangi supaya tidak menimbulkan fitnah.

### **Elemen Warna**

Warna asas pakaian masyarakat Melayu pada zaman dahulu ialah merah dan... manakala warna kuning dikhususkan untuk raja, permaisuri dan pembesar-pembesar istana. Sebagai rakyat yang setia mereka harus menghormati perlambangan raja-raja. Islam tidak menetapkan warna tertentu dalam pemakaian tetapi menggalakkan umatnya memakai warna putih dan warna gelap serta mengelakkan warna terang supaya tidak menarik perhatian orang lain. Perkembangan industri pakaian masa kini menyebabkan wujudnya perlbagai pilihan warna kepada masyarakat untuk berfesyen.

### **Elemen Prinsip**

Elemen prinsip yang perlu dilestarikan ialah menutup aurat dan sopan. Kedua-dua ini menepati ciri-ciri pakaian Melayu dan Islam. Selain itu juga prinsip dalam ciri pakaian Islam ialah tidak menyerupai orang kafir. Sebagai masyarakat Melayu dan beragama Islam kita haruslah berbangga dengan identiti kita. Kita haruslah mengikut etika pemakaian yang telah ditetapkan oleh budaya Melayu dan agama Islam. Pakaian yang di pakai haruslah dapat membezakan wanita Islam dengan wanita bukan Islam. Tidak meniru pakaian lelaki (bagi perempuan) dan sebaliknya. Allah telah menciptakan manusia dengan sebaik-baik kejadian dan sempurna. Perkembangan fesyen yang pesat dalam aspek pakaian memberikan pelbagai pilihan kepada masyarakat Melayu untuk memilih cara berpakaian. Masyarakat perempuan sekarang gemar memakai t-shirt dan seluar yang menyerupai lelaki. Sedangkan fitrah wanita adalah digalakkan memakai tshirt yang labuh dan longgar bukannya ketat mengikut bentuk tubuh. Tujuan berpakaian tidak menunjukkan kemasyuran dan kebanggan, Pakaian yang dipakai adalah tidak bertujuan untuk bermegah atau menunjuk-nunjuk malah niat untuk berpakaian adalah untuk menutup aurat dengan sempurna. Selain itu juga, memakai pakaian baru harus dimulakan dengan doa.

### **Elemen Struktur**

Kelestarian elemen struktur dalam pakaian perempuan Melayu Islam ialah baju, kain labuh, jubah dan kelubung atau selendang yang labuh hingga menutupi bahagian dada, lengan baju haruslah panjang hingga pergelangan tangan, labuh kain tutup kaki dan pakai stoking. Manakala lelaki ialah Baju yang labuh ke pinggul, seluar, sampin dan destar atau baju, kain dan kopiah atau songkok, seluar atau sarung yang melepasi lutut dan labuh yang tidak melebihi paras buku lali.

### **Elemen Fabrik**

Masyarakat Melayu tidak mempunyai ketetapan fabrik yang tertentu malah mempunyai pelbagai pilihan fabrik dari luar dan tradisional. Kelestarian elemen fabrik dalam pakaian Melayu Islam adalah tidak ditetapkan asalkan bukan daripada kulit binatang dan bersesuaian dengan fabrik pakaian Melayu Islam.

## **PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

Pakaian masyarakat Melayu mempunyai keunikan dan elemennya yang tersendiri. Kesenambungan elemen pakaian masyarakat Melayu yang masih kekal adalah disebabkan oleh wujudnya golongan yang masih cuba untuk mengekalkan imej dan norma tradisional, khususnya dari segi struktur dan reka bentuk pakaian. Golongan tersebut adalah tukang jahit, mak andam atau pereka fesyen yang akan berusaha untuk mengekalkan keaslian bahan pakaian dan perhiasan seperti kain songket, dokoh, gelang besar dan ada juga yang menggabungkan imej dan pola tradisi dalam fesyen pakaian sehingga mengubah gaya asal



pakaian tradisional. Golongan ini mempunyai keinginan untuk melestarikan elemen pakaian Melayu Islam tapi dilemahkan oleh, kesedaran dan kefahaman masyarakat tentang ciri-ciri pakaian yang di tuntutan oleh agama dan masyarakat Melayu. Keadaan ini terjadi kerana tuntutan fesyen semasa dan peredaran zaman yang semakin serba moden. Kini sudah tiba masanya untuk melestarikan semula elemen Melayu Islam dalam pakaian. Agensi pelaksana seperti Kementerian Kesenian Warisan haruslah mengkaji semula langkah yang terbaik untuk memartabatkan cara pemakaian masyarakat Melayu dan mewujudkan satu industri yang khusus untuk menghasilkan pakaian yang menepati ciri-ciri Melayu dan Islam dalam rekaanya. Pakaian Melayu perlu dilestarikan supaya tidak terhakis dan dilupakan kerana pakaian Melayu merupakan warisan budaya yang melambangkan jati diri dan identiti bangsa Melayu. Generasi muda haruslah mengekalkan budaya pemakaian ini supaya dapat diwarisi oleh generasi yang seterusnya kerana kemasukan pelbagai fesyen baru tidak dapat menggambarkan jiwa orang Melayu yang lemah lembut dan sopan santun. Namun dalam memilih cara berpakaian aurat merupakan satu tuntutan agama yang harus diutamakan. Oleh sebab itu, remaja haruslah memilih pakaian yang bersesuaian dengan agama dan budaya masyarakat Melayu.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, kelestarian elemen budaya Melayu dalam gaya berpakaian yang berlandaskan syariat Islam harus dikekalkan kerana cara berpakaian akan menggambarkan jati diri dan menjaga maruah serta dapat mencerminkan perwatakan, nilai hidup dan kesantunan budi masyarakat Melayu. Selain itu juga, elemen-elemen ini juga boleh menjadi panduan kepada masyarakat Melayu apabila ingin memilih cara berpakaian.

## RUJUKAN

- Abbas Alias, & Norwani Md. Nawawi. (2006). *Pakaian Melayu Sepanjang Zaman* (Vol. 2). Perpustakaan Negara Malaysia: Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Akmal Mohd Zain. (2006). *Halal Dan Haram Dalam Kehidupan*: Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers.
- Asliza Aris, Norwani Md. Nawawi, & Saemah Yusof. (2015). *Refleksi Islam Dalam Pakaian Tradisional Melayu: Baju Kurung*.
- Azrina Sobian. (2014). *Kelestarian: Daripada Faham Kepada Tindakan*.
- Fatimah Hassan, & Fauziah Che Lah. (2007, 8-9 September 2007). *Pembangunan Pelancongan Lestari di Felda Gugusan Trolak : Satu Analisis*. Paper presented at the Seminar Kebangsaan Geografi-Dunia Tanpa Sempadan., Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.
- Haziyah Hussin, & Norwani Md. Nawawi @Eshah Haji Mohamed. (2013). *Evolusi dan Tipologi Pakaian Wanita Melayu Di Semenanjung Malaysia*. *Jurnal Arkeologi Malaysia*.
- Maziah Ab Rashid. (2005). *Kaedah Tradisional Pembuatan Tekstil Dan Pakaian Melayu Kajian Kes : Pantai Timur*. (Tesis Phd), Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Mohd Syah Zali Ramle (2013 ). *Fesyen Pemakaian Tudung Di Kalangan Remaja : Satu Kajian Di Jitra* ( Ijazah Sarjana Muda), Open University Malaysia
- Muhammad Abdul Aziz Amru. (2009). *Pakaian Dan Perhiasan Dalam Syariat Islam (Ter : Mohd Nasir Abdullah)*. Kuala Lumpur: Darulfikir Sdn Bhd.
- Nazarudin Zainun, & Mohamad Omar Bidin. (2017). *Pelestarian Silat Melayu Antara Warisan Dengan Amalan*. Pulau Pinang, Malaysia: Universiti Sains Malaysia.

- Rashidah Othman, Siti Norlina Muhamad, Farahwahida Mohd Yusof, & Muhammad Amir Wan Harun. (2016). Fesyen Wanita Menurut Persepektif Islam Dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Fizikal Dan Spiritual. *Sains Humanika*.
- Rokiah Ismail. (2003). *Fesyen Pakaian Remaja: Mengapa perlu "Ranggi"*. Paper presented at the Prosiding Persidangan Kebangsaan, UKM Bangi.
- Roslan Ab Rahman, Dasima Sidek, Khiral Anuar Daud, & Abdulsoma Thoarlim. (2015). *Kepentingan Memberi Salam Dan Etika Berpakaian Menurut Islam*. Paper presented at the International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.
- Saadah Ibrahim. (2012). *Tahap Kefahaman Dan Amalan Terhadap Kefarduan Menutup Aurat Di Kalangan Pelajar Di Tiga Buah Sekolah Menengah Agama Daerah Pekan*. (Thesis Sarjana Muda), Open University Malaysia.
- Sariah Abd Jalil. (2016). *Panduan Pelaksanaan Kelestarian Global*. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Shofian Ahmad, & Lotfiah Zainol Abidin. (2004). *Aurat Kod Pakaian Islam (Vol. 1)*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Siti Zainon Ismail. (2006). *Pakaian Cara Melayu*: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tenas Effendy. (2002). Nilai-Nilai Asas "Jati Diri Melayu Yang Islami".
- Tenas Effendy. (2004). *Etika Berpakaian Melayu, Busana Melaka*: Institut Seni Malaysia Melaka (ISMMA).
- Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, & Ahmad Arifin Sapar. (2013). Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal Of islamic Education, Vol.1* (1).
- Zunaidah Zainon. (2006). Berfesyen Biar Menepati Syariat.
- Topics and Learning Objectives, Global Citizenship Education. (2015). Paris: United Nations Educational, Scietific and Cultural Organization.

## PENDIDIKAN KOMUNITI DALAM PROJEK MAKMAL SOSIAL ; KAJIAN KES DI KG. TAKANG

Dr. Noor Hisham Md Nawawi, Dr. Ahmad Abdul Rahman, Dr. Nik Yusri Musa, Dr. Zaleha Embong, Dr. Thalal Hassan, Alia Nadhirah Ahmad Kamal, Dr. Asma Lailee Mohd Noor  
Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan  
hisham@umk.edu.my

### ABSTRAK

Projek Makmal Sosial adalah satu inisiatif yang bersifat jangka panjang dari Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan untuk membangunkan komuniti secara holistik. Projek ini mengaplikasikan model Hijraturrasul dengan menjadikan masjid sebagai pusat segala kegiatan dan aktiviti komuniti. Komuniti juga diperkenalkan dengan konsep pendidikan bersepadu dan prinsip *aulawiyat* untuk membimbing mereka supaya hidup secara mandiri dan tidak mengharapkan bantuan dari pihak luar. Pelaporan penulisan ini menggunakan pendekatan kajian kes dengan mengaplikasikan kaedah pemerhatian dalam kategori peserta sebagai pemerhati. Berdasarkan analisis yang dilakukan, perkembangan projek Makmal Sosial tersebut boleh dibahagikan kepada lima fasa iaitu permulaan, perkembangan, kemuncak, konflik dan bertenang. Projek ini telah membawa perubahan yang besar kepada komuniti dari aspek cara berfikir dan pembinaan sikap mandiri sehingga berjaya meraih johan Pertandingan Anugerah Desa Perdana peringkat negeri dan mewakili Kelantan ke peringkat kebangsaan. Walau bagaimanapun, berlaku konflik yang disebabkan oleh campurtangan politik yang menyebabkan komuniti menjadi pecah dan berpuak-puak. Konsep Makmal Sosial PBI, UMK melalui model Hijraturrasul telah berjaya mendidik komuniti dengan strategi meletakkan agama sebagai asas kepada pembangunan dan kemajuan hidup. Projek ini wajar diteruskan pada masa hadapan dengan sikap yang lebih berhati-hati dengan campurtangan pihak yang berkepentingan.

**Kata kunci:** Pendidikan komuniti, makmal sosial, pembangunan, konflik dan mandiri.

### PENDAHULUAN

Bangsa yang maju adalah bangsa yang mempunyai budaya ilmu yang tinggi. Menurut Wan Mohd Nor (2003), 'budaya ilmu' bermaksud kewujudan satu keadaan di mana setiap lapisan masyarakat melibatkan diri baik secara langsung mahupun tidak langsung dengan kegiatan-kegiatan keilmuan di setiap kesempatan. Ia juga merujuk kepada kewujudan satu keadaan di mana segala tindakan manusia baik di tahap individu, apatah lagi di peringkat masyarakat, diputus dan dilaksanakan berdasarkan ilmu pengetahuan. Beliau juga telah menyenaraikan tujuh bangsa yang wajar dicontohi dari aspek budaya ilmu seperti bangsa Yahudi, India, Jepun dan lain-lain. Untuk mencapai status bangsa yang berbudaya ilmu, komuniti atau setiap warga negara perlu memahami makna pendidikan dan mengamalkan budaya pembelajaran sepanjang hayat. Pendidikan mempunyai makna yang luas dan rumit. Dalam keterbatasan ruang, makna pendidikan yang dipilih adalah merujuk kepada pandangan Khursyid Ahmad (1992) bahawa pendidikan ialah suatu latihan aqliah, jasmaniah dan rohaniah bagi melahirkan manusia yang berkebudayaan tinggi, yang sanggup melaksanakan tanggungjawab sebagai insan yang baik dan warganegara yang berguna. Pendidikan tidak dapat dipisahkan dengan konsep pembelajaran dan pengajaran. Dan pendidikan sejati sangat berkait rapat dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat

(SPH). Hanya bangsa yang bersedia belajar di sepanjang garis kehidupan mereka sahaja yang sanggup mengamalkan budaya ilmu aras tinggi.

## **KONSEP PENDIDIKAN KOMUNITI**

Program Pendidikan Komuniti adalah satu gerakan menyatukan sumber komuniti dan sekolah untuk memenuhi keperluan dan kebaikan bersama. Ia bertujuan untuk mewujudkan satu suasana dan sekitaran belajar yang sempurna, di mana sekolah, keluarga dan komuniti bersama-sama berusaha bukan sahaja untuk kebaikan pelajar, tetapi juga untuk kesejahteraan anggota komuniti keseluruhannya. Idea ini menghampiri konsep komuniti pembelajaran profesional (KPP) yang berusaha membina kapasiti dalam kalangan profesional sekolah bagi menghadapi cabaran berkaitan peningkatan pembelajaran murid (Eaker, DuFour dan DuFour, 2002). Menurut DuFour (2004), lagi KPP memberi penumpuan kepada pembelajaran berbanding pengajaran, bekerja secara kolaborasi dan bertanggung jawab untuk mendapatkan hasilnya. Dalam konteks yang sama, pendidikan komuniti adalah satu program pendidikan yang disusun dan digerakkan untuk membangunkan, memupuk dan menyuburkan seluruh potensi keinsanan (rohaniah dan jasmaniah). Ia bertujuan untuk membina kemampuan sendiri supaya terus subur dan berkembang, mampu menghadapi segala kemungkinan lingkungan, suasana dan persekitaran, serta berusaha membangun diri, keluarga, organisasi dan negara dalam batasan wilayah dan kemampuan masing-masing.

Dalam konteks pengajian tinggi, Universiti Putra Malaysia melalui Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) telah mengangkat konsep pendidikan komuniti dan pembangunan sebagai satu bidang ilmu pengkhususan yang menawarkan pembelajaran saintifik dan penyelidikan dalam pembangunan individu dan kumpulan pada peringkat komuniti terutamanya para belia untuk meningkatkan taraf kualiti hidup dan kesejahteraan komuniti. Pendekatan ini memberi penumpuan kepada aspek pendidikan dan pembangunan yang berlaku dalam komuniti di pelbagai peringkat dan tidak hanya tertumpu kepada persekolan rasmi semata-mata. Dalam penulisan ini, pendidikan komuniti merujuk kepada satu gerakan untuk mendidik komuniti mengembangkan potensi diri mereka dalam bentuk pertambahan ilmu pengetahuan, kemahiran, pengembangan sikap dan penanaman nilai-nilai murni bagi meningkatkan kualiti kehidupan seiring dengan ajaran Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna. Dengan kefahaman tersebut, pengertian pendidikan komuniti bersambungan langsung dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat (PSH) yang diperlukan untuk membina budaya ilmu yang tinggi dalam sesebuah negara yang maju.

## **KONSEP PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT**

Konsep pendidikan sepanjang hayat (SPH) merangkumi pengertian yang begitu luas. Suruhanjaya Eropah mentakrifkan PSH sebagai segala aktiviti pembelajaran yang dilakukan sepanjang hidup, dengan tujuan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi, dalam aspek yang berkait dengan peribadi, sosial atau pekerjaan. Manakala *The National Organization for Economic Co-operation and Development (OECD)* yang terdiri daripada 36 buah negara, mentakrifkan PSH sebagai semua jenis aktiviti pembelajaran tanpa mengira had umur. PSH menekankan kepada proses pembelajaran sendiri dan bukannya proses pengajaran. Ia boleh dilakukan sama ada secara formal seperti di sekolah, instituti pengajian dan pusat latihan vokasional, ataupun secara tidak formal iaitu berdasarkan pengamalan dan latihan di tempat kerja masing-masing. Di Malaysia, definisi PSH berdasarkan Pelan Induk Pembudayaan PSH 2011-2020, iaitu “pembelajaran yang disertai oleh mereka yang berumur 15 hingga 64 tahun ke atas kecuali pelajar profesional”. Pelajar profesional adalah mereka yang mengikuti kursus sepenuh masa di sekolah, kolej atau universiti dengan tujuan untuk

memperoleh kelayakan akademik atau kemahiran (KPM 2018). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat untuk membudayakan PSH dalam kalangan masyarakat supaya ia menjadi sebahagian dalam budaya dan gaya hidup rakyat Malaysia menjelang 2025. Dalam perspektif Islam, PSH adalah satu tuntutan khususnya dalam kategori fardhu ain yang bersifat dinamik dan berkembang mengikut perkembangan seseorang individu muslim (al-Attas 2001). Konsep PSH juga melibatkan skema ilmu fardhu kifayah yang sentiasa berkembang mengikut keperluan ummah dan peredaran zaman. Dalam sistem ilmu Islam, ilmu fardhu ain yang berperanan untuk mengawal dan membimbing perkembangan ilmu fardhu kifayah supaya sistem ilmu tersebut bersambungan dengan tanggungjawab keagamaan. Ringkasnya, pendidikan sepanjang hayat ialah suatu proses pembelajaran yang berterusan bagi tujuan meningkat pengetahuan dan kemahiran seseorang yang bersambungan dengan skema ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah.

### **KONSEP MAKMAL SOSIAL**

Makmal adalah satu tempat di mana para penyelidik melakukan pelbagai eksperimen dan penyelidikan khususnya yang melibatkan bidang ilmu sains tabii seperti ilmu biologi. Bidang ilmu ini memerlukan makmal untuk memerhatikan gejala alamiah secara saintifik, terkawal dan empirikal. Makmal biasanya dibezakan mengikut bidang ilmunya seperti makmal kimia, makmal biologi dan makmal komputer. Dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan, konsep makmal jarang digunakan kerana manusia sebagai individu atau secara berkumpulan dikaji dalam bentuknya yang tabii. Walau bagaimanapun, konsep 'makmal terbuka' atau 'makmal sosial' tetap relevan dalam bidang ilmu tersebut kerana manusia secara kompleks saling berinteraksi antara satu sama lain, persekitaran dan alam keseluruhannya. Melalui makmal sosial tersebut, pengkaji boleh membuat pemerhatian, andaian, pengujian, rumusan dan sebagainya secara lebih berfokus dengan menggunakan pelbagai kaedah bagi memahami gelagat tingkahlaku manusia, pembuatan keputusan dan perkara yang berkaitan. Konsep Makmal Sosial pernah dilancarkan oleh Universiti Putra Malaysia pada tahun 2015 yang direka khusus untuk pembangunan pelajar secara holistik yang menggabungkan tiga elemen iaitu pelajar, majikan dan juga ibubapa (laman portal UPM 2015). Walau bagaimanapun, konsep Makmal Sosial yang dikemukakan dalam penulisan ini sedikit berbeza kerana penumpuannya adalah kepada komuniti dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti kehidupan mereka dalam segala aspek. Makmal sosial ini juga berperanan sebagai medan lapangan bagi para ilmuwan dan penyelidik khususnya dalam bidang sains kemanusiaan di IPT untuk mengaplikasikan segala ilmu dan kemahiran bagi membantu masyarakat secara terancang dan sistematik. Tanpa makmal sosial, kebanyakan hasil penyelidikan hanya terperap dalam bentuk laporan atau penulisan di perpustakaan dan tidak dimanfaatkan secara optimum oleh masyarakat.

### **PENUBUHAN MAKMAL SOSIAL PUSAT PENGAJIAN BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSANIAH (PBI) UMK**

Cadangan untuk mewujudkan makmal sosial bukanlah suatu perkara baru di PBI dan telah lama dibincangkan sebelum ini. Inisiatif ini bertepatan dengan umur UMK yang telah pun mencapai satu dekad. Melalui projek ini, pihak PBI mempunyai satu fokus untuk menjalankan pelbagai aktiviti keilmuan dan penyelidikan secara berterusan dalam jangka masa yang panjang. Dalam konteks yang lebih besar, projek ini boleh dijadikan platform untuk ahli akademik UMK khususnya PBI untuk berinteraksi, berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam pelbagai disiplin ilmu serta menjalin hubungan strategik dengan pelbagai pihak yang berkepentingan atas nama ilmu dan kebenaran.

Projek ini juga juga memberi peluang kepada ahli akademik dari pelbagai fakulti untuk bergabung tenaga dan kepakaran bagi membantu masyarakat serta menggalakkan budaya keserjanaan yang berteraskan penyelidikan dalam kalangan ahli akademik, umumnya di UMK dan khususnya di PBI. Justeru, satu makmal sosial dalam bentuk kampung angkat yang dipilih secara khusus adalah satu keperluan yang mendesak.

### **Objektif Makmal Sosial**

Makmal Sosial PBI telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Februari 2017 melalui satu kertas kerja yang diluluskan oleh Mesyuarat Pengurusan PBI. Berdasarkan kertaskerja tersebut, Makmal Sosial PBI seharusnya berusaha mencapai tiga objektif sebagaimana berikut :

1. Menyediakan satu platform dalam bentuk makmal kehidupan sebenar bagi para pensyarah/penyelidik PBI untuk mempraktikkan segala ilmu dan kemahiran kepada masyarakat secara langsung dan melihat keberkesanan atau impaknya kepada mereka.
2. Memberi peluang kepada penyelidik Universiti khususnya di PBI untuk menjalankan pelbagai penyelidikan dan ujikaji dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan khususnya dan bidang-bidang lain yang berkaitan amnya secara berfokus, melibatkan pelbagai disiplin ilmu secara menyeluruh dan holistik serta bersifat longitudinal.
3. Menghubungkan Universiti dengan masyarakat dalam bentuk yang terancang, sistematik dan bersifat jangka panjang.

### **Model Pembangunan Komuniti**

Projek Makmal Sosial PBI UMK menggunakan Model Hijaturrasul yang terkandung di dalamnya konsep pendidikan bersepadu dan prinsip *aulawiyat*. Model Hijaturrasul adalah satu model pembangunan komuniti yang cuba mengaplikasikan peristiwa hijrah baginda Nabi Muhammad SAW yang berpindah dari Mekah al-Mukarramah ke Madinah al-Munawwarah kerana mematuhi arahan Allah (al-Buti 1983). Baginda telah menggunakan tiga strategi utama sebaik sahaja tiba di Madinah untuk membangunkan masyarakat berbilang bangsa dan agama di Madinah. Strategi yang sama digunakan dalam projek Makmal Sosial ini dengan mengubahsuai beberapa aspek berdasarkan konteks tempatan dan perkembangan semasa. Strategi pembangunan tersebut adalah sebagaimana berikut :

- 1) Mengoptimumkan fungsi masjid dalam mengaplikasi strategi mendirikan Masjid Nabawi dengan segala fungsinya pada zaman baginda Rasulullah.
- 2) Memantapkan hubungan persaudarakan dan ukhuwwah antara warga Takang dan pihak luar dalam mengaplikasikan strategi mempersaudarakan kaum muhajirin dan ansar.
- 3) Mengadakan kontrak sosial dengan semua pihak yang terlibat mengenai matlamat, halatuju dan impak projek dalam mengaplikasikan strategi mengadakan perjanjian damai dengan pelbagai pihak melalui piagam Madinah.


Di samping Model Hijaturrasul, projek Makmal Sosial juga mengaplikasikan konsep Pendidikan Bersepadu yang mengajak masyarakat untuk memahami dua perkara berikut :

- a) Perubahan sejati adalah perubahan pada nilai dan prinsip hidup membawa kepada perubahan cara berfikir, cara tingkahlaku, pembentukan sikap dan budaya hidup.
- b) Pendidikan yang menyepadukan tuntutan fardhu ain individu (dalam konteks yang tepat dan luas) dengan tuntutan fardhu kifayah komuniti (tuntutan salingan dan keperluan komuniti).

Kedua-duanya diperlukan untuk saling lengkap melengkapi bagi melahirkan pembangunan komuniti yang bersepadu dan mandiri.

Untuk melengkapkan Model Pembangunan Komuniti Hijaturrasul, prinsip *aulawiyat* menurut al-Qaradhawi (2014) turut digunapakai dengan mengaplikasikan sembilan prinsip di bawah :

No	Prinsip Keutamaan
1	Fardhu Ain berbanding dengan Fardhu Kifayah
2	Amalan fardhu berbanding dengan amalan sunat
3	Usul (asas) berbanding dengan furu' (cabangan)
4	Kualiti berbanding dengan kuantiti
5	Berkesinambungan berbanding dengan terputus-putus
6	Amalan hati berbanding dengan amalan badan
7	Manfaat orang ramai berbanding dengan untuk diri sendiri
8	Manfaat yang lama berbanding dengan manfaat yang singkat
9	Keutamaan hak jamaah berbanding dengan hak individu.



Rajah 1 Sembilan prinsip aulawiyat menurut al-Qaradhawi (2014)

Prinsip *aulawiyat* di atas sangat penting untuk memandu komuniti agar mampu meletakkan setiap perkara di tempatnya yang paling tepat. Prinsip *aulawiyat* banyak mendidik masyarakat agar mengutamakan perkara yang terpenting berbanding yang penting, mendahulukan perkara yang paling asas berbanding dengan aspek cabang dan kepentingan yang melibatkan ramai pihak berbanding dengan kepentingan individu. Semua susunan ini berpandukan pedoman wahyu dan bukannya rasional akal semata-mata.

### Kaedah Pelaksanaan

1.1 Mengadakan siri perbincangan secara teratur antara pihak PBI UMK dengan pihak kepimpinan komuniti dalam menentukan halatuju dan skop ruang kerjasama antara pihak universiti dan komuniti.

1.2 Projek kerjasama Makmal Sosial melibatkan pelbagai golongan secara berfokus seperti golongan tua, belia, wanita dan remaja/kanak-kanak.

1.3 Menentukan pendekatan, bentuk dan kaedah penyampaian program atau projek yang dipersetujui bersama antara pihak pusat dan komuniti. Secara keseluruhan projek seharusnya dilaksanakan dengan semangat menang-menang.

1.4 Menentukan cara penilaian atau impak kepada komuniti dan bentuk manfaat yang bakal diperoleh penduduk.

1.5 Projek yang dilaksanakan bersifat holistik (dimensi fizikal, minda, emosi dan kerohanian) dan melibatkan pelbagai aspek serta bidang ilmu (multidisiplin / interdisiplin / transdisiplin) bagi mencapai pembangunan yang bersepadu dan seimbang.

1.6 Projek dibahagikan kepada empat sektor untuk menjadikannya lebih fokus dan sistematik sebagaimana berikut :

- i) Sektor Kerohanian dan Pembangunan Diri
- ii) Sektor Kebersihan dan Keceriaan
- iii) Sektor Keusahawanan dan Pengembangan Ekonomi
- iv) Sektor Pendidikan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat

## **PEMILIHAN KG. TAKANG SEBAGAI LOKASI PERINTIS PROJEK**

Kg. Takang terletak di Mukim Tawang, Jajahan Bachok, bersempadan dengan Jajahan Kota Bharu, negeri Kelantan. Lokasinya tidak terlalu jauh dari Bandar Kota Bharu (18 kilometer) dan Bandar Bachok (15 kilometer). Jika dilihat dari atas, Kg Takang seperti seponon kulat yang kecil. Kg. Takang mula dibangunkan sekitar tahun 1811 oleh seorang individu yang sangat gigih. Hasil kegigihannya, Kg Takang yang dahulunya hutan tebal telah ditukar menjadi kawasan penempatan. Kampung ini terdiri daripada 109 keluarga dengan populasi 561 orang (295 lelaki) dan (266 perempuan) yang kebanyakannya mempunyai ikatan kekeluargaan. Jumlah penduduk yang berumur 50 tahun ke atas adalah 101 orang (47 lelaki) dan (54 perempuan). Jumlah ini adalah 18 peratus dari populasi penduduk. Hubungan mereka sangat rapat dan mempunyai budaya kerjasama yang sangat baik. Para pimpinannya dari pelbagai peringkat (penghulu, imam dan belia) sentiasa bekerjasama, berjiwa besar dan menunjukkan kesanggupan yang tinggi demi untuk meningkatkan kualiti kehidupan penduduk.

Penduduk Kg Takang terlibat dalam pelbagai kegiatan ekonomi seperti pertanian (tanaman padi), perniagaan dan perusahaan (runcit, ternakan ayam, pembuatan batik, pembancuhan simen, industri kecil kerepek dan kuih) dan aktif dalam kegiatan sosial dan keagamaan. Sebahagian generasi muda berhijrah ke bandar mencari pekerjaan khususnya di Pantai Barat Semenanjung. Generasi tua penduduk Kg Takang secara umumnya masih terlibat dengan aktiviti pertanian terutama penanaman padi, penternakan (lembu dan biri-biri) dan pembuatan kuih muih tradisional. Mereka rapat dengan alam. Mereka juga bersosialisasi dengan menjadikan kedai kopi sebagai tempat berkumpul bagi golongan lelaki. Sebahagian besar golongan tua menghabiskan banyak masa di masjid samada untuk mengerjakan ibadat atau mempelajari ilmu agama. Penduduk Takang gemar melangsungkan perkahwinan anak-anak mereka sesama penduduk kampung. Ini menjadikan perhubungan mereka menjadi rapat kerana pertalian keturunan dan juga perkahwinan. Ada ketikanya mereka menjadi sangat sensitif dengan isu-isu politik dan berpotensi untuk hidup secara berpuak-puak.



### **Justifikasi Pemilihan Kg Takang Sebagai Projek Perintis**

Kg Takang, Bachok telah dipilih untuk dijadikan perintis dalam projek Makmal Sosial dengan justifikasi berikut :

- 1) Kg Takang adalah sebuah perkampungan kecil yang terdiri daripada 106 keluarga yang kebanyakannya mempunyai ikatan kekeluargaan yang rapat. Komuniti yang kecil dan kerjasama yang baik antara penduduk kampung amat penting untuk memudahkan segala urusan dan pengurusan program.
- 2) Lokasinya tidak terlalu jauh dari UMK kampus Bachok (19 kilometer) dan UMK Kampus Kota (15 kilometer). Kedudukan ini strategik bagi memudahkan perhubungan dan pergerakan staf dan penyelidik ke lokasi berkenaan.
- 3) Kerjasama yang baik antara pimpinan tempatan dari pelbagai peringkat (penghulu persekutuan dan negeri, imam dan pemimpin belia). Para pemimpin setempat menunjukkan toleransi dan kesanggupan yang tinggi untuk meningkatkan kualiti penduduk setempat.
- 4) Penduduk Kg Takang terlibat dalam pelbagai kegiatan ekonomi seperti pertanian (tanaman padi), perniagaan dan perusahaan (runcit, ternakan ayam, pembuatan batik, pembancuhan simen, industri kecil kerepek dan kuih) dan aktif dalam kegiatan sosial dan keagamaan.
- 5) Pergerakan belia dan remaja yang aktif. Kg Takang mempunyai pasukan sukarelawan belia yang dikenali sebagai SMART yang aktif membantu masyarakat setempat dan juga masyarakat di luar. Di samping itu, Kg Takang juga mempunyai pasukan Dikir Barat remaja yang dikenali sebagai STAR.

### **METODOLOGI**

Pelaporan penulisan ini menggunakan pendekatan kajian kes yang menggunakan kaedah pemerhatian dalam kategori peserta sebagai pemerhati (Chua Yan Piaw 2006). Pendekatan kajian kes sesuai digunakan dalam projek Makmal Sosial kerana ia digunakan untuk mengumpul maklumat secara mendalam dan sistematik mengenai tingkahlaku individu dan keadaan sosial untuk mengetahui bagaimana tingkahlaku individu atau perubahan keadaan sosial yang berlaku di Kg Takang. Kajian kes ini memfokuskan kepada sekumpulan individu secara khusus dan ahli komuniti secara umum dengan menggunakan kaedah pengumpulan data secara pemerhatian. Aspek yang diberi tumpuan ialah maklumbalas tingkahlaku, perasaan dan sikap komuniti terhadap model pembangunan Hijraturrasul, amalan pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat serta penanaman nilai mandiri. Untuk mengumpul data, kaedah peserta sebagai pemerhati digunakan. Dalam konteks ini, pengkaji mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti projek Makmal Sosial dan statusnya sebagai pemerhati diketahui oleh pihak komuniti. Pengkaji mencatat tingkahlaku dan maklumbalas warga komuniti yang terlibat khususnya pihak kepimpinan komuniti (penghulu, imam, kepimpinan belia dan wanita). Tingkahlaku dan maklumbalas mereka penting kerana keputusan mereka banyak mencorakkan tindakbalas para pengikut masing-masing terhadap aktiviti yang telah diatur. Penyelidik melibatkan diri secara aktif bersama komuniti Kg Takang untuk memahami secara langsung dan jelas mengenai tingkahlaku, perasaan, dan sikap mereka terhadap semua aktiviti yang telah diatur dan dilaksanakan dalam projek Makmal Sosial tersebut.

### **PERBINCANGAN**

#### **Perjalanan Makmal Sosial**

Projek Makmal Sosial bermula secara rasmi pada bulan Mac dan tamat peringkat pertama pada penghujung bulan Oktober 2017. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan,

perkembangan projek Makmal Sosial boleh dibahagikan kepada lima fasa sebagaimana berikut :

#### *Fasa Permulaan*

Pada peringkat ini, perbincangan berlaku di peringkat kepimpinan kampung melibatkan penghulu kerajaan persekutuan, penghulu kerajaan negeri dan imam. Ketua peringkat komuniti dilantik dari kalangan ahli komuniti yang berpendidikan tinggi agama. Mereka melantik imam sebagai penasihat dan kedua-dua penghulu sebagai timbalan ketua. Asas-asas utama projek dibincang dan dipersetujui bersama lalu membentuk Piagam Muafakat yang terkandung di dalamnya beberapa prinsip penting. Asas motivasi projek bagi komuniti Takang adalah agama iaitu Islam . Motto mereka adalah “semuanya masuk syurga Allah secara beramai-ramai”. Justeru, semua aktiviti dilakukan kerana Allah. Komuniti dibahagikan kepada empat zon bagi menggalakkan mereka saling berlumba-lumba dan bersaing untuk menjadi kumpulan yang terbaik. Pertandingan tersebut meliputi keempat-empat sektor yang telah dinyatakan. Setiap rumah diberi nombor sebagai identiti untuk memudahkan urusan dokumentasi dan penilaian.

#### *Fasa Perkembangan*

Projek Makmal Sosial berkembang dengan baik. Ia bermula dengan sektor kerohanian dan kebersihan. Masjid dijadikan sebagai pusat sehenti komuniti. Hampir semua aktiviti komuniti dilaksanakan di masjid. Pengisian kerohanian ditingkatkan. Kehadiran komuniti ke masjid bagi menunaikan solat subuh dijadikan indikator dan direkodkan mengikut zon. Masjid tidak hanya menumpukan kepada aktiviti kerohanian bahkan meliputi aspek pendidikan, kebudayaan, sukan dan lain-lain. Sektor kebersihan juga berjalan dengan amat rancak. Setiap zon bersungguh-sungguh membersihkan dan menghias kawasan masing-masing. Setiap rumah dinilai oleh pensyarah UMK pada setiap bulan dengan kriteria-kriteria tertentu yang telah dimaklumkan terlebih dahulu. Setiap zon berusaha untuk mewujudkan kelebihan masing-masing seperti restoran Nibong, Taman Madani, Dataran Muafakat dan lain-lain. Hampir setiap rumah dibersihkan dan dihias cantik. Gotong-royong sentiasa diadakan samada di peringkat komuniti (umum) atau peringkat zon (khusus). Contoh gotong royong umum ialah kerjasama membina mercutanda Kg Takang dengan menggunakan batang pokok Nibong, bersama-sama mengecat tayar, membersihkan jalanraya dan taliair. Suasana Kg. Takang berubah secara drastik. Hampir semua warga Takang sibuk memperkatakan tentang keadaan zon masing-masing. Malah mereka sanggup mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk menyiapkan projek zon seperti membina gerbang di Zon D dan lain-lain. Tiada bantuan kewangan diberikan, namun pelbagai aktiviti dijalankan. Penglibatan aktivis masyarakat memeriahkan lagi suasana. Dia mengambil inisiatif untuk mengajar komuniti mengenai cara membuat baja kompos dan baja organik dari sisa buangan makanan.

Sektor pendidikan dan ekonomi bergerak agak lewat sedikit. Sektor pendidikan melibatkan aktiviti pengajian bahasa Inggeris untuk anak-anak dan pengajian Bahasa Arab untuk orang dewasa. Sambutan bagi kedua-duanya sangat menggalakkan. Manakala sektor ekonomi pula cuba menawarkan pertanian alternatif kepada komuniti dengan mengajak masyarakat tani agar mengusahakan pertanian organik. Petani juga disarankan agar menternak *azolla* untuk makanan alternatif ternakan. Beberapa belia berpakat mengusahakan padi organik di satu petak sawah secara terhad sebagai percubaan. Di samping itu, pelbagai program kemasyarakatan dilaksanakan dan mendapat sambutan yang sangat baik dari komuniti. Perkembangan yang menarik ini telah memberi idea kepada penghulu persekutuan untuk mendaftarkan Kg Takang ke dalam satu pertandingan yang dinamakan Anugerah Desa Perdana yang dianjurkan oleh pihak KEMAS di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Dengan semangat yang padu oleh komuniti, Kg Takang menang di peringkat daerah Bachok dan terpilih untuk mewakili Negeri Kelantan.

### *Fasa Kemuncak*

Semangat komuniti untuk memenangi pertandingan Anugerah Desa Perdana peringkat negeri sangat jelas. Mereka telah membuat persiapan terbaik untuk menawarkan suatu kelainan kepada pihak penganjur. Mereka merakamkan semua perjalanan program Makmal Sosial dan bersedia untuk membentangkannya kepada pihak penilai. Kg Takang benar-benar berubah. Hari pertandingan tersebut adalah fasa kemuncak kepada program Makmal Sosial. Pihak komuniti bersama-sama dengan pihak PBI, UMK sama-sama membantu untuk menterjemahkan Model Hijraturrasul kepada pihak pengadil. Penilai yang datang sangat terkejut dengan kerjasama yang ditunjukkan oleh kedua-dua penghulu kerajaan Persekutuan dan Negeri. Kerjasama ini melangkau kepentingan politik demi untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan mencapai redha Tuhan. Suasana ini sangat unik dan amat janggal di negeri Kelantan.

### *Fasa Konflik*

Fasa konflik bermula apabila pemimpin politik salah satu parti hadir dalam majlis penutup pertandingan tersebut. Ia tidak termasuk dalam agenda mesyuarat yang telah diputuskan sebelumnya. Kehadiran pemimpin politik tersebut telah mengundang rasa tidak puas hati sebahagian warga komuniti dari parti yang berbeza. Mereka rasa diri mereka dipermainkan. Tindakan menarik diri dari semua program Makmal Sosial mula dizahirkan. Lantaran itu, meskipun Kg Takang akhirnya diisytiharkan sebagai Johan peringkat Negeri dalam pertandingan tersebut, komuniti tidak menyambutnya dengan sepenuh hati. Segelintir komuniti mula mempersoalkan bagaimana Kg. Takang boleh memenangi pertandingan tersebut. Ia seolah-olah satu pakatan dari awal untuk memberi ruang dan kesempatan kepada pihak parti tertentu. Keadaan menjadi lebih tegang apabila terdapat usaha untuk membawa Menteri tertentu ke Kg. Takang bagi menyampaikan hadiah pertandingan. Usaha dibuat untuk berunding dengan pihak berkenaan agar mempertimbangkan semula keputusan tersebut kerana ia mendapat bantahan sebahagian besar pihak komuniti Takang. Keadaan tidak reda walaupun majlis tersebut akhirnya dibatalkan. Pihak penilai kebersihan dari UMK yang datang untuk melaksanakan tugas sebagaimana sebelumnya tidak diterima kerana pihak komuniti tidak lagi memberi kerjasama. Protes secara jelas bermula dengan pihak tertentu mula menaikkan bendera parti di sepanjang jalanraya dan provokasi membakar bendera dilakukan. Hubungan antara pihak kepimpinan kampung mula retak dan pecah.

### *Fasa Bertenang*

Melihat kepada situasi yang agak tegang, pihak Makmal Sosial telah membuat keputusan untuk memberhentikan semua aktiviti projek sehingga suasana kembali pulih. Satu keputusan telah dicapai dalam mesyuarat terakhir peringkat pertama supaya projek ini direhatkan seketika sehinggalah selepas PRU ke-14 selesai diadakan. Selepas PRU ke-14, projek Makmal Sosial masih tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana penerimaan komuniti tidak lagi penuh sebagaimana pada peringkat awal. Pihak Makmal Sosial mula mengkaji reaksi komuniti untuk mengenalpasti punca konflik dan berusaha menawarkan solusi yang bersesuaian.

### **Pencapaian Dan Impak Makmal Sosial**

Projek Makmal Sosial PBI UMK telah membuahkan beberapa hasil dan pencapaian yang membanggakan dalam tempoh setahun (peringkat pertama). Antara pencapaian yang jelas ialah kemampuan Kg. Takang meraih Johan Anugerah Desa Perdana Peringkat Negeri Kelantan. Meskipun ada pihak yang mempertikaikan kemenangan tersebut, perubahan fizikal, pemikiran dan sikap penduduk Kg. Takang sememangnya menakjubkan. Para penilai peringkat kebangsaan turut memberi pengiktirafan tentang keunikan pencapaian Takang yang menggunakan konsep model Hijraturrasul. Warga Takang telah memperoleh

wang sebanyak RM 35,000 (RM 5,000 peringkat daerah, RM10,000 peringkat negeri dan RM 20,000 peringkat kebangsaan) hasil dari penglibatan mereka dalam pertandingan Anugerah Desa Perdana tersebut. Sebahagian wang tersebut telah dimanfaatkan untuk membayar segala perbelanjaan aktiviti yang telah digunakan dalam pertandingan tersebut dan bakinya diserahkan kepada pihak masjid untuk tujuan pembinaan komuniti. Di samping itu, suasana fizikal Kg Takang juga turut berubah menjadi cantik, bersih dan terurus. Ini adalah pencapaian yang bersifat lahiriah yang boleh disaksikan oleh pihak yang terlibat dan juga pihak luar.

Pencapaian yang lebih utama ialah perubahan cara berfikir dan sikap komuniti melalui model pembangunan Hijraterrasul yang meletakkan agama sebagai teras utama pembangunan komuniti sebagaimana yang termaktub dalam Piagam Muafakat. Kefahaman bahawa agama adalah asas yang boleh menggerak, menyusun dan mengurus tingkahlaku dan gelagat komuniti sangat penting. (Sila lihat Lampiran A untuk piagam tersebut). Menurut rekod, Piagam Muafakat telah beberapa kali menyelamatkan komuniti daripada konflik pada peringkat awal meskipun akhirnya kerjasama tersebut pada penghujung akhirnya pecah jua disebabkan oleh faktor celahan politik yang tidak sihat. Namun aspek yang perlu diangkat ialah pengalaman pembelajaran komuniti di mana kehidupan yang bersatu padu tanpa memperdulikan warna politik telah berjaya mengubah komuniti dari tahap yang biasa kepada cara hidup yang mementingkan kebersihan, pendidikan, nilai keagamaan dan kesungguhan untuk membangunkan diri dan keluarga masing-masing.

Satu lagi aspek yang boleh dibanggakan ialah projek ini juga telah berjaya menanam nilai mandiri dalam jiwa komuniti dengan semangat memajukan diri dan komuniti tanpa terlalu bergantung kepada bantuan pihak luar atau pihak pemerintah. Mereka berjaya melaksanakan pelbagai program tanpa bantuan kewangan dari mana-mana pihak. Komuniti telah dimaklumkan dari awal bahawa mereka tidak akan diberi bantuan dari aspek kewangan dari pihak UMK. Walau bagaimanapun komuniti berjaya melaksanakan pelbagai program secara gotong royong. Bahkan mereka sama-sama mengeluarkan perbelanjaan sendiri semata-mata untuk mencapai keredhaan Allah. Sikap terpuji ini adalah satu pencapaian yang membanggakan. Oleh sebab itu, projek Makmal Sosial tidak memerlukan kos kewangan yang tinggi.

## **RUMUSAN DAN CADANGAN**

Konsep Makmal Sosial yang ditubuhkan oleh PBI, UMK telah diterima komuniti dan memberi impak kepada mereka. Projek Makmal Sosial telah memberi ruang yang luas kepada penyelidik untuk memerhati dan menyelidik fenomena komuniti secara langsung, dekat dan berterusan. Ia juga dilihat mempunyai kelebihan kerana tidak memerlukan kos yang tinggi. Projek Makmal Sosial turut berjaya mengaplikasikan konsep pendidikan komuniti dan konsep pembelajaran sepanjang hayat (PSH) untuk meningkatkan kualiti hidup komuniti Takang. Komuniti tersebut telah dibimbing dan dilatih agar sentiasa membangunkan potensi diri mereka melalui peningkatan keilmuan, kemahiran dan cara hidup yang lebih progresif.

Dalam konteks kajian kes di Kg. Takang yang menggunakan Model Hijraterrasul, adalah disarankan agar pembangunan komuniti dibina berasaskan kekuatan agama. Agama menjadi motivasi dan inspirasi yang paling kuat untuk menggerakkan komuniti mencapai sesuatu matlamat. Meskipun menyedari bahawa hasil kajian kes tidak seharusnya diitlakkan kepada populasi yang lain, pengecualian boleh diberikan kepada komuniti yang mempunyai banyak ciri-ciri yang serupa. Secara umumnya, komuniti Kelantan terkenal dengan sifatnya yang amat dekat dengan agama dan menjadikan agama antara faktor terpenting dalam kehidupan. Dalam konteks tersebut, peranan masjid menjadi sangat

signifikan untuk menggerakkan masyarakat. Sehubungan dengan itu, institusi masjid wajar dikekalkan sebagai satu entiti yang melangkaui kepentingan politik khususnya politik kepartian. Adalah tidak wajar jika masjid dijadikan sebagai alat untuk memberi kelebihan kepada mana-mana parti politik.

Pengaruh politik yang tidak perlu telah memperlahankan bahkan merosakkan pelaksanaan projek Makmal Sosial. Komuniti Kelantan sangat tebal sensitiviti terhadap politik. Sebahagian daripada mereka melihat parti sebagai satu entiti yang sangat penting dalam hidup. Mereka melihat parti sebagai matlamat dan bukannya sekadar wasilah untuk memajukan komuniti. Justeru, sikap atau pandangan untuk mengambil peluang dari mana-mana parti politik demi kepentingan komuniti tidak diterima oleh sebahagian besar penduduk. Bahkan segelintir daripada mereka percaya bahawa parti berkadaran langsung dengan aspek aqidah atau kepercayaan. Dalam konteks tersebut, sebahagian komuniti dilihat sebagai pengikut parti yang sangat setia dan di sisi lain mereka dianggap sebagai fanatik. Sehubungan dengan itu, projek Makmal Sosial pada masa akan datang disaran agar menjauhi atau mengelak dari segala sebarang bentuk pengaruh politik kepartian yang boleh mengganggu dan merencatkan perjalanan program. Untuk mendapatkan kepercayaan komuniti, pihak Universiti perlu dilihat sebagai satu entiti yang bebas atau mengambil posisi sebagai orang tengah atau penghubung yang neutral dan tidak berpihak kepada mana-mana parti politik. Mereka seharusnya dilihat sebagai agen transformasi komuniti yang tidak berkait dengan mana-mana pihak yang berkepentingan. Pihak PBI UMK juga disaran agar memberi fokus kepada sektor-sektor yang berpotensi tinggi seperti penanaman padi organik, aktiviti pendidikan untuk remaja dan belia serta pemupukan nilai kebersihan.

## PENUTUP

Projek Makmal Sosial adalah satu projek yang mendidik komuniti agar mengamalkan konsep pembelajaran sepanjang hayat (PSH) melalui model pembangunan Hijraturrasul. Model ini meletakkan agama sebagai teras yang menggerakkan masyarakat agar meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Komuniti dibimbing agar mengamalkan sikap mandiri dan tidak terlalu bergantung kepada pihak luar untuk memajukan diri mereka. Melalui projek Makmal Sosial, mereka tidak dijanjikan dengan bantuan kewangan atau barangan. Melalui pemerhatian yang dibuat, komuniti telah menunjukkan perubahan minda dan sikap yang signifikan dan wajar dijadikan contoh kepada pihak lain. Walau bagaimanapun, sikap tidak bijak segelintir individu telah merosakkan benih yang baik ini melalui campurtangan politik yang tidak perlu.

## Rujukan

- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2001a. *Prolegomena to the metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).
- Al-Buti, Said Ramadhan. 1983. *Fiqh Al-sirah*. Terj. Mohd Darus Sanawi. Kuala Lumpur : Pustaka Fajar.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur : Mc Graw Hill.
- Du Four, R. 2004. What is a professional learning community? *Educational Leadership*, 61(8), 6-11.
- Eaker, R., DuFour, R., & DuFour, R. 2002. *Getting started: Reculturing schools to become professional learning communities*. Bloomington, IN: National Educational Service.
- Kursyid Ahmad. 1992. *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*, Terj. Asuransi S Robith, Surabaya: Pustaka Progressif.

- al-Qaradhawi. 2014. Fiqh keutamaan. Terj. Ahmad Muzakkir Ahlami. Selangor: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2003. *Budaya ilmu: satu penjelasan*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

<http://www.mohe.gov.my/portalpsh/?p=14778> (19 Ogos 2018)

[http://www.ipsas.upm.edu.my/akademik/bidang\\_pengajian/pendidikan\\_komuniti\\_dan\\_pembangunan-908](http://www.ipsas.upm.edu.my/akademik/bidang_pengajian/pendidikan_komuniti_dan_pembangunan-908)(20 Ogos)

<http://www.upm.edu.my/berita/details/makmalsosialpertamabm> (24 Ogos 2018)

## LAMPIRAN A

### PIAGAM MUAFAKAT

#### Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Bahawa sesungguhnya warga Komuniti Takang dan warga Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, (PBI) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah bersetuju untuk menjalinkan kerjasama dalam bentuk program Kampung Angkat dan Makmal Sosial yang dinamakan sebagai projek **MUAFAKAT**.

Melalui program ini, warga PBI UMK komited untuk mengaplikasikan segala ilmu, kemahiran dan kepakaran bagi membantu meningkatkan kualiti kehidupan warga Takang secara terancang dan sistematik. Warga Takang pula komited untuk melaksanakan semua projek yang dirancang bersama melibatkan empat sektor utama iaitu, a) **kerohanian dan pembangunan diri**, b) **kebersihan dan keceriaan kampung**, c) **keusahawanan dan pengembangan ekonomi**, dan d) **pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat**.

Program ini akan dilaksanakan dalam dua fasa iaitu Fasa 1 (2017) dan Fasa 2 (2018-2021) tertakluk kepada persetujuan kedua-dua belah pihak. Kedua-dua pihak juga bersetuju untuk menggunakan model Pembangunan Komuniti Bersepadu berasaskan peristiwa **Hijrah al-Rasul** dan mematuhi semua prinsip fundamental kejayaan projek sebagaimana berikut :

- Pelaksanaan projek adalah kerana Allah (nawaitu dan amalan).
- Matlamat – peningkatan kualiti hidup komuniti.
- Melibatkan semua pihak dan penduduk kampung tanpa pengecualian.
- Bersifat dua hala – suruhan kebaikan (ma'ruf) dan tegahan kemungkaran.
- Komuniti yang menentukan aspek yang ingin diperbaiki atau ditambah baik.
- Inisiatif dan gerak kerja bermula dari komuniti dan UMK bertindak sebagai pembantu/ pemikir/ pemudahcara/ pendorong yang gigih, setia dan proaktif.
- Ada pengukuran dan penilaian yang jelas dan dipersetujui bersama.
- Setiap program memerlukan ketua/penyelaras dan ahli dari pihak komuniti dan UMK.
- Setiap projek perlu mempunyai objektif, tempoh masa dan sasaran yang ingin dicapai.
- Perubahan sejati adalah perubahan yang melibatkan aspek nilai diri dan pembinaan prinsip hidup mulia setiap warga yang terlibat.
- Komuniti seharusnya tidak bergantung kepada pihak luar, terus mandiri dan maju ke hadapan selepas projek berakhir.

Adalah didoakan semoga projek **MUAFAKAT** mencapai objektif yang ditetapkan dan dikurniakan dengan keberkatan, kebaikan dan keampunan dari Allah. Hanya kepada Allah kami berserah.

*Dengan kasih sayang kami merancang, melaksana dan  
membudaya perubahan kerana Tuhan*

## **KURIKULUM PUSAT ASUHAN TUNAS ISLAM (PASTI) KAWASAN PETRAJAYA, KUCHING, SARAWAK DALAM MEMBENTUK AKHLAK KANAK-KANAK; SATU ANALISIS AWAL**

Lina Mastura Jusoh  
Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan  
lina.e17d008f@siswa.umk.edu.my

Zaleha Embong  
Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan  
zaleha.e@umk.edu.my

### **ABSTRAK**

Pendidikan merupakan asas utama dalam melahirkan insan berakhlak. Penerapan nilai murni berupaya membentuk insan yang seimbang daripada aspek rohani dan fizikal. Oleh sebab itu, proses ini perlu bermula seawal kanak-kanak kerana mampu memberi kesan jangka panjang lantaran barah sosial yang kian menyerang masyarakat seawal usia kanak-kanak. Penekanan terhadap pendidikan awal kanak-kanak perlu dititikberatkan dan diberi perhatian serius. Di Malaysia, terdapat pelbagai pihak yang mengelola institusi prasekolah seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), PERMATA Negara, Jabatan Perpaduan Negara, Badan-badan Agama, Badan Bukan Kerajaan dan swasta. Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) merupakan salah satu pusat pendidikan awal kanak-kanak swasta di Malaysia yang semakin berkembang dan menerima sambutan baik oleh ibu bapa. PASTI menerapkan elemen Islam dalam kurikulumnya dan pelajar PASTI dikatakan mempunyai akhlak yang baik. Oleh demikian, kertas kerja ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis kurikulum pendidikan awal kanak-kanak oleh PASTI dalam membentuk akhlak kanak-kanak. Kertas kerja ini menggunakan kaedah pengumpulan data melalui kajian kepustakaan. Manakala, kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi. Hasil dapatan mendapati PASTI menerapkan elemen Islam dalam kurikulumnya bagi membentuk pelajar berakhlak.

**Kata Kunci: Kurikulum, Membentuk Akhlak, PASTI**

### **LATAR BELAKANG**

Pendidikan adalah penting dalam usaha mengisi kebangkitan umat Islam melalui proses mempersiapkan modal insan yang bertakwa dan berkualiti tinggi (Noor Hisham Md. Naw, 2012). Namun, pendidikan tidak akan sempurna tanpa penerapan nilai akhlak (Zakaria Kasa et al., 1996). Pembentukan nilai bagi seseorang individu perlu bermula diperingkat awal kanak-kanak (Siegler & Alibaba, 2005). Dewasa kini, institusi pendidikan awal kanak-kanak dan prasekolah semakin pesat di Malaysia dan saling membina kurikulum berdasarkan acuan pendidikan Barat, Islam dan bersepadu. Norhashimah dan Yahya (2003) mendefinisikan pendidikan awal kanak-kanak adalah pendidikan terhadap kanak-kanak prasekolah yang terdiri daripada Tadika dan Tabika yang berusia empat hingga enam tahun. Tujuan pendidikan awal kanak-kanak adalah untuk membentuk akhlak mulia berteraskan akidah Islamiah seperti menjaga adab sopan, kebijaksanaan dalam pergaulan serta kematangan berfikir (Abdullah Nasih 'Ulwan, 2000).

Menurut B. Albery, Elsie J. Albery dan William B. Ragan (1974), kurikulum merupakan segala aktiviti yang dilaksanakan oleh sekolah terhadap murid-murid. Manakala Al-Toumy Al-Syaibani (1974) mengatakan kurikulum merupakan pengalaman, aktiviti yang diberikan kepada kanak-kanak di dalam mahupun di luar bilik darjah. Keberkesanan sesuatu kurikulum dalam pembelajaran kanak-kanak bergantung kepada pelaksanaan oleh pihak pengurusan sekolah dan guru yang terlibat secara langsung (Mastura Badzis, 2016). Guru pula merupakan golongan yang paling penting dalam organisasi sekolah terutamanya dalam pendidikan prasekolah (Rusleda Awang, 2018).

Di Malaysia, terdapat pelbagai pihak yang mengelola institusi prasekolah seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), PERMATA Negara, Jabatan Perpaduan Negara, Badan-badan Agama, Badan Bukan Kerajaan dan swasta. Antara institusi prasekolah swasta yang dilihat semakin berkembang pesat ialah PASTI iaitu sebanyak 2, 393 buah cawangan di seluruh Malaysia (PASTI Malaysia, 2018). Kajian ini telah memfokuskan PASTI di negeri Sarawak. Jumlah PASTI di seluruh negeri Sarawak ialah 43 cawangan yang terdiri daripada kawasan-kawasan utama seperti Kuching, Miri dan Bintulu serta kawasan-kawasan daerah.

Namun, kajian ini memfokuskan PASTI di Kuching dan khususnya di Kawasan Petra Jaya. Pemilihan PASTI Kawasan Petra Jaya adalah kerana Petra Jaya merupakan kawasan yang paling banyak tertubuhnya cawangan PASTI iaitu 10 cawangan. Manakala, hanya tiga daripada cawangan tersebut telah dipilih untuk melihat pelaksanaan kurikulum ke arah pembentukan akhlak kanak-kanak iaitu PASTI Insani, PASTI Ilmi dan PASTI Hana. Ketiga-tiga PASTI ini merupakan PASTI yang paling lama penubuhannya dan bilangan murid paling ramai. Menurut Khairiah Mohd (2011), PASTI telah menerapkan konsep *ta'abbud* sebagai asas kurikulumnya dan mendasar dalam setiap aktiviti pembelajaran yang bermula daripada aspek perkembangan agama kanak-kanak hingga aspek perkembangan fizikal.

## **KURIKULUM PASTI KAWASAN PETRA JAYA DALAM MEMBENTUK AKHLAK KANAK-KANAK**

Dalam kurikulum PASTI, beberapa perkara penting telah digariskan dalam membentuk insan berakhlak. Perkara tersebut diperincikan seperti berikut:

### **Falsafah Pendidikan PASTI**

Pendidikan PASTI merupakan satu usaha bersepadu dan berterusan ke arah melahirkan generasi tunas Islam yang unggul daripada aspek sahsiah, keilmuan dan amalan-amalan yang bertunjangan kepada Islam, Iman dan Ihsan. Berdasarkan potensi dan bakat yang sedia ada, pendidikan PASTI berusaha mengembangkan kemahiran kognitif, psikomotor, bahasa, sosio emosi dan sosial selain kepelbagaian bakat serta kecerdasan yang sedia terpupuk dalam diri tunas Islam. Usaha-usaha PASTI menerusi pembentukan peribadi unggul ini bertujuan mempersiapkan diri mereka menjadi warga yang cintakan agama, bangsa dan negara serta berpegang teguh dan mengamalkan cara hidup Islam dalam kehidupan seharian supaya diredhai oleh Allah SWT di dunia dan akhirat.

### **Objektif Kurikulum**

Lazimnya, setiap perancangan kurikulum pasti terdapat objektif tertentu yang telah digariskan dan ingin dicapai oleh sesebuah institusi pendidikan. Objektif yang dibentuk merupakan panduan program bagi memulakan pembelajaran yang diperlukan oleh kanak-kanak (Nor Fauzian Kassim, 2016). Manakala Henson (2001) mengatakan, objektif kurikulum merupakan pencapaian yang diharapkan daripada pelajar untuk melakukan sesuatu



tugas dengan cara tertentu. Oleh itu, PASTI juga mempunyai objektif tertentu dalam perancangan kurikulumnya. Antara objektif kurikulum PASTI ialah:

- i) Mendidik jiwa dan akal kanak-kanak dengan didikan Islam bersumberkan ajaran al-Quran dan Hadis.
- ii) Membimbing kanak-kanak supaya menghayati ibadah, akhlak dan kecenderungan melakukan *ma'ruf* serta meninggalkan mungkar. Guru akan sentiasa membimbing murid PASTI dalam setiap perbuatan beserta galakan, tauladan dan pengajaran.
- iii) Melatih kanak-kanak membaca, menghafaz dan menghayati Al-Quran, doa dan zikir. Kanak-kanak PASTI dilatih melazimkan bacaan doa dalam setiap perkara yang dilakukan seperti doa belajar, doa makan, doa tidur, doa masuk tandas, doa ketika hujan dan sebagainya. Selain itu, kanak-kanak akan menguasai surah-surah Al-Quran mengikut tahap tertentu.
- iv) Memberi pengetahuan asas bahasa, matematik dan komunikasi ke arah kebolehan membaca, mengira, menulis dan menghafal.

Sewajarnya, kurikulum prasekolah terhadap kanak-kanak Islam hendaklah berteraskan al-Quran dan Sunnah sebagai teras pegangan hidup Islam (Hassan Langgulung, 1977). Kegagalan meletakkan Al-Quran dan Sunnah dalam pendidikan Islam menyebabkan kegagalan dalam membentuk akhlak kanak-kanak. Oleh itu, Fatimah Saleh, Khadijah Zon dan Zurida Ismail (1994) menyatakan, proses perkembangan kanak-kanak memakan masa dan perlu dipupuk pada setiap tahap kerana penerapan nilai-nilai Islam amat perlu dimulakan seawal yang mungkin.

### **Kandungan Kurikulum**

Menurut Hisham Md. Nawi (2011), kandungan kurikulum menurut perspektif Islam seharusnya meliputi elemen ilmu *naqli* dan *aqli*. Maka, kandungan kurikulum PASTI menerapkan dua elemen tersebut. Antara kandungan kurikulum yang telah dilaksanakan di PASTI Kawasan Petra Jaya adalah:

#### **Bidang Pengajian**

Terdapat empat bidang ilmu yang dirangka oleh PASTI. Antaranya ialah:

- a) Ilmu Fardhu Ain  
Ilmu fardhu ain seperti ibadah termasuk cara berwuduk, belajar solat fardhu, bacaan dalam solat. Murid dididik supaya solat berjemaah. Selain itu, murid juga mempelajari rukun Islam dan rukun Iman
- b) Ilmu Fardhu Kifayah  
Ilmu fardhu kifayah yang telah diterapkan ialah terdiri daripada komponen mata pelajaran pengajaran. Selain itu, murid dibimbing menunaikan solat secara berjemaah termasuk solat sunat dhuha sebagai rutin sebelum memulakan sesi pembelajaran.
- c) Ilmu Alat  
Ilmu alat yang disediakan ialah seperti Bahasa Arab. Murid mempelajari sebutan perkara-perkara asas seperti anggota tubuh badan, bilangan nombor, hari dan sebagainya dalam bahasa Arab.
- d) Sumber Ilmu  
Setiap mata pelajaran adalah bersumberkan al-Quran dan Sunnah. Setiap topik mata pelajaran akan dikaitkan dengan teladan, pengajarn dan kaitan dengan al-Quran dan Sunnah. Dalam hal ini, guru berperanan melaksanakannya dalam pengajaran dan pembelajaran mengikut cara yang mudah difahami oleh murid.

Kempat-empat bidang ilmu tersebut diperincikan menerusi mata pelajaran yang diajar. Isi kandungan mata pelajaran pula merupakan ciri-ciri utama ke arah pencapaian

yang telah ditetapkan. Kandungan pelajaran telah disusun mengikut skop bagi memenuhi bahan yang dipelajari mempunyai ciri-ciri semulajadi, bersepadu dan saling berkaitan.

### 2.3.2 Komponen mata pelajaran PASTI Kawasan Petra Jaya

Bil	Mata Pelajaran	Keterangan
1	Bahasa Melayu	Murid mengenal abjad, menulis dan mengeja dan membaca.
2	Bahasa Inggeris	Murid mengenal huruf, objek, hari, nombor, haiwan dan buah-buahan dalam bahasa inggeris.
3	Bahasa Arab	Murid mengenal huruf, objek, hari, nombor, haiwan dan buah-buahan dalam bahasa arab.
4	Jawi	Murid mengenal huruf jawi dan menyambung huruf.
5	Matematik	Murid mengenal nombor, menulis nombor, menyebut nombor dan bilangan.
6	Sains Sosial dan Pembangunan Sosial	Murid belajar berkenaan sains, ciptaan Allah SWT dan alam sekitar, unsur-unsur rohani dan akhlak yang baik.
7	Peribadi Muslim	Mata pelajaran ini menerapkan unsur-unsur akidah, ibadah, akhlak dan sirah.
8	Pra Tahfiz	Murid membaca dan menghafaz surah-surah pilihan dalam muqaddam yang telah ditetapkan.

Secara dasarnya, pembinaan kurikulum PASTI Malaysia adalah selaras di seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, tidak semua PASTI menggunakan sepenuhnya kurikulum yang telah digubal oleh PASTI Pusat. Hal ini termasuklah PASTI Kawasan Petra Jaya yang hanya mengambil sebahagian sahaja mata pelajaran mengikut faktor kesediaan guru dan persekitaran. Terdapat penambahan program iaitu program Pra Tahfiz telah dijalankan oleh PASTI Kawasan Petra Jaya.

#### Susunan Kurikulum

PASTI juga membangunkan tiga modul kurikulum mengikut tahap umur kanak-kanak iaitu Kurikulum 4 Tahun (K4T), Kurikulum 5 Tahun (K5T) dan Kurikulum 6 Tahun (K6T). Ketiga-tiga tahap kurikulum ini dibangunkan berdasarkan Falsafah Pendidikan Prasekolah Negara dan Falsafah Pendidikan PASTI.

#### Kurikulum 4 Tahun (K4T)

Bagi kurikulum bagi kanak-kanak 4 tahun, PASTI menekankan pendekatan fikrah dan bersepadu serta konsep *ta'abbud*. Konsep *ta'abbud* telah diterapkan melalui keseluruhan aktiviti yang dijalankan. Disamping itu, gaya pembelajaran eksplorasi berpandu serta konsep belajar sambil bermain telah terbukti menarik minat kanak-kanak untuk belajar. Kurikulum 4 tahun lebih bersifat terbimbing dan dipandu. Kanak-kanak melakukan aktiviti mengikut sudut-sudut yang disediakan seperti sudut matematik, sudut Bahasa Melayu, sudut kognitif dan sebagainya. Aktiviti luar bilik darjah juga dilaksanakan secara aktif. Kanak-kanak juga digalakkan berfikir secara kreatif dan kritis. Penerapan nilai-nilai yang baik oleh PASTI Kawasan Petra Jaya dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran berdasarkan

ketauhidan kepada Allah SWT dalam setiap aktiviti pembelajaran. Secara tidak langsung, hal ini merupakan usaha dalam membentuk insan soleh, berilmu dan berakhlak mulia yang cemerlang pada masa hadapan.

### **Kurikulum 5 Tahun**

Kurikulum 5 tahun dibina berdasarkan kurikulum asas prasekolah seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Pendidikan Sains Sosial dan Pembangunan Insan. Namun, PASTI telah menambah mata pelajaran Jawi, Bahasa Arab, Peribadi Muslim dan Pengenalan Asas Komputer sebagai memenuhi matlamat pendidikan PASTI. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum 5 tahun adalah berdasarkan komponen pendidikan PASTI secara menyeluruh yang melibatkan perkembangan kognitif, psikomotor, sosioemosi, rohani dan sekaligus dikaitkan dengan konsep *ta'abbud*.

### **Kurikulum 6 Tahun**

Kurikulum 6 tahun juga sama dengan kurikulum 5 tahun. Tetapi yang membezakannya adalah aras pembelajarannya kerana hal ini bersifat kesinambungan kepada pembelajaran di PASTI di usia 5 tahun.

### **Penilaian**

Garis panduan penilaian dan pengukuran PASTI terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu Komponen A ialah penilaian tingkah laku oleh guru (40 peratus), Komponen B ialah penilaian oleh ibu bapa (10 peratus) manakala Komponen C penilaian berasaskan maklumat dan kefahaman (peperiksaan) (50 peratus). Penilaian akan diadakan dua kali dalam setahun iaitu peperiksaan bagi penggal 1 pada Mei atau Jun dan peperiksaan penggal 2 pada Oktober.

#### **Komponen A: Penilaian Tingkah Laku Oleh Guru**

Penilaian tingkah laku oleh guru mencakupi beberapa aspek iaitu akhlak bersama guru dan kawan, sikap bertanggungjawab, pengurusan diri dan kreativiti.

#### **Komponen B: Penilaian Oleh Ibu Bapa**

Penilaian oleh ibu bapa mencakupi beberapa aspek iaitu, solat (solat berjemaah, solat sunat, solat awal waktu, kesempurnaan solat dan kesedaran bersolat tanpa disuruh), akhlak terhadap ibu bapa (memberi salam semasa pulang, meminta izin keluar rumah, menggunakan perkataan yang sopan, tidak meninggikan suara, bertanya dengan sopan, bersalaman dengan ibu bapa dan memohon maaf) dan akhlak terhadap ahli keluarga (menolong adik-beradik, membetulkan kesilapan adik-beradik, membantu adik-beradik dan memohon maaf).

#### **Komponen C: Penilaian Berasaskan Maklumat dan Kefahaman (Peperiksaan)**

Peperiksaan dilakukan samada setiap bulan, selepas habis tajuk 1 hingga 5 bagi setiap mata pelajaran yang diajar. Soalan peperiksaan bergantung kepada kreativiti guru tetapi berlegar sekitar membudayakan murid ke arah berfikir secara kreatif dan inovatif berdasarkan acuan Islam.

## **ANALISIS KURIKULUM PASTI DALAM MEMBENTUK AKHLAK KANAK-KANAK MENURUT ISLAM.**

Pembinaan kurikulum PASTI menunjukkan bahawa PASTI telah berusaha membentuk akhlak kanak-kanak Islam daripada perspektif al-Quran dan Hadis. Hal ini dilihat penekanan daripada aspek fardhu ain dan fardhu kifayah yang diberikan terhadap murid PASTI. Sebagai contoh, amalan yang diterapkan dalam ilmu fardhu ain seperti kewajipan solat. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Suruhlah anak-anak kamu bersolat ketika berusia 7 tahun, dan pukullah mereka (sekiranya mereka tidak solat) ketika mereka berusia 10 tahun”*

(Hadis Abu Daud: 495)

Walaupun murid PASTI belum mencapai umur baligh, namun mereka diajar tentang bacaan dalam solat dan dibimbing menunaikan solat dengan betul. Menurut Hanifah Sazali (2010), anak-anak yang dididik menunaikan ibadah sejak kecil akan mudah mengamalkannya apabila mencapai usia baligh. Selain itu, pembentukan akhlak dalam mata pelajaran Peribadi Muslim telah menerapkan elemen akidah, ibadah, akhlak dan sirah. Sebagai contoh, mentaati dan memuliakan ibu bapa merupakan akhlak mulia yang ditekankan oleh PASTI. Guru sentiasa mendorong murid-murid agar mengasihi dan mentaati, bersalaman, mencium ibu bapa ketika pergi sekolah dan ucapan terima kasih kepada ibu bapa. Hal ini selari dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan Tuhanmu memerintahkan supaya janganlah kamu sembah, kecuali Dia dan berbuat baiklah kepada ibu bapa. Jika seorang diantara kedua-duanya telah tua atau kedua-duanya, janganlah kamu katakan “ah” kepada keduanya dan janganlah kamu herdik keduanya dan ucapkanlah kepada keduanya perkataan yang mulia (lemah lembut)”.*

(Surah *al-Isra*: 23)

Di peringkat kanak-kanak, penekanan adab sebagai seorang muslim amat penting bagi melahirkan insan berakhlak. Oleh itu, PASTI juga menekankan amalan memberi salam sebagai kebiasaan ketika masuk kelas, memberi salam kepada guru, ibu bapa dan rakan-rakan. Walaupun hal ini dilihat sebagai asas, namun turut mempengaruhi akhlak kanak-kanak. Daripada Anas RA berkata yang bermaksud:

*“Ia berjalan di muka dihadapan anak-anak memberi salam kepada mereka sambil berkata; Dahulu Rasulullah berbuat demikian” .*

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Hadis menunjukkan bahawa Rasulullah SAW mengutamakan amalan memberi salam walaupun terhadap kanak-kanak. Amalan tersebut juga telah mendidik kanak-kanak tentang keutamaan salam.. Manakala, PASTI Kawasan Petra Jaya telah menambah program pra tahfiz sebagai aktiviti tambahan. Murid-murid akan menghafal surah-surah pilihan daripada al-Quran *muqaddam*. Hal ini adalah sebagai didikan sejak awal terhadap murid-murid agar menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup. Sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis yang bermaksud:

*Abu Umarah r.a berkata: Saya telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: Bacalah al-Quran kerana ia akan datang pada hari qiamat sebagai pembela kepada orang yang mempelajari dan metaatinya.* (Hadis Riwayat Muslim)

Hal ini menunjukkan pendidikan awal kanak-kanak oleh PASTI Kawasan Petra Jaya telah berusaha membentuk akhlak kanak-kanak selaras dengan tuntutan Islam.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kes berbentuk kualitatif. Kaedah pengumpulan data diperoleh melalui kajian kepustakaan. Manakala, kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh. Kajian ini memfokuskan kurikulum PASTI Kawasan Petra Jaya ke arah membentuk akhlak kanak-kanak.

## KESIMPULAN

Kurikulum pendidikan awal kanak-kanak bukan sekadar mendidik kanak-kanak agar pandai membaca, menulis dan mengira. Akan tetapi kurikulum perlu dibentuk bagi menyuburkan

potensi kanak-kanak secara menyeluruh dan seimbang daripada aspek jasmani dan rohani. Kurikulum pendidikan Islam oleh PASTI secara umumnya bertujuan memantapkan akidah Islam iaitu meningkatkan kecenderungan terhadap ilmu, keimanan dan mencapai matlamat pembentukan akhlak kanak-kanak. PASTI juga berusaha mengembangkan kemahiran kognitif, psikomotor, bahasa, sosio emosi, sosial dan kepelbagaian bakat serta kecerdasan yang sedia terpupuk dalam diri tunas Islam.

## RUJUKAN

- Abdullah Nasih 'Ulwan (2000). *Pendidikan Anak-Anak Menurut Pandangan Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Al-Qur'an Al-Karim
- Fatimah Saleh, Khadijah Zon & Zurida Ismail (1994). *Kurikulum Pendidikan Awal: Ke Arah Pendidikan Holistik*. Universiti Sains Malaysia.
- Henson, K.T (2001). *Curriculum Planning Integrating, Multiculturalism, Constructivism and Education Reform*. Boaton: McGraw Hill.
- Imam Abu Zakaria Yahya (2009). *Riadhus Shalihin*. Jilid 2. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Khairiah Mohd (2011). *Bahagian Kurikulum Jabatan PASTI Malaysia 4 Tahun (K4T)*.
- Mastura Badzis (2016). *Kurikulum Kanak-Kanak Prasekolah*. Satu Analisis.
- Muhammad Nashiruddin Al-Albani (2006). *Shahih Sunan Abu Daud*. Seleksi Hadits Shahih Dari Kitab Sunan Abu Daud. Pustaka Azzam.
- Noor Hisham Md. Nawawi (2011). *Konsepsualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noor Hisham Md. Nawawi (2012). *Islamisasi Kurikulum Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru: Tribulasi dan Cadangan Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Nor Fauzian Kassim dan Fauziah Hanim (2015). *Kurikulum Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Modul Pendidikan Akhlak: Isu dan Cabaran Masa Kini*.
- Nor Hashimah Hashim & Yahya Che Lah (2003). *Panduan Pendidikan Prasekolah*. Bentong: PTS Publication Distribution.
- PASTI Malaysia. Diakses pada 22 Februari 2018, daripada [www.pastimalaysia.com](http://www.pastimalaysia.com).
- Temu bual bersama Guru PASTI Kawasan Petra Jaya, Kuching, Sarawak
- Temu bual bersama Pengarah PASTI Negeri Sarawak
- Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md. Aroff, Abdul Majid Mohd Isa, Rahil Hj. Mahyuddin (1996). *Penerapan Nilai Murni Merentasi Kurikulum: Satu Tinjauan*. *Laporan Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia*.

## TAHAP KESEDIAAN GURU DALAM PELAKSANAAN KURIKULUM BERSEPADU DINI (KBD)

Kamarulzaman Abdul Ghani<sup>1</sup>, Ahmed Thalal Hj Hassan<sup>2</sup>, Ahmad Abdul Rahman<sup>3</sup>,  
Mohd Aderi Che Noh<sup>4</sup>, Muhd Zahiri Awang Mat<sup>5</sup>, Zawawi Ismail<sup>6</sup>, Azmil Hashim<sup>7</sup>,  
Saifuddin Hussin<sup>8</sup>, Rohaidi Habil<sup>9</sup> & Siti Apipah Munirah Salleh<sup>10</sup>  
Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan<sup>1, 2, 3 & 10</sup>  
Pusat Transformasi Komuniti Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia<sup>4</sup>  
Fakulti Pendidikan, Universiti Antarabangsa Malaysia<sup>5</sup>  
Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya<sup>6</sup>  
Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris<sup>7</sup>  
Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia<sup>8</sup>  
Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra<sup>9</sup>  
kamarulzaman@umk.edu.my

### ABSTRAK

Guru merupakan agen pelaksana perubahan kurikulum dan penglibatan guru dalam proses inovasi kurikulum ini memberikan pelbagai cabaran dan rintangan dalam melaksanakannya dengan berkesan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran kurikulum bersepadu dini (KBD) dalam PdP di SABK. Aspek kesediaan guru yang dikaji adalah meliputi aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam melaksanakan KBD. Kajian ini melibatkan seramai 155 orang responden yang terdiri daripada guru-guru yang mengajar subjek kurikulum bersepadu dini di 21 buah sekolah agama bantuan kerajaan (SABK). Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Manakala data diperolehi dan dianalisis secara deskriptif dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Hasil daripada kajian ini, didapati tahap kesediaan guru dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap pelaksanaan KBD adalah tinggi iaitu nilai (min=3.87). Ini menunjukkan bahawa guru bersedia untuk melaksanakan kurikulum baharu ini di SABK seluruh Malaysia, malahan juga dapat dijadikan sebagai garis panduan kepada guru-guru dan pihak-pihak yang terlibat agar dapat merangka sesi latihan yang berkesan agar pengetahuan guru-guru dapat ditingkatkan seterusnya dapat membantu guru-guru mengaplikasikan pengetahuan mereka dalam proses PdP.

**Kata kunci:** Tahap Kesediaan Guru; Kurikulum Bersepadu Dini

**Penghargaan:** Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (R/FRGS/A04.00/01336A/001/2016/00363). Kami mengucapkan terima kasih kepada KPT, Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia serta rakan-rakan yang telah memberikan bantuan dan kerjasama serta pandangan dan kepakaran yang banyak membantu penyelidikan ini, walaupun mereka mungkin tidak bersetuju dengan semua tafsiran / kesimpulan kertas ini.

### LATAR BELAKANG KAJIAN

Daya saing global dan kepelbagaian keperluan telah mendesak beberapa transformasi dalam bidang pendidikan. Dalam era globalisasi ini, kejayaan sesebuah negara adalah bergantung kepada keupayaan modal insan yang mampu bersaing di peringkat global. Bidang pendidikan yang dianggap tunjang dalam pembentukan modal insan perlu diberi perhatian sewajarnya. Justeru, amalan pengajaran dan pembelajaran yang menjadi elemen utama pendidikan

haruslah menjurus ke arah menyediakan pelajar agar dapat menjadi modal insan berpengetahuan dan berkemahiran yang mampu memenuhi keperluan pasaran semasa.

Sebagaimana sedia maklum, guru adalah tunjang kepada sistem pendidikan dan merupakan golongan pelaksana segala dasar serta matlamat yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia. Sehubungan dengan itu, program pendidikan guru adalah penting bagi membekalkan guru-guru dengan kemahiran profesional bagi membolehkan mereka mengajar dengan lebih berkesan. Guru memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan sesuatu inovasi kurikulum. Tanpa penglibatan guru secara aktif, matlamat kurikulum yang dirancang sukar untuk dicapai. Menurut Mohd Izham dan Noraini (2007), kesediaan guru merupakan salah satu elemen penting serta dapat memainkan peranan untuk membantu pelajar menyesuaikan diri dalam suasana dan kaedah pembelajaran yang baru serta didedahkan dengan penggunaan teknologi baru. Sekiranya guru tidak bersedia, maka segala program yang sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak KPM yang melibatkan teknologi dan pasaran baru tidak akan dapat dijayakan dengan berkesan. Hal ini menjadi cabaran terbesar bagi guru di mana mereka perlu mempersiapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran dan penampilan yang boleh diiktiraf agar kesinambungan hasrat negara dapat diteruskan mengikut seperti yang dirancang (Hussin, 1993).

Strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam reformasi kurikulum perlu memberikan pertimbangan seimbang dari segi akademik dan bukan akademik berpaksikan ilmu pengetahuan, teori dan aplikasi secara kontekstual dalam kehidupan mengikut kebolehan dan keupayaan pelajar (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2002). Manakala, menurut Lee Pau Wing (1998) dalam buku yang bertajuk "*Guru dan Profesion Pendidikan*", untuk menjadi guru yang berjaya, tiga keperluan perlu dimiliki iaitu pengetahuan yang mencukupi dalam mata pelajaran yang diajar, menguasai teknik dan kaedah pengajaran yang berkesan bagi penyampaian sesuatu pelajaran dan mempunyai sifat-sifat peribadi yang murni. Guru yang memiliki kesemua sifat ini merupakan guru yang berjiwa keguruan dan sentiasa berusaha untuk melengkapkan diri demi keperluan profesionnya

Tambahan lagi, menurut Muhammad Uthman el-Muhammadi (2003), di dalam profesion perguruan, tugas guru bukan sahaja mengajar sesuatu mata pelajaran tertentu tetapi guru juga berperanan sebagai pendidik manusia. Para guru haruslah memiliki ciri-ciri profesionalisme yang menguasai ilmu-ilmu teras dan ilmu pedagogi sebagai asas kepada etika dan profesion perguruan. Justeru itu seorang guru yang profesional sentiasa mencari jalan dan memikirkan bagaimana pendekatan yang terbaik dari segi penyampaian ilmu dan maklumat serta kemahiran kepada pelajarnya serta mesti mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta nilai-nilai murni yang unggul bagi menjadikan diri mereka sebagai pendidik yang berwibawa, mampu membangunkan sistem pendidikan negara yang berkualiti dan bertaraf dunia.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Guru berperanan penting dalam pelaksanaan sesuatu inovasi kurikulum. Tanpa penglibatan guru secara aktif, matlamat kurikulum yang dirancang sukar untuk dicapai. Secara umumnya, penglibatan guru dalam proses pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah adalah berbeza-beza di samping pelbagai cabaran serta rintangan dalam melaksanakannya secara berkesan. Pelaksanaan inovasi dalam kurikulum menghadapi halangan berikutan wujudnya perasaan bimbang, konflik, rasa tidak tenteram dan kesukaran guru untuk menukar amalan sedia ada kepada amalan yang baru. Bahkan masih juga terdapat halangan daripada segi psikologi seperti ketidakpercayaan dalam penggunaan alat-alat yang canggih termasuk alatan elektronik dan juga teknologi komputer dan telekomunikasi. Aspek komitmen guru untuk melaksanakan sesuatu inovasi di bilik darjah juga mempengaruhi sejauh mana penglibatan guru secara total

sebagai agen transformasi kurikulum. Aspek komitmen ini akan mempengaruhi persepsi guru terhadap pelaksanaan inovasi itu sendiri. Seterusnya, persepsi tersebut akan mempengaruhi pula sikap dan tingkah laku guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam merealisasikan transformasi inovasi kurikulum di sekolah terdapat pelbagai cabaran yang terpaksa dihadapi bagi membolehkan pelaksanaannya dilaksanakan secara berkesan. Latar belakang demografi guru yang berbeza, lokasi sekolah, keupayaan dan kemampuan guru dari segi motivasi, sikap, pengetahuan dan kemahiran bakal menentukan tahap kesediaan guru dalam melaksanakan inovasi itu sendiri.

Transformasi dalam pendidikan biasanya akan melibatkan perubahan atau perkembangan kurikulum atau penggunaan kaedah baru dalam pengajaran dan pembelajaran yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan, meningkatkan kefahaman dan prestasi pelajar dalam pembelajarannya serta menentukan kompetensi pelajar. Menurut Wina Sanjaya (2006), perubahan dalam kurikulum sukar dilaksanakan jika guru sebagai agen pelaksana mempunyai tanggapan dan pemahaman yang kurang jelas terhadap kurikulum tersebut. Di samping itu tanpa pengetahuan, pengalaman dan keupayaan juga akan menyebabkan guru kurang bersedia untuk menghadapi dan melaksanakan perubahan yang dirancang. KBD merupakan kurikulum baru, iaitu pada peringkat fasa pertama bagi peringkat menengah rendah dalam pelaksanaannya. Justeru itu, kesediaan guru dalam pelaksanaan kurikulum ini amat dititik beratkan. Sehubungan dengan itu, Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti tahap kesediaan guru dalam pdp bagi pelaksanaan kurikulum bersepadu dini. Aspek kesediaan guru yang dikaji adalah meliputi aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam melaksanakan KBD.

## METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk tinjauan berbentuk kuantitatif deskriptif digunakan dalam kajian ini. Kaedah tinjauan digunakan adalah untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru kurikulum dini dalam pelaksanaan kurikulum bersepadu dini di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Manakala, kaedah persampelan bertujuan telah digunakan dalam pemilihan responden iaitu terdiri daripada 155 orang guru yang mengajar dalam bidang kurikulum bersepadu dini (KBD). Lima skala likert digunakan dalam kajian ini untuk melihat persetujuan daripada responden dalam konstruk tahap kesediaan guru iaitu 1=sangat tidak setuju (STS), 2= tidak setuju (TS), 3=kurang setuju (KS), 4=setuju (S), dan 5= sangat setuju (SS). Manakala, dalam konteks analisis data, penganalisan data ini dilakukan menggunakan perisian Statistical package for social sciences (SPSS) diperolehi melalui soal selidik. Seterusnya, dapatan persetujuan bagi konstruk kesediaan guru dalam pelaksanaan kurikulum ini dibahagikan kepada dua tahap iaitu, Tidak Setuju (STS, TS dan KS) dan Setuju (S dan SS).

Manakala, lokasi kajian adalah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di empat buah negeri dan sekolah-sekolah ini dipilih berdasarkan tarikh mula dilaksanakan pdp KBD dan pihak sekolah menggunakan silibus KBD bermula tahun 2015 iaitu kurikulum bersepadu dini (KBD) dilaksanakan. Tambahan lagi, sekolah-sekolah di empat buah negeri yang terlibat dalam kajian iaitu negeri Kedah (zon utara), negeri Kelantan (zon timur) dan negeri Selangor (zon tengah) serta negeri Johor (zon selatan).

## DAPATAN KAJIAN

Jadual 1: Jadual mengikut peratusan dan kekerapan

Bil	ITEM	TS f (%)	S f (%)
-----	------	-------------	------------



**Kesediaan Guru**

1.	kelayakan akademik saya memberi keyakinan untuk mengajar KBD	25 (16.1)	130 (83.8)
2.	pengalaman mengajar saya membantu untuk melaksanakan pengajaran KBD	31 (20.0)	124 (80.0)
3.	pengalaman mengajar dalam Bahasa Arab membantu saya melaksanakan pengajaran KBD	29 (18.7)	126 (81.2)
4.	pengalaman mengajar Pendidikan Islam KPM membantu dalam pengajaran KBD	33 (21.2)	122 (78.7)
5.	pengalaman mengajar Pendidikan Islam Kurikulum Azhari membantu dalam pengajaran KBD	30 (19.3)	125 (80.6)
6.	latihan dalam perkhidmatan membantu meningkatkan kemahiran mengajar KBD	26 (16.7)	129 (83.2)
7.	saya bersedia untuk dilatih oleh pihak sekolah dalam mengukuhkan pengajaran KBD	14 (9.0)	141 (90.9)
8.	Saya selesa dengan pelaksanaan KBD	50 (32.3)	105 (67.7)
9.	Saya melaksanakan KBD secara rela hati	44 (28.4)	111 (71.6)
10.	saya sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemahiran dalam pengajaran KBD	13 (8.3)	142 (91.6)
11.	Saya bersedia dengan tanggungjawab dalam pengajaran KBD	116 (74.8)	39 (25.1)
12.	saya merujuk buku tambahan dalam pemantapan pengajaran KBD	10 (6.4)	145 (93.5)
13.	saya bersedia mengikuti bengkel kemahiran mengajar KBD	7 (4.5)	148 (95.4)
14.	saya memerlukan bengkel kemahiran berkala khusus berkaitan KBD	10 (6.5)	145 (93.5)
15.	saya sentiasa berusaha menambah baik kemahiran dalam pengajaran KBD	11 (7.0)	144 (92.9)
16.	saya mampu membina soalan KBD berasaskan KBAT	63 (40.6)	92 (59.3)
17.	Saya tidak menghadapi masalah dalam melaksanakan KBD berasaskan KBAT	48 (31.0)	107 (69.0)
18.	saya berbincang dengan guru lain untuk memantapkan pengajaran KBD	9 (5.8)	146 (94.1)
19.	saya mampu memberi bimbingan kepada murid dalam pengajaran KBD	27 (17.4)	128 (82.5)
20.	saya mempunyai pengetahuan yang cukup untuk pelaksanaan KBD	64 (41.2)	91 (58.7)
21.	saya memerlukan pendedahan Bahasa Arab untuk pengajaran KBD	22 (14.1)	133 (85.8)
22.	saya menguasai kemahiran menggunakan BBM yang sesuai dalam pengajaran KBD	64 (41.2)	91 (58.7)
23.	saya menguasai objektif pelaksanaan KBD dan melaksanakan dalam pengajaran	46 (29.6)	109 (70.3)
24.	saya memerlukan kursus pentaksiran untuk pembinaan soalan KBD	26 (16.7)	129 (83.2)
25.	saya mahir menggunakan kaedah berpusatkan pelajar semasa	64	91

	pengajaran KBD	(41.2)	(58.7)
26	saya mampu mengajar KBD dalam Bahasa Arab	50	105
		(32.2)	(67.7)
27	saya mahir dalam menggunakan ICT (Power point, word, youtube dll) dalam pengajaran KBD	55	100
		(35.5)	(64.5)
<b>Min keseluruhan</b>		<b>3.87</b>	

Sumber: Soal Selidik 2017

Jadual diatas menunjukkan sebanyak 27 item berkaitan dengan tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan kurikulum bersepadu dini. Item yang memperolehi peratusan persetujuan “SETUJU” yang tertinggi adalah item 13 iaitu “saya bersedia mengikuti bengkel kemahiran mengajar KBD” (95.4%). Manakala item yang mendapat peratusan persetujuan “SETUJU” yang paling rendah adalah item 11 “saya bersedia dengan tanggungjawab dalam pengajaran KBD”(25.1%). Dan seterusnya, bagi 25 item lagi yang memperolehi peratusan persetujuan “setuju” bagi konstruk ini berada antara 58.7% hingga 94.1%. Malahan juga, sebanyak 17 item daripada item-item ini turut memperolehi lebih 70 peratus, dan hanya 8 item sahaja yang memperolehi kurang daripada 70 peratus, iaitu item 8” saya selesa dengan pelaksanaan KBD” (67.7%), item 16 “saya mampu membina soalan KBD berasaskan KBAT” (59.3%), item 17 “saya tidak menghadapi masalah dalam melaksanakan KBD berasaskan KBAT” (69%), item 20 “saya mempunyai pengetahuan yang cukup untuk pelaksanaan KBD” (58.7%), item 22 “saya menguasai kemahiran menggunakan BBM yang sesuai dalam pengajaran KBD” (58.7%), item 25 “saya mahir menggunakan kaedah berpusatkan pelajar sems pengajaran KBD” (58.7%), item 26 “saya mampu mengajar KBD dalam Bahasa Arab”(67.7%) dan item 27 “saya mahir dalam menggunakan ICT (power point, word, youtube dll) dalam pengajaran KBD” (64.5%).

Manakala, bagi skala persetujuan “TIDAK SETUJU” pula berada diantara 4.5% hingga 74.8% bagi konstruk tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan kurikulum ini. Item yang menunjukkan peratusan persetujuan “TIDAK SETUJU” paling tinggi adalah item 11 “saya bersedia dengan tanggungjawab dalam pengajaran KBD” (74.8%) dan item 13 iaitu “saya bersedia mengikuti bengkel kemahiran mengajar KBD” (4.5%) pula memperolehi peratusan persetujuan “TIDAK SETUJU” yang paling rendah. Tambahan lagi, sebanyak 8 item yang memperolehi persetujuan “TIDAK SETUJU” melebihi 30 peratus dan 11 item yang memperolehi kurang daripada 30 peratus, serta 6 item pula yang memperolehi peratusan persetujuan kurang daripada 10 peratus. Item-item ini terdiri daripada item 7 “saya bersedia untuk dilatih oleh pihak sekolah dalam mengukuhkan pengajaran KBD”(9.0%), item 10 “saya sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemahiran dalam pengajaran KBD” (8.3%), item 12 “saya merujuk buku tambahan dalam pemantapan pengajaran KBD”(6.4%), item 14 “saya memerlukan bengkel kemahiran berkala khusus berkaitan KBD” (6.5%) dan item 15 iaitu “saya sentiasa berusaha menambah baik kemahiran dalam pengajaran KBD” (7.0%) serta item 18 “saya berbincang dengan guru lain untuk memantapkan pengajaran KBD” (5.8%). Justeru, min keseluruhan bagi konstruk ini berada pada tahap tinggi, iaitu min=3.87.

## PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Kesediaan guru-guru dalam menggalas tanggungjawab sebagai pendidikan khussunya dalam pelaksanaan KBD adalah amat penting bagi membantu negara membentuk masyarakat yang berilmu naqli dan aqli serta progresif dalam menyahut cabaran wawasan 2020. Hasil kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan tahap kesediaan guru dini dalam pelaksanaan kurikulum dini berada pada tahap skor min yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa guru

mempunyai kesediaan dan pengetahuan dalam melaksanakan pengajaran kurikulum dini yang telah dilaksanakan oleh KPM bermula tahun 2015.

Walaupun keseluruhan min menunjukkan tahap min yang tinggi namun peratusan kesediaan guru dalam menjalankan tanggungjawab dalam pengajaran KBD masih yang terendah persetujuan SETUJU berbanding item lain. Berdasarkan taburan soal selidik hanya 39 orang guru daripada 155 bersedia dengan tanggungjawab dalam pengajaran KBD ini. Dapatan ini menunjukkan, guru-guru dini di SABK memerlukan bimbingan dan latihan serta pengetahuan pedagogi yang khusus dalam melaksanakan kurikulum ini terutamanya berkaitan konsep dan kaedah pelaksanaan agar pelajar benar-benar mengetahui dan faham apa yang disampaikan oleh guru ketika proses pdp dijalankan. Di sini jelas menunjukkan guru bersedia mengikuti bengkel kemahiran dalam proses pengajaran kurikulum ini. Persetujuan yang tinggi dapat dilihat melalui item 13 iaitu “saya bersedia mengikuti bengkel kemahiran mengajar KBD” (95.4%).

Di samping itu, terdapat juga pernyataan-pernyataan yang memperolehi peratusan persetujuan SETUJU yang sama (58.7%) iaitu terdiri daripada item dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan kaedah dalam pelaksanaan kurikulum ini. Item-item ini adalah item 20 “saya mempunyai pengetahuan yang cukup untuk pelaksanaan KBD” item 22 “saya menguasai kemahiran menggunakan BBM yang sesuai dalam pengajaran KBD” dan item 25 “saya mahir menggunakan kaedah berpusatkan pelajar semasa pengajaran KBD”.

Manakala, peratusan persetujuan TIDAK SETUJU yang tertinggi bagi konstruk ini adalah item 11 iaitu “saya bersedia dengan tanggungjawab dalam pengajaran KBD” (74.8%) dan bagi item-item yang lain sekadar memperolehi peratusan persetujuan TIDAK SETUJU kurang daripada 50 peratus sahaja. Ini jelas menunjukkan bahawa terdapat sebilangan guru-guru KBD masih belum bersedia untuk melaksanakan pengajaran dalam kurikulum ini walaupun mereka terpilih menjadi guru KBD dalam pelaksanaan kurikulum bersepadu dini ini di SABK. Ini ekoran sebahagian guru lantikan KBD adalah guru daripada Sekolah Agama Rakyat yang menggunakan kurikulum Azhari. Sebagai sedia maklum, bahawa Sekolah Agama Rakyat adalah sekolah yang kekurangan dari aspek pengurusan, kewangan, prasarana dan sumber manusia (kamarulzaman Abdul Ghani et al., 2017).

Kesimpulannya, walaupun konstruk tahap kesediaan guru secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi, namun tahap persediaan guru dengan tanggungjawab dalam pengajaran KBD hanya pada tahap sederhana sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa bahawa tahap persediaan guru dalam menggalas tanggungjawab dalam pengajaran KBD tidak mempengaruhi tahap kesediaan guru keseluruhan dalam pelaksanaan kurikulum bersepadu dini di SABK. Aspek yang perlu diberi tumpuan adalah aspek berkaitan tahap persediaan guru dalam menggalas tanggungjawab dalam proses pengajaran dan pembelajaran KBD. Guru perlu diberi latihan dan bimbingan dalam menguasai pengetahuan, kaedah serta kemahiran berkaitan pelaksanaan dalam kurikulum ini bagi mencapai objektif iaitu membekalkan Guru Dini yang terlatih dan setaraf dengan guru-guru KPM.

Selain itu, pihak pentadbir sekolah juga perlu bertanggungjawab untuk merancang dan memantapkan profesionalisme guru-guru KBD di sekolah melalui kursus dalaman mengenai persediaan guru khususnya dalam menjalani proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum ini. Selain itu, pihak pentadbir sekolah perlu lebih fleksibel terutamanya mengenai jadual waktu guru semasa sesi kelas dilaksanakan. Manakala, bagi pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri dan Pegawai Pendidikan Daerah perlu membuat pemantauan berkala setiap masa bagi memastikan pelaksanaan kurikulum ini dilaksanakan dengan lancar mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

## KESIMPULAN

Secara umumnya, guru pada masa kini perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian dengan perubahan global serta bersikap positif bagi membolehkan pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar. Guru perlu menunjukkan keinginan dan inisiatif sendiri serta bermotivasi untuk memastikan inovasi dalam kurikulum berjaya dilaksanakan.

Di awal pelaksanaannya, tidak mustahil bagi guru untuk menghadapi cabaran dan kekangan yang semakin hari semakin mencabar. Masalah dan kekangan yang dihadapi ini memberikan kesan kepada proses pelaksanaan kurikulum bersepadu dini (KBD) seterusnya menjejaskan pencapaian pelajar. Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti tahap kesediaan guru dalam melaksanakan kurikulum bersepadu dini (KBD) di SABK. Justeru itu, dengan adanya kajian seperti ini sedikit sebanyak mampu menyumbang kepada penyelesaian masalah yang terpaksa ditempuhi guru dalam pelaksanaan kurikulum bersepadu dini (KBD).

## RUJUKAN

- Abdul Rashid Othman. 2008. *Penyelarasan Kurikulum Al-Azhar untuk SABK: Cabaran dan Harapan*. Kertas Kerja Seminar Pemantapan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Peringkat Kebangsaan. Bahagian Pendidikan Islam, KPM. 3-5 Disember 2008, Tiara Beach Resort:Port Dickson Bahagian pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Islam (2015), *Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum bersepadu Dini*
- Chua Yan Piaw (2013). *Asas Statistik Penyelidikan. Analisis Data Skala Likert*. Edisi Kedua. Malaysia: Mc. Graw Hill Education Sdn. Bhd.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusuf, Mohd Amin Embi, *Penilaian Pelajar dan Guru Terhadap Buku Teks Kurikulum Agama (Al Azhar) di SABK Selangor, International Conference and Exhibition on Research in Islamic and Arabic Language Education 2011, 26<sup>th</sup>-28<sup>th</sup> September 2011, Langkawi Kedah*
- Kamarulzaman Abdul Ghani et.al, 2018, *Persekitaran Bahasa Arab Dalam Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini Di SABK*, International Conference on Research in Islamic Education & Arabic Language, 24<sup>th</sup>-26<sup>th</sup> Januari 2018, Brunei Darussalam
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kuala Lumpur
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2001), *Pembangunan Pendidikan 2001 – 2010*, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Lee Pau Wing (1993). *Guru dan profesion pendidikan*. Pendidikan di Malaysia: Arah dan Cabaran (Penerbitan Khas). Kuala Lumpur : Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Lee Pau Wing (1998). “*Guru dan Profesion Pendidikan*
- Mohd. Izham Mohd. Hamzah & Noraini Attan. 2007. *Tahap kesediaan guru sains dalam penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran*, Universiti Teknologi Malaysia. Jurnal Teknologi, 46 (E): 45-60
- Mohd. Khairuddin Jamaluddin. 2005. *Kesediaan Guru Bahasa Melayu Menggunakan Teknologi Berasaskan Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- N. S. Rajendran, 2001, *Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Kesediaan Guru Mengendalikan Proses Pengajaran dan Pembelajaran*. Kertas kerja dibentangkan di

- Seminar/Pameran Projek KBKK: Poster 'Warisan – Pendidikan – Wawasan', anjuran Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.*
- Saedah Siraj dan Mohammed Sani Ibrahim (2012). *Standard Kompetensi Guru Malaysia*. Universiti Malaya.
- Sharifah Nor Puteh & Kamarul Azman Abd Salam. 2011. *Tahap Kesediaan Penggunaan ICT Dalam Pengajaran Dan Kesannya Terhadap Hasil Kerja Dan Tingkah Laku Murid Prasekolah*. Jurnal Pendidikan Malaysia, 36 (1): 25-34
- Suwarnee Mohd Solah. 2006. *Persepsi Terhadap Kesediaan Dan Tahap Penggunaan TMK Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Di Sekolah Menengah Bandar Dan Luar Bandar*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Wina Sanjaya. 2006. *Strategi Pembelajaran*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group

## KESAN RAWATAN BERORIENTASI PENYUCIAN HATI TERHADAP PERUBAHAN SIKAP PEMBULI DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH DI KOTA BHARU

Mohd Zani Bin Hassan  
Pusat Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui kesan rawatan berorientasi penyucian hati terhadap sikap pembuli dalam kalangan murid sekolah rendah di Kota Bharu. Kejadian buli mencetus kebimbangan dalam kalangan masyarakat, Saban tahun kes buli berlaku dan memberi kesan dalam membentuk persekitaran sekolah yang kondusif. Pelbagai intervensi dan kajian dilakukan sama ada dalam dan luar negara bagi mencegah perlakuan buli. Namun, kes kejadian buli dalam kalangan murid sekolah tetap berlaku dan memberi implikasi negatif kepada persekitaran sekolah. Kajian ini melibatkan 8 QIT (*Quality Improvement Team*) merangkumi 96 buah sekolah rendah di Kota Bharu. Peringkat pertama kajian adalah untuk mengetahui tahap tingkah laku buli, tingkah laku buli lisan (verbal) dan tingkah laku buli fizikal seterusnya mengenal pasti lokasi kajian eksperimen. Peringkat kedua adalah kajian eksperimen reka bentuk pra pasca kumpulan kumpulan yang tidak seimbang. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat kesan rawatan yang signifikan ke atas sikap pembuli melalui rawatan berorientasi penyucian hati. Walaubagaimanapun dapatan skor purata individu menunjukkan terdapat kesan perubahan yang sangat minimum. Kajian ini membuktikan kaedah rawatan secara Islam boleh dipraktikkan tetapi memerlukan komitmen, konsisten dan kesabaran yang tinggi.

**Kata Kunci:** berorientasi, penyucian hati, sikap pembuli, kesan rawatan, murid

### PENGENALAN

Membangunkan peribadi manusia adalah satu tuntutan yang sangat dititikberatkan dalam pembangunan pendidikan Islam. Muhammad Ali Hasyimi (2012) menyatakan sistem pendidikan Islam dibina atas sifat persaudaraan dan kasih sayang antara satu sama lain. Menurut Abdul Malik Abdul Karim (2007) peribadi manusia dapat diukur melalui tingkah laku dan ucapan. Tingkah laku itulah yang mencerminkan akhlak. Sidik Baba (2002) menjelaskan pendidikan secara holistik dan integratif perlu menjadi landasan utama dalam membangunkan peribadi manusia.

Muhammad Jamaluddin (2010) menjelaskan, pembinaan akhlak kanak-kanak adalah satu perkara yang sangat penting dan tidak boleh diabaikan. Hati kanak-kanak masih suci dan jiwanya kosong bagaikan kertas yang belum digores. Kanak-kanak perlu dilatih dan diajarkan perkara-perkara yang baik. Ibu bapa dan pendidik perlu mengajar nilai yang baik kepada kanak-kanak. Setiap perlakuan buruk, haruslah dicegah supaya mereka dapat menyedari dan memahami sebab dan akibat setiap perbuatan buruk tersebut.

Kes buli yang berlaku di sekolah saban tahun menimbulkan kebimbangan masyarakat. Namun sejauhmanakah tindakan yang diambil memberi impak yang positif terhadap penyelesaian masalah. Usaha bersepadu melibatkan semua pihak amat penting bagi menangani perlakuan buli sama ada melalui pencegahan awal atau intervensi supaya mampu mendidik murid-murid sekolah ke arah pembentukan tingkah laku yang baik.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kesan rawatan perlakuan buli dalam kalangan murid sekolah rendah di Kota Bharu. Penglibatan pelajar dengan perlakuan buli secara tidak langsung menyumbang kepada perlakuan jenayah lain seperti vandalisme, gengsterisme, judi dan sebagainya. Statistik yang dikeluarkan Polis Bukit Aman pada tahun 2010 jumlah pelajar yang terlibat dalam jenayah adalah sebanyak 1,610 iaitu 0.9 peratus daripada jumlah indeks jenayah yang dicatatkan seluruh Negara.

Noran Fauziah, Fatimah dan Ahmad Jazimin (2009) menyarankan kaedah pencegahan dan intervensi bagi mengatasi kes buli. Kebanyakan sekolah tidak ada program intervensi buli, malah kes buli yang berlaku ditangani secara reaktif melibatkan sesi kaunseling, nasihat dan perbincangan dengan ibu bapa. (Noran et al., 2009). Program pencegahan dan intervensi yang dirancang dan dirangka dengan baik dapat mengurangkan kes buli di sekolah dan dapat meningkatkan suasana persekitaran yang lebih kondusif (Azizi et al., 2008). Pencegahan dan intervensi bukanlah satu-satunya penyelesaian terhadap kes buli. Aspek kerohanian perlu dititikberatkan dalam pembentukan personaliti murid. Hassan Langgulung (2001) menyatakan bahawa Barat merangka dan menghasilkan sesuatu penawar berasaskan keperluan yang sesuai dengan mereka. Kerosakan menjadi lebih parah apabila mengguna pakai pendekatan Barat tanpa menganalisis kesesuaiannya dengan kerangka Islam yang akhirnya membawa permasalahan yang lebih besar kepada umat Islam. (Malik Badri, 1989). Muhammad Izuddin (2008) menyatakan ajaran Islam tidak menghalang umatnya meneroka psikologi Barat, sebaliknya Islam menggalakkan umatnya mengkaji jiwa mengikut hukum ilmiah. Justeru itu, masyarakat Islam perlu memiliki penyelesaian yang sesuai berpandukan syariat Islam.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini seperti berikut:

Mengukur kesan pembolehubah bebas rawatan berorientasi penyucian hati terhadap pemboleh ubah terikat iaitu tingkah laku buli, tingkah laku buli lisan dan tingkah laku buli fizikal.

- i. Mengukur kesan rawatan berorientasi penyucian hati terhadap tingkah laku buli.
- ii. Mengukur kesan rawatan berorientasi penyucian hati terhadap tingkah laku buli lisan.
- iii. Mengukur kesan rawatan berorientasi penyucian hati terhadap tingkah laku buli fizikal.

## PERSOALAN KAJIAN

- i. Adakah terdapat kesan rawatan berorientasi penyucian hati terhadap pemboleh ubah terikat iaitu tingkah laku buli, tingkah laku buli lisan dan tingkah laku buli fizikal?

## HIPOTESIS KAJIAN

Kajian ini melibatkan sebahagian kecil kaedah dalam rawatan berorientasi penyucian hati. Penyelidik merasakan bahawa prosuder rawatan yang dilakukan terhadap subjek kajian memberi kesan yang signifikan terhadap perubahan tingkah laku buli. Hipotesis ini dibentuk adalah berasaskan kepada kajian yang ingin memperlihatkan keberkesanan kaedah rawatan berorientasi penyucian hati terhadap sikap pembuli. Hipotesis-hipotesis yang dibentuk adalah seperti berikut: Kesan Eksperimen Terhadap Pemboleh ubah Terikat iaitu Tingkah Laku Buli, Tingkah Laku Buli Lisan dan Tingkah Laku Buli Fizikal. Untuk melihat kesan eksperimen terhadap pemboleh ubah terikat, enam hipotesis kajian dibina bagi menguji setiap satu pemboleh dari segi kesan rawatan.

**Hipotesis I**

Terdapat kesan rawatan yang signifikan antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan dalam ukuran ujian pra dan ujian pos bagi skor tingkah laku buli.

**Hipotesis II**

Tidak terdapat kesan rawatan yang signifikan antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan dalam ukuran ujian pra dan ujian pos bagi skor tingkah laku buli lisan.

**Hipotesis III**

Tidak terdapat kesan rawatan yang signifikan antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan dalam ukuran ujian pra dan ujian pos bagi skor tingkah laku buli fizikal.

**METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Kaedah yang digunakan untuk membina kebolehpercayaan pengukuran adalah melalui ujian pra-pasca. (Test-retest reliability). Soal Selidik Tinjauan Umum (STU) digunakan untuk mendapatkan maklumat murid yang terlibat dengan buli. Manakala Skala tingkah laku buli (STLB) digunakan bagi mengukur tahap perlakuan buli. Kajian ini menggunakan reka bentuk ujian pra dan pasca ke atas dua kelompok iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Mengikut Chua Yan Piaw (2011) reka bentuk ujian pra-pasca bagi kumpulan-kumpulan tidak seimbang (non-equivalent group pre-post test design) kerap digunakan dalam menjalankan penyelidikan kuasi-eksperimental. Umumnya penyelidikan eksperimen kuasi adalah bagi mengenalpasti kesan sesuatu rangsangan ke atas pembolehubah bersandar (Creswell, 2009; Marican, 2005). Subjek kajian diagih kepada satu rawatan dan satu kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan dipecahkan kepada dua kumpulan rawatan. Eksperimen rawatan penyucian hati dijalankan berpandu kepada manual tatacara rawatan yang disahkan oleh pakar. Sebelum eksperimen dijalankan, kedua-dua kumpulan diberi ujian pra ( $O_1$ ). Kumpulan rawatan diberi rawatan berorientasi penyucian hati merangkumi solat hajat, zikir, bacaan al-Quran dan doa adalah ( $X_1$ ) Kumpulan kawalan tidak diberi apa-apa rawatan. Kedua-dua kumpulan diberi ujian pasca sebulan selepas rawatan.

Subjek kajian yang dikenalpasti akan menjalani proses rawatan. Kumpulan rawatan melakukan amalan penyucian hati melalui amalan solat hajat, zikir, bacaan al-Quran dan doa. Selepas rawatan selama 2 bulan subjek akan diuji tahap buli. Sepanjang proses kajian, penyelidik melaksanakan pemerhatian secara langsung ke atas subjek di sekolah.

*Jadual 1 : Rekabentuk Kajian Kuasi Eksperimental Ujian Pra-Pasca Kumpulan Tidak Seimbang (Pretest-Posttest Nonequivalent-Groups Quasi Experimental Design)*

	ujian pra	olahan( <i>treatment</i> )	ujian pasca
Kumpulan Rawatan	$O_1$	$X_1$	$O_2$
Kumpulan Kawalan	$O_1$		$O_2$

**DAPATAN KAJIAN**

Sebelum kajian eksperimen dilakukan, penyelidik melakukan kajian deskriptif untuk mengenalpasti perlakuan buli murid merangkumi 96 buah sekolah seluruh QIT Kota Bharu.



Kajian awal ini juga penting untuk mengenalpasti lokasi eksperimen. Kajian dianalisis menggunakan Ujian-*t*, ANOVA sehalu, ANCOVA dan *Post Hoc-Tukey* berdasarkan hipotesis yang berkaitan dengan subjek kajian yang telah dibentuk. Kajian eksperimen ini dilakukan terhadap dua kumpulan utama iaitu kumpulan rawatan dan kawalan. Kumpulan rawatan diagihkan kepada dua kumpulan secara rawak terdiri daripada subjek tahun 4 dan 5 menggunakan dua kaedah rawatan yang berbeza. Pengujian hipotesis menggunakan ANCOVA dapat dilihat berdasarkan jadual di bawah.

*Jadual 2 Ringkasan ujian ANCOVA bagi melihat perbezaan dalam ukuran ujian pra dan ujian pos bagi skor tingkah laku buli dalam kelompok rawatan dan kawalan.*

Sumber	Pembolehubah Bersandar	DK	JKD	F	Sig.
Ujian Pra Tingkah Laku Buli	Ujian Pos Tingkah laku Buli	1	3.575	1.233	0.280

\* $p < .05$

Jadual 2 berdasarkan analisis ANCOVA yang dilakukan ke atas kod kelompok rawatan berbanding skor selepas rawatan kelompok Solat Hajat (y) (Min=4.5761, Sisihan Piawai=0.510) dan skor selepas rawatan kelompok kawalan (k) (Min=3.510, Sisihan Piawai=0.479) dengan skor sebelum rawatan kelompok Solat Hajat (y) (Min=5.681, Sisihan Piawai=0.466) dan skor sebelum rawatan kelompok kawalan (k)(Min=3.372, SisihanPiawai=0.510)menjadikovarian. Nilai  $F(1,20)=1.233, p=0.280, p>0.05$  menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor kelompok rawatan (y) dan kelompok kawalan (k) bagi sebelum dan selepas rawatan. Analisis ini menunjukkan rawatan RA1,RA2,RA3,RA4 tidak memberi kesan yang signifikan kepada tingkah laku buli. Oleh itu, hipotesis 1 di atas yang menyatakan terdapat kesan rawatan yang signifikan dalam ukuran ujian pra dan ujian pos antara kelompok rawatan dengan kawalan bagi skor tingkah laku buli adalah ditolak. Seterusnya nilai saiz efek Cohen ( $d=0.049$ ) menunjukkan nilai signifikan praktikal yang sederhana.

*Jadual 3 Ringkasan ujian Post Hoc-Tukey bagi melihat perbezaan skor tingkah laku buli Ujian Pos Kelompok Rawatan dan Kawalan.*

Pemboleh ubah	Kelompok		Perbezaan	Sig.
	I	J	(I – J)	P
Tingkah laku Buli	RA1	RA1,RA2, RA3,RA4	-1.00725	.562
	RA1	K	.56258	.789
	RA1,RA2	K	1.56983	.182
	RA3,RA4			

\* $p < .05$

Jadual 3 di atas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan ujian pos skor tingkah laku buli antara kelompok rawatan RA1 (Solat Hajat) dengan kelompok rawatan RA1,RA2,RA3,RA4 (solat hajat, zikir, bacaan Quran dan doa) dan antara kelompok rawatan RA1 dengan kelompok K (Kawalan). Begitu juga tidak terdapat perbezaan signifikan antara kelompok RA1,RA2,RA3,RA4 (solat hajat, zikir, bacaan Quran dan doa) dan kelompok K (kawalan). Analisis ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap tingkah laku buli berdasarkan kelompok rawatan dan kawalan.

*Jadual 4 Ringkasan ujian ANCOVA bagi melihat perbezaan dalam ukuran ujian pra dan ujian pos bagi skor tingkah laku buli lisan dalam kelompok rawatan dan kawalan.*

Sumber	Pembolehubah Bersandar	DK	JKD	F	Sig.
Ujian Pra Tingkah Laku Buli Lisan	Ujian Pos Tingkah laku Buli Lisan	1	3.601	1.035	0.321

\* $p < .05$

Jadual 4 berdasarkan analisis ANCOVA yang dilakukan ke atas kod kelompok rawatan (x) berbanding skor selepas rawatan kelompok solat hajat (y) (Min=4.500, Sisihan Piawai=0.606) dan skor selepas rawatan kelompok kawalan (k) (Min=3.444, Sisihan Piawai=0.451) dengan skor sebelum rawatan kelompok solat hajat (y) (Min=5.185, Sisihan Piawai=0.445) dan skor sebelum rawatan kelompok kawalan (k) (Min=3.3798, Sisihan Piawai=0.578) menjadi kovarian. Nilai  $F(1,20)=1.035, p=0.321, p>0.05$  menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor kelompok rawatan (y) dan kelompok kawalan (k) bagi sebelum dan selepas rawatan. Analisis ini menunjukkan rawatan RA1,RA2,RA3,RA4 tidak memberi kesan yang signifikan kepada tingkah laku buli lisan. Oleh itu, hipotesis II di atas yang menyatakan tidak terdapat kesan rawatan yang signifikan antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan dalam ukuran ujian pra dan ujian pos bagi skor tingkah laku buli lisan adalah diterima. Seterusnya nilai saiz efek Cohen ( $d=0.049$ ) menunjukkan nilai signifikan praktikal yang sederhana.

*Jadual 5 Ringkasan ujian Post Hoc-Tukey bagi melihat perbezaan skor tingkah laku buli lisan Ujian Pos Kelompok Rawatan dan Kawalan.*

Pemboleh ubah	Kelompok		Perbezaan (I - J)	Sig. P
	I	J		
Tingkah laku Buli Lisan	RA1	RA1,RA2, RA3,RA4	-129630	.445
	RA1	K	.40741	.898
	RA1,RA2	K	1.70370	.179
	RA3,RA4			

\* $p < .05$

Jadual 5 di atas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan ujian pos skor tingkah laku buli lisan antara kelompok rawatan RA1 (solat hajat) dengan kelompok rawatan RA1,RA2,RA3,RA4 (solat hajat, zikir, bacaan Quran dan doa) dan antara kelompok rawatan RA1 dengan kelompok K (Kawalan). Begitu juga tidak terdapat perbezaan signifikan antara kelompok RA1,RA2,RA3,RA4(solat hajat, zikir, bacaan Quran dan doa) dan kelompok K (kawalan). Analisis ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap tingkah laku buli lisan berdasarkan kelompok rawatan dan kawalan.

*Jadual 6 Ringkasan ujian ANCOVA bagi melihat perbezaan dalam ukuran ujian pra dan ujian pos bagi skor tingkah laku buli fizikal dalam kelompok rawatan dan kawalan.*

Sumber Bersandar	Pembolehubah	DK	JKD	F	Sig.
Ujian Pra Tingkah Laku Buli Fizikal	Ujian Pos Tingkah laku Buli Fizikal	1	3.882	1.351	.259

\* $p < .05$

Jadual 6 berdasarkan analisis ANCOVA yang dilakukan ke atas kod kelompok rawatan (x) berbanding skor selepas rawatan kelompok Solat Hajat (y) (Min=4.625, Sisihan Piawai=0.472) dan skor selepas rawatan kelompok kawalan (k) (Min=3.552, Sisihan Piawai=0.517) dengan skor sebelum rawatan kelompok Solat Hajat (y) (Min=4.357, Sisihan Piawai=0.506) dan skor sebelum rawatan kelompok kawalan (k) (Min=3.097, Sisihan Piawai=0.487) menjadi kovarian. Nilai  $F(1,20)=1.351, p=0.259, p>0.05$  menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor kelompok rawatan (y) dan kelompok kawalan (k) bagi sebelum dan selepas rawatan. Analisis ini menunjukkan rawatan RA1,RA2,RA3,RA4 tidak memberi kesan yang signifikan kepada tingkah laku buli fizikal. Oleh itu, hipotesis III di atas yang menyatakan tidak terdapat kesan rawatan yang signifikan antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan dalam ukuran ujian pra dan ujian pos bagi skor tingkah laku buli fizikal adalah diterima. Seterusnya nilai saiz efek Cohen ( $d=0.063$ ) menunjukkan nilai signifikan praktikal yang sangat kecil.

*Jadual 7 Ringkasan ujian Post Hoc-Tukey bagi melihat perbezaan skor tingkah laku buli fizikal Ujian Pos Kelompok Rawatan dan Kawalan.*

Pemboleh ubah	Kelompok		Perbezaan (I – J)	Sig. P
	I	J		
Tingkah laku Buli Lisan	RA1	RA1,RA2, RA3,RA4	-.82143	.680
	RA1	K	.66234	.723
	RA1,RA2	K	1.48377	.217
	RA3,RA4			

\* $p < .05$

Jadual 7 di atas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan ujian pos skor tingkah laku buli fizikal antara kelompok rawatan RA1 (solat hajat) dengan kelompok rawatan RA1,RA2,RA3,RA4 (solat hajat, zikir, bacaan Quran dan doa) dan antara kelompok rawatan RA1 dengan kelompok K (Kawalan). Begitu juga tidak terdapat perbezaan signifikan antara kelompok RA1,RA2,RA3,RA4(solat hajat, zikir, bacaan Quran dan doa) dan kelompok K (kawalan). Analisis ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap tingkah laku buli fizikal berdasarkan kelompok rawatan dan kawalan.

## PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, umumnya menunjukkan rawatan berorientasi penyucian hati tidak memberi kesan yang signifikan ke atas perubahan tingkah laku buli, buli lisan dan fizikal. Dapatan ini boleh dirumuskan bahawa rawatan melalui solat hajat, zikir, bacaan Quran dan doa tidak memberi kesan yang signifikan ke atas perubahan tingkah laku buli ke atas kelompok rawatan. Kajian ini menyokong Khairani Zakariya (2012) yang menyatakan kaedah pembangunan akhlak remaja yang memfokuskan kepada latihan kerohanian berkesan dalam membentuk tingkah laku yang baik jika dilaksanakan secara konsisten. Kaedah ini sangat bersesuaian dan signifikan dalam mentarbiah anak-anak. Antara asas kepada latihan secara konsisten ini adalah meliputi amalan khusus iaitu solat, zikir dan bacaan Quran. Saadah Sumrah *et al*, (2008) mengatakan kanak-kanak memerlukan bimbingan yang berterusan dengan ilmu-ilmu syariat meliputi pendidikan Islam bagi mencegah mereka terlibat dengan tingkah laku yang bertentangan dengan akhlak Islam. Kajian ini juga menunjukkan amalan kerohanian yang dilakukan selama tempoh dua bulan kurang berkesan kerana tempoh untuk mentarbiah memerlukan ruang waktu yang lama dan konsisten.

Abdul Malik Abdul Karim (2007) menegaskan solat yang khushyuk dapat dirasakan dengan nilai keimanan yang melekat di hati laksana tubuh dan nyawa. Bagi menghasilkan kesan yang positif, perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan ikhlas. Penyucian hati adalah usaha menyucikan diri daripada sifat tercela dengan melakukan amalan mulia, tawaduk dengan penuh keikhlasan mengabdikan diri kepada Allah SWT. Mohammad Salleh (2011) mengatakan sifat ikhlas adalah berkaitan rapat dengan persoalan mental-psikik yang mana Allah sahaja yang lebih mengetahui. Justeru, elemen inilah yang sukar dinilai juga merupakan antar faktor keberkesanan rawatan penyucian hati.

Abdullah Nasih Ulwan (1988) meletakkan lima peringkat utama dalam mendidik anak-anak secara berkesan menurut ajaran Islam iaitu peranan ibu bapa dengan memberi contoh teladan yang baik kepada anak-anak, mendidik dengan adab-adab dan syariat yang murni sebagai amalan kebiasaan, Sentiasa memberi nasihat dan disusuli dengan amalan, sentiasa melakukan pengawasan dan pemerhatian, pendidikan melalui denda dan hukuman. Di samping itu, beliau juga menekankan dua asas utama yang perlu dilakukan iaitu mengajar secara berulang-ulang secara lisan dan *ta'wid* (amali).

Oleh itu, berdasarkan dapatan kajian ini rawatan penyucian hati terhadap kanak-kanak yang membuli merupakan kaedah yang mampu memberi kesan positif jika faktor-faktor luaran seperti komitmen guru, ibu bapa dan pihak sekolah mampu bertindak secara kolektif dan berhikmah. Proses mentarbiah akhlak murid-murid sekolah saling berkait di mana ibu bapa mendidik dengan contoh teladan manakala guru memantapkan akal budi dalam persekitaran sekolah. Pentadbir sekolah pula perlu mengurus dan melaksanakan pembentukan nilai tersebut. Hubungan dan saling bergantung ini mampu menggerakkan kitaran penyucian hati dalam kalangan murid sekolah rendah dengan lebih berkesan.

**RUJUKAN**

Al-Quran Al-Karim

- Ab. Aziz Yusof (2013) *Pengurusan Pendidikan Islam. Mekanisme Transformasi Ummah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Ghani Abdullah, Abdul Rahman Abdul Aziz & Abdul Rashid Mohamad (2011). *Menjana Kecerdasan Emosi*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Sharin Hashim, Yusof Boon dan Zurhana Muhamad (2008). *Tip Menangani Buli Di Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (2007). *Tafsir Al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, Jilid 6.
- Abdullah Al-Qari Hj. Salleh (2010). *Kursus Sembahyang Hajat, Istikharah & Perkenan Doa*. Batu Caves: Pustaka Ilmi.
- Abdul Halim Osman (1996). *Kaunseling Islam: Ke Arah Pengukuhan Budaya Cemerlang. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Kaunseling Islam 1992-1996*. Anjuran Jabatan Kaunseling & Bimbingan Kerjaya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 24 Ogos.
- Chua, Y.P. (2011). *Kaedah Penyelidikan*. Shah Alam: McGraw Hill.
- Che Zarrina Sa 'ari & Sharifah Basirah Syed Muhsin (2012). *Cadangan Model Psikoterapi Remaja Islam Berasaskan Konsep Tazkiyah al-Nafs*, 36, 49-74.
- Cresswel, J.W. (2008). *Educational Research: Planning Conducting and evaluating Quantitative and Qualitative Research. 3rd ed.* Perason: Merill Prentice Hall.
- Olweus, D. (1978 ). *Aggression in the schools: bullies and whipping boys*. Washington, DC: Hemisphere Publishing Corporation.
- Ulwan, Abdullah Nashih (1988). *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam* (jilid dua). Terjemahan Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd Singapura.
- Ulwan, Abdullah Nashih (1996). *Pedoman Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*. (jilid 1-2). Penerjemah. Saifullah Kamalie dan LC. Hery Noer Ali. Kuala Lumpur: Victory Agencie.

## ISU PEMILIKAN DAN PENENTUAN INTERPRETASI FIQH (*AL-TAKHRIJAT AL-FIQHIYYAH*) BAGI MANFAAT TAKAFUL KEMATIAN

Mohd Kamil Ahmad  
Universiti Malaysia Kelantan  
mohdkamil@umk.edu.my

Nurul Iman Mohd Zain  
Universiti Malaysia Kelantan  
nuruliman@umk.edu.my

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membahaskan mengenai status bagi manfaat takaful yang dibayar apabila pemegang polisi takaful meninggal dunia. Persoalan yang dilontarkan: Adakah dengan hanya memeterai akad takaful telah meletakkan pemegang polisi sebagai pemilik kepada manfaat kematian, atau; ia masih belum dianggap sebagai sebahagian daripada hak miliknya melainkan setelah risiko yang diinsuranskan benar-benar berlaku; suatu keputusan yang akan menjadi penentu bagaimana manfaat takaful seharusnya dibahagikan di antara benefisiari-benefisiari yang layak. Menggunakan kaedah kualitatif dengan mengadaptasi pendekatan deskriptif, induktif, dan analitik, kajian ini menjelaskan konsep serta amalan takaful di Malaysia, sebelum membahaskan beberapa interpretasi fiqh (*al-takhrijat al-fiqhiyyah*) bagi manfaat takaful. Kesimpulan yang dicapai ialah: manfaat takaful sebagaimana yang dikenali di dalam industri takaful di Malaysia, yang mana ia merupakan sejumlah wang yang diambil dari dana tabarru', dianggap sebagai hak milik pemegang polisi sejak awal pemeteraian akad. Ini berdasarkan asas bahawa kontrak *al-iltizam bi al tabarru'* yang menjadi teras kepada takaful telah menyebabkan wujudnya hutang ke atas dana tabarru' terhadap pemegang polisi yang dimanifestasi dalam bentuk manfaat takaful. Hutang adalah hak milik pemiutang, demikian juga halnya manfaat takaful.

**Kata kunci:** Takaful; Manfaat Takaful; Benefisiari; Pemilikan; *al-Takhrījāt al-Fiqhiyyah*

### PENDAHULUAN

Takaful merupakan salah satu cabang muamalat moden yang sentiasa memerlukan penjelasan bagi permasalahan baru yang dihadapi. Antara isu yang sering ditimbulkan khususnya berkaitan takaful keluarga adalah: apakah status manfaat takaful dari sudut syarak? Adakah ia sudah dikira sebagai hak milik peserta takaful hanya dengan pemeteraian akad takaful, atau; ia tidak dianggap hak miliknya sehinggalah berlaku risiko yang dilindungi ke atas diri peserta takaful?

Manfaat takaful ialah satu istilah yang biasanya digunakan ke atas sejumlah wang yang dibayar oleh operator takaful sebagai pampasan apabila risiko yang dilindungi (misalnya kematian) berlaku ke atas diri peserta dalam tempoh perlindungan. Mungkin perkara yang merumitkan permasalahan ini ialah sifat takaful keluarga itu sendiri, dan juga

matlamat yang ingin dicapai oleh peserta melalui kontrak takaful; iaitu mewujudkan sumber kewangan sebagai perlindungan ahli keluarganya atau benefisiari tertentu di bawah tanggungannya sekiranya berlaku kecelakaan yang dilindungi ke atas diri peserta.

Disebabkan sifat manfaat takaful yang pada asasnya tidak akan dibayar melainkan setelah berlaku kematian ke atas peserta, persoalan timbul: bagaimanakah manfaat ini seharusnya dibahagikan, dan siapakah yang paling berhak untuk mendapat bahagian dari manfaat tersebut? Untuk menjawab persoalan ini secara tepat, persoalan yang lebih fundamental perlu dijawab terlebih dahulu iaitu: adakah manfaat takaful yang sedemikian sifatnya boleh dianggap sebagai harta hak milik peserta, bilakah ia menjadi hak miliknya dan bagaimana?

## KAJIAN LEPAS

Pada asasnya, pandangan mengenai status manfaat takaful dari segi syarak berkisar antara dua pertimbangan utama iaitu: pertama: manfaat takaful dianggap hak milik peserta sejak mula, iaitu dengan penyertaannya dalam aktiviti takaful bersama peserta-peserta lain dan pemeteraian akad. Kedua: Manfaat takaful dianggap belum menjadi hak milik peserta dengan hanya pemeteraian akad. Ia hanya dianggap menjadi hak miliknya setelah risiko yang dilindungi benar-benar berlaku ke atas diri peserta, atau selepas sijil takaful matang.

Berasaskan dua pertimbangan di atas, dilihat para penulis memberikan pandangan yang berbeza-beza tentang bagaimana manfaat takaful yang dibayar oleh operator takaful akibat kematian peserta takaful seharusnya dibahagikan. Sebahagian penulis misalnya al-Ashqar (1998) berpendapat bahawa manfaat takaful yang dibayar atas kematian peserta tidak dianggap sebagai harta pusaka peninggalan peserta yang meninggal dunia, justeru ia tidak dibahagikan secara faraid atau wasiat. Ini berasaskan pertimbangan bahawa manfaat takaful bukan hak milik peserta sebelum berlaku kecelakaan yang dilindungi (iaitu kematian) ke atasnya. Berbeza pula bagi Ma'sum Billah (2001), beliau berpandangan manfaat takaful adalah hak milik peserta sejak awal, justeru ia perlu dibahagikan di kalangan waris berdasarkan hukum faraid.

Di dalam Resolusi Syariah oleh Bank Negara Malaysia (2010), manfaat takaful kematian boleh diberikan kepada benefisiari tertentu dengan cara hibah bersyarat berasaskan pertimbangan bahawa ia adalah hak peserta. Malah, di dalam fatwa yang dikeluarkan oleh kumpulan Dallah al-Barakah (1997), dinyatakan bahawa manfaat takaful kematian boleh dibahagikan mengikut kaedah faraid berasaskan pertimbangan bahawa ia adalah harta milik peserta yang meninggal dunia. Begitu juga, ia boleh diberikan kepada benefisiari tertentu mengikut pilihan peserta semasa hayatnya berasaskan pertimbangan bahawa ia adalah derma (*tabarru'*) dari kumpulan peserta takaful kepada benefisiari tersebut yang diberikan selepas peserta meninggal dunia.

Perbezaan pendapat mengenai bagaimana manfaat takaful kematian seharusnya dibahagikan ini jika diteliti, lahir dari perbezaan pandangan dalam menentukan status sebenar manfaat takaful. Oleh itu, adalah mustahak untuk menentukan interpretasi fiqh (*al takhrijat al fiqhiyyah*) yang tepat bagi manfaat takaful sebagai langkah paling asas untuk menjelaskan kedudukannya sebagai harta milik peserta takaful atau sebaliknya.

### **Definisi Takaful Dan Bentuk Hubungan Kontrak Yang Berlaku Di Dalamnya**

Secara teknikal, istilah “takaful” sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, membawa maksud; suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama, yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu (APKI 2013).

Dalam erti kata lain, akad takaful merupakan sebuah persetujuan yang dimeterai di antara kumpulan individu yang sama-sama terdedah kepada risiko kecelakaan tertentu, di mana mereka bersetuju untuk saling melindungi dan bantu-membantu dalam mengurangkan kesan mudarat yang dibawa oleh kecelakaan tersebut jika ia menimpa ke atas salah seorang ahli yang menyertai pakatan yang dibuat. Setiap ahli dengan sebab itu terikat untuk membayar jumlah sumbangan tertentu sebagai bayaran penyertaan yang mana ia dibuat berdasarkan konsep *iltizam bi al-tabarru'* atau komitmen untuk menderma. Jumlah wang ini kemudiannya dikumpulkan di dalam sebuah tabung yang dinamakan Dana Takaful atau Kumpulan Wang Takaful (iaitu sebuah entiti yang diwujudkan bagi tujuan mengumpul dan mengurus caruman peserta takaful dan ia disenggarakan oleh pengendali takaful). Dana Takaful ini seterusnya akan bertanggungjawab untuk membayar pampasan sebagai ganti rugi ke atas kemudaratan yang menimpa salah seorang peserta yang mencarum akibat berlakunya kecelakaan yang dilindungi berdasarkan perjanjian yang telah dimeterai. (AAOIFI, Standards no.26/2, dan al-Qurrahdāghī, 2005, 203)

Berdasarkan takrif di atas, akad yang menjadi dasar bagi aktiviti takaful ialah akad *al-iltizam bi al-tabarru'*, iaitu unsur asas yang membezakan antara takaful Islam dengan insurans konvensional yang berpaksikan konsep *mu'āwadah māliyyah* iaitu tukaran harta dengan harta dengan matlamat untuk menghasilkan keuntungan. (Azman, 2010) Berasaskan akad ini, dengan penyertaan dalam takaful, peserta takaful akan menderma dengan jumlah caruman kepada Dana Takaful sebagai *tabarru'* yang tidak akan dipulangkan semula, namun berserta syarat, iaitu Dana Takaful hendaklah membantu peserta tersebut jika kecelakaan yang dilindungi menimpa ke atasnya dengan membayar pampasan ke atas caruman atau *tabarru'* yang dibuat. (Al-Qurrahdāghī, 2005, 255)

Perlu dijelaskan bahawa Dana Takaful ialah sebuah entiti yang diwujudkan bagi memudahkan urusan pengendalian di mana ia akan bertindak sebagai entiti yang bertanggungjawab dalam urusan menerima sumbangan daripada peserta, membayar tuntutan pampasan, dan sebagainya. Berdasarkan hal ini, dapat disimpulkan bahawa Dana Takaful pada hakikatnya adalah milik kumpulan peserta secara bersama. Dalam erti kata lain, kerjasama antara kumpulan peserta untuk merealisasikan matlamat takaful adalah faktor utama yang mewujudkan Dana Takaful ini.

Sehubungan dengan itu, hubungan yang wujud antara para peserta dan Dana Takaful jika diteliti merupakan hubungan antara sesama peserta itu sendiri. Justeru, apabila seorang peserta membayar caruman ke dalam Dana Takaful, dari satu sudut jika diperhatikan, halnya adalah sama dengan dia membayarnya kepada para peserta lain. Begitu juga apabila Dana Takaful membayar pampasan kepada salah seorang peserta yang ditimpa musibah yang



dilindungi, hakikatnya kumpulan peserta iaitu pemilik kepada dana adalah pihak yang telah bertanggungjawab membayar pampasan tersebut.

Berdasarkan sifat hubungan ini, apa yang jelas, jumlah caruman yang dibayar oleh peserta takaful kepada Dana Takaful dianggap telah terpisah dari hak miliknya setelah pembayaran dilakukan dan ia diterima oleh Dana Takaful. Berikutan itu, secara prinsipnya peserta tidak lagi mempunyai hak untuk mengambil semula atau menuntut supaya dipulangkan semula jumlah caruman yang telah dibayar kerana ia telah menjadi hak milik Dana Takaful, dan juga kerana caruman ini pada hakikatnya disumbangkan dengan matlamat saling tolong-menolong dan bekerjasama untuk meringankan beban mana-mana peserta yang ditimpa musibah yang dilindungi sebagaimana yang telah dipersetujui di dalam kontrak. (Al-Khalīfi, 2009)

### **Gambaran Operasi Manfaat Takaful**

Kebiasaan amalan di dalam industri takaful di Malaysia, istilah “manfaat takaful” hanya merujuk kepada jumlah wang yang dibayar dari Dana Takaful sebagai pampasan atas kecelakaan yang menimpa peserta. Ia tidak diistilahkan ke atas keseluruhan jumlah wang yang dibayar apabila peserta meninggal dunia. Namun, di dalam Resolusi Syariah oleh Bank Negara Malaysia (2010) yang menjadi antara rujukan utama industri takaful, istilah “manfaat takaful” digunakan secara umum dan memberi kefahaman bahawa ia merujuk kepada keseluruhan jumlah wang yang dibayar atas kematian peserta takaful tanpa membezakan dari mana sumber wang tersebut diambil. Begitu juga di dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, hanya dijelaskan bahawa manfaat takaful ialah “apa-apa manfaat, sama ada berupa wang atau tidak, yang boleh dibayar di bawah suatu sijil takaful” tanpa menetapkan dana mana yang menjadi sumber kepada manfaat tersebut.

Operasi Takaful Keluarga biasanya melibatkan dua dana yang utama; pertama: Dana Risiko Peserta iaitu Dana *Tabarru'* atau Takaful untuk memenuhi keperluan perlindungan risiko, dan kedua: Dana Pelaburan Peserta bagi keperluan simpanan dan/ atau pelaburan. Dengan penyertaan ke dalam sesuatu skim Takaful Keluarga, peserta akan terikat dengan komitmen untuk membayar sejumlah sumbangan kepada operator takaful sebagai wakil yang mengurus operasi takaful. Sumbangan ini kemudiannya akan dibahagikan ke dalam dua dana di atas mengikut nisbah tertentu. (Md. Azmi, 1996) Sebagai balasan kepada komitmen tersebut, jika peserta meninggal dunia dalam tempoh takaful, operator takaful sebagai wakil yang menguruskan Dana Takaful akan membayar sejumlah pampasan kepada ahli keluarga peserta. Berdasarkan gambaran di atas, dapat disimpulkan bahawa caruman yang dibayar oleh peserta takaful secara umumnya mempunyai dua fungsi berbeza yang seterusnya membawa kepada dua sifat yang berlainan.

Telah dijelaskan sebelum ini bahawa takaful ialah suatu sistem yang terbina berasaskan konsep *al iltizām bi al tabarru'*. Berasaskan akad ini dan berdasarkan gambaran bagi wang caruman takaful yang dijelaskan di atas, boleh dikatakan bahawa sebahagian daripada caruman takaful iaitu jumlah yang dibayar ke dalam Dana *Tabarru'* atau Dana Risiko Peserta akan mengambil tempat “harta yang *ditabarru'kan*” di dalam akad *al iltizām bi al tabarru'*. Di dalam konteks ini penting untuk diingatkan semula bahawa *tabarru'* yang berlaku bukanlah *tabarru'* atau pemberian semata-mata tanpa dibalas, tetapi ia adalah

*tabarru'* yang memiliki sifat *mu'āwadhah*. Ini bermakna peserta menyumbangkan carumannya ke dalam Dana Takaful dan sebagai ganti, Dana Takaful akan membuat komitmen untuk memberi perlindungan kepada peserta dengan membayar jumlah tertentu kepada peserta sendiri atau benefisiari apabila berlaku kecelakaan ke atasnya, atau apabila polisi takaful yang disertai telah mencapai tempoh matang. Ini bermakna apabila bahagian caruman ini diterima oleh dana, peserta takaful tidak lagi layak untuk menuntut semula caruman yang disumbangkannya kerana ia telah menjadi hak milik dana. Namun, peserta berhak mendapat balasan daripada dana ke atas sumbangannya dalam bentuk manfaat kewangan yang diberikan jika kecelakaan yang dilindungi menimpanya.

Sifat dana ini serta komponen kewangan yang dibayar ke dalamnya menimbulkan persoalan; apakah status sebenar pemilikan komponen kewangan ini dari segi syarak sebelum ia dibayar sebagai manfaat takaful atau pampasan di atas kematian peserta? (Azman & Mohd Asmadi, 2008). Bahagian komponen kewangan inilah yang memerlukan penentuan interpretasi *fiqh* yang tepat yang akan menjadi asas bagi sebarang kaedah pembahagian manfaat takaful ini kemudiannya.

Seterusnya, bagi bahagian caruman yang diletakkan di dalam Dana Pelaburan Peserta, keadaannya adalah jelas. Dana pelaburan/ simpanan di dalam Takaful Keluarga merupakan dana yang ditubuhkan bagi tujuan merealisasikan matlamat tabungan yang menjadi keistimewaan utama skim Takaful Keluarga. Justeru, bahagian caruman yang disalurkan ke dalam dana ini kekal menjadi harta milik peserta yang mencarum secara individu kerana ia tidak disalurkan ke dalamnya sebagai *tabarru'*. Bergantung kepada model takaful yang diguna pakai, operator takaful akan bertindak sebagai wakil atau *muḍārib* yang akan menerima upah wakil atau bahagian tertentu dari keuntungan yang terhasil dari aktiviti pelaburan yang dijalankan.

Berdasarkan hal ini, sebarang keuntungan yang terhasil dari pelaburan yang dilakukan oleh operator ke atas dana ini juga adalah milik peserta secara individu kerana sebarang pertambahan yang berlaku ke atas sesuatu harta tanpa mengira sama ada pertambahan tersebut berhubung atau terpisah dari asal-usulnya, adalah milik individu yang pertambahan itu berlaku semasa harta itu masih menjadi kepunyaannya. (Ibn 'Abd al Salam, 2000, 1/274)

## **Penentuan Interpretasi Fiqh Bagi Manfaat Takaful Kematian**

### ***Qiyas* manfaat takaful dengan masalah perburuan**

Terdapat pendapat yang menyebut bahawa manfaat takaful kematian boleh *diqiyaskan* dengan hasil buruan yang terperangkap pada jerat yang dipasang oleh pemburu kerana terdapat persamaan antara kedua-duanya. Apabila seorang pemburu memasang perangkap dan terdapat haiwan yang terperangkap pada jerat tersebut, ia dikira sebagai harta miliknya walaupun pemburu tersebut meninggal dunia sebelum sempat mengutip hasil dari perangkap yang dipasang. Justifikasinya, usaha yang dilakukan oleh si pemburu adalah sebab yang menjadikan hasil tangkapan tersebut sebagai harta miliknya. Begitu juga peserta takaful, usaha yang dilakukannya untuk menyertai aktiviti takaful dan memeterai kontrak telah menjadi sebab yang melayakkannya untuk memiliki manfaat takaful, walaupun manfaat tersebut hadir selepas di meninggal dunia. Justeru, peserta takaful dianggap sebagai pemilik sebenar manfaat takaful kerana jika bukan disebabkan kesungguhannya untuk menyertai

akad takaful, nescaya dia tidak akan layak mendapat manfaat tersebut (Azman & Mohd Asmadi, 2008).

*Qiyas* di atas jika diteliti merupakan *qiyas* yang kurang tepat, kerana pada asasnya ketika memasang perangkap, si pemburu sebenarnya tidak tahu adakah perangkapnya akan mengena atau sebaliknya, semuanya terserah kepada takdir Allah. Jika terdapat haiwan yang terperangkap, ia dianggap milik si pemburu hanyalah kerana usahanya yang memasang perangkap itu. Berlainan dengan manfaat takaful, ia adalah hasil dari komitmen yang diberikan oleh Dana Takaful untuk membantu keluarga peserta takaful jika dia meninggal dunia dalam tempoh perlindungan takaful. Justeru, pembayaran manfaat takaful kematian adalah sesuatu yang pasti berbeza dengan hasil buruan. Tambahan pula, manfaat takaful kematian hanya dibayar apabila peserta takaful meninggal dunia dan bukan sebaliknya, berbeza dengan hasil buruan yang mana ia mungkin terperangkap pada jerat yang dipasang oleh si pemburu semasa hayat pemburu tersebut atau selepas kematiannya.

### ***Qiyas Manfaat Takaful Dengan Diyat***

Terdapat pendapat yang menyebut bahawa manfaat takaful boleh disamakan dengan *diyat* (iaitu pampasan yang dibayar oleh pembunuh atau ahli keluarganya kepada keluarga si mati dalam kes bunuh tidak sengaja). Persamaan yang wujud ialah; *diyat* yang diwajibkan oleh syarak ke atas pembunuh dalam kes bunuh tidak sengaja dimiliki oleh waris individu yang dibunuh disebabkan kematiannya, dan keadaan ini sama dengan manfaat takaful yang juga dimiliki oleh keluarga peserta disebabkan kematiannya (Azman & Mohd Asmadi, 2008).

Namun jika diteliti, *qiyas* ini juga kurang tepat. Ini kerana *diyat* yang dibayar kepada waris individu yang dibunuh adalah sejenis hukuman ke atas si pembunuh disebabkan jenayah yang dilakukan, di samping berfungsi sebagai pampasan kepada ahli keluarga si mati atas kehilangan ahli keluarga serta bagi memujuk hati mereka dan memadamkan api kemarahan terhadap si pelaku jenayah ('Awdah, 2005, 1/578).

Jika diteliti amalan takaful pula, matlamat utama amalan ini adalah untuk saling membantu bagi meringankan beban ahli keluarga dan juga tanggungan peserta takaful yang meninggal dunia akibat kehilangan penjaga. Individu yang menjadi tanggungan peserta takaful ini mungkin merupakan ahli waris yang menerima harta pusaka, dan mungkin juga bukan ahli waris misalnya; anak saudara, anak angkat dan sebagainya. Jika manfaat takaful diqiyaskan dengan *diyat*, secara asasnya manfaat takaful perlu dibahagikan antara ahli waris mengikut hukum faraid. Ini sebenarnya boleh menggagalkan matlamat takaful itu sendiri kerana manfaat yang dibayar mungkin tidak sampai kepada individu yang benar-benar terkesan khususnya dari sudut kewangan dengan kehilangan peserta takaful kerana mereka bukan penerima pusaka atau hanya mendapat bahagian yang kecil. Manfaat takaful sebaliknya mungkin menjadi bahagian individu yang bukan di bawah tanggungan peserta kerana mereka berhak ke atas pusaka menurut faraid. Oleh yang demikian, jika matlamat utama peserta takaful dengan penyertaannya dalam takaful adalah untuk menyediakan bantuan kewangan kepada tanggungannya sekiranya dia meninggal dunia, maka ini boleh menggagalkan matlamat tersebut (Azman & Mohd Asmadi, 2008).

Selain itu, *diyat* pada dasarnya bukanlah suatu hasil yang lahir dari usaha si mati yang dibunuh, seperti yang telah dibincangkan dalam masalah hasil buruan di atas.

Sebaliknya, ia dibayar kerana si mati telah menjadi mangsa jenayah, dan inilah yang melayakkan ahli warisnya untuk mendapat hak ke atas *diyāt*. Berlainan dengan manfaat takaful, ia adalah hasil yang diperolehi dari usaha yang dilakukan oleh peserta takaful itu sendiri semasa hayatnya. Ini menjadikan *qiyās* manfaat takaful dengan *diyāt* sebagai *qiyās* yang kurang tepat.

### **Interpretasi manfaat takaful berasaskan konsep *hibah al-thawab* (*hibah* dengan syarat imbalan)**

Hibah dengan syarat imbalan dapat digambarkan apabila seseorang menghadihkan sesuatu harta kepada rakannya dan mensyaratkan supaya hibah tersebut dibalas dengan sesuatu yang lain. Fuqaha Maliki khususnya menyatakan bahawa ia adalah hibah yang sah, walaupun mereka menganggapnya sebagai sebahagian dari akad *mu'awadah* dan bukan *tabarru'*. Namun ia adalah *muawadah* yang bersifat saling membantu dan saling memuliakan, bukannya dari kategori *muawadah* yang tertakluk kepada hukum riba (Al-Qarafi, 1994, 6/271).

Justifikasinya menurut fuqaha Mālikī; '*urf* dan adat yang zahir dan lazim di dalam masyarakat ialah; seseorang tidak akan menghadihkan sesuatu kepada individu yang lebih tinggi taraf darinya melainkan supaya penerima melindunginya dengan kuasa yang ada padanya. Begitu juga, seseorang tidak akan memberi hadiah kepada yang setaraf dengannya melainkan pemberiannya itu dibalas. Oleh itu, '*urf* menjadi hakim bahawa hadiah daripada seorang fakir kepada seorang kaya adalah untuk balasan, begitu juga hadiah seorang kaya kepada seorang kaya yang lain, kerana adat di kalangan orang kaya ialah saling membalas pemberian, juga sebagaimana hadiah yang diberikan kepada pengantin dan pada majlis walimah adalah untuk balasan berdasarkan adat. Kesimpulannya, fuqaha Mālikī menjadikan '*urf* dan adat sebagai syarat dalam di dalam hibah, dan hasilnya hibah yang diberi walaupun tanpa syarat balasan perlu dibalas dengan imbalan yang setimpal. (Ibn Rushd, 1995, 4:2030;1 dan Al-Qāḍī 'Abd al-Wahhāb, 1999, 2:677; dan Al-Qarāfi, 1994, 6:276-277).

Apabila dibandingkan muamalat ini dengan aktiviti takaful, diperhatikan bahawa terdapat persamaan antara keduanya. Jumlah caruman yang disumbangkan oleh peserta ke dalam Dana Takaful pada asasnya adalah dengan syarat supaya ia dibalas dengan sejumlah pampasan iaitu manfaat takaful jika kecelakaan yang dilindungi menimpa peserta. Dalam erti kata lain, manfaat takaful ialah imbalan yang disyaratkan di dalam akad takaful yang berasaskan konsep *hibah al-thawab*. Berasaskan persamaan ini, manfaat takaful boleh dianggap sebagai imbalan yang wajib dibayar oleh Dana takaful kepada peserta sebagai balasan kepada komitmennya untuk menyumbang ke dalam dana. Hak ke atas imbalan ini dengan itu telah wujud sebaik sahaja peserta memeterai kontrak takaful dan membayar sumbangan ke dalam Dana Takaful. Justeru boleh disimpulkan bahawa manfaat takaful adalah hak milik peserta takaful sejak mula, dan peserta takaful mempunyai kebebasan untuk bertasarruf ke atas hak ini dengan apa-apa sahaja cara yang tidak bercanggah dengan syarak.

Walaupun dengan kesimpulan ini, perlu diingatkan bahawa fuqaha Maliki sendiri meskipun mereka mengharuskan amalan *hibah al-thawab*, malah menganggap hibah biasa iaitu yang tidak diletakkan syarat imbalan juga perlu dibalas, namun pada masa yang sama mereka juga menjelaskan bahawa dalam masalah hibah yang melibatkan matawang iaitu

emas dan perak, tidak wujud balasan. Jika pemberi mensyaratkan supaya hibahnya dibalas, maka ia perlu dibalas dengan benda-benda lain seperti barangan, makanan atau sebagainya bagi mengelakkan berlaku masalah riba (Al-Qarafi, 1994, 6/275). Dengan penjelasan ini, interpretasi fiqh bagi manfaat takaful dengan menyamakannya dengan imbalan dalam *hibah al-thawab* boleh dilihat bermasalah dan kurang tepat. Ini kerana, apa yang disumbangkan oleh peserta takaful ke dalam Dana Takaful pada asasnya ialah wang, manfaat takaful yang dibayar sebagai imbalan juga berbentuk wang, dan ini boleh termasuk dalam bab tukaran wang dengan wang yang tertakluk kepada hukum riba.

### **Interpretasi manfaat takaful berdasarkan konsep *iltizam* dalam Mazhab Maliki**

Konsep *iltizam* atau membuat komitmen merupakan konsep yang terkenal di dalam mazhab Imam Mālik. Fuqaha Mālikī menyatakan bahawa setiap *iltizām* atau komitmen yang dibuat oleh seorang individu untuk memberikan hibah, hadiah, sedekah, mewakaf, atau memberikan hutang dengan tujuan mengeratkan silaturahim, membuat kebajikan, memberikan ganjaran, atau seumpamanya yang tergolong dalam perbuatan makruf sesama manusia adalah *lāzim* iaitu mengikat dan wajib ditunaikan oleh pelakunya. Apabila komitmen ini dibuat, ia tidak boleh ditarik balik atau dibatalkan oleh pelakunya. Bagi individu yang mendapat hak dari komitmen yang dibuat pula, jika hak tersebut merupakan sesuatu yang jelas dan tertentu, maka dia berhak untuk menuntutnya di hadapan hakim, dan diberikan hak yang dituntut itu kepadanya (Al-Hattab, 2011, 24)

Berdasarkan konsep ini, jika diteliti semula gambaran manfaat takaful kematian dalam konteks di mana ia merupakan suatu bentuk *iltizām* dari kumpulan peserta atau Dana Takaful untuk memberi perlindungan kepada peserta takaful dan keluarganya, adalah selamat untuk mengatakan bahawa manfaat takaful kematian merupakan suatu bentuk hak yang lahir dari hubungan ini. Dalam hal ini wujud dua pertimbangan iaitu:

- i. Manfaat takaful kematian ialah suatu bentuk *iltizām* dari kumpulan peserta atau Dana Takaful untuk *bertabarru'* ke atas peserta takaful yang dilindungi apabila dia ditimpa musibah, atau:
- ii. Ia merupakan suatu bentuk *iltizām* dari kumpulan peserta atau Dana Takaful untuk *bertabarru'* kepada benefisiari yang telah dipilih oleh peserta takaful apabila dia meninggal dunia.

Perbezaan di antara kedua-dua pertimbangan di atas ialah: dalam situasi pertama, *iltizām* yang dibuat ditujukan terhadap peserta takaful itu sendiri, manakala dalam situasi yang kedua, ia dibuat ke atas benefisiari yang dipilih oleh peserta takaful, bukannya ke atas diri peserta takaful.

Di dalam perbincangan yang lepas, telah dijelaskan bahawa hubungan antara peserta dan Dana Takaful pada hakikatnya merupakan hubungan antara sesama peserta itu sendiri dan ia merupakan hubungan yang terbentuk berasaskan akad *al iltizām bi al tabarru'*. Bagi mencapai matlamat takaful iaitu saling melindungi, setiap peserta takaful akan membuat *iltizām* atau komitmen untuk mengeluarkan sumbangan atau *tabarru'* ke dalam Dana Takaful, dan sebagai balasan Dana Takaful (sebagai sebuah entiti dan wakil kepada kumpulan peserta) akan membuat komitmen balas untuk menyediakan manfaat kewangan apabila peserta takaful itu ditimpa musibah.

Berdasarkan hubungan ini, difahami bahawa manfaat takaful yang dibayar atas kematian peserta takaful pada hakikatnya adalah natijah yang terhasil dari persepakatan untuk saling *beriltizām* yang dimeterai antara para peserta takaful itu sendiri. Melalui persepakatan ini, setiap peserta takaful dengan sendirinya wajib untuk membayar sejumlah sumbangan ke dalam Dana Takaful bagi tujuan menyediakan perlindungan kepada sesiapa sahaja yang ditimpa musibah dari kalangan mereka, sama ada diri peserta takaful itu sendiri atau peserta lain. Dari sudut ini, manfaat takaful boleh dianggap sebagai hasil yang terbit dari *iltizām* yang dibuat oleh kumpulan peserta takaful ke atas mana-mana peserta yang ditimpa musibah dari kalangan mereka.

Berdasarkan gambaran ini, dapat disimpulkan bahawa pembayaran manfaat takaful kematian adalah satu kewajipan yang wajib ditunaikan oleh Dana Takaful, berdasarkan akad *al iltizām bi al tabarru'*, terhadap peserta takaful atau benefisiarinya apabila peserta takaful meninggal dunia. Apabila ini berlaku, waris peserta takaful yang meninggal dunia akan mempunyai hak untuk menuntut manfaat takaful kematian di hadapan hakim. Hak ini jika diteliti, tidak akan lahir tanpa usaha peserta takaful untuk memeterai akad *al iltizām bi al tabarru'* bersama peserta-peserta lain dan membayar sumbangan takaful ke dalam dana. Oleh yang demikian, pada zahirnya hak ini merupakan suatu hak yang disandarkan kepada peserta dan merupakan miliknya.

Wujudnya hak untuk menuntut manfaat takaful ini jika dilihat menyebabkan manfaat takaful boleh dianggap sebagai hutang yang akan ditanggung oleh Dana Takaful apabila berlaku kematian ke atas peserta takaful yang dilindungi. Ini adalah berdasarkan hakikat hutang sebagaimana yang ditakrifkan oleh fuqaha iaitu: “suatu sifat syarak yang menjadi liabiliti bagi seorang insan, yang mana kesannya akan zahir apabila berlaku tuntutan ke atasnya” (Al-Bābartī, 2008, 4:139), atau ia juga boleh ditakrifkan sebagai: “kewajipan untuk menunaikan hak yang menjadi liabiliti seseorang” (Al-Taftāzānī, 1996, 2:139). Hutang boleh berlaku dengan harta dan wang, begitu juga suatu amalan atau ibadat seperti puasa, solat, haji dan sebagainya.

Hutang adalah sesuatu yang boleh dianggap sebagai harta milik pemiutang berdasarkan justifikasi bahawa ia boleh diwarisi oleh ahli waris pemiutang selepas kematiannya. Ini kerana menurut fuqaha, setiap yang berkait dengan harta maka ia akan berpindah kepada ahli waris, kerana ahli waris mewarisi harta peninggalan si mati. Oleh itu, mereka juga akan mewarisi setiap yang berkait dengan harta sebagai rentetan darinya. (Al-Subkī, 1991, 1:364)

## KESIMPULAN

Dapat disimpulkan dari perbincangan di atas bahawa manfaat takaful kematian, khususnya dengan definisi; sejumlah wang yang dibayar dari Dana Takaful sebagai pampasan ke atas kecelakaan yang menimpa peserta takaful, adalah harta miliki peserta takaful sejak mula; iaitu setelah berlaku pemeteraian akad takaful antara peserta dengan Dana Takaful dan pembayaran sumbangan takaful ke dalam dana.

Kesimpulan ini adalah berdasarkan dapatan bahawa manfaat takaful boleh dianggap sebagai hutang yang dijana oleh akad *al iltizām bi al tabarru'*, di mana Dana Takaful diikat

dengan komitmen untuk membayar sejumlah pampasan jika berlaku kecelakaan yang dilindungi ke atas peserta dalam tempoh takaful. Disebabkan komitmen ini bersifat mengikat, maka peserta takaful atau benefisiarinya berhak untuk menuntut komitmen tersebut yang dimanifestasikan dalam bentuk manfaat takaful yang dibayar jika syarat yang diletakkan benar-benar berlaku. Dengan itu, manfaat takaful adalah satu bentuk hutang yang ditanggung oleh Dana Takaful terhadap peserta. Disebabkan hutang adalah milik pemiutang, begitu juga manfaat takaful, ia adalah hak milik peserta takaful.

## RUJUKAN

- Abū Ghuddah, ‘Abd al-Sattār & ‘Izz al-Dīn Khūjah. (1997). *Fatāwā Nadawāt al-Barakah*. n.p., Majmū‘ah Dallah al-Barakah.
- Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (AAOIFI). *Shari‘a Standards for Islamic Financial Institutions*.
- Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
- Al-Ashqar, Muhammad Sulaymān. (1998). “Al-Ta‘mīn ‘alā al-Ḥayāh wa ‘I‘ādat al-Ta‘mīn”, in Al-Ashqar, Muhammad Sulaymān, Majid Abu Rukhyah, Muhammad Uthman Shubayr & Umar Sulayman al-Ashqar. *Buḥūth Fiqhiyyah fī Qaḍāyā Iqtisādiyyah Mu‘āshirah*. Dār al-Nafa‘is, Jordan.
- Al-Bābartī, Akmal al-Dīn Muḥammad bin Maḥmūd. (2008). *Al-‘Ināyah Sharḥ al-Hidāyah*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut.
- Al-Ḥaṭṭāb al-Ru‘aynī, Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān. (2011). *Taḥrīr al-Kalām fī Masā’il al-Iltizām*, ed. Al-Sayyid Yūsuf Aḥmad. Books-Publisher, Beirut.
- Al-Khalīfī, Riyāḍ Manṣūr. (2009). “Taḳyīm Taṭbīqāt wa Tajārub al-Ta‘mīn al-Takāfulī al-Islāmī. Paper, Multaqā al-Ta‘mīn al-Ta‘āwunī, 20-22 Januari 2009, Riyadh.
- Al-Qāḍī ‘Abd al-Waḥḥāb, Muḥammad bin ‘Alī al-Baghdādī. *Al-Ishrāf ‘alā Nukat Masā’il al-Khilāf*, ed. Al-Ḥabīb bin Ṭāhir. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 1420H/1999M.
- Al-Qarāfī, Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs. (1994). *Al-Dhakhīrah*. Dār al-Gharb al-Islāmī, Beirut.
- Al-Qurrahḍāghī, ‘Alī Muḥyī al-Dīn ‘Alī. (2005). *Al-Ta‘mīn al-Islāmī: Dirāsah Fiqhiyyah Ta’šīliyyah*. Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, Beirut.
- Al-Subkī, Tāj al-Dīn ‘Abd al-Waḥḥāb bin ‘Alī. (1991). *Al-Ashbāh wa al-Nazā’ir*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut.
- Al-Taftāzānī, Sa‘d al-Dīn Mas‘ūd bin ‘Umar. (1996). *Sharḥ al-Talwīḥ ‘alā al-Tawḍīḥ li Matn al-Tanqīḥ fī Uṣūl al-Fiqh*, ed. Zakariyyā ‘Umayrāt. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut.
- AmMetLife Takaful, Product Brochure, ProtectCare-I Prime.
- ‘Awdah, Abd al-Qadīr. (2005). *Al-Tashrī‘ al-Jinā’ī al-Islāmī Muqāranan bi al-Qānūn al-Waḍ‘ī*. Maktabah Dār al-Turāth, Cairo.
- Azman Mohd Noor & Mohamad Asmadi Abdullah. (2008). Ownership and hibah issues of takaful benefit. Paper, ISRA Islamic Finance Seminar (IIFS). November 2008.
- Bank Negara Malaysia. (2010). *Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam*.
- Hong Leong MSIG Takaful, Brosur Produk, HLMT i-Ihsan.

- Ibn ‘Abd al-Salām, ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz. (2000). *Al-Qawā‘id al-Kubrā; Qawā‘id al-Aḥkām fī Iṣlāḥ al-Anām*, ed. Nazīh Kamāl Ḥammād & ‘Uthmān Jum‘ah al-Ḍamīriyyah. Dār al-Qalam, Dimashq.
- Ibn Rushd, Abū al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Qurṭubī. (1995). *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtaṣid*, ed. ‘Abd Allāh al-‘Abbādī. Dār al-Salām, Al-Ghūriyyah.
- Ma’sum Billah, Mohd. (2001). Beneficiaries in family takaful in the global context. *International Journal of Islamic Financial Services*.
- Md. Azmi Abu Bakar. (1996). *Family Takaful Plan: Concept, Operation, And Underwriting*. In *Takaful (Islamic Insurance) Concept And Operational System From The Practitioners's Perspective*. BIMB Institute of Research and Training Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

### **About the authors**

Mohd Kamil Ahmad is a lecturer at the Department of Social Sciences, Centre for Language Studies and Generic Development, University Malaysia Kelantan. Received his bachelor's degree and Master in Islamic Revealed Knowledge & Human Sciences in the field of Fiqh & Usul al-Fiqh from International Islamic University Malaysia and his PhD from University of Malaya in Islamic Economy.

Nurul Iman Mohd Zain is a tutor at the Department of Social Sciences, Centre for Language Studies and Generic Development, University Malaysia Kelantan. Received her bachelor's degree and Master in Islamic Revealed Knowledge & Human Sciences in the field of Fiqh & Usul al-Fiqh from International Islamic University Malaysia and currently pursuing her PhD at the University of Malaya in Islamic Banking.



## ANALISIS DEFINISI PLURALISME AGAMA DI KALANGAN SARJANA MALAYSIA

Earnie Elmie Hilmi  
Kamarudin Salleh  
Nur Farhana Abdul Rahman  
earnie76@yahoo.com  
Pusat Akidah dan Keamanan Global  
Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia

### ABSTRAK

Definisi pluralisme agama bagi setiap sarjana berbeza mengikut kefahaman terhadap konsep pluralisme agama. Bagi golongan yang menerima pluralisme agama, mereka memahami maksudnya sebagai kepelbagaian agama atau pluraliti agama, dialog antara agama, kebebasan agama dan toleransi antara agama. Manakala bagi pihak yang menolak, mereka memahami maksud pluralisme agama sebagai satu aliran yang menerima keabsahan agama lain. Disebabkan ini, berlakunya polemik mengenai pluralisme agama dalam dunia kesarjanaan di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif.

**Kata kunci** : Pluralisme agama, polemik, kualitatif

### PENDAHULUAN

Pemahaman pluralisme agama menurut sarjana di Malaysia adalah berbeza-beza. Perkara tersebut berlaku kerana perbezaan pemahaman konsep pluralisme agama. Terdapat golongan sarjana yang menerima, menolak dan cuba mengharmonikan konsep pluralisme agama berdasarkan pendapat masing-masing. Artikel ini akan mengupas pandangan sarjana di Malaysia berkenaan konsep pluralisme agama. Polemik pluralisme agama di Malaysia bermula apabila Anwar Ibrahim menyampaikan ceramahnya yang dibentangkan di London School of Economics pada 18 Mac 2010 yang bertajuk 'Religion Pluralism in a divided world'. Dunia sarjana Malaysia bergegar dengan isu ini, beberapa siri seminar, forum dan wacana muncul telah banyak diadakan untuk memberi kefahaman tentang konsep pluralisme agama yang dipertengahkan oleh beliau dalam ucapannya. Penulisan-penulisan dari sarjana juga banyak diketengahkan sama ada untuk menerangkan isu pluralisme agama atau menentang pendapat Anwar Ibrahim. Isu ini bertambah rancak apabila kerajaan Negeri Selangor mewartakan liberalisme dan pluralisme sebagai sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam. ([http://www.muftiselangor.gov.my/images/pdf/koleksi\\_fatwa/2014/Sel.p.u.28\\_fatwa\\_pemikiran\\_liberalisme\\_dan\\_pluralisme\\_agama.pdf](http://www.muftiselangor.gov.my/images/pdf/koleksi_fatwa/2014/Sel.p.u.28_fatwa_pemikiran_liberalisme_dan_pluralisme_agama.pdf)). Pluralisme agama dikatakan dapat menggugat akidah umat Islam. Hasil daripada polemik ini, terdapat kelompok yang menerima, menolak dan cuba mengharmonikan pluralisme agama ini.

Menurut Anis Malik Thoha (2005) dan Khalif Muammar (2015) definisi pluralisme agama masih kabur dan sarjana masih keliru dengan pengertiannya. Pengertiannya yang berbeza mengikut pendapat individu tersebut. Perkara ini juga turut diakui oleh Haslina Ibrahim (2015) dan Mohamed Fauzi Yaacob (2011) yang mana istilah pluralisme agama telah digunakan secara meluas dan mempunyai pelbagai makna. Beberapa penulisan sarjana di Malaysia telah dianalisa untuk melihat kepada perbezaan pendapat mereka terhadap pluralisme agama. Antara penulisan-penulisan sarjana yang dianalisa ialah Anis Malik Thoha, Anwar Ibrahim, Hashim Kamali, Osman Bakar, Siddiq Fadzil, Muhammad Uthman el-Muhammady dan beberapa sarjana lain di Malaysia.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kepelbagaian definisi pluralisme agama menurut para sarjana di Malaysia mengikut kefahaman terhadap konsep pluralisme agama. Hasil daripada kepelbagaian definisi ini, satu analisis akan dijalankan untuk membahagikan definisi sarjana mengikut fahaman mereka dan alasan penolakan dan penerimaan terhadap pluralisme agama.

## METODOLOGI PENYELIDIKAN

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah metodologi kualitatif. Reka bentuk yang akan digunakan dalam kajian ini ialah kajian pensejarahan dan analisis kandungan (*content analysis*). Reka bentuk kajian pensejarahan (Berg 2007) akan digunakan untuk mendapatkan data-data berkaitan dengan sejarah perkembangan pluralisme agama terutamanya perkembangan di Malaysia. Manakala analisis kandungan digunakan untuk meneliti definisi-definisi yang diberikan oleh para sarjana di Malaysia. Dalam analisis kandungan, analisis konseptual akan digunakan untuk membuat kajian terhadap konsep-konsep kandungan teks mengenai definisi pluralisme agama daripada para sarjana di Malaysia.

## PLURALISME AGAMA MENURUT SARJANA DI MALAYSIA

Isu pluralisme agama telah didebatkan beberapa tahun terdahulu di kalangan para sarjana, termasuklah di Malaysia. Beberapa siri seminar, wacana dan juga forum telah diadakan untuk menerangkan isu yang menjadi polemik ini. Terdapat golongan sarjana yang menerima, menolak dan mengharmonikan konsep pluralisme agama. Oleh sebab itu, beberapa penulisan sarjana telah dipilih untuk dianalisa pendapat mereka mengenai pluralisme agama di Malaysia. Pluralisme agama menurut sesetengah sarjana di Malaysia adalah seperti berikut:

### Chandra Muzaffar

Chandra Muzaffar (2006) menyatakan pluralisme agama ialah kepelbagaian agama. Sebagaimana maksud pluralisme dalam sains sosial, iaitu kewujudan kepelbagaian jenis manusia yang mana mempunyai pelbagai agama dan pendapat dalam satu masyarakat yang sama. Definisi pluralisme agama yang diberikan oleh Dr Chandra Muzaffar (2014) ialah:

Living in harmony with nature and environment, protecting the integrity of the family as the basic unit of society, respecting one's elder, ensuring leadership is virtuous and adhering to moral precepts in economic activities, would be some of the values and principles that are embodied in all religious philosophies. Accepting similarities at one level while acknowledging differences in other spheres is what defines religious pluralism.

### Osman Bakar

Osman Bakar (2009) memahami pluralisme agama dalam erti dialog antara agama (*interfaith dialogue*). Bagi beliau,

Qur'an is very positive about the role of cultural similarities in bringing together people of different beliefs and diverse cultures.

Menurut beliau lagi (2010),

The religion of every prophet and messenger of God is Islam understood as a true way of submission to him. It is in this sense that we understand the Qur'an reference to Abraham as a Muslim.

**Anwar Ibrahim**

Anwar Ibrahim (2010) memahami pluralisme agama dalam erti *religious freedom* (kebebasan beragama). Menurut beliau;

Freedom of religion without which there can be no religious pluralism, is an entrenched constitutional liberty in the established democracies. As such, favouring one religion over another or granting it a position at the expense of others may be considered as being against the spirit of religious pluralism.

Beliau juga turut memahami pluralisme agama dalam erti menerima keabsahan agama lain (*Accepting other religions' validity*). Ini dapat dilihat pada kenyataan beliau, iaitu;

Whatever the religion, whether it be Islam, Christianity, Judaism, Sikhism, Hinduism and many others, I believe that the higher truths which go beyond mere practice and ritual all converge on the singular truth: and that is from God we were sent forth and unto God shall we return.

(<https://blogtraditionalislam.files.wordpress.com/2010/04/public-lecture-by-anwar-ibrahim-at-the-london-school-of-economics1.pdf>).

**Hashim Kamali**

Menurut Hashim Kamali (2011) pluralisme agama dibincangkan kepada tiga perkara iaitu *exclusivist*, *inclusivist* dan *pluralist*. Beliau mendefinisikan *pluralist* dengan *all faiths are true and show different paths to the same Reality*. Menurut beliau lagi,

Islam recognise all monotheistic religions and entitles the followers of other religions to practice their own beliefs, personal laws and custom. If the essence or religious pluralism is recognition, co-existence and cooperation with people of different religious persuasions within the same society, then Islam is pluralist.

**Mohamed Fauzi Yaacob**

Mohamed Fauzi Yaacob (2011) menyatakan terma pluralisme agama banyak digunakan dalam sains sosial seperti terma-terma lain. Dalam kebanyakan dan kekerapan penggunaannya dapatlah dirangkumkan kepada tiga, iaitu:

1. Religious diversity or heterogeneity, which means a simple recognition of the fact that there many different religious groups active in any given geo-political space under consideration of harmonious co-existence between followers of different religions.
2. A form of ecumenism where individuals of different religions dialogue and learn from each other without attempting to convince each other of the correctness of their individual set of beliefs.
3. Accepting the beliefs taught by religions other than one's own as valid, but not necessarily true.

Menurut beliau, beliau bersetuju terma pertama dan kedua digunakan dalam penulisan beliau, manakala terma yang ketiga tidak digunakan kerana pendekatan dan metodologi yang berbeza dan ianya di luar keupayaan pengetahuan beliau untuk mengulasnya.

**Muhammad Uthman El-Muhammady**

Muhammad Uthman el-Muhammady (2012) menerima pluralisme dalam erti *religious diversity* (kepelbagaian agama), menurutnya “Adapun pluralisme agama dalam erti adanya beberapa agama dalam sebuah negeri (*sheer fact of pluralism*) seperti yang diistilahkan dalam Universiti Harvard dan laman webnya, dan yang disyaratkan dalam Perlembagaan Malaysia, yang itu tidak ada masalah pada pandangan kita”.Walaupun demikian, beliau menolak fahaman pluralisme agama gagasan John Hick yang menganggap semua agama membawa kepada *salvation* atau syurga dan semua agama adalah sama. Bagi beliau, pemahaman

pluralisme agama dalam bentuk ini menunjukkan pemikirnya tidak mempunyai keyakinan terhadap agamanya sendiri.

### **Mohd Frid Mohd Sharif**

Mohd Frid Mohd Sharif (2012), pluralisme agama ialah satu sistem yang mengiktiraf kewujudan pelbagai bangsa, suku dan agama dengan setiap orang masing-masing komited dengan leluhur dan akal budi bangsanya, komited dengan ajaran agamanya dan memberi ruang kepada penganut agama yang lain pula untuk komited dengan ajaran agama masing-masing. Beliau menerima konsep pluralisme agama dalam erti kepelbagaian dan menolak pluralisme agama dalam erti menyamaratakan semua doktrin agama. Walaupun istilah pluralisme agama menjadi polemik yang tidak berkesudahan dan kekeliruan maksudnya, beliau tidak bersetuju maksud pluralisme agama perlu ditukar kepada istilah pluraliti agama. Bagi beliau, istilah pluralisme agama dikekalkan dan menerima cirinya yang positif

Ciri-ciri positif pluralisme agama adalah seperti berikut:

1. Bukan setakat mempamerkan sifat kemajmukan, malah melibatkan setiap penganut agama secara aktif dalam semua usaha yang dilakukan untuk memahami perbezaan dan persamaan.
2. Proses interaksi yang dibina dalam pluralisme agama mestilah sentiasa menekankan matlamat utamanya, iaitu belajar cara berfikir yang berbeza dan baru untuk melihat makna kehidupan.
3. Mestilah mempromosikan kehidupan yang mempunyai proses interaksi yang maksima.
4. Tidak menyentuh apa-apa aspek yang berkaitan dengan fahaman relativisme atau konsep Kebenaran Mutlak.

### **Wan Adli Wan Ramli**

Wan Adli Wan Ramli (2012) tidak bersetuju pluralisme agama diertikan dengan maksud toleransi dan dialog kerana bagi beliau, maksud pluralisme ialah suatu konsep yang menyamaratakan pelbagai agama. Tambah beliau lagi, dengan itu manusia menjadi bebas secara individu untuk memilih agama yang ingin dianutnya kerana semuanya dianggap sebagai jalan-jalan menuju Tuhan yang sama. Beliau juga menyatakan pluralisme agama selaras dengan semangat pemikiran liberalisme agama. Yang berbezanya ialah pluralisme agama membawa kepada penerapan nilai pasca modernisme, selaras dengan evolusi pemikiran humanisme. Beliau menolak konsep pluralisme dalam erti menyamaratakan semua agama.

### **Mohd Farid Mohd Shahrani**

Mohd Farid Mohd Shahrani (2014) mendefinisikan pluralisme agama dengan satu faham yang mengiktirafkan kewujudan pelbagai agama yang tersendiri (*independent*) dengan pendekatan dan jalan yang berbeza akan tetapi matlamat akhirnya ialah penyerahan diri kepada Hakikat yang sama. Tambah beliau lagi, justeru itu pluralisme agama bukan bertujuan menyatakan persamaan semua agama dalam semua aspek tetapi persamaan dalam beberapa aspek utama seperti perhubungan dengan Tuhan yang akhirnya mampu membawa seseorang kepada keselamatan. Bagi beliau Islam tidak pernah menolak hakikat wujudnya pelbagai agama dan hak untuk penganut agama-agama lain untuk beragama. Beliau menerima pluralisme agama dalam erti kepelbagaian agama tetapi menolak konsep pluralisme agama dalam erti menyamaratakan semua agama.

**Mujahid Yusof Rawa**

Mujahid Yusof Rawa (2014) “Pluralisme (kepelbagaian/kemajmukan) merupakan satu kejadian alam yang membuktikan tanda-tanda kebesaran Allah. Tiada sesuatu yang ada di muka bumi ini melainkan semuanya ditunjukkan dalam pelbagai bentuk, pelbagai rupa dan pelbagai pilihan. Kerencaman ini menandakan kejadian alam serta kejadian pada alam haiwan dan pada diri manusia sendiri”. Beliau menolak fahaman yang menyatakan semua agama adalah sama. Ia merupakan kesesatan sebagaimana sesat juga untuk menyatakan bahawa hanya Islam sahaja yang layak wujud (*existence*) dan agama lain tidak layak wujud (*inexistence*). Menurut beliau lagi, fahaman yang betul dan tepat ialah “Islam menerima realiti kepelbagaian (agama) secara wujudnya (*existence*) walaupun hanya Islam sahaja yang diyakini benar (oleh penganutnya) secara teologinya, amalannya dan syariatnya lantas bagi menjalani kehidupan dalam keadaan damai kerana wujudnya kepelbagaian agama yang berpotensi untuk menjadi konflik, Islam mewajibkan Rahmatnya bagi mengatasi dan menguruskan wujudnya kepelbagaian yang ada (*peacefull to existence*).

**Mohd. Asri Zainul Abidin**

Mohd. Asri Zainul Abidin (2014) mndefinisikan pluralisme agama sebagai pengiktirafan kepada kepelbagaian agama, cuba memahami lebih mendalam antara satu sama lain dan bersikap tolak ansur tanpa menggadaikan prinsip-prinsip akidah Islam terutamanya hanya Islam sebagai agama yang diterima di sisi Allah. Beliau menolak pluralisme agama dalam erti semua agama sama nilaian di sisi Tuhan, kebenaran itu dikongsi secara bersama atau kebenaran itu relatif. Beliau mengatakan maksud sedemikian adalah bertentangan dengan Islam dan membawa kepada kekufuran.

**Anis Malik Thoha**

Anis Malik Thoha (2011) tidak bersetuju pluralisme agama disamakan dengan erti toleransi agama kerana keduanya mempunyai konsep yang berbeza. Menurut beliau, pluralisme agama ialah penekanan kepada kesamaan atau kesetaraan (*equality*) dalam segala hal, termasuk beragama. Penganut agama juga harus memandang sama pada semua agama dan penganut agama tersebut. Beliau menolak konsep pluralisme agama kerana baginya konsep ini merupakan satu konsep yang mengelirukan masyarakat.

**Khalif Muammar A. Harris**

Khalif Muammar (2015) menolak fahaman pluralisme agama dengan erti satu fahaman yang meletakkan kebenaran semua agama separa sehingga kebenaran mutlak tidak dimiliki (dimonopoli) oleh mana-mana agama. Beliau juga menolak pluralisme agama disamakan dengan konsep kepelbagaian agama dan toleransi agama. Kedua-dua konsep ini hanyalah mengelirukan masyarakat muslim.

**Siddiq Fadzil**

Siddiq Fadzil (2016), memahami pluralisme agama sebagai kemajmukan dalam pelbagai ranah kehidupan manusia: agama, budaya, politik, perundangan dan lain-lainnya. Menurut beliau lagi, Islam menerima, menghargai dan menghormati manusia dalam segala kepelbagaianya- bangsanya, bahasanya, agamanya dan budayanya. Berbeza agama bukan alasan untuk bermusuhan. Beliau menerima konsep pluralisme agama dalam erti kepelbagaian agama tetapi menolak pluralisme agama dalam gagasan John Hick. Penolakan ini berdasarkan kepada gagasan pluralisme agama John Hick tidak toleran terhadap perbezaan dan cuba memaksakan persamaan.

## **ANALISIS POLEMIK KEFAHAMAN PLURALISME AGAMA DI KALANGAN SARJANA DI MALAYSIA**

Daripada pemahaman konsep pluralisme agama menurut sarjana di Malaysia, dapat disimpulkan pemahaman tersebut kepada beberapa analisis iaitu menerima pluralisme agama dalam erti kepelbagaian agama, menerima pluralisme agama dalam erti kepelbagaian agama dan menolak fahaman menyamaratakan semua agama, menerima pluralisme agama dalam erti dialog antara agama dan menolak pluralisme agama, menerima keabsahan agama lain dan menolak fahaman pluralism agama. Analisis tersebut adalah seperti berikut:

### **Menerima pluralisme agama dalam erti kepelbagaian agama**

Chandra Muzaffar (2006), Mohamed Fauzi Yaacob (2011) menerima pluralisme agama dalam erti kepelbagaian agama. Bagi mereka, pluralisme agama ialah sekumpulan individu penganut pelbagai agama hidup secara harmoni dalam sesebuah masyarakat. Menerima nilai dan prinsip agama anutan masing-masing yang berbeza.

### **Menerima pluralisme agama dalam erti kepelbagaian agama dan menolak fahaman menyamaratakan semua agama**

Konsep pluralisme agama dalam erti kepelbagaian agama iaitu konsep kepelbagaian bangsa, agama, budaya, politik, pandangan dan lain-lain yang berkongsi hidup di bawah bumbung yang sama. Manakala konsep pluralisme agama dalam erti menyamaratakan semua agama ialah konsep yang menganggap semua agama mempunyai kebenaran yang sama.

Muhammad Uthman El-Muhammady (2012), Mohd Farid Mohd Sharif (2012), Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa (2014), Mohd. Asri Zainul Abidin (2014), Mohd Farid Mohd Shahrhan (2014) dan Siddiq Fadzil (2016) antara tokoh-tokoh yang menerima pluralisme agama dalam erti kepelbagaian agama dan menolak fahaman menyamaratakan semua agama.

Muhammad Uthman El-Muhammady (2012), dan Siddiq Fadzil (2016) secara nyata menolak fahaman pluralisme agama John Hick dalam penulisan mereka. Antara alasan mereka menolak pluralisme agama ini adalah kerana bagi mereka, John Hick menganggap semua agama-agama membawa kepada *salvation* (Muhammad Uthman El-Muhammady 2012), tidak toleran terhadap perbezaan dan cuba memaksakan persamaan (Siddiq Fadzil 2016).

Manakala Mohd Farid Mohd Sharif (2012), Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa (2014), Mohd. Asri Zainul Abidin (2014) menyatakan penolakannya secara umum terhadap pluralisme agama dalam konsep menyamaratakan semua agama. Alasan penolakan mereka kerana pluralisme agama dalam konsep ini ialah menyatakan semua agama adalah sama (Mohd Farid Mohd Sharif 2012) atas alasan wujudnya kepelbagaian (Mujahid Yusof Rawa 2014) dan kebenaran dikongsi bersama atau kebenaran itu relatif (Mohd. Asri Zainul Abidin 2014; Mohd Farid Mohd Shahrhan 2014).

### **Menerima pluralisme agama dalam erti dialog antara agama**

Pluralisme agama dalam erti dialog antara agama telah diterima oleh Osman Bakar (2009). Bagi beliau, setelah tragedi 11 September, hubungan umat Islam dengan masyarakat bukan Islam amat parah, terutama hubungan dengan Barat. Islamophobia muncul di kalangan masyarakat Barat. Disebabkan itu, satu mekanisme amat penting untuk menjalinkan kembali hubungan yang parah tersebut. Bagi beliau, umat Islam seharusnya melakukan pembaharuan (*tajdid*) dalam pemahaman diversiti dan pluralisme untuk menjernihkan kembali hubungan antara agama.

### **Menerima keabsahan agama lain**

Menerima keabsahan agama lain ialah menerima kebenaran yang wujud dalam agama-agama selain agama Islam. Anwar Ibrahim (2010) dan Mohammad Hashim Kamali (2011) memahami pluralisme agama sebagai satu fahaman bahawa semua agama mempunyai kebenaran yang sama dan menuju kepada Realiti yang sama iaitu Tuhan.

### **Menolak pluralisme agama**

Wan Adli Wan Ramli (2012), Anis Malik Thoha (2014), dan Khalif Muammar (2015) menolak konsep pluralisme agama. Sarjana-sarjana ini menolak konsep pluralisme agama dalam maksud toleransi agama (Anis Malik Thoha 2014; Khalif Muammar 2015), dialog antara agama (Wan Adli Wan Ramli (2012) dan kepelbagaian agama (Khalif Muammar 2015). Bagi sarjana-sarjana ini, mereka menolak pluralisme agama berdasarkan kepada ianya merupakan satu kefahaman yang memandang semua agama adalah sama dan menuju kepada Tuhan yang sama.

## **PENUTUP**

Hasil daripada polemik pemahaman pluralisme agama ini dapat disimpulkan bahawa golongan sarjana di Malaysia terbahagi kepada beberapa kelompok pendapat iaitu yang menyokong, menolak dan golongan pertengahan. Bagi yang menyokong pluralisme agama, mereka berpendapat pluralisme agama ialah fahaman yang dalam erti kepelbagaian agama, toleransi agama, dialog antara agama dan kebebasan beragama. Manakala golongan sarjana yang menolak pluralisme agama berdasarkan kepada ianya satu fahaman yang menyamaratakan semua agama dan menuju kepada kebenaran dan Tuhan yang sama. Dan ini menyalahi pegangan akidah agama Islam.

Bagi golongan pertengahan pula, mereka menerima pluralisme agama dalam erti kepelbagaian agama dan menganjurkan dialog antara agama untuk menyelesaikan konflik yang melanda masyarakat Islam dan juga bukan Islam. Menurut Mohd Farid Mohd Sharif (2012) golongan yang ketiga ini merupakan golongan yang mahu melihat fahaman pluralisme agama dalam bentuk yang sederhana dan golongan ini dianggap menarik bagi beliau kerana golongan ini tidak memihak kepada golongan yang menyokong dan menolak.

## **RUJUKAN**

- Anis Malik Thoha.(2011). Problem epistemologi pluralisme agama. [irep.iium.edu.my/.../Prblem\\_Epistemologi\\_Pluralisme\\_Agama\\_-\\_STAIN](http://irep.iium.edu.my/.../Prblem_Epistemologi_Pluralisme_Agama_-_STAIN). Ponorogo-1.pdf.
- Anwar Ibrahim. (2010). <https://blogtraditionalislam.files.wordpress.com/2010/04/public-lecture-by-anwar-ibrahim-at-the-london-school-of-economics1.pdf> (22 Jun 2018).
- Berg, Bruce L. 2007. *Qualitative research methods for the social sciences*. United States of America: Pearson Education Inc
- Chandra Muzaffar.(2006). What pluralism means to Islam. [Http://www.thestar.com.my/opinion/letters/2006/06/18/what-pluralism-means-to-islam](http://www.thestar.com.my/opinion/letters/2006/06/18/what-pluralism-means-to-islam)
- \_\_\_\_\_. (2014). Understanding liberalism and religious pluralism. [Http://www.thestar.com.my/news/nation/2014/11/05/understanding-liberalism-and-religious-pluralism](http://www.thestar.com.my/news/nation/2014/11/05/understanding-liberalism-and-religious-pluralism).
- Fatwa liberalisme dan pluralisme. (2014). ([http://www.muftiselangor.gov.my/images/pdf/koleksi\\_fatwa/2014/Sel.p.u.28\\_fatwa\\_pemikiran\\_liberalisme\\_dan\\_pluralisme\\_agama.pdf](http://www.muftiselangor.gov.my/images/pdf/koleksi_fatwa/2014/Sel.p.u.28_fatwa_pemikiran_liberalisme_dan_pluralisme_agama.pdf)) (21 April 2017).

- Haslina Ibrahim. (2015). The quest for objectivity: Religious pluralism and religious plurality in Malaysia. [Http://irep.iium.edu.my/48651/round\\_table\\_discussion\\_on\\_religious\\_pluralism.pdf](http://irep.iium.edu.my/48651/round_table_discussion_on_religious_pluralism.pdf) (19 Jun 2016)
- Kamali, Hashim. 2011. [https://www.academia.edu/12074530/ Islam\\_s\\_Religious\\_Pluralism\\_in\\_Context](https://www.academia.edu/12074530/ Islam_s_Religious_Pluralism_in_Context) (29 July 2015)
- Khalif Muammar A. Harris. 2015. *Islam dan Pluralisme agama: Memperkukuh tawhid di zaman kekeliruan*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Fauzi Yaacob. 2011. The Challenge of religious pluralism in Malaysia. [http://www.iop.or.jp/Documents/1121/Journal21\\_Yaacob.pdf](http://www.iop.or.jp/Documents/1121/Journal21_Yaacob.pdf) (21 Julai 2016).
- Mohd. Asri Zainul Abidin. 2014. Pluralisme agama. <https://www.facebook.com/ DrMAZA/posts/10152893486567990> (11 Mac 2017).
- Mohd Farid Mohd Shahrhan (2014). Islam dan pluralisme agama: Isu-isu akidah semasa. Dlm Mohd Farid Mohd Shahrhan (pnyt). *Pluralisme agama: Satu penelitian Islami*. Hlm 43-73. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM
- Mohd Farid Mohd Sharif. (2012). *Maaf...Tuhan kita tidak sama: mengulas isu interaksi agama di Malaysia*. Kedah: Bitara Media.
- Muhammad Uthman el-Muhammady. (2012). Beberapa isu dalam pluralisme agama-Satu pengamatan ringkas. Dlm. *Pluralisme agama: satu gerakan iblis memurtadkan Ummah*, hlm 119-138. Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia.
- Mujahid Yusof Rawa. (2014). Islam dan Pluralisme. [Http://www.sinarharian.com.my/ karya/pendapat/islam-dan-pluralisme-1.331115](http://www.sinarharian.com.my/ karya/pendapat/islam-dan-pluralisme-1.331115) (5 Mei 2017).
- \_\_\_\_\_. (2015). *Islam dan kepelbagaian: Rahmat untuk semua*. Selangor: Ilhambooks.
- Osman Bakar. (2009). Islam and the challenge of Diversity and pluralism: Must Islam reform Itself?. <http://www.iais.org.my/icr/index.php/icr/article/view/246/239> (10 April 2016).
- \_\_\_\_\_. (2010). Exclusive and inclusive Islam in the Qur'an: Implications for Muslim-Jewish relations. [www.cismor.jp/uploadsimages/sites/3/.../ dadb63fbc24f2c690 db4d9b9843 d85b7.pdf](http://www.cismor.jp/uploadsimages/sites/3/.../ dadb63fbc24f2c690 db4d9b9843 d85b7.pdf) (21 Jun 2016).
- Siddiq Fadzil. (2016). *Pembinaan Bangsa: Kepelbagaian dalam bingkai kesatuan*. Selangor: Institut Darul Ehsan.
- Wan Adli Wan Ramli. (2012). *Bahaya liberalisme dan pluralisme agama terhadap akidah belia Muslim*. Johor Bharu: Sekretariat menangani isu-isu akidah dan Syariah Majlis Agama Islam Negeri Johor.



## **PERANAN MASJID DAN PENGAJARAN ILMU AQIDAH ISLAMIYYAH DALAM USAHA PEMBASMIAN KEMISKINAN TEGAR DALAM KOMUNITI MUSLIM: SATU KAJIAN DI NEGERI KELANTAN**

Dr. Nawi @ Mohd Nawi bin Ismail  
Dr. Azizah binti Hussin  
Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan  
Nawi.ismail@umk.edu.my

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan meninjau pelaksanaan pengajaran ilmu aqidah Islamiyyah di masjid-masjid dalam proses pembasmian kemiskinan tegar dalam kalangan komuniti muslim. Pihak masjid tidak boleh hanya memfokuskan ilmu-ilmu feqah sahaja bahkan perlu memperbanyakkan ilmu-ilmu aqidah Islamiyyah. Namun, sejauhmana masjid benar-benar memainkan peranan dalam pembasmian kemiskinan dalam kalangan komuniti muslim melalui pengajaran ilmu aqidah Islamiyyah. Justeru, kajian ini akan membawa dapatan-dapatan daripada hasil kajian. Tujuan utama kajian ialah menjelaskan kepada masyarakat sejauhmana pengajaran ilmu aqidah dilaksanakan di masjid-masjid serta melihat kesan ilmu aqidah Islamiyyah yang di ajar di masjid kepada masyarakat yang terlibat dengan masalah kemiskinan. Selain itu, tajuk-tajuk yang berkaitan pembasmian kemiskinan yang dicadangkan akan dianalisa. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang dianalisa secara deskriptif melalui perisian SPSS. Data dikumpul melalui soal selidik yang terdiri daripada 3 komponen, biodata dan dua pembolehubah. Dapatan dibentangkan mengikut min, frekuensi dan peratus. Responden seramai 200 orang yang terdiri dari pelbagai latarbelakang, tahap umur, pekerjaan, status, pendidikan dan dikhususkan kepada masyarakat Kelantan dan terdapat segelintir responden yang terlibat bukan berasal dari Kelantan tetapi menetap di Kelantan kerana belajar dan bekerja di situ. Majoriti responden bersetuju bahawa masjid memainkan peranan penting dalam pembasmian kemiskinan. Manakala, dapatan yang hampir sama banyak diperolehi tentang tajuk yang diperbincangkan di masjid ada menyentuh tentang kemiskinan atau sebaliknya. Manakala, dalam pengajaran aqidah islamiyyah di masjid, majoriti responden mengiakan bahawa terdapat pengajaran aqidah dikaitkan dengan kemiskinan. Kajian ini juga menyenaraikan 5 tajuk berkaitan kemiskinan yang dicadangkan oleh respondent agar diajar di masjid-masjid. Kesimpulannya, kajian ini menjadi panduan kepada murabbi agar menekankan urusan pembasmian kemiskinan tegar dalam ceramah dan kuliah di masjid.

**Kata kunci:** Peranan Masjid, Pembasmian kemiskinan, Aqidah Islamiyyah

### **PENDAHULUAN**

Kemiskinan tegar adalah isu global yang berterusan berlaku dari dahulu sehingga kini dan tidak pernah berakhir. Kemiskinan tegar melanda seluruh pelusuk kediaman manusia di bandar dan luar bandar selagi ada sikap dalam diri seseorang itu malas berusaha. Pepatah Melayu yang masyhur “Beras secupak takkan jadi segantang” telah lama dibahaskan oleh para cendekiawan sebagai pepatah yang membawa kepada sikap negatif. Masyarakat Islam tidak digalakkan mengagongkan pepatah ini. Tambahan ia berlawanan dengan konsep Islam. Islam sangat menggalakkan umatnya berusaha dalam apa jua bidang. Dalam al-Quran, ada disebut agar manusia berusaha dan berikhtiar mencari rezeki di bumi Allah setelah selesai beribadat kepada Allah (Solat). Allah berfirman yang bermaksud :

Apabila telah selesai solat (Jumaat) maka bertebaranlah di bumi dan carilah kelebihan (rezeki). (Surah al-Jum'ah: 10)

Galakan mencari rezeki ini kurang disambut secara positif oleh komuniti muslim sendiri walhal hubungan yang baik dengan Allah sebenarnya menjadikan seseorang itu dimurahkan rezeki. Dalam surah at-Talaqayat, Allah berfirman yang bermaksud :

“ Barang siapa yang bertaqwa kepada Allah SWT nescaya DIA akan mengadakan baginya jalan keluar. Dan memberikannya rezeki dari arah yang tidak disangka-sangka. Dan barang siapa yang bertawakal kepada Allah SWT nescaya Allah SWT akan mencukupkan (keperluan) nya. Sesungguhnya Allah SWT melaksanakan urusan (yang dikehendaknya. Sesungguhnya Allah SWT telah mengadakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu. (Surah at-Talaq : 2-3)“

Rentetan itu, institusi masjid perlu memainkan peranan yang aktif dalam menyebarkan maklumat tentang pembasmian kemiskinan dalam kalangan komuniti muslim. Pihak masjid tidak boleh hanya memfokuskan ilmu-ilmu feqah sahaja bahkan perlu memperbanyakkan ilmu-ilmu aqidah islamiyyah. Namun, sejauhmana masjid benar-benar memainkan peranan dalam pembasmian kemiskinan yang wujud dalam kalangan komuniti muslim. Justeru, kajian ini akan memberi sumbangan ilmu dengan membawa dapatan-dapatan daripada hasil kajian. Hasil kajian ini sudah pasti akan menyedarkan golongan agama yang terlibat secara langsung dengan institusi masjid agar memberi penekanan kepada pembasmian kemiskinan melalui pengajaran aqidah Islamiyyah.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Mengenalpasti persepsi-persepsi yang ada terhadap hubungan ilmu akidah Islamiah dan kefahaman Islam dalam usaha pembasmian kemiskinan tegar dalam komuniti Muslim.
2. Menganalisis fungsi dan peranan ilmu akidah Islamiahn serta kefahaman Islam yang diajarkan kepada komuniti Islam melalui institusi masjid dalam usaha membasmi kemiskinan tegar dalam kehidupan komuniti muslim.
3. Mengenalpasti tajuk-tajuk yang dicadangkan oleh peserta untuk diajar dimasjid-masjid yang mempunyai kaitan dengan kemiskinan.

## **PERSOALAN KAJIAN**

1. Adakah masjid memainkan peranan dalam pembasmian kemiskinan
2. Adakah tajuk pembasmian kemiskinan dibincangkan dalam ceramah-ceramah di masjid
3. Adakah pengajian aqidah yang diajar di masjid menyentuh hubungannya dengan kemiskinan
4. Apakah tajuk-tajuk yang dicadangkan oleh responden untuk diajar dimasjid-masjid yang mempunyai kaitan dengan kemiskinan.

## **SOROTAN LITERATUR**

Allah SWT sesungguhnya telah menciptakan manusia, sekaligus menyediakan rezeki kepadanya. Allah tidak menciptakan makhluk yang pelbagai dengan membiarkan begitu sahaja tanpa menyediakan rezeki bagi mereka. Allah berfirman yang bermaksud :

Allah-lah yang menciptakan kamu, kemudian memberimu rezeki, kemudian mematikanmu, kemudian menghidupkanmu (kembali). Adakah di antara yang kamu sekutukan dengan Allah itu yang dapat berbuat sesuatu dari yang demikian itu? Maha sucilah Dia dan Maha Tinggi dari apa yang mereka persekutukan. (Surah ar-Rum: 40)

Pendidikan agama harus di tanamkan dalam diri anak usia sewaktu dalam kandungan. Dengan harapan, pada masa hadapan mereka mampu menanggapi cabaran sosial yang semakin rancak dan salah satunya adalah isu kemiskinan. Anak-anak yang dididik dengan sempurna akan menggunakan saluran yang pelbagai dalam menangani isu yang timbul antaranya merencanakan fungsi masjid. Masjid adalah institusi umat Islam yang sangat penting, berperanan sebagai pusat ibadat serta tempat melaksanakan aktiviti lain demi mengumpulkan umat Islam khususnya komuniti setempat (Abdul Halim Nasir, 1984). Tidak dapat dipertikaikan bahawa masjid adalah tempat utama pembentukan aqidah khususnya melalui ceramah, tazkirah, kuliah atau seumpamanya (Azyumardi Azra, 2003). Di masjidlah tempat pembentukan aqidah dan pembentukan aqidah bukan satu usaha yang mudah. Ia memerlukan pengorbanan pihak yang bertanggungjawab seperti golongan ulamak, asatizah dan agamawan menanam aqidah yang betul dalam diri komuniti muslim. Cara menyampaikan aqidah Islamiyyah kepada masyarakat perlu menggunakan pendekatan yang mudah, santai tetapi difahami (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2009).

Terdapat dapatan kajian yang telah dilakukan berkaitan maklumbalas masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti masjid di Semenanjung Malaysia membuktikan keberkesanan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid sekaligus menunjukkan kepentingan peranan masjid sebagai institusi yang memberi impak tinggi dalam penyampaian mesej dakwah terhadap masyarakat (Yusmini & Mohd Anwarulhaq 2004). Kajian tentang peranan masjid turut disentuh oleh Ab. Aziz Mohd Zin (2004). Beliau membahaskan bagaimana mesej dakwah dipelbagaikan selari dengan firman Allah SWT yang bermaksud :

“Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik serta berdebatlah dengan cara yang paling baik”. (Surah al-Nahl 16: 125)

Ayat tersebut mengemukakan cara berdakwah yang harus dilakukan oleh setiap pendakwah mahupun institusi dakwah seperti masjid dalam penyampaian mesej dakwah iaitu dengan hikmah, cara nasihat yang baik serta perbincangan, dialog atau perbincangan dengan cara yang paling baik. Kajian yang menganalisa tajuk-tajuk ceramah di masjid sangat kurang. Justeru, kajian ini akan memfokuskan tajuk berkaitan aqidah islamiyyah yang dikhususkan kaitan aqidah dengan pembasmian kemiskinan.

## METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian tinjauan yang menggunakan kaedah kuantitatif. Dianalisis secara deskriptif melalui perisian SPSS. Dapatan dibentangkan mengikut min, frekuensi dan peratus. Data dikumpul melalui soal selidik yang terdiri dari 3 komponen, biodata dan dua pembolehubah untuk menjawab objektif kajian. Responden seramai 200 orang yang terdiri dari pelbagai latarbelakang, pelbagai tahap umur, pekerjaan, status, pendidikan dan dikhususkan kepada masyarakat Kelantan

### Dapatan Demografi Responden

Data dipersembahkan mengikut susunan item soal selidik dimulai dengan data demografi diikuti dengan objektif kajian. Objektif kajian dipersembahkan mengikut persoalan kajian.

### Demografi Responden

Jadual 1 : Data Mengikut Daerah

		Kekerapan	Peratus
<b>Tempat</b>	Tumpat	3	1.5%
	Bachok	60	30%
	Tanah Merah	5	2.5%

	Kota Bharu	22	11%
	Kuala Krai	2	1%
	Machang	13	6.5%
	Pasir Puteh	31	15.5%
	Pasir Mas	27	13.5%
	Luar Kelantan	29	14.5%
	Missing	8	4%
<b>Status</b>	Berkahwin	80	40%
	Duda	7	3.5%
	Janda	6	3.0%
	Belum Kahwin	102	51%
	Missing	5	2.5%

Jadual 1 mencatatkan peratus responden mengikut kawasan yang dibahagikan kepada daerah-daerah di Kelantan dan luar Kelantan. Majoriti responden adalah dari Bachok sebanyak 30%. Diikuti daerah Pasir Puteh 15.5%, dan Pasir Mas 13.5%. Terdapat juga responden daripada luar Kelantan iaitu sebanyak 14.5%. Di samping itu, sebanyak 4% merahsiakan tempat tinggal mereka.

Berkaitan dengan status, responden terdiri daripada pelbagai status. Antaranya yang paling ramai adalah golongan remaja yang belum berkahwin iaitu sebanyak 51%. Seterusnya kumpulan yang telah berkahwin sebanyak 40%, Dan paling sedikit adalah janda sebanyak 3.0%. Terdapat juga sebanyak 2.5% yang merahsiakan status mereka.

Jadual 2 : Demografi Umur, Bangsa dan Pekerjaan

		<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Umur	20-30	101	50.5%
	31 -40	18	9.0%
	41 – 50	23	11.5%
	51 – 60	31	15.5%
	61 dan ke atas	23	11.5%
	Missing	4	2.0%
Bangsa	Melayu	192	96%
	Cina	3	1.5%
	India	1	0.5%
	Lain-lain	2	1%
	Missing	2	1%
Pekerjaan	Kerja sendiri	69	34.5%
	Kerja kerajaan	22	11%
	Kerja swasta	10	5%
	Pelajar	91	45.5%
	Missing	8	4%

Jadual 2 menjelaskan tentang umur responden. Majoriti yang terlibat adalah umur dalam lingkungan 20-30 tahun sebanyak 50.5% dan diikuti masing-masing sebanyak 11.5% bagi umur dalam lingkungan 41-50 dan 61 ke atas. Paling sedikit adalah lingkungan umur 31-40 dan ada sebanyak 2% yang merahsiakan umur mereka. Data bagi bangsa mencatatkan bangsa

melayu paling ramai sebanyak 96% diikuti bangsa cina (1.5%). Manakala lain-lain sebanyak 1%. Kategori pekerjaan pula menunjukkan responden teramai adalah dalam kalangan pelajar iaitu sebanyak 45.5% diikuti dengan kerja sendiri 34.5% dan kerja kerajaan sebanyak 11% seperti dalam jadual 2.

Jadual 3 : Pendapatan dan Taraf Pendidikan

		<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Pendapatan	> Rm600	66	33%
	Rm699 - Rm1200	62	31%
	Rm1201-Rm1800	31	15.5%
	Rm1801-Rm2400	13	6.5%
	>Rm2401	27	13.5%
	Missing	1	0.5%
Taraf Pendidikan	> SPM	61	30.5%
	STPM/Diploma	27	13.5%
	Ijazah	88	44%
	Master	3	1.5%
	PhD	6	3%
	Missing	15	7.5%

Jadual 3 menunjukkan bahawa pendapatan tertinggi bagi responden adalah bagi pendapatan di bawah 600 diikuti dengan pendapatan antara 699-1200. Ini selari dengan pekerjaan responden iaitu yang paling ramai adalah dalam kalangan pelajar. Manakala taraf pendidikan yang paling ramai terlibat adalah lepasan SPM dan ke bawah iaitu sebanyak 30.5% dan paling sedikit adalah golongan pemegang PhD. Namun agak mengecewakan kerana ada sebanyak 7.5% responden yang merahsiakan taraf pendidikan mereka.

### Dapatan Persoalan Kajian 1

Persoalan kajian satu mengenalpasti peranan masjid dalam pembasmian kemiskinan dan dapatan seperti dalam jadual 5:

Jadual 5: Peranan Masjid Dalam Pembasmian Kemiskinan

<b>Skala</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>	<b>Missing</b>
<b>Dapatan/Item</b>	<b>Kekerapan (Peratus)</b>	<b>Kekerapan (Peratus)</b>	<b>Kekerapan (Peratus)</b>
B1	189 (94.5%)	10 (5%)	1(0.5%)
B2	185 (92.5%)	14 (7%)	1 (0.5%)
<b>Total</b>	<b>(93.5%)</b>	<b>(6%)</b>	<b>(0.5%)</b>

Jadual 5 menunjukkan pengakuan responden tentang peranan masjid dalam membasmi kemiskinan. 93.5% responden mengaku dan mengiakan bahawa masjid memainkan peranan penting dalam pembasmian kemiskinan. Hanya 6% sahaja tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

### Dapatan Persoalan Kajian 2

Persoalan kajian dua, mengenal pasti adakah tajuk pembasmian kemiskinan dibincangkan dalam ceramah-ceramah di masjid. Dapatan seperti dalam jadual 6 :

Jadual 6: Adakah tajuk pembasmian kemiskinan dibincangkan dalam ceramah-ceramah di masjid

Skala	Ya	Tidak	Missing
Dapatan/Item	Kekerapan (Peratus)	Kekerapan (Peratus)	Kekerapan (Peratus)
B3	111 (55.5%)	88 (44%)	1
B4	99 (49.5%)	100 (50%)	1
<b>Total</b>	<b>199 (52.5%)</b>	<b>(47%)</b>	<b>1 (0.5%)</b>

Jadual 6 mencatatkan dapatan tentang tajuk yang diperbincangkan dalam ceramah-ceramah di masjid. Dapatan menunjukkan bahawa hampir sama jawapan antara YA dan TIDAK apabila disoal tentang tajuk yang diperbincangkan di masjid menyentuh tentang kemiskinan atau sebaliknya. 52.5% mengiakan manakala 47% menafikannya.

### Persoalan Kajian 3

Untuk menganalisis fungsi dan peranan ilmu akidah Islamiyyah serta kefahaman Islam yang diajarkan kepada komuniti muslim melalui institusi masjid dalam usaha membasmi kemiskinan tegar dalam kehidupan komuniti muslim. Persoalan kajian adalah “Adakah pengajian aqidah yang diajar di masjid menyentuh hubungannya dengan kemiskinan. Dapatan kajian seperti dalam jadual 7.

Jadual 7: Adakah pengajian aqidah yang diajar di masjid menyentuh hubungannya dengan kemiskinan

Skala	1	2	3	4	5	
Dapatan / Item	Min	Kekerapan n/ (%)	Kekerapan n/ (%)	Kekerapan n/ (%)	Kekerapan/ (%)	Kekerapan n/ (%)
C3	3.6	6 (3%)	15 (7.5%)	60 (30.%)	97 (48.5%)	22 (11%)
C4	3.7	7 (3.5%)	13 (6.5%)	43 (21.5%)	111 (55.5%)	26 (13%)
C5	4.4	0	2 (1%)	7 (3.5%)	92 (46%)	99 (49.5%)
<b>Total</b>	<b>3.9</b>	<b>(2.2%)</b>	<b>(5%)</b>	<b>(18.3%)</b>	<b>(50%)</b>	<b>(24.5%)</b>

- 1. Sangat tidak setuju
- 2. Tidak setuju
- 3. Tidak pasti
- 4. Setuju
- 5. Sangat setuju

Jadual 7 memberi jawapan bahawa 74.5% responden mengakui (setuju dan sangat setuju) bahawa pengajian aqidah yang dibincangkan di masjid ada disentuh kaitannya dengan kemiskinan. Namun ada juga yang tidak pasti iaitu sebanyak 18%. Hanya 2.7% sahaja yang

sangat tidak dan tidak setuju bahawa isu kemiskinan disentuh dalam pengajaran aqidah Islamiyyah.

#### Persoalan kajian 4

Responden diberi kebebasan mencadangkan tajuk-tajuk yang berkaitan pembasmian kemiskinan yang sesuai diajar di masjid-masjid. Pengkaji menganalisa tajuk-tajuk cadangan dan mengambil 5 tajuk tertinggi sahaja. Tajuk-tajuk adalah seperti dalam jadual 8 :

Jadual 8 : Cadangan Tajuk Pengajaran di Masjid

<b>Tajuk</b>	<b>Peratus cadangan</b>
Mengurus harta dalam Islam	28%
Harta yang barakah	21%
Ekonomi Islam menjana keuntungan	18%
Bahayanya miskin	15%
Berniaga cara Islam	14%

Jadual 8 menunjukkan cadangan yang ditulis dalam kertas soal selidik. 5 cadangan yang terbanyak telah disenarai pendek. Sebanyak 28% responden mencadangkan agar tajuk “mengurus harta dalam Islam” diajar di masjid-masjid agar dapat dikaitkan dengan pembasmian kemiskinan. Tajuk-tajuk lain telah tersenarai di jadual 8.

#### PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Hasil daripada dapatan yang telah dipaparkan, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa dalam hal pembasmian kemiskinan, semua pihak perlu bersama-sama menanganinya. Pihak pemerintah sudah jelas berusaha menghapus kemiskinan dengan mengaktifkan peranan institusi zakat. Pihak lain juga perlu sama-sama berusaha dengan menggunakan pendekatan berbeza. Masjid antara institusi yang boleh memainkan peranan besar dalam pembasmian kemiskinan melalui pendekatan dakwah. Golongan agamawan boleh menyampaikan pesanan, nasihat dan cadangan kepada masyarakat terlibat melalui pengajaran aqidah Islamiyyah di masjid-masjid atau di mana-mana yang sesuai. Berkaitan hal ini, dapatan kajian dalam objektif kedua telah membuktikan bahawa masjid memainkan peranan penting dalam pembasmian kemiskinan apabila majoriti daripada mereka mencatatkan setuju dan sangat setuju dengan kenyataan tersebut.

Kesesuaian pemilihan pendekatan serta medium perlu dititikberatkan agar usaha dakwah yang dilaksanakan berupaya disampai dan diterima oleh masyarakat multi etnik khususnya dan masyarakat Malaysia amnya pada hari ini. Berasaskan kepada kekuatan peranan dan kepelbagaian pendekatan inilah, dakwah Islam yang diasaskan oleh seluruh para rasul telah berjaya sampai ke seluruh muka bumi (Siti Fazidatul Zahariah, Hamdi Rahman, 2008).

Oleh itu, amatlah diharapkan agar masjid-masjid dapat mengaitkan dalam ceramah-ceramah mereka isu yang berkaitan kemiskinan sama ada, kelebihan keluar dari kemiskinan, cara-cara mengelak kemiskinan dan yang paling utama mengaitkan hubungan antara aqidah dengan kemiskinan. Dapatan kajian berkaitan tajuk perbincangan di masjid dikaitkan dengan kemiskinan atau tidak telah mencatatkan bahawa jumlah responden yang bersetuju dan tidak bersetuju hampir sama ramai. Dapatan ini agak membimbangkan.

Kajian yang dibuat oleh Safinah Ismail et. al (2015) yang membincangkan tentang pembelajaran dewasa di masjid telah mencadangkan pihak masjid beberapa tajuk yang

berkaitan dengan orang dewasa berdasarkan pengalaman mereka. Kajian ini sedikit berbeza dengan kajian yang sedang diperbincangkan ini kerana kajian yang dimaksudkan lebih menjurus kepada isu semasa setempat bukan pengalaman jemaah. Dalam hal ini juga Knowles M (1984) mengatakan bahawa pada suatu peringkat kehidupan seseorang dewasa, orientasi pembelajaran lebih tertumpu kepada keperluan diri, sama ada ia berorientasikan masalah, pekerjaan ataupun kehidupan. Sekiranya berkemampuan, ia mahu mengaplikasikan apa sahaja yang telah dipelajarinya secepat mungkin.

Tahniah dan syabas kita ucapkan kepada pihak jawatankuasa masjid yang bijak mengatur dan menyusun tajuk-tajuk kuliah. Tajuk kuliah merangkumi bidang agama seperti Aqidah, Ibadat, Sirah, Tasawwuf. Sangat elok sekiranya tajuk-tajuk yang dicadangkan oleh responden diambil kira dalam menentukan tajuk dimasjid. Di kebanyakan negeri, pihak majlis agama yang memberi panduan dan cadangan tajuk-tajuk kuliah di masjid. Namun pihak masjid boleh mengubahsuai mana yang dirasakan perlu dan ada kaitan dengan masyarakat setempat (MAIK, 2012). Persoalan yang perlu kita fikirkan bersama, berapa banyak masjid yang mengaitkan pengajaran agama khususnya pengajian aqidah dengan isu semasa seperti kemiskinan. Dapatan kajian ini menunjukkan majoriti responden mengakui (setuju dan sangat setuju) bahawa pengajian aqidah yang dibincangkan di masjid ada disentuh kaitannya dengan kemiskinan. Ini sangat bertepatan dengan apa yang ada di dalam al-Quran.

Dalam al-Quran ada disentuh tentang kemiskinan dan dikaitkan dengan aqidah. seperti firman Allah yang bermaksud :

Dan janganlah kamu membunuh anak-anakmu karena takut kemiskinan. Kamilah yang akan memberi rezeki kepada mereka dan juga kepadamu. Sesungguhnya membunuh mereka adalah suatu dosa yang besar. (Surah al-Isra' : 31 dan al-An'a'm : 151)

Data temubual responden dalam bentuk rakaman suara ditranskripkan dalam bentuk word (microsof excel) dan dikembalikan kepada responden bagi tujuan pengesahan (penjelasan proses ini disebut dalam Bab 4 iaitu Analisis Dapatan dan Perbincangan) dengan tandatangan terhadap data yang dikutip (Bogdan & Biken, 2003) dan dibenarkan membaca kembali segala isi perbualan dan keterangan daripada maksud perbualan. Para responden kajian dibenarkan

untuk membetulkan fakta yang tersilap seterusnya menandatangani teks transkrip tersebut. Pengkaji menyediakan ruangan untuk responden menilai dan menandatangani teks transkrip tersebut. Melalui pembetulan fakta, pengakuan dan pengesahan responden terhadap data utama (data temu bual) ini menjadikan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data dapat ditingkatkan.

Data utama kajian lapangan adalah melalui temubual mendalam yang dilakukan ke atas 10 orang responden kajian. Data kajian lapangan dianalisis menggunakan perisian Nvivo 10, namun tindakan menganalisis data secara manual sejak di peringkat awal lebih menampakkan kejituan dan kepekaan pengkaji dalam merumuskan data-data yang diperolehi melalui proses analisis tema terutama melibatkan dialek Kelantan sehinggalah selesai kutipan dan analisis data dilakukan.

## HASIL DAPATAN KAJIAN

Berikut merupakan perincian analisis deskriptif bagi pengamal perubatan tradisional Melayu (PPTM) berdasarkan tema-tema yang dikemukakan dalam sesi temubual.



Berdasarkan Rajah 1 di atas boleh dirumuskan bahawa PP10 mengamalkan unsur-unsur kepercayaan yang agak tinggi berbanding dengan PP yang lain. Jumlah unsur kepercayaan yang diamalkan oleh PP10 mencapai 53 berbanding dengan PP4 yang juga tinggi tapi hanyalah 31 unsur kepercayaan sahaja yang diamalkannya. Manakala yang paling rendah penggunaan unsur kepercayaan ialah PP3 yang hanya 4 unsur yang diamalkannya. Manakala Jadual 1 di bawah menunjukkan Unsur-Unsur Kepercayaan *Dinamisme* Dalam Amalan PP1 Hingga PP10 Berdasarkan Lima Tema.

PP	UNSUR PANTANG LARANG
1	Botol berimej, Mendahului Yang Muda daripada Yang Tua dan Berubat di Tempat Awam
2	Pantang, Ada bayaran cuma kurang mujarab dan Minta izin berubat
3	Penunggu dan penjaga, Beri salam kepada penunggu dan penjaga serta Penunggu kepada bahan
4	Waktu solat tertentu dan Upah selepas berubat
5	<b>Tiada</b>

6	Tilikan
7	Tidak menghadap kiblat, Pantang larang dan Tiada tangkal ajimat
8	Amalan tertentu, Makanan, Tidak percaya Batu Geliga
9	<b>Tiada</b>
10	Tidak menghadap kiblat, Pantang larang, Pengeras, Hari untuk berubat, Hari Rabu tidak sesuai, Hari ada sejuk dan panas, Percaya hari tuah dan sial

Penggunaan bahan-bahan oleh PPTM boleh dilihat dalam Jadual 2 di bawah;

PP	PENGUNAAN BAHAN
1	Minyak, Beras, Air, Sirih, Pinang, Kapur makan dan Nama Allah al-Husna
2	Bahan Jampi, Muhammad (penawar), alat Tilikan, Wafaq, Wafaq pelindung diri dan Tilikan penyakit
3	Penawar Batu Geliga, Penawar akar kayu, Batu dan kayu Kemuning
4	Air mineral, Limau purut jantan, Keris, Paku, Air, Jampi keris / senjata, Keris yang ada khadamnya, Bau minyak wangi, Membakar setinggi, Kekuatan keris, Kekuatan paku, Kekuatan Wali
5	Bahan Jampi serapah, Ibu kunyit, Kapur makan dan Daun sirih
6	Kapur makan, Air penawar, Sejadah, Guna tasbih, Keris, Kain kuning, Kekuatan pada keris dan Kekuatan pada kain kuning
7	Ayat Kursi, Sejadah putih, Beras, Kain telekung, Kitab suci Al – Quran, Air dan Kekuatan bahan solat
8	Ayat al – Quran, Nama Allah, Kaedah bahan seru, Surah Al – Fatihah, Solat hajat, Jampi Nabi Muhammad, Jampi Malaikat Jibril, Bahan penawar, Air penawar dan Ilmu perubatan dari mimpi
9	al-Quran, Nama Allah al-Husna, Air penawar, Pen, Kertas, Wafak, Ajimat, 30 juzuk Al – Quran
10	Geliga dari kayu, tangkal, Batu Permata, Batu Geliga, setinggi, Air penawar, Solat Hajat, Ayat dari mimpi, Kain putih (perlindungan), Kain kuning (pelaris perniagaan), Setinggi (untuk Malaikat), Wafaq pelaris perniagaan, Azimat perlindungan diri

Demikian dengan unsur *dinamisme* yang melibatkan angka boleh dilihat berdasarkan Jadual 3 di bawah.

PP	BILANGAN ANGKA
1	Waamin 7 kali, Angka 7 dan 14 dan Sekali Semburan
2	Nama Malaikat 4, Angka 21 kali dan bertawasul nama Nabi dan Malaikat
3	Tawasul dengan nama Nabi dan Malaikat
4	Angka 2 dan 7
5	Mujarab angka 7 pada Surah Al- Ikhlas dan angka 60 pada Basmallah
6	Angka dan bilangan 7 dan Bilangan 7
7	Tiada
8	Tiada
9	Tiada
10	Tawasul kepada Nabi, Bacaan, Bilangan 7 kali Surah Yassin dan bilangan angka 786, 25 kali ayat Kursi, Bilangan 6 dan 9 dijaga oleh wali wafaq, 7 dan bilangan 6 dan 9 dijaga oleh kalangan Malaikat

Penggunaan bacaan atau kata-kata dapat dilihat berdasarkan Jadual 4 di bawah.


PP	BACAAN/KATA-KATA
1	Basmallah, Doa, Surah Al-Ikhlas, Ayat Pendinding, bacaan Selawat, Solat Hajat dan Niat Baik
2	Basmallah, Berkat Rahman dan Rahim – surah, Amal Surah Al-Ikhlas, Barakah Al- Fatihah, Gabung Al- Fatihah dan Al- Ikhlas, Salam kepada penjaga, Berkat Asma al-Husna dan Yakin dengan Allah
3	
4	Basmallah, Al- Fatihah, Selawat, Selawat al – Sifa’, Doa Saidina Ali, Ayat seribu dinar, Doa Hakikat, Sembahyang sunat taubat, Solat Tahajjud, Solat sunat Hajat, Amal jam 2 pagi, Mujarab selawat Rasulullah s.a.w dan Kekuatan doa hakikat
5	Barakah Basmallah, surah Al-Ikhlas, al- Fatihah, Selawat Nabi Muhammad, Niat atau hajat dan Doa Haikal
6	Surah Al-Ikhlas, Ratib Haulalalah, Amalan di waktu malam, 10 ayat akhir Surah Al –Kahfi, Mubin Surah Yassin, Salam kepada Nabi Ilyas, Kekuatan Hauqalah, Kekuatan puasa serta bertutur bahasa Siam
7	Selawat dan Mohon kepada Allah
8	Basmallah, Salam kepada penjaga dan Minta izin kepada penjaga
9	Kepercayaan kepada kuasa Allah serta Lintasan hati
10	Basmallah, al – Fatihah, Al – Nasr, Yassin, 4 Qul, Doa Nabi Sulaiman

Seterusnya penggunaan unsur-unsur deria pancaindera di kalangan PPTM boleh dilihat berdasarkan Jadual 5 di bawah.

PP	DERIA PANCAINDERA
1	Kesan penyakit melalui air dan Semburan
2	Anugerah Illahi
3	Isyarat mimpi
4	Wali Ilmu Hakikat
5	Hadiah kepada Ahli Naubah
6	Dapat ubat melalui mimpi, Pertolongan daripada Allah, Mempercayai mimpi dan Ilmu melalui puasa
7	Kesan penyakit melalui hentakan dan Ilham melalui mimpi
8	Kesan penyakit melalui pancaindera
9	Tiada
10	Ilmu pendinding diri, Kehadiran wali Allah, Kehadiran Malaikat 4 dan 9 dan Kekuatan Batu Geliga

Rajah 2 dan Rajah 3 di bawah menunjukkan dapatan temubual PPTMK berhubung dengan kategori unsur-unsur *dinamisme* dengan unsur-unsur kepercayaan yang dibenarkan Islam dan sekali gus memenuhi objektif utama kajian pengkaji, iaitu menyatakan tahap kepercayaan *dinamisme* yang telah diamalkan oleh PPTMK.


Rajah 3 Unsur-Unsur *Dinamisme* Dalam Kalangan PPTMK



Rajah 4 Unsur-Unsur Kepercayaan Berlandaskan Ajaran Islam Dalam Kalangan PPTMK


Rajah 4 di atas menunjukkan kedudukan unsur *dinamisme* yang tinggi melalui amalan unsur pantang larang dan penggunaan mimpi dalam kalangan PPTMK di samping unsur-unsur kepercayaan yang berkaitan dengan bahan-bahan rawatan lain yang turut diamalkan. Unsur-unsur lain yang diamalkan PPTMK menunjukkan keistimewaannya yang tersendiri.





Rajah 4 di atas menunjukkan unsur-unsur kepercayaan yang dibenarkan dalam agama Islam yang dapat menjawab persoalan tentang unsur kepercayaan *dinamisme* yang dilarang oleh Islam apabila ia tidak mengandungi unsur-unsur yang bercanggah dengan akidah Islam. Dalam pada itu, kedudukan unsur *dinamisme* para pengamal perubatan tradisional Melayu Kelantan (PPTMK) berdasarkan tema juga boleh dilihat sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 5 di bawah:

Rajah 5 Menunjukkan Gambaran Tentang Unsur-Unsur Kepercayaan *Dinamisme* Para PPTM Berdasarkan Tema



Manakala jadual 11 di bawah bagi menghuraikan secara lebih terperinci dapatan kajian gabungan mekanisme unsur-unsur *dinamisme* daripada PPTM bagi mengukur tahap kepercayaan di kalangan PPTM sekali gus menjawab persoalan yang kedua yang telah di utarakan.


Jadual 6 menunjukkan gabungan mekanisme unsur-unsur *dinamisme* daripada PPTM

UNSUR-UNSUR <i>DINAMISME</i>	PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL (PPT)										JUM
	P 1	P 2	P 3	P 4	P 5	P 6	P 7	P 8	P 9	P1 0	
Ambil Berkat	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	10
Basmalah	√	√		√	√			√		√	6
Doa	√			√	√					√	4
Solat Hajat	√			√		√			√		4
Pengulangan	√										1
Surah Al-Ikhlash	√	√			√	√					4
Pendinging Diri	√	√			√					√	4
Selawat	√		√	√	√		√			√	6
Niat	√				√						2
Minyak	√										2
Beras	√						√				2
Air	√	√	√	√		√	√	√	√	√	9
Sirih		√									1
Buah Pinang		√									1
Kapur Makan	√				√	√		√			4
Bilangan	√	√		√	√	√	√			√	6
Pantang Larang	√	√	√	√	√	√	√	√		√	9
Dapat Kesan Penyakit	√	√				√	√	√	√	√	7
Ayat Pelindung	√			√							2
Al-Fatihah		√			√			√			3

Rahmat Allah		√									1	
Penjaga /Penunggu			√								1	
Kayu Kemuning/Geliga			√						√		2	
Mimpi		√	√			√		√		√	5	
Wafaq		√							√	√	3	
Salam (Minta Izin)		√	√			√		√			4	
Jampi			√		√			√			3	
Petanda			√								1	
Azimat			√						√	√	3	
Buah Limau Purut				√							1	
Keris				√							1	
Paku				√							1	
Wali				√						√	2	
Malaikat		√								√	2	
Hari Dan Bulan										√	1	
Solat Tahajjud				√							1	
Khadam				√							1	
Pendinging Rumah				√						√	2	
Ibu Kunyit					√						1	
Hadiah Bacaan					√						1	
Air Ludahan dan Semburan					√						1	
Wirid Dan Ratib						√					1	
Ayat Al-Quran Lain						√					1	
Yasin						√				√	2	
Sejadah						√	√				2	
Buah Tasbih dan Kain Kuning						√					1	
Berpuasa						√					1	
Ayat Kursi							√				1	
Telekong solat wanita							√				1	
Tikar Sejadah							√				1	
Nama Allah								√	√		2	
4 Qul										√	1	
Mandi										√	1	
Batu Geliga										√	1	
Ilmu Nafas				√						√	2	
Ilmu melangkah										√	1	
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>6</b>	<b>22</b>	<b>145</b>

Manakala pola tahap kepercayaan para pengamal perubatan tradisional Melayu terhadap dapatan unsur-unsur *dinamisme* juga dapat dirumuskan daripada keseluruhan dapatan kajian melalui rajah 6 di bawah:

Rajah 6 menunjukkan bilangan pengamal mengikut unsur *dinamisme*




Berdasarkan Jadual 6 dan Rajah 6 menunjukkan dapatan kajian yang berkaitan dengan tahap kepercayaan para PPTM melalui amalan perubatan yang dipakai oleh mereka. Mengikut jadual ini boleh dikatakan bahawa amalan *tabarruk* (mengambil berkat) atau *bertawassul*

(mengambil bantuan perantara) jelas digunakan oleh semua pengamal perubatan tradisional Melayu (PPTM) sehinggakan elemen *tabarruk* dan *tawassul* ini dianggap syarat utama dalam menentukan keberkesanan perubatan yang telah dijalankan. Justeru itu, mekanisme bertabarruk dan bertawassul ini, menjadi pilihan kepada semua pengamal perubatan tradisional Melayu (PPTM) dengan meletakkan keyakinan dan kepercayaan penuh dengan kemujarabannya.

Setelah dianalisis hasil dapatan temubual PPTM, maka pengkaji menggunakan lafaz-lafaz ilmu tauhid dan tingkatannya untuk digunakan dalam kajian ini mengikut ketentuan dan kesuaian berlandaskan ilmu tauhid dalam mengklafikasikan unsur-unsur kepercayaan *dinamisme* pengamal perubatan tradisional Melayu kepada lima bentuk tingkatan kepercayaan.

Akhir sekali, analisis tahap kepercayaan amalan perubatan yang diamalkan oleh PPTM dapat dilihat dengan jelas apabila dianalisis berdasarkan kepada skala nominal iaitu tahap yang dikategorikan Islam yang berpandukan kepada dua tahap keteguhan iman. Iaitu berpandukan kepada al-Quran dan hadis serta ijmak. Benar pegangannya iaitu kategori yang ke lima (5) sebagai sempurna (*Kamil*) dan tahap empat (4) dikategorikan sebagai teguh (*Jazim*). Manakala yang jelas terpesongnya dari landasan akidah yang benar terbahagi kepada dua tahap juga iaitu tahap dua (2) diklafikasikan kepada derhaka (*'Ashi*) dan tahap satu (1) dikategorikan sebagai rosak (*Batil*).

Seterusnya diikuti pula dengan satu tahap yang diragui pegangan akidahnya termasuk dalam mereka yang lalai (*Ghafil*) iaitu tahap tiga (3) yang bukan dari mana-mana kategori akidah Islam yang jelas pegangannya atau juga bukan dari pegangan yang jelas bercanggah dengan akidah Islam. Bahkan dibimbangi termasuk di dalam kategori yang ditolak akidahnya. Justeru, skala tahap kepercayaan PPTM yang berkonsepkan ilmu *tauhid* berdasarkan Rajah 7 sebagaimana di bawah digunakan bagi menghuraikan kedudukan unsur-unsur kepercayaan *dinamisme* dalam kalangan PPTM.



Berdasarkan Rajah 5.7 di atas menunjukkan tahap kepercayaan unsur-unsur *dinamisme* yang diamalkan oleh pengamal perubatan tradisional. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji, pengkaji telah mengasingkan kepercayaan *dinamisme* mengikut kelompok masing-masing iaitu kelompok pertama adalah Rosak (*Batil*), kedua adalah Durhaka (*Ashi*), ketiga adalah Lalai (*Ghafil*), keempat adalah Teguh (*Jazim*), dan kelima adalah Sempurna (*Kamil*). Merujuk gambar rajah di atas, kelompok Sempurna (*Kamil*) menunjukkan kedudukan sebenar kepercayaan terhadap apa yang disampaikan oleh Rasulullah SAW tentang bacaan surah Yasin, surah al- Ikhlas dan al- Fatihah. Di samping itu juga wujudnya hubungan dengan Allah S.W.T dalam membuat permohonan agar disembuhkan dari penyakit. Ini dapat dilihat melalui penggunaan nama Allah S.W.T doa, berubat berdasarkan niat yang telus, memohon rahmat dan berkat. Manakala yang menunjukkan “Lalai” (*Ghafil*) dalam akidah apabila menggunakan bahan tertentu dan menyakini bahan yang memberi bekas atau kesan khususnya kepada penyakit. Durhaka (*Ashi*) pula segala bentuk yang digunakan dalam bentuk mirip kepada mencari pendamping. Seterusnya dalam menunjukkan “Rosak” (*Batil*) pula lebih menjadikan pendamping sebagai *wasilah* yang secara jelas boleh membawa syirik kepada Allah S.W.T. Oleh itu, jelaslah bahawa kepercayaan yang diamalkan oleh pengamal perubatan tradisional ini mempunyai tahap dan kedudukan kepercayaan tersendiri.

Berdasarkan kepada nilai kepercayaan dan keyakinan yang jelas bagi tujuan kuasa penyembuh, maka unsur-unsur *dinamisme* PPTM dapat dirumuskan dan boleh diklasifikasikan sebagaimana Jadual 7 di bawah:

Jadual 7 Kedudukan Unsur – Unsur Kepercayaan PPTMK

UNSUR-UNSUR KEPERCAYAAN DALAM PERUBATAN TRADISIONAL MELAYU KELANTAN				
Sempurna Iman (كامل)	Teguh Iman (جازم)	Lalai (غافل)	Durhaka (عاص)	Rosak Iman (باطل)
5	4	3	2	1
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Al-Fatihah</li> <li>• Basmalah</li> <li>• Surah Al-Ikhlas</li> <li>• Selawat</li> <li>• 4 Qul</li> <li>• Ayat Al-Quran (Selain Al-Fatihah, al-Kursi, Al-Ikhlas)</li> <li>• Yasin</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Doa</li> <li>• Solat Hajat</li> <li>• Niat</li> <li>• Ayat Pelindung</li> <li>• Pendinding Rumah</li> <li>• Pendinding/ Pelindung</li> <li>• Pengulangan</li> <li>• Solat Tahajjud</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan Dan Bulan</li> <li>• Wirid Dan Ratib</li> <li>• Hadiah Bacaan</li> <li>• Malaikat</li> <li>• Jampi</li> <li>• Salam (Minta Izin)</li> <li>• Sejadah</li> <li>• Wali</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kain Kuning</li> <li>• Ilmu Melangka h</li> <li>• Ilmu Nafas</li> <li>• Buah Limau Purut</li> <li>• Azimat</li> <li>• Keris</li> <li>• Paku</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penjaga / Penunggu</li> <li>• Khadam</li> </ul>

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surah Al-Ikhlas</li> <li>• Ayat Kursi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama Allah</li> <li>• Berpuasa</li> <li>• Ambil Berkat</li> <li>• Air</li> <li>• Rahmat Allah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mimpi</li> <li>• Pantang Larang</li> <li>• Telekong Solat Wanita</li> <li>• Tikar Sejadah</li> <li>• Air Ludahan dan Semburan</li> <li>• Dapat Kesan Penyakit</li> <li>• Minyak</li> <li>• Beras</li> <li>• Sirih</li> <li>• Buah Pinang</li> <li>• Kapur Makan</li> <li>• Ibu Kunyi</li> <li>• Buah Tasbih</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Petanda</li> <li>• Wafaq</li> <li>• Kayu Kemuning</li> <li>• Mandian</li> <li>• Batu Geliga</li> <li>• Tilik Penyakit</li> </ul>	
---	---	---	---	--

Kesempurnaan akidah bergantung dan bertawakkal kepada Allah S.W.T sebagaimana bacaan yang disarankan olehNya dan RasulNya dengan mengambil jalan mendampingiNya melalui nama-namanya yang mulia. Manakala yang melibatkan pergantungan harap kepada selainNya boleh menyebabkan terjatuh kepada syirik sama ada syirik yang berbentuk penafian kepada tauhid *rububiyah* dan tauhid *uluhiyyah* seperti penggunaan azimat, *wafaq*, penggunaan khadam mahupun penjaga berupa *rijal ghaib*. Justeru, mana-mana unsur yang termasuk dalam kategori lalai, durhaka dan rosak boleh diistilahkan dalam unsur-unsur kepercayaan *dinamisme* perubatan.

## RUMUSAN

Berdasarkan kepada nilai kepercayaan dan keyakinan yang jelas bagi tujuan kuasa penyembuh, maka unsur-unsur *dinamisme* PPTM dapat dirumuskan dan boleh disimpulkan bahawa masih terdapat PPTMK yang mengamalkan unsur-unsur *dinamisme* dalam perubatan walaupun di sana terdapat kepercayaan yang mengikut lunas-lunas syarak. Manakala kedudukan unsur *dinamisme* dalam perubatan tradisional melalui makenisme bacaan atau kata-kata dan selainnya yang dianggap sebagai kuasa penyembuh perlu dilihat melalui kaca mata agama berlandaskan kepada keyakinan PPTMK terhadap kuasa penyembuh sama ada Allah S.W.T atau sebaliknya. Kepercayaan dan keyakinan ini sebenarnya menentukan mentaliti PPTM dan sekali gus mencorak pemikiran dan budaya PPTM itu sendiri. Unsur-unsur *dinamisme* melalui amalan tertentu dalam dunia perubatan tradisional Melayu dengan keyakinan bahawa ia mempunyai suatu rahsia atau keberkatan khusus yang diraihkan melalui amalan-amalan yang tertentu masih menjadi pegangan dan kepercayaan dalam kalangan PPTM.

## PENUTUP

Hasil daripada kajian di atas,

1. Para pengamal perubatan tradisional Melayu (PPTM) seharusnya mempertingkatkan kefahaman, dan keiltizaman dengan memastikan jalan atau manhaj yang digunapakai untuk mekanisme perubatan tradisional Melayu betul dan selari dengan tuntutan syarak, terutamanya yang melibatkan dengan kuasa penyembuh atau unsur *dinamisme*.
2. Pendedahan diikuti dengan kursus dan seminar perubatan melalui institusi yang bertanggungjawab untuk mendedahkan sistem perubatan yang bercorak tradisional Melayu dan Islam. Bahkan ianya perlu dimantapkan dalam bentuk sukatan pelajaran yang lebih khusus dan terperinci bagi meneruskan warisan perubatan Melayu Islam di Malaysia.
3. Mewujudkan rangkaian atau hubungan di antara perubatan tradisional Melayu dengan perubatan moden yang lebih mantap dengan menyediakan suatu modul latihan perubatan kepada pengamal perubatan tradisional Melayu (PPTM) dengan menyediakan sijil-sjil kebenaran untuk menjalankan rawatan atau perubatan setelah tamat sesi latihan disamping menyediakan pinjaman modal agar dapat menampung kos penyediaan bahan-bahan rawatan halal lagi baik demi mendatangkan impak yang berguna dalam mengekalkan perubatan tradisional Melayu alaf moden yang Islami.

## RUJUKAN

- Akhbar *asy-Syarq al-Ausat*, no. 8003 Jumaat 30-7-1421 Hijrah.
- Ann K.Ferrell & Micheal Ann Williams. (1981). *Journal of American Folklore*. Vol.126.University Of Illinois Press.
- Bogdan & Biklen. (1992), Bryman, A. (1999), Strauss & Corbin (1990). *Basics of Qualitative Research: Groundek Theory Procedures and Techniques*. London: Sage Publications.
- Farahwahida Mohd Yusof.(2007), *Aliran Kepercayaan : Sejarah dan Perkembanganya di Malaysia*.Universiti Teknologi Malaysia.
- L'Express French Magazine. (1990). Paris: Partick Drahi.
- Merriam, S.B. (2002). *Qualitative Research in Practice: Example for Discussion and Analysis*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Mohd Taib Osman. (1989). *Malay Foik Beliefs*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nina Epton. (1974). *Magic and Mystic of Java*. London: The Octagon Press.
- Patton, M. Q. (2001). *Qualitative Research and Evaluation Methods*. (3<sup>rd</sup>. Ed.) Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Punch, K.F. (2005). *Introduction to Social Research: Quantitative and Qualitative Approaches*. 2<sup>nd</sup>. Eds. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Silverman, D. (2001a). *Doing Qualitative Research: A Practical Handbook*. London: Sage Publications.
- Skeat, W. W. (1967). *Malay Magic: An Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*. Dover Publications Inc., N.Y.
- Sofaer, S. (1999). *Qualitative Methods: What Are They and Why Use Them?* *Health Service Research Journal*.34 (5-2):1101-1118.
- Strauss, A & Corbin, J. (1990). *Basics of Qualitative Research: Grounded Theory Procedures and techniques*. Newbury, Park, CA: Sage Publications Inc.
- Sulaiman al-Asyqar. (1990). *'Alam al- Sihir Wa Al-Syu'uzah*. Jordan: Dar al-Naf'is.
- Winstedt, R.O. (1925). *Shahman Saiva and Sufi A Study Of The Evolution Of Malay Magic*.London: Constable & Company Ltd.



## EMPAT AKHLAK UTAMA SHAH WALI ALLAH AL-DIHLAWI DAN RELEVANSINYA DALAM MEMPERKASAKAN UMMAH

Noraini Junoh\*<sup>a</sup>, Norazmila Yusuf<sup>b</sup>

<sup>a</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA),  
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu

<sup>b</sup>Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM),  
Cawangan Kelantan, Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan

\*Corresponding Author: jannahadnin@yahoo.com

### ABSTRAK

Umat Islam kini terpaksa berhadapan dengan cabaran arus globalisasi yang mempengaruhi kemajuan dan kemodenan dalam setiap aspek kehidupan. Artikel ini bertujuan untuk menghuraikan empat akhlak utama menurut Shah Wali Allah al-Dihlawi, memperincikan cabaran yang perlu dihadapi oleh umat Islam kini dan menganalisis empat akhlak utama dalam memperkasakan ummah. Kaedah kualitatif melalui kajian kepustakaan digunakan bagi mendapatkan fakta dan data yang berkaitan dengan empat akhlak utama dan cabaran umat Islam kontemporari. Analisis dokumen juga turut digunakan khususnya terhadap kitab Hujjah Allah al-Balighah dalam memahami empat akhlak utama Shah Wali Allah al-Dihlawi. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat empat akhlak utama yang dikemukakan oleh Shah Wali Allah al-Dihlawi, iaitu thaharah, ikhbat li Allah Ta'ala, al-samahah dan al-'adalah. Empat akhlak ini dapat memperkasakan umat Islam kontemporari dalam mendepani cabaran dunia globalisasi dan modenisasi kini.

**Kata Kunci** -Empat akhlak utama, Shah Wali Allah al-Dihlawi, cabaran masa kini, ummah

### PENDAHULUAN

Abad ke-21 memperlihatkan kepesatan perkembangan dunia dan pemikiran manusia selaras dengan kemajuan globalisasi. Ia merupakan suatu cabaran yang besar kepada umat Islam untuk mengikuti arus perdana ini dan dalam masa yang sama berusaha menjadi mukmin yang beriman dan bertakwa (Fathi Yakan, 2002). Sehubungan itu, masyarakat Islam sentiasa berdepan dengan dilema dan kecelaruan budaya, mempengaruhi pemikiran mereka dalam situasi untuk mempertahankan tradisi atau melakukan perubahan modenisasi (Mohd Roslan, 2011).

Sehubungan itu, terdapat tiga golongan umat Islam pada abad ke-20 dalam menghadapi serangan pemikiran dan ideologi barat. Pertama, golongan yang menerima ideologi ini dengan penuh semangat atas nama kemodenan. Kedua, kalangan umat Islam yang mengasingkan diri dan mengelak daripada ideologi ini sebagai jalan yang selamat. Ketiga, golongan pertengahan yang mengkaji dan meneliti ideologi ini supaya umat Islam tidak ketinggalan dalam dunia globalisasi kini (al-Qaradawi, 2000).

Golongan pertama kebiasaannya menerima apa-apa sahaja gagasan yang dibawakan oleh barat sehingga telah merubah sepenuhnya cara hidup mereka. Golongan inilah yang berkiblatkan kepada barat dan hanya mengikut hawa nafsu semata-mata tanpa menggunakan akal untuk menentukan baik buruk sesuatu. Hal ini menyebabkan hiburan dan kemewahan menjadi keutamaan dalam mendapatkan kebahagiaan dunia. Golongan kedua pula hidup dalam kejumudan dan hanya bertaklid kepada ajaran-ajaran agama dan sentiasa ketinggalan dalam arus kemodenan dunia menyebabkan umat Islam semakin mundur. Mereka juga malas menggunakan akal untuk menentukan amalan yang terbaik bagi mempertingkatkan lagi

keimanan kepada Allah SWT sesuai dengan keadaan zaman ini supaya umat Islam tidak ditindas golongan barat.

Manakala golongan ketiga inilah yang kebanyakannya terdiri daripada kalangan ulama dan ia seharusnya diikuti oleh umat Islam supaya segala penyelewengan yang wujud dalam agama Islam dapat dielakkan. Dalam hal ini, Shah Wali Allah (1999) menyebut dalam kitab *Hujjah Allah* bahawa antara sebab berlakunya penyelewengan dalam agama Islam adalah agama tidak dilaksanakan dengan ilmu, pengajaran dan amal serta segala perintah dan larangan Allah SWT dan Rasulullah SAW dilaksanakan atas dasar kebiasaan ibadah semata-mata bukannya lahir atas rasa keinsafan dan rasa kehambaan kepada Allah SWT. Oleh itu, Shah Wali Allah membawakan empat akhlak utama yang boleh dijadikan panduan dalam menyelesaikan masalah semasa umat Islam dalam mendepani arus globalisasi dan bagaimana umat Islam dapat mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini memfokuskan tiga objektif utama. Pertama, menghuraikan empat akhlak utama yang dikemukakan oleh Shah Wali Allah, khususnya dalam kitab *Hujjah Allah al-Balighah*. Kedua, memperincikan cabaran dalaman dan luaran yang perlu dihadapi oleh umat Islam masa kini. Ketiga, menganalisis empat akhlak utama dalam memperkasakan ummah dalam menghadapi cabaran globalisasi kini.

## BIOGRAFI SHAH WALI ALLAH AL-DIHLAWI

Nama sebenar adalah Qutb al-Din Ahmad bin Abd al-Rahim bin Wajih al-Din al-Syahid bin Mu'azam bin Mansur bin Ahmad bin Mahmud bin Qiwam al-Din al-Dihlawi. Dilahirkan pada hari Rabu, 21 Februari 1703M bersamaan 4 Syawal 1114H di Phulat, sebuah kota kecil berdekatan Delhi dan wafat pada tahun 1762M/1176H (al-Dihlawi, 1999). Beliau lahir 4 tahun sebelum kematian Aurangzeb (Sharif, 1966). Digelar dan dikenali sebagai "Shah Wali Allah". Keturunan Arab Quraisy iaitu Saidina 'Umar al-Khatab (sebelah bapanya) dan Imam Musa al-Khazin (sebelah ibunya) (al-Siyalkuti, 1999).

Beliau seorang ulama India yang berwibawa pada abad ke-18 dan digelar sebagai *Mujaddid Alaf al-Thani* (Abdul Salam, 2007). Mendapat didikan yang sempurna daripada ayahnya sendiri. Pendidikannya telah bermula sejak usia lima tahun serta khatam bacaan dan hafalan al-Quran pada usia tujuh tahun (Jalbani, 1993). Beliau telah mempelajari Ilmu Tafsir, Hadis, Fekah, Usul Fiqh, Kalam dan lain-lain lagi. Beliau juga telah menguasai Ilmu Falsafah, Logik, Bahasa Arab, Sintaksis, Morpology, Retorik dan lain-lain lagi (Muhammad al-Ghazali, 2000). Beliau amat cintakan ilmu pengetahuan dan mengabadikan seluruh hidupnya untuk menyampaikan ajaran Nabi Muhammad SAW kepada umat Islam.

Sebagai seorang *mujaddid*, beliau telah menggunakan medium penulisan untuk memurnikan kembali ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini kerana masyarakat pada masa itu hidup dalam kejumudan dan taqlid buta (Abdul Hayei, 1998). Beliau telah menghasilkan banyak karya dalam pelbagai bidang. Antara karyanya yang masyhur adalah kitab *Hujjah Allah al-Balighah*, iaitu sebuah ensiklopedia yang menjadi rujukan kepada umat Islam dalam mengetahui rahsia syariat yang diturunkan kepada para Nabi (Azharuddin, 2002). Antara karya lain dalam bidang pengajian al-Quran adalah *Fath Rahman fi Tarjamah al-Quran, al-Fawz al-Kabir* dan *al-Fath al-Kabir*. Bidang Hadith pula merangkumi kitab *al-Musawa min Ahadith al-Muwatta, Musaffa Sharh Muwatta, dan Sharh Tarajim Ba'd Abwab al-Bukhari* (Jalbani, 1993). Selain daripada karya tersebut, banyak lagi karya yang dihasilkan meliputi bidang Falsafah, Perundangan, Politik, Tasawuf, Sejarah dan Bibliografi (Muhammad al-Ghazali, 2000). Dengan penghasilan karya-karya tersebut menunjukkan bahawa beliau

seorang penulis yang berpengetahuan luas dan bersemangat waja dalam menyampaikan ajaran Islam kepada umat Islam pada masa tersebut.

## METODOLOGI

Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif bagi mengkaji empat akhlak utama yang dikupas oleh Shah Wali Allah dan relevansinya dalam memperkasakan wanita kontemporari. Secara umumnya, empat akhlak utama Shah Wali Allah dinilai dan dianalisa melalui karya utama beliau, iaitu kitab *Hujjah Allah al-Balighah*. Selain itu, penulis juga merujuk penulisan-penulisan lepas yang mengkaji cabaran dunia globalisasi kini terhadap umat Islam. Artikel ini secara ringkas menggunakan analisis kandungan dalam menganalisa dan mengkaji empat akhlak utama Shah Wali Allah khususnya yang dibincangkan dalam kitab *Hujjah Allah al-Balighah*, di samping artikel-artikel yang berkaitan dengan cabaran ummah masa kini.

## EMPAT AKHLAK UTAMA SHAH WALI ALLAH

Menurut Shah Wali Allah, manusia memerlukan empat sifat atau akhlak yang utama untuk mencapai kebahagiaan. Empat akhlak inilah yang akan mengekang sifat haiwan yang ada dalam diri manusia. Apabila manusia mempunyai dan menghayati empat akhlak ini, keadaan jiwa manusia akan mencapai alam malaikat tertinggi (*al-Mala' al-'ala*) dan bergabung dengannya. Empat akhlak ini merupakan penjelasan dan dasar syariat Ilahi yang dibawakan oleh para Nabi dan Rasul. Berikut adalah empat akhlak tersebut.

### Kebersihan dan Kesucian (*al-Thaharah*)

Hakikat kesucian merujuk kepada fitrah manusia yang sempurna ciptaannya, sihat jasmani dan rohaninya, bersih lahir dan batin. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan bersihkanlah pakaianmu. Dan tinggalkanlah segala (perbuatan) yang keji. (al-Muddathir 74:4-5)

Manusia perlu menjaga kebersihan diri sama ada luaran (diri, pakaian dan tempat tinggal) dan dalaman (suci daripada dosa dan maksiat). Kebersihan luaran yang dilazimi akan membersihkan dalaman dengan menjauhi segala dosa dan maksiat. Sesungguhnya kotoran lahiriah menggambarkan banyaknya dosa manusia. Maka, manusia seharusnya meninggalkan segala patung dan berhala yang menjadi punca maksiat dan ditimpa azab dunia dan akhirat (al-Zuhayli, 2001).

Secara fitrahnya manusia sukakan kebaikan, kesucian dan kebersihan. Asas rukun Islam juga meletakkan kesucian sebagai syarat sah solat. Bersuci adalah wajib dan tanpanya ibadat tidak diterima oleh Allah SWT. Jadi, *thaharah* merujuk kepada menghilangkan hadas dan najis daripada badan, pakaian, dan tempat supaya dapat menunaikan ibadat khususnya ibadat solat (Sulaiman Endut, 2006). Sifat *thaharah* ini menekankan aspek penyucian dan kebersihan kepada diri, pakaian dan persekitaran seterusnya membentuk jiwa yang tenang dan damai (Muhammad al-Ghazali, 2000).

Kebahagiaan dicapai apabila manusia bersih dari sudut zahir dan batin. Ketenangan dan kebersihan jiwa manusia pula diperoleh apabila manusia mensucikan diri, pakaian dan tempatnya daripada hadas dan segala kekotoran serta najis. Keadaan tidak suci pada diri dan lain-lain bercanggah dengan hukum Allah SWT terutama berkaitan dengan anggota wuduk dan menyebabkan jiwa berasa pedih. Kesucian jiwa manusia akan menghubungkannya dengan malaikat dan akan sentiasa mengelakkan daripada segala kekotoran. Kekotoran adalah lambang sifat haiwan. Dengan kebersihan inilah yang akan menguatkan jiwa manusia untuk mencapai sifat malaikat kerana para malaikat bersifat suci dan bersih (al-Dihlawi, 1999). Firman Allah SWT yang bermaksud:

Sesungguhnya berjajalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat). (al-Syams 91:9-10)

Orang yang bahagia sentiasa mensucikan jiwanya daripada segala sifat keji iaitu, hasad, sangka buruk, sombong, bakhil, riya' dan seumpamanya. Untuk membersihkan jiwa ini, tingkat pertama mestilah membersihkan zahir, iaitu suci daripada najis dan hadas dengan bersuci atau istinja', mandi wajib dan berwudu'. Tingkat kedua adalah mensucikan diri daripada dosa lahir yang dilakukan oleh 7 anggota badan manusia iaitu, mulut yang berdusta digunakan untuk berzikir, istighfar atau membaca al-Quran, mata yang melihat benda haram ditukar dengan melihat keagungan ciptaan Allah SWT, kaki yang berjalan untuk bermaksiat dibaiki dengan mencari rezeki yang halal dan berjalan mengerjakan ibadah, kemaluan yang berzina seharusnya digunakan melalui jalan nikah dan lain-lain lagi. Tingkat ketiga pula suci daripada 7 pembuat dosa batin, iaitu sifat musyrik, hawa nafsu, dendam, khianat, ujub, jahil dan sebagainya disucikan dengan zikrullah (Mustafa Zahri, 1979). Dengan mensucikan jiwa tersebut, akan melahirkan sifat yang terpuji dan disukai oleh Allah SWT.

Manusia yang bersih dan gemar kepada kebersihan akan sentiasa bersedia untuk menerima ilham para malaikat, mengalami mimpi yang baik dan tergambar perkara yang mendatangkan keberkatan. Mimpi seorang mukmin itu lebih menjurus kepada kebenaran. Berbeza dengan manusia yang berada dalam keadaan kotor dan hadas. Syaitan akan sentiasa membisikkan was-was dan prasangka buruk kepada manusia tersebut. Jadi, segala tindakan manusia akan dipengaruhi perkara buruk dan jiwanya sentiasa gelisah, cemas, khianat dan seumpamanya (al-Dihlawi, 1999). Nafsu syahwat adalah musuh utama manusia dan syaitan hanyalah memperalatkan nafsu untuk menguasai manusia. Syaitan menjadikan nafsu sebagai markaz atau tempat utama menuju kejahatan. Manusia yang kotor akan disenangi syaitan dan akan memudahkan segala urusan syaitan untuk menyesatkan bani Adam AS.

Justeru, akhlak yang suci dan bersih ini lahir daripada kalangan manusia yang menjaga kebersihan zahir dan batin seterusnya dapat memandu manusia mencapai tingkatan alam malaikat tertinggi. Jiwa manusia akan bebas daripada kongkongan nafsu dan syaitan serta para malaikat sentiasa mendampingi jiwa dan jasad yang bersih dan suci. Seterusnya akan mendapat rahmat dan nikmat yang tidak terhitung daripada Allah SWT.

### **Kepatuhan Kepada Tuhan atau Kebenaran (*Ikhbat li Allah Ta'ala*)**

Akhlak kepatuhan kepada Tuhan atau Kebenaran merupakan perkara yang paling utama dalam kehidupan manusia. Tujuan utama manusia diciptakan adalah untuk memperhambakan diri kepada Allah SWT. Manusia yang ingkar kepada Tuhan bererti ia menolak kebenaran. Dalam menzahirkan ketaatan kepada Allah SWT, manusia seharusnya mengagungkan dan memujiNYa dengan segala sifat kebesaran di dalam ibadah, pertuturan dan segala perbuatannya (al-Zuhayli, 2001). Sesungguhnya Allah SWT Maha Agung daripada segala sekutu sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan agungkanlah Tuhanmu. (al-Muddathir 74:3)

Sifat kebaikan yang kedua ini merujuk kepada ketaatan dan ketundukan diri manusia dalam mengagungkan kebesaran Allah SWT. Kepatuhan ini didapati dengan menghayati semua amalan yang diterima daripada para nabi, memerhati semua roh dan cahaya amalan, memperbanyak dan menjaga semua gaya amalan serta zikir (al-Dihlawi, 1999). Dengan ketaatan tersebut, manusia akan berasa dirinya hina dan lemah kerana semua kekuatannya berada pada Allah SWT. Dalam keadaan ini juga jiwa manusia akan hampir kepada sifat malaikat yang sentiasa menumpukan kepada kebesaran Allah SWT. Dengan ini, manusia akan dapat menerima segala kebenaran dan bersedia melaksanakan segala perintah Allah SWT seperti malaikat (Alwi & Nik Hasan, 2007).

Allah SWT tidak menciptakan manusia untuk melakukan kerosakan, main-main atau hanya sekadar makan, minum, tidur dan berkahwin. Sebaliknya adalah supaya manusia taat dan patuh kepada setiap suruhan dan laranganNya. Orang yang berakal adalah orang yang tunduk sujud penuh keikhlasan kepada Allah SWT dan orang yang paling bodoh adalah orang yang menderhakai Allah SWT dan RasulNya. Manusia juga akan menjadi kaya sekiranya mencintai para ahli agama (al-Jaylani, 1983). Dasar ketaatan adalah mengetahui akan Allah SWT, takut kepadaNya, mengharap keredhaanNya serta selalu mendekatkan diri kepadaNya. Inilah hakikat keimanan yang sentiasa diamalkan oleh para malaikat. Akhlak kepatuhan ini penting kepada manusia yang mahu mencari kebenaran. Apabila manusia taat dan patuh sepenuhnya kepada perintah Allah SWT, jiwa rasionalnya akan sempurna dan bersedia menerima ilham dan ilmu yang benar daripada Allah SWT. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Kehidupan dunia (dan kemewahannya) diperhiaskan (dan dijadikan amat indah) pada (pandangan) orang-orang kafir, sehingga mereka (berlagak sombong dan memandang rendah kepada orang-orang yang beriman. Padahal orang-orang yang bertaqwa (dengan imannya) lebih tinggi (martabatnya) daripada mereka (yang kafir itu) pada hari kiamat kelak. Dan (ingatlah), Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendakiNya dengan tidak terkira (menurut undang-undang peraturannya). (al-Baqarah 2:212)

### **Kemurahan Hati atau Tolak Ansur (*al-Samahah*)**

Akhlak ini penting kepada manusia dalam membina tamadun yang unggul. Kemurahan hati atau tolak ansur adalah satu keadaan sifat malaikat yang akan mengikis sifat haiwan dalam diri manusia. Sifat ini akan mendorong nafsu manusia supaya tidak mengikut kehendak-kehendak haiwan dalam dirinya terutama sifat bengis, rakus, bakhil, tamak dan bermegah-megah. Tanpa sifat murah hati ini, jiwa rendah manusia akan tewas kepada keinginan nafsu haiwan tersebut (al-Dihlawi, 1999). Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

(Oleh sebab orang yang kufur ingkar tidak percayakan hari akhirat) maka ia tidak mengakui kebenaran (yang diwajibkan meyakininya) dan ia tidak mengerjakan sembahyang (yang difardhukan mengerjakannya)! Akan tetapi ia mendustakan, dan berpaling ingkar! Kemudian ia pergi kepada keluarganya dengan berlagak sombong megah. (al-Qiyamah 75:31-33)

Hal ini kerana jiwa rendah manusia sentiasa terarah kepada hal-hal keduniaan yang bersifat sementara seperti kemewahan harta, makanan yang lazat, perempuan yang cantik dan seumpamanya. Seterusnya dengan mengikut kehendak-kehendak haiwan tersebut, ia berusaha untuk mencapainya sehingga dapat memiliki sepenuhnya. Sekiranya perkara tersebut tidak dapat dicapai, jiwanya berasa pedih dan sentiasa tidak tenang. Sebaliknya, sifat murah hati ini akan membebaskan jiwa rendah yang sentiasa dalam kesempitan kepada jiwa rasional yang berlapang dada menerima segala ketentuan Tuhan untuk memperoleh kebahagiaan di akhirat kelak (al-Dihlawi, 1999). Firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan kerana Tuhanmu, bersabarlah. (al-Muddathir 74:7)

Ayat ini menjelaskan keutamaan sifat sabar bagi manusia dalam menghadapi kerenah manusia lain dan dalam mematuhi perintah dan beribadat kepadaNya. Sesungguhnya Allah SWT sentiasa bersama dengan orang-orang yang sabar (al-Zuhayli, 2001). Sifat kemurahan hati adalah lahir daripada sifat sabar dalam menahan segala nafsu dan sifat tercela. Sifat kemurahan hati ini dimiliki Nabi Muhammad SAW supaya ia menjadi ikutan umat Islam seluruhnya, senagaiman firman Allah SWT yang bermaksud:

Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati,

tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya. (Ali Imran 3:159)

Maka, sifat kemurahan hati ini akan melahirkan pemikiran yang positif dan sentiasa bersangka baik kepada Allah SWT dan sesama makhluk. Sabar dengan kesulitan dan kemewahan dunia, menahan diri daripada nafsu makan dan syahwat, ikhlas memberi dan menerima harta kekayaan serta bijak dalam mengatur urusan dan suruhan Ilahi. Manusia dengan jiwa rasionalnya akan bebas daripada keinginan duniawi dan sentiasa mempersiapkan diri untuk memperoleh kenikmatan yang lebih tinggi di hari akhirat kelak. Inilah sifat malaikat yang perlu diamalkan manusia yang cintakan kebahagiaan hakiki.

### **Keadilan (*al-‘Adalah*)**

Keadilan adalah sifat atau akhlak yang paling utama dalam tuntutan syariah Islam. Ia terbentuk daripada tiga akhlak di atas dan saling berkaitan. Jiwa rasional sentiasa bertindak dengan adil, iaitu ketundukan makhluk sesuai dengan tempatnya dan meletakkan juga sesuai pada tempatnya, menutupi segala yang perlu ditutupi, menampakkan apa yang perlu ditampakkan, dan melakukan segala sesuatu pada tempatnya masing-masing disertai akal yang sedar, benar tauhidnya, sempurna ma’rifatnya dan penuh kejujuran serta keikhlasan (al-Ghazali, t.t.). Firman Allah SWT yang bermaksud:

Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (Ali ‘Imran 3:18)

Sifat adil dalam jiwa rasional melahirkan tindakan untuk menegakkan sebuah tamadun yang maju dan sistematik. Sifat adil boleh dipupuk dan ia juga lahir hasil daripada perselisihan dan kezaliman. Manusia yang adil sentiasa mahu memperbaiki peraturan hidup masyarakat supaya sesuai dengan kehendak Allah SWT. Inilah sifat malaikat yang sentiasa bertindak atas suruhan Allah SWT bukannya untuk kepentingan peribadi (al-Dihlawi, 1999). Firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan janganlah engkau (Muhammad) memberi sesuatu untuk mendapatkan (balasan) yang lebih banyak. (al-Muddathir 74:6)

Dalam ayat ini, Rasulullah SAW diutuskan untuk menyampaikan wahyu dan menegakkan keadilan kepada umat manusia dan Baginda SAW ditegah meminta balasan daripada para sahabat dan lainnya atas tugasnya. Allah SWT juga menasihatkan supaya Baginda SAW melaksanakan segala suruhanNya dengan penuh ikhlas dan memperbanyakkan amal salih (al-Zuhayli, 2001). Inilah akhlak Rasulullah SAW yang menjadi ikutan seluruh makhluk dalam menegakkan keadilan dengan penuh keikhlasan dan ketaatan kepada Allah SWT.

Akhlak keadilan yang sehati dengan jiwa manusia akan menyerupai malaikat yang memikul ‘Arasy. Ia menjadi penghubung antara manusia dengan malaikat, seterusnya mendapat keberkahan dan kemurahan daripada Allah SWT. Sesungguhnya para malaikat berdoa untuk orang yang berusaha menegakkan keadilan di kalangan masyarakat. Jiwanya juga bebas daripada ikatan jasmani dan terdorong ke arah ilham malaikat. Jika manusia mati dengan sifat adil, jiwanya rasa gembira tetapi sebaliknya jiwanya rasa terhimpit dan diazab serta jauh daripada rahmat Allah SWT. Dengan sebab inilah Allah SWT mengutuskan para nabi dan

rasul untuk mengatur urusan agama dan mengeluarkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya petunjuk serta menegakkan keadilan untuk manusia (al-Dihlawi, 1999).

Empat sifat inilah yang dinamakan sebagai fitrah manusia dan akan kekal sepanjang zaman selagi adanya manusia. Fitrah inilah yang dikatakan agama tulen yang tidak diketahui oleh kebanyakan manusia (Alwi & Nik Hassan, 2007). Inilah maksud firman Allah SWT yang bermaksud:

“Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama (Islam), (mengikuti) fitrah Allah disebabkan Dia telah menciptakan manusia menurut (fitrah itu). Tidak ada perubahan pada ciptaan Allah. (Itulah) agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahu.” (al-Rum 30:30).

Setiap manusia patut memahami keempat-empat akhlak ini kerana ia merupakan perkara asas pada semua agama. Sesungguhnya akhlak dan sifat ini boleh dipelajari dan diamalkan. Sekiranya manusia memahami dan menghayati hakikat akhlak ini serta faham dasar syariat Ilahi, maka ia memperoleh anugerah kebaikan dan rahmat daripada Allah SWT serta menjadi mukmin yang sempurna (al-Dihlawi, 1999).

Jika diperhalusi, empat sifat ini adalah bersifat peribadi tetapi ia akan dapat membina sebuah tamadun apabila setiap masyarakat memandangnya sebagai suatu perkara yang penting dan perlu dimiliki setiap golongan manusia.

## **CABARAN UMAT ISLAM MASA KINI**

Fathi Yakan (2002) telah menyenaraikan tiga belas cabaran dalam dan lima cabaran luaran yang perlu ditempuh umat Islam. Anita M. Weiss (1994) menyatakan bahawa Islam pada zaman moden ini berhadapan dengan pelbagai cabaran, sama ada luaran mahupun dalaman. Hal ini juga ditegaskan oleh Norahida Mohamed & Muhamad Zaid Ismail (2015), “...umat Islam sedang menghadapi krisis dalaman yang dikeruhkan lagi dengan campur tangan Barat.” (h. 689). Muhammad Qutb (1403H) merujuk permasalahan ini sebagai tanda-tanda jahiliah moden. Beliau menambah, wujudnya pelbagai kerosakan sama ada dalam bidang pemikiran, tingkahlaku, politik, ekonomi, sosial, moral, hubungan dua jenis kelamin, seni budaya dan lain-lain. Secara umumnya, cabaran dalaman dan luaran dapat dilihat di bawah:

### **Cabaran Dalaman**

Al-Buti (2008) menegaskan, masalah utama yang melanda umat Islam adalah disebabkan kejahilan terhadap asas-asas utama dalam bidang akidah, bukan masalah kejahilan dalam dalam fikah atau kegagalan dalam mengeluarkan ijtihad. Hal ini kerana bidang akidah merupakan asas yang perlu diubah terlebih dahulu. Maka, umat Islam seolah-olah lupa diri, lupa anutannya dan lupa tujuan hidupnya kerana terpegun dengan kemajuan dan kemodenan dunia. Ia boleh digambarkan melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

(Tuhan berfirman: Orang-orang kafir itu ialah) orang-orang yang menjadikan perkara-perkara agama mereka sebagai hiburan yang melalaikan dan permainan, dan orang-orang yang telah terpedaya dengan kehidupan dunia (segala kemewahannya dan kelazatannya). (al-A'raf, 7:51)

Menurut Yusuf al-Qaradawi (2003), musibah paling tragis menimpa umat Islam kini adalah menjadikan agama sebagai permainan dan gurauan sama ada tanpa sedar atau rasa bersalah. Ada yang tergila-gila menghiasi tembok masjid dengan ayat-ayat al-Quran tetapi tidak mengamalkan ajarannya dalam kehidupan seharian. Ada yang membacakan al-Quran untuk orang-orang yang telah meninggal tetapi tidak mengajarkannya kepada yang masih hidup. Ada pula yang berusaha memiliki al-Quran yang berhias cantik supaya mendapat berkat tetapi tidak menyedari bahawa berkah yang hakiki adalah mengikut perintahNya dan menjauhi laranganNya.

Malah, umat Islam juga mensia-siakan segala kekuatan dan keistimewaan yang ada pada dirinya sama ada kekuatan akal, kekuatan ilmu, kekuatan amal mahupun kekuatan spiritual. Umat Islam tidak sukakan ijtihad, tidak suka mencipta, tidak kritis dan hanya bertaqlid buta. Umat Islam juga lebih suka berbicara dan sedikit bekerja. Sekiranya bekerja, hanya mengerjakan sesuatu yang kurang penting dan meninggalkan yang penting malah kadangkala apa yang dikerjakan tidak mendatangkan manfaat sedikitpun. Semangat *Iqra'* tidak lagi menjadi dorongan dalam berilmu. Kekayaan dan hiburan yang melampau menjadikan umat Islam malas dan cenderung untuk melayani kehendak nafsu lebih daripada tuntutan akal (al-Qaradawi, 2003). Dengan ini, umat Islam menghadapi pelbagai penyakit rohani seperti tidak lagi mampu membezakan antara kebenaran dan kepalsuan, kebaikan dan kebatilan serta hakiki dan fantasi.

### Cabaran Luaran

Dari sudut luaran pula, ideologi-ideologi Barat semakin rakus mempengaruhi umat Islam khususnya hedonisme, materialisme, kapitalisme, sekularisme, pluralisme, dan lain-lain lagi (Zakaria, 2015; Khalif Muammar, 2012; Abdul Rahman, 2001; Hashim Musa, 2001). Ideologi-ideologi tersebut telah meresapi kehidupan umat Islam dalam pelbagai bidang antaranya dari sudut cara hidup dan budaya masyarakat, sistem pendidikan, sistem pentadbiran, sistem ekonomi dan lain-lain lagi (Rahimin, 1999). Antara kesannya, di Malaysia, pada abad ke-19 berlakunya krisis keruntuhan moral yang meruncing di kalangan remaja, antaranya pengamalan seks bebas, kegilaan terhadap industri muzik moden, masalah lepak dan lain-lain lagi (Rahimin, 1999).

Hakikatnya, era globalisasi telah menghakis nilai akhlak dan moral serta meminggirkan nilai agama dalam cara hidup dan kebudayaan umat Islam (Asmawati Suhid, 2005; Mohd. Nakhaie, 2001). Mereka terpengaruh dengan cara berfikir ala Barat dan menjadikan cara hidup Barat sebagai contoh terbaik dalam setiap aspek kehidupan (al-Buti, 2004). Umat Islam kini menganggap bahawa menggunakan segala bentuk produk daripada Barat yang dianggap sebagai budaya *Americanization* dan *Macdonaldisation* merupakan bukti kejayaan hidup seseorang (Abdul Rahman, 2002). Mendewa-dewakan artis dan produk hiburan Barat juga merupakan keperluan hidup zaman moden. Golongan artis menjadi contoh yang harus diikuti walaupun secara jelas ia melakukan perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam (Salasiah, 2001). Sikap yang terlalu taksu kepada para artis ini telah mengekang minda seseorang dan memudahkan semangat budaya berfikir secara kritis (Sulaiman, 2001).

Dalam hal ini, golongan Barat khususnya Zionis-Yahudi telah menjadikan media massa dan elektronik sebagai wadah untuk menyampaikan ideologi mereka sekaligus menyebarkan fahaman-fahaman yang bertentangan dengan Islam. Melalui kemudahan tersebut, mereka telah membuat pembohongan kepada Allah SWT, berbohong tentang golongan *salihin*, mendendami golongan mukmin, membenci, menyembunyikan dan memalsukan fakta kebenaran, mencampuradukkan kebenaran dan kebatilan, menyebarkan kebatilan dan khabar angin dan tuduhan melulu (al-Khalidi, 2009). Hal ini tidak disedari oleh umat Islam disebabkan kealpaan mereka dalam mengejar kemajuan dan kemewahan dunia yang ditawarkan oleh Barat melalui cara hidup ala Barat tersebut.

Tidak dinafikan bahawa media massa dan elektronik kini menjadi keperluan dalam mengikuti arus globalisasi. Mereka yang tidak mengikuti arus ini dikatakan sebagai ketinggalan zaman. *Facebook*, *instagram*, *twitter* dan seumpamanya menyajikan pelbagai maklumat sama ada yang benar atau salah. Maka, adakah umat Islam memperoleh faedah yang besar daripada kemudahan tersebut? Tidak dinafikan bahawa banyak manfaat yang diperoleh daripada media-media tersebut. Menurut Mohd Fauzi Hamat (2002), tidak salah umat Islam menerima idea-idea yang positif dari Barat kerana Islam adalah agama yang



bersifat ‘kemudahlenturan’, apatah lagi dalam hal-hal yang berkait dengan urusan kehidupan harian. Namun yang salahnya, adalah menerima idea-idea pemikir Barat yang belum dibuktikan secara ilmiah berasaskan pemikiran epistemologi Islam. Dalam hal ini, al-Attas (2007) juga menekankan perlunya umat Islam bersikap kritis terhadap pandangan alam Barat yang tersirat dalam konsep-konsep pembangunan, kemajuan, kemodenan, tradisi dan sebagainya. Umat Islam tidak seharusnya menerima sepenuhnya falsafah pembangunan Barat. Sebaliknya umat Islam perlu meneliti dan menilainya dengan betul tentang sesuatu konsep, teori dan ilmu yang datang dari luar sebelum dijadikan kerangka pembangunan dan kemajuan dalam Islam.

## PEMERKASAAN UMMAH MELALUI EMPAT AKHLAK UTAMA

Umat Islam kini tidak seharusnya dibiarkan hanyut dalam arus kemodenan dan globalisasi yang kian pesat, di tambah lagi musuh-musuh Islam sentiasa mencari jalan dan ruang untuk menghapuskan Islam dan umatnya di muka bumi ini. Oleh itu, langkah Shah Wali Allah dalam memperkenalkan empat akhlak utama adalah sangat tepat, khasnya dalam memandu manusia mengharungi pelbagai cabaran dalaman dan luaran. Walaupun Shah Wali Allah lahir pada abad ke-18M, empat akhlak ini masih relevan dipraktikkan dalam kalangan umat Islam kini. Hal ini kerana pada zaman Shah Wali Allah juga telah timbul masalah dalaman dan luaran sebagaimana yang dihadapi umat masa kini. Tambah lagi, Shah Wali Allah sentiasa berusaha untuk mengembalikan pegangan umat Islam selari dengan al-Quran dan al-Sunnah. Dalam pada itu, empat akhlak utama ini merupakan asas agama yang perlu dihayati umat Islam serta ia selari dengan fitrah dan tuntutan kehidupan manusia.

Akhlak kesucian (*thaharah*) adalah asas dan lambang ajaran Islam. Pada kebiasaannya juga manusia sukakan kebersihan. Semua bangsa di dunia dengan pelbagai rumpun dan keyakinannya menggalakkan kebersihan sehingga ia menjadi prinsip utama dalam kehidupan. Dalam konteks kebersihan, Islam menyeru agar umat Islam menjaga kebersihan dan kesucian sama ada fizikal mahupun rohani (Abdul Basit, 2017). Secara khususnya, umat Islam digesa untuk menyucikan jiwa, akal, badan, harta dan keturunan supaya memperoleh kebaikan dunia dan akhirat. Sehubungan itu, akhlak kesucian ini penting untuk memastikan umat Islam tidak terpengaruh dengan perkara-perkara yang mendatangkan kemudaratan kepada jiwa, akal, badan, harta dan keturunan. Apabila umat Islam sentiasa menyucikan dan menjaga perkara-perkara tersebut, maka segala cabaran dalaman dan luaran dapat dihadapi dengan sebaik mungkin. Contohnya menjaga jiwa daripada sifat-sifat keji dapat mengelakkan fitnah zaman moden yang mudah tersebar melalui aplikasi *whatsapps*, *facebook* dan seumpamanya. Menjaga akal daripada perkara-perkara haram dapat menguatkan akal sekali gus dapat menapis ideologi-ideologi yang bertentangan dengan akidah Islam.

Akhlak kepatuhan kepada Tuhan atau Kebenaran (*ikhbat li Allah Ta'ala*) mencerminkan ketundukan manusia kepada keagungan Allah SWT. Manusia diciptakan oleh Allah SWT untuk tunduk dan patuh serta memperhambakan diri kepadaNya, firmanNya yang bermaksud:

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu. (al-Dharyyat, 51:56)

Sekiranya manusia memahami secara mendalam tentang tujuan ia diciptakan atau tujuan ia hidup di muka bumi, maka ia dapat mengharungi segala cabaran dalaman dan luaran yang ada di sekelilingnya. Akhlak kepatuhan ini mengajak manusia beriman kepada Allah SWT sebagai Pencipta Yang Maha Mutlak. Akhlak ini juga menyeru manusia mengenali Tuhan Yang Maha Esa, Maha Perkasa, Maha Bijaksana dan mengabdikan seluruh jiwa dan aspek kehidupan manusia kepada Allah SWT. Dengan ini, ia dapat memperbetulkan akidah dan

pegangan ummah daripada memperhambakan diri kepada dunia atau akal fikiran atau mengikut gaya hidup Barat.

Dari satu sudut, manusia mudah terpengaruh dengan keindahan dan kenikmatan dunia seperti kemewahan harta, makanan lazat, perempuan cantik, teknologi canggih dan seumpamanya. Islam tidak melarang umat Islam untuk mendapatkan segala perkara tersebut, sebagaimana sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Ada empat kebahagiaan dunia; isteri yang solehah, tempat tinggal yang luas, tetangga yang baik dan kenderaan yang elok. Ada empat kesengsaraan; tetangga yang buruk, isteri yang buruk, rumah yang sempit dan kenderaan yang buruk. (al-Farisi, 1993: *Zikr al-Ikhhbar 'an al-Asyya' allati hiya min Sa'adah al-Mar'i fi al-Dunya*, no. Hadis 4032, 340)

Segala kemewahan dan kenikmatan dunia seharusnya tidak menjadi tujuan utama dalam hidup. Sehubungan itu, umat Islam memerlukan akhlak kemurahan hati atau tolak ansur (*al-samahah*) dalam menyeimbangkan tuntutan dunia dan akhirat. Umat Islam juga harus diingati bahawa segala kenikmatan dunia adalah ujian daripada Allah SWT bagi melihat sejauh mana keimanan dan ketakwaan manusia. Umat Islam juga seharusnya memahami tujuan utama diciptakan, selain daripada memperhambakan diri kepada Allah SWT, adalah menjadi khalifah Allah SWT di muka bumi. Hal ini bermaksud segala kelengkapan dunia sama ada haiwan, tumbuhan, bahan galian dan seumpamanya adalah menjadi tanggungjawab manusia untuk menggunakannya dengan sebaik mungkin (al-Mawdudi, 1986). Maka, sifat atau akhlak *al-samahah* ini akan menghapuskan sifat melampau terhadap penggunaan sumber alam secara boros dan membazir serta bukan kepentingan diri semata-mata.

Akhlak keadilan (*al-'adalah*) amat penting dipraktikkan kerana ia merangkumi ketiga-tiga akhlak lain. Menurut Hamka (1998), keadilan adalah kepandaian seseorang mencampurkan 'garam' dalam kehidupan dan mengendalikan diri sehingga dapat menyeimbangkan perasaan marah, syahwat dan akal budi. Lawan sifat adil adalah zalim, melakukan sewenag-wenangnya kepada orang lain bagi memuaskan nafsu dan syahwat. Dunia globalisasi kini dipenuhi dengan nafsu dan pelbagai kemungkaran sehingga mendatangkan kemudaratan jika tidak dikendalikan dengan sebaiknya. Justeru, akhlak keadilan amat diperlukan bagi menundukkan nafsu dan syahwat dalam meneroka dunia tersebut. Akhlak keadilan dapat mengenal pasti perkara-perkara yang memberi kebaikan dan keburukan. Apabila seseorang bersifat adil, maka ia dapat menghindarkan diri daripada sifat menzalimi dirinya, manusia lain bahkan haiwan sekali pun. Seseorang menzalimi dirinya apabila memilih untuk mengikut ideologi-ideologi yang bertentangan dengan akidah, syariat dan akhlak Islam. Manusia menzalimi orang lain apabila menggunakan segala kekayaan secara boros tanpa mempedulikan golongan yang merempat dan melarat. Manusia menzalimi makhluk lain apabila menggunakan sewenag-wenangnya sumber alam sehingga menjejaskan ekosistem alam ini.

Jelaslah, empat akhlak utama dapat memperkasakan ummah dalam menghadapi cabaran globalisasi dan modenisasi kini sekiranya ia dihayati dengan sebaiknya. Ummah yang dilengkapi empat akhlak utama akan menjadi generasi yang tegar dalam mempertahankan diri, khasnya daripada serangan-serangan pemikiran-pemikiran moden. Umat Islam juga sentiasa bersedia untuk mengharung dalam lautan luas yang di dalamnya terdapat pelbagai kebaikan dan keburukan.

## KESIMPULAN

Dalam dunia tanpa sempadan, manusia bukan sahaja menghadapi cabaran dalaman tetapi terpaksa juga berhadapan dengan cabaran luaran. Cabaran-cabaran ini sememangnya tidak dapat dielakkan dan mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan khususnya generasi

muda. Cabaran dalaman yang paling utama adalah berhubung dengan bidang akidah, Pegangan umat Islam semakin rapuh sehingga menjejaskan fungsinya sebagai 'abid dan khalifah Allah SWT. Apabila mereka meletakkan kemewahan dunia sebagai tujuan utama, maka roh dan jiwa mereka semakin jauh dengan Allah SWT. Manakala cabaran luaran pula memfokuskan kepada penerimaan ideologi yang bertentangan dengan Islam seperti sekularisme, liberalisme, hedonism, materialism dan sempamanya. Umat Islam juga difahamkan bahawa meniru gaya hidup Barat itulah yang memoden dan memajukan kehidupan mereka. Maka, segala cara hidup Barat meresap dalam pelbagai aspek kehidupan seperti politik, ekonomi, sosial dan seumpamanya.

Sehubungan itu, umat Islam tidak harus dibiarkan terus *lagha* dengan kehidupan dunia yang mementingkan hiburan dan kebendaan semata-mata. Mereka seharusnya dilengkapi dengan nilai dan roh Islam khasnya empat akhlak utama yang dikemukakan oleh Shah Wali Allah al-Dihlawi. Empat akhlak utama, iaitu kesucian (*thaharah*), kepatuhan kepada Tuhan (*ikhbat li Allah Ta'ala*), kemurahan hati (*al-samahah*) dan keadilan (*al-'adalah*) dapat memperteguhkan lagi pegangan akidah umat Islam, di samping mempersiapkan diri menghadapi dunia kemodenan dan globalisasi kini.

## RUJUKAN

### Artikel Jurnal

- Asmawati Suhid. Pemantapan Komponen akhlak dalam pendidikan Islam bagi menangani era globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*. Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia. 6, 95-103.
- Azharudin Mohamed Dali. (2002) Ulama dan Gerakan Revivalis Islam di India Antara 1700-1850an. *Jurnal Usuluddin*. 16, 51-74.
- Khalif Muammar. (2012). Pandangan Islam Terhadap Tradisi dan Kemodenan. *Jurnal Hadhari*. 4 (1), 23-48.
- Mohd Fauzi Hamat. (2002). Pembangunan Minda Ummah Berasaskan Asas Utama Pemikiran Epistemologi Islam: Satu Perbincangan. *Jurnal Usuluddin*. 15, 35-52.
- Mohd Roslan Mohd Nor. (2011). Menangani Cabaran Umat Islam Era Moden. *Jurnal Al-Tamadun*. 6, 107-121.
- Rahimin Affandi Abd. Rahman. (1999). Krisis Remaja dan Media Massa di Malaysia: Satu Tinjauan Dari Perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin*. 10, 125-134.
- Salasiah Abd. Wahab. (2001). Madonna, Pascamoden dan Kebudayaan Populer. *Jurnal YADIM*. 2, 15-20.
- Shaharom TM Sulaiman. (2001). Budaya Hiper dan Ekstasi Gaya Hidup Remaja Dalam Era Siber. *Jurnal YADIM*. 2,

### Buku

- Abdul Basit Abdurasyadi. (2017). *The Prophetic Medicine*. (Terj.). Selangor: Pustaka Ibn Katsir Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Abdullah. (2001). *Falsafah dan Kaedah Pemikiran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Salam Muhammad Syukri. (Ed.). (2007). *Dimensi Pemikiran Shah Waliullah al-Dihlawi Dan Pengaruhnya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Prolegomena To The Metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC, 2001.
- Al-Buti, Muhammad Said Ramadan. (2008). *al-Madhahib al-Tauhidiah wa al-Falsafat al-Mu'asirah*. Damsyik: Dar al-Fikr.

- al-Dihlawi, Shah Wali Allah. (1999). *Hujjah Allah al-Balighah*. Cet. ke-3. Beirut: Dar Ihya' al-Ulum.
- Al-Farisi, 'Ala al-Din 'Ali b. Balban. (1993). *Sahih Ibn Hibban bi Tartib Ibn Balban*. Cet. 2. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Ghazali, Muhammad. (2000). *The Socio-Political Thought of Shah Wali Allah*. Islamabad: t.p.
- Al-Ghazzali, Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad. (t.t.). *Mukasyafah al-Qulub al-Muqarrib Ila 'Allam al-Ghuyub*. Beirut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqafiyah.
- Al-Jaylani, Abdul Qadir. (1983). *Al-Fath al-Rabbani wa al-Fadh al-Rahmani*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Mawdudi, Abul A'la. (1986). *Asas dan Prinsip Peradaban Islam*. (Terj.). cet. 2. Singapura: Pustaka Nasional Ptd Ltd.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2000). *al-Muslimun wa al-'Awlamah*. T.tp: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2003). *Di Mana Punca Kelemahan Umat Islam Masa Kini*. Cet. 2. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.
- Al-Siyalkuti, Muhammad Basyir. (1999). *Al-Imam al-Mujaddid wa al-Muhaddith Shah Wali Allah al-Dihlawi*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (2001). *Tafsir al-Munir*. (Terj.). Juz. 29. Selangor: Persatuan Ulama Malaysia & Intel Multimedia & Publication.
- Fathi Yakan. (2002). *Api Kebangkitan Islam dan Cabaran Abad ke-21*. (Terj.). Tp.: Jasmin Enterprise.
- Hamka. (1998). *Tasawuf Moden*. Cet. 3. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Hashim Musa. (2001). *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*. Kuala Lumpur: T.tp.
- Jalbani, G.N. (1993). *Life of Shah Waliyullah*. Lahore: SH. Muhammad Ashraf.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*. (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Nakhaie Ahmad. (2001). *Anjakan sikap dan budaya hidup bangsa*. Kuala Lumpur: YADIM.
- Muhammad Qutb. (1403H). *Jahiliyah al-Quran al-'Isyirin*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Mustafa Daud. (1988). *Beberapa Aspek Pemikiran al-Maududi*. Mohamed A. Kadir (Ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Mustafa Zahri. (1979). *Kunci Memahami Ilmu Tasawuf*. Surabaya: PT Bina Ilmu.
- Sharif, M. M. (1966). *A History of Muslim Philosophy*. Vol. 2. Wiesbaden: Otto Harrassowitz.
- Sulaiman Endut. (2006). *Asas-asas Fardu Ain*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.

### **Bab Dalam Buku**

- Alwi Nordin & Nik Hassan Nik Abdullah. (2007). Kebahagiaan, Akhlak dan Hijab Mengikut Falsafah Shah Wali Allah al-Dihlawi. Dalam Abdul Salam Muhammad Syukri, (Ed.). *Dimensi Pemikiran Shah Waliallah al-Dihlawi Dan Pengaruhnya Di Malaysia* (hal. 17-41). Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- M. Weiss, Anita. (1994). Challenges for Muslim Women in a Postmodern World. Dalam Akbar S Ahmed & Hastings Donnan. *Islam, Globalization and Postmodernity*. London: Routledge.

### **Kertas Kerja Persidangan/Prosiding**

- Abdul Rahman Embong. (2002). Faktor Ideologi Politik dan Budaya Daiam Penutupan Minda Melayu Islam. Dalam Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 29-31 Januari.

Norahida Mohamed & Muhamad Zaid Ismail. (2015). *Islah Dan Tajdid: Pendekatan Pembinaan Semula Tamadun Islam*. Proceedings of ICIC2015, 6-7 September Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia. (pp. 679–690).

Zakaria @ Mahmod Daud. (2015). *Ideologi Moden dan Pemikiran Islam: Suatu Perbandingan*. Muhammad Nasron Yaacob (Ed.). Prosiding Seminar Pemurnian Aqidah 2015 Peringkat Negeri Kelantan, 15 November. Kompleks Dewan Besar Balai Islam, Lundang.

### **Tesis**

Abdul Hayei Abdul Sukor. (1998). *Sumbangan Syah Wali Allah al-Dihlawi Kepada Ilmu Hadis dan Pengaruhnya di Kelantan*. Tesis Ph.D, Jabatan Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Kuala Lumpur.

### **Biodata Penulis**

Noraini Junoh

Calon P.hD

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA),  
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu.

[jannahadnin@yahoo.com](mailto:jannahadnin@yahoo.com)

0139842483

Norazmila Yusuf

Pensyarah Sambilan Sepenuh Masa

Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM),  
Cawangan Kelantan, Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan.

[norazmila\\_yusuf@yahoo.com](mailto:norazmila_yusuf@yahoo.com)

0129015644

## KEPERCAYAAN TERHADAP KEWUJUDAN SAKA DALAM KEPERCAYAAN MASYARAKAT MELAYU BERDASARKAN PENDEKATAN PSIKOBUDAYA

Yohan Kurniawan, Alexander Stark, dan Burhan Bin Che Daud  
Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah Universiti Malaysia Kelantan  
yohan@umk.edu.my

### ABSTRAK

Kepercayaan terhadap kewujudan saka telah lama wujud dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia. Saka berhubungan dengan kepercayaan adanya perjanjian dan suatu ikatan antara manusia dan jin yang terjadi pada masa dahulu. Seseorang membuat perjanjian dengan jin dengan pelbagai tujuan seperti keselamatan, pekerjaan, kekayaan, kekuatan, pengangkutan, dan sebagainya. Permasalahan kajian adalah tidak diketahuinya kebenaran tentang kewujudan jin saka dalam kehidupan seseorang yang diwarisi daripada moyangnya. Kurangnya kajian yang mengkaji aspek Psikologi daripada pemilik saka. Objektif kajian adalah mengenalpasti konsep saka berdasarkan pendekatan Psikobudaya. Kajian yang dijalankan merupakan kajian kualitatif dengan kaedah temubual digunakan dalam proses pengumpulan data. Kajian ini dilaksanakan di Kelantan dan responden kajian adalah individu yang memiliki saka. Kaedah pengumpulan responden yang digunakan adalah *purposive sampling*. Hasil kajian mendapati bahawa wujudnya kepercayaan terhadap saka dalam kalangan masyarakat Melayu di Kelantan walaupun perkara tersebut tidak terbukti secara saintifik mahupun terlihat secara nyata. Kajian ini juga mendapati bahawa beberapa responden menunjukkan keadaan personaliti tertentu seperti sifat kurang matang, rendah diri, kurang dapat mengawal emosi, mengalami kesukaran untuk menjalin hubungan rapat dengan orang lain, dan sebagainya. Kesimpulan kajian mendapati bahawa masyarakat Melayu di Kelantan masih memiliki kepercayaan yang kuat kepada kewujudan saka walaupun fenomena tersebut lebih bersifat keyakinan dan berdasarkan cerita yang diturunkan secara turun temurun. Kajian ini juga mendapati individu yang memiliki saka mempunyai personaliti tertentu.

**Kata kunci:** Saka, diwariskan, kepercayaan masyarakat Melayu, jin, Psikologi, Personaliti.

### PENDAHULUAN

Kepercayaan kepada makhluk ghaib seperti jin telah lama wujud dalam kalangan masyarakat di Nusantara, khususnya di Malaysia. Hampir semua kaum yang ada di Malaysia mempercayai kewujudan jin dan makhluk ghaib lainnya, hal ini disebabkan oleh pengaruh agama dan budaya kaum tersebut. Kepercayaan kepada jin cukup kuat dalam kalangan masyarakat Melayu. Kepercayaan kepada kewujudan jin dalam kalangan masyarakat Melayu ini berkait rapat dengan kepercayaan yang berkembang dalam masyarakat Melayu dari dahulu sehingga sekarang (Mohd Taib, 1989). Kepercayaan terhadap kewujudan jin semakin diperkuat oleh kehadiran dan peranan bomoh, terutamanya dalam kalangan masyarakat Melayu (Mohd Taib, 1989).

Siapakah jin tersebut? Kewujudan dan penciptaan jin telah disebutkan dalam Al-Qur'an bahkan terdapat surah khas dalam Al-Qur'an berkaitan dengan jin iaitu Surah Al-Jinn. Surah Al-Hijr:26-27 mengatakan bahawa: "*Dan sesungguhnya Kami sudah menciptakan manusia (Adam) daripada tanah liat yang kering (yang berasal) daripada lumpur hitam yang diberi bentuk. Dan Kami sudah menciptakan jin (sebelum Adam) daripada api yang terlalu panas*". Dalam Surah Ar-Rahman:15 dikatakan: "*....Dan dia (Allah) menciptakan jin daripada nyalaan api*". Surah Al-A'raf:12 menyebutkan: "*Apakah yang menghalangimu*

*untuk bersujuk (kepada Adam) pada waktu aku menyuruhmu?” Menjawab iblis: “Saya lebih baik daripada: Engkau ciptakan saya daripada api sedang dia Engkau ciptakan daripada tanah”.*

Sifat kejadian jin yang tidak dapat dilihat dengan pandangan mata kasar bukannya ia tidak wujud (Sharhan, 2015). Kewujudan jin telah diiktiraf oleh Allah seperti dijelaskan dalam Surah Al-Jinn (Sharhan, 2015). Jin adalah penghuni pertama bumi (Engku, 2014). Jin sudah hidup dan berada di bumi sejak berbilion tahun sebelum kehadiran manusia pertama iaitu Nabi Adam A.S (Engku, 2014). Kehidupan para jin pada masa itu penuh dengan pergaduhan, pertelagahan dan peperangan diantara mereka (Engku, 2014). Sebahagian daripada bangsa jin ini beragama Islam seperti Firman Allah dalam Surah Al-Jinn: 1-2: *“Katakanlah wahai Muhammad, sudah diwahyukan kepadaku bahawasanya sudah diperdengarkan sekumpulan jin (dengan Quran) lalu mereka berkata, “Sesungguhnya kami sudah mendengar Quran yang menakjubkan (yang) memberi petunjuk ke arah jalan yang benar, lalu kami beriman kepadanya. Dan Kami sekali-kali tidak akan menyekutukan sesuatu apapun dengan Tuhan kami.”* Tetapi dalam kalangan bangsa jin juga terdapat kumpulan yang sesat seperti Firman Allah, Al-Jinn: 14 yang mengatakan: *“Dan sesungguhnya antara kami (jin) ada orang-orang yang taat dan ada pula orang-orang yang menyimpang dariapda kebenaran.”*

Walaupun manusia dan jin adalah sama-sama ciptaan Allah, akan tetapi martabat manusia adalah lebih tinggi daripada golongan jin, itu pun sekiranya manusia tersebut beriman dan beramal soleh (Sharhan, 2015). Terdapat beberapa jenis jin seperti diriwayatkan dalam sebuah hadith dari Abu Tha’labah radiyallahu anhu telah berkata bahawa Rasulullah sollallahu alaihi wa sallam telah bersabda: *“Jin itu mempunyai tiga jenis: satu jenis yang mempunyai sayap yang berterbangan di udara, satu jenis yang berupa ular dan anjing dan satu jenis yang berpindah randah.”* (Sharhan, 2015).

Di manakah jin tinggal? Tempat tinggal jin adalah (Sharhan, 2015):

1. Jin tinggal di tempat-tempat yang sepi dan jauh daripada manusia.
2. Jin tinggal di tempat-tempat yang kotor.
3. Jin biasanya tinggal di tandas-tandas.
4. Jin juga tinggal di tempat-tempat berlubang.
5. Jin juga tinggal di tempat yang terdapat kotoran dan buangan binatang.

Apakah makanan dan minuman jin? Makanan dan minuman jin adalah seperti berikut (Sharhan, 2015):

1. Tulang.
2. Kotoran binatang.
3. Asap.

Bilakah jin berkeliaran? Dalam hadith Sohihain dari Jabir disebutkan bahawa Rasulullah sollallahu alaihi wa sallam telah bersabda: *“Apabila malam menjelang maka tahanlah anak-anak kalian sesungguhnya syaitan berkeliaran pada saat itu. Apabila malam sudah gelap gelita maka lepaskanlah mereka dan tutuplah pintu serta sebutlah nama Allah kerana sesungguhnya syaitan tidak membuka pintu yang tertutup. Tutuplah tempat-tempat air dan sebutlah nama Allah sekalipun dengan meletakkan sesuatu ke atasnya dan padamkanlah lampu-lampu kalian.”* (Sharhan, 2015). Berdasarkan hadith di atas terdapat lima perintah yang diberikan oleh Rasulullah iaitu (Sharhan, 2015):

1. Larangan membiarkan anak-anak berada di luar rumah pada waktu tersebut (keadaan menjelang malam = Mahgrib).
2. Menutup pintu pada waktu tersebut dengan menyebut nama Allah.
3. Menutup tempat-tempat simpanan air.
4. Arahan menutup tempayan-tempayan simpanan air.
5. Memadamkan lampu dengan menyebut nama Allah

Jumlah bilangan jin adalah lebih ramai daripada manusia, para ulama mengatakan jika mereka wujud secara fizikal, mereka tidak akan muat duduk bersama kita kerana jumlah mereka yang beribu kali ganda berbanding jumlah manusia (Engku, 2014).

## PENGERTIAN SAKA

Istilah saka bukanlah perkataan baharu dalam masyarakat di Malaysia terutamanya masyarakat Melayu. Konsep saka tidak hanya wujud di Malaysia, ianya juga wujud dalam kepercayaan di kalangan masyarakat Nusantara akan tetapi dengan nama yang berbeza. Terdapat beberapa pengertian dan takrifan berhubung saka. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, saka ditakrifkan sebagai pusaka, iaitu segala harta benda yang ditinggalkan oleh orang yang sudah meninggal dunia (untuk diwarisi oleh ahli keluarganya) (Haron & Mokhtar, 2016). Takrifan lain mengatakan bahawa saka bermaksud leluhur (nenek moyang) daripada sebelah emak, ataupun baka leluhur (nenek moyang) daripada kedua-belah pihak (ibu dan bapa). Takrifan saka menurut pandangan ahli perubatan Islam, saka merujuk kepada jin yang diwarisi daripada keturunan yang atas (usul) seperti ayah, datuk, nenek ataupun moyang kepada keturunan yang bawah (furu') seperti anak, cucu, dan cicit (Haron & Mokhtar, 2016). Menurut Dato' Dr. Amran Kasimin (1993) dalam Haron & Mokhtar (2016), perhubungan antara manusia dan makhluk halus bermula apabila seseorang itu menyatakan hasratnya kepada makhluk halus sebelum menjalinkan hubungannya dengan makhluk tersebut. Hasrat tersebut merupakan sebuah kesefahaman antara pembela dan makhluk halus tersebut. Jenis-jenis persefahaman tersebut adalah sebagai berikut: membela, berkawan atau bersahabat, dan bersaudara (Haron & Mokhtar, 2016). Pengamal perubatan lain mengatakan saka adalah jin yang sudah lama bersama nenek moyang kita, dan apabila nenek moyang tersebut meninggal dunia, jin tersebut akan beralih kepada warisnya yang lain, sama ada orang yang mewarisinya itu sedar atau pun tidak sedar (Engku, 2014).

Saka boleh terjadi apabila seseorang itu membuat perjanjian dengan makhluk halus bagi mendapatkan khidmat ataupun kelebihannya dan sebagai balasan atas khidmat jin tersebut, seseorang itu akan menawarkan diri bagi menjaga makhluk halus tersebut turun-temurun (Haron & Mokhtar, 2016). Saka tidak selalunya berupa jin yang diambil dan dibuat perjanjian dengannya (Engku, 2014). Ada jin yang datang mengganggu dan menumpang dalam tempoh yang sangat lama tanpa disedari oleh individu tersebut. Akan tetapi ada juga jin yang datang melalui ritual tertentu yang dilakukan (Engku, 2014).

Saka tidak selalunya berkaitan dengan barang-barang pusaka. Tidak semua barang pusaka mempunyai kaitan dengan saka (Engku, 2014). Tetapi tidak dinafikan pada masa dahulu orang-orang tua kerap kali menggunakan barang-barang pusaka untuk menyimpan saka atau saka yang mendampingi barang-barang pusaka tersebut (Engku, 2014). Terdapat beberapa tujuan seseorang memelihara saka diantaranya (Haron & Mokhtar, 2016):

1. Menjaga harta seperti rumah, tanah, ataupun kebun.
2. Menjaga diri dan keluarga daripada dianiayai oleh orang lain.
3. Menjalankan kerja-kerja seharian seperti bertani, memburu binatang, dan menangkap ikan.
4. Menjalankan kerja-kerja berat seperti mengangkat batu besar, menebang, mengangkut pokok balik dan lain-lain.
5. Melawan musuh.
6. Sebagai ilmu kebatinan.
7. Untuk tujuan perubatan seperti menjadi bomoh, bidan, tukang urut, dan sebagainya.
8. Tujuan pengangkutan, dan sebagainya.

Terdapat beberapa jenis dan tugas saka diantaranya (Haron & Mokhtar, 2016):



1. Saka Hantu Raya.  
Saka Hantu Raya dibela dengan tujuan untuk mendapatkan kekuatan luar biasa sehingga dapat melakukan kerja-kerja yang tidak mampu dilakukan oleh orang biasa contohnya: seperti mengangkat kayu balak seorang diri, memotong kayu balak seorang diri, atau pun berlawan dengan orang ramai seorang diri.
2. Saka Pelesit.  
Saka pelesit kebanyakannya dibela oleh kaum perempuan. Apabila seorang wanita mengamalkan ilmu ini bertujuan sebagai penyeri muka ataupun pemanis muka. Kebiasaannya pengamal dan pembela saka ini akan senantiasa kelihatan cantik walaupun sudah berusia/tua. Saka ini kadang-kadang juga digunakan untuk menundukkan suami supaya mendengar kata dan tidak memandang kepada wanita lain.
3. Saka Harimau.  
Saka harimau dibela dengan tujuan untuk menjaga kawasan seperti rumah, kebun atau kampung. Saka harimau juga digunakan untuk menjaga diri dan keturunan pemilikinya, serta pemberi maklumat kepada pemilikinya seperti berlakunya kematian atau kejadian buruk dalam kalangan waris. Saka harimau juga dapat digunakan sebagai pengangkutan.
4. Saka Buaya.  
Saka buaya digunakan untuk menjinakkan dan mengawal buaya di sesebuah kawasan supaya tidak mengganggu. Saka buaya juga dapat digunakan untuk menangkap ikan dan memperoleh hasil daripada sungai. Saka buaya juga dapat digunakan untuk perubatan dan juga untuk menganiaya orang. Seperti saka harimau, saka buaya juga digunakan untuk pengangkutan di sungai.
5. Saka Bomoh.  
Seseorang yang mewarisi saka bomoh mempunyai kemampuan untuk merawat pelbagai jenis penyakit, sama ada penyakit fizikal mahupun rohani seperti penyakit berkaitan dengan makhluk halus. Seseorang yang mewarisi saka bomoh biasanya tidak pernah menuntut sebarang ilmu perubatan atau kerohanian. Walaupun demikian, mereka memiliki kebolehan mengubat selepas melalui pengalaman kerohanian seperti mimpi.
6. Saka Bidan.  
Bidan adalah pekerjaan yang penting dan dihormati oleh masyarakat pada masa itu, hal ini disebabkan kepakaran dan kemahiran yang dimiliki oleh bidan berupa jagaan kesihatan bayi dan ibu mengandung yang masih sangat kurang pada waktu itu. Saka bidan digunakan oleh seseorang untuk membantu memudahkan proses melahirkan tanpa perlu mempelajari ilmu kebidanan.
7. Saka Hantu Laut.  
Saka hantu laut dibela dengan tujuan untuk membantu seseorang memudahkan pekerjaan serta mendapatkan hasil laut yang melimpah. Saka hantu laut juga dibela dengan tujuan untuk menjaga keselamatan seseorang di laut. Saka hantu laut ini akan memberi amaran kepada pemiliknya sehubungan dengan bahaya yang bakal menimpanya semasa di laut.
8. Saka Pendekar.  
Saka pendekar adalah jin yang diambil dan dibela untuk membantu seseorang menjadi handal bersilat atau berlawan tanpa perlu mempelajari sebarang ilmu mempertahankan diri. Selain itu, saka ini juga membuat seseorang disegani dan dihormati oleh kawan dan lawan.

Saka yang dibela oleh seseorang dapat menyebabkan gangguan. Beberapa punca gangguan saka adalah seperti berikut (Haron & Mokhtar, 2016):

1. Waris terlupa memenuhi perjanjian yang sudah dipersetujui oleh nenek moyang mereka ketika membuat perjanjian dahulu.
2. Terdapat waris yang menentang kehendak saka tersebut.
3. Terdapat waris yang beramal dengan amalan yang soleh sehingga menyebabkan saka tersebut tidak senang atau tercedera.

Jenis-jenis gangguan saka adalah seperti berikut (Haron & Mokhtar, 2016):

1. Gangguan tidur.
2. Bisikan.
3. Mengekori manusia.
4. Kelibat atau bayangan.
5. Histeria / rasukan.

Saka yang dimiliki oleh seseorang dapat diwariskan atau diturunkan kepada ahli keluarganya. Terdapat beberapa kaedah untuk menurunkan saka diantaranya (Haron & Mokhtar, 2016):

1. Secara sadar  
Jin saka yang diwarisi dalam keadaan sadar. Waris tersebut menerimanya dengan sadar dan kerelaan hati. Mereka akan diterangkan kegunaan saka tersebut, pantang larang, dan cara memberi makan kepada saka belaan tersebut.
2. Secara tidak sadar  
Jin saka yang diwarisi secara tidak sadar dimana seseorang menyerahkan sesuatu simbolik kepada warisnya, contohnya: senjata lama seperti keris, pedang, parang, perhiasan seperti cincin, peralatan perubatan tradisional seperti bekas kemenyan, tangkal, azimat dan sebagainya.

## **METOD PENYELIDIKAN**

Sebuah kajian dijalankan untuk mengenalpasti kewujudan fenomena saka dalam kalangan masyarakat Melayu. Kajian yang dijalankan adalah kajian lapangan dan data kajian diperolehi melalui kaedah temubual. Seramai lebih kurang 10 responden dan 2 orang pengamal perubatan Islam menjadi responden kajian Pemilihan responden berdasarkan pengakuan dan keyakinan responden bahawa dalam dirinya terdapat saka. Maklumat berhubung kewujudan saka dalam diri responden diperolehi daripada pengamal perubatan tradisional yang merawat mereka. Kajian ini dijalankan di negeri Kelantan.

### **Hasil Penyelidikan.**

Berdasarkan hasil temubual yang dilakukan didapati bahawa fenomena saka dipercayai kewujudannya oleh masyarakat Melayu di Kelantan. Terdapat beberapa jenis saka yang dijumpai dalam kajian ini diantaranya saka harimau, saka urut, saka api, saka bomoh. Kajian ini juga mendapati dua pandangan yang berbeza daripada pengamal perubatan tradisional Islam berhubung saka. Seorang pengamal perubatan tradisional Islam mengatakan bahawa manusia tidak boleh berkawan atau menerima saka walaupun saka tersebut tidak menuntut syarat apa pun, dan bersedia membantu individu tersebut dalam proses rawatan dan perubatan. Berkawan atau menerima saka adalah perbuatan berdosa kerana menduakan Tuhan. Akan tetapi seorang pengamal perubatan Islam lain mengatakan seseorang boleh menerima saka apabila saka tersebut tidak menuntut syarat tertentu, tidak perlu diberi makan atau dipuja, dan sebagainya. Pandangan ini berdasarkan kesan positif daripada saka kepada individu berkenaan.

Berdasarkan hasil temubual dengan responden kajian didapati kebanyakan responden tidak mengetahui asal saka. Mereka mendapat maklumat kewujudan saka dalam dirinya daripada pengamal perubatan tradisional yang merawatnya. Beberapa responden mengalami histeria sebelum mereka mengetahui kewujudan saka dalam dirinya.

Hasil kajian ini juga mendapati tidak semua saka menimbulkan gangguan. Hanya dua kes sahaja ditemui dalam kajian ini dan hanya satu kes yang menunjukkan gangguan bersifat ekstrim iaitu berbentuk api yang wujud secara tiba-tiba. Seorang responden yang memiliki saka mengubat secara tiba-tiba ia dapat mengurut pesakit tanpa pernah sekalipun belajar mengurut. Saka ini kemungkinan diturunkan daripada datuknya yang dahulunya adalah seorang bomoh dan guru silat.

Beberapa responden tidak menunjukkan dan mengetahui jenis saka yang mengikutinya. Seorang responden yang telah berumur lebih daripada 80 tahun dan memiliki kekuatan fizikal yang tidak bersesuaian dengan umurnya diduga memiliki saka tetapi ahli keluarganya juga tidak mengetahui jenis dan asal sakanya. Semasa saka tersebut keluar daripada badannya, responden tersebut menjadi lemah seperti umurnya dan tidak lama kemudian ianya meninggal dunia. Responden lain juga tidak mengetahui jenis saka yang mengikutinya dan mengetahui kewujudan saka tersebut daripada pengamal perubatan tradisional yang merawatnya. Beberapa gangguan, baik dalam kehidupan harian dan melalui mimpi dialami oleh responden.

Hasil kajian ini juga mendapati beberapa kesilapan dan ketidak jelasan tentang konsep saka. Beberapa responden dimaklumkan oleh perawatnya bahawa gangguan yang dialaminya disebabkan oleh saka yang mengikutinya. Akan tetapi tanda-tanda yang ditunjukkan oleh responden tidak menunjukkan gangguan saka. Kajian ini mendapati terdapat beberapa pemahaman tentang saka yang disebabkan kesilapan maklumat daripada perawatnya.

## **KESIMPULAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH.**

Kajian ini mendapati bahawa fenomena saka wujud dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia, khasnya di Kelantan. Beberapa responden kajian menunjukkan tanda-tanda dan gangguan tertentu kewujudan saka dalam dirinya, akan tetapi kajian ini juga mendapati wujud perbezaan pengertian saka di antara pengamal perubatan tradisional yang memberi kesan kepada rawatan yang dilakukan. Walaupun demikian, pembuktian secara saintifik kewujudan saka belum dapat dilakukan dan ianya memerlukan kajian lebih mendalam dan penggunaan teknologi moden serta melibatkan bidang kepakaran lain seperti kejuruteraan dan IT.

Ucapan terima kasih setinggi-tingginya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia melalui geran penyelidikan FRGS 2016 sehingga memungkinkan kajian ini dapat dilaksanakan.

## **RUJUKAN**

- Engku Ansarudin Agus Zuryati Isa. 2014. Soal Jawab Pak Engku Membongkar Misteri Alam Jin. Selangor: Hijjaz Records Publishing.
- Haron Din & Mokhtar Kassan. 2016. Kaedah Merawat Saka. Selangor: Publishing House.
- Mohd Taib Osman. 1989. Malay Folk Beliefs. An Integration of Disparate Elements. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sharhan Shafie. 2015. Perubatan Islam Menangkis kejahatan Makhluq Halus. Kelantan: Al Ruqyah Thobibi.

## ESTABLISHING HYSTERIA PROFILING AMONG MALAY STUDENTS USING CLINICAL PSYCHOLOGY APPROACH

Nagarubini Paramasivam

*Centre for Language and Generic Development Universiti Malaysia Kelantan*  
rubininaga8@gmail.com

Prof. Madya Dr. Yohan Kurniawan

*Centre for Language and Generic Development Universiti Malaysia Kelantan*  
yohan@umk.edu.my

### ABSTRACT

Mental health deficiencies can lead to common social problems that often occur in Malaysia, such as nervousness or feeling afraid for no reason, inability to sleep, poor achievement in learning and the desire to be alone. Mental health contributes to hysteria. Hysteria is a common problem, which always happens among school students in Malaysia. Hysteria is a disease repeatedly affect woman. This has since been disputed and abandoned as the concept regarded hysteria as only affecting woman, nonetheless, a great variety of symptoms affect men as well. The main objective of this paper is discussing about possibility to establish hysteria profiling among Malay students using clinical psychology approach. The significance of the study in this research is due to lack of knowledge about mental health and depression; people treat a hysteria patient as possessed by a ghost or under influence of black magic. The purpose of this study is a qualitative data obtained from case study of possessed among Malays students based on clinical psychological approach qualitative design is used in this research. The reseracher's respondents will be the school and university students. Researchers use purposive sampling in qualitative research for the identification and selection of information in the cases related to the phenomenon of interest. This kind of purposive sampling technique is commonly used to generate reviews of events or experiences, which is to say, it is common to studies of particular groups within larger populations.

**Keywords :** Depression, Mental health, Malay students, Possessed, Profiling Hysteria

### INTRODUCTION

Mental health problems are one of the main causes of the burden of disease worldwide (Vos et al 2013). In the UK, they are responsible for the largest burden of disease 28% of the total burden, compared to 16% each for cancer and heart disease (Ferrari, Charlson, Norman, Patten, Freedman, Murray, Vos and Whiteford (2013). One in four people in the UK will experience a mental health problem in any given year (McManus, Meltzer, Brugha, Bebbington, Jenkins, 2009). Mental health services in the UK are overstretched, have long waiting times and in some regions lack specialist services. Despite this, public spending is focused almost entirely on coping with crisis, with only an insignificant investment in prevention (Davies, 2013). Mental health research receives only 5.5% (£115 million) of total UK health research spending (Balmer, 2015).

Around 50% of women with perinatal mental health problems are not identified or treated. The costs to the UK economy for untreated perinatal mental health problems is estimated to be around £8.1 billion for each one-year cohort of births; this is the equivalent to around £10,000 per year for every single birth in the UK. These costs are generally the result of not identifying mothers' mental health needs or treating them effectively (Bauer,

Parsonage, Knapp, Iemmi, and Adelaja, 2014). However, when mothers are referred, there are known treatments that work well for most cases (Bauer et al, 2014). Paternal mental health is also of crucial importance. Postnatal depression in fathers has been associated with emotional and behavioral problems in their child (Ramchandani, O'Connor, Evans, Heron, Murray, Stein, 2008).

The National Health and Morbidity Survey which was implemented in 2015 by the Ministry of Health Malaysia (MOH) found that prevalence of mental health problems among Malaysians aged 16 years and over was 29.2% (approx. 4.2 million). This means 1 in 3 Malaysian societies are experiencing issues related to mental problems. The study also shows that the prevalence of mental health problems is also highest among those aged 16-19 and among those with low incomes. Mental health problems can be seen happening to anyone throughout their lives (Kesihatan Politik, 2016).

Based on the definition of mental health, each individual must be aware of his or her capability and ensure that he/she can handle pressure well, work productively and be able to contribute to society (WHO, 2012). Mental health deficiencies can lead to common social problems that often occur in Malaysia, such as nervousness or feeling afraid for no reason, inability to sleep, poor achievement in learning and the desire to be alone. Statistics show that 1% of the total Malaysian population of 28.3 million persons struggle with mental illness and 20% are faced with mental health problems, and the most common mental problems are depression, stress and anxiety (Bernama, 2013).

## **PROBLEM STATEMENT**

Stress is the main underlying cause of conversion disorder, says Salpekar (2014), director of the Neurobehavioral Program at Children's National Medical Center in Washington. That stress can be physical or psychological, and the amount that would cause the disorder varies in every person.

The hysterical reaction is one way for these patients to release emotional stress. Teenagers who suffer from uncontrolled stress may express themselves through hysteria. Psychiatrists suggest that hysteria may occur as a result of extreme emotional stress arising from long, unresolved and unexpressed emotional conflicts. In 2008 and 2009, hysteria occurred frequently among adolescent students in Malaysia and involved students in both boarding schools and day schools. This is an alarming situation for schools and parents because this phenomenon has an effect on the learning process and a psychological impact on students (Salpekar, 2014).

The former Education Minister Mahdzir Khalid said the mass hysteria that broke out in several schools in Kelantan last month was caused by stress, anxiety and depression, news portal Malaysiakini (2016) reported on Wednesday 2016. Mass hysteria hit several secondary schools in Kota Baru, the capital of Kelantan state, last month, affecting more than 100 students and teachers and causing at least one school to be closed for three days.

Symptoms of hysteria in the Malay community are social phenomena has long been in the community. The Malay community defines hysteria with various terminology and interpretations according to their community's beliefs. The concept of hysteria in Malay society is different from that of the concept of hysteria in the modern medical system (Malaysiakini, 2016).

Malaysians often seek spiritual aid from an assortment of faith healers, mediums and witch doctors to solve personal problems and work issues. When hysteria is associated with a fine ghost, then the method of treating also, the Malay community tends to traditional medicine which is through the faith healer.

In Malaysia, hysteria is linked to possession by ghosts. In the Malay community, ghosts are considered agents of disease. When a person is sick due to a disturbance by a ghost, he is considered to be possessed by ghosts (Amran & Zulkarnain, 1994). Based on explanations by experts in psychiatry, psychology and alternative Islamic medical treatment, this study concludes that hysteria is a psychological phenomenon that can affect the mental and physical functioning of a human being.

## **OBJECTIVE**

The purpose of this paper is to discuss the possibility of developing a hysteria patient profile.

## **LITERATURE REVIEW**

Hysteria is undoubtedly the first mental disorder attributable to women, accurately described in the second millennium BC, and until Freud considered an exclusively female disease. Over 4000 years of history, this disease was considered from two perspectives: scientific and demonological (Gomes and Engelhardt, 2014).. It was cured with herbs, sex or sexual abstinence, punished and purified with fire for its association with sorcery and finally, clinically studied as a disease and treated with innovative therapies. However, even at the end of 19th century, scientific innovation had still not reached some places, where the only known therapies were those proposed by Galen. During the 20th century several studies postulated the decline of hysteria amongst occidental patients (both women and men) and the escalating of this disorder in non-Western countries. The concept of hysterical neurosis is deleted with the 1980 DSM-III. The evolution of these diseases seems to be a factor linked with social “westernization”, and examining under what conditions the symptoms first became common in different societies became a priority for recent studies over risk factor (Gomes and Engelhardt, 2014).

Hysteria as a condition or illness resembling a physical disease occurring in persons with healthy bodies has been known since antiquity. Mass hysteria as a mysterious phenomenon for over many years in different historical periods, different cultural groups and communities has also been described as conversion hysteria and dissociative reaction or neurosis, that is, a neurosis that occurs in response to emotional stress, involving a sudden loss or impairment of mental functions (Kaplan & Sadock, 2009).. Such reactions may arise from a causal role played by unconscious conflicts that evoke anxiety and lead to the use of defense mechanism that ultimately produce observable symptoms.

Hysteria may be of the conversion type, in which the senses of the voluntary nervous system are involved, or of the dissociative type in which the person’s state of consciousness is affected (Kaplan & Sadock, 2009). Mass hysteria will be described under different but related sub-headings: i.e., constitutional definitions, historical reviews, incident or prevalence, symptoms and theoretical reviews. Under the theoretical reviews sub-headings such as psychoanalytic perspectives, neuropsychological, medical, neurobiological, histrionic personality disorders, social learning theory, state dependent theory, and primary and secondary gain theories will be highlighted as possible contributing to etiological factors in this exploratory exercise. Previous studies suggest that many factors cause hysteria. Some studies claim that it is caused by uncontrollable emotional stress (Kasmini Kassim, 1992) A weak immune system and continual stress can also lead to hysteria. Hysteria occurs more often among women due to their gentle nature and weaker physiological systems (Hashim Awang, 1990). Modern medicine suggests that hysteria can be caused by environmental, cultural, social and economic factors (Amran Kasimin & Zulkarnain Zakaria, 1994). A person's beliefs, culture and religion can also be contributing factors to hysteria. For example,

the Malay community believes in the power of supernatural creatures, such as ghosts and spirits. From early childhood, people are reminded of and frightened by stories of ghosts and spirits. These stories become permanent memories that are stored in the subconscious (Amran Kasimin & Zulkarnain Zakaria, 1994). Research suggests that hysteria can be attributed to psychological, psychiatric, environmental and religious factors. When these factors are experienced continuously, people may be possessed

### **Symptoms of Mass Hysteria**

Over the centuries and in many different cultures, thinking and writing about hysteria as a subject has mirrored dominant attitudes about health and sickness; for instance, the natural and the supernatural; the sexual and spiritual; mind and body interface, masculinity and femininity (Gilman, King, Poster, Rousseau & Showalter, 1993). In modern psychology and psychiatry, hysteria is a feature of hysterical disorders in which the victim experiences physical symptom that have no organic etiology. The typical symptoms may first present as anxiety with tremors, shaking, difficulty in breathing and feeling of suffocation, nausea, light headedness, dizziness and physical weakness (panic-like state). Often this type of hysteria begins with complaints by a single member who may experience an odd smell (olfactory hallucination) in the room; others then pick upon this perceived 'threat' and begin to exhibit almost similar symptoms as well. This may or may not necessarily be the same motor hysteria characterized by nervous twitching or spasms, trance-like state and histrionic outbursts. It may be slower in its manifestation than anxiety hysteria, which builds gradually over a few days or weeks or even months and subsides (Micale, 1995).

### **Malays Beliefs**

The Malay community considers hysteria to be 'phantom ghost' or 'disturbed' (Fariza & et al, 2014). Such beliefs arose because the Malay community believed that the hysteria that occurred in girls and women was a symptom of ghosts, jinn and satanic disturbances or anything related to disturbances of subtle and unseen things (Amran & Zulkarnain 1994, Roslina 1992). This perception essentially emerged as the Malay community before the advent of Islam believed the concept of animism, the concept of spirit and nature. The arrival of Islam has abolished superstition and superstition but the belief in supernatural elements is still present in society, especially in matters of subtle creatures (Ismail Hamid 1988). The belief of animism is that everything possesses a spirit, power or spirit to do something. The result of this belief is the existence of ancient beliefs or folk beliefs on subtle creatures known as ghosts (Mohd Taib 1989). The Malay culture that has been assimilated can be seen in their etiology of hysteria and treatment methods used.

In the past few studies, it was found that the Malay community had a hysteria as a 'disruption' 'of admission' 'and' intercropping '(Amran & Zulkarnain 1994, Noor Eisah 1994, Roslina 1992). Defining this is because of the perception of the Malay community who believe in the hysteria that is occurring from the demon ghosts. This is also because the ghost-possessed soul behaves as strange as unconscious, raging, screaming, wailing, speaking in foreign languages and a variety of unusual behaviors that are in fact impossible under normal circumstances. For them, this extraordinary behavior occurs only if a strange and extraordinary form of power has been ripped into the body and subsequently disrupts the physical and mental function of the victim. The Malay community also considers hysteria as "ghostly incarnated" because of the belief that the extraordinary disease is caused by ghosts, pods, elves or other unseen creatures (Amran & Zulkarnain 1994).

This emotional disorder and mental stress especially among adolescents if left untreated can lead to one of the more serious social problems and emotional disorders such as hysteria. Hysteria is a nuisance mental causes of the victim show extreme behavior and

emotion beyond normal boundaries. The emotional explosion was triggered by emotional stress and uncontrolled emotional conflict (Kasmini Kassim 1992: 39).

Penguasaan sebutan BA yang tepat dan betul bukanlah suatu perkara yang boleh dicapai dengan mudah dan cepat. Ia adalah suatu proses yang panjang dan meletihkan yang dipengaruhi oleh beberapa pembolehubah (Szyszka, 2015). Hal ini demikian kerana, terdapat beberapa cabaran yang perlu ditempuhi oleh pelajar sebelum dapat menguasainya dengan baik. Cabaran ini melibatkan faktor pelajar itu sendiri yang memberi kesan kepada pembelajaran sebutan mereka (Lim Swee Kim, 2017) selain cabaran yang melibatkan faktor guru bahasa. Antara cabaran yang dihadapi oleh pelajar ialah seperti gangguan dari bahasa ibunda seperti terdapat bunyi-bunyi dalam BA yang hampir sama dengan bunyi-bunyi dalam bahasa Melayu (BM), cabaran dalam membunyikan perkataan Arab dengan menepati makhraj dan sifat huruf serta sebutan vokal panjang dan pendek, cabaran menggayakan intonasi yang sesuai dengan situasi, cabaran mengenakan tekanan yang sesuai pada perkataan, tidak ada motivasi dan keyakinan diri untuk bertutur BA, persepsi dan sikap pelajar terhadap pembelajaran aspek sebutan dan sebagainya. Manakala cabaran yang melibatkan faktor guru ialah kemahiran bertutur tidak diberi perhatian sewajarnya oleh guru dan aspek kompetensi guru yang mengajar aspek sebutan dan kemahiran bertutur BA. Bagi mengatasi cabaran-cabaran ini, guru dan pelajar harus faham tentang kepentingan pembelajaran dan pengajaran SPS.

Kesimpulannya, penguasaan sebutan BA dapat dijana melalui dua bentuk strategi yang melibatkan guru dan pelajar. Pertama ialah strategi pengajaran sebutan oleh guru dan kedua strategi pembelajaran atau strategi penguasaan sebutan oleh pelajar.

## **STRATEGI PENGAJARAN SEBUTAN BAHASA ARAB**

Kejayaan pelajar menguasai sebutan BA tidak hanya bergantung kepada usaha oleh mereka sendiri tetapi mesti dibantu oleh strategi pengajaran yang berkesan, menarik dan dapat memotivasikan mereka. Segala aktiviti samada di dalam dan di luar kelas yang dirangcang oleh guru bahasa harus memfokuskan kepada pemerolehan dan penguasaan kedua-dua ciri sebutan iaitu ciri segmental dan suprasegmental. Selain itu, guru juga harus berperanan meningkatkan kesedaran dalam diri pelajar mengenai kepentingan menguasai sebutan, melakukan latihan yang berterusan dan memberi peluang kepada pelajar untuk bertutur dalam BA. Dalam hal ini, Harun Baharudin (2017) telah mengemukakan tiga strategi pengajaran sebutan yang boleh dipraktikkan oleh guru bahasa.

### **Strategi Pertama: Mengenal Pasti Masalah Pelajar dalam Sebutan .**

Masalah pelajar dalam aspek sebutan BA perlu dikesan oleh guru seawal mungkin. Hal ini penting bagi memastikan setiap aktiviti pembelajaran yang dirangka akan dapat menyelesaikan masalah yang timbul. Masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam sebutan BA

boleh dikesan oleh guru melalui beberapa cara. Pertamanya ialah dengan cara membandingkan ciri-ciri yang terdapat di dalam ibunda pelajar terbabit dengan ciri-ciri yang terdapat di dalam BA. Hal ini bagi mengenalpasti tahap kesukaran dan halangan yang akan dihadapi oleh pelajar sewaktu menyebut konsonan Arab. Kajian lepas mendapati bahawa pelajar Melayu menghadapi kesukaran ketika menyebut konsonan itbaq mengikut aspirasi yang tepat. Cara kedua ialah dengan memperbanyakkan latihan komunikasi samada di dalam mahupun di luar kelas. Ini bertujuan untuk menentukan apakah sebutan dan ujaran pelajar yang tidak tepat. Melalui latihan juga, guru dapat mengenalpasti ciri-ciri sebutan yang perlu diberi perhatian dalam proses PdP.

### **Strategi Kedua: Memberikan Pendedahan terhadap Elemen Suprasegmental dalam Pengajaran Sebutan**

Bagi memastikan pelajar menguasai kemahiran bertutur BA dengan baik, guru juga harus menitikberatkan elemen suprasegmental seperti intonasi, tekanan dan harakat dalam strategi pengajaran sebutan. Hal ini bukan sahaja penting dalam meningkatkan keupayaan pelajar mengayakan intonasi dan tekanan pada suku kata dalam perkataan yang sesuai dengan situasi pertuturan, bahkan ia mampu untuk menjadikan pertuturan pelajar lebih difahami kerana terdapat kejelasan dalam pemahaman dan makna yang hendak disampaikan.

### **Strategi Ketiga: Fokus Membangunkan Kecekapan Komunikasi**

Kecekapan komunikasi adalah menifestasi kepada kejayaan pelajar dalam pembelajaran bahasa BA. Ia dapat dicapai apabila pelajar tersebut dapat bertutur dalam BA dengan fasih dan jelas, dapat difahami dan dapat memahamkan pendengar, dapat mengujarkan ungkapan sesuai dengan situasi pertuturan serta dapat menghayati budaya bahasa tersebut. Lantaran itu, aktiviti yang menjurus kepada latihan sebutan melalui penggunaan bahasa komunikasi harian perlu diperbanyakkan. Aktiviti-aktiviti komunikatif seperti permainan bahasa, lakonan dan main peranan juga perlu dimasukkan ke dalam aktiviti pembelajaran sebutan BA. Selain itu, pelajar juga perlu diberi peluang untuk bertutur dengan penutur jati. Ini bagi membolehkan mereka menggunakan segala pengetahuan mengenai aspek sebutan, intonasi, tekanan dan harakat dapat digunakan dalam situasi sebenar. Komunikasi dua hala antara pelajar dan penutur jati juga akan dapat meningkatkan keyakinan pelajar ke tahap yang lebih tinggi lagi dalam bertutur BA.

## **STRATEGI PEMBELAJARAN SEBUTAN BAHASA ARAB**

Penguasaan sebutan BA yang baik, dapat dihasilkan melalui penggunaan SPS pada tahap yang maksima oleh pelajar. Penggunaan SPS berlaku pada tiga tahap pembelajaran iaitu: (a) strategi sebelum mempelajari sebutan, (b) strategi ketika mempelajari sebutan dan; (c) strategi setelah mempelajari sebutan.

### **Strategi Sebelum Mempelajari Sebutan BA**

Persiapan dan kesiapsiagaan pelajar sebelum memulakan pembelajaran adalah faktor penting dalam kejayaan mempelajari aspek sebutan. Pelajar perlu berada di dalam keadaan yang sihat tubuh badan terutamanya organ pendengaran (telinga) dan organ artikulasi (mulut, bibir, tekak, kerongkong, langit-langit dan lidah). Pendengaran yang baik akan membantu pelajar merakam bunyi sebutan konsonan-konsonan Arab, intonasi dan tekanan suku kata perkataan dengan jelas, manakala organ artikulasi yang sihat akan membantu pelajar meniru dan menyebut kembali bunyi yang telah dirakam dengan makhraj yang tepat. Selain itu, bagi meningkatkan keyakinan diri sebelum melulakan pembelajaran sebutan, pelajar disaran untuk sentiasa memberi galakan kepada diri sendiri untuk menguasai sebutan, sentiasa ingat bahawa

aspek sebutan dalam kemahiran bertutur BA adalah merupakan aspek yang penting untuk dikuasai, menjanjikan hadiah kepada diri sendiri (samada dalam bentuk pujian kepada diri sendiri atau berehat beberapa jam setelah menguasai sebutan konsonan atau intonasi tertentu atau dalam bentuk material) setelah berjaya menguasainya dan memperbanyak doa semoga pembelajaran aspek sebutan sentiasa dipermudahkan. Pelajar juga harus sentiasa menyedari bahawa kesilapan dalam menyebut BA adalah merupakan suatu perkara yang biasa berlaku dan merupakan prasyarat untuk berjaya dalam menguasai aspek sebutan.

### **Strategi Ketika Mempelajari Sebutan BA**

Terdapat pelbagai strategi penguasaan sebutan yang boleh digunakan oleh pelajar ketika mempelajari aspek sebutan BA. Ia boleh digunakan secara bersendirian, bersama rakan atau bersama guru bahasa. Antara strategi-strategi yang boleh digunakan seperti:

- (a) Membuat nota khusus mengenai pembelajaran aspek sebutan dan sentiasa memberi perhatian kepada guru ketika pembelajaran aspek sebutan.
- (b) Membuat tanda-tanda tertentu atau mewarnakan dengan warna tertentu pada perkataan atau ayat untuk mempelajari dan mengingatkan bunyi sebutan, intonasi, tekanan dan harakat panjang dan pendek.
- (c) Melukis poster mengenai organ artikulasi dan menulis konsonan yang sesuai dengan organ artikulasi tersebut.
- (d) Mengaitkan bunyi konsonan tertentu dengan benda atau situasi yang dekat dengan persekitaran pelajar seperti bunyi konsonan [ ح ] dengan situasi pedas, bunyi konsonan [ خ ] seperti keadaan orang hendak membuang kahak dan sebagainya.
- (e) Merakam sebutan konsonan atau ayat secara bersendirian atau bersama rakan dan kemudian memperdengarkan semula sebutan tersebut dan membandingkannya dengan sebutan yang tepat dan betul.
- (f) Mendengar rakaman sebutan perkataan atau ayat oleh guru atau penutur jati dan kemudian meniru sebutan tersebut dengan suara yang kuat samada secara bersendirian atau bersama rakan.
- (g) Membaca teks BA dengan suara yang kuat dengan memberi fokus kepada sebutan konsonan atau perkataan tertentu dalam teks tersebut.
- (h) Membandingkan cara sebutan pelajar dengan sebutan penutur jati.
- (i) Merakam suara menyebut perkataan atau ayat secara bersendirian atau bersama rakan dan meminta penutur jati atau guru anda memberi komen tentang kekuatan dan kelemahan sebutan.
- (j) Berlatih menyebut perkataan atau ayat BA di depan cermin dengan memberi perhatian kepada perubahan bentuk mulut, bibir dan sebagainya ketika menyebut perkataan atau ayat.
- (k) Menyertai aktiviti komunikatif seperti lakonan dan main peranan untuk melatih penguasaan sebutan, intonasi dan tekanan.
- (l) Menggunakan perkataan atau ayat yang dipelajari dalam pelbagai situasi perbualan suapaya aspek intonasi dan tekanan dapat dipelajari.
- (m) Sentiasa menonton rancangan Arab dan mendengar radio dan lagu Arab dan meniru cara sebutan, intonasi dan tekanan yang dihasilkan.
- (n) Sentiasa menghayati budaya Arab ketika berlatih aspek sebutan seperti berlatih menggunakan perkataan dan ungkapan yang sesuai ketika situasi makan makanan Arab atau memakai pakaian Arab atau ketika bertemu orang Arab.



### **Strategi Selepas Mempelajari Sebutan BA**

Bagi memastikan segala pengetahuan tentang aspek sebutan sentiasa segar dalam ingatan pelajar, strategi seperti membuat ulangkaji mengenai pelajaran sebutan, intonasi, tekanan dan harakat perlu diberi penekanan. Hal ini bagi memastikan segala yang telah dipelajari tidak hilang dan kekal dalam ingatan pelajar. Selain itu, pelajar juga digalakkan untuk sentiasa berusaha mencari bahan-bahan baharu dari internet yang dapat digunakan bagi memperkukuh aspek sebutan seperti memuat turun rancangan berita Arab, lagu-lagu Arab dalam BA standard, keratan-keratan akhbar dalam talian, syair-syair Arab dan sebagainya. Pelajar boleh menggunakan bahan-bahan tersebut untuk melatih sebutan, intonasi, tekanan dan harakat secara lebih berkesan lagi. Pelajar juga perlu sentiasa mencari peluang untuk bertutur BA bersama rakan, guru atau penutur jati. Akhir sekali, pelajar perlu sentiasa membuat penilaian terhadap tahap penguasaan sebutan.

### **KESIMPULAN**

Penguasaan bertutur BA yang baik dalam kalangan pelajar di pelbagai peringkat pengajian adalah manifestasi kejayaan mereka dalam pembelajaran bahasa. Kejayaan ini adalah hasil dari usaha dan tindakan oleh pelajar ketika belajar bagi membantu mereka memahami, mempelajari dan sekaligus menguasai kemahiran bertutur dengan lebih mudah, berkesan dan menarik agar segala semua maklumat yang disimpan dalam memori mudah diperolehi kembali ketika diperlukan dan seterusnya digunakan dalam proses pertuturan.

Ia merupakan suatu unsur yang sangat penting kepada pelajar dalam meningkatkan kemahiran berbahasa, meningkatkan motivasi dan seterusnya menyumbang kepada perkembangan dan kemampuan berkomunikasi pelajar (Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi, 2009; Lessard Clouston.M., 1997; Oxford, 1990) dalam BA. Ia juga merupakan alat pembelajaran yang sangat berkuasa (O'Malley & Chamot, 1990) dan sangat berkesan. Penguasaan kemahiran bertutur BA bermula dengan penguasaan sebutan yang merangkumi elemen segmental dan suprasegmental. Penguasaan sebutan yang baik membolehkan pelajar difahami dan dalam masa yang sama dapat memahami pendengarnya. Walau bagaimanapun bukan semua pelajar dapat menguasai aspek sebutan ini. Oleh itu peranan SPS dalam konteks ini sangat penting dan relevan. Hal ini demikian kerana, penggunaan SPS mampu memudahkan pelajar menguasainya dan mampu meningkatkan tahap keyakinan dan motivasi pelajar. Ia merupakan kunci utama penguasaan kemahiran bertutur. SPS adalah merupakan teknik yang perlu dikuasai oleh pelajar dalam memperolehi pengetahuan mengenai sesuatu bahasa melalui perancangan khusus yang dilakukan olehnya (Rubin, 1975).

Kertas ini bukan sahaja telah membentangkan strategi yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar dalam menguasai aspek sebutan tetapi juga strategi pengajaran yang boleh digunakan oleh guru bahasa dalam memantapkan proses PdP sebutan BA. Ia merupakan suatu aspek yang jarang diberi perhatian oleh sebahagian pengkaji dalam bidang ini.

### **RUJUKAN**

- Abd. Rauf Hassan Azhari. (2005). Peranan Media Internet Arab dalam Meningkatkan Kemahiran Mendengar dan Membaca di Kalangan Pelajar Melayu: Suatu Tinjauan. *Pertanika Journal Social, Science and Humanities*, 13(1), 83–92.
- Azani Ismail@Yaakub, Azman Che Mat, & Mat Taib Pa. (2012). Membina kemahiran pertuturan menerusi aktiviti lakonan dalam pengajaran bahasa arab. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(1), 325–337.

- Boonkit, K. (2010). Enhancing the development of speaking skills for non-native speakers of English. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 2(2), 1305–1309. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2010.03.191>
- Brown, M. (2008). Good language learner and pronunciation. In C. Griffiths (Ed.), *Lessons from good language learners* (pp. 197–207). Cambridge: Cambridge University Press.
- Burns, A. (2012). A holistic approach to teaching speaking in the language classroom 1, 165–178.
- Bygate, M. (1987). *Speaking*. Oxford University Press.
- Chan Swee Heng, Ain Nadzimah Abdullah, & Nurkarimah Yusof. (2012). Investigating the Construct of Anxiety in Relation to Speaking Skills Among ESL Tertiary Learners. *3L: The Southeast ASian Journal of English Language Studies*, 18(3), 155–161.
- El-Tingari, S. M. (2016). Strategies for Learning Second Language Skills : Arabic Speaking Skills in the Malaysian Context. *International Journal of English Language Teaching and Linguistics*, 1(1), 19–34.
- Goh, C.C.M. & Burns, A. (2012). *Teaching speaking: A holistic approach*. New York: Cambridge University Press.
- Harun Baharudin. (2017). Strategi Pengajaran Sebutan Dalam Pendidikan Bahasa. *Pelita Bahasa*, 17–19.
- Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed AMin Embi. (2009). Korelasi Strategi Dengan Motivasi ( the Correlation Between Language Learning Strategies and Motivation. *Jurnal Pendidik Dan Pendidikan*, 24, 109–123.
- Kaseh Abu Bakar & Muhammad Faiz Abdullah. (2018). Word stress of arabic as a foreign language amongst malay speakers | Tekanan perkataan arab sebagai bahasa asing dalam kalangan penutur melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(1), 87–105. <https://doi.org/10.17576/gema-2018-1801-06>
- Lessard Clouston.M. (1997). *Language Learning Strategies: An Overview For L2 Teachers*. Japan: Kwansai Gakuin University Press.
- Linamalini Mat Nafi, & Kamarul Shukri Mat Teh. (2014). Kepelbagaian Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab (SPBA) Dalam Kalangan Pelajar IPT Kelantan. *The Online Journal Of Islamic Education (O-JIE)*, (Special Issue of ICIEd2014), 1–8.
- Mohd Azidan Abdul Jabbar. (2004). Gangguan Bunyi Melayu dalam Sebutan Arab : Satu Analisis Ringkas. *Pertanika Journal Social, Science and Humanities*, 12(2), 101–110.
- Nur Afifah Binti Mohd. Aminuddin Zaki. (2012). *Masalah Sebutan Bunyi Vokal Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu Di Ipta*. Universiti Malaya. Retrieved from <http://studentsrepo.um.edu.my/5396>
- O'Malley, J Michael, Anna Uhl Chamot, Gloria Stewner-Manzanares, L. K. & R. P. R. (1985). Learning strategies used by beginning and intermediate ESL students. *Language Learning*, 35(1), 21–46.
- Oroujlou, N., & Vahedi, M. (2011). Motivation, attitude, and language learning. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 29, 994–1000. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2011.11.333>
- Oxford, R. L. (1990). *Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know*. New York: Newbury House Publishers.
- Pawlak, M. (2010). Designing and Piloting a Tool for the Measurement of the Use of Pronunciation Learning Strategies. *Research in Language*, 8, 1–14. <https://doi.org/10.2478/v10015-010-0005-6>
- Regina Lim Swee Kim, M. N. L. A. & K. S. M. T. (2017). Polytechnic Learners' Perception on Pronunciation Acquisition Via Questionnaire Administration Today. *PEOPLE: International Journal of Social Sciences PEOPLE International Journal of Social Sciences ISSN*, 3(1), 721–740. <https://doi.org/10.20319/pijss.2017.s31.721740>

- Rokoszewska, K. (2012). The influence of pronunciation learning strategies on mastering English vowels. *Studies in Second Language Learning and Teaching*, 2(3), 391–413. Retrieved from [https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as\\_sdt=0%2C5&q=The+influence+of+pronunciation+learning+strategies+on+mastering+English+vowels+Katarzyna+Rokoszewska&btnG=](https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=The+influence+of+pronunciation+learning+strategies+on+mastering+English+vowels+Katarzyna+Rokoszewska&btnG=)
- Rubin, J. (1975). What The “Good Language Learner” Can Teach Us. *TESOL, Quarterly*(9), 41–51.
- Sabariah Binti Othman. (2011). *Masalah Penyebutan Huruf Al-Qur’an Di Kalangan Saudara Baru: Satu Kajian Kes*. Universiti Malaya.
- Şimon, S., Kilyeni, A., & Suci, L. (2015). Strategies for Improving the English Pronunciation of the 1st Year “Translation-interpreting” Students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 191, 2157–2160. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.04.222>
- Songsiri, M. (2007). *An action research study of promoting students’ confidence in speaking English*. School of Arts, Education and Human Development, Victoria University, Australia. Retrieved from [eprints.vu.edu.au/1492/1/Songsiri.pdf](http://eprints.vu.edu.au/1492/1/Songsiri.pdf)
- Sueraya Che Haron, Ismail Sheikh Ahmad, A. M. & I. H. A. M. (2010). Understanding Arabic-Speaking Skill Learning Strategies Among Selected Malay Learners: A Case-Study At The International Islamic University Malaysia (IIUM). *Contemporary Issues In Education Research – August 2010*, 3(8), 9–20.
- Szyszk, M. (2015). GOOD ENGLISH PRONUNCIATION USERS AND THEIR PRONUNCIATION LEARNING STRATEGIES. *Research in Language*, 13(1), 93–106. <https://doi.org/10.1515/rela-2015-0017>
- Zamri Mahamod. (2015). *Strategi belajar: Inventori cara belajar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zhang, Q. M. (2009). *Affecting factors of native-like pronunciation: A literature review. Unpublished dissertation. . Retrieved September 7, 2011, from http://cau.ac.kr/~edusol/see/list/Vol27-2/CAKE027-002-4.pdf*. Chung-Ang University.

## PENGGUNAAN APLIKASI MUDAH ALIH BERASASKAN TERJEMAHAN BAHASA: SATU KAJIAN KES

Na Hui Imm

*Centre for Language Studies and Generic Development (PBI),  
Universiti Malaysia Kelantan,  
Akademi Pengajian Bahasa,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan*

Prof. Madya Dr. Ng Siew Foen

*Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah,  
Universiti Malaysia Kelantan  
siewfoen@umk.edu.my*

### ABSTRAK

Prestasi pencapaian pelajar dalam pembelajaran subjek bahasa ketiga semakin diberi perhatian khususnya subjek bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga di institusi pengajian tinggi kini amat popular dan dititikberatkan, kajian-kajian lepas juga banyak memberi tumpuan pembelajaran melalui mobil (m-pembelajaran) dalam bidang bahasa ketiga, oleh itu penelitian kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji dan menjelaskan keberkesanan penggunaan aplikasi mudah alih berasaskan terjemahan bahasa (*Language Translations Apps*) terhadap prestasi pencapaian mahasiswa-mahasiswi dalam kerja tugas penulisan mereka dengan memperlihatkan efikasi diri pelajar. Jenis penelitian ini adalah menggunakan kajian eksperimen kuasi. Subjek dalam penelitian kajian ini adalah mahasiswa-mahasiswi di Institusi Pengajian Tinggi. Instrumen kajian yang digunakan adalah: aplikasi mudah alih berasaskan terjemahan bahasa, skala efikasi diri dengan borang soal selidik, nilai ujian pra dan ujian pos dalam kerja tugas penulisan dan catatan nota lapangan pelajar-pelajar terlibat. Data dianalisis dengan program *Statistical Package for Social Science*(SPSS) versi 20.0 dan analisis deskriptif berbentuk huraian.

**Kata kunci:** bahasa ketiga, *Language Translations Apps*, prestasi pencapaian, efikasi diri

### PENGENALAN

Pembelajaran melalui mobil merupakan suatu konsep baru yang dilaksanakan dalam proses pembelajaran (Traxler and Kukulska-Hulme 2005). Kajian seperti (Siraj and Ghani 2017) yang mengkaji penerimaan m-pembelajaran dalam kalangan pensyarah institusi pendidikan guru Malaysia. Kajian yang mencuba untuk menggali dan mengkaji sistem m-pembelajaran dalam proses pembelajaran bahasa Mandarin juga telah dibuat oleh (Hari 2017). Dalam kajian (Hamdan and Rosseni Din 2013) pula membuat analisis literatur untuk meningkatkan kefahaman terhadap penerimaan m-pembelajaran khususnya dalam penggunaan aplikasi pendidikan di kalangan pelajar.

Oleh kerana terdapat penyelidik seperti (Kukulska-Hulme 2007) yang berpendapat kemungkinan pengaruh penggunaan peralatan mudah alih dalam pendidikan tinggi dan kesannya terhadap pembelajaran jangka panjang masih lagi tidak jelas dan mengalami perubahan dalam bidang pembelajaran, maka kajian (Mat 2010) telah menyatakan kewujudan kemudahan teknologi boleh diterokai sendiri oleh pelajar dengan adanya panduan yang diberikan oleh pengajar Bahasa, ianya dapat mendorong pelajar-pelajar menggunakan Bahasa asing yang dipelajari dan meningkatkan motivasi pembelajaran Bahasa asing.

Alat teknologi seperti telefon pintar kini telah menjadi sesuatu alat kegunaan harian biasa. Kajian penyelidikan seperti (Hari and Hermawan 2015) juga menyarankan bahawa perkembangan media elektronik pada saat ini sangat menunjang dalam proses pembelajaran termasuklah pembelajaran dalam bahasa Mandarin dimana penggunaan media yang tepat merupakan salah satu upaya untuk meningkatkan mutu pembelajaran bahasa Mandarin dari segi bahasa lisan dan bahasa tulis seperti huruf “hanzi” Mandarin.

## PERNYATAAN MASALAH

Menurut (Reese Bomhold 2013), keputusan kajian mereka menunjukkan bahawa ramai pelajar-pelajar ijazah pertama menggunakan aplikasi telefon pintar lebih kepada komunikasi dan hiburan. (Pandia 2014) juga berpendapat *smartphone* jika digunakan untuk hal yang positif dapat mendukung dalam meningkatkan prestasi pembelajaran pelajar-pelajar, namun demikian kajiannya menunjukkan pelajar-pelajar SMPN Kubung tetap tidak biasa menggunakan *smartphone* sembarangan tanpa adanya pengawasan baik dari orang tua dan guru yang bermain peranan sebagai pembimbing orang tua di sekolah.

Kajian (Barakati 2013) juga menyatakan pandangannya dalam kajian beliau di mana *smartphone* ialah salah satu alat yang menyediakan banyak aplikasi yang membolehkan mahasiswa-mahasiswi dapat mengembangkan pengetahuan mereka tentang apa saja, termasuk kemampuan mereka dalam berbahasa Inggeris, jika mereka memaksimumkan fungsi kegunaan dari aplikasi di dalam *smartphone* tersebut. Beberapa aplikasi memudahkan para mahasiswa-mahasiswi untuk belajar bahasa Inggeris, seperti Kamus, Idiom bahasa Inggeris, Tatabahasa Inggeris dan lain-lain. Selain itu, alatan mudah alih juga digunakan untuk mencari maklumat.

Kajian-kajian lepas dalam pembelajaran subjek bahasa dengan aplikasi mudah alih ini mempunyai pandangan yang sama dengan pengkaji dalam penelitian topik kajian ini dimana subjek kajian iaitu pelajar-pelajar yang mempelajari subjek bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga juga banyak menggunakan aplikasi mudah alih dalam penyediaan kerja tugas penulisan mereka, namun pelajar-pelajar masih tidak dapat membuat terjemahan ayat bahasa Mandarin dengan memuaskan seperti mana dalam kajian (Barrs 2011) yang telah memberi pendapat dalam kajiannya bahawa pentingnya penjelasan terperinci tentang panduan penggunaan telefon pintar secara bermanfaat semasa kuliah jika ingin menggunakannya untuk mewujudkan pembelajaran subjek dengan lebih bermakna, pelajar-pelajar ini biasanya menggunakan aplikasi mudah alih dengan kefahaman sendiri tanpa kawalan oleh tenaga pengajar.

Dapatan kajian lepasan oleh (Putra, Wijayati et al. 2017) juga menyokong pendapat kajian lepasan dimana kajian dilakukan di SMA Negeri 1 Lemahabang Kabupaten Cirebon, didapati bahawa kesukaran mahasiswa-mahasiswi dalam memahami bahan pelajaran subjek kimia di sekolah disebabkan oleh beberapa faktor diantaranya adalah guru-guru masih menggunakan kaedah kuliah traditional dalam mengajar sehingga mahasiswa-mahasiswi memiliki kecenderungan malas dan kurangnya motivasi dalam diri ketika melakukan kegiatan pembelajaran. Maka kita boleh menyatakan bahawa motivasi merupakan penentu intensif usaha belajar mahasiswa-mahasiswi yang memainkan peranan penting dan tenaga pengajar sebagai daya penggerak yang menjamin keberkesanan pelaksanaan belajar sehingga tujuan yang dikehendaki dapat tercapai.

## OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menentukan sama ada penggunaan aplikasi mudah alih berasaskan terjemahan bahasa Mandarin dapat meningkatkan prestasi pencapaian pelajar kumpulan eksperimen dalam kerja tugas penulisan berbanding dengan pelajar kumpulan kawalan.
- ii. Mengenal pasti peningkatan skor min efikasi diri pelajar kumpulan eksperimen dalam pembelajaran bahasa Mandarin lebih tinggi berbanding dengan pelajar kumpulan kawalan.
- iii. Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar semasa penggunaan aplikasi mudah alih berasaskan terjemahan bahasa dalam kerja tugas penulisan.

## HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis 1: Terdapat perbezaan yang signifikan statistik dalam skor min ujian pos berbanding dengan ujian pra kerja tugas penulisan pelajar dalam kumpulan eksperimen.

Hipotesis 2: Tiada perbezaan yang signifikan statistik dalam skor min ujian pos berbanding dengan ujian pra kerja tugas penulisan pelajar dalam kumpulan kawalan.

Hipotesis 3: Terdapat perbezaan yang signifikan statistik dalam skor min efikasi diri pelajar dalam kumpulan eksperimen.

Hipotesis 4: Tiada perbezaan yang signifikan statistik dalam skor min efikasi diri pelajar dalam kumpulan kawalan.

## SOROTAN KAJIAN

Banyak kajian terdahulu yang telah dijalankan untuk mengkaji kepentingan kemudahan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kebanyakan kajian terdahulu berfokus pada aspek kemahiran, persepsi dan kesediaan guru-guru dalam memanfaatkan kemudahan ICT di sekolah. Seperti mana kajian yang dibuat oleh (Agustiawan and Vidayana 2011) mendapati bahawa peranan guru dalam menunjang keberhasilan penggunaan bahan elektronik juga sangat penting kerana guru memberikan pemahaman kepada pelajar-pelajar tentang pengertian penting terhadap penggunaan peralatan elektronik dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan prestasi pelajar-pelajar.

Di samping itu, kajian lepas (Mat 2010) juga telah menekankan kemudahan teknologi boleh diterokai sendiri oleh pelajar dengan panduan yang diberikan oleh pengajar bahasa. Kajian-kajian lepas ini telah menyokong dan menggalakkan pelajar-pelajar menggunakan kemudahan alatan teknologi untuk melakukan kerja tugas yang diberikan.

Kajian (Abdul and Gapor) menunjukkan bahawa penggunaan teknologi dalam pembelajaran oleh pelajar perlulah positif bagi meningkatkan pencapaian mereka melalui penggunaan teknologi untuk pembelajaran. Contoh dalam kajiannya dengan menggunakan aplikasi *google drive*, pelajar akan mudah dalam melaksanakan tugas yang diberi oleh pensyarah mereka terutamanya bagi tugas berkumpulan. Terdapat kajian yang menunjukkan kaedah terjemahan berkesan untuk tujuan kemahiran tulisan dan membuat persiapan menghadapi ujian-ujian dalam bidang bahasa ketiga (Mat, Nazuki et al. 2010). Selain itu, kaedah terjemahan tidak sesuai untuk kemahiran lisan tetapi lebih sesuai digunakan dalam kemahiran penulisan kerana pelajar-pelajar dapat berfikir sebelum menyampaikan mesej dalam ayat penulisan bahasa (Daud and Pital 2014), maka pembelajaran bahasa dengan bantuan teknologi seperti aplikasi mudah alih boleh dikatakan semakin berleluasa pada masa kini (A Rahim 2013).

Kajian baru-baru ini seperti (Ardiyani Handayani, 2017), (Putra, Wijayati et al. 2017) telah menggunakan kajian eksperimen kuasi untuk mendapatkan hasil kajian mereka dengan

menelitian kaedah pembelajaran melalui aplikasi mudah alih terhadap prestasi pencapaian pelajar-pelajar, kajian-kajian mereka ini telah menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara hasil pencapaian pembelajaran di antara pelajar-pelajar kelas eksperimen dan kelas kawalan yang ditunjukkan dengan analisis ujian-t.

Motivasi intrinsik adalah faktor dalaman yang wujud dalam individu sendiri tanpa ada paksaan atau dorongan orang lain untuk belajar. Hal ini merujuk kepada matlamat seseorang, tumpuan terhadap aktiviti yang dijalankan, ketekalan, minat, efikasi diri dan kepuasan untuk melakukan sesuatu (Ryan and Deci 2000). Mengikut kajian lepas (Rahman 2006) memang terdapat hubungan yang positif yang signifikan di antara pembolehubah motivasi iaitu efikasi diri dan matlamat belajar dengan pencapaian pembelajaran pelajar. Contoh kajian-kajian lepas yang bersependapat seperti (Ghufroon and Suminta 2013) dalam hasil kajiannya yang telah menunjukkan bahawa walaupun terdapat kesulitan-kesulitan dan kegagalan terutama yang berkaitan dengan menghadapi pemecahan masalah subjek matematik, namun pelajar-pelajar yang efikasi diri tinggi lebih efektif dan gigih untuk mencapai hasil yang bernilai dan memperolehi hasil belajar matematik yang lebih baik.

Di samping itu, kajian (Hamdan and Rosseni Din 2013) yang berkaitan dengan penggunaan m-pembelajaran di kalangan mahasiswa-mahasiswi ini juga menunjukkan manfaat dari kemudahan penggunaan m-pembelajaran dapat meningkatkan keyakinan diri pelajar lalu mencapai prestasi yang baik dalam pembelajaran mereka. Faktor keyakinan diri juga merupakan salah satu faktor utama yang menentukan efikasi diri, contohnya kajian yang telah dibuat oleh (Ahmad, Salimin et al. 2017) berkait dengan efikasi diri, ianya memperlihatkan kemampuan pelajar dalam menilai diri secara positif mengenai potensi yang dimiliki dalam usaha melaksanakan tugas, halangan, atau keinginan sosial.

Namun masalah dan kesulitan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar semasa penggunaan alatan mudah alih dalam pembelajaran bahasa masih tidak diberi penjelasan yang lebih terperinci dalam kajian-kajian lepas. Dalam kajian analisis berkenaan pembelajaran bahasa dengan bantuan mobil (Godwin-Jones 2011) terdapat aplikasi popular untuk Bahasa Cina yang bermula diterbitkan sebagai aplikasi percuma, tetapi penambahan kegunaannya dengan lebih berkualiti adalah melalui tambahan berbayar seperti kamus bahasa, pengiktirafan tulisan cina dengan tangan yang lebih baik, dan pengiktirafan aksara cina. Oleh yang demikian, tanggungan pembelian aplikasi mudah alih ini juga menjadi satu masalah dan beban dalam pembelajaran bahasa di mana dalam kajian (Kim and Kwon 2012) juga pernah menyatakan terdapat tiga kali ganda lebih banyak aplikasi berbayar daripada yang percuma, julat harga aplikasi mudah alih ini berbeza-beza bergantung kepada jumlah kapasiti data dan ciri-ciri aplikasi tersebut. Kajian lepas seperti (Chuah 2013) juga telah menyatakan aplikasi-aplikasi media sosial memberikan konteks dan kemudahan yang baik untuk pembelajaran Bahasa walaupun terdapat kekangan dalam penggunaannya, aplikasi media sosial ternyata dapat meningkatkan minat pelajar untuk mempelajari Bahasa dan meningkatkan prestasi pencapaian. Menurut kajian (Daud and Pital 2014) kaedah terjemahan tidak sesuai untuk kemahiran lisan tetapi lebih sesuai digunakan dalam kemahiran penulisan kerana pelajar-pelajar dapat berfikir sebelum menyampaikan mesej dalam ayat penulisan bahasa. Tetapi kajian yang dibuat oleh (Agustiawan and Vidayana 2011) juga memberi penekanan bahawa peranan guru penting dalam menunjang keberhasilan penggunaan bahan elektronik kerana guru dapat memberikan pemahaman kepada pelajar-pelajar tentang pengertian penting terhadap penggunaan peralatan elektronik dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan prestasi pelajar-pelajar.

Terdapat pelbagai pandangan dalam kajian literatur terdahulu terhadap penggunaan alatan mudah alih dan aplikasi mudah alih dalam pembelajaran, maka pengkaji berpendapat penyelidikan yang berhasil boleh dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan penggunaan aplikasi mudah alih dalam bidang pembelajaran bahasa khususnya dari segi prestasi

pencapaian pelajar-pelajar dalam tugas penulisan terjemahan bahasa di mana pengkaji mendapati kebanyakan kajian lepas lebih menumpukan penelitian kajian terhadap pembacaan, pendengaran subjek bahasa sahaja. Kajian ini juga berkemungkinan dapat mengatasi masalah yang dihadapi dalam kajian-kajian sebelum ini dan memudahkan pengajaran dan pembelajaran dalam bidang pendidikan bahasa ketiga dengan aplikasi mudah alih pada masa akan datang.

## METODOLOGI KAJIAN

### Responden dan Sampel Kajian


Responden kajian penyelidikan ini adalah dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi Ijazah Sarjana Muda yang mengambil subjek bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga di Institusi Pengajian Tinggi.

### Instrumen Kajian

Terdapat empat instrumen kajian yang digunakan dalam kajian penyelidikan ini termasuklah penggunaan aplikasi mudah alih berasaskan terjemahan bahasa, ujian pra-pos pelajar-pelajar, kertas borang soal selidik dan catatan nota lapangan pelajar-pelajar. Aplikasi mudah alih berasaskan terjemahan bahasa yang diperolehi dari “*Android google play store*” dengan cara memuat turun secara percuma sahaja. Kajian lepas (Yudhiantara and Nasir 2017) menyatakan pelajar-pelajar mempunyai alat sokongan seperti penggunaan aplikasi kamus *offline* yang terdapat di dalam telefon bimbit mereka dapat menyokong aktiviti kelas.

Kajian ini akan meminta pelajar-pelajar dalam kumpulan eksperimen untuk mengisi catatan nota lapangan sebanyak dua kali iaitu sebelum dan selepas pendekatan pengajaran dengan menggunakan aplikasi mudah alih terjemahan bahasa dijalankan.

### Kerangka Konseptual Kajian



RAJAH 1. Kerangka Kajian



**REKA BENTUK KAJIAN**

TABLE. Reka bentuk kajian

<b>KUMPULAN KAJIAN</b>	<b>KUMPULAN EKSPERIMEN</b>	<b>KUMPULAN KAWALAN</b>
Ujian Pra	/	/
Ujian Pos	/	/
Intervensi ( <i>Language Translation Apps</i> )	/	X
Efikasi diri (Sesi Pra)	/	/
Efikasi diri (Sesi Pos)	/	/

**ANALISIS DATA**

Analisis data akan berasaskan pendekatan kajian kualitatif dan kuantitatif. Dalam kajian ini, analisis data-data melibatkan data-data kuantitatif iaitu borang soal selidik akan dianalisis dengan menggunakan program statistik SPSS versi 20.0. Analisis catatan nota lapangan berkaitan dengan masalah dan pandangan pelajar-pelajar semasa penggunaan aplikasi mudah alih berasaskan terjemahan bahasa pula akan dianalisis menggunakan analisis deskriptif (huraian) berbentuk kualitatif.

**RUJUKAN**

- A Rahim, N. (2013). Penggunaan mobile learning (m-learning) untuk tujuan pembelajaran dalam kalangan pelajar kejuruteraan UTHM, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Abdul, M. A. B. Y. and L. H. Gapor. (n). Kesan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek Berteraskan Teknologi Terhadap Pencapaian dan Penerimaan Pelajar.
- Agustiawan, Y. and S. Vidayana. (2011). Kajian penerimaan e-learning siswa RSBI dengan technology acceptance model (TAM) untuk meningkatkan mutu siswa SMA di daerah (Studi Kasus RSBI Kab. Jombang). Prosiding Seminar Nasional Competitive Advantages I.
- Ahmad, Y., et al. (2017). Tinjauan Efikasi Kendiri dalam Kalangan Pelatih Program Gaya Hidup Sihat di Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN)." *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* 8.
- Ardiyani Handayani, E. I. (2017). Pengembangan Media Pembelajaran Mobile Learning dengan Menggunakan Aplikasi Android pada Mata Pelajaran Teknik Listrik di SMK Negeri 1 Jetis Mojokerto. *Jurnal Pendidikan Teknik Elektro* 6(2).
- Barakati, D. P. (2013). Dampak Penggunaan Smartphone dalam Pembelajaran Bahasa Inggris (Persepsi Mahasiswa). *Jurnal Elektronik Fakultas Sastra Universitas Sam Ratulangi* 1(1).
- Barrs, K. (2011). Mobility In Learning: The Feasibility of Encouraging Language Learning on Smartphones. *Reading*.
- Chuah, K.-M. (2013). Aplikasi Media Sosial dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris: Persepsi Pelajar Universiti. *Issues in Language Studies* 2(1): 56-63.
- Daud, N. and N. A. Pisal. (2014). Permasalahan Pertuturan dalam Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 14(1).
- Ghufron, M. N. and R. R. Suminta. (2013). Efikasi Diri dan Hasil Belajar Matematika: Meta-analisis." *Buletin Psikologi* 21(1), 20.

- Godwin-Jones, R. (2011). *Mobile Apps for Language Learning*.
- Hamdan, A. and S. Rosseni Din. (2013). Penerimaan m-Pembelajaran dalam Sistem Pendidikan di Malaysia Melalui The Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT): Satu Analisis Literatur. 1st International Conference on Mobile Learning, Applications, and Services (mobilcase2012).
- Hari, Y. (2017). Kajian terhadap Technology Acceptance Model pada Sistem Mobile Learning untuk Menunjang Pembelajaran Bahasa Mandarin.
- Hari, Y. and B. Hermawan. (2015). Smartphone Sebagai Media Pembelajaran Bahasa Mandarin. Proceeding SENDI\_U.
- Kim, H. and Y. Kwon. (2012). Exploring Smartphone Applications for Effective Mobile-Assisted Language Learning. *Multimedia-Assisted Language Learning* **15**(1), 31-57.
- Kukulska-Hulme, A. (2007). Mobile Usability in Educational Contexts: What Have We Learnt?. *The International Review of Research in Open and Distributed Learning* **8**(2).
- Mat, A. C. (2010). Situasi Pembelajaran Bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan Antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AJTLHE)* **2**(2): 9-20.
- Mat, A. C., et al. (2010). Kegunaan Transliterasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab. *GEMA Online® Journal of Language Studies* **10**(2).
- Pandia, I. (2014). "Penggunaan Smartphone dalam Mendukung Prestasi Belajar Siswa SMPN I Kubung Kabupaten Solok Sumatera Barat. *Jurnal Penelitian Komunikasi dan Pembangunan* **15**(2): 122-135.
- Putra, R. S., et al. (2017). Pengaruh Penggunaan Media Pembelajaran Berbasis Aplikasi Android Terhadap Hasil Belajar Siswa. *Jurnal Inovasi Pendidikan Kimia* **11**(2).
- Rahman, S. (2006). "Hubungan antara kesadaran metakognisi, motivasi dan pencapaian akademik pelajar universiti." *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)* **31**, 21-39.
- Reese Bomhold, C. (2013). Educational Use of Smart Phone Technology: A Survey of Mobile Phone Application Use by Undergraduate University Students. *Program* **47**(4): 424-436.
- Ryan, R. M. and E. L. Deci (2000). "Self-determination theory and the facilitation of intrinsic motivation, social development, and well-being. *American psychologist* **55**(1): 68.
- Siraj, S. and M. F. A. Ghani (2017). Penerimaan M-Pembelajaran dalam Kalangan Pensyarah Institut Pendidikan Guru Malaysia Melalui The Unified Theory Of Acceptance And Use Of Technology (Utaut): Satu Kajian Awal. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan* **4**(2): 56-73.
- Traxler, J. and A. Kukulska-Hulme (2005). Evaluating Mobile Learning: Reflections on Current Practice.
- Yudhiantara, R. and I. A. Nasir (2017). "Toward Mobile-Assisted Language Learning (MALL): Reaping Mobile Phone Benefits in Classroom Activities. *Register Journal* **10**(1): 12-28.

## STUDENTS' PERSPECTIVES ON LEARNING MANDARIN LEXICAL THROUGH CONSTRUCTIVIST LEARNING Theory

Lee Hui Ling  
Universiti Malaysia Kelantan  
[leehuilin@umk.edu.my](mailto:leehuilin@umk.edu.my)

Jamilah Shaari  
Universiti Malaysia Kelantan  
[jamilah@umk.edu.my](mailto:jamilah@umk.edu.my)

Atirah Izzah Che Abas  
Universiti Malaysia Kelantan  
[atirah@umk.edu.my](mailto:atirah@umk.edu.my)

Kamarulzaman Abdul Ghani  
Universiti Malaysia Kelantan  
[kamarulzaman@umk.edu.my](mailto:kamarulzaman@umk.edu.my)

### ABSTRACT

Teaching lexical items plays an important role in second or foreign language classroom. There has been a dramatic increase in studies done on the importance of adopting the right methods to introduce the students with lexical items considering the central role that lexis plays in any languages. The purpose of this study is to investigate the students' perspective on the Constructivist Learning Theory in learning Mandarin lexical more effectively. Nine types of teaching methods introduced in this study are: (1) compare and contrast, (2) word wall, (3) note taking and summarising, (4) recitation, (5) cues, question and activating prior knowledge, (6) role play, (7) non-linguistic representation, (8) homework and practice, and (9) analysis of students' work and discussion. Descriptive survey method which involves questionnaires was employed and 35 participants were selected for this study. The findings revealed that the students perceived note taking and summarising as well as homework and practice as the most helpful methods for learners to minimize the negative transfer of Malay Language in Mandarin lexis learning. They also mentioned that note taking and summarising were the most interesting ones as compared to other methods whereas homework and practice was most effective for them. It is recommended that foreign language instructors in Malaysian higher education institution to keep updated on the current approach in introducing lexical items in an effective and interesting manner.

**Keywords:** Constructivist Learning Theory; Lexical; Mandarin; Foreign Language; Teaching Methods

### INTRODUCTION

Teaching lexical items plays an important role in second or foreign language teaching. There has been a dramatic increase in studies done on the importance of adopting the right methods to introduce the students with lexical items considering the central role that lexis plays in any languages. Accordingly, numerous types of methods, strategies, approaches and practice have been proposed into the field of second or foreign language of teaching, especially in the perspective of lexical. Teaching lexical knowledge in second or foreign language acquisition is important as mentioned by Nation (2001) that teaching lexical items should not only

consist of teaching specific words, but also aim at equipping students with strategies necessary to expand their lexical knowledge.

In Malaysia, the numbers of non-Chinese students who choose to study Mandarin as a third language in local universities have increased significantly. However, the language differences and cultures have caused some difficulties for the non-Chinese students in their Mandarin language learning. This is especially in terms of lack of lexical knowledge which resulted to students' inability to learn Mandarin well. Thus, the purpose of this study is to develop some teaching methods in Mandarin lexical teaching in Universiti Malaysia Kelantan and to explore students' perspective on learning Mandarin lexical through the Constructivist Learning Theory. Therefore, three research questions are proposed in this study:

1. To what extent the nine teaching methods can help students in improving their negative transfer from their L1 Malay language into L2 Mandarin lexical?
2. To what extent the nine teaching methods interest the students in learning their L2 Mandarin lexical?
3. To what extent the nine instructional teaching methods effective in students' L2 Mandarin lexical learning?

## LITERATURE REVIEW

### Definition of Teaching Methods

Previous studies have defined numerous terms for 'teaching methods' (Ellis, 1995; Obanya et. al., 1996; Tewodros & Admasu, 2000; Biadgelign, 2010). Ellis (1995) defines teaching methods as teaching process that encompasses course design, course management and methods of face-to-face teaching, provision of other learning opportunities, assessment and feedback to students. Obanya et. al., (1996) share a similar understanding as Ellis that teaching methods as inclusive of procedures, instructional devices, and direction of instructions intentionally selected to help the teaching and learning objectives. Another prominent definition of teaching methods is that it is both traditional and modern depending on the nature of the involvement of the students and the teacher, the consideration of educational teaching objectives, and their modernity or time to use (Tewodros & Admasu, 2000). Biadgelign (2010) is also in agreement with previous scholars that, teaching methods are general means, manners, ways, procedures, or steps by which a particular order is imposed upon teaching or presentation of activities. In general, teaching methods are pedagogical organization of activities and implementing effective teaching methods that would result to effective students learning process and performance.

### Studies of Teaching Methods

There are plethora of studies in relation to teaching methods and its implications on students' performance (Petronilla, 2011; Anbessa, 2013; Miressa, 2014). A study by Petronilla (2011) examined the relationship between instructional strategies/teachers methodologies and students' academic achievement in mathematics on fourth grade students by using the Criterion Referenced Competency Test (CRCT). Her findings revealed that the instructional strategies/teaching methodologies had contributed significantly to the students' achievement. The findings of Anbessa (2013) supported Petronilla study when she recommended in her study that various teaching methods should be used to solve the students' learning problem as well as for the betterment of students' learning quality. The findings were further proven by a study done by Miressa (2014) who tried to assess to what extent English language teachers practice vocabulary teaching strategies in EFL classes at Kellem Secondary school. Based on the findings, it was found that the teachers' lack of skills on the implementation of different

types of vocabulary teaching strategies in EFL classes according to the students' suitability, therefore it resulted to poor quality of student learning. The above studies indicated that effective teaching methods contributed to students' good performance and lack of effective teaching method would result to students' poor performance in language learning.

### **Constructivist Learning Theory**

Constructivist Learning Theory (CLT) is based on the foundation of constructivism. According to Royer (2005), constructivism is viewed as "a component of the cognitive revolution in the 1950s" (Royer, 2005:3). Cognitive revolution which was developed by Thomas Kuhn, was utilized as an approach to analyzing the change in psychology that included observed behaviour and the understanding of the internal mechanisms of the mind. The learning theory from constructivism after then occupied with cognitive or social theories (Royer, 2005:4-5).

From the view of CLT, learners can present some information by selecting and adjusting the new information through cognitive structures such as mental and schema models (Bruner, 1973). Thus, CLT indicated that learning is only occurred if some learners actively connect their cognitive structures through the building experiences from mental and schema (Yager & Lutz, 1994; Fosnot, 1996), or through the reflection of personal experiences of new material by connecting it to what was previously known (Brooks & Brooks, 1993). Piaget (1977) also agreed that through the mental maps formed from the previous experiences, it will be easier for the learner to connect and expose it to new experiences or ideas (Piaget, 1977).

Therefore, as proposed by the founding father of cognitive learning theory, Gagné, learning is cumulative (Gagné, 1985:4). That is, new skills will build upon prior skills to achieve higher levels of e-learning, and teachers through planned or directed instruction develop the learning itself intellectually. While from the view of social theory, Dewey (1963) emphasized that CLT was a social process which centred on the relationship between learners' experiences and the environment. Therefore, Dewey (1963) suggested that teachers or educators have to begin a lesson based on learners' experiences, so that learners can create the connections (schema) from their experiences to the world (Dewey, 1963:87). To sum up, Constructivist learning theory (CLT) is the base upon the idea that individuals gain knowledge by solving real world problems through collaboration with others (Newby et. al, 2006), and it is rooted in the following beliefs: (1) learning would occur when learners are actively participating in the process; (2) knowledge is created and instinctive; (3) knowledge is gained through formulating, not discovering; (4) learning is made through personal associations; (5) learning occurs through peer interactions; (6) solving problems that are challenging, unrestricted, and significant will result in learning; (7) learning allows learners to find meaning in the world (Von Glaserfeld, 1995; Vgotsky, 1978); (8) learning occurs by development of thinking and understanding for subject structure and active learning (Bruner et.al, 1956); and (9) learning occurs through reflecting on new concepts (Van de Walle, 2004).

## **METHODOLOGY**

### **Sample**

The samples of the present study were collected from 35 undergraduates who took Mandarin as a third language at Universiti Malaysia Kelantan. Out of the 35 students, there were 7 males and 28 females with the age ranged from 21 to 23 years old. There were 27 Malays and 8 Indians who completed the questionnaires. The students did not have any background knowledge of the target language learning prior attending the lesson.

### Instrument

- Bunmak, N. (2017). The Influence of Task-based Learning on ELT in ASEAN Context. *Language Education and Acquisition Research Network*, 10(1).
- Bygate, M. (1996). Effects of task repetition: appraising the developing language of learners. In J. Williams and D. Willis (Eds), *Challenge and Change in language teaching* (pp.134-146). London: Heinemann.
- Campbell, E., & Storch, N. (2011). The changing face of motivation a study of second language learners' motivation over time. *Australian Review of Applied Linguistics*, 34(2), 166–192. <https://doi.org/10.1075/aral.34.2.03cam>



- Filimonov, D. (2017). Extrinsic motivation and incentives. (Unpublished Bachelor's Thesis). Haaga-Helia, University of Applied Sciences.
- Hadi, A. (2013). Perception of task-based language teaching: A study of Iranian EFL learners. *English Language Teaching*, 6(1), 103–111. doi:10.5539/elt.v6n1p103
- Kpt (2016). Rubrik Pngk Bersepadu (Icgp): Panduan Pentaksiran Hasil Pembelajaran. *Kementerian Pendidikan Tinggi*, 1, 206. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Ling, J., Kai, S. (2010). Task-based Approach in College English Teaching of Digital-based Context. *I.J. Modern Education Science*, (November), 32–39.
- Lopes, J. (2004). Introducing TBI for teaching English in Brazil: Learning how to leap the hurdles. In B. L. Leaver & J. R. Willis (Eds.), *Task-based instruction in foreign language education* (pp. 83–95). Washington, DC: Georgetown University Press.
- McDonough, K., & Chaikitmongkol, W. P. (2007). Teachers' and learners' reactions to a task-Based EFL course in Thailand. *TESOL Quarterly*, 41(1), 107–132. Retrieved from <http://onlinelibrary.wiley.com/doi/10.1002/j.1545-7249.2007.tb00042.x/pdf>
- Ministry of Education Malaysia (MoE). (2015). Malaysia Education Blueprint 2015-2025 (Higher Education). Ministry of Education Malaysia, 2025, 40. <https://doi.org/10.5923/j.ijis.20120206.05>
- National Higher Education Action Plan 2007-2010*. Putrajaya: Ministry of Higher Education, 2007.8.27.
- Park, M. (2012). *Implementing computer-assisted task-based language teaching in the Korean secondary EFL context*. In A. Shehadeh & C. Coombe (Eds.), *Task-based language teaching in foreign language contexts research and implementation* (pp. 215–241). Amsterdam: John Benjamins
- Pintrich, P. R., Smith, D. A. F., Garcia, T., McKeachie, W. J. (1991). A Manual for the Use of the Motivational Strategies for Learning Questionnaire (MSLQ). Project presented or reported was performed to a grant from Office of Educational Research and Improvement / Department of Education (OERI/ED).
- Murad, T. M. (2009). The Effect of Task-Based Language Teaching on Developing Speaking Skills among the Palestinian Secondary EFL Students in Israel and Their Attitudes towards English Supervisor Major: Curricula and Methods of Teaching English as a Foreign Language Department. *Asian EFL Journal.Com*. Retrieved from <http://asian-efl-journal.com/Thesis/Thesis-Murad.pdf>
- Soureshjani, K. H. (2011). The Interrelationship of Instrumental, Integrative, Intrinsic, and Extrinsic Motivations and the Lexical-oriented Knowledge among Persian EFL Language Learners, 1(6), 662–670. <https://doi.org/10.4304/tpls.1.6.662-670>
- Tan, T.G., Lin, T.H., Hoe, F. T. (2017). Analysing the Relationship between L2 Motivational Self System and Achievement in Mandarin. *International Academic Research Journal of Social Science* 3(1) (pp.104-108).

## PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PEMBELAJARAN ILMU RETORIK BAHASA ARAB

Abdul Aziz bin Ibrahim  
Pelajar Phd, Universiti Malaysia Kelantan  
abazizibrahim@yahoo.com

Mohd. Zaki bin Abdul Rahman  
Universiti Malaya

Azhar bin Muhammad  
Universiti Malaysia Kelantan

### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan terhadap ilmu retorik atau *al-Balaghah* sebagai salah satu komponen Sukatan Pelajaran Bahasa Arab peringkat menengah. Kajian bertujuan mengenal pasti persepsi pelajar dalam mempelajari komponen tersebut melalui topik *haqiqah* dan *majaz*. Ia juga merangkumi sub topik *majaz mursal* dan *isti'arah* yang juga terkandung dalam sukatan pelajaran tersebut. Kajian deskriptif ini menggunakan instrumen pengumpulan data dalam bentuk soal selidik dan temu bual tidak berstruktur yang dijalankan ke atas sampel yang dipilih secara rawak. Di samping itu, kajian kepustakaan dijalankan bagi pengumpulan data dan maklumat yang berkaitan teori kajian. Bagi instrumen soal selidik sampel yang mewakili populasi melibatkan pelajar tingkatan lima seramai 100 orang daripada dua buah SMKA di negeri Kelantan. Bagi instrumen temu bual tidak berstruktur melibatkan sepuluh orang responden pelajar yang dipilih secara rawak. Dapatan kajian mendapati bahawa persepsi pelajar dalam mempelajari komponen retorik bahasa Arab umumnya masih berada pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan kesediaan pelajar dalam mempelajari komponen tersebut melalui topik kajian belum memuaskan. Ia secara langsung memberi kesan terhadap gaya pembelajaran dan prestasi serta menimbulkan kekangan tertentu dalam menguasai komponen tersebut. Dapatan juga menunjukkan persepsi topik *haqiqah* dan *majaz* paling senang dikuasai berada pada tahap mudah, diikuti topik *majaz mursal* berada pada tahap sederhana, manakala topik *isti'arah* berada pada tahap sukar.

**Kata Kunci:** Komponen; ilmu retorik atau *al-Balaghah*; *haqiqah*; *majaz*; *majaz mursal*; *isti'arah*; persepsi.

### PENDAHULUAN

Seperti bahasa-bahasa lain, ilmu bahasa Arab merangkumi komponen-komponen seperti sintaksis, morfologi, retorik, semantik dan sebagainya. Umumnya, fungsi ilmu retorik atau balaghah bagi memahami dan menghayati kepelbagaian gaya bahasa Arab yang unik, kreatif dan puitis. Ia berhubung kait dengan elemen kesusasteraan yang menjadi salah satu keunikan mukjizat al-Quran pada aspek *al-I'jaz al-Lughawiyy* atau *al-I'jaz al-Bayaniyy*. Menurut Siti Iqbal (1999, p. 2) kitab suci al-Quran dipenuhi dengan unsur-unsur balaghah yang menunjukkan keunikan dan keindahan gaya bahasa melalui susunan ayat-ayat, kefasihan lafaz-lafaz dan keseragaman pola-polanya. Balaghah merupakan ilmu berkaitan dengan kebolehan seseorang itu untuk menggunakan dan menyampaikan ungkapan bertepatan dengan situasi dan lokasi melalui perkataan-perkataan yang fasih dan puitis di samping mengandungi makna-makna yang indah supaya benar-benar berkesan di jiwa pendengar (Ulama' Al-Azhar, 1954, p. 9).

Pernyataan Kamus Dewan (2013, p. 114) bahawa balaghah bermaksud petah dan fasih dalam percakapan. Manakala Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab (1996) pula mentakrifkan balaghah sebagai ilmu yang menghuraikan penampilan makna yang menarik melalui ungkapan yang tepat di samping memberi kesan yang mendalam serta bersesuaian dengan makna. Menurut al-Sayyid al-Hashimiyy (1991, p. 40) dalam memperkenalkan balaghah: “*Ia (balaghah) bertujuan untuk mengetahui keistimewaan dan keindahan susunan kalam (percakapan) daripada sudut makna dan lafaz. Ia juga berkaitan dengan cara-cara untuk menyusun dan menggunakan bahasa yang fasih, tepat dan sesuai mengikut fungsinya*”. Balaghah ilmu yang meruntun perasaan dan mengesankan jiwa. Ia mempunyai hubungan secara langsung dengan pelbagai aspek kehidupan sama ada agama, masyarakat, politik dan sebagainya. Itulah *bayan* satu sahir yang halal! (Fadal Hasan ‘Abbas, 1992, p. 13).

## LATAR BELAKANG, PERNYATAAN MASALAH DAN OBJEKTIF

Realitinya berdasarkan kurikulum pendidikan bahasa Arab di negara kita, komponen ilmu retorik atau balaghah diperkenalkan kepada pelajar peringkat menengah bermula di tingkatan empat dan berkesinambungan ke tingkatan lima. Pada peringkat tersebut mereka akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), peperiksaan awam terpenting dalam sistem pendidikan negara. Antara topik yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Arab tersebut ialah *haqiqah* dan *majaz*. Ia juga diikuti topik *majaz mursal* dan *isti‘arah* sebagai sub topik dalam bahasan *majaz* mengikut teori dalam ilmu balaghah.

Rasional kedudukan pengajaran komponen balaghah di peringkat menengah sebagaimana pernyataan berikut: “*Asas untuk meningkatkan kemahiran-kemahiran, kebolehan-kebolehan dan penghayatan pelajar terhadap bahasa Arab dari aspek keindahan bahasa, kesesuaian penggunaan dan perkaitannya dengan gaya bahasa-gaya bahasa yang baik. Antara matlamatnya, pelajar mampu menguasai kaedah asas ilmu balaghah dan mengaplikasinya mengikut fungsinya yang sesuai*”. (Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) KPM: 15: 2009)

Selain itu, kepentingan komponen ini juga dilihat kepada keperluannya dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperuntukkan sebanyak lebih kurang 20 peratus daripada markah keseluruhan kertas bahasa Arab. Justeru itu, topik *haqiqah* dan *majaz* dalam komponen balaghah menjadi satu keperluan untuk dikuasai oleh setiap pelajar bagi memperolehi gred yang terbaik dalam kertas bahasa Arab.

Di samping itu juga, melalui sorotan terhadap kajian-kajian lepas dan pemerhatian yang dilakukan menunjukkan bahawa pembelajaran komponen balaghah dalam kalangan pelajar secara umumnya dilihat kurang memberangsangkan. Ini secara langsung menjadikan prestasi pelajar terhadap komponen balaghah khususnya dan bahasa Arab umumnya tidak memuaskan. Faktor utama disebabkan sebahagian mereka beranggapan bahawa komponen ini sebagai satu mata pelajaran yang kompleks dan sukar, selain terpaksa berhadapan dengan pemahaman teks-teks al-Quran, Hadith, puisi (*sha‘ir*) dan prosa (*nathar*) Arab (klasik dan moden). Sejauh mana kebenaran pernyataan tersebut?. Fenomena ini menimbulkan beberapa persoalan tentang persepsi pelajar terhadap ilmu balaghah termasuk topik *haqiqah* dan *majaz*.

Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan meninjau tahap persepsi pelajar terhadap komponen balaghah. Justeru kajian peringkat awal ini bertepatan untuk meninjau secara ilmiah dengan lebih dekat isu ini sejauh mana kesediaan pelajar dalam mempelajari komponen ilmu balaghah melalui topik kajian. Ia juga sekaligus membuka ruang kepada perbincangan yang lebih luas menjurus kepada tindakan dan langkah-langkah yang perlu diambil bagi meningkatkan motivasi dan mutu pembelajaran komponen balaghah dalam kalangan pelajar.

## KEPENTINGAN, BATASAN DAN METODOLOGI KAJIAN

Kajian dijalankan untuk meninjau secara khusus penerimaan pelajar terhadap ilmu retorik atau balaghah melalui topik *haqiqah* dan *majaz*. Ia disertai sub topik *majaz mursal* dan *isti'arah* yang dipelajari mengikut sukatan pelajaran. Kajian ini diharap dapat mengemukakan maklumat mengenai persepsi pelajar terhadap pembelajaran komponen berkenaan melalui topik kajian. Melalui dapatan kajian diharapkan strategi-strategi tertentu dapat diambil dan dilaksanakan bagi meningkatkan motivasi pelajar terhadap pembelajaran komponen balaghah, khususnya melalui topik yang dikaji. Hasil dapatan kajian ini seterusnya akan dapat dimanfaatkan oleh para guru yang terlibat dalam pengajaran bahasa Arab terutama dalam mengatur strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Begitu juga oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam penyediaan Kurikulum Pendidikan Bahasa Arab yang lengkap dan bersepadu. Tumpuan kajian hanya memfokuskan pada komponen balaghah melalui topik *haqiqah* dan *majaz* beserta dua sub topik iaitu *majaz mursal* dan *isti'arah* yang berada dalam bahagian ilmu  *bayan*.

Disebabkan kajian ini bersifat tinjauan awal, maka ia hanya dijalankan di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di negeri Kelantan iaitu SMKA Melor dan SMKA Tok Bachok. Oleh itu, sampel yang mewakili populasi melibatkan pelajar tingkatan lima sebanyak 100 orang menggunakan instrumen soal selidik dan temu bual tidak berstruktur. Semua sampel dipilih secara rawak merangkumi gender yang berlainan.

Reka bentuk kajian ini berasaskan kaedah tinjauan deskriptif yang bertujuan meninjau dan mengenal pasti jawapan berkaitan persepsi pelajar peringkat menengah terhadap komponen balaghah melalui topik yang dikaji. Pemerolehan data kuantitatif dilakukan melalui instrumen soal selidik. Manakala pemerolehan data kualitatif melalui temu bual tidak berstruktur. Responden dikehendaki menjawab semua soalan yang disediakan terhadap instrumen yang digunakan. Kerangka teknik soal selidik pula menggunakan beberapa modul pengkaji sebelum

ini yang menjadi rujukan penulis. Di samping itu, kajian kepustakaan dijalankan yang melibatkan pengumpulan data yang berkaitan teori kajian dan data yang tidak berbentuk numerik.

Jadual 1 di bawah, menunjukkan bilangan borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden dan yang telah dikembalikan. Semua responden memulangkan kembali borang soal selidik yang diedarkan.

JADUAL 1: Taburan Responden Soal Selidik

Jenis Instrumen	Responden Kajian		Bilangan Set Soal Selidik Yang Diedarkan	Bilangan Pulangan
	Pelajar	Kuantiti		
Soal Selidik	100 orang	100 orang	100 (100%)	100 (100%)

Jadual 2 di bawah, menunjukkan bilangan responden bagi instrumen temu bual tidak berstruktur.

JADUAL 2 : Taburan Responden Temu Bual Tidak Berstruktur

Jenis Instrumen	Responden Kajian	Kuantiti
	Pelajar	
Temu Bual Tidak Berstruktur	10 orang	10 orang

Disebabkan fokus kajian ini kepada pengumpulan data, maka penggunaan teknik soal selidik sebagai instrumen pertama adalah paling relevan. Pengkaji menyediakan dua versi borang soal selidik yang mengandungi soalan-soalan yang menyentuh topik kajian. Soalan-soalan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian (A) mengandungi soalan-soalan umum yang berkaitan dengan demografi responden, manakala bahagian (B) mengandungi soalan-soalan khusus yang berkaitan dengan objektif yang diutarakan dalam kajian ini, iaitu mengenai persepsi pelajar terhadap komponen balaghah melalui topik *haqiqah dan majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti'arah*. Responden diberi tempoh masa tertentu untuk menjawab setiap soalan yang dikemukakan secara bertulis. Seterusnya semua naskah soalan tersebut dipungut untuk penganalisan bagi memenuhi tujuan dan objektif kajian. Hasil analisis disusun dan diolah dalam bentuk jadual agar lebih mudah difahami.

Manakala instrumen temu bual tidak berstruktur lebih menjurus kepada aspek keseluruhan idea yang dirasakan penting atau menarik minat penulis yang berlegar mengenai persepsi pelajar terhadap topik yang dikaji, persepsi pelajar mengenai aras kesukaran topik yang dikaji dan persepsi kekangan yang dihadapi pelajar dalam mempelajari topik. Dalam proses pengumpulan data, penulis menggunakan teknik ini dengan mengajukan beberapa soalan yang berkaitan kepada sepuluh orang responden dalam kalangan pelajar yang dipilih secara rawak. Soalan-soalan yang dikemukakan melalui instrumen ini memfokuskan kepada jawapan terhadap setiap objektif dan persoalan kajian. Penulis cuba menghuraikan, memahami dan menjelaskan maksud tersurat dan tersirat daripada data-data tersebut supaya menjadi sesuatu yang bermakna.

Tatacara penganalisan data kuantitatif adalah seperti berikut:

JADUAL 3 : Interpretasi Skor Min

Skor min	Tahap
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Nunnally dan Bernstein (1994)

## SOROTAN DAN KAJIAN LEPAS

Terdapat kajian-kajian yang telah dibuat secara umum berkaitan penguasaan pelajar terhadap ilmu balaghah. Kajian-kajian ini telah dijadikan rujukan dan sandaran utama kepada kajian ini. Antara kajian tersebut ialah penyelidikan berkaitan "*Penguasaan Pelajar Sekolah*

*Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab*” oleh (Azhar bin Muhammad et al. : 2006). Kajian ini bertujuan mengetahui persepsi dan pengetahuan pelajar terhadap pengajian ilmu retorik Arab, mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pembelajaran ilmu retorik Arab dan mengenal pasti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran ilmu retorik Arab dalam kalangan pelajar dan pengaplikasiannya dalam gaya bahasa mereka. Dapatan kajian menyatakan bahawa tahap penguasaan pelajar terhadap pengajian ilmu retorik Arab ini masih lagi berada pada kedudukan yang sederhana walaupun kebanyakan pelajar berminat mempelajari ilmu ini. Perkaitan kajian tersebut dengan kajian penulis, ia meninjau tahap penguasaan pelajar terhadap pengajian ilmu retorik Arab secara umum sementara kajian yang akan dilakukan penulis satu tinjauan tahap penguasaan pelajar terhadap ilmu balaghah dengan lebih khusus melalui topik *haqiqah* dan *majaz*.

Manakala kajian “*Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Balaghah di Sekolah Agama Rakyat (SAR) Negeri Melaka*” oleh Anuar bin Sopian pula bertujuan untuk melihat persepsi dan penguasaan pelajar Sekolah Agama Rakyat (SAR) di negeri Melaka terhadap bahasa Arab khususnya ilmu balaghah serta mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dalam pembelajaran. Dapatan kajian ini mengatakan majoriti pelajar tidak mempunyai minat untuk mempelajari ilmu retorik Arab atau balaghah. Pelajar juga didapati tidak mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kewujudan ilmu balaghah dan juga kewujudan pengajian ilmu balaghah dalam kertas Bahasa Arab Tinggi SPM.

Kajian “*Pembelajaran Balaghah Arab di Peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM): Satu Kajian Kes*” oleh Azhar bin Muhammad (2006) pula mendapati pelajar mempunyai kesediaan positif dan berminat untuk mempelajari ilmu balaghah. Kefahaman mereka mengenai kedudukan ilmu balaghah sebagai ilmu yang membincangkan keindahan gaya bahasa dan kesusasteraan Arab adalah jelas. Penguasaan pelajar terhadap pembelajaran balaghah di peringkat pensijilan STAM berada pada tahap yang baik, tetapi agak terbatas kerana didapati tidak dapat mengaplikasikannya di luar daripada konteks pembelajaran di dalam kelas.

Sementara kajian lain ialah seperti “*Penguasaan Al-Balaghah dan Permasalahannya di Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM): Kajian Di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Selangor*” oleh Rosni bin Samah dan Mohammad Marwan bin Ismail (2006). Rumusan kajian yang diperolehi ialah tahap penguasaan pelajar bagi subjek balaghah di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Selangor adalah lemah. Beberapa permasalahan yang mengekang proses pembelajaran subjek tersebut dalam kalangan pelajar iaitu proses dan kaedah pembelajaran, buku teks dan sikap pelajar itu sendiri.

### **Pembelajaran Elemen *Haqiqah* dan *Majaz***

*Haqiqah* dan *Majaz* merupakan satu topik dalam ilmu *al-Bayan*. Pelajar akan diperkenalkan dengan pengenalan (takrif) kedua-dua istilah ini. Seterusnya, dikemukakan penggunaannya dalam struktur ayat bagi menampakkan perbandingan antara kedua bentuk gaya bahasa ini. Perbincangan dilanjutkan melalui gaya bahasa *majaz* yang dibahagikan kepada *majaz mursal* dan *isti'arah*. Antara objektif pembelajaran *haqiqah* dan *majaz* dinyatakan ialah untuk mengaplikasi gaya bahasa *haqiqah* atau *majaz* dalam komunikasi serta mengeluarkan kaedah-kaedah yang betul dan sesuai bagi gaya bahasa *haqiqah* atau *majaz*. Manakala objektif pengajaran *majaz mursal* pula ialah mengenali *majaz mursal* dan perkaitan-perkaitannya (علاقاتها), mengemukakan contoh-contoh *majaz mursal* mengikut kaitan-kaitannya (علاقات) yang dikehendaki, mengeluarkan sebahagian contoh *majaz mursal* daripada al-Quran bersama keterangan kaitannya (علاقة), dan mengeluarkan kaedah-kaedah yang betul dan sesuai bagi *majaz mursal*. Adapun elemen *isti'arah* pula ialah mengenali *isti'arah tasrihiyyah* dan *makniyyat*, menentukan antara dua jenis *isti'arah* tersebut dalam ayat atau perenggan, membina ayat mudah yang mengandungi dua jenis *isti'arah tasrihiyyah* dan *makniyyat*,

membezakan antara dua jenis *isti'arah* tersebut, mengaplikasi gaya bahasa keduanya dalam komunikasi, dan mengeluarkan kaedah-kaedah yang sesuai bagi gaya bahasa *isti'arah* (Huraian Sukatan Pelajaran bahasa Arab Tingkatan Empat: 2009: 27).

Antara aktiviti pembelajaran setiap kumpulan aras bagi setiap tajuk ialah mengadakan perbincangan mengenai topik *haqiqah dan majaz*; perbincangan mengenai topik *majaz mursal* dan kaitan-kaitannya, dan pembacaan ayat atau perenggan yang tertentu mengandungi *isti'arah tasrihiyyah* dan *isti'arah makniyyah*. Di samping itu aktiviti-aktiviti lain yang perlu dilakukan di dalam kelas ialah mengadakan aktiviti perbualan, pembacaan dan penulisan sama ada dalam bentuk lisan atau penulisan.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Demografi pelajar berpandukan jadual 3 mengandungi item-item berikut:

JADUAL 4 : Dapatan Taburan Demografi Pelajar

Bil	Item	Pernyataan	Kekerapan	Peratus
1	Jantina	Lelaki Perempuan	25 75	25 75
2	Pencapaian PMR	A B C D	41 39 19 1	41 39 19 1
3	Pencapaian akhir tahun tingkatan empat	80-100 70-90 65-69 60-64 50-59 40-49 0-39	4 4 7 12 19 32 22	4 4 7 12 19 32 22
4	Sebab memilih SMKA	Kesedaran sendiri Paksaan ibu bapa Mengikut rakan Lain-lain	79 13 5 3	79 13 5 3
5	Menyedari BA subjek teras	Ya Tidak	95 5	95 5
6	Minat belajar BA	Minat Kurang minat Tidak minat	3 62 38	3 62 38

### Analisis Demografi

Dari aspek jantina, seramai 25 peratus adalah daripada responden lelaki dan 75 peratus adalah perempuan. Dari aspek prestasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar, jika dilakukan perbandingan antara pencapaian peringkat PMR dan pencapaian akhir tahun peringkat tingkatan empat, dapatan menunjukkan pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan

SPM mempunyai pencapaian yang berbagai-bagai dan tidak konsisten. Pada aspek sebab memilih SMKA, dapatan menunjukkan pelajar-pelajar mempunyai kesedaran yang tinggi untuk memasuki SMKA. Kebanyakan pelajar juga menyedari bahawa bahasa Arab adalah subjek teras di SMKA.

Pada item minat mempelajari bahasa Arab, dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan responden kurang berminat. Berdasarkan dapatan, sesuatu langkah perlu dilakukan untuk mengenal pasti masalah tersebut agar dapat menyemai minat terhadap bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Ini kerana motivasi atau minat menjalankan sesuatu aktiviti merupakan faktor penting untuk berjaya.

## PERSEPSI PELAJAR DALAM MEMPELAJARI TOPIK

### *Analisis Data Soal Selidik*

Data mengenai persepsi pelajar dalam mempelajari topik diperolehi melalui responden dalam kalangan pelajar sendiri. Sebanyak 25 item soalan dikemukakan kepada responden untuk memperolehi data-data yang dikehendaki. Item-item tersebut dibahagikan kepada beberapa tema yang menjurus ke arah data yang dimaksudkan. Jadual 5 menunjukkan dapatan keseluruhan kajian. Ia mengandungi min, peratusan, kekerapan dan interpretasi min mengenai persepsi pelajar dalam mempelajari topik *haqiqah* dan *majaz*.

JADUAL 5 : Dapatan Taburan Soal Selidik Persepsi Pelajar Dalam Mempelajari Topik Kajian

Bil	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
1	Saya menyedari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> terdapat dalam komponen ilmu Balaghah bahasa Arab	1 (1%)	2 (2%)	10 (10%)	21 (21%)	45 (45%)	4.26
2	Saya memahami objektif mempelajari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	3 (3%)	0 (0%)	20 (20%)	55 (55%)	22 (22%)	3.98
3	Saya memahami faedah mempelajari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	1 (1%)	2 (2%)	32 (32%)	49 (49%)	16 (16%)	3.77
4	Saya sangat berminat untuk mengetahui keunikan unsur balaghah pada topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	2 (2%)	2 (2%)	23 (23%)	39 (39%)	34 (34%)	4.01
5	Saya sentiasa positif untuk mempelajari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	0 (0%)	4 (4%)	17 (17%)	57 (57%)	22 (22%)	3.97
6	Saya menyedari topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> terletak pada bahagian ilmu <i> bayan</i>	1 (1%)	11 (11%)	60 (60%)	17 (17%)	11 (11%)	3.26
7	Saya menyedari <i>majaz mursal</i> adalah sub topik di bawah bahasan <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	2 (2%)	4 (4%)	42 (42%)	40 (40%)	12 (12%)	3.56
8	Saya menyedari <i>isti'arah</i> adalah sub topik di bawah bahasan <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	3 (3%)	5 (5%)	36 (36%)	41 (41%)	15 (15%)	3.60
9	Saya mengetahui bahawa topik	3	6	30	44	17	3.66



	<i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> merupakan asas sebelum mempelajari <i>majaz mursal</i>	(3%)	(6%)	(30%)	(44%)	(17%)	
10	Saya mengetahui bahawa topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> merupakan asas sebelum mempelajari <i>isti'arah</i>	2 (2%)	7 (7%)	34 (34%)	42 (42%)	15 (15%)	3.61
11	Saya dapat menerangkan konsep (definisi) <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	1 (1%)	10 (10%)	43 (43%)	37 (37%)	9 (9%)	3.43
12	Saya dapat menerangkan konsep (definisi) <i>majaz mursal</i>	2 (2%)	11 (11%)	56 (56%)	21 (21%)	10 (10%)	3.26
13	Saya dapat menerangkan konsep (definisi) <i>isti'arah</i>	3 (3%)	11 (11%)	57 (57%)	22 (22%)	7 (7%)	3.19
14	Saya dapat mengaplikasi keunikan topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> dalam latihan dan ujian	0 (0%)	9 (9%)	39 (39%)	44 (44%)	8 (8%)	3.51
15	Saya dapat mengaplikasi keunikan <i>majaz mursal</i> dalam latihan dan ujian	2 (2%)	8 (8%)	41 (41%)	39 (39%)	10 (10%)	3.47
16	Saya dapat mengaplikasi keunikan <i>isti'arah</i> dalam latihan dan ujian	2 (2%)	9 (9%)	49 (49%)	35 (35%)	5 (5%)	3.32
17	Saya dapat membezakan 'alaqat (hubungan) <i>majaz mursal</i> menerusi soalan latihan yang dikemukakan	3 (3%)	13 (13%)	49 (49%)	28 (28%)	7 (7%)	3.23
18	Saya dapat membezakan jenis <i>isti'arah</i> menerusi soalan latihan yang dikemukakan	0 (0%)	9 (9%)	55 (55%)	28 (28%)	8 (8%)	3.35
19	Saya dapat membuat perbandingan antara topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> dengan unsur bahasa Melayu	2 (2%)	4 (4%)	31 (31%)	49 (49%)	14 (14%)	3.69
20	Saya dapat membuat perbandingan antara <i>majaz mursal</i> dengan unsur bahasa Melayu	3 (3%)	4 (4%)	37 (37%)	43 (43%)	13 (13%)	3.59
21	Saya dapat membuat perbandingan antara <i>isti'arah</i> dengan unsur bahasa Melayu	1 (1%)	6 (6%)	44 (44%)	33 (33%)	16 (16%)	3.57
22	Saya menyedari bahawa al-Quran, Hadith , puisi dan prosa Arab kaya dengan unsur-unsur <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i>	2 (2%)	1 (1%)	11 (11%)	49 (49%)	37 (37%)	4.18
23	Saya dapat menghayati keunikan gaya bahasa al-Quran dan Hadith , puisi dan prosa Arab menerusi topik <i>haqiqah</i> dan <i>majaz</i> yang dipelajari	0 (0%)	4 (4%)	21 (21%)	48 (48%)	27 (27%)	3.98
24	Saya dapat menghayati keunikan gaya bahasa al-Quran dan Hadith , puisi dan prosa Arab menerusi <i>majaz mursal</i> yang dipelajari	1 (1%)	4 (4%)	35 (35%)	41 (41%)	19 (19%)	3.73
25	Saya dapat menghayati keunikan gaya bahasa al-Quran dan Hadith , puisi dan prosa Arab menerusi <i>isti'arah</i> yang dipelajari	1 (1%)	2 (2%)	43 (43%)	36 (36%)	18 (18%)	3.68

Tema-tema yang diuji dalam soal selidik pelajar di atas seperti berikut:

- a. Maklumat am berkaitan topik yang dikaji
- b. Kefahaman konsep
- c. Kemampuan mengaplikasi
- d. Kemampuan menganalisis
- e. Membandingkan topik dengan unsur dalam bahasa Melayu (BM)
- f. Menghubungkan topik dengan al-Quran, Hadith, puisi dan prosa Arab

Item-item yang diuji menunjukkan maklumat am pelajar terhadap topik yang dikaji agak terhad. Mereka kurang menyedari kedudukan topik *haqiqah* dan *majaz* berada dalam bahagian ilmu *bayan*, begitu juga perkaitan topik *majaz mursal* dan *isti'arah* dengan bahasan *haqiqah* dan *majaz*. Di samping itu, pelajar dilihat kurang yakin dapat menerangkan konsep (definisi) *haqiqah* dan *majaz*, *majaz mursal* dan *isti'arah* dan kurang yakin dapat mengaplikasi keunikan topik tersebut dalam latihan dan ujian yang dijalankan.

Selain itu, pelajar juga didapati kurang yakin terhadap kemampuan untuk menganalisis topik yang dikaji melalui konstruk membezakan antara *'alaqah* (kaitan) *majaz mursal* dan jenis *isti'arah* menerusi soalan latihan yang dikemukakan dan kurang yakin terhadap kemampuan mereka membuat perbandingan dan menghubungkan antara topik *haqiqah* dan *majaz*, *majaz mursal* dan *isti'arah* dengan unsur dalam bahasa Melayu.

Mereka juga tidak menunjukkan keyakinan terhadap kemampuan menghayati keunikan gaya bahasa al-Quran dan Hadith, puisi dan prosa Arab menerusi topik *haqiqah* dan *majaz*, *majaz mursal* dan *isti'arah* yang dipelajari. Persepsi kurang yakin dalam kalangan pelajar menerusi konstruk yang diuji jelas menunjukkan kepada kita bahawa pengetahuan dan kefahaman mereka terhadap topik yang dikaji agak terbatas dan tidak memuaskan. Ia juga menunjukkan para pelajar mempunyai kekangan tertentu dalam mempelajari topik tersebut.

### ***Analisis Data Temu Bual Tidak Berstruktur***

Data-data yang dianalisis melalui kaedah kualitatif dalam kajian ini ialah data temu bual tidak berstruktur. Ia melibatkan 10 responden pelajar yang dipilih secara rawak. Penulis akan membandingkan dapatan daripada setiap responden tersebut sebelum membuat rumusan. Berikut data-data yang diperolehi melalui penganalisan kaedah kualitatif yang disesuaikan mengikut objektif kajian.

Soalan-soalan yang dikemukakan menjurus kepada beberapa tema yang menjadi objektif kajian iaitu:

- a) Persepsi pelajar terhadap topik *haqiqah* dan *majaz*, *majaz mursal* dan *isti'arah*  
Dapatan yang diperolehi menunjukkan semua responden bersikap positif dan berminat mempelajari topik yang dikaji. Persepsi tahap kefahaman, semua responden berpandangan topik *haqiqah* dan *majaz* lebih mudah difahami berbanding sub topik *majaz mursal* dan *isti'arah*. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan persepsi dalam kalangan responden mengenai *majaz mursal* dan *isti'arah*. Sebahagian responden berpandangan *majaz mursal* lebih sukar berbanding *isti'arah*, manakala sebahagian lain berpandangan sebaliknya.
- b) Persepsi pelajar mengenai aras kesukaran topik yang dikaji  
Dapatan yang diperolehi mengenai persepsi kebanyakan responden terhadap aras kesukaran topik, topik *haqiqah* dan *majaz* berada pada tahap mudah, topik *isti'arah* berada pada tahap sederhana dan topik *majaz mursal* berada pada tahap sukar.
- c) Persepsi kekangan yang dihadapi untuk menguasai topik *haqiqah* dan *majaz* beserta sub topik *majaz mursal* dan *isti'arah*.

Dapatan yang diperolehi mengenai kekangan-kekangan yang hadapi untuk menguasai topik yang dikaji, sebahagian besar responden menyatakan tidak memahami teks topik yang dipelajari, tidak dapat memahami konsep topik yang dipelajari dan sukar untuk mengingat fakta. Selain itu juga, responden menyatakan hubungan (*'alaqah*) *majaz mursal* terlalu banyak dan sukar untuk membezakan antara hubungan (*'alaqah*) tersebut.

## RUMUSAN DAN CADANGAN

Berdasarkan jawapan bagi kedua-dua instrumen di atas menunjukkan semua responden bersikap positif dan berminat mempelajari topik yang dikaji. Persepsi tahap kefahaman, semua responden berpandangan topik *haqiqah* dan *majaz* lebih mudah difahami berbanding sub topik *majaz mursal* dan *isti'arah*. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan persepsi dalam kalangan responden mengenai *majaz mursal* dan *isti'arah*. Sebahagian responden berpandangan *majaz mursal* lebih sukar berbanding *isti'arah*, manakala sebahagian lain berpandangan sebaliknya. Sementara itu, persepsi kebanyakan responden terhadap aras kesukaran topik, dapatan yang diperolehi menunjukkan topik *haqiqah* dan *majaz* berada pada tahap mudah, topik *isti'arah* berada pada tahap sederhana dan topik *majaz mursal* berada pada tahap sukar. Semua responden berpendapat pelajar menghadapi kekangan dalam menguasai topik yang dikaji.

Cadangan-cadangan yang dapat dikemukakan penulis menerusi kajian ini, antaranya ialah:

i. Konteks pelajar Melayu, topik *haqiqah* dan *majaz*, *majaz mursal* dan *isti'arah* yang berada dalam ilmu *bayan* perlu diajar selepas pengajaran ilmu *ma'ani*. Ini kerana ilmu *ma'ani* lebih dekat dengan pengetahuan pelajar kerana ia berkaitan dengan kaedah nahu yang membicarakan tentang pembentukan dan pengolahan ayat yang dipelajari sebelumnya. Ilmu *bayan* pula merangkumi makna *majazi* (tersirat) di mana ia memerlukan pelajar yang telah mempunyai kemahiran dalam struktur ayat.

ii. Pengajaran dan pembelajaran topik *haqiqah* dan *majaz*, *majaz mursal* dan *isti'arah* perlu diintegrasikan dengan komponen dan kemahiran bahasa Arab yang lain seperti kefahaman, nahu, karangan (*insya'*) dan sebagainya.

iii. Pengajaran topik *haqiqah* dan *majaz*, *majaz mursal* dan *isti'arah* memerlukan contoh yang pelbagai dan bersesuaian dengan tahap pelajar Melayu peringkat menengah. Contoh yang paling dekat dengan mereka ialah al-Quran dan Hadith dan prosa-prosa mudah yang boleh dipraktikkan dalam kehidupan harian pelajar sama ada melalui percakapan atau penulisan. Penulis berpandangan teks-teks puisi (*sha'ir*) tidak perlu diberi penekanan pada peringkat ini.

iv. Kedudukan topik *haqiqah* dan *majaz*, *majaz mursal* dan *isti'arah* peringkat menengah amat terhad iaitu hanya berada dalam komponen ilmu balaghah bagi mata pelajaran bahasa Arab. Oleh itu, guru disarankan agar bijak mengolah pengajaran komponen ini bagi mencapai objektifnya. Ia tentunya perlu disepadukan dengan komponen-komponen lain seperti nahu, saraf dan sebagainya supaya lebih berkesan.

v. Memperbanyakkan latihan adalah salah satu daripada saranan sarjana pendidikan. Dalam mempelajari topik ini, guru disarankan supaya memperbanyakkan latihan sama ada melalui penulisan dan hafalan kepada pelajar seperti latihan praktikal yang dapat membantu mereka mengingati apa yang dipelajari. Teknik pengulangan perlu dilaksanakan agar unsur balaghah ini sehati dengan diri pelajar yang mampu merasai nilai-nilai seni dan keindahannya berdasarkan topik yang dipelajari.

**RUJUKAN**

- Anuar bin Sopian. *Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Balaghah Di Sekolah Agama Rakyat (SAR) Negeri Melaka*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam.
- Azhar bin Muhammad (2006). *Pembelajaran Balaghah Arab Di Peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis PHD. Universiti Malaya, Fakulti Bahasa Dan Linguistik.
- Azhar bin Muhammad et al. (2006). *Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab*. Universiti Teknologi Malaysia, Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka (2007), Edisi Keempat (2013). *Kamus Dewan*. Ampang Selangor, Dawama Sdn. Bhd.
- Fadal Hasan ‘Abba:s (1987). *Al-Balaghah Funu:nuha Wa Afna:nuha (2)*. Irbid Jordan Da:r al-Furqa:n
- Faisal Hussin al-‘Aliyy (1998). *Al-Murshid Al-Fanniy Li Tadris Al-Lughah Al-Arabiyyat*. Amman Jordan, Maktabat Da:r al-Thaqa:fat.
- Jawatankuasa Istilah Bahasa Dan Kesusasteraan Arab. (1996). *Glosari Bahasa Dan Kesusasteraan Arab*. Kuala Lumpur Malaysia: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2006). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)-Sukatan Pelajaran Bahasa Arab*. Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Sukatan Pendidikan Islam Dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2009). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Tingkatan Empat*. Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Sukatan Pendidikan Islam Dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral.
- Nunnally dan Bernstein (1994). *Psychometric Theory*. Ed. Ke . New York: McGraw Hall.
- Rosni bin Samah et al. (2006). *Penguasaan “Al-Balaghah” Dan Permasalahannya Di Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) (Kajian Di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Selangor)*. Kolej Universiti Islam Malaysia, Laporan penyelidikan.
- Sayyid Ahmad al-Ha:shimiyy (1991). *Jawa:hir Al-Bala:ghat Fi Al- Ma’a:ni: Wa Al-BayanWa Al- badi: ‘*. Beiru:t Lubna:n, Da:r al-Fikr.
- Siti Iqbal (1999). *Analisis Gaya Bahasa Al-Insyaa Dalam Surah An-Nur*. Universiti Malaya Kuala Lumpur, Fakulti Bahasa Dan Linguistik.
- Ulama’ Azhar (1954). *Al-Balaghah Al-Arabiyyat*. Kaherah, Al-Matba‘ah Muhammad ‘Ally Subaih.

## A CONCEPTUAL REVIEW OF EFFECTIVE QUESTIONING IN ESL CLASSROOM

Lai See May

Centre for Language Studies and Generic Development (PBI), Universiti Malaysia Kelantan,  
Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan  
laiseemay@gmail.com

Assoc. Prof. Dr. Ng Siew Foen

Centre for Language Studies and Generic Development (PBI), Universiti Malaysia Kelantan  
Centre for External Education, (UMKCEE), Universiti Malaysia Kelantan  
siewfoen@umk.edu.my

### ABSTRACT

Teaching English as a Second Language (ESL) has been viewed as a critical issue in many non-native English speaker countries, including Malaysia. Teachers are still searching for the best way to improve English proficiency among students. Language and communication are inseparable. Hence, communicative language teaching has become more prominent in the field of language education. Questioning is one of the ways to promote interaction between teachers and students. Questioning is also effective in stimulating students interest and understanding in their ESL learning journey. In this paper, the author provides a critical review on the application of effective questioning in ESL classroom gathered from studies conducted worldwide. The author begins by providing a general background of effective questioning in ESL classroom based on several previous researchers. Then, the types of questions used in the ESL classroom and their functions will be discussed in the latter part of this paper. Finally, the author highlights the roles and impacts of display questions in enhancing language teaching and learning of ESL. To conclude, good questioning provides a model which promotes accurate and intelligent questions from learners. Learners need to be motivated to ask and answer questions to achieve the teaching and learning objectives. Effective questioning approach encourages students to answer their questions dynamically. Providing ample timeline for students to respond and proper feedbacks from the teachers is significantly important to the students because feedbacks especially enhance the effectiveness of questioning as they provide a clearer direction to the students in the process of acquiring ESL skills.

**Keywords:** classroom interaction; communicative language teaching; display questions; effective questioning; English as Second Language (ESL)

### INTRODUCTION

Teaching English as a Second Language (ESL) has been viewed as a critical issue in many non-native English speaker countries, including Malaysia. Many researches have been done extensively over a decade on the low English language literacy among ESL learners (Naginder, 2006; Jalaluddin, Awal & Bakar, 2008) in the effort of searching effective ways to improve English proficiency among ESL students, especially in Malaysia. According to Normazidah, Koo and Hazita (2010), despite the utmost commitment from the government and many other responsible agencies, the number of students who are unable to achieve reasonable English proficiency level is still in an unsatisfied stage.

Language and communication are inseparable. Unfortunately, in many ESL classrooms, teacher is the one who does all the talking while students remain passive and

silently listening to their teacher's lesson (Walsh, 2002). One important term in communicative language teaching is "interaction". Interaction in the classroom may facilitate the teaching and learning of English as Second Language (ESL) (Long & Sato, 1983). Through interaction, students are given opportunities to learn and use the target language communicatively in the classroom (Zohrabi, Yaghoubi-Notash & Khiabani, 2014). Hence, communicative language teaching has become more prominent in the field of language education.

Questioning is an effective strategy to stimulate students' interest and understanding in their ESL learning journey. In ESL classroom, teachers' questions serve as the method of engaging students' attention, promoting their verbal response and last but not least, questions help teachers to evaluate their learners' progress (Chaudron, 1988). Arifin's research in 2012 attested that questioning plays many important roles in ESL classroom. Questioning facilitates students' understanding of the content, triggers students' language production and creates interaction in classroom. ESL teachers can ask questions for various reasons as questioning in classroom stimulates and maintains students' interest, encourages students to think and focus on the content of the lesson, enables teachers to clarify what students had said and help them to check students' understanding as well as encourages students to participate

This paper aims to provide a critical review on the effectiveness of questioning in ESL classroom gathered from studies conducted worldwide. The author will be discussing two types of questions which teachers ask in their classroom: Display questions and referential questions. Focus will be given on display questions as previous studies (Alright & Bailey, 1991; Willen, 1991; Shomossi, 2004; David, 2007) stated that asking display questions is more beneficial and effective than referential questions when teachers' aim is to facilitate students who have lower level of English language proficiency to participate in the classroom's activities. The roles of these questions in enhancing language teaching and learning will be reviewed and impacts of asking display questions in ESL classroom to promote students' level of proficiency will be ascertained. The author concludes that good questioning provides a model which will promote correct and intelligent questions from learners.

## REVIEW OF PREVIOUS LITERATURE

### Types of Questions in ESL Classroom

Questioning is the most common form of classroom interaction between teacher and students. According to Shomossi (2014), a question as a semantic class is used to seed information on a specific subject. In a more specific term: "teacher's questions" can be defined as all types and structures of utterances classified (syntactically or functionally) and as questions asked by teacher before, during, and after instruction to elicit students' responses (Jansem, 2008).

Long & Sato (1983) categorized teachers' questions into two: display questions and referential questions. A research done by Willen in 1991 revealed that teachers spent most of their time asking low-level cognitive questions that focus on factual information that required memorization in order to encourage and facilitate more participation from students who had low level proficiency. On the other hand, high level cognitive questions required students to acquire higher order thinking and reasoning skills which were quite demanding and challenging. Gabrielatos (1997) grouped teacher's questions into 2 general groups:

TABLE 1. Gabrielatos (1997) teacher's questions into 2 general groups

Types of questions	Aim of Questioning	Examples
--------------------	--------------------	----------

<b>1. Display Questions</b>	Asking for Facts	recall, closed, low-level cognitive, yes/no and convergent questions
<b>2. Referential Questions</b>	Asking for Opinions	process, open, high-level cognitive, open-ended and divergent questions

According to Wright (2016), display questions are questions which the teachers have known the answers and they require students to “display” their knowledge of comprehension, confirmation or clarification. On the other hand, referential questions do not have any set answer but it requires students to voice their opinions based on their understandings and the answers are not known by the teacher at the time of asking.

According to some previous researchers (Allright & Bailey, 1991; Hickman, 2004, Shomoossi, 2004 & Özcan, 2010), referential questions ask for the opinions from its learners. This form of questions requires information that can be reached by the students neither within their text nor through reasoning. Moreover, referential questions also do not play any role in encouraging the weaker students to participate in the lesson taught, they are not suitable to be asked to students with low level of proficiency as they do not have enough language to express their opinions. Hence, it is suggested that referential questions are more appropriate for higher-level students.

### **The Roles and Impacts of Asking Display Questions in Enhancing ESL Teaching and Learning for Low Proficiency Students**

In ESL classes, where the students are often silent and inactive due to the receptive nature and lack of acquired language skills, using questioning is the most common communication behavior used in teaching. Teachers’ questions constitute a primary means of engaging learners’ attention, promoting verbal responses, and evaluating learners’ progress. Effective classroom questioning helps teachers to achieve the objectives of a lesson. Additionally, it also helps students to be more enthusiastic to engage themselves in the lessons.

Questioning plays a vital role in language acquisition as it provides opportunities for the learners to participate in a language lesson (Ellis, 1993). When students ask questions, it means they have the desire to participate in what their teacher share and deliver in the class which will indirectly help them to improve the level of their language proficiency. In addition, good questions from the teacher can act as a useful tool in stimulating and maintaining students’ interest towards a lesson learnt. A good question from the teacher will encourage students to think and focus on the provided content, allowing teacher to check the level of understanding among his/her students. At the same time, teacher may also use the opportunity to make clarification and provide constructive feedback to the students along the process of questioning (Richard & Lockhart, 1996).

As discussed earlier, teachers ask questions for many reasons as questions serve different purposes in a language classroom. Brown & Wargg (1993) stated that questioning in ESL classroom should not be limited to comprehension, good questions should stimulate recalling, deepening understanding and encouraging problem solving. For students with low level of proficiency, it will be ideal for their teacher to get them engage with the language materials actively through speech (Ur, 1991). Effective questioning is an effective way to motivate low proficiency level students to provide better responses during a lesson. Ur (1991) added, a good question guides the students to stimulate their thinking and encourages them

for further reading. Therefore, display questions serve as a beginning to lead students with low level of proficiency to develop their language skills, to boost their confidence and finally it can be extended to invite more varieties of answers (Özcan, 2010).

## CONCLUSION

ESL learners acquire motivation from their teachers to ask questions and to be involved in classroom interaction in order to enhance their level of proficiency especially in ESL. Good questioning provides a model that promotes correct and intelligent questions from learners. Besides, good questioning also allows teachers to track their students' progress that may lead to a better process of delivering and understanding a lesson taught. Learners need to be motivated to ask and answer questions in order to achieve the classroom objective: effective delivery (teachers) and understanding (students). Teachers should encourage students to answer their questions dynamically by giving them ample timeline. Finally, proper feedbacks from the teachers are significantly important to the students because feedbacks enhance the effectiveness of questioning by providing clearer directions to the students in the process of acquiring ESL skills.

## ACKNOWLEDGEMENT

The author would like to thank her co-author, Assoc. Prof. Dr. Ng Siew Foen for her guidance and persistent encouragement. The author would also gratefully acknowledge the helpful comments and suggestions of the reviewers, which have improved the presentation.

## REFERENCE

- Alright, D. & Bailey, K. M. (1991). *Focus on the language classroom*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Arifin, T. (2012). Analyzing English As A Foreign Language (EFL) Classroom Interaction. *Apple3l Journal*, 1(1), 1-20.
- Brown, G. & Wargg, E. C. (1993). *Questioning*. London: Routledge.
- Chaudron, C. (1988). *Second Language Classrooms: Research on Teaching and Learning*. Cambridge: Cambridge University Press.
- David, F. O. (2007). Teachers' questioning behaviour and ESL classroom interaction pattern. *Humanity & Social Science Journal*, 2(2), 127-131.
- Ellis, K. (1993). Teacher questioning behaviour and student learning: What research says to teachers. Retrieved October 16, 2018 from <https://eric.ed.gov/?id=ED359572>
- Gabrielatos, C. (1997). A Question of Function: Teacher Questions in EFL Classroom. Paper given at 18th Annual TESOL Greece Convention, National Bank of Greece Training Centre, Glyfada, Greece, 12-13 April, 1997.
- Jalaluddin, N. H., Awal, N. M., & Bakar, K. A. (2008). The Mastery of English Language among Lower Secondary School Students in Malaysia: A Linguistic Analysis. *European Journal of Social Sciences*, 7(2), 106-119.
- Janssem, A. (2008). ESL Teacher Questions and Questions Modifications. PhD Dissertation, Illinois State University, USA.
- Long, M. H. & Sato, C. J. (1983). *Classroom Foreigner Talk Discourse: Forms and Functions of Teachers' Questions* (pp-. 3-34). Rowley, MA: Newbuty House.
- Naginder Kaur. (2006). Non-autonomy and Low-English proficiency among Malaysian Students: Insights from Multiple Perspectives. in Kamisah Ariffin, Mohd. Rozaidi



- Ismail, Ngo Kea Leng, & Roslina Abdul Aziz. (Eds.), *English in the Malaysian context* (pp 21-34). Shah Alam: University Publication Centre (UPENA) UiTM.
- Normazidah Che Musa, Koo, Y. L. & Hazita Azman. (2010). Exploring English Language Learning and Teaching In Malaysia. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. 12(1), 35-51.
- Richard, J. C. & Lockhart, C. (1996). *Reflective Teaching in Second Language Classroom*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Özcan, S. (2010). The Effects of Asking Referential Questions on the Participation and Oral Production of Lower Level Language Learners in Reading Classes. Retrieved October 16, 2018 from <http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.634.1528&rep=rep1&type=pdf>
- Shomossi, N. (2004). The Effects of Teacher's Questioning Behaviour on EFL Classroom Interaction: A Classroom Research Study. *The Reading Matrix*, 4, (pp. 96-104).
Most often, pictures as visual aids will attract students' attention, and motivate them to learn (Febrianti, 2013). In whatever way language is taught and learned, the key element is to ensure the learning process is easier for students. When students have no interest in the subject, it would mean that there shall be less attention given by learners (Kurniawan, 2009). Thus it is important to maintain the learners' motivation so that they are able to be attentive and willingly to participate within the classroom (Clydesdale, 2006).

**Principle 6: Accommodate Use of Contextual Cues**

Vocabulary can be taught better through the use of contextual cues. It helps to ease many teachers in explaining the meaning of new words to learners. Teachers can use materials such as realia, pictures, past experiences and examples to depict the connection between the new words and its meaning. This is similar to Paul Kluth's (as cited in James & Erik, 2013) suggestion to use graphic organizers, picture books, fascination focused materials, graphic notes, and story kits to assist learners especially those with disabilities.

The accompanying of illustrations or visual cues, for example, may help to eliminate the need for readers to be singularly dependent on text to decode meaning. Thus it is a particularly convenient tool for language learners who frequently pause to consult dictionaries in search for the meaning of unknown words or phrases (Fewell, 2011). Besides, Burmark (as cited in Fewell, 2011) also states that pictures can truly help learners to improve their memory recall of material that they have read.

**Principle 7: Expose Learners to the Use of Dictionary**

Dictionary is one of the important references in learning new words, especially for new learners. There are many types of dictionary in the market including picture dictionary which are targeted toward the young learners who are still learning to expand their vocabulary in both their mother tongue (L1) and second (L2) languages. It is up to teachers and learners which dictionary would benefit them the most. As mentioned by Luppescu and Day (as cited in Laufer & Hulstijn, 2001), dictionary would help learners to attain better memorization of new words, as they found that learners who read a text and looked up unknown words in the dictionary remembered them better than learners who read the text without a dictionary.

The same opinion was given by Hulstijn et. al. (as cited in Laufer & Hulstijn, 2001), as he found the relatively few words that were looked up in the dictionary during a reading task yielded much higher retention scores on a subsequent test than the same words in other condition. Based on these, dictionary can be considered useful especially in helping new learners to understand new words.

**Principle 8: Exercise Repetition by Introducing Words Frequently Inside the Module**

The more frequently language learners are exposed to a particular vocabulary, the more likely they are to remember it. This is one of the basic principles in memorizing new word as with repetition, learners would be able to memorize, and produce the word appropriately when they understood the meaning. As stated by Waring (2002), most words that are taught will be lost to the Forgetting Curve, it is therefore essential that the new words are repeated soon after the initial learning, and repeated at spaced intervals many times and in many contexts thereafter to cement them in memory.

In line with the above, studies suggest that most learners need between 5-16 'meetings' with a word in order to retain it (Waring, 2002), and Folse, Hulstijn, Hollander, & Greidanus (as cited in Barcroft, 2004) found that there are positive effects of increased exposure to L2 words have been demonstrated in text-based and direct vocabulary learning. Thus, it is more effective to learn vocabulary when learners are given some degree of repetition, especially those who are considered slow (Westwood, Peter & Oliver as cited in Febrianti, 2013).

**Principle 9: Promote Deliberate Vocabulary Acquisition**

Deliberate vocabulary acquisition is where the teachers would introduce a new words to the learners and be sure to explain it thoroughly so that the learners would be able to understand the meaning of that word and memorize it. As stated by Mayer and Wittrock (as cited in Hogben, 1996), the more effectively the to-be-learned material is elaborated during

acquisition, the more readily it will be recalled by the learners. Thus, in learning vocabulary, the active, constructive elaboration of the word-meaning during the L2 acquisition influences its subsequent recall during reading.

Other strategies, such as rehearsal, may be important for maintaining a particular item, but simple rehearsal alone should not be very effective for long-term use, because it does not involve extensive elaboration of the word-meaning (Hogben, 1996). It is important for teacher to give a good explanation and elaboration when teaching the new words so that the learners for long-term recall purposes would be able to successfully analyze and rehearse the new word and its meanings, but also can elaborate the word-meaning and establish it within a suitable network of meaning (Hogben, 1996).

### **Principle 10: Expose Learners with Exercises and Activities Other Than Memorizing Words**

Instead of just sticking to the conventional teaching methods like reading textbook, referring to dictionary for meaning or memorizing new words, teachers could use their imagination to encourage learners learn new words in different types of activities. For example, using games as part of the activity would not only help with the memorization of new words, but at the same time help the learners to retain better attention on the learning process, and release some of the build-up stress in them, especially in a classroom consisted of learners from various background. Besides, Marsh (1978) suggested that in a foreign language class, a teacher could make use of comics, and have small group discussions take place between two or more students, after which the teacher could call upon a discussant from each group to report briefly on its observation.

Additionally, there are some other methods that can be commonly used for vocabulary teaching and learning such as extensive reading, using pictures and drawings, pronouncing words, online games, dramatization, and realia (Cho and Krashen, 1994; Grabe and Stroller, 2002; Muhammad Sabri 2011; Robb and Susser, 1989). Whichever method used, vocabulary exercises should focus on deepening and internalizing knowledge of words, not only the surface "form-meaning" level, and should deal with collocations and multiple-word units, not only single words. The type of practice in these activities allows the students to notice new words, or new features of words they already know, as well as giving them chances to internalize them (Waring, 2002).

All of these ten principles have been discussed in past studies and researches as a valid vocabulary principles, however in term of its applicability in classroom practices, they have not yet been proven. Thus in order to do so, these research questions have been addressed:

### **RESEARCH QUESTIONS:**

1. What are the vocabulary teaching and learning principles commonly practiced by the teachers in the classroom?
2. How did the teachers implement the principles to teach vocabulary in the classroom?

### **METHODOLOGY**

#### **Research Design**

This study employed qualitative research methods. The data was collected in September 2015 from the interviews with three experts at Sekolah Kebangsaan Gondang, Sekolah Kebangsaan Mengabang Telipot, and Sekolah Kebangsaan Kompleks Mengabang Telipot, which are located within Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.

### Participants

The interview was conducted to three experts in a separate interview session. Purposive sampling was used to select the suitable participant for the interview session. The criteria for each participants is having at least ten years of experience in teaching English for primary school students, and still working as a teacher for primary school around Kuala Terengganu. The participants have at least 10 years of experience in teaching primary school students, they were interviewed on September 2015. The goal for the participants' selection is to have their opinion on the reliability of vocabulary teaching and learning principles in classroom practices.

### Instruments

The instrument is a set of question prepared for each participant before the interview session was conducted. For each set of question, a brief explanation for each of the ten principles was included. Each participant were given one week to prepare themselves before the interview was conducted. The main question in the instrument is to ascertain which principle were applied by these participants in their lessons, and the reasons behind it. Upon the interview session, the researcher briefly explained the ten principles one more to make sure that the participants would truly understand each of the principles. Each of the participants were interviewed separately, and all of their responds were recorded. The raw recorded data was later transcribed into written form and analysed through Atlas t.i software.

### FINDINGS

As mentioned above, this research makes use of qualitative research method, thus the collected data were analysed accordingly through Atlas t.i. Data collected from the interviews were put into table (see Table 1), so that comparison from each of the participants respond would be easier to interpret.

### Addressing First Research Question

To address the first research question, a qualitative analysis was carried out on the experts' respond to the interview questions using Atlas t.i software. The analysis was showed into a table (see Table 1) showing which principle was practiced by the participants in their lessons.

TABLE 1

No.	PRINCIPLE	Participants		
		P1	P2	P3
1	Select appropriate word to teach	Yes	Yes	Yes
2	Focus on Different Aspect of Words	Yes	Yes	No
3	Progress from less demanding to more demanding vocabulary-related activities	Yes	Yes	Yes
4	Limit forced semantic elaboration during the initial stages of learning new words	Yes	Yes	No
5	Encourage interest among students in learning process	Yes	Yes	Yes
6	Accommodate use of contextual cues	Yes	Yes	Yes
7	Expose learners to the use of dictionary	Yes	Yes	Yes

8	Exercise repetition by introducing words frequently	Yes	Yes	Yes
9	Promote deliberate vocabulary acquisition in teaching	Yes	Yes	Yes
10	Expose learners with exercises and activities other than memorizing words	Yes	Yes	Yes

From Table 1, the finding showed that, among all of the ten vocabulary teaching and learning principles, only eight of them were applied by the participants. The principles are Select appropriate word to teach, Progress from less demanding to more demanding vocabulary-related activities, Encourage interest among students in learning process, Accommodate use of contextual cues, Expose learners to the use of dictionary, Exercise repetition by introducing words frequently, Promote deliberate vocabulary acquisition, and the last one is Expose learners with exercises and activities other than memorizing words. However, only participant three who did not practised Focus on different aspect of word and Limit forced semantic elaboration during the initial stages of learning new words as part of the lesson strategy, as she teaches level one of primary school students.

### Addressing Second Research Question

In addressing the second research question, the researcher put the answers gathered from the interview with the participants according to theme. These are the opinion given by the participant to justify their practice for each of the principles.

#### Selection Appropriate Word to Teach

The finding showed that all of the participants make their selection of word by referring to the text book or “Dokumen Standard Kurikulum & Pentaksiran” (D.S.K.P).

**P1:** 7:1 (47:49)

“I refer the text book and the syllabus. Inside the syllabus there is already a provided list of vocabulary, so I just pick any from the suggested vocabulary, and mix it with any that I want to teach to them”

8:31(84:84)

“I just printed a list of words that the students need to learn from D.S.K.P this morning, and depend on the day when we refer to the text book, we can look at the recommended words for certain topic on certain day.

**P2:** 8:7 (75:76)

“We refer to the text book, there is already a list provided. If we look at level 1 text book, it would be in color”

**P3:** 8:36 (206:207)

“I usually select the words from the textbook, because there is a list of words that we need to teach given in that book”

#### Focus On Different Aspect Of Word

The finding showed that P1 teach different aspect of word by teaching homograph, expanding the grammar, and by explaining the meaning of the word. On the other hand, P2 would make use of sentence structure to show how the word have different meaning in different context usage.

**P1:** 7:2 (61:64)

“We do have this... it’s called homophone... homograph... This is within the syllabus and we teach them”

“we expand the grammar, we teach present tense, present continuous tense, past continuous tense, perfect tense... all of these would be included into the teaching”

“For meaning like the word... “mean” had two meaning which is “evil” and the other one is “the definition of something”, I would have to explain this as it was also within the syllabus”

**P2:** 8:9 (95:95)

“On this one it is more on sentence structure at first, but we give simple sentence.. let’s say if the word is “work”... “my father works as a doctor”, and the other one is “he loves his work”

“We introduce this to them in sentence structure”

### **Progress from Less Demanding To More Demanding Vocabulary-Related Activities**

Under this principles, the finding showed that P1 would first drill the word until they get the word, and understood the meaning, before moving to sentences. Meanwhile P2 would first introduce the category of word, and makes the lesson more challenging than before. On the other hand, P3 would teach the words first, then move on to making phrases. She also believed that learners

**P1:** 7:5 (76:77)

“Usually I start with drilling them with the word until they get the word, and understood the meaning. Then I would give them sentences, and practices on sentences”-

**P2:** 8:10 (99-100)

“First we introduce the category either verb or noun. I had joined it once to make phrasal verb”

“Normally if for the activity, we would do it more difficult than before, and more difficult than before, but for level 1 the level of difficulty was not that high”

**P3:** 9:6 (47:51)

“first I teach them about the words, and then I move to learning about making phrases with the words”

“ level 1, where you have to teach them one by one... they need to be guided”

### **Limit Forced Semantic Elaboration During the Initial Stages Of Learning New Word**

Here the finding showed that, P1 and P2 limit the semantic elaboration by only introducing the basic meaning for the word that the taught to their students.

**P1:** 7:33 (172:175)

“I introduce the basic meaning in class by showing them some pictures first, then I would drill the words a few times. After that I would give them some sentences and drill those sentences”

**P2:** 8:34 (114:114)

“I just give them the basic meaning which is easy for them. For example, “orange”, I just give the meaning of it as a fruit and as a colour”

### **Encourage Interest Among Student During Learning Process**

Finding showed that P1 encourage interest from the students by using activities such as classroom activities, group work, language art, jigsaw puzzle, and story books. In contrast, P2 used activities such as singing, and outside activities. While P3 would make use of quiz, group work, and point system.

**P1:** 7:7 (91:91)

“I use activities, classroom activities, group work activities, these students really love the language art, because they can use their creativity”

“Last is I do jigsaw puzzle, where I use pictures to make jigsaw puzzle. Other than that, I use the book “king of kite”, after they read the story, they knew the characters, the storylines...”

**P2:** 8:13 (122:124)

“We give something for them to create it on their own.. or something to do with outside activity.

“So I asked him to sing the song, then he can answer it. So here it really help their long term memory and encourage their interest through singing the song, and we can see that they really do enjoy the activity, as they even mimic the animals action themselves”

**P3:** 9:7 (66:67)

“I think quiz, when we divide the kids into different groups, which group have the best group work, which group give the best answer, they would be given points. When points were involved, these kids would be so interested in the activities”

### **Accommodate Use of Contextual Cues**

In accommodating the use of contextual cues, finding showed both P1 and P3 use the students’ past experience knowledge in introducing word, however only P3 would use the characteristic of animal to make relation with the word. On the other hand, P2 make use of “realia” that exist inside the classroom.

**P1:** 7:9 (98:99)

“I asked the kids to do some sentences, especially level 2 students... they would use their past experience knowledge, what they usually see at school...”

7:10 (101:102)

“I usually apply it with writing, where I would give them picture... then ask them to write about the picture where they can use their past experience...”

**P2:** 8:15 (132:132)  
 “first we use “realia”, realia is whatever that exist inside the classroom. We introduce the words, we introduce the word cards, and the picture cards was also prepared at the school. So other than using word cards and picture cards, we can use realia”

**P3:** 9:5 (58:62)  
 “monkey”, “you’re so noisy like a monkey” ... that’s how I link the word “monkey” as something that is noisy.. (laugh), another example is “tiger” where I would say “I’m angry now.. do you want me to be a tiger?”

9:10 (91:92)

“Depend on the topic, for example for topic like “technology at home”, we would link the words with what they have at their home, for example “telephone”. I’ll ask them “do you have telephone at your home?”, “where is it?”, and they’ll answer at the living room”

### **Expose Learners to the Use of Dictionary**

In introducing dictionary the finding showed that, all participants teach about finding the word by teaching them alphabetical order first.

**P1:** 7:11 (104:104)  
 “First of all we would teach them on how to use the dictionary... how to find the words, where to look at...”

**P2:** 8:3 (46:46)  
 “I teach them this skill... like how to select which category of the word, as example I asked them to find the meaning of BEAR, BORE, and BORN... the forms of irregular verb. They sometimes select bear as a noun, the furry animal instead of the verb that I want. That’s why to me it’s important that they knew this dictionary skill”

8:17 (142:142)

“For the dictionary skill we would teach them about the alphabetical order, because if they didn’t know that they would take lots of time in searching for the word from the dictionary, so teach them how to arrange words in alphabetical order first”

**P3:** 9:11 (103:103)  
 “we would teach them on how to find letter “H”, first we teach them to look at the part of the letter. It is like doing the alphabetical order, where I would tell them to look at the first letter, if it is the same letter then take a look at the second letter, and so on”

### **Exercise Repetition by Introducing New Word Frequently**

In exercising repetition, the finding showed that P1 use drilling by repeating the word through story

**P1:** 7:14 (115:115)  
 “Story usually, if through story we would repeat the word repeatedly”

7:19 (135:135)



“well I usually use drilling... drill... drill... drill...”

**P2:** 8:18 (148:148)

“it would still be based on the same topic. Let’s say we teach about animal, reading would involve animals as well, even in writing it would be about animal. Then on the last day we would usually do language art. This language art is also the most interesting activity, where we would do singing, dancing, and it would also be based on the animal topic”

8:20 (160:160)

“we would repeat it. So the average for each word would be at around 20 to 25 words per week. Because if we didn’t repeat it, they would soon forget it”

**P3:** 9:13 (111:115)

“we’ll use the same words. As example the word “goat”, where we would first left the “g”... first we explain one, and then have them spell the word normally, then we would take one letter out, and then ask them to fill the right letter in for the word. Maybe after that, we would take the middle letter or the last letter, a consonant or vowel. Then we’ll jumble up the letters and have them arrange the letter to form the word, using the same word all over again for these activities”

### **Promote Deliberate Vocabulary Acquisition**

**P1:** 7:28 (106:107)

So what I usually do, I would give vocab first, depend on the topic. As example for a topic... I would give like 5 words per day, and they would jot down in their vocab book, then they would have to look for the meaning, and we repeat this until they acquire the vocab”

7:34 (178:178)

“I introduce new vocabulary is the same for each topic, which is by showing them picture or realias. Then I would drill the words to them until they can remember it”

**P2:** 8:38 (214:215)

“I would usually use new passage or sentences that included words and such as. So that they would understand the meaning and how to use such words”

“I would also use pictures that are related to the word that I want to teach... I also make use of drilling to these kids about words and such as”

**P3:** 9:35 (177:177)

“First what I would do is give them simple text, short stories, or sentences for them to read it. Then I would highlight what word that I would like to teach to the class. Then I would drill the words by using pictures, games, or any other activities that would be attractive to them”

### **Expose Learners With Exercises And Activities Other Than Memorizing Words**

**P1:** 7:7 (91:91)

“I use activities, classroom activities, group work activities... These students really love the language art, because they can use their creativity”

“Last is I do jigsaw puzzle, where I use pictures to make jigsaw puzzle. Other than that, I use the book “king of kite”, after they read the story, they knew the characters, the storylines.. Then we would start with decorating the kites. They will bring all kinds of ribbons, beads.. they will make their own kite”

7:12 (107:107)

“would give picture and ask them to write, example where we give them a picture of “Cave”, they would attach the picture in their book, and then write “cave” under that picture, so it would became their own picture dictionary. But we can expand it more depend on the teacher’s creativity.”

**P2:** 8:5 (60:60)

“we encourage them to jot down the notes, and other activities.

“I would pick a word and have student select a card for the answer as synonym for my word, and then they would paste the word which they think is the answer on the board”

“we give something for them to create it on their own.. or something to do with outside activity”

8:14 (128:128)

yes for level 1, we do singing, word game,

8:21 (162:162)

“Usually we would do drilling, which is lots of exercise, either in oral form, writing, or through singing”

8:27 (182:182)

“We usually do games, where when we do it during the society or curriculum, such as the word games, or language games, as it was more on language skill”

**P3:** 9:3 (35:35)

“I would drill the words to them, where I would give pictures along with the label, then I would drill for spelling, the pronunciation, and the last would be making sentences”

9:7 (66:66)

I think quiz, when we divide them kids into different groups, which group have the best group work, which group give the best answer, they would be given points”

9:20 (144:144)

“we would do the “word miss”. I would also give them group work, where we would only had to issue instruction to the kids, and when they’ve finished they would go to the front and present to the rest of the class. Sometimes I asked them to paste the finished works at the back of the classroom so other students can have a look at it.”

9:22 (150:150)

“In this activity, we make a few stations. For reading program it would be about sentences, so they shall have to change stations. For example this group would go to

station A,B, and C. They'll change station every 5 minutes, where at station A they arrange letters, at station B they would arrange words. Once time is up, they'll have to change station, and they also compete with other groups for this activity”

## DISCUSSION

From here the researcher had inferred that the research objectives had been answered as these eight principles were the one that are appropriate to be regarded as the applicable Vocabulary Teaching and Learning Principles for classroom practices. The researcher concluded that, even though all of the ten vocabulary teaching and learning principle are good, the experts only apply eight of them, thus there need to be more future studies on the importance of having good vocabulary instructions in teaching and learning vocabulary. For vocabulary teaching and learning principle allows learners to acquire vocabulary of foreign language better, and at the same time helps foreign language teacher to devise a better teaching and learning strategies for their learners. The researcher suggested that foreign language learners and teachers to apply these principles in teaching and learning vocabulary, as it is applicable for other language vocabulary acquisition process as well.

## REFERENCES

- Barcroft, J. (2004). Second Language Vocabulary Acquisition: A Lexical Input Processing Approach. *Foreign Language Annals*, 37(2), 200–208. <http://doi.org/10.1111/j.1944-9720.2004.tb02193.x>
- Christine Szeto Ngan-ha. (2007). The relationship between vocabulary development and reading and vocabulary learning Strategies. University of Hong Kong.
- Doughty, C. J., & Long, M. H. (2005). The Handbook of Second Language Acquisition. *Language Acquisition*. <http://doi.org/10.1017/S0272263105210288>
- Febrianti, D. (2013). “Improving Vocabulary ABILITY BY USING COMIC ” Abstract :, (July 2013), 1–8.
- Hogben, M. J. L. D. (1996). The Vocabulary-Learning Strategies of Foreign-Language Students. *Language Learning*, 46(1), 101–135. <http://doi.org/10.1111/j.1467-1770.1996.tb00642.x>
- Kurniawan, E. H. (2009). Improving Vocabulary ABILITY BY USING COMIC. *Cendekia*, (June 2009), 1–8.
- Laufer, B., & Hulstijn, J. (2001). Incidental vocabulary acquisition in a second language: The construct of task-induced involvement. *Applied Linguistics*, 22, 1–26. <http://doi.org/10.1093/applin/22.1.1>
- Manyak, P. C., & Bauer, E. B. (2009). English Vocabulary Instruction for English Learners. *Reading Teacher*, 63(2), 174–176. <http://doi.org/10.1598/RT.63.2.11>
- Merriam Webster. (2015). Merriam Webster. Retrieved from <http://www.merriam-webster.com/dictionary/context>
- Zhelyazova, E. P. (2011). Vocabulary perceptions and principles in foreign language learning and teaching. *SCIENTIFIC University of Rousse*, 50(6.3), 145–154.

## PEMBINAAN FORMULA KEBOLEHBACAAN BAHAN BACAAN ARAB UNTUK PELAJAR BUKAN PENUTUR JATI

Kamarulzaman Abdul Ghani  
Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan  
kamarulzaman@umk.edu.my

Ahmad Sabri Noh  
Jabatan Bahasa Ketiga  
Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam  
sobrinz11@gmail.com

Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
nik@ukm.edu.my

### ABSTRAK

Kajian kebolehbacaan teks bahasa Arab sedang berkembang di negara Arab, tetapi masih lagi pada peringkat awal di Malaysia. Kekurangan alat ukur untuk menilai kesesuaian buku teks dengan pembaca sasaran dalam kalangan bukan penutur jati menjadi kekangan yang mendorong kajian ini dijalankan. Sehubungan itu kertas ini membincangkan usaha membina satu formula kebolehbacaan bahan bacaan Arab di Malaysia yang telah dilakukan. Kajian ini melibatkan sampel daripada populasi semua buku teks berbahasa Arab yang digunakan di sekolah-sekolah menengah Agama di Malaysia. Satu analisis linguistik telah dilakukan serta analisis inferensi bagi melihat tahap kekuatan hubungan setiap pola linguistik dengan tahap kebolehbacaan. Dapatan kajian mendapati tahap hubungan antara ciri linguistik yang dianalisis tidak kuat. Namun ia masih boleh dijadikan formula asas kearah penambahbaikan. Hal ini terjadi disebabkan buku-buku teks yang menjadi sampel kajian tidak mempunyai ciri penulisan yang baik. Satu usaha yang menyeluruh bagi memastikan kualiti penyediaan buku teks berbahasa Arab dilakukan dengan baik perlu diwujudkan.

**Kata Kunci:** formula kebolehbacaan; kebolehbacaan; bahan bacaan arab; sekolah menengah agama; ciri linguistik

### PENDAHULUAN

Amalan membaca teks dalam bahasa Arab masih diteruskan dalam disiplin ilmu Islam sehingga kini kerana ia merupakan warisan ilmu yang diperturunkan dari satu generasi ke generasi lain melalui penulisan para ulamak yang merupakan khazanah bagi memastikan kelangsungan peradaban umat Islam. Proses pemindahan ilmu, pembentukan pemikiran serta tingkah laku mempunyai kaitan dengan pemilihan teks bacaan yang bermakna. Teks bacaan bahasa Arab bukan sahaja berperanan sebagai medium pembelajaran bahasa, bahkan sebagai wadah untuk mendalami ilmu yang berteraskan ketauhidan kepada Allah SWT.

Penggunaan teks bacaan yang bersesuaian untuk pengajaran dan pembelajaran, perlu dipilih oleh pengajar untuk mendapatkan refleksi dan penglibatan yang positif dalam pengajaran dan pembelajaran daripada pelajar. Hal ini adalah penting, memandangkan dalam konteks Malaysia, capaian dan peluang untuk menggunakan bahasa Arab adalah terhad. Penggunaan teks bacaan yang bersesuaian adalah penting dalam proses pembelajaran kerana

ia dapat membantu menimbulkan minat pelajar dan membantu mereka menguasai bahasa ini dengan lebih berkesan (Kamarulzaman 2011). Selain itu, pelajar perlu dilatih supaya mempunyai autonomi dan tanggungjawab dengan mengamalkan pembelajaran berpusatkan pelajar (*student-centred learning*), seperti membaca bahan bacaan tambahan agar mereka lebih berdikari dan lebih aktif dalam pembelajaran serta tidak semata-mata mengharapkan bantuan daripada guru (Pintrich 1999). Sehubungan dengan itu, teks bacaan dalam bahasa Arab perlu mengikut tahap kebolehbacaannya untuk memastikan kesesuaian bahan tersebut dengan tahap berbahasa pelajar.

Pengukuran kebolehbacaan teks bahasa Arab dan kajian kebolehbacaan bahasa Arab masih lagi asing terutama di Malaysia (Kamarulzaman et.al. 2014), tidak seperti mana pengukuran kebolehbacaan bahasa Inggeris yang sudah lama diterokai dan terus berkembang sehingga kini (al-Khalifa & al-Ajlan 2010). Oleh yang demikian, pemilihan, penyediaan dan penggunaan bahan bacaan bahasa Arab yang sesuai dengan tahap penguasaan bahasa Arab pelajar terutama pelajar bukan penutur jati perlu diberi perhatian untuk memastikan pembacaan berterusan dengan berkesan.

## KAJIAN PENGUKURAN KEBOLEHBACAAN TEKS ARAB

Dawood (1977) telah menjalankan kajian terhadap hubung kait antara kesukaran membaca dan pemboleh ubah linguistik yang telah ditentukan, untuk menentukan keberkesanan pemboleh ubah tersebut dalam meramal tahap kebolehbacaan teks. Beliau menggunakan 30 petikan daripada buku teks membaca untuk gred empat, lima dan enam. Seterusnya, seramai 360 pelajar daripada gred lima menjawab ujian klox. Skor ujian klox tersebut digunakan sebagai pemboleh ubah kriteria, manakala skor terhadap pemboleh ubah linguistik Arab, digunakan sebagai pemboleh ubah peramal. Pemboleh ubah ciri linguistik yang dikaji ialah purata panjang ayat, purata panjang perkataan, jumlah perkataan yang kerap digunakan, peratus ayat kata nama dan peratus kata nama khas. Pemboleh ubah yang mempunyai hubung kait yang signifikan dengan skor ujian klox telah dipilih sebagai faktor peramal pembinaan formula. Pemboleh ubah yang mempunyai nilai korelasi yang tinggi, iaitu 0.9 ialah purata panjang perkataan, purata panjang ayat dan purata perkataan yang kerap digunakan.

Al-Heeti (1984) telah menjalankan kajian untuk menentukan kebolehbacaan teks menggunakan kaedah JAN (*Judgement Analysis*), iaitu analisis pertimbangan pakar. Beliau menggunakan skor profil dari maklum balas daripada pakar terhadap 60 petikan yang dipilih secara rawak daripada buku teks bacaan Arab, dari gred satu hingga enam, yang digunakan oleh pelajar sekolah rendah di beberapa negara Arab. Lima belas orang guru yang mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya lima tahun di sekolah rendah di Iraq telah dilibatkan menjadi penilai dalam kajian ini. Mereka dikehendaki menilai 60 petikan berdasarkan skala sepuluh mata. Mereka ditugaskan untuk mengelaskan 10 petikan. Skala 1 iaitu senang, sesuai untuk gred satu, dan skala 10 iaitu sukar, sesuai untuk gred enam. Gred kebolehbacaan teks adalah berdasarkan beberapa pemboleh ubah linguistik. Faktor-faktor peramal kebolehbacaan teks yang dimasukkan dalam persamaan regresi berganda (*stepwise*) adalah:

1. Purata panjang ayat
2. Purata panjang perkataan
3. Purata perkataan yang kerap digunakan
4. Peratus kata nama khas
5. Peratus ayat kata nama

Hasil dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubung kait yang signifikan antara purata panjang perkataan, purata panjang ayat dan perkataan yang kerap digunakan. Hasil

daripada analisis regresi berganda (*stepwise*), formula persamaan matematik untuk menganggar tahap kebolehbacaan sesuatu petikan adalah seperti berikut:

$$\text{Polisi 1: RD} = 4.41434 (\text{purata panjang perkataan}) - 13.4687$$

$$\text{Polisi 2: RD} = 0.98 (\text{purata panjang ayat}) + 0.38 (\text{purata panjang perkataan}) - 0.91 (\text{purata bilangan perkataan berulang/ kerap}) - 1.06$$

Secara empirikal, formula yang dibangunkan boleh digunakan secara manual oleh guru untuk menganggar kebolehbacaan buku teks yang disediakan untuk kegunaan pelajar gred 1 hingga 6 di sekolah rendah di Iraq (al-Heeti 1984).

Kajian pengukuran seterusnya dijalankan oleh Mat Daud et al. (2013) dengan menggunakan pendekatan yang ringkas bagi mengukur kebolehbacaan teks. Kaedah pengukuran yang dikaji adalah berdasarkan pengiraan skor purata perkataan dalam teks. Skor perkataan didapati daripada kekerapan perkataan yang terdapat di dalam *King Abdul Aziz City For Science and Technology Arabic Corpus* (KACSTAC), iaitu korpus umum yang mengandungi teks daripada majalah, buku, surat khabar, jurnal, disertasi, bahan edaran daripada agensi kerajaan, kurikulum sekolah dan bahan internet.

Pengkaji membuat andaian bahawa semakin kerap perkataan digunakan semakin mudah pembaca memahami teks. Skor perkataan merupakan nilai songsangan penarafan perkataan dalam korpus. Oleh yang demikian, semakin rendah nilai skor perkataan keseluruhan, semakin mudah teks dibaca. Walau bagaimanapun, kajian ini merupakan kajian awal yang tidak menyediakan rumusan yang jelas tentang keberkesanan kaedah tersebut.

Al-Tamimi et al. (2014) dalam kajian beliau mengemukakan satu kaedah secara automatik untuk menentukan indek kebolehbacaan teks berbahasa Arab dengan menggunakan faktor analisis untuk melihat faktor-faktor yang menyumbang secara signifikan kepada kebolehbacaan. Persamaan matematik daripada analisis faktor dimasukkan dalam perisian komputer agar indek kebolehbacaan dapat dikira secara automatik. Penyelidik tersebut menggunakan lebih daripada 1196 teks daripada pelbagai subjek yang digunakan di Jordan oleh pelajar gred satu hingga gred sepuluh. Mereka menganalisis faktor-faktor linguistik teks iaitu: purata bilangan huruf dalam perkataan, purata bilangan perkataan dalam ayat, purata perkataan sukar, bilangan huruf, bilangan perkataan, bilangan ayat dan bilangan perkataan sukar. Walau bagaimanapun, faktor yang menyumbang kepada kebolehbacaan dan mempunyai muatan yang tertinggi dipilih mewakili persamaan matematik iaitu:

$$\text{Indek kebolehbacaan AARI} = (3.28 \times \text{Bilangan huruf}) + (1.43 \times \text{purata panjang perkataan}) + (1.24 \times \text{purata panjang ayat}).$$

## PERNYATAAN MASALAH

Menurut Kamarulzaman dan rakan-rakan (2009b) bidang kebolehbacaan sudah lama bertapak dan popular di barat. Dalam konteks bahan bacaan bahasa Arab usaha untuk membina penanda aras kebolehbacaannya adalah terlalu kurang (al-Ajlan et.al. 2008). Apatah lagi dalam mengukur senang sukar sesebuah bahan bacaan Arab dalam konteks pembaca bukan penutur jati khasnya di Malaysia. Alat ukur yang sering digunakan untuk menanda aras adalah melalui ujian kloz (Kamarulzaman & Hassan basri 2009). Jika ditinjau buku berbahasa Arab yang digunakan pada peringkat sekolah serta institusi pengajian tinggi dalam pengajian Islam di Malaysia majoriti adalah ditulis untuk pembaca Arab. Malah kurikulum agama al-Azhar yang digunakan di sekolah-sekolah agama juga berorientasikan laras bahasa untuk pembaca Arab (Kamarulzaman 2011).

Keadaan ini agak kritikal kerana salah satu faktor yang boleh membantu pelajar meningkatkan kemahiran membaca bahasa Arab adalah melalui penggunaan bahan bacan yang sesuai dengan aras bahasa pelajar serta boleh meningkatkan motivasi pelajar untuk membaca bahan tersebut (Kamarulzaman et.al. 2009a). Ini dapat dilihat isu kelemahan

lepasan sekolah dan universiti dalam aliran agama yang tidak mahir berbahasa Arab antaranya membaca.

Memandangkan tidak ada sebelum ini usaha untuk membina penanda aras sesuai yang boleh menjadi sandaran dalam mengukur aras kesukaran sesuatu bahan bacaan Arab serta panduan dalam pembinaan bahan bacaan untuk pembelajaran di sekolah khususnya di Malaysia, satu kajian perlu dilakukan sebagai membina asas kearah membangunkan penanda aras kebolehbacaan bahan bacaan Arab di Malaysia (Kamarulzaman et.al. 2017). Ini bertepatan dengan saranan Kamarulzaman (2010) melalui tesis kedoktorannya supaya suatu usaha mengenal pasti pemboleh ubah linguistik dalam konteks bukan penutur jati di Malaysia dalam usaha pembinaan penanda aras berasaskan formula kebolehbacaan bahan bacaan berbahasa Arab dalam pengajian Islam untuk pembaca bukan penutur jati.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti aspek pemboleh ubah linguistik yang mempengaruhi tahap kesukaran teks bacaan dalam kalangan pembaca bukan penutur jati di Malaysia dalam usaha membina penanda aras berasaskan formula kebolehbacaan teks Arab untuk pembaca bukan penutur jati. Reka bentuk yang sesuai bagi mencapai tujuan kajian ini ialah menggunakan analisis kandungan (*content analysis*), iaitu menganalisis ciri-ciri linguistik yang digunakan dalam sampel teks. Seterusnya, daripada data yang diperoleh, kajian dikembangkan menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu data dianalisis menggunakan analisis statistik secara deskriptif dan inferensi. Hal ini dapat dilakukan dengan mengira kekerapan suatu kategori dalam unit analisis.

Analisis kandungan teks dalam kajian ini bertujuan menyelidiki buku teks yang digunakan oleh sekumpulan pelajar yang terdiri daripada pelbagai tahap pendidikan, iaitu pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima. Ia mengenal pasti tahap penggunaan ciri-ciri linguistik dalam teks berbahasa Arab. Ciri-ciri linguistik yang dikaji dalam kajian ini adalah berdasarkan kajian sarjana dalam kajian kebolehbacaan dan mendapat pengesahan daripada ahli linguistik bahasa Arab. Sampel teks bacaan merupakan sampel dari buku teks Kurikulum Agama yang digunakan oleh pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima dalam pelbagai mata pelajaran pendidikan Islam dan bahasa Arab. Analisis yang akan dilakukan, dapat memberikan gambaran sebenar tahap penggunaan ciri-ciri linguistik bahasa Arab yang dikenal pasti oleh pengkaji. Antara ciri-ciri linguistik yang dikaji ialah ayat mudah, ayat kompleks, ayat kata nama, perkataan biasa dan kerap, perkataan abstrak, kata hubung dan penanda wacana serta purata panjang ayat. Ciri-ciri linguistik ini telah dikenal pasti oleh para pengkaji dalam kajian kebolehbacaan teks.

Analisis deskriptif dilakukan untuk memerihai atau mendeskripsikan pemboleh ubah kajian, kekerapan, min dan sisihan piawai (Gall et al. 2003). Bagi memerihalkan tahap penggunaan ciri-ciri linguistik kajian ini terlebih dahulu menentukan kedudukan tahap berdasarkan skor kekerapan bagi setiap ciri linguistik tersebut. Statistik inferensi utama yang digunakan ialah analisis korelasi *Pearson* untuk melihat hubungan antara ciri-ciri linguistik dan tahap kebolehbacaan serta analisis regresi berganda (*stepwise*) untuk melihat sumbangan ciri-ciri linguistik terhadap tahap kebolehbacaan teks serta menentukan pemboleh ubah yang tinggi menyumbang kepada perubahan kepada pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini ialah ciri-ciri linguistik yang telah dikenal pasti, manakala pemboleh ubah bersandar ialah tahap kebolehbacaan teks mengikut tahap norma pelajar. Ia terdiri daripada lima tahap iaitu sangat senang, senang, sederhana, sukar dan sangat sukar. Kebolehbacaan teks ini ditentukan dengan menggunakan skala tahap kebolehbacaan 1 hingga 5 - iaitu sangat senang (1) senang (2) sederhana (3) sukar (4) sangat sukar (5).

Definisi dan tatacara pengekodan dijadikan panduan oleh pengekod semasa proses pengekodan ciri-ciri linguistik. Jadual 1 menunjukkan ringkasan pengekodan dalam analisis kandungan kajian:

JADUAL 1. Ringkasan pengekodan ciri-ciri linguistik

<b>Kod</b>	<b>Kategori</b>	<b>Definisi</b>	<b>Tatacara Analisis</b>
Xp1	Perkataan biasa dan kerap digunakan	Perkataan yang biasa dan kerap digunakan berdasarkan norma pelajar di Malaysia.	Rujuk Senarai Kosa Kata Abdul Rahman Chik (1994). Jumlah perkataan dalam 100 patah perkataan.
Xp2	Perkataan abstrak	Perkataan yang memberi makna konsep yang umum atau kompleks, yang tidak dapat dibuktikan oleh deria 5.	Jumlah perkataan dalam 100 patah perkataan.
Xa1	Ayat mudah	Ayat yang mempunyai satu klausa bebas, iaitu boleh berdiri dengan sendiri untuk membina makna. Klausa bebas terdiri dari satu subjek dan satu predikat	Mengira jumlah ayat mudah yang lengkap.
Xa2	Ayat kompleks	Gabungan satu klausa bebas dan satu atau lebih klausa tidak bebas. Klausa tidak bebas tidak boleh berdiri dengan sendiri untuk membina makna dan memerlukan penerangan daripada klausa bebas.	Mengira jumlah ayat kompleks yang lengkap.
Xa3	Ayat kata nama	Struktur ayat yang dimulai dengan kata nama.	Mengira jumlah ayat kata nama yang lengkap.
Xa4	Purata Panjang Ayat	Struktur ayat yang lengkap yang membina makna. Ayat terdiri daripada subjek dan predikat atau kombinasi klausa bersandar dan tidak bersandar	Mengira jumlah ayat dalam 100 patah perkataan. 100 patah perkataan dibahagi dengan jumlah ayat.
Xh	Kata hubung dan penanda wacana	Sebagai perkataan atau frasa yang digunakan mengikut fungsi yang tertentu untuk menghubungkan idea, hujah, cerita, konsep dengan konsep yang lain. Ia digunakan untuk menghubungkan idea dalam	Jumlah kata hubung dan penanda wacana dalam 100 patah perkataan.



---

ayat, antara ayat, atau  
antara perenggan.

---

Analisis regresi berganda langkah demi langkah (*stepwise*) digunakan bagi mengenal pasti sumbangan relatif pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar. Data daripada setiap pemboleh ubah digunakan untuk melihat bentuk hubungan atau model yang wujud, sama ada hubungan linear atau tidak linear, dan menganggar parameter-parameter dalam model tersebut.

Hubungan-hubungan di atas boleh diungkapkan dalam bentuk yang lebih kemas, iaitu dalam bentuk model regresi linear berganda seperti berikut:

$$Y = a + b_1X_1 + b_2X_2 + b_3X_3 + \dots + b_nX_n + r$$

di mana:

Y = pemboleh ubah bersandar;

a = ialah pemalar;

b<sub>1</sub>, b<sub>2</sub>, b<sub>3</sub>, b<sub>n</sub> = pekali regresi;

X<sub>1</sub>, X<sub>2</sub>, X<sub>3</sub>, X<sub>n</sub> = pemboleh ubah bebas;

r = ialah ralat piawai.

Persamaan ini membolehkan pengkaji mendapatkan satu kombinasi secara linear pemboleh - pemboleh ubah bebas yang menjadi peramal terbaik ke atas pemboleh ubah bersandar (Tabachnick & Fidell 2007).

Pengesahan kesesuaian model yang digunakan diperiksa dengan merujuk kepada nilai R kuasa dua (R<sup>2</sup>) Terlaras (Pallant 2011). Nilai R kuasa dua terlaras memberi idea tentang sejauh mana model regresi boleh digeneralisasikan kepada populasi. Sekiranya nilai R kuasa dua terlaras menyamai atau menghampiri nilai R kuasa dua, ini menunjukkan model tersebut adalah berpadanan dengan data set dalam populasi (Field 2005).

Selain melihat nilai R kuasa dua terlaras, pengkaji juga menggunakan kaedah *Bootstrap* (*Bootstraps approach*) yang terdapat dalam perisian SPSS untuk memastikan ketepatan pengesahan model. Kaedah *Bootstrap* merupakan kaedah yang sesuai dan lebih tepat untuk menguji kesahan model regresi tanpa memerlukan jumlah sampel yang besar (Efron & Tibshirani 1993; Wood 2004).

## DAPATAN KAJIAN

Statistik deskriptif digunakan untuk melihat secara menyeluruh tentang tahap penggunaan ciri-ciri linguistik iaitu penggunaan ayat mudah, ayat kompleks, ayat kata nama, perkataan biasa dan kerap, perkataan abstrak, kata hubung dan penanda wacana dan purata panjang ayat. Jadual 2 menunjukkan analisis keseluruhan ciri-ciri linguistik tersebut.

JADUAL 2. Taburan ciri-ciri linguistik berdasarkan keseluruhan tingkatan

Pemboleh ubah	n	Min	S.P
Ayat Mudah	313	1.99	1.49
Ayat Kompleks	313	5.46	1.25
Ayat Kata Nama	313	4.21	2.24
Purata Panjang Ayat	313	14.18	3.22
Perkataan Biasa & Kerap	313	95.44	2.48
Perkataan Abstrak	313	11.87	5.54
Kata Hubung & Penanda Wacana	313	5.38	2.26

Jadual 2 menunjukkan taburan min penggunaan ciri linguistik yang dikaji dalam keseluruhan sampel teks (n=313). Dari segi penggunaan jenis ayat, min penggunaan ayat kompleks (min= 5.46) iaitu sebanyak 73.24% adalah lebih tinggi berbanding min ayat mudah (min= 1.99) iaitu sebanyak 26.76%. Nilai min penggunaan ayat kata nama ialah min= 4.21 dengan 56.56%. Seterusnya dari segi purata panjang ayat nilai min ialah =14.18. Dari segi penggunaan perkataan, perkataan biasa dan kerap mendominasi sampel teks dengan nilai min= 95.44 iaitu 95.44% berbanding perkataan abstrak dengan nilai min= 11.87 dengan 11.87% daripada 100 jumlah patah perkataan dalam sampel teks. Nilai min penggunaan kata hubung dan penanda wacana ialah min= 5.38 dengan 5.38%.

Secara keseluruhannya, hasil analisis data kajian melalui sisihan piawai ini menunjukkan bahawa taburan penggunaan ciri-ciri linguistik mempunyai taburan keseragaman yang berbeza berdasarkan nilai sisihan piawai. Taburan penggunaan yang paling seragam ialah ayat kompleks diikuti oleh ayat mudah, ayat kata nama, kata hubung dan penanda wacana serta perkataan biasa dan kerap, manakala taburan purata panjang ayat menunjukkan taburan yang kurang seragam dan perkataan abstrak menunjukkan taburan yang tidak seragam.

Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah ciri-ciri linguistik: ayat mudah, ayat kompleks, ayat kata nama, perkataan biasa dan kerap, perkataan abstrak, kata hubung dan penanda wacana serta purata panjang ayat. Pemboleh ubah bebas pula terdiri daripada tahap kebolehbacaan teks iaitu tahap 1, 2, 3, 4 dan 5. Bagi mengenal pasti perkaitan antara pemboleh ubah yang dikaji, ujian korelasi *Pearson* telah dijalankan untuk menganalisis perkaitan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian.

Jadual 3 memaparkan dapatan analisis korelasi *Pearson* yang menjelaskan perkaitan antara kesemua pemboleh ubah kajian.

JADUAL 3. Korelasi *Pearson* antara ciri-ciri linguistik dengan tahap kebolehbacaan teks

Pemboleh ubah	Tahap Kebolehbacaan Teks	
	r	Sig.
Ayat Mudah	-.102	.072
Ayat Kompleks	-.135	.017
Ayat Kata Nama	.027	.637
Perkataan Biasa Dan Kerap	-.606	.000
Perkataan Abstrak	-.023	.683
Kata Hubung Dan Penanda Wacana	-.403	.000
Purata Panjang Ayat	.160	.005

Sig. pada aras 0.05

Kekuatan hubungan antara pemboleh ubah ditafsirkan berdasarkan cadangan Cohen (1988) seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

JADUAL 4. Tafsiran pekali korelasi mengikut Cohen (1988)

Nilai Korelasi (r)	Kekuatan perkaitan
0.10-0.29	Rendah
0.30-0.49	Sederhana
0.50-1.00	Kuat

Berdasarkan jadual 4, didapati pemboleh-pemboleh ubah yang menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan dengan tahap kebolehbacaan teks ialah pemboleh ubah ayat kompleks, perkataan biasa dan kerap, kata hubung dan penanda wacana serta purata panjang ayat, manakala pemboleh ubah ayat mudah, ayat kata nama dan perkataan abstrak menunjukkan perkaitan yang tidak signifikan dengan tahap kebolehbacaan teks.

Secara keseluruhan keputusan analisis korelasi *Pearson* ke atas pemboleh ubah ciri-ciri linguistik dengan tahap kebolehbacaan teks, didapati hanya empat pemboleh ubah sahaja yang mempunyai perkaitan secara signifikan, iaitu perkataan biasa dan kerap dengan perkaitan yang kuat, kata hubung dan penanda wacana dengan perkaitan yang sederhana, purata panjang ayat dan ayat kompleks yang menunjukkan perkaitan yang rendah dengan tahap kebolehbacaan teks. Tiga pemboleh ubah didapati tidak wujud perkaitan yang signifikan dengan tahap kebolehbacaan teks, iaitu pemboleh ubah ayat mudah, ayat kata nama dan perkataan abstrak.

Prosedur statistik (*stepwise*) digunakan untuk mendapatkan subset pemboleh ubah peramal (ciri-ciri linguistik) yang bermakna untuk meramal pemboleh ubah kriterion (tahap kebolehbacaan teks) di mana tertib memasukkan pemboleh ubah peramal ke dalam persamaan regresi adalah berdasarkan kriteria statistik.

On the other word, Table 7 presents that knowledge sharing directly influence on interactive participation with coefficient is 0.881 and interactive participation directly impacts on social capital online with coefficient 0.313 and p-value is significantly at 0.032. Moreover, Knowledge sharing indirectly impacts on social capital online via interactive participation because the path coefficient is 0.276 and p-value is significantly 0.00. Thus, the result indicates that interactive participation is partial mediation between knowledge sharing and social capital online.

*TABLE 7. Structural parameters of the mediation role of Interactive Participation for the Relationship between Knowledge Sharing and Social Capital Online*

	<b>Model</b>	<b>Direct effect</b>	<b>Indirect effect</b>	<b>Significant of direct effect</b>	<b>Significant of indirect effect</b>	<b>Mediation type</b>
<b>H1</b>	Knowledge Sharing --- > Interactive Participation	0.881		P=0.000 Significant		Partial Mediation
<b>H2</b>	Interactive Participation -----> Social Capital Online	0.313		P=0.032 Significant		
<b>H3 and H4</b>	Knowledge Sharing --- > Social Capital Online Via Interactive Participation	0.454	0.276	P=0.004 Significant	P=0.001 Not Significant	

*Source: the mediator effect exceeds the value 0.08 is significant (Hair et al.,2006).*

## DISCUSSION AND CONCLUSION

The study examined the role of access information and knowledge sharing for social capital online and determine the mediation role of interactive participation access information, knowledge sharing and social capital online by non-profit organizations in Yemen. The results showed that access information has no significant influence on interactive participation but it was significant and positive effect on social capital online. In addition, knowledge sharing had a strong significant and positive impact with interactive participation as well as social capital online among non-profit organizations in Yemen. The results of the study show knowledge sharing was considered an important factor that influences social capital online among non-profit organizations especially in the Middle East and in Yemen in particular. The results showed that interactive participation was partial mediation between knowledge sharing and social capital online but it was no mediation between access information and social capital online. It is through practice, preparation, and familiarity that social media use factors (access information and knowledge sharing) can be used to the fullest in social capital online. Furthermore, social capital online can be an extremely effective tool in these situations, and by optimizing its use, responders can better uphold the humanitarian imperative and alleviate suffering for more victims of humanitarian crises among non-profit organizations in Yemen. This study can serve as a guide to practitioners, social policy makers, governmental and non-governmental as well as non-profit organizations. Moreover, this study will be beneficial to scholars in conducting studies about social and communication science in any country, and in Yemen in particular.

## ACKNOWLEDGMENTS

We would like to thank all who participated in the interviews for feedback and assistance. This project was supported by Al-awn Foundation for Development and Benevolent Fund for Outstanding Students in Yemen

## REFERENCES

- Ahmad, M., Zani, N. M., & Hashim, K. F. (2015). Knowledge sharing behaviour among flood victims in Malaysia. *ARNP Journal of Engineering and Applied Sciences*, 10(3), 968-976.
- Amichai-Hamburger, Y. (2008). Potential and promise of online volunteering. *Computers in Human Behavior*, 24, 544–562.
- Baran, S. J., & Davis, D. K. (2011). *Mass communication theory: Foundations, ferment, and future*. Cengage Learning.
- Blumler, J.G., & Katz, E. (1974). *The uses of mass communication: Current perspectives on gratification research*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Cho, S.E. & Park, H.W. (2013). Social media use during Japan's 2011 earthquake: How Twitter transfers the locus of crisis communication. *Media International Australia*, 149, 28-40.
- Burke, M., Marlow, C., & Lento, T. (2010). Social Network Activity and Social Well-Being, 2–5.
- Burke, M., Kraut, R., & Marlow, C. (2011). Social capital on facebook. *Proceedings of the 2011 Annual Conference on Human Factors in Computing Systems - CHI '11*, 571. Retrieved from <http://dl.acm.org/citation.cfm?id=1978942.1979023>
- Chang, K. (2010). Community cohesion after a natural disaster: insights from a Carlisle flood. *Disasters*, 34(2), 289-302.
- Chatfield, A. T., Akbari, R., Mirzayi, N., & Scholl, H. J. (2012, January). Interactive effects of networked publics and social media on transforming the public sphere: A survey of Iran's leaderless' social media revolution'. In *System Science (HICSS), 2012 45th Hawaii International Conference on* (pp. 2552-2562). IEEE.
- Chiu, C. M., Hsu, M. H., & Wang, E. T. (2006). Understanding knowledge sharing in virtual communities: An integration of social capital and social cognitive theories. *Decision support systems*, 42(3), 1872-1888.
- Caitlin Kelley. "Women's Refugee Commission - Top 10 Needs Facing Refugees and Those Displaced in Emergencies". [Womensrefugeecommission.org](http://Womensrefugeecommission.org). Retrieved 9 February 2015.
- Crandall, W. & Spillan, J. E. (2010). *Crisis Management in the New Strategy Landscape*.
- Cravens, J. (2006). Involving international online volunteers: Factors for success, organizational benefits, and new views of community. *The International journal of volunteer administration*, 24(1), 15-23.
- England, E., & Finney, A. (2002). *Interactive Media—what's that? Who's involved?*. ATSF White Paper—Interactive Media UK.
- Gao, H., Barbier, G., & Goolsby, R. (2011). Harnessing the crowdsourcing power of social media for disaster relief. *IEEE Intelligent Systems*, 26(3), 10–14.
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Black, W. B., Babin, B., & Tatham, R. L. (2006). *Multivariate Data Analysis. Auflage, Upper saddle river*. (Seven, Ed.).
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Black, W. B., & Tatham, R. L. (2010). *Multivariate Data Analysis: Prentice Hall*.
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Tatham, R. L. & Black, W. C. (1998). *Multivariate Data Analysis* (5th ed.), New Jersey, Prentice-Hall.
- Harlow, S. (2012). Social media and social movements: Facebook and an online Guatemalan justice movement that moved offline. *New Media & Society*, 14(2), 225-243.
- Hiltz, S. R., Diaz, P., & Mark, G. (2011). *Introduction: Social Media and Collaborative*

- Systems for Crisis Management. *ACM Transactions on Computer-Human Interaction*, 18(4), 1–6. Retrieved from <http://dl.acm.org/citation.cfm?doid=2063231.2063232>
- Fornell, C., & Larcker, D. F. (1981). Evaluating structural equation model with unobservable variables and measurement error. *Journal of Marketing Research* 18 (1), 39-50.
- Fuchs, G., Andrienko, N., Andrienko, G., Bothe, S., & Stange, H. (2013, November). Tracing the German centennial flood in the stream of tweets: first lessons learned. In *Proceedings of the second ACM SIGSPATIAL international workshop on crowdsourced and volunteered geographic information* (pp. 31-38). ACM.
- Falkheimer, J. (2006). *When Place Images Collides: Place Branding and News Journalism*. Nordicom.
- Goolsby, R. (2010). Social media as crisis platform: The future of community maps/crisis maps. *ACM Transactions on Intelligent Systems and Technology (TIST)*, 1(1), 7.
- Kaigo, M. (2012). Social media usage during disasters and social capital: Twitter and the Great East Japan earthquake. *Keio Communication Review*, (34), 19–35. Retrieved from
- Kaklauskas, A., Amaratunga, D., & Haigh, R. (2009). Knowledge model for post-disaster management. *International journal of strategic property management*, 13(2), 117-128.
- Kaplan, A. M., & Haenlein, M. (2011). The early bird catches the news : Nine things you should know about micro-blogging, 9. Retrieved from [https://scholar.google.com/scholar?q=+Haenlein,+2011&btnG=&hl=en&as\\_sdt=0,5](https://scholar.google.com/scholar?q=+Haenlein,+2011&btnG=&hl=en&as_sdt=0,5)
- Lettieri, E., Borga, F., & Savoldelli, A. (2004a). Knowledge management in non-profit organizations. *Journal of Knowledge Management*, 8, 16–30. Retrieved from <http://www.emeraldinsight.com/doi/abs/10.1108/13673270410567602>
- Lee, K. S., & Kim, S. Y. (2007). Factors influencing the adoption behavior of mobile banking. A South Korean perspective. *Journal of Internet Banking and Commerce*, 12(2), 1-9
- Maxwell, E. M. (2014). Motivations to Tweet: A uses and gratification perception of Twitter use during A natural Disaster. *Igarss 2014*, (1), 1–5.
- Mathbor, G. M. (2007). Enhancement of community preparedness for natural disasters: The role of social work in building social capital for sustainable disaster relief and management. *International Social Work*, 50(3), 357–369. Retrieved from <http://isw.sagepub.com/cgi/doi/10.1177/0020872807076049>
- Matei, S. A. (2010). What can uses and gratifications theory tell us about social media?. *Human Communication Research*, 3(3), 214-221.
- Patterson, O., Weil, F., & Patel, K. (2010). The role of community in disaster response: conceptual models. *Population Research and Policy Review*, 29(2), 127-141.
- Philip, N. (2008). Natural Disasters and the Risk of Violent Civil Conflict, 159–185.
- Pikkarainen, K., Karjaluo, H., & Pahlila, S. (2004). Consumer acceptance of online banking: An extension of the technology acceptance model. *Internet Research*, 14(3), 224-235.
- Ramirez, M. (2010). *Coordination in Humanitarian Relief Chains : Practices , Challenges , and Opportunities*, (July), 14.
- Reuter, C., & Scholl, S. (2014). Technical Limitations for Designing Applications for Social Media, Retrieved from [https://scholar.google.com/scholar?q=+Reuter+and+Scholl+2014&btnG=&hl=en&as\\_sdt=0,5](https://scholar.google.com/scholar?q=+Reuter+and+Scholl+2014&btnG=&hl=en&as_sdt=0,5).
- Sathye, M. (1999). Adoption of Internet banking by Australian consumer: An empirical i investigation. *International Journal of Bank Marketing*, 17(7), 324-334.



- Sekaran, U. (2003). *Research methods for business: A skill-building approach* (4th ed.). Joh Wilwy & Sons.
- Sepkowitz, K. (2011). *Integrating Social Media into Emergency-Preparedness Efforts*, Scalese, A. J. (2012). *A Weapon of Technology: How the Internet Has Changed the Conflict Landscape in the Age of Instant Information*. George Mason University. George Mason University.
- Schumacher, R. E., & Lomax, R. G. (2004). *A beginner's guide to structural equation modeling*. Lawrence Erlbaum Associates, Inc., Mahwah, NJ.
- Starbird, K., & Palen, L. (2011, May). *Voluntweeters: Self-organizing by digital volunteers in times of crisis*. In *Proceedings of the SIGCHI Conference on Human Factors in Computing Systems* (pp. 1071-1080). ACM.
- Tapia, A. H., Bajpai, K., Jansen, J., Yen, J., & Giles, L. (2011). *Seeking the Trustworthy Tweet: Can Microblogged Data Fit the Information Needs of Disaster Response and Humanitarian Relief Organizations*. Retrieved from <http://irevolution.files.wordpress.com/2011/06/tapia->
- Valecha, R., Oh, O., & Rao, R. (2013). *An exploration of collaboration over time in collective crisis response during the Haiti 2010 earthquake*
- Valkenburg, P. M., Valkenburg, P. M., & Peter, J. (2007). *Preadolescents' and Adolescents' Online Communication and Their Closeness to Friends Preadolescents' and Adolescents' Online Communication and Their Closeness to Friends*, (April).
- Van Beuningen, J., & Schmeets, H. (2013). *Developing a social capital index for the Netherlands*. *Social indicators research*, 113(3), 859-886.
- Veil, S. R., Buehner, T., & Palenchar, M. J. (2011). *A work-in-process literature review: Incorporating social media in risk and crisis communication*. *Journal of contingencies and crisis management*, 19(2), 110-122.
- Wachtendorf, T. (2004). *Improvising 9/11: Organizational Improvisation following the world Trade Center Disaster by Delaware*. Retrieved from [https://scholar.google.com/scholar?q=Wachtendorf,+2004&btnG=&hl=en&as\\_sdt=0,5](https://scholar.google.com/scholar?q=Wachtendorf,+2004&btnG=&hl=en&as_sdt=0,5)
- Yates, D., & Paquette, S. (2011). *International Journal of Information Management Emergency knowledge management and social media technologies: A case study of the 2010 Haitian earthquake*. *International Journal of Information Management*, 31(1), 6–13. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.1016/j.ijinfomgt.2010.10.001>
- Zhang, D., Zhou, L., & Jr, J. F. N. (2002). *A Knowledge Management Framework for the Support of Decision Making in Humanitarian Assistance / Disaster Relief*, (January 2001), 370–385.
- Zlatanova, S., Van Oosterom, P., & Verbree, E. (2004, July). *3D technology for improving Disaster Management: Geo-DBMS and positioning*. In *Proceedings of the XXth ISPRS congress*.
- Zook, M., Graham, M., Shelton, T., & Gorman, S. (2010). *Volunteered geographic information and crowdsourcing disaster relief: a case study of the Haitian earthquake*. *World Medical & Health Policy*, 2(2), 7-33.

## NILAI MURNI WATAK UTAMA DALAM NOVEL KANAK-KANAK XU YOU BIN

Seow Hooi Lee  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
seowhooilee@gmail.com

Lin Chui Yin  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
lincuiyanupsi@gmail.com

### ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis unsur-unsur nilai murni yang tergarap dalam watak-watak utama daripada 21 buah novel kanak-kanak karya Xu You Bin. Kajian ini telah menerangkan hubungan antara sastera kanak-kanak dan nilai-nilai murni. Kaedah analisis teks digunakan untuk mengenapasti nilai-nilai murni dalam novel tersebut berpandukan 14 jenis nilai-nilai murni yang tersusun dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Moral. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pada keseluruhannya, terdapat 14 jenis nilai murni dalam DSKP Pendidikan Moral telah dikenalpasti dalam perwatakan 15 watak utama daripada novel yang dikaji. Jumlah kekerapan nilai murni yang wujud mencapai sehingga 105 kali. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa nilai-nilai murni watak utama yang dirumuskan melalui perwatakan dan plot-plot novel yang dikenalpasti berfungsi dalam pembentukan semangat menghadapi cabaran dan personaliti kanak-kanak yang murni. Dapatan kajian juga dapat memberi implikasi kepada pihak sekolah, guru-guru, ibu bapa dan murid-murid memilih bahan bacaan yang berkualiti tinggi khususnya novel kanak-kanak yang mempunyai watak-watak utama yang dapat menunjukkan nilai-nilai murni yang tinggi.

**Kata kunci:** Sastera kanak-kanak; nilai-nilai murni; watak utama; novel; Pendidikan Moral

### PENDAHULUAN

‘Sastera’ berasal daripada bahasa sanskrit castra yang membawa maksud kitab suci. Manakala perkataan ‘kesusasteraan’ pula membawa pengertian sebagai segala penghasilan sastera yang dinikmati atau disampaikan, baik melalui tulisan dan pembacaan mahupun melalui lisan dan pendengaran. (Harun Mat Piah et, 2006) Kesusasteraan adalah satu bentuk seni yang memberi gambaran dan mencerminkan hidup dan pemikiran yang imaginatif (Salmah, 1981) . Menurut Salmah, tidak kira samada sesuatu karya sastera itu merupakan hasil sastera kanak-kanak mahu pun remaja atau dewasa, ia merangkumi segala aspek kehidupan manusia yang penuh dengan perasaan, pemikiran dan pengertian yang mendalam. Disamping itu, karya sastera merupakan satu media yang memaparkan gambaran kehidupan sesebuah masyarakat. Sesebuah karya sastera yang berkualiti akan mengemukakan pelbagai fenomena, seperti nilai-nilai moral dari segi situasi sosial dan sejarah yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Ia juga akan merangsang insan dari segi membina nilai yang mulia.

Menurut Shahnnon Ahmad (1991), pendidikan kesusasteraan penting dalam peranannya membina pemikiran dan sahsiah manusia kerana banyak mengandungi unsur-unsur mendidik nilai kemanusiaan yang tinggi. Memandangkan kesusasteraan kanak-kanak berperanan penting dalam mendidik kanak-kanak ke arah pembentukan akhlak yang mulia. Maka adalah perlunya mempunyai kesedaran mengkaji nilai-nilai murni dalam karya sastera kanak-kanak. Sejak dari kecil, para ibu bapa, pendidik dan masyarakat telah pun menyedari

kepentingan untuk menyemai nilai ke dalam kehidupan harian kanak-kanak demi melahirkan sikap dan perangai insan yang cemerlang.

Di Malaysia, secara umumnya perkembangan kesusasteraan kanak-kanak masih dalam peringkat permulaan, khususnya dalam bidang pengarang dan penerbitan karya sastera kanak-kanak dalam Bahasa Cina. Laporan ini merupakan sebahagian daripada kajian yang bertajuk “ nilai murni watak utama dalam novel kanak-kanak Xu You Bin”, berfokus pada kepentingan sastera kanak-kanak dalam pemupukan nilai murni dalam kalangan kanak-kanak serta hasil analisis nilai murni yang dipaparkan oleh watak utama dalam 21 buah novel kanak-kanak Xu You Bin berbanding dengan DSKP pendidikan moral di sekolah rendah dan implikasinya.

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan bersifat deskriptif. Reka bentuk kajian ini bertujukan kepada pengumpulan maklumat yang akan diperolehi melalui kaedah kepustakaan iaitu melaksanakan pembacaan karya yang dikaji secara mendalam dengan memberi perhatian kepada maksud yang tersurat dan tersirat dari plot cerita, tema dan nilai murni yang terpapar dalam watak utama. Disamping itu, kajian ini akan cuba menghubungkaitkan nilai murni dalam 21 buah novel kanak-kanak yang dikaji dengan nilai murni yang terkandung dalam DSKP Pendidikan moral untuk mengenalpasti unsur pengajaran moral yang diterapkan dalam 21 buah novel kanak-kanak Xu you Bin.

## **SASTERA KANAK-KANAK DAN NILAI MURNI**

Menurut Ani Haji Omar (2015) , ‘pembinaan dan penciptaan sesebuah karya sastera penuh dengan estetik dan indah disamping sarat dengan unsur-unsur moral kerana ia tidak dihasilkan secara sia-sia. Bahkan, karya sastera berkait rapat dengan kehidupan kerana paparannya lazim berdasarkan pengalaman, pemerhatian, kajian dan harapan pengarangnya. Justera, hasil karya kesusasteraan kanak-kanak seperti cerpen, cerita dan novel akan mengapresiasi alam sekitar, masyarakat dan dunia sekelilingnya. Sesebuah novel kanak-kanak yang bermutu tinggi bukan saja berupaya membawa pembacanya untuk berinteraksi dan berfikir dengan lebih mendalam tentang plot cerita dan perkembangannya, watak, dan masalah-masalah manusia yang universal. Maka sesebuah novel yang bermutu akan dapat membantu dan membimbing pembaca menghayati keindahan penulisan sastera yang penuh dengan ketenangan, keajaiban, jenaka, kekecewaan, kesengsaraan, ketidakadilan dan kecelakaan hidup melalui pembacaan , serta nilai murni akan diterap melalui plot cerita dan perwatakan sesebuah karya sastera seperti cerpen dan novel (salmah etl, 1981).

Pembacaan karya sastera kanak-kanak, pada pendapat Wang (2016), memang memainkan peranan yang penting dalam pembentukan tingkah laku dan akhlak serta emosi kanak-kanak. Ia mempengaruhi kanak-kanak dari aspek sosial dan moral. secara umumnya, para pendidik, guru dan ibu bapa beranggapan bahawa membaca dapat mempengaruhi pembentukan tingkah laku dan akhlak mulia kanak-kanak dan berpendapat bahawa jenis bacaan dan isi kandungan bahan bacaan yang dibaca oleh kanak-kanak adalah sangat penting. Justera, ibu bapa dan pendidik mengambil berat dan memberi perhatian yang rapi atas pengaruh bahan bacaan dari kanak-kanak, khususnya dari aspek nilai moral dan rohani.

Ramai pendidik percaya bahawa karya sastera kanak-kanak adalah alat yang berkesan dalam pembelajaran dan pemupukan nilai murni serta pembentukan personaliti seseorang kanak-kanak. (wang,2008) .Maka karya sastera harus digunakan sabagai bahan pengajaran dan pembelajaran dalam sesuatu matapelajaran atau pun merentas kurikulum dalam sekolah, khasnya untuk pembelajaran bahasa dan pendidikan moral.

### **Fungsi Sastera kanak-kanak dan pendekatan moral**

Nijhar (1984) berpendapat bahawa kesusasteraan kanak-kanak merangkumi semua jenis

penulisan kreatif dan imaginatif yang dikhususkan untuk bacaan, hiburan dan penilaian kanak-kanak. Beliau berpendapat bahawa corak hidup zaman moden telah berubah selaras dengan perubahan dan kemajuan, ini menjadikan kesusasteraan kanak-kanak penting dalam kehidupan masyarakat moden terutamanya dalam system pendidikannya. Menurut Misran Rokimin (2001) , sastera kanak-kanak merupakan agen pembangunan yang menjurus kepada perkembangan dan pembangunan diri seseorang manusia itu, samaada emosi, pemikiran atau keahsaannya. Hadijah Rahmat (2006) pula berpendapat bahawa karya sastera kanak-kanak berperanan penting dalam masyarakat , khususnya sebagai penyalur nilai pembangunan, pencapaian serta pembinaan konsep wira dan kecemerlangan dalam diri kanak-kanak. karya sastera adalah alat hiburan dan Pendidikan masyarakat yang penting, khususnya kepada kanak-kanak. Hal ini kerana karya sastera lebih mudah menarik perhatian dan minat kanak-kanak dan sememangnya mereka mempunyai kecenderungan semula jadi terhadap sesuatu yang berunsur kreatif dibandingkan dengan bahan bacaan lain yang biasa dan mendatar. Oleh itu, peranan dan pengaruh sastera kanak-kanak dalam masyarakat tidak boleh diperkecilkan dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya terhadap tindakan dalam aktiviti sosial mereka(chew etl, 2008) . Pengajaran dan teladan positif yang terdapat dalam karya asatera akan menjadi panduan kepada mereka.

Justeru, minat membaca dan mencintai sastera dalam kalangan kanak-kanak perlu dipupuk sejak mereka kecil lagi. Salah satu cara yang lazim digunakan untuk merangsang dan memupuk minat kanak-kanak melalui pembacaan karya sastera adalah kaedah bercerita dan perbincangan (Shahrin Nizal, 2007)

Dalam prinsip pendekatan Moral, menurut Mana Sikana (1945:104-117), apabila menilai sebuah karya berdasarkan ceritanya, hal-hal yang menjadi pust perbincangan ialah persoalan, pemikiran, tema, idea, perutusan, falsafah, mesej, premis dan sebagainya, Unsur-unsur tersebut dikumpulkan dan disebut sebagai moral. Moral pula ialah konsep yang telah dirumuskan oleh sesebuah sosial dan budaya bagi menentukan kebaikan dan keburukan. Apabila moral disangkut paut dengan kesusasteraan, para sasterawan telah menyatakan bahawa, sesebuah karya yang baik dan berkualiti harus bermoral.

## **Nilai Murni dan Pendidikan Moral di Sekolah Rendah**

### ***Nilai Murni***

Menurut Mohammah Jodi et al (2012), nilai sesuatu yang abstrak yang terdapat dalam sanubari manusia dan menjelma pada sistem sosial. Pada persepsi Hussin (1995) ,nilai adalah idea mengenai kepentingan, faedah, mutu dan kebernilaian tentang segala benda, perkara dan fenomena yang terdapat dan berlaku di dalam alam semesta ini. Seterusnya Majid (2012) pula menyatakan nilai murni dapat didefinisikan sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan tuhan.. Secara umumnya, nilai boleh dibahagikan kepada yang positif seperti perkara baik, yang suci, dan yang benar. Nilai buruk pula dianggap sebagai nilai negatif seperti menipu, kejam, dan sebagainya.

Dalam aspek Pendidikan Moral, Huang (2000) menyatakan bahawa ia bermaksud pelajar menukarkan pengetahuan tentang pendidikan moral kepada keperluan sendiri secara internalisasi. Secara umumnya, sahsiah ditafsirkan sebagai pengamatan moral, emosi dan kelakuan manusia.

### ***Nilai Murni Dalam DSKP Moral Sekolah Rendah***

Dokumen kurikulum merupakan dokumen yang dirujuk bagi mendapatkan maklumat tentang perkara yang perlu dipelajari oleh murid di sekolah. Dokumen ini memperincikan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dihasratkan untuk dikuasai oleh murid melalui setiap

mata pelajaran di setiap peringkat persekolahan. Merujuk kepada DSKP Pendidikan Moral, tercatat bahawa “Nilai memainkan peranan yang penting dalam pembinaan dan pembangunan manusia. Nilai juga tidak dapat dipisahkan dalam membicarakan aspek kemurnian dalam kehidupan. Penerapan nilai murni penting dalam mengatasi segala bentuk kejahatan, kemungkar, kejahatan dan kemusnahan yang berlaku dalam masyarakat kini. Moral sebagai nilai teras perlu dipupuk dalam kurikulum mata pelajaran di sekolah. Penerapan nilai-nilai murni dilakukan dengan menyeluruh dalam semua mata pelajaran KBSR, mahupun KSSR.” (Kementerian Pendidikan Malaysia, DSKP pendidikan moral, Tahun 4 (2014)).

Terdapat 14 Nilai Murni terkandung dalam DSKP mata pelajaran Pendidikan Moral. Sejak pelaksanaan KBSR Pendidikan Moral pada tahun 1983 sehingga pelaksanaan KSSR Pendidikan Moral pada tahun 2011 telah memberi penekanan terhadap nilai-nilai murni khususnya murid-murid sekolah rendah. Pendedahan nilai-nilai murni tersebut akan berterusan sehingga peringkat sekolah menengah. Di sekolah rendah, khususnya murid-murid tahap I, iaitu murid-murid yang berada dalam Tahun 1 hingga Tahun 3, pengajaran dan pembelajaran nilai murni menumpu ke arah pembentukan sahsiah, sikap dan tabiat yang baik. Manakala di Tahap 2 pula, iaitu murid-murid Tahun 4 hingga Tahun 6 pula tertumpu kepada pembentukan sikap terpuji ke arah pemikiran rasional. Kajian ini akan mengguna pakai 14 jenis nilai-nilai murni yang terkandung dalam mata pelajaran Pendidikan Moral KSSR untuk meninjau dan menganalisis nilai-nilai murni yang tersurat dan tersirat dalam watak utama novel karya Xu You Bin. Huraian tentang nilai murni universal KSSR Pendidikan Moral Sekolah Rendah adalah seperti di gambarajah 1.

Gambarajah 1: 14 nilai murni dalam DSKP Pendidikan Moral sekolah rendah

<b>Baik hati</b>	<b>Kasih sayang</b>	<b>Keberanian</b>
kepercayaan kepada Tuhan	bertanggungjawab	hemah tinggi
Keadilan	keberanian	tolransi
Kesederhanaan	hormat	kerjasama
Kerajinan	kejujuran	

### ***Penerapan Nilai Murni Melalui Sastera Kanak-Kanak***

Antara matlamat penggunaan karya sastera dakalm sekolah ialah untuk mengukuhkan pengajaran bahasa, menyemai sikap minat membaca dan menekankan nilai-nilai murni dan pengajaran yang diperolehi daripada karya-karya sastera yang dibaca. (Othman Putih, 2000) Selain itu, menurut Othman Puteh & Aripin Said (2011), nilai murni yang terpapar dalam sastera kanak-kanak itu penting dalam pembentukan moral dan akhlak kanak-kanak. (Othman Puteh & Aripin Said, 2011).

Berdasarkan fakta yang disyorkan oleh para penyelidik dan pendidik seperti yang dibincangkan, pemupukan nilai murni dalam kalangan kanak-kanak adalah penting dalam perkembang kognitif moral. Di samping itu, jelas diperlihatkan bahawa karya sastera memainkan peranan yang penting dalam pemupukan dan pembentukan nilai murni dalam

kalangan kanak-kanak. Karya sastera merupakan satu agen atau media yang berkesan untuk menerapkan nilai murni dalam kanak-kanak.

### **Pengarang novel kanak-kanak tempatan : Xu You Bin**

Ramai penyelidik beranggapan bahawa karya sastera yang berkualiti dapat memaparkan pelbagai fenomena sosial sesebuah masyarakat. (Salmah, 2001; Othman Puteh, 2000) Maka karya sastera tempatan seharusnya dijadikan pilih utama sebagai bahan bacaan dalam pendidikan moral. Dalam kajian ini, novel kanak-kanak yang ditulis oleh pengarang tempatan, Xu You Bin dijadikan sebagai subjek kajian. Sebanyak 21 buah novel Xu You Bin akan dijadikan sebagai sumber kajian. Novel-novel Xu You Bin dipilih sebagai sumber kajian kerana pencapaian beliau yang amat cemerlang dalam bidang kesusasteraan kanak-kanak. Pencapaian beliau adalah seperti yang berikut:

1. karyawan yang berpengalaman dan aktif dalam bidang kesusasteraan kanak-kanak di Malaysia;
2. Beliau pernah menerima dua anugerah berperingkat kebangsaan.;
3. Tiga buah karya novel beliau telah diterjemahkan dan dijadikan filem kanak-kanak oleh syarikat Astro.
4. Karya novel beliau diterbitkan dan dipasarkan di negara China dan mempunyai sambutan yang amat membanggakan.

### **Nilai murni dalam novel kanak-kanak Xu You Bin**

Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa kesemua 14 nilai murni dalam DSKP pendidikan moral KSSR dapat dikesan dari novel Xu. Iaitu, kepercayaan kepada Tuhan, Baik Hati, bertanggungjawab, berterima kasih, hormat, kasih sayang, keberanian, kejujuran, hemah tinggi, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, bertoleransi dan keadilan. Walau bagaimana pun, terdapat beberap nilai murni yang paling kerap di paparkan oleh watak utama dalam novel kanak-kanak Xu You Bin. Berikut akan menghurai dan membincang 2 nilai murni yang utama iaitu Kasih sayang dan baik hati.

#### ***Kasih Sayang***

Nilai kasih sayang merujuk kepada kepekaan dan perasaan cinta yang mendalam serta berkekalan yang lahir daripada hati yang ikhlas. Menurut Fang (2015), kasih sayang ialah perasaan cinta, kasih dan sayang yang mendalam dan berkekalan yang lahir daripada hati yang rela terhadap sesuatu. Unsur-unsur yang terkandung dalam nilai ini termasuklah sayang kepada diri dan orang lain, sayang akan alam sekeliling dan negara.

Dalam novel-novel XU, nilai kasih sayang banyak dipapar dan diterapkan melalui watak utama dalam 21 buah novelnya. Antara novel yang berjudul Ba Ni Dai Zhou, dengan watak utamanya yang bernama Wu Chen; dan novel Qi Tian, watak utamanya ialah Jian Yun dan Bai He telah menonjolkan personalitinya yang penuh dengan kasih melalui plot cerita novel yang berkaitan. Contoh-contoh yang berkaitan akan dihuraikan seperti berikut:

#### ***Wu Chen dalam novel Ba Ni Dai Zou***

Wu Chen amat sayang neneknya yang tua dan sakit. Wu Chen sanggup mengorban pelajaran diri demi membantu dan menjaga nenek kesayangannya yang sakit.

“Wu Cheng tidak berani membuat sebarang suara. Dia bukan takut belajar, tetapi dia ingin membantu nenek kesayangannya. Apabila teringat dirinya tidak dapat menghulurkan bantuan kepada nenek, dia berasa dirinya sangat tidak berguna. Dia sanggup melepaskan pelajarannya demi mengubati nenek yang sakit. Mata air Wu Chen hamper menitis.”(Ba Ni DaiZou, m/s67)

#### ***Bai He dan Jian Yun dalam novel Qi Tian:***

Bai He merupakan seorang budak perempuan yang baik hati, bersikap kasih sayang terhadap kawan-kawan dan alam sekitar. Rakannya Jian Yun juga seorang remaja lelaki yang berpengetahuan tinggi. Sepeti Bai He, Jian Yun juga bersikap kasih sayang terhadap alam sekitar dan juga rakannya. Nilai kasih sayang Bai He terhadap bapanya ditonjolkan dalam plot cerita semasa Bai He menyimpan Cheese kek yang diberi oleh Xiao Ling untuk bapanya.

“Tidak, saya menyertai Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di sekolah, jadi masa rehat saya ada sarapan percuma di kantin sekolah.” Satu lagi sebab yang menjadikan Bai He tidak makan cheese kek ialah dia ingin menyimpan kek itu kepada bapanya dan berkongsi dengan bapanya di rumah.” (Qi Tian, m/s 42)

### ***Baik Hati***

Nilai Baik Hati adalah dalam kategori nilai social yang menjadi dorongan kepada perubahan social dan sebagai kesan dorongan tingkah laku yang menjadi panduan kepada orang lain.(Abd.Rahim 1993:11) Sikap baik hati merujuk kepada perasaan belas kasihan, murah hati dan saling menerima pendapat serta memahami perasaan dan keperluan masing-masing.(Abd.Rahim 1993:139)

Dalam novel-novel Xu, nilai baik hati merupakan nilai kedua yang menjadi nilai murni dominan. Misalnya, dalam novel 2043 *Zi You De Jia Suo* mempunyai nilai baik hati yang paling banyak kali diterap dalam watak utamanya, Yu Mei. Di samping itu, novel kanak-kanak-Er Luan Shi yang membicarakan tentang nilai baik hati diterapkan dalam novel ini, watak utamanya ialah Chen Da Tong juga memperlihatkan amalan baik hati.

### ***Yu Mei dalam novel 2043 Zi You De Jia Suo***

Dalam novel yang berjudul 2043 *Zi You De Jia Suo*, watak utamanya Yu Mei, seorang Mermaid yang cantik, walaupun dia merupakan puteri dalam lautan (bukan manusia), tetapi Yu mei menonjolkan personalitinya yang baik hati, yang tidak sanggup mencenderai sesiapa. Apabila dia mengetahui ayahnya mengarahkan dia menganiayai seorang pendatang iaitu Hai Kuo yang dia tidak mengenali, dia berasa sangat berdosa dan sakit hati.

“Aku tinggalkan tempat itu tanpa toleh ke belakang. Aku tak sanggup melihat situasi yang kejam itu. Ekor besar aku menghentak dengan kuat. Aku menggunakan kelajuan yang tak masuk akal meninggalkan tempat itu. Aku amat sedih, aku telah melakukan perbuatan yang jahat, aku telah menjahanamkan seorang insan yang tak bersalah. Mohon ampun, Si Botak ” (2043 Wu Bian De Jia Suo,m/s38)

### ***Chen Da Tong dalam novel Er Luan shi***

Dalam Er Luan shi, Chen Da Tong seorang budak lelaki yang murah hati dan sentiasa berperihatin terhadap orang sekelilingnya. Dia telah menunjukkan sikap baik hati dan belas kasihan terhadap Shu Wen yang baru dikenali dalam tempat penginapan di Organic Farm. Dia sanggup menemaninya dengan hanya mengikut di belakang di tepi sungai, kerana dia khuatir akan keselamatannya. Apabila dia ternampak Shu Wen jatuh dalam sungai, dia dengan segera melompat ke dalam sungai untuk menyelamatkannya, namun tidak menjaga keselamatan diri.

“Su Wen mengarah ke tepi sungai. Saya mengikutinya di belakang. Jarak kami berdua adalah satu jangkang.Saya tidak bersuara, saya tidak tahu samada dia perlukan dampingan saya.Saya bimbang dengan keselamatnya, apa akan terjadi jika kakinya kram dan tidak ada sesiapa di sisinya.Dia tidak menghalau saya. Mengizinkan saya mengikut di belakangnya.Kami menjejaki padang

yang berlumut, meninggalkan Ladang Lupakan Kepiluan, kami berjalan di tepi sungai selama 20 minut baru dapat pergi ke hilir sungai.

Air sungai amat keroh sehingga tidak dapat melihat dasarnya. Air sungai bergelora bagai teh susu yang mendidih. Su Wen terjun ke dalam sungai, dia tidak dapat mengimbangi badannya lalu jatuh ke dalam sungai.

‘Oh,’ dia menjerit.

Saya terjun ke dalam sungai dengan pantas, dasar sungai amat licin, saya nyaris jatuh dan dibawa oleh arus sungai dua langkah.

Air sungai hai ini amat deras, aras sungai amat tinggi sehingga melebihi pinggang saya.

Sebelum sempat saya menyelamatkan Su Wen, dia telah berdiri tengak di tengah-tengah sungai.

Rambutnya basah. Dia toleh ke arah saya dengan senyuman manis. Helaian rambut membelai pipinya.

‘Kamu ok ke?’ saya menanyanya.” (Er Luan Shi, m/s187)

## PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Berdasarkan kajian ini, didapati cerita dan watak novel-novel Xu You Bin memang berkisar dalam kalangan kanak-kanak. karya novel Xu You Bin mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- i) Bertemakan kasih sayang dalam ahli keluarga, hubungan persahabatan, cintai alam sekitar dan unsur sains.
- ii) Umur watak dalam novel dalam lingkungan 9 hingga 18 tahun.
- iii) Penggunaan bahasa yang mudah difahami dan perkembangan cerita yang kebanyakannya berkait dengan kehidupan tempatan, iaitu berlaku dalam sekolah dan rumah, ini bersesuaian dengan pengalaman dan budaya kanak-kanak tempatan.
- iv) Perwatakan dalam watak mengamalkan 14 jenis nilai-nilai murni universal yang boleh mempengaruhi pembentukan sahsiah kanak-kanak.

Maka boleh dirumuskan bahawa hasil karya novel kanak-kanak Xu You Bin, amat sesuai digunakan sebagai bahan bacaan dan perbincangan pendidikan Moral di sekolah rendah. Seperti yang disyoorlan oleh pendidik dan pengkaji Mana Sikana (1945) , unsur-unsur nilai murni dalam bahan bacaan sastera penting dibincangkan kerana ia membawa pengajaran dan unsur didaktik yang akan membimbing pembaca dari segi mendidik, mengajar dan memupuk, khususnya menjadikan watak utama novel kanak-kanak sebagai contoh baik yang mengamalkan nilai murni yang sepadan dengan DSKP kurikulum.

Menurut Yang(2012) seperti penyelidik dan pendidik yang lain, berpendapat bahawa perwatakan yang bermoral dan berjiwa mulia dalam sesebuah cerita novel kanak-kanak, boleh berfungsi pendidikan dari segi perkembangan emosi kanak-kanak. Disamping itu, kesusasteraan kanak-kanak merupakan satu media pendidikan yang menyentuh aspek-aspek moral, estatika, sistem nilai dan kebudayaan (Salmah,1981), dan amat sesuai dijadikan sebagai bahan pembelajaran dan pengajaran. Pengarang tempatan lazimnya akan menulis dan mencipta plot cerita dan perwatakan mengikut acuan sosial tempatan. Maka penerokaan dan kajian terhadap karya sastera tempat amat diperlukan supaya lebih lagi karya dan pengarang sastera kanak-kanak dicungkil dan dikenalpasti. Disamping itu, guru sekolah rendah tidak kira mengajar bahasa atau pendidikan moral akan mempunyai pilihan yang banyak untuk dijadikan bahan pembelajaran dan pengajaran. Di samping itu, guru –guru juga mempunyai pilihan tambahan untuk mempelbagaikan bahan pembelajaran di dalam kelas serta boleh merancang dan menyediakan aktiviti yang berbeza, menarik dan berkesan berasaskan karya sastera yang dipilih. Contohnya aktiviti perbincangan, lakonan dan debat boleh di rancangan dan dilaksanakan dalam kelas mengikut plot dan perwatakan karya sastera yang dipilih.



‘Kajian Unsur-unsur Pembentukan Sahsia Dalam Novel Kanak-kanak’ yang dijalankan oleh Roshani (2007) pula telah menganalisis unsur nilai-nilai murni dalam novel yang berasaskan nilai-nilai murni yang tersenarai dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah, khususnya mata pelajaran Pendidikan Moral, juga membuktikan bahawa sastra kanak-kanak tidak dapat dipisahkan dengan pendidikan kanak-kanak, tambahan lagi, nilai murni dalam karya sastra memang sepadan dengan nilai murni dalam Kurikulum Pendidikan Moral. Selain daripada itu, kajian yang bertajuk “Sastra Untuk Kanak-kanak : Fungsi dan Implikasinya.” yang dikaji oleh Salmah (1981) telah menyatakan bahawa kesusasteraan kanak-kanak merupakan satu media pendidikan yang menyentuh aspek-aspek moral, estetika, sistem nilai dan kebudayaan. Seterusnya, penulis tempatan yang terkenal, Nian Hong(2004), artikel beliau yang bertajuk "Harapan Penerbangan Tinggi - Perbincangan Secara Ringkas tentang perkembangan Kesusasteraan Kanak-kanak Bahasa Cina Malaysia." telah memberikan pendapat bahawa bahan bacaan yang diedit oleh Xu You Bin adalah bahan bacaan yang berkualiti dan memberi pengaruh yang mendalam terhadap pembentukan dan perkembangan sahsiah pembacanya, khususnya murid-murid sekolah rendah. Kenyataan tersebut menunjukkan bahawa novel Xu You Bin yang kaya dengan nilai-nilai murni harus dipromosikan di kalangan sekolah. Berdasarkan kepada data yang telah dianalisis dan dibincangkan secara terperinci sebelum ini, adalah nyata dan jelas bahawa guru-guru Pendidikan Moral atau Bahasa boleh menggunakan novel Xu You Bin sebagai teks bacaan tambahan atau bahan pengajaran dan menjalankan perbincangan nilai-nilai murni atau menganalisis plot cerita dan perwatakan dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), disamping mencapai objektif pembelajaran.

## RUMUSAN

Sastra adalah emosi asas manusia seperti cinta, kerjasama, belas kasihan dan belas kasihan. Ini adalah kunci untuk mengekalkan semangat kemanusiaan dalam kesusasteraan kanak-kanak. Cao Wenxuan pernah berkata: "Sastra - terutamanya kesusasteraan kanak-kanak, mesti mempunyai akal moral." Dan dia percaya bahawa "makna moral" adalah sesuatu yang asas dan tetap bahawa tamadun manusia perlahan-lahan berkumpul: "tanpa rasa bersalah, integriti Kesungguhan, kelemahan, sokongan terhadap bahaya, penentangan terhadap kuasa, ketahanan terhadap hegemoni, mengejar kesetaraan, merindukan kebebasan, menghormati individualitas, dan merawat hati cinta. "

Kemungkinan implikasinya bagi seleksi bacaan sastra anak antara lain dapat dikemukakan sebagai berikut. (i) fahami dengan baik ciri-ciri perkembangan moral anak tiap tahap kemudian pilih bacaan yang sesuai. Misalnya, anak usia tiga tahun baik untuk dipilhkan bacaan yang melukiskan persetujuan orang tua yang berupa tingkah laku, tindakan, dan kata-kata yang baik. Anak usia empat tahun baik untuk dipilhkan bacaan yang dapat melatih anak untuk bertanggung jawab dan melakukan sesuatu yang sesuai dengan aturan sosial. (ii) Pilih buku bacaan yang mengandung dan menawarkan unsur moral, alasan pemilihan moral tertentu oleh tokoh anak, atau yang mengandung nasihat-nasihat tentang moral sebagai “model” bertingkah laku. (Nurgiyantoro, 2005 )

## RUJUKAN

### Jurnal

- Ani binti Haji Omar (2015) Pendidikan Sastra Remaja Di Malaysia Dalam Membina Generasi Unggul Berasaskan Falsafah Pendidikan Negara. *Jurnal Pendeta Vol. 5*
- Burhan Nurgiyantoro. (2005) Tahap perkembangan anakdan pemilihan bacaan sastra

anak. *Cakrawala Pendidikan, Juni 2005, Th. XXIV, No. 2.*

Chew Fong Peng, Mahzan Arshad, Zahari Ishak & Loh Sau Cheong (2008) Pendidikan Kesusasteraan Awal Kanak-kanak: Isu dan Masalah. *Journal masalah pendidikan* .

Hadijah Rahmat(2006) Dalam Chew Fong Peng, Mahzan Arshad, Zahari Ishak & Loh Sau Cheong. Pendidikan Kesusasteraan Awal Kanak-kanak: Isu dan Masalah. *Masalah Pendidikan, 31(1)*

Huang, X.Y. (2000) *德育原理[M]. (Teori Moral[M])* ShangHai: *Universiti Perguruan HuaDong Publisher*

Mohammah Jodi, K. H. Hamat, M. F. & Towpek, H. (2012). Nilai-Nilai Islam Dalam Program Pemulihan Banduanita Di Penjara. *Jurnal Usuluddin (Januari-Jun 2012)*,

Nian Hong. (April 2004) Harapan Penerbangan Tinggi - Perbincangan Secara Ringkas tentang perkembangan Kesusasteraan Kanak. *Forum Kesusasteraan Bahasa Cina Peringkat Dunia.*

Othman Puteh & Aripin Said, (2011), 366 Cerita Rakyat Malaysia. *Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.*

Salmah Binti Hj Ayob. (Jan. 1981) Sastera Untuk Kanak-kanak: Fungsi dan Implikasinya, *Pendidik Dan Pendidikan, Jld.3. Bil.1.*

Shahrin Nizal Mohd Nor. (2007) Berkongsi ilmu dengan Dr Margeret Read McDonald, *Berita harian, hlm 6.*

Wang Zhiping. (2016) Pembentukan Sahsiah Yang Sempurna Dalam Cerita Kanak-Kanak. *用童话塑造学生完美人格. Forum Pendidikan Bil.1 《教育论坛》第一期*

wang Yibin. (2008) Pendidikan Dalam Karya Sastera Kanak-kanak. *儿童文学作品的教育意义. Science and Technology Information, vol 12.*

### **Buku**

Fang Weiping, (2015) *Pendidikan Sastera Kanak-kanak. 儿童文学教程*, penerbitan gaodeng jiaoyu, China.

Harun Mat Piah et al. (2006) *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hussin, S. (1995). *Pengajaran Nilai Dalam Kurikulum*. Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd. Edisi kedua.

Misran Rokimin. (2001) sastera kanak-kanak dan remaja sebagai agen pembangunan. Ketas kerja seminar sastera kanak-kanak dan remaja. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nijhar, M. S. (1984) *Apakah sastera kanak-kanak — khususnya buku bergambar*. Dlm.

Othman Puteh & Abdul Ahmad (pngr.), *Sekitar sastera kanak kanak dan remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Othman Puteh. (2000) *Pengajaran Sastera*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka]

Shannon Ahmad. (1991) *Sastera sebagai seismograf kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sikana, M. (1945), *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Moden*: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd. 104-110

### **Tesis**

Roshani (2007) *Kajian Unsur-unsur Pembentukan Sahsiah Dalam Novel Kanak-kanak*. 33 {Tesis Kedoktoran yang tidak diterbitkan} Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia

Yang, F.L. (2012) *马华儿童读物的接受与影响研究 (Reception And Influence Of Children Reading Materials In Malaysia)*. 38 {Tesis Sarjana tidak diterbitkan} Kuala Lumpur: Universiti Tunku Abdul Rahman

## NOVEL MENCARI CAHAYA: PENELITIAN PEMIKIRAN ISLAM DALAM LENSEA TEORI TAKMILAH

Mohd Faradi Mohamed Ghazali  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
faradighazali@unisza.edu.my

Nur 'Aina Syahirah Binti Azmi  
Universiti Sultan Zainal Abidin,  
ainaaziz.22@gmail.com

### ABSTRAK

Kemunculan novel berorientasikan Islamisasi telah menzahirkan variasi penghasilan karya dalam bidangkesusasteraan. Garapan tema sebegini memecahkan ruyung tentang tema dan persoalan tipikal seperti percintaan, feminisme dan polimik politik yang sering dihasilkan pengarang. Novel *Mencari Cahaya* ilham karya Salina Ibrahim, merakamkan naratif kemelut kehidupan dalam rangka startifikasi sosial masyarakat. Novel ini berpaksikan unsur-unsur kemanusiaan yang bukan hanya berimej sebagai sebuah karya hiburan semata-mata, namun bertindak sebagai elemen dalam membuai nilai kejiwaan akhlak terhadap pembaca dengan menjadikan isu gelandangan di Kuala Lumpur sebagai medium pergerakan plot dalam menyuntik kesedaran masyarakat tentang hak golongan yang terbiar tanpa pembelaan. Salina Ibrahim umpama mewakili suara rakyat dalam mempertahankan hak dan pembelaan masyarakat terbiar. Bertitik tolak dari hasil penelitian dan penghayatan secara rinci terhadap penceritaan dalam novel *Mencari Cahaya*, kajian ini diukur dengan memilih teori Takmilah yang dicetuskan oleh Shafie Abu Bakar sebagai landasan kajian dengan merungkai sejauh mana tujuh prinsip takmilah yang terdiri dari prinsip ketuhanan yang bersifat kamal (sempurna), prinsip kerasulan sebagai insan kamil (sempurna), prinsip keislaman yang bersifat yang bersifat akmal (sempurna), prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takmilah (sempurna), prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat takmilah (sempurna dan menyempurnakan), prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimikan diri (menyempurnakan) dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan kamil (sempurna) diajukan pengarang dalam karyanya. Penelitian ini akan menggunakan beberapa elemen dalam Teori Takmilah sebagai mengangkat karya Salina Ibrahim sebagai sebuah teks yang mempamerkan ciri-ciri novel islamisasi dengan menumpukan terhadap apa yang diajukan dalam karya, bagaimana ia diperagakan dan mengapa ia diangkat pengarang. Menerusi penelitian, ditemui beberapa elemen dalam teori takmilah dirincikan pengarang melalui paparan pada watak, teknik pembinaan ayat, diksi, petikan surah dari al-Quran, hadis serta kitab, dan teknik monolog dalaman sebagai medium penyampaian dakwah. Teori Takmilah sememangnya mendukung pendidikan dakwah dan ini bersesuaian dengan konsep sastera Islam dan secara tidak langsung memperlihatkan, peri pentingnya hubungan tiga dimensi antara karya–pengkarya–khalayak dalam menyampaikan perutusan yang bermanfaat demi kebaikan khalayak sastera Melayu-Islam.

**Kata kunci:** Salina Ibrahim; *Mencari Cahaya*; Teori Takmilah; Sastera Islam; Karya Tauhid; Nilai Kemanusiaan

### PENGENALAN

Novel *Mencari Cahaya* ilham karya Salina Ibrahim, merakamkan naratif kemelut kehidupan dalam rangka startifikasi sosial masyarakat. Menjadikan isu gelandangan di Kuala Lumpur

sebagai medium pergerakan plot bagi menyuntik kesedaran masyarakat tentang hak golongan yang terbiar tanpa pembelaan. Salina Ibrahim umpama mewakili suara rakyat dalam mempertahankan hak dan pembelaan masyarakat terbiar. Novel *Mencari Cahaya* turut menggarap kisah gelandangan yang kental menghadapi hari-hari sukar di ibu kota Kuala Lumpur dengan diwakili oleh watak Kwai yang menyimpan beberapa rahsia dalam dirinya. Kwai dipertemukan dengan seorang pemuda bernama Raiyan di samping tiga orang kawannya iaitu Soo, Nisha dan Matin yang berhati mulia dan sering menolong sepasang suami isteri iaitu Jalal dan Rohani mengagihkan makanan kepada gelandangan pada lewat malam. Raiyan merupakan seorang penuntut di sebuah universiti awam di Malaysia iaitu Universiti Malaya yang sedang menjalankan sebuah kajian mengenai beberapa gelandangan yang ada di kota metropolitan, Kuala Lumpur. Rentetan daripada itu gelandangan Kwai ditemui dalam menimbulkan konflik penceritaan.

Konflik muncul setelah Raiyan yang merupakan anak angkat kepada Haji Abdullah Rashid dan Hajah Harlina Ibrahim yang berasal dari Perak cuba untuk mengetahui identiti ibu bapanya yang sebenar dengan bertanyakan perihal status dirinya sebagai anak angkat kepada pasangan tersebut. Mereka cuba menjejaki ibu bapa sebenar Raiyan iaitu Abdullah Hamzah Abdullah atau Kwai dan Nurhayati Karim atau Cahaya, tetapi malangnya mereka sudah tidak lagi menetap di Perak. Seterusnya, terdapat bayangan watak Cahaya bermain di fikiran Kwai. Cahaya merupakan isteri kesayangan Kwai dan telah meninggal dunia semasa melahirkan anak mereka (Ryan). Kehidupan Kwai berubah setelah Cahaya meninggal dunia dan sejak itu dia telah bergelar sebagai gelandangan di ibu kota.

Peleraian berlaku melalui plot tragis terhadap Kwai dan memerlukan untuk mendapat rawatan di hospital. Kwai mendapat kesedaran untuk meneruskan kehidupan sebagai manusia normal dan tidak lagi bergelar gelandangan. Dia juga kini lebih taat pada perintah Allah seperti yang diajar oleh Cahaya dan telah pulang ke kampung halaman Cahaya di Perak untuk bertemu dengan Cahaya yang dirindunya. Meskipun Cahaya telah lama meninggal dunia.

Bertitik tolak dari hasil penelitian dan penghayatan secara rinci terhadap penceritaan ini, novel *Mencari Cahaya* merupakan sebuah karya yang sarat bermain dengan pergelutan emosi dan mengangkat ketinggian nilai kemanusiaan. Akhlak dan peri kemanusiaan yang ditonjolkan dalam dua darjat stratifikasi telah memperlihatkan satu transformasi emosi yang diukur dari ketinggian pegangan terhadap agama dan pegangang adab. Bersandarkan fenomena tersebut, maka kajian ini akan meneliti novel *Mencari Cahaya* karya Salina Ibrahim dengan menggunakan teori takmilah yang dicetuskan oleh Shafie Abu Bakar sebagai landasan kajian. Penitian ini akan menggunakan beberapa elemen dalam Teori Takmilah sebagai mengangkat karya Salina Ibrahim (*Mencari Cahaya*) sebagai teks yang mempamerkan ciri-ciri novel islamisasi. Kajian ini menumpukan terhadap apa yang diajukan dalam karya, bagaimana ia diperagakan dan mengapa ia diperaga pengarang.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:


- i. Mengenal pasti konsep pemikiran Islam yang dilihat dari sisi kemanusiaan melalui peranan watak.
- ii. Membincangkan novel *Mencari Cahaya* sebagai sebuah karya yang bertepatan dalam konsep penyampaian ilmu.
- iii. Memperlihatkan nilai-nilai kemanusiaan sebagai cerminan watak yang mendukung ciri-ciri insan Kamil.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah bersifat tekstual dengan menganalisis novel *Mencari Cahaya* karya Salina Ibrahim secara kualitatif. Kajian tekstual ini akan menggunakan teori Takmilah sebagai landasan penganalisisan. Teori ini digunakan untuk mengenal pasti unsur yang terkandung dalam novel *Mencari Cahaya* ini sama ada menepati terhadap elemen yang ada dalam teori Takmilah seperti prinsip ketuhanan yang bersifat kamal (sempurna), prinsip kerasulan sebagai insan kamil (sempurna), prinsip keislaman yang bersifat yang bersifat akmal (sempurna), prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takmilah (sempurna), prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat takmilah (sempurna dan menyempurnakan), prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimalkannya diri (menyempurnakan) dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan kamil (sempurna) diajukan pengarang dalam karyanya. Sumber yang dikenal pasti melalui novel *Mencari Cahaya* akan digunakan untuk mengisi ruang perbincangan kajian. Kajian akan memberi tumpuan kepada elemen penggunaan tema dan persoalan kemanusiaan yang menjadi kesendangan dalam setiap pergerakan plot penceritaan karya. Elemen ini menjadi penekanan dalam kajian kerana akan memberikan gambaran dan penjelasan tentang kecenderungan Salina Ibrahim dalam menggarap sebuah karya yang mengangkat kesan rasa dan ilmu pengetahuan kepada masyarakat, di samping menjadikan Salina Ibrahim sebagai penulis yang berada dalam identiti tersendiri.

## **LATAR BELAKANG TEORI TAKMILAH**

Teori Takmilah diperkenalkan oleh Shafie Abu Bakar pada tahun 1993. Teori ini dianggap sebagai sebuah teori sastera Islam di Malaysia yang memberi penekanan analisis dan kritikan berdasarkan secara langsung kepada konsep tauhid. Kemunculan teori ini telah membuka jalan alternatif kepada para sarjana dan pengkritik untuk melakukan kajian, analisis, ulasan dan kritikan berasaskan prinsip-prinsip keislaman. Kritikan sastera berasaskan teori-teori Barat selama ini masih gagal untuk menghubungkan satu pertalian yang bermakna di antara pengkarya, karya dan khalayak dengan pencipta. Kritikkannya lebih bersifat luaran dan konseptual tanpa menjurus kepada paksi penghasilan karya secara ma'nawi.



RAJAH 1. Menunjukkan prinsip dalam teori takmilah

## KEPENGARANGAN SALINA IBRAHIM

Salina Ibrahim dilahirkan pada 21 Februari 1972, di Parit Buntar, Perak Darul Ridzuan. Mendapat pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Sungai Setar, Parit Buntar, Perak, kemudian ke sekolah berasrama penuh; Sekolah Raja Perempuan Taayah, Ipoh, Perak (dari tingkatan 1 sehingga 5) dan ke Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh, Perak (tingkatan enam rendah dan enam atas). Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan pengkhususan Undang-undang dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada tahun 1996. Selain itu beliau juga memiliki Sijil Penulisan Skrip, dari Akademi Filem Malaysia, Finas (2001) dan Sijil Terjemahan Am dari Institut Terjemahan Negara Malaysia (2003).

Salina telah beralih bidang daripada undang-undang syariah ke bidang penulisan dengan menjadi editor buku dan kemudian bertukar ke dunia kewartawan. Beliau menimba pengalaman bertugas sebagai wartawan di beberapa penerbitan yang besar dan terkenal seperti Kumpulan Utusan Melayu Berhad dan Kumpulan Karangraf Sdn Bhd. Selain itu, beliau mula menulis sejak di usia belasan tahun, bermula dengan genre puisi dan cerpen, sebelum diperluaskan ke genre novel. Novel nukilannya termasuklah *Mahligai* (2001), *Anjung Warisan* (2002), *Kombinasi Bunga Cinta* (2003), *Untukmu Hana...* (2004), *Atas Nama Kasih* (2005), *Syurga Di Hati* (2006), *Setenang Cahaya Hati* (2010) dan *Tiada Khatimah Cinta* (2011). Karyanya bersama-sama PTS adalah *Bukan Yang Pertama* (2009), *Aina & Aini: Diva Kampung* (2011), *Aina & Aini: Model Terhangat* (2011) dan *Tulis Cinta Dalam Hati* (2011). Di samping itu beliau turut memiliki kumpulan cerpen *Memaknakan*

*Cinta* (2010) dan 17 buah antologi bersama, yang kebanyakannya diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Beberapa pencapaian anugerah yang diperolehi oleh Salina Ibrahim seperti Hadiah Tunas Sastera Utusan-Public Bank 1990, Pertandingan Cerpen Formula Malaysia 2000, Pertandingan Menulis Skrip Finas 2001, Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2005, 2006 dan 2007 dan Sastera Perdana Malaysia 2004/2005. Beliau pernah mewakili Malaysia dalam bengkel novel Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera) di Bogor Indonesia pada tahun 2006.

## PERBINCANGAN

Perbincangan dalam teori Takmilah terdapat tujuh prinsip disenaraikan sebagai membuktikan ketauhidan sesebuah karya. Namun melalui kajian terhadap novel *Mencari Cahaya* Karya Salina Ibrahim ini, hanya diperihalkan tiga dominan prinsip sebagai medan penganalisan.

### **Mencari Cahaya dalam Prinsip keislaman yang bersifat Akmal**

Menurut Shafie Abu Bakar (2009), dalam Islam, sastera bukan sesuatu yang wajib, tetapi hanya merupakan suatu keperluan yang boleh ditunaikan padanya beberapa tuntutan-tuntutan agama. Dalam hal ini, menunaikan tuntutan Islam itu merupakan suatu kewajipan yang akan mengangkat segala bentuk aktiviti dalam sastera itu sebagai suatu ibadah. Malah, dalam Islam semua ibadah seperti ibadat, cara kehidupan, hatta mati sekalipun adalah hanya Allah. Oleh itu, kegiatan sastera, baik yang melibatkan pengarang, teks dan khalayak semestinya bertali arus dan berkait secara berangkai dengan Allah. Malah menurut pandangan beliau, sesebuah karya sastera diperlihatkan keindahannya untuk mencapai takmilah melibatkan semua aspek yang merangkumi penghasilan bentuk, isi, tema, struktur, teknik, watak, perwatakan, sudut pandang, nilai, mesej, ideologi dan perkataan.

Seseorang pengarang tidak hanya menghasilkan penulisan karya sastera sebagai elemen hiburan semata-mata sebaliknya perlu menitik beratkan nilai kebertanggungjawaban dan menyempurnakan hasil kreatif mereka dengan meresapkan nilai estetika seni selaras dengan kehendak dan kesempurnaan-Nya (Mohd Faradi & Nik Nurul Farhana, 2017). Dengan menjadikan *Mencari Cahaya* Karya Salina Ibrahim sebagai sandaran kajian, ia begitu jelas memaparkan nilai-nilai takmilah yang berkait rapat dengan elemen kejiwaan dan kesetiaan terhadap ajaran Islam. Hal ini diperlihatkan melalui watak Haji Baharom sebagai seorang yang sentiasa mendepankan amal ibadah dalam menundukan peperangan jiwa. Penfokusan utama dalam kajian takmilah adalah mengenai perbezaan teknik penyampaian cerita dalam karya. Hal ini sama ada berunsur hiburan semata-mata atau sebagai sebuah karya yang tersirat dengan didikan pembentukan kejiwaan yang mempunyai prinsip atau falsafah tauhid sebagai asas kehidupan seseorang yang berpegang kepada agama. Berdasarkan prinsip Akmal iaitu menolak ideologi yang bertentangan dengan pemahaman Islam serta mempraktikkan sepenuh kehidupan sebagai umat Islam, di samping bertujuan menyebarkan dakwah melalui karya-karya untuk tujuan menyempurnakan akidah tauhid bagi menambah baik dan membentuk keimanan khalayak. Seajar dengan pernyataan itu, ditemui Salina Ibrahim berjaya meledakkan kefahaman tersebut sebagai kesedengan dalam penceritaan.

Menerusi plot-plot yang terbina dalam novel *Mencari Cahaya*, dikesani prinsip ketauhidan yang berhubungan dengan sifat Akmal diperhatikan melalui beberapa plot dalam novel ini. Perkara ini menjadikan novel karya Salina Ibrahim, sarat dengan nilai ketauhidan yang tinggi dan segala penyerahannya ditunjukkan melalui penggunaan aksara-aksara dari bahasa al-Quran (Arab), kalimah puji-pujian kepada Allah SWT serta penerapan ilmu hadis. Malah, sering menjadikan ibadah ini sebagai satu penyerahan diri kepada Allah dan satu suasana yang menggambarkan beliau sebagai hamba memohon keredaan dan keampunan daripada segala perlakuannya. Hal ini dapat dilihat melalui beberapa petikan seperti berikut:

“Bangun, kita berjemaah subuh!” Sayup-sayup azan subuh kedengaran syahdu menusuk ke telinganya. “Astaghfirullahalazim!” Raiyan beristighfar panjang. Dia meletakkan tangan di dada. Dia merasakan degup jantungnya amay kencang tanpa mengikut irama. Malah, dia sendiri bagaikan dapat mendengar gempa dalam dadanya itu. Tuhan!

(Salina Ibrahim, 2017: 33)

Pada dinihari tu, Haji Baharom mengajarnya beberapa perkara asas; tatacara wuduk, bacaan dalam solat, surah *al-Fatihah*, satu dua lagi surah-surah lazim dan kaifiat solat.

(Salina Ibrahim, 2017: 326)

Buat pertama kalinya subuh itu, dia kembali mengerjakan solat. Dia terasa tubuhnya begitu ringan. Dia terasa dirinya sudah berubah menjadi manusia baharu. Terasa ada nikmat yang sukar diungkapkan dengan bahasa, seusai dia melunaskan solat.

Kwai bergegas ke bilik air mengambil wuduk dan kembali beberapa minit kemudian dengan wajah masih basah. Solat dua rakaat itu tenang walaupun sesekali ada sedikit hingar dengan suara orang melintas di kaki lima. Lelaki itu menoleh ke arahnya, menghulurkan tangan mahu bersalaman. “Alhamdulillah selesai tanggungjawab subuh ini.”

(Salina Ibrahim, 2017: 327)

Merujuk beberapa petikan tersebut, penulis banyak menjelaskan tentang aspek perlakuan dalam rukun Islam yang kedua iaitu menunaikan solat lima kali sehari semalam. Perincian yang dijelaskan tentang kaedah dalam menjalankan solat tidak hanya menggambarkan tentang hubungan kecintaan yang diwajibkan kepada umat Islam terhadap Allah SWT, malah dengan menampilkan beberapa lafaz dan bacaan dari bahasa arab ketika menunaikan solat, sekali gus mampu mencerminkan nilai ilmu kepada pembaca serta mengangkat keindahan bahasa al-Quran. Selain itu, Salina Ibrahim tidak hanya menampilkan segenap ruang karya kreatifnya terhadap satu cabang ilmu keagamaan sahaja. Melalui Novel *Mencari Cahaya* ini, beliau turut mencerminkan amalan-amalan lain dalam kegiatan spiritual umat Islam bagi mengangkat moraliti tertinggi akhlak penganut agama ini, dengan meresapkan amalan membaca al-Quran untuk mencari redhai Allah, di samping peringatan terhadap hakikat kehidupan dunia sebagai persinggahan mencari keredaan kehidupan hakiki kelak. selain itu, ibadah ini sebagai satu penyerahan diri kepada Allah dan memohon keredaan serta keampunan dari segala pelakumannya yang lalu. Teks berikut menggambarkan pernyataan.

“Saya tak pandai sangat, abang. Saya sempat belajar sedikit-sedikit daripada arwah bapa saudara. Dia guru agama dan mengajar al-Quran di kampung. Tapi kita boleh saja sama-sama belajar nanti. Saya selalu ikut emak saudara ke kelas agama di masjid. Imam masjid tu bagus sangat.abang pun boleh belajar dengan dia. Kita belajar sama-sama, ya.”

(Salina Ibrahim, 2017: 257)

Berdasarkan penurunan teks tersebut, sandaran pengajaran terhadap umat Islam tidak hanya ditumpukan terhadap kewajipan meyakini dan megikuti rukun Islam sahaja, sebaliknya harus memperakui tentang keabsahan Rukun Iman dengan bertunjangkan kepercayaan Iman (percaya) kepada kitab-kitab Allah, iaitu meyakini dan percaya bahawa Allah telah menurunkan wahyu (kitab suci) melalui malaikat jibril kepada para nabi untuk disampaikan kepada umat Islam yang berisi tentang petunjuk dan pedoman. Amalan melalui kitab tersebut tidak akan menyedatkan manusia selama-lamanya.



### Prinsip Ilmu Takamul dalam Teks Sastera

Islam agama syumul yang sentiasa menganjurkan kepada keilmuan. Setiap Muslim dianjurkan untuk menuntut ilmu. Konsep takmilah dalam hubungan kesusasteraan dan ilmu mempunyai pertalian dengan akal dan hati budi manusia. Akal sering kali dikaitkan dengan ilmu yang bersifat alamiah dan rasional, manakala hati merujuk kepada kerohanian yang harus ada dalam diri setiap muslim sejati. Peranan kesusasteraan yang takamul ialah mempertingkatkan kedua-dua bentuk alamiah dan rohani. Contohnya, melalui diksi-diksi naratif berupaya menyingkap inti sari ilmu melalui persoalan-persoalan tasawuf yang dianjurkan oleh pengarang dalam karyanya. Hal ini kembali semula kepada fungsi kesusasteraan itu sendiri yang bukan sahaja menjadi alat hiburan, malah memiliki nilai mendidik yang bukan sahaja secara terus tetapi juga melalui nilai-nilai tersirat. Justeru, prinsip ini membuktikan sastera bersifat takamul kepada ilmu dan ilmu takamul pula kepada sastera (Shafie Abu Bakar, 1996: 29).

Menyentuh tentang prinsip ini, iaitu memperlihatkan ideologi pengarang dalam menganjurkan kepada perbuatan-perbuatan kebaikan dalam membina kehidupan yang sempurna dan berhikmah. Contohnya melalui watak Cahaya yang dijadikan sebagai kesendengan dalam garapan mempamerkan keutuhan perwatakan terhadap pegangan kepada Islam. Cahaya seringkali menyampaikan nasihat dan pandangan berpaksikan unsur tasawuf kepada Kwai tatkala dirudum masalah. Ia jelas menunjukkan hakikat tentang saranan pengarang agar manusia berhijrah daripada mengamalkan sifat-sifat yang tidak baik kepada amalan-amalan mulia. Hal ini dibuktikan melalui petikan tersebut:

“Dalam al-Quran, ada surah bintang, Surah an-Najm namanya. Allah SWT bersumpah dengan an-Najm kerana bintang-bintang yang tenggelam dan timbul, ada manfaat besar kepada manusia. Bintang jadi pedoman bagi manusia belayar di laut, pengembara di padang pasir, malah bintang juga berguna dalam menentukan peredaran musim,”luah Cahaya kepadanya.

(Salina Ibrahim, 2017: 255)

“Hanya apabila langit cukup gelap, barulah kita dapat melihat bintang yang bercahaya. Sama seperti hidup kita, selepas mendapat banyak pengalaman, melalui banyak penderitaan, barulah kita nampak siapa diri kita. Ada orang diberi hidayah selepas lama hidup dalam gelap dan ada orang digerakkan hatinya untuk mencari Tuhan selepas melalui beberapa peristiwa dalam hidup,” gumam Cahaya kepadanya selalu.

(Salina Ibrahim, 2017: 256)

“Bukan. Bukan saya, abang. Allah berikan kita Islam dan Islam itulah cahaya petunjuk jalan kita. Kita selamat selagi kita mengenal Allah dan Islam.” Cahaya membalas dengan suara tenang.

(Salina Ibrahim, 2017: 257)

“Ada seorang ulama tasawuf bernama Yahya bin Muaz ar-Razi pernah berkata, sesiapa yang mengenal diri, maka dia akan mengenal Allah!” Mukadimah daripada Cahaya membuatkan matanya bersinar.

(Salina Ibrahim, 2017: 258)

Selain itu, Salina Ibrahim turut menggarap elemen keluhuran diri dengan menggambarkan sifat keihsanan melalui beberapa watak dengan menganjurkan nilai perkongsian rezeki melalui cara bersedekah. Hal ini, memberi kesedaran kepada manusia agar sentiasa perihatin terhadap golongan yang kurang bernasib baik. Sifat pemurah ini diresapkan melalui watak Jalal dan Rohani yang berperanan sebagai pengusaha catering yang sering memasak dan menyediakan makanan kepada gelandangan.

Mereka berdua pengusaha catering yang selalu mendapat tempahan menyediakan makanan dalam program anjuran fakultinya. Tahun lepas,

ketika Raiyan menguruskan jamuan untuk kelasnya, dia berurusan dengan mereka. Dalam perbualan dengan suami isteri itu, tiba-tiba sahaja terkeluar cerita mengenai kerja sukarela yang dibuat oleh Jalan dan Rohani. “Kami masak, bungkus dan edarkan sendiri. Setiap minggu kami sediakan lebih kurang 100 bungkusan, kadangkala sehingga 200 bungkusan. Cara itu lebih jimat dan mudah,” cerita Rohani.

(Salina Ibrahim, 2017: 22)

Novel *Mencari Cahaya* ini juga sarat dengan unsur pengajaran dan didikan dalam membentuk identiti rohani yang lebih sempurna melalui kata-kata nasihat yang disampaikan secara eksplisit. Ia bertujuan meruntunkan jiwa remaja agar sentiasa peka pada nilai-nilai pedoman yang membentuk akhlak yang lebih mulia. Teks di bawah menggambarkan unsur takamul:

Dia masih mahu menelusuri dirinya sendiri. Emak selalu mengajarnya supaya hidup dengan pegangan tertentu. Kata emak ringkas, tetapi selalu dia ingat; buat baik pada orang tetapi jangan meminta balasan daripada orang yang kita tolong. Jika kita ikhlas, nanti apabila kita dalam kesulitan, akan muncul orang lain berbuat baik dan menolong kita. Mungkin itu jadi sebahagian daripada pegangannya selama ini.

(Salina Ibrahim, 2017: 59-60)

Secara tuntas, dapat diklasifikasikan melalui ilmu yang berteraskan sumber al-Quran, mampu menyemai akhlak dan membentuk identiti yang lebih luhur dan seterusnya memenuhi prinsip teori takmilah daripada sudut falsafah tauhid yang merujuk kepada ketauhidan Allah serta ilmu yang ditunjukkan sebagai panduan dan teladan kepada khalayak.

### ***Prinsip Istikmal Diri Kepada Pengarang***

Sesebuah karya sastera dianggap mempunyai kualiti yang tinggi sekiranya pengarang tersebut berpasak pada kreadibiliti utuh dalam menzahirkan hasil karyanya. Pengarang tidak hanya memikirkan hasil yang digarap semata-mata sebagai konteks hiburan, sebaliknya wajar menyelidiki kesan dan manfaat dari hasil nukilan yang diterjemahkan ke atas tulisan. Menurut Asmiaty Amat & Lokman Abdul Sama (2014), Sebuah karya Islam yang dihasilkan oleh seseorang pengkarya yang hanya tahu bersandiwara adalah umpama sehelai kertas yang tidak bermakna. Pada pandangan mereka seorang pengkarya wajar memiliki sifat-sifat mulia dan meninggalkan sifat-sifat mazmumah serta perlu memiliki dan menguasai bidang ilmu, malah mereka harus mempraktikkan ilmu-ilmu yang mereka miliki itu tidak kira ilmu agama mahupun ilmu kesusasteraan. Secara jelas, pandangan mereka menyeru kepada pengkarya Islam agar memasukkan ‘roh’ keislamannya sebagai sebuah perkongisian ilmu yang mampu memberi manfaat secara bersama khususnya khalayak pembaca.

Seorang pengkarya wajib mengetahui tugas mereka sebagai pengkarya dan menyampaikan bakat dan kemahiran mereka ke jalan yang benar. Aspek yang dititik beratkan adalah berkenaan kebenaran tujuan dan kebenaran isi kandungan dan cara penulisan, (Asmiaty Amat & Lokman Abdul Sama 2014). Perkara ini turut dinyatakan oleh A. Hasjmy bahawa ciri-ciri sasterawan muslim yang digambarkan ialah mereka yang beriman, beramal soleh serta sentiasa mengingati Allah SWT. Keimanan dan ketakwaan sasterawan muslim dimanifestasikan daripada karya mereka (A. Hasjmy, 1987: 55-56). Dengan berlatar belakang sebagai graduan Sarjana Muda Syariah yang dimiliki oleh Salina Ibrahim, tidak sukarlah bagi beliau menzahirkan fikiran dan perasaan terhadap kecintaannya kepada Tuhan, agama dan nilai perikemanusiaan melalui setiap plot dalam naratif novel ini. Beliau bukan sahaja dididik dengan ilmu agama yang mendalam, malah menjadikan pengalaman kerjaya sebagai wartawan menunjukkan beliau mengamalkan sesuatu yang diutarakannya dalam karya tersebut. Selain itu, kefasihan beliau dalam berbahasa Arab turut menjadi satu kredit

untuk beliau memperindahkan kalimah-kalimah dengan selitan bahasa Arab yang sesuai dengan maksud yang ingin disampaikan melalui karya ini. Penyerapan ilmu agama yang disampaikan secara tersirat sedikit sebanyak umpama sindiran kepada masyarakat khususnya kepada pembaca agar menjadikan sesebuah karya tidak hanya disandarkan sebagai unsur hiburan semata-mata, sebaliknya, menjadikan ia sebagai titik tolak kesedaran dalam diri.

Keindahan bentuk karya ini terpancar melalui penggunaan diksi atau perkataan dari bahasa Arab meskipun ia dipamerkan secara minima di dalam teks, namun memberi kesan langsung terhadap ciri-ciri yang menggambarkan sesebuah karya tauhid. Antara perkataan Arab yang ditemui seperti *Alhamdulillah / Insha Allah / Astaghfirullahalazim / beristighfar / hayat / zuriat / al-Quran / solat / azan*.

Jika dipelusuri dalam novel *Mencari Cahaya*, teks yang terkandung pinjaman kalimah-kalimah Arab, tidak hanya dijadikan sebagai kelainan dalam naratif penceritaan, sebaliknya setiap penyampaian yang diujahkan menyuntik nilai keinsafan agar sentiasa beramal dengan kebaikan. Menyedari hakikat nilai kebertanggungjawaban pengarang dalam menghasilkan karya dilihat bermanfaat kepada pembaca, Salina Ibrahim sering mendominasi aspek peringatan dan asuhan jiwa melalui ajaran-ajaran yang tersandar pada kehidupan Islam. Beliau sebagai pengarang juga, sering mengingatkan dirinya agar tidak tersasar ke landasan yang salah dalam proses menyempurnakan diri dan khalayak;

“Kita manusia dibekalkan dengan fitrah. Maksudnya, sifat batin semula jadi, yang diberikan oleh Allah ke dalam diri setiap manusia sejak azali lagi. Fitrah itu wujud bersama lahirnya kita ke dunia dan terus menjadi sifat manusia tanpa melalui proses berguru atau pengalaman. Asalnya fitrah tak cukup subur semasa manusia masih bayi, tetapi beransur-ansur subur bersama kesuburan yang dialami oleh jasad lahir manusia.”

(Salina Ibrahim, 2017: 312)

“Antara sifat fitrah ini ialah takut, sayang, simpati, marah, dendam, benci, gembira, dengki, megah, sedih dan macam-macam lagi.

(Salina Ibrahim, 2017: 312)

Merujuk petikan tersebut jelas menggambarkan kesungguhan pengarang dalam usaha mendakwahkan khalayak secara tersirat melalui perilaku-perilaku dengan menunjukkan prinsip Istikmal yang ditampilkan penulis melalui perwatakan pada beberapa watak. Pada sisi prinsip sebegini penulis harus bertanggungjawab dalam menghasilkan karya mereka agar mempunyai nilai-nilai kesucian terhadap agama Islam. Secara tersurat pengarang seumpama menampilkan cerminan dirinya yang mempunyai ketinggian dalam bidang agama sebagai satu komponen berdakwah secara halus yang tidak membebankan pembaca agar mudah difahami melalui laras penulisan kreatif. Perkara ini turut dipertegas oleh Shafie Abu Bakar (1997) bahawa melalui rangka teori yang berkaitan dengan Allah SWT, sastera dilihat bukan sebagai satu aspek yang terasing daripada Islam tetapi ia mencerminkan kesyumulan Islam dan *integrated* (Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad, 2014). Oleh hal yang demikian, dapat dikatakan melalui novel *Mencari Cahaya*, karya Salina Ibrahim menunjukkan bahawa beliau telah mengistikmalkan diri dengan kolaborasi ilmu agama dan sastera.

## KESIMPULAN

Novel *Mencari Cahaya* karya Salina Ibrahim banyak menampilkan ilmu ketauhidan dalam laras penulisan kreatif. Ketertiban pengarang dalam menggarap hasil karya penulisannya tidak sekadar bersandarkan leka hiburan kepada khalayak semata-mata, namun setiap plot perjalanan cerita yang berlaku disaring selidik berlandaskan unsur kemanusiaan dan kejiwaan yang selaras dengan ketinggian akhlak. Pengarang tidak hanya menampilkan konflik watak

dalam pertembungan ideologi kefahaman dan startifikasi sosial semata-mata, malah melalui keluhuran nilai kemanusiaan yang bertitik tolak dari rohani dan jasmani yang luhur, mampu merungkaikan pergelutan yang wujud dengan mendepankan akal berbanding nafsu. Melalui gambaran dan jalan cerita ini, pengarang menyeru khalayak pembaca ke arah kebaikan dengan mengerjakan amalan-amalan yang murni untuk dijadikan panduan kecemerlangan dunia dan kegemilangan di akhirat. Hal ini secara jelas bertepatan tentang prinsip hubungan Takmilah dengan khalayak pembaca bagi memupuk ke arah insan Kamil. Justeru, untuk mengembalikan keagungan Islam, seseorang pengkarya dituntut untuk menghasilkan karya yang memperlihatkan pertemuan yang sempurna antara kebenaran, kebaikan dan keindahan dalam berbahasa. Maka teori takmilah yang diilhamkan oleh Shafie Abu Bakar ternyata merupakan teori yang wajar dipraktikkan untuk mengkaji karya-karya berkonsepkan islamisasi dan ketinggian akhlak.

## BIBLIOGRAFI

- Shafie Abu Bakar. (1996). 'Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip.' *Dewan Sastera*. November : 25-33.
- A. Hasjmy. (1987). *Sastera dan Agama' dalam Ismail Hussein* (pnggr.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamariah Kamaruddin. (2011). *Takmilah dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salina Ibrahim. (2017). *Mencari Cahaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shafie Abu Bakar. (1994). 'Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip.' Dalam Mana Sikana (ed.). *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafie Abu Bakar. (1997). 'Estetika dalam Takmilah.' Dalam Mana Sikana (ed.). *Pembangunan Seni dan Sastera*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Halim Ali. (2009). *Teori Takmilah*. Diperolehi pada Ogos 15, 2017 dari , <http://teorisastera.blogspot.my/2009/11/teori>.
- Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad. (2014). *Puisi-puisi Arifin Arif: Satu Analisis Takmilah*. Diperolehi pada Ogos 16, 2017 dari [https://www.researchgate.net/publication/306359049\\_Puisi\\_puisi\\_Arifin\\_Arif\\_Satu\\_Analisis\\_Takmilah](https://www.researchgate.net/publication/306359049_Puisi_puisi_Arifin_Arif_Satu_Analisis_Takmilah).
- Kamariah Kamarudin. (2016). Karya Shahnnon Ahmad Berdasarkan Perspektif Takmilah. *Malay Literature*. Diperolehi pada Ogos 17, 2017 dari <http://malayliterature.dbp.my/wordpress/?p=1918>.
- Mohd Faradi & Nik Nurul Farhana Hussein. (2017). Bumi Cinta : Soroton Takmilah Dalam Karya Tauhid. *Seminar Bahasa dan Kesusasteraan Arab*. Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin. Artikel dibentangkan di Universiti Sultan Zainal Abidin pada November 2017.
- Rosnani Ripin. (2017). Takmilah Novel Seteguh Fikrah Saleha, Karya Aminah Mokhtar. *E-Prosiding PASAK 2 - Jilid 3: Subtema Sosio Budaya, Sosiologi dan Kenegaraan*. Selangor: Kolej Universiti Islam Selangor.

## **Biodata Penulis**

Mohd Faradi bin Mohamed Ghazali, dilahirkan di kampung Tumpat, Kelantan. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Padang Garong, Kota Bharu, Kelantan, SMK Bukit Sawa, Terengganu dan kemudiannya melanjutkan pelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Sastera (Persuratan Melayu) (2007-2010). Menyambung pengajian di peringkat Sarjana Sastera (Kesusasteraan Melayu), UKM (2010-2012) dan kini sebagai penuntut di UKM di peringkat Doktor Falsafah (Kesusasteraan Melayu). Berdasarkan pengalaman kerja, pernah berkhidmat sebagai pensyarah di beberapa institut pengajian tinggi seperti City University College of Science and Technology, UniKL Business School, Universiti Kuala Lumpur, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Imperia Institute Of Technology, USJ Selangor dan kini berkhidmat di Pusat Pengajian Bahasa Moden dan Komunikasi, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak Terengganu.

Nur 'Aina Syahirah Binti Azmi berasal dari Johor Darul Takzim. Merupakan pelajar tahun kedua dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab di Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA.

## **KONSEP ‘ILM AL-BAYAN DALAM GAYA BAHASA MELAYU: SOROTAN PERBANDINGAN DAN PEMANFAATANNYA DALAM PENGAJARAN ILMU BALAGHAH**

Zulazhan Ab. Halim  
Abdul Wahid Salleh  
Noor Eliza Abdul Rahman  
Shuhaida Hanim Mohamad Suhane

### **ABSTRAK**

Ilmu balaghah atau retorik bukanlah suatu perkara yang asing dalam kalangan pelajar di Malaysia yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Pendedahan ilmu ini kepada mereka dalam kurikulum pengajian di peringkat sekolah menengah dan pengajian tinggi agak besar berbanding bahasa Melayu itu sendiri. Kertas ini menyorot perbandingan antara satu wacana dalam ilmu balaghah, iaitu *‘Ilm al-Bayan* dengan gaya bahasa Melayu. Perbandingan yang dilakukan bertujuan untuk melihat bagaimana ia dapat dimanfaatkan dalam sesi pengajaran dan membantu pelajar memahami ilmu balaghah secara lebih mendalam, di samping menambah pengetahuan pelajar terhadap perbezaan antara budaya Arab dan Melayu.

### **PENDAHULUAN**

Pengajian bahasa Arab merupakan sebahagian daripada pengajian Islam kerana sumber utama kepada pengajian Islam, iaitu al-Quran dan hadis adalah dalam bahasa Arab (Hamidah & Wan Mohammad Ubaidillah, 2016). Bahasa Arab telah bertapak di Malaysia sudah sekian lama, iaitu sejak kemasukan Islam ke Tanah Melayu lagi (Mat Taib Pa, 2008; Muhammad Sabri et al., 2016). Pengajian bahasa Arab telah berkembang dengan pesat seiring dengan perkembangan pengajian Islam. Bermula dengan sistem pondok pada awal kurun ke 15 Masihi, kemudian berkembang kepada sistem sekolah agama (madrasah) pada awal kurun ke 20 dan terus berkembang kepada sistem kolej dan universiti, ramai graduan dalam bidang pengajian Islam, termasuk pengajian bahasa Arab telah dilahirkan (Jabatan Pengajian Tinggi Malaysia, 2010).

Ilmu bahasa Arab terbahagi kepada 12 ilmu. Kertas kerja ini akan menyentuh satu ilmu yang tidak asing lagi dalam kalangan penuntut ilmu bahasa Arab, iaitu ilmu balaghah. Perkataan balaghah dalam Kamus Dewan (2007:114) bermaksud petah, fasih (bercakap). Manakala Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab (1996:58) menghurai maksud balaghah sebagai penampilan makna yang menarik melalui ungkapan yang tepat di samping memberi kesan yang mendalam serta bersesuaian dengan makna. Perkataan balaghah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris kepada *rhetoric* (Wehr, 1976:74; Steingass, 1882: 336). Manakala perkataan retorik pula dalam Kamus Dewan (2007:1326) bermaksud pertuturan atau tulisan yang menggunakan bahasa atau kata yang indah atau muluk-muluk untuk mempengaruhi pemikiran pendengar. Pengertian balaghah dan retorik ini sebenarnya diambil daripada pengertian yang diguna pakai dalam pengajian ilmu balaghah Arab. Sebagai contoh, al-Qazwini (2016:26) mendefinisikan balaghah sebagai:

البلاغة هي مطابقة الكلام لمقتضى الحال مع فصاحته.

*Balaghah adalah keserasian antara ungkapan dengan tuntutan situasi pendengar di samping ungkapan itu sendiri sudah fasih.*

Manakala menurut Ali al-Jarim dan Mustafa Amin, pengarang kitab balaghah yang masyhur penggunaannya di Malaysia sejak dari dahulu lagi, iaitu al-Balaghah al-Wadiah (t.th: 8), balaghah ialah:

تأدية المعنى الجليل واضحا بعبارة صحيحة لها في النفس أثر خلاب مع ملائمة كل كلام للموطن الذي يقال فيه  
والأشخاص الذين يخاطبون.

*Menyampaikan makna yang indah dengan jelas dan menggunakan ungkapan yang betul dan boleh memberi kesan kepada jiwa pendengar di samping tetap menjaga relevansi setiap ungkapan dengan situasi dan pihak yang diajak berbicara.*

Jika dibandingkan dengan ilmu bahasa Arab yang lain seperti ilmu nahu atau tatabahasa, iaitu cabang ilmu linguistik yang berkaitan dengan sintaksis, morfologi dan sebagainya, ilmu balaghah merupakan antara ilmu yang mesti dipelajari oleh penuntut ilmu pengajian Islam dan bahasa Arab. Hal ini demikian kerana melihat kepada fungsi ilmu ini dalam memahami dan menghayati mukjizat bahasa al-Quran dan keindahan bahasa hadis Rasulullah SAW dan karya sasterawan Arab (al-'Askari, 1952). Dalam konteks pendidikan Islam di Malaysia, tidak hairanlah jika kita telusuri kurikulum pengajian Islam dan bahasa Arab bermula dari peringkat sekolah menengah hingga ke peringkat universiti, kita akan dapati bahawa sejak dari dahulu lagi mata pelajaran balaghah tidak diabaikan. Sebagai contoh, dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (1989-2016), komponen ilmu balaghah dimasukkan dalam mata pelajaran bahasa Arab. Dalam Kurikulum Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) juga terdapat mata pelajaran *al-Balaghah*. Begitu juga dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) yang mula diperkenalkan pada tahun 2015, terdapat mata pelajaran *al-Adab wa al-Balaghah*. Bahkan mata pelajaran balaghah terus mendapat tempat dalam kurikulum di peringkat pengajian tinggi, seperti dalam Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab (dengan Kepujian) di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.

Walaupun ilmu balaghah Arab bukanlah satu mata pelajaran asing dalam kalangan penuntut ilmu pengajian Islam dan bahasa Arab di Malaysia, dapatan daripada kajian lepas menunjukkan sesuatu perlu dilakukan oleh ilmuan dalam bidang ini agar penguasaan pelajar terhadap ilmu balaghah dapat ditingkatkan. Himpunan dapatan kajian lepas yang melibatkan pengajian balaghah di peringkat sekolah menengah dan universiti (Abdul Halim, 1999; Sohair, 1999; Abdullah, 1999; Husaimi, 1999; Ab. Rahim, 1999; Azhar et al., 2003; Rosni & Muhammad Marwan, 2006; Azhar, 2006; Azhar et al., 2006; Abdul Hakim, 2008; Raja Hazirah, 2012; Anuar Sofian et al., 2013, Ahmad Redzaudin et al., 2016) menunjukkan bahawa walaupun sebahagian pelajar mempunyai minat untuk mempelajari ilmu balaghah, namun isu kelemahan yang melibatkan penguasaan pelajar, penggunaan bahan pengajaran seperti buku teks contohnya, kaedah pengajaran guru dan kaedah penilaian sentiasa ada dan mengganggu proses memartabatkan ilmu balaghah dalam kalangan pelajar.

Sehubungan itu, kertas kerja ini bertujuan untuk melihat kembali isu penguasaan pelajar dan bahan pengajaran ilmu balaghah dari sudut bagaimana ilmu sastera Melayu dapat dimanfaatkan dalam sesi pengajaran dan membantu pelajar memahami ilmu balaghah secara lebih mendalam, di samping menambah pengetahuan pelajar terhadap perbezaan antara budaya Arab dan Melayu. Walaubagaimanapun kertas kerja ini membataskan kepada salah satu daripada tiga wacana dalam ilmu balaghah, iaitu *Ilm al-Bayan* yang akan dibandingkan dengan beberapa jenis gaya bahasa Melayu yang bersesuaian.

## PERKEMBANGAN ILMU BALAGHAH ARAB

Ilmu balaghah sebenarnya telah wujud semenjak zaman jahiliah walaupun bukan dalam bentuk ilmu balaghah moden sebagaimana pada hari ini. Buktinya yang jelas ialah riwayat

yang menyatakan bahawa al-Nabighah al-Zhubyani, salah seorang penyair utama zaman jahiliah telah dilantik sebagai penilai kepada puisi-puisi Arab (*syi'r*) yang dideklamasikan di Pasar 'Ukkaz. Penilaian yang beliau lakukan adalah berdasarkan kepada kesesuaian perkataan dengan makna dan keindahannya yang merupakan topik perbincangan ilmu balaghah (al-Sa'idi, t.th). Ilmu ini kemudiannya berkembang seiring dengan perkembangan ilmu-ilmu pengajian Islam dan bahasa Arab yang lain dalam memberikan khidmat kepada al-Quran. Ramai ulama telah menghasilkan karya yang memasukkan nama al-Quran dalam tajuk karya mereka. Tidak terkecuali ulama ilmu balaghah. Sebagai contoh, kitab *Majaz al-Qur'an* oleh Abu Ubaydah Ma'mar bin al-Muthanna, *Ma'ani al-Qur'an* (al-Farra'), *al-Nukat li 'Ijaz al-Qur'an* (al-Rummani), *Bayan 'Ijaz al-Qur'an* (al-Khattabi) dan *'Ijaz al-Qur'an* (al-Baqillani). Berdasarkan karya-karya ini kita melihat akan kepentingan ilmu balaghah kerana wujudnya perkaitan dengan al-Quran (Abu Hamidah, 2017).

Pada peringkat awal, topik perbincangan ilmu balaghah berada secara berselerak dalam buku-buku ulama balaghah dan sastera Arab seperti dalam kitab *al-Bayan wa al-Tabyin* oleh al-Jahiz, *al-Badi'* (Ibn al-Mu'tazz), dan *Naqd al-Syi'r* (Qudamah ibn Ja'far). Namun, dengan kemunculan Abd al-Qahir al-Jurjani (meninggal dunia 471H), al-Zamakhsyari (m. 538H) dan Abu Ya'qub al-Sakkaki (m. 626H) topik perbincangan ilmu balaghah telah disusun dengan kemas dan teratur. Al-Jurjani telah mengarang dua buah buku, iaitu *Asrar al-Balaghah* dan *Dala'il al-'Ijaz*, al-Zamakhsyari menulis kitab tafsir *al-Kasysyaf* manakala al-Sakkaki menghasilkan sebuah buku yang bertajuk *Miftah al-'Ulum*. Melalui *Miftah al-'Ulum* ini al-Sakkaki membahagikan topik perbincangan ilmu balaghah kepada tiga perbincangan utama, iaitu *'Ilm al-Ma'ani*, *'Ilm al-Bayan* dan *'Ilm al-Badi'*. Pembahagian yang dibuat oleh beliau ini akhirnya diterima pakai sehingga ke hari ini. ('Abd al-Aziz 'Atiq, t.th)

Menurut Syauqi Dayf (1965), kemuncak zaman kegemilangan balaghah adalah pada zaman Abd al-Qahir al-Jurjani, al-Zamakhsyari dan al-Sakkaki. Selepas zaman al-Sakkaki, ilmu balaghah memasuki zaman kejumudan kerana ulama selepas itu tidak lagi melakukan pembaharuan dalam ilmu balaghah tetapi sebaliknya menumpukan kepada meringkaskan (*talkhis*), menghuraikan (*syarh*) dan membuat nota kaki (*hamisy*). Tambahan pula aliran penerbitan buku pada masa itu mula memisahkan antara bidang sastera dan bidang balaghah.

### 'ILM AL-BAYAN DALAM BALAGHAH ARAB

Ilmu balaghah terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu *'Ilm al-Ma'ani*, *'Ilm al-Bayan* dan *'Ilm al-Badi'*. Perbezaan antara ketiga-tiga bahagian ini ditunjukkan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Perbezaan *'Ilm al-Ma'ani*, *'Ilm al-Bayan* dan *'Ilm al-Badi'*

<i>'Ilm al-Ma'ani</i>	<i>'Ilm al-Bayan</i>	<i>'Ilm al-Badi'</i>
<u>Definisi:</u> علم يعرف به أحوال اللفظ العربي التي بها يطابق مقتضى الحال.	<u>Definisi:</u> علم يعرف به إيراد المعنى الواحد بطرق مختلفة مع وضوح الدلالة.	<u>Definisi:</u> علم يعرف به وجوه تحسين الكلام بعد رعاية المطابقة لمقتضى الحال ووضوح الدلالة على المعنى المراد.
<u>Huraian:</u> Ilmu yang membincangkan kedudukan ungkapan yang selaras dengan situasi tertentu. Ia mengawal seseorang daripada tersilap	<u>Huraian:</u> Ilmu yang membincangkan makna dan peraturan yang menjelaskan sesuatu idea melalui pelbagai cara. Ia	<u>Huraian:</u> Ilmu yang membincangkan cara mengindahkan ungkapan dengan mengambil kira kedudukan ungkapan yang selaras




<p>mengungkapkan kata-kata yang tidak sesuai dengan konteks situasi. Perkaedahan ilmu ini banyak disandarkan kepada ilmu nahu dengan istilah-istilah khusus seperti <i>isnad</i> (<i>musnad</i> dan <i>musnad ilayh</i>) yang boleh terdiri dari <i>mubtada'</i>, <i>khobar</i>, <i>fi'il</i>, <i>fa'il</i> dan sebagainya.</p>	<p>membimbing seseorang untuk menyampaikan sesuatu maksud dengan pelbagai cara yang boleh menghasilkan kesan tersendiri kepada pendengar.</p>	<p>dengan situasi dan membawa makna yang dikehendaki dengan jelas.</p>
<p><u>Contoh:</u>          (Ayat <i>khbari</i>) أسلوب خبري (1)          حضر أحمد إلى الفصل أمس.  <i>Ahmad datang ke kelas kelmarin.</i></p> <p>(Ayat <i>insya'i</i>) أسلوب إنشائي (2)          اصبر إلى غد  <i>Bersabarlah sehingga esok.</i></p>	<p><u>Contoh:</u>          التشبيه (Perbandingan)          الخد كالوردة الحمراء  <i>Pipi merah seperti bunga ros merah.</i></p>	<p><u>Contoh:</u>          الجناس          (Dua perkataan sama sebutan tetapi berlainan makna)          شهدت صلاة المغرب في بعض مساجد المغرب.  <i>Saya solat maghrib di salah sebuah masjid di Maghribi.</i></p>

Sumber: Abdul Wahid & Norasmazura, 2018; Idris et al., 2012

## 2.1 Pembahagian 'Ilm al-Bayan

Secara ringkasnya, pembahagian 'Ilm al-Bayan dirumuskan sebagaimana dalam Rajah 2 berikut:

Rajah 2: Pembahagian 'Ilm al-Bayan



Sumber: Abdul Wahid & Norasmazura, 2018; Zulazhan 2011

### 1. Tasybih

Menurut Shaykhun (1990: 23), *tasybih* dari segi bahasa bermaksud التمثيل. Dari segi istilah ia bermaksud ملحوظة أو ملحوظة (perbandingan sesuatu dengan yang lain yang mempunyai ciri yang sama dengan menggunakan partikel yang disebut atau tidak disebut bersamanya).

*Tasybih* dibina daripada empat rukun asas, iaitu *musyabbah* (lafaz bandingan), *musyabbah bih* (lafaz yang dibandingkan) *wajh al-syabah* (sifat atau makna yang dikongsi bersama) dan *adat al-tasybih* (kata-kata pembanding atau partikel *tasybih*). Sebagai contoh,

الهداية العلم كالنور في الهداية (*Ilmu seperti cahaya memberi petunjuk kepada manusia*). Dalam contoh ini, ilmu (*musyabbah*) telah dibandingkan dengan cahaya (*musyabbah bih*) dan sifat memberi petunjuk atau pedoman merupakan ciri persamaan yang dikongsi bersama (*wajh al-syabh*). Partikel *tasybih* ialah huruf *kaf* yang bermaksud *seperti* (Abdul Wahid, 2007).

Unsur utama yang membentuk *tasybih* ialah *musyabbah* dan *musyabbah bih* yang dipanggil sebagai طرفا التشبيه. Kedua-dua unsur ini tidak boleh digugurkan sama sekali. Asas *tasybih* ini terbahagi kepada beberapa bahagian berdasarkan kepada bentuk *musyabbah* dan *musyabbah bih*. Jika ia boleh dicapai oleh pancaindera (deria rasa yang lima, iaitu rasa, bau, dengar, lihat dan sentuh), maka ia dinamakan sebagai *hissi* (حسي). Jika sesuatu itu tidak boleh dicakupi oleh pancaindera yang lima maka ia dianggap sebagai *aqli* (عقلي). Contoh *tasybih hissi* ialah خدحا كالوردة الحمراء (*Pipinya merah seperti bunga mawar*). Contoh *tasybih aqli* ialah الإيمان كالحياة (*Iman itu umpama kehidupan*) (Abdul Wahid 2007).

## 2. Isti'arah

*Isti'arah* ialah *majaz lughawi* yang hubungan (*'alaqah*) antara makna asal dan makna *majazi* adalah dalam bentuk persamaan (*tasybih*) (al-Taftazani et al, t.th), atau definisi lengkapnya ialah penggunaan perkataan bukan pada makna yang telah ditentukan untuknya, atas dasar wujud hubungan persamaan antara makna yang dikehendaki oleh penutur perkataan tersebut dengan makna yang telah ditentukan, di samping ada bukti yang menunjukkan bahawa maksud asal perkataan (maksud yang telah ditentukan) tidak dikehendaki oleh penutur (al-Tunji, 1993).

Menurut Mohamad Syukri et al. (2012), *isti'arah* merupakan *tashbih* yang hanya mempunyai salah satu daripada dua rukun utama, iaitu lafaz bandingan (*musyabbah*) dan lafaz yang dibandingkan (*musyabbah bih*). Pada masa yang sama digugurkan sifat (*wajh al-syabah*) bagi *musyabbah* dan *musyabbah bih* dan medium perbandingan (*adat al-tasybih*). Oleh yang demikian, *tasybih* merupakan asas kepada *isti'arah* dan *isti'arah* pula merupakan cabang kepada *tasybih*.

*Isti'arah* terbahagi kepada dua bahagian berdasarkan pengguguran dua rukun *tasybih* ini:

### i. Isti'arah Tasrihiyyah

*Isti'arah Tasrihiyyah* ialah *isti'arah* yang digugurkan lafaz *musyabbah* dan disebut lafaz *musyabbah bihnya*. Contohnya, firman Allah dalam Surah Ibrahim (14:1)

الرَّ كُتِبَ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَى صِرَاطٍ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ

Maksudnya:

*Alif Laam Raa'*. Ini ialah Kitab (*Al-Quran*) Kami turunkan dia kepadamu (*wahai Muhammad*), supaya Engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya dari gelap-gelita kufur kepada cahaya iman - dengan izin Tuhan mereka - ke jalan Allah Yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji (*Tafsir Pimpanan Al-Rahman 2001: 594*).

Dalam contoh di atas terdapat dua perkataan, iaitu الظلمات dan النور. Perkataan yang pertama membawa maksud الضلال (*kesesatan*) dan perkataan yang kedua membawa maksud الهدى (*petunjuk dan keimanan*). Hubungan antara kedua-dua makna ini adalah *musyabbah* dan *qarinah* atau penanda pula adalah *haliyah* (konteks semasa). Lafaz *musyabbah*, iaitu الضلال dan الهدى والإيمان telah digugurkan. Oleh itu contoh ini dikenali sebagai *isti'arah tasrihiyyah* (al-Jarim & Mustafa Amin, t.th).

### ii. Isti'arah Makniyyah

*Isti'arah makniyyah* ialah *isti'arah* yang digugurkan *musyabbah bihnya* tetapi disebutkan salah satu sifat *musyabbah bih* itu. Contohnya dalam ucapan al-Hajjaj kepada penduduk Kufah, إني لأرى رؤوسا قد أينعت وحان قطافها yang bermaksud *Sesungguhnya aku melihat kepala-kepala yang telah masak dan sampai masa untuk dipetik*. Dalam contoh ini, al-Hajjaj membandingkan kepala pemberontak yang akan dipancung dengan الثمرات (buah). Lafaz

*musyabbah bih*, iaitu الثمرات telah digugurkan dan digantikan dengan sifat yang menjadi kebiasaan bagi buah, iaitu قد أئنت وحن قاطفها (*masak dan boleh dipetik*) (Shaykhun 1990).

### 3. Majaz Mursal

*Majaz Mursal* ialah *majaz lughawi* yang hubungan (*'alaqah*) antara makna asal dengan makna *majazi* tidak dibina atas dasar persamaan (*tasybih*)(al-Taftazani et al., t.th). Ini bermaksud, antara makna asal perkataan dengan makna yang dikehendaki oleh penuturnya tetap ada hubungan atau kaitan makna kerana ia *majaz*. Walau bagaimanapun hubungan yang wujud itu bukan hubungan persamaan sebagaimana *isti'arah*, bahkan ia terdiri daripada beberapa bentuk hubungan. Oleh sebab itu, *majaz* ini dinamakan *majaz mursal* yang bererti *tidak terikat dan bebas* (al-Dasuqi, t.th). Menurut Haddarah (1998), orang yang pertama menamakan *majaz* ini dengan *majaz mursal* ialah al-Khatib al-Qazwini.

Antara contoh *majaz mursal* ialah ayat قطعت السارق (*Saya telah potong pencuri*). Dalam ayat ini, yang dipotong sebenarnya bukan tubuh pencuri tetapi tangannya sahaja. Perkataan *pencuri* adalah *majaz* kerana membawa maksud *tangan*. Antara *pencuri* dan *tangan* ada hubungan atau kaitan tetapi bukan dalam bentuk persamaan. Memandangkan lafaz yang disebut, iaitu *pencuri* adalah الكل sedangkan *tangan* yang dimaksudkan itu adalah sebahagian (الجزء) dari *pencuri*, maka hubungan di sini ialah *kulliyyah* (كلية) (al-Qazwini, 2016). Nama hubungan dalam setiap contoh *majaz mursal* adalah melihat kepada lafaz yang disebut, bukan lafaz yang dimaksudkan.

Selain daripada *kulliyyah*, hubungan atau *'alaqah majaz mursal* ialah (al-Syarkani, 2010):

#### i. *Musabbabiyyah* (مسببية)

Bermaksud lafaz yang disebut adalah hasil sedangkan makna yang dimaksudkan ialah sebab atau punca, seperti dalam firman Allah SWT (40:13): وينزل من السماء رزقا yang bermaksud *Dialah yang menurunkan rezeki dari langit*. Perkataan *rezeki* adalah *majaz mursal* kerana ia tidak diturunkan dari langit tetapi sebaliknya Allah SWT menurunkan hujan yang menjadi sebab kepada tumbuhnya tanaman yang menjadi rezeki kepada manusia.

#### ii. *I'tibar ma kana* (اعتبار ما كان)

Bermaksud lafaz yang diucapkan adalah mengambil kira keadaannya pada masa lepas sedangkan makna yang dimaksudkan ialah pada masa sekarang, seperti dalam firman Allah SWT (4:2): وآتوا اليتامى أموالهم yang bermaksud *Dan berilah kepada anak-anak yatim akan harta mereka*. Anak yatim menurut bahasa ialah anak kecil yang kematian bapa. Apabila mereka telah dewasa mereka tidak lagi dipanggil anak yatim. Dalam Islam anak yatim tidak layak menguruskan harta mereka kerana masih kecil. Tetapi dalam ayat ini Allah memerintahkan supaya diberikan harta kepada anak yatim kerana perkataan *anak yatim* itu adalah *majaz mursal* yang mengambil kira keadaan mereka dahulu.

#### iii. *I'tibar ma sayakun* (اعتبار ما سيكون)

Bermaksud perkataan yang digunakan adalah mengambil kira keadaannya pada masa akan datang sedangkan makna yang dimaksudkan ialah pada masa sekarang, sebagaimana dalam firman Allah SWT (71:27): ولا يلدوا إلا فاجرا كفارا yang bermaksud *Mereka tidak akan melahirkan kecuali anak yang berbuat maksiat lagi sangat kafir*. Anak yang baru dilahirkan tidak mampu melakukan maksiat dan kekufuran. Tetapi dalam ayat ini Allah SWT menyifatkan mereka sebagai pelaku maksiat dan kafir kerana melihat kepada keadaan mereka pada masa akan datang.

#### iv. *Mahalliyyah* (محلية)

Bermaksud lafaz yang disebut adalah tempat sedangkan makna yang dimaksudkan ialah orang yang mendiami tempat tersebut, sebagaimana firman Allah SWT (96:17-18): فليدع ناديه. فليدع ناديه yang bermaksud *Maka biarkan dia memanggil kelabnya. Kelak Kami akan mengambil Malaikat Zabaniah*. Makna lafaz ناديه merupakan tempat berkumpul, tetapi yang dimaksudkan ialah orang-orang yang berada di tempat itu, sama ada teman atau keluarga.

v. *Haliyyah* (حالية)

Bermaksud perkataan yang digunakan adalah keadaan sedangkan makna yang dimaksudkan ialah tempat keadaan tersebut, seperti firman Allah SWT (83:22): *إن الأبرار لفي نعيم* yang bermaksud *Sesungguhnya orang-orang yang berbakti itu benar-benar dalam dalam kenikmatan*. Kenikmatan tidak dapat ditempati oleh manusia kerana ia adalah sesuatu yang bersifat abstrak. Sebaliknya yang boleh didiami ialah tempat keadaan itu, iaitu syurga Allah SWT.

4. *Majaz 'Aqli*

*Majaz* ini dinamakan *majaz 'aqli* kerana ia berlaku pada sandaran (الإسناد). *Majaz 'aqli* ialah sandaran kata kerja atau seumpamanya (seperti kata nama terbitan dan kata nama pelaku) kepada sesuatu yang bukan sepatutnya mengikut takwilan tertentu. Antara contohnya ialah *Raja membina bandar*. *Majaz* berlaku dalam sandaran kata kerja *membina* kepada *Raja* kerana mustahil pada akal seorang raja membina sendiri bandarnya. Baginda hanya mengeluarkan arahan dan yang akan membinanya adalah pekerja-pekerjanya (al-Qazwini, 2016).

Dalam pengajian balaghah moden, pembahagian *majaz* yang diterima pakai dan disepakati ialah *majaz* terbahagi kepada *majaz lughawi* dan *majaz 'aqli*. Walau bagaimanapun, jika dilihat kepada pandangan tiga orang tokoh balaghah yang karya mereka menjadi rujukan dalam bidang ini, iaitu Abd al-Qahir al-Jurjani, al-Sakkaki dan al-Qazwini, terdapat sedikit perbezaan antara pendapat mereka. Pertama, al-Sakkaki menolak kewujudan *majaz 'aqli* dan melihat semua *majaz* adalah *majaz lughawi* sedangkan Abd al-Qahir dan al-Qazwini menerima kewujudan *majaz 'aqli* bersama *majaz lughawi*. Kedua, Abd al-Qahir meletakkan *majaz 'aqli* bersama *majaz lughawi* dalam perbincangan *'Ilm al-Bayan* sedangkan al-Qazwini meletakkannya dalam *'Ilm al-Ma'ani* (Zulazhan, 2011)

5. *Kinayah*

Menurut al-Hashimi (t.th: 272), *kinayah* ditakrifkan sebagai *لفظ أطلق وأريد به لازم معناه مع قرينة لا تمنع من إرادة المعنى الأصلي (sesuatu perkataan yang disebut dengan tujuan menggambarkan makna lain yang tersirat di sebalik perkataan tersebut namun ia juga boleh merujuk kepada makna sebenar kerana tiada petunjuk yang menghalang daripada pengertian makna asalnya)*. Menurut Siti Saudah (1999), *kinayah* merupakan sesuatu ungkapan yang mempunyai maksud sindiran dan boleh juga digunakan untuk maknanya yang asal. Contohnya ungkapan *كثير الرماد* yang bermaksud *banyak abu*. Orang Arab dahulu sering menggunakan ungkapan ini apabila hendak menggambarkan sifat pemurah. Hal ini kerana seorang yang pemurah akan selalu mengundang tetamu ke rumahnya. Seorang yang menerima ramai tetamu pula pasti mempunyai banyak periuk yang berabu kerana terlalu banyak memasak untuk menjamu tetamu-tetamunya (Al-Hadri, 1991). Situasi ini menunjukkan ungkapan *kinayah* tidak menghalang daripada pengertian makna asalnya. Makna yang tersirat dalam kiasan ini ialah dia seorang pemurah dan pada masa yang sama makna asal, iaitu terdapat banyak abu di rumahnya turut boleh digunakan.

Penggunaan *kinayah* dapat membantu seseorang untuk tidak menggunakan bahasa secara langsung yang boleh menyinggung perasaan orang lain. Selain itu, *kinayah* membolehkan seseorang ahli sastera menggambarkan apa yang ia kehendaki tanpa mendedahkan dirinya kepada risiko yang mungkin timbul akibat menggunakan bahasa secara berterus-terang (Maqbul & Dhikra, 1990). *Kinayah* dalam bahasa Arab boleh dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu:

i. *الكناية عن الصفة*

Dalam kiasan bentuk ini, satu sifat akan disebut bagi menggambarkan makna yang tersirat. Sebagai contoh, *kinayah* *فلان بعيدة مهوى القرط* pada asalnya bermaksud *perempuan itu jauh tempat jatuh subangnya*. Kiasan ini membayangkan ciri-ciri seorang wanita yang berleher

jinjang. Sifat wanita tersebut tidak diungkapkan secara langsung tetapi digambarkan melalui satu ungkapan lain secara *kinayah* yang memberikan makna leher jinjang. Ini adalah kerana, dalam masyarakat Arab, mereka melihat tempat jatuh subang yang jauh sebagai jarak di antara cuping telinga dan bahu yang menggambarkan pemiliknya adalah seorang perempuan yang berleher jinjang (Mukarram, 1975).

ii. الكناية عن الموصوف

Kinayah tentang *mawsuf* merupakan kiasan kepada seseorang atau sesuatu yang memiliki sifat yang tertentu. Kiasan ini berlaku melalui penggunaan perkataan yang menunjukkan atau menggambarkan seseorang atau sesuatu objek yang disifatkan. Contohnya perkataan بنت عدنان yang maksud asalnya ialah anak 'Adnan. Ungkapan ini merupakan kiasan kepada bahasa Arab (Maqbul & Dhikra, 1990).


iii. الكناية عن النسبة

Kinayah tentang nisbah merupakan kiasan yang dilakukan dengan menyebutkan sesuatu sifat yang diletakkan kepada sesuatu benda yang berkaitan dengan *mawsuf* (Sulaiman, 2007). Contohnya *kinayah* المجد بين ثوبيك، والكرم ملء برديك. Kata-kata ini bermaksud *kemuliaan itu berada di antara dua bajumu dan kemurahan hati memenuhi dua burdahmu*. Sifat kemuliaan dan kemurahan hati merupakan sifat utama orang yang dipuji. Penyair meletakkan sifat kemuliaan dan kemurahan hati kepada pakaian orang yang dipuji, tetapi maksud sebenarnya ialah orang itu amat mulia dan murah hati (Abdul Wahid, 2007).

## GAYA BAHASA BAHASA MELAYU

Dalam komunikasi menggunakan mana-mana bahasa, antara elemen penting yang perlu dijaga ialah penggunaan gaya bahasa yang menarik dan sesuai. Secara umumnya, gaya bahasa Melayu terbahagi kepada lima jenis sebagaimana dalam Rajah 1 berikut:

Rajah 1: Jenis Gaya Bahasa Melayu



Sumber: Nik Hassan Basri, 2005

Dalam konteks kertas kerja ini, gaya bahasa yang boleh dikaitkan dengan konsep *'Ilm al-Bayan* ialah gaya bahasa perbandingan. Hal ini kerana kesemua topik *'Ilm al-Bayan* terbina atas asas *tasybih* atau perbandingan.

Menurut Nik Hassan Basri (2005), gaya bahasa perbandingan ialah bentuk bahasa perbandingan yang indah yang digunakan untuk menambahkan kesan dan makna tertentu dengan cara perbandingan sesuatu perkara dengan perkara lain. Antara jenis gaya bahasa perbandingan ialah:

1. Metafora, iaitu pemakaian kata atau ungkapan yang menerbitkan makna yang lain daripada makna tersurat atau penggunaan kata-kata untuk menyatakan erti yang berbeza daripada yang sebenarnya (sebagai kiasan). Contohnya:

*Sungai duka*

a) *Rimba kegelapan*

- b) *Kamar sutera rohani*
2. Personifikasi, iaitu penginsanan atau pemberian sifat-sifat manusia kepada sesuatu benda, haiwan, tumbuh-tumbuhan, keadaan, peristiwa, barang yang tidak bernyawa atau idea yang abstrak. Contohnya:
- Kelibat senyum matanya masih jua ramah*
  - Daun-daun pokok di pantai bertamparan sesama sendiri*
  - Mentari terus meninggi sambil melemparkan sinarnya yang terik*
3. Simile, iaitu perumpamaan yang secara jelas mengungkapkan sesuatu perbandingan atau sesuatu yang dianggap sama dengan menggunakan kata seperti *bak, laksana, seperti, umpama, penaka, ibarat, macam, bagai, dan serupa*. Contohnya:
- Seperti kebun berpagar duri.*
  - la menjernih bagai jerebu diterpa titik hujan*
  - Macam membawa duit tak laku*
  - Umpama lebah membuang sengatnya*
4. Sinekdoki, iaitu gaya bahasa perbandingan yang menyebut sebahagian untuk maksud keseluruhan, atau menyebut keseluruhan untuk maksud sebahagian. Bahagian yang disebut itu dianggap penting dan dapat mewakili keseluruhan sifat atau perbuatan objek yang hendak disampaikan (Keraf, 1994).

Gaya bahasa ini terbahagi kepada dua. Pertama, *pars pro toto*, iaitu menyebut sebahagian sahaja untuk menggambarkan keseluruhan. Contohnya, ayat *si botak* itu telah berpindah dari kampung ini. *Si botak* yang dimaksudkan dalam ayat tersebut adalah merujuk kepada gelaran seseorang yang dikenali oleh penutur dan pendengarnya. Ia juga merujuk kepada *kepala yang botak*, iaitu sebahagian daripada tubuh individu tersebut.

Kedua, *totum pro parte*, iaitu menyebut keseluruhan untuk menggambarkan sebahagian. Sebagai contoh, ayat *Penduduk Mersing menyambut kedatangan Perdana Menteri*. Dalam ayat tersebut, digambarkan seolah-olah seluruh penduduk daerah Mersing menyambut kedatangan Perdana Menteri, walhal yang menyambutnya hanya sebahagian sahaja (Mohamad Yazid, 2010)

## PERBANDINGAN

Jika dibandingkan antara *‘Ilm al-Bayan* dan gaya bahasa Melayu, kita akan dapati bahawa terdapat beberapa persamaan yang boleh membantu pelajar Melayu untuk lebih memahami perbahasan *‘Ilm al-Bayan*:

### 1. *Tasybih* vs Simile

Menurut Noor Eliza (2014), dalam bahasa Melayu, *tasybih* dikenali sebagai simile. Simile merupakan perumpamaan yang secara jelas mengungkapkan perbandingan atau persamaan antara sesuatu dan yang lain (Kamus Dewan, 2007: 149). Simile atau perumpamaan termasuk dalam peribahasa yang menggunakan kata-kata pembandingan seperti *bagai, seperti, umpama, laksana dan bak*. Antara contoh simile dalam bahasa Melayu ialah *seperti kacang lupakan kulit, seperti anjing dengan kucing, bagai pungguk rindukan bulan dan bagai enau dalam belukar*.

Simile atau perumpamaan mempunyai makna dua lapis, iaitu makna lahir daripada apa yang tertera dan makna dalaman atau makna tersirat yang sebenarnya dianalogikan kepada ungkapan yang mempunyai makna luaran itu (Keris Mas, 1988). Selain itu, dalam bahasa Melayu juga terdapat perumpamaan yang dikenali sebagai *bandingan semacam*. *Bandingan semacam* boleh ditakrifkan sebagai membuat perbandingan antara sifat seseorang, sesuatu benda atau perkara dengan benda, perkara atau orang lain yang mempunyai sifat hampir sama atau semacam (Rohaini, 2011). *Bandingan semacam* mempunyai bentuk yang lebih ringkas daripada perumpamaan dengan menyebut aspek sifat sahaja. Contohnya *besar*

*macam gajah, cantik macam bidadari, cepat macam kilat, gebu macam kapas* dan sebagainya.

Sebagaimana *tasybih* dalam bahasa Arab, simile juga mempunyai empat asas utama, iaitu perkara yang dibandingkan, perkara yang menjadi contoh atau bahan perbandingan, kata-kata pembanding dan ciri persamaan antara keduanya. Walau bagaimanapun, pembahagian *tasybih* lebih banyak dan luas sedangkan simile tidak mempunyai pembahagian yang sedemikian.

## 2. *Isti'arah* vs Metafora dan Personifikasi

Dalam bahasa Melayu, *isti'arah* sering dirujuk sebagai metafora. *Kamus Dewan* (2007: 1029), memberikan definisi metafora sebagai pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan sebagai perbandingan atau kiasan. Metafora melibatkan ungkapan atau rangkaian kata perbandingan yang tidak menggunakan kata-kata perbandingan sebagaimana simile. Perbandingan itu dibuat secara tidak langsung dan padat. Lazimnya, metafora terdiri daripada dua perkataan, iaitu satu perkataan konkrit yang dapat dikesan atau dirasai oleh manusia, dan satu perkataan lagi bersifat abstrak yang sukar dikesan oleh manusia (Norliza et al., 2011).

Menurut Abdullah dan Ainon (2001), metafora dalam bahasa Melayu diklasifikasikan sebagai bahasa kiasan bukan peribahasa, iaitu kiasan yang tidak menggunakan perkataan *seolah-olah, ibarat, seakan-akan, bak seperti, laksana, macam, bagai* dan *umpama*. Contohnya, ayat *Masa itu emas*. Lafaz emas ialah metafora. Ayat ini berbeza daripada ayat *Masa itu seperti emas*. Emas dalam ayat ini merupakan perumpamaan kerana terdapat perkataan *seperti* sebelumnya.

Walaupun bagaimanapun, Mohammad Syukri et al. (2012) menyebutkan, masih terdapat sedikit perbezaan antara *isti'arah* dan metafora kerana *isti'arah* hanya mempunyai salah satu daripada dua rukun utama *tasybih* (*musyabbah* dan *musyabbah bih*) dan tidak mempunyai rukun-rukun lain (*wajh al-syabah* dan *adat al-tasybih*), sedangkan metafora mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. Mempunyai kedua-dua rukun utama tersebut seperti dalam contoh ungkapan *Hatinya batu* (Kamarudin, 1995) atau mempunyai salah satu daripadanya seperti dalam contoh ungkapan *Di matanya ada api* (Maheram, 2008). Dalam contoh pertama kedua-dua rukun telah disebut, iaitu *hati* (*musyabbah*) dan *batu* (*musyabbah bih*). Dalam contoh kedua pula hanya *musyabbah bih* yang disebut, iaitu *api* sedangkan *musyabbahnya*, iaitu *semangat* atau *kemarahan* tidak disebut.
- ii. Mempunyai *wajh al-syabah* seperti dalam contoh ungkapan *Saya ingin menyunting bunga yang cantik di taman Pak Ali*, atau pun tidak mempunyai *wajh al-syabah*, seperti contoh ungkapan *Saya ingin menyunting bunga di taman Pak Ali*. Dalam contoh pertama, perkataan *cantik* merupakan *wajh al-syabah* atau ciri persamaan antara *musyabbah* (gadis) dan *musyabbah bih* (bunga) yang disebut bersama di dalam ayat. Manakala contoh kedua perkataan *cantik* tidak disebut.

Ringkasnya, *isti'arah* dan metafora mempunyai ciri-ciri persamaan dan perbezaan yang tertentu. Ciri-ciri persamaannya ialah kedua-duanya berbentuk *majaz*, iaitu menggunakan perkataan yang mempunyai makna yang lain daripada makna asal dan kedua-duanya juga tidak mempunyai kata pembanding (*adat al-tasybih*). Perbezaan antara kedua-duanya pula dapat dilihat pada aspek rukun utama *tasybih* atau perkara yang dibandingkan dengan perkara yang menjadi perbandingan. Dalam *isti'arah* disyaratkan pengguguran salah satu asas utama *tasybih* dan *wajh al-syabah* sedangkan dalam metafora tidak disyaratkan demikian. Metafora merupakan bentuk kiasan yang lebih luas berbanding *isti'arah*, malah *tasybih baligh* juga termasuk dalam bentuk metafora. Daripada penjelasan di atas dapat dikatakan bahawa penggunaan perkataan metafora untuk merujuk kepada *isti'arah* dapat

diterima. Hal ini adalah kerana, semua *isti'arah* termasuk dalam bentuk metafora, tetapi bukan semua bentuk metafora boleh dikategorikan sebagai *isti'arah* (Noor Eliza, 2014).

Manakala personifikasi ialah gaya bahasa yang menggambarkan benda-benda mati atau barang-barang yang tidak bernyawa seolah-olah memiliki sifat-sifat kemanusiaan. Contohnya, apabila kita mengatakan bahawa *cinta itu buta*, ini bermakna kita memberi sifat manusia yang cacat penglihatan kepada cinta (Keraf, 1994). Contoh lain ialah seperti ayat *Rumah itu telah tua* dan *Bajumu terlalu garang* (Rahman Shaari: 1993).

Menurut Mohamad Yazid (2010), personifikasi boleh dipadankan dengan *isti'arah makniyyah*, iaitu *isti'arah* yang digugurkan *musyabbah bih* tetapi dikekalkan sifatnya. Contohnya ialah ayat *بكت السماء في الصباح* (*langit menangis waktu pagi*). Langit pada hakikatnya tidak menangis, sebaliknya menurunkan hujan. Perbuatan menangis dipinjam daripada manusia. Meskipun *musyabbah bih*, iaitu manusia tidak disebut, tetapi sifat yang lazim dengannya, iaitu *menangis* sudah cukup untuk merujuk kepada manusia.

### 3. *Majaz Mursal* vs *Sinekdoki*

Antara *majaz mursal* dan *sinekdoki* ada padanan yang sesuai. *Sinekdoki* ialah bahasa perbandingan yang menyebut sebahagian untuk maksud keseluruhan, atau menyebut keseluruhan untuk maksud sebahagian. Ini menyerupai *majaz mursal* yang hubungannya (*'alaqah*) adalah dalam bentuk *juz'iyah* (sebahagian), seperti firman Allah SWT (73:1): *يا أيها المزمل قم الليل إلا قليلا* yang bermaksud *Wahai orang yang berselimut, bangunlah pada waktu malam kecuali sedikit* (bangun adalah salah satu rukun solat tetapi yang dimaksudkan di sini ialah solat keseluruhannya) atau *kulliyyah* (keseluruhan), seperti dalam contoh *قطعت السارق* (*Saya telah potong pencuri*) di atas.

### 4. *Kinayah* vs *Kiasan*

*Kinayah* juga disebut sebagai metonimi atau kiasan dalam bahasa Melayu. Menurut Sulaiman (2007), *kinayah* atau kiasan dalam bahasa Melayu telah lama wujud dan digunakan dengan meluas oleh masyarakat Melayu sejak dulu lagi. Walaupun penggunaan bentuk bahasa ini telah lama direkodkan, namun pengelasannya secara terperinci seperti yang terdapat dalam bahasa Arab masih belum dibuat secara menyeluruh dan tersusun. Kebanyakan kiasan dalam bahasa Melayu ini diungkapkan dengan menggunakan anggota badan manusia dan unsur-unsur alam sekitar seperti *mata duitan*, *buruk siku*, *kepala batu*, *otak udang*, *tangkai jering* dan *ketam batu*.

Simpulan bahasa dalam bahasa Melayu menyerupai *Kinayah 'an al-sifat* dalam bahasa Arab. Bahkan terdapat ungkapan-ungkapan dalam kedua-dua bahasa tersebut yang faktor lahirnya ungkapan tersebut hampir sama. Contohnya, ungkapan *دم خفيف* adalah *kinayah* yang bermaksud *darah cair*. Dalam bahasa Melayu, *darah cair* adalah sebuah simpulan bahasa yang membawa maksud *seorang yang peramah atau bermulut manis*. Begitu juga dengan ungkapan *البيغاء* (*burung kakaktua*) hampir sama dengan ungkapan *burung murai* dalam bahasa Melayu bagi mengkiaskan orang yang suka bercakap banyak (Mohamad Yazid, 2010).

Kiasan dalam bahasa Arab dan Melayu sememangnya boleh dilihat dalam bentuk yang lebih luas mengikut suasana atau budaya masyarakat, peredaran masa dan perkembangan bahasa dan makna. Contohnya perkataan seks merupakan perkataan yang sangat sensitif dalam masyarakat Melayu. Oleh itu terdapat ungkapan yang lebih sopan sebagai kiasan kepada seks seperti *bersama*, *tidur dengannya* atau *berasmara*. Begitu juga dengan perkataan kematian mempunyai nilai rasa dan emosi. Untuk mengelakkan daripada mengucapkan perkataan mati, bahasa Melayu mempunyai banyak ungkapan seperti *sudah tak ada lagi*, *sudah pergi* dan *meninggal dunia* (Abdullah & Ainon, 2001). Secara ringkasnya dapat dirumuskan bahawa bandingan *kinayah* dalam bahasa Melayu amat luas, merangkumi kiasan yang wujud untuk menangani persoalan makna emosi, makna pantangan dan sebagainya.



## KEPERLUAN MEMANFAATKAN PERBANDINGAN BAHASA DALAM PENGAJARAN BALAGHAH

Berdasarkan sorotan literatur yang dilakukan, pengkaji mendapati kajian perbandingan antara bahasa Arab dan bahasa Melayu telah lama dilakukan dan menyentuh banyak aspek seperti fonetik, semantik, sintaksis dan juga balaghah. Boleh dikatakan kesemua kajian perbandingan tersebut melihat aspek persamaan dan perbezaan yang bertujuan antaranya ialah untuk membantu pelajar menguasai bahasa Arab.

Kertas kerja ini tidak bertujuan untuk menyorot kesemua kajian berkenaan. Cuma di sana ada satu isu penting yang perlu diketengahkan, iaitu berpandukan satu makalah dalam Utusan Malaysia bertarikh 6 Julai 2006:

Walau bagaimanapun kita mendapati belum ada lagi kajian terperinci bagaimana analisis perbandingan antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu ini dapat dimanfaatkan dalam proses pembelajaran terutamanya dalam meningkatkan pemahaman perbendaharaan kata.

Sehubungan itu langkah-langkah berikut perlu dilakukan iaitu: (a) membangunkan satu pendekatan yang memanfaatkan secara maksimum titik-titik persamaan antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu, (b) membina satu modul berdasarkan pendekatan tersebut dan (c) menguji keberkesanan pendekatan tersebut terhadap pencapaian pelajar dalam pemahaman perbendaharaan kata bahasa Arab.

Walaupun makalah ini menyentuh tentang perbendaharaan kata dan bukan balaghah, tetapi saranan penulisnya supaya 1) dibina satu modul berdasarkan titik persamaan antara kedua-dua bahasa dan 2) modul berkenaan pula mesti diuji keberkesannya perlulah mendapat perhatian dari pengkaji ilmu balaghah.

Satu kajian telah dijalankan oleh Raja Hazirah et al. (2014) yang bertujuan untuk melihat keberkesanan metode perbandingan ilmu balaghah Arab dan Melayu bagi meningkatkan minat pelajar dalam pembelajaran ilmu balaghah. Responden kajian terdiri daripada pelajar diploma Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA seramai 66 orang. Mereka telah diajar menggunakan metode perbandingan ilmu balaghah Arab dan Melayu dan terlibat dengan ujian pra dan ujian pasca. Walaupun pada pemerhatian awal mendapati agak lemah dalam ilmu balaghah tetapi selepas diterapkan kaedah perbandingan dalam pengajaran, dapatan kajian menunjukkan berlaku perubahan positif pada kumpulan pelajar ini. Pada akhir kuliah, pelajar menunjukkan peningkatan dalam penguasaan balaghah dan jelas minat mereka terhadap bidang ini juga meningkat dengan mendadak. Sepengetahuan pengkaji, kajian Raja Hazirah et al. (2014) ini merupakan satu-satunya kajian yang melibatkan penggunaan metode perbandingan balaghah Arab-Melayu dalam pengajaran ilmu balaghah yang menunjukkan keberkesannya dalam meningkatkan minat dan kefahaman pelajar.

Tidak dinafikan bahawa terdapat beberapa buah buku rujukan balaghah yang membandingkan antara bahasa Arab dan bahasa Melayu di pasaran. Sebagai contoh, buku terbitan Penerbit UPM pada tahun 2013, iaitu *Balaghah Melayu Berdasarkan Balaghah Arab: Satu Pengenalan dalam Ilmu Bayan* yang dikarang oleh Mohd Zaki Abd Rahman dan Che Radziah Mezah. Antara keistimewaan buku ini ialah kupasannya mengaitkan antara ilmu balaghah Arab dengan bahasa kiasan dalam bahasa Melayu, di samping mencadangkan istilah khusus untuk topik *‘Ilm al-Bayan* seperti berikut:

- i. Penyerupaan Terus (*Tasybih*)
- ii. Penyerupaan Pindah (*Isti'arah*)
- iii. Penyerupaan Simbolik (*Kinayah*)
- iv. Wajaran Kata (*Majaz Mursal*)
- v. Wajaran Sandaran (*Majaz 'Aqli*)

Selain daripada buku ini ialah buku *Pengenalan Ilmu al-Balaghah* oleh Abdul Wahid Salleh (2018). Abdul Wahid Salleh merupakan antara penulis buku ilmu balaghah aktif. Beliau telah menghasilkan beberapa buku rujukan balaghah dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu (2003, 2006, 2007, 2016, 2018). Buku beliau dalam bahasa Melayu dilihat dapat membantu pelajar khususnya di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) untuk memahami tajuk-tajuk ilmu balaghah, walaupun huraianya tidak banyak mengaitkan ilmu balaghah Arab dengan bahasa Melayu.

Persoalan yang timbul ialah walaupun di sana terdapat banyak buku rujukan balaghah ditulis dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan ada yang bandingkan dengan gaya bahasa Melayu, tetapi keberkesannya dalam meningkatkan penguasaan pelajar tidak pernah diuji. Pengkaji melihat bahawa banyak kajian dalam bidang balaghah di Malaysia telah dilakukan tetapi kebanyakan kajian hanya terhenti setakat memperihal permasalahan yang wujud dan mencadangkan jalan penyelesaiannya. Agak kurang mungkin kajian yang selangkah ke hadapan, iaitu menghasilkan satu modul balaghah berdasarkan metode perbandingan bahasa Arab dan bahasa Melayu serta melalui proses pembinaan modul yang berpiawai dan diuji keberkesanan penggunaannya dalam kalangan pelajar. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini mencadangkan pembinaan modul balaghah yang sedemikian perlulah diusahakan dengan kadar segera agar bidang pengajian ilmu balaghah di Malaysia maju setapak lagi ke hadapan. Pengkaji percaya bahawa modul yang dihasilkan itu boleh membantu pelajar memahami ilmu balaghah secara lebih mendalam, di samping menambah pengetahuan pelajar terhadap perbezaan antara budaya Arab dan Melayu.

Satu perkara yang agak menarik juga ialah pernah ada lontaran idea oleh penyelidik bahasa Melayu yang mencadangkan agar diambil acuan ilmu balaghah Arab sebagai kerangka asas untuk membina ciri ilmu balaghah Melayu. Abu Hassan Abdul (2012), dalam artikel jurnal yang bertajuk: *Ilmu Balaghah Melayu: Isu, Prospek dan Cabaran* dengan tegas menyatakan bahawa bahasa Melayu memerlukan satu sistem ilmu balaghah yang kukuh serta dapat dipelajari dengan sistematik. Bagi beliau, penjana ilmu balaghah Melayu dapat merungkai beberapa permasalahan dalam pengajian linguistik dan kesusasteraan Melayu moden yang ternyata sangat dipengaruhi oleh nilai-nilai sekularisme serta kehilangan hala tuju daripada matlamat asal dan falsafah mempelajari bahasa Melayu dan ilmu yang berkait dengannya. Beliau berharap agar apa yang beliau kemukakan itu dapat membuka dimensi baru dan ruang perbincangan yang lebih bermakna dalam perjuangan memperluas cakupan ilmu dalam bahasa Melayu serta mengangkat martabat bahasa Melayu ke tahap yang lebih cemerlang.

## **PENUTUP**

Ilmu balaghah merupakan salah satu ilmu bahasa Arab yang penting. Peranan ilmu balaghah sangat besar kerana kaitannya dengan I'jaz al-Quran. Dalam pengajian bahasa Arab di Malaysia, mata pelajaran balaghah bukanlah satu mata pelajaran yang asing. Ia diajar di semua peringkat pengajian dan banyak kajian tentang penguasaan pelajar terhadap ilmu ini telah dilakukan. Salah satu metode pengkajian ialah perbandingan ilmu balaghah dengan gaya bahasa Melayu. Majoriti kajian hanya terhenti setakat memperihalkan titik persamaan tetapi usaha memanfaatkan persamaan ini dalam pengajaran dan seterusnya menghasilkan modul mengikut proses pembangunan modul yang berpiawai dan diuji keberkesannya agak kurang. Kertas ini cuba mengangkat kembali isu ini agar kajian dalam ilmu balaghah tidak streotaip dan dapat diperkasakan dan seterusnya melahirkan pelajar yang lebih minat dan lebih menghayati ilmu balaghah.

## RUJUKAN

### *Al-Quran*

- ‘Abd al-Aziz ‘Atiq. T.th. *Tarikh al-balaghah al-‘Arabiyyah*. Beirut: Dar al-Nadwah al-‘Arabiyyah.
- Ab. Rahim Hj. Ismail. 1999. Ta’lim al-balaghah al-‘Arabiyyah fi Kulliyah al-Dirasat al-Islamiyyah. *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu*, hlm. 185-194.
- Abd. Halim Ariffin. 1999. Pengajaran ilmu balaghah (retorika) di sekolah menengah kebangsaan agama di bawah Kementerian Pendidikan. *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu*, hlm. 1-5.
- Abdul Hakim Abdullah. 2008. Pengajaran balaghah peringkat STPM di sekolah-sekolah menengah agama (SMKA). *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 1: 83-97.
- Abdul Wahid Salleh & Norasmazura Muhammad. 2018. *Pengenalan ilmu al-balaghah*. Bandar Baru Bangi: Darul Syakir Enterprise.
- Abdul Wahid Salleh. 2003. *Al-Balaghah al-‘arabiyyah – ‘Ilm al-ma’ani wa al-badi’*. Bangi: Dar Shakir.
- Abdul Wahid Salleh. 2006. *‘Ilm al-ma’ani*. Kuala Terengganu: Bayt al-Hikmah.
- Abdul Wahid Salleh. 2007. *Ilmu al-Bayan*. Kajang: Pustaka Darul Bayan Sdn. Bhd.
- Abdul Wahid Salleh, Mohd Shaifulbahri Abdullah Lazim Omar Ahmad Zubaidi A.Latif Nashaat Abdel Aziz Baioumy & Roslan Ab.Rahman. 2016. *al-Balaghah al-wafiyah: Ilmu balaghah lengkap (ma’ani, bayan dan badi’)*. Selangor: Darul Syakir Enterprise.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2001. *Teori dan teknik terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Publications Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2001. *Teori dan teknik terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Publications Sdn. Bhd.
- Abdullah Tahmim. 1999. Pengajaran balaghah di sekolah dan pusat pengajian tinggi. *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu*, hlm. 33-41.
- Abu Hamidah, Muhammad Solah. 2017. *Al-Balaghah (‘Ilm al-ma’ani): Ta’rif al-balaghah wa nasy’atuha*. <https://www.youtube.com/watch?v=ZXHNVI Rtriw>
- Abu Hassan Abdul. 2012. Ilmu balaghah Melayu: Isu, prospek dan cabaran. *‘Ulum Islamiyyah Journal* 9: 19-34.
- Ahmad Redzudin Ghazali, Mohamad Rofian Ismail, Khairatul Akmar Abdul Latif, Adnan Mat Ali & Muhammad Daoh. 2016. Analisis keperluan pembangunan modul balaghah bagi pelajar sarjana muda bahasa Arab sebagai bahasa kedua. *Prosiding Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah (Irsyad 2016)*, hlm. 261-268.
- al-‘Askari, Abu Hilal al-Hasan bin Abdullah. 1952. *Kitab al-Sina’atayn al-kitabah wa al-syi’r*. Kaherah: Dar al-Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Al-Ahdal, Muhammad bin Ahmad bin Abd al-Bari. 1990. *Al-Kawakib al-durriyyah ‘ala mutammimah al-Ajurrumiyyah*. Beirut: Mu’assasah al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- al-Hadri, Muhammad al-Amin. 1991. *Min bayan al-Qur’an*. Kaherah: Matba’at al-Husayn al-Islamiyyah.
- al-Hashimi, al-Sayyid Ahmad. T.th. *Jawahir al-balaghah fi al-ma’ani wa al-bayan wa al-badi’*. Edisi ke-6. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Jarim, Ali. & Amin, Mustafa. T.th. *Al-Balaghah al-wadihah: Al-Bayan wa al-ma’ani wa al-badi’*. Kaherah: Dar al-Ma’arif
- Al-Qazwini, Muhammad bin Abd al-Rahman. 2016. *Al-Idah fi ‘ulum al-balaghah*. Kaherah: Dar al-Ghad al-Jadid.
- Al-Sa’idi, Abd al-Muta’al. T.th. *Al-Balaghah al-‘aliyah – ‘Ilm al-ma’ani*. Kaherah: Maktabah al-Adab.

- Al-Syarkani, Mukhlas. 2010. *Cara belajar bahasa Arab (Balaghah)-Mengungkap rahsia keindahan sastera Arab dan al-Quran*. Batu Caves: Al-Hidayah Publication.
- Al-Taftazani, al-Maghribi, al-Subki & al-Dasuqi. *Syuruh al-talkhis*. T.tp: T.pt
- Al-Tunji, Muhammad. 1993. *Al-Mu'jam al-mufassal fi al-adab*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Anuar Sofian, Salmah Ahmad & Kaseh Abu Bakar. 2013. Penguasaan dan permasalahan pelajar terhadap pengajian ilmu balaghah: Satu tinjauan awal. *Islamiyyat* 35(1): 93-101.
- Azhar Muhammad, Abdul hafiz Abdullah, Bushrah Basiron, Kamarul Azmi Jasmi & Sulaiman Shakib Mohd Noor. 2006. Penguasaan pelajar sekolah menengah aliran agama terhadap pengajian ilmu retorik (balaghah) Arab. Laporan Projek, Pusat Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azhar Muhammad, Ahmad Kilani Mohamed & Kamarul Azmi Jasmi. 2003. Sudut perbezaan mata pelajaran al-balaghah peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) mempengaruhi perkaedahan dan teknik pengajaran dan pembelajaran. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 3)*, hlm. 251-262.
- Azhar Muhammad. 2006. Pembelajaran balaghah Arab di peringkat Sijil Tinggi Agama Islam (STAM): Satu kajian kes. Tesis Dr. Falsafah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab*. 1996. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haddarah, Muhammad Mustafa. 1989. *Ilm al-bayan*. Beirut: Dar al-'Ulum al-'Arabiyyah.
- Hamidah Mat & Wan Mohammad Ubaidillah Wan Abas. 2016. The relevance of Arabic Language in Islamic Studies Program: A Case Study of Open University Malaysia (OUM). *Journal of Education and Social Sciences* 5(2): 205-209.
- Utusan Malaysia. 06 Julai 2006.  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0706&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_03.htm#ixzz5UOOQ2y6q](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0706&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm#ixzz5UOOQ2y6q)
- Husaimi Hj. Othman. 1999. Pengajian balaghah di sekolah agama rakyat (Perak): Pengalaman dan tinjauan. *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu*, hlm. 113-127.
- Idris Abdullah, Abdul Hakim Abdullah, Abdul Wahid Salleh & Zulazhan Ab. Halim. 2012. *Ilmu balaghah & pembentukan keupayaan bahasa Arab*. Kajang: Pustaka Darul Bayan Sdn. Bhd.
- Jabatan Pengajian Tinggi Malaysia. 2010. *Hala Tuju Pengajian Islam di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Kamarudin Haji Husin. 1995. *Laras bahasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn Bhd.
- Kamus Dewan*. 2007. Edisi ke-4. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keraf, G. 1994. *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Keris Mas. 1988. *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Maheram Ahmad. 2008. Permasalahan penterjemahan Arab-Melayu: satu analisis teks sastera. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Maqbul, Sa'd Husayn 'Umar & Dhikra, 'Abd al-Majid Muhammad. 1990. *al-Adab wa al-nusus wa al-balaghah*. Jil. 1. Libya: Dar al-Kutub al-Wataniyyah.
- Mat Taib Pa. 2008. Isu-isu pengajaran bahasa dan kesusasteraan Arab di institut pengajian tinggi. *Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*, hlm. 902-105.
- Mohamad Syukri Abdul Rahman, Mohammd Seman, Muhammad Haron Husaini & Adnan Ali. 2012. Keindahan al-isti'arah dalam hadis: satu tinjauan dari sudut terjemahan. *Prosiding Nadwah Bahasa dan Kesusasteraan Arab Ke-3*, hlm 73-83.

- Mohamad Yazid Abdul Majid. 2010. Perbandingan bahasa kiasan dalam cerpen Arab dan Melayu. Tesis Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Mohd Zaki Abd Rahman & Che Radziah Mezah. 2013. *Balaghah Melayu berdasarkan balaghah Arab: Satu pengenalan dalam ilmu bayan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Sabri Sahrir, Nurkhamimi Zainuddin & Mohd Shahrizal Nasir. 2016. Program akademik bahasa Arab ijazah sarjana muda di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM): Analisis awal terhadap respons pelajar. *Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS)* 3(2): 32-49.
- Mukarram, 'Abd al-Salim. 1975. *Tatbiqat nahwiyyah wa balaghiyyah*. Kuwait: Dar al-Buhuth al-'Imiyyah.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. 2005. Pengajaran gaya bahasa dalam bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu* 16: 37-54.
- Noor Eliza Abdul Rahman. 2014. Penterjemahan audio-visual: Kajian sari kata Arab-Melayu. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norliza Che Mustafa, Saliza Ismail & Mohd Ridzuan Abd. Malek. 2011. Penterjemahan bahasa figuratif dalam karya Victor Hugo legenda abad. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-13*, hlm.484-493.
- Rahman Shaari. 1993. *Memahami gaya bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Hazirah Raja Sulaiman, Nurazan Mohamad Rouyan, Shuhaida Hanim Mohamad Suhane & Muzammir Anas. 2014. Keberkesanan metode perbandingan retorika Melayu dan Arab untuk meningkatkan minat pelajar dalam pembelajaran balaghah. *Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014*, hlm. 351-359.
- Raja Hazirah Raja Sulaiman. 2012. Penguasaan balaghah dalam kalangan pelajar IPT. Tesis Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Rohaini Abdul Satar. 2011. Bandingan semacam. <http://rohainiabdulsatar.blogspot.com/2011/11/bandingan-semacam.html>
- Rosni Samah & Muhammad Marwan Ismail. 2006. Penguasaan al-balaghah dan permasalahannya di kalangan pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) (Kajian di sekolah-sekolah agama negeri Selangor. Laporan Penyelidikan, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Shaykhun, Mahmud al-Sayyid. 1990. *Al-Balaghah Al-wafiyah*. Kaherah: Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariyyah.
- Siti Saudah Hassan. 1999. Ilmu Bayan: satu perbandingan dengan bahasa Melayu. *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu*, hlm. 49-53.
- Sohair Abdel Moneim Sery. 1999. Perintis kea rah memberi nafas baru kepada balaghah. *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu*, hlm. 7-13.
- Steingass, F. 1882. *English-Arabic Dictionary*. London: W.H. Allen & Co.
- Sulaiman Ismail. 2007. Kajian perbandingan kinayah dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Dlm. Nik Salida Nik Saleh, Sapora Sipon & Badrul Munir Muhammad Nur. (pnyt.). *Language and Life in Conjunction with the Renaming of KUIM to USIM*, hlm.115-132. Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM.
- Syauqi Dayf. 1965. *Al-Balaghah tatawwur wa tarikh*. Kaherah: Dar al-Ma'arif
- Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. 2001. Sheikh Abdullah Basmeih. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Wehr, Hans. *A Dictionary of Modern Written Arabic*. 1976. Cowan, J.M. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Zulazhan Ab. Halim. 2011. Haqiqah lughawiyah dan majaz: Kajian perbandingan pendapat 'Abd al-Qahir al-Jurjani, Abu Ya'kub al-Sakkaki dan al-Khatib al-Qazwini. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti kebangsaan Malaysia.

## **KEMAHIRAN MEMBACA DAN KEFAHAMAN BACAAN TEKS BAHASA ARAB SEBAGAI BAHASA KEDUA: SATU SOROTAN LITERATUR**

Mohd Hazli Yah@Alias  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Sultan Zainal Abidi  
mohdhazli@unisza.edu.my

Maimun Aqsha Lubis  
Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia

Mahani Mohamad  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Sultan Zainal Abidin

### **ABSTRAK**

Kemahiran membaca adalah salah satu daripada empat kemahiran bahasa yang utama dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa sama ada bahasa pertama mahupun bahasa kedua/asing. Ia digambarkan sebagai satu proses yang kompleks berlaku dalam minda pembaca serta berkait rapat dengan kefahaman. Namun begitu berdasarkan kepada prestasi dan pencapaian semasa pelajar dalam keputusan ujian dan peperiksaan yang dijalankan menunjukkan tahap penguasaan kemahiran membaca dan kefahaman bacaan dalam kalangan pelajar masih lagi belum mencapai tahap yang memuaskan terutama membabitkan bahasa kedua/asing seperti bahasa Arab. Menyedari hakikat betapa pentingnya kemahiran ini perlu dipelajari dan dikuasai, maka kertas kerja ini cuba menyoroti kajian-kajian dan perbincangan para sarjana tentang aspek-aspek penting yang berkaitan dengan kemahiran membaca dan kefahaman bacaan teks di samping mengenal pasti elemen-elemen penting yang perlu diberi penekanan dan tumpuan oleh para pendidik untuk diterapkan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua.

**Kata Kunci:** Bahasa Arab sebagai bahasa kedua; Kefahaman bacaan; Kemahiran membaca; Model Kognitif

### **PENDAHULUAN**

Institut Statistik UNESCO (UIS) melaporkan kadar penguasaan literasi atau celik huruf di peringkat global pada tahun 2014 bagi penduduk dunia yang berumur antara 15 hingga 24 tahun telah mencapai 90.6 peratus (UNESCO 2016). Kadar peratusan ini memberi gambaran bahawa tahap penguasaan kemahiran membaca khususnya bagi bahasa pertama (B1) memperlihatkan peningkatan yang konsisten. Walau bagaimanapun, menurut laporan daripada Organisasi untuk Kerja Sama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) melaporkan bahawa tahap pencapaian dan penguasaan kefahaman bacaan dalam kalangan remaja dari negara kesatuan Eropah tidak menunjukkan peningkatan yang memuaskan semenjak tahun 2000 (OECD 2016). Situasi yang hampir sama turut berlaku di Malaysia berdasarkan laporan hasil keputusan PISA 2009+ yang mencatatkan hampir 44% pelajar berumur 15 tahun tidak mencapai tahap kemahiran minimum dalam kefahaman bacaan (KPM 2013).

Senario di atas jelas menunjukkan bahawa aspek penguasaan kemahiran membaca dan kefahaman bacaan B1 merupakan antara isu penting yang perlu diberi perhatian. Meskipun tumpuan diberi kepada tahap penguasaan B1 namun pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua (B2) seperti bahasa Arab (BA) wajar diberi penekanan yang sama malah perlu dipantau tahap penguasaan dan pencapaiannya terutama dalam kalangan pelajar. Justeru, artikel ini cuba menyoroti kajian-kajian yang telah dijalankan berkaitan kemahiran

membaca dan kefahaman bacaan teks dengan tumpuan diberikan kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran BA sebagai (B2). Ini bertepatan dengan pandangan Brustad (2006) yang mengatakan bahawa aktiviti penyelidikan berkaitan dengan kemahiran membaca teks BA adalah wajar untuk dijalankan dari pelbagai aspek.

## SOROTAN LITERATUR

### **Kemahiran Membaca: Definisi dan Konsep**


Menurut Kamus Dewan (2014), 'kemahiran' merujuk kepada kecekapan dan kepandaian melakukan sesuatu perkara, manakala 'membaca' pula bermaksud memerhatikan isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahami makna kandungannya. Frasa kemahiran membaca secara literal membawa maksud kecekapan dan kepandaian memerhatikan tulisan serta memahami maknanya. Umum mengetahui bahawa baca dan faham merupakan antara elemen penting dalam pembelajaran. Murid yang mendapat pendedahan tentang amalan pembacaan yang berkesan mampu mencapai tahap penguasaan kemahiran literasi yang baik serta memiliki keupayaan minda yang cerdas dalam memproses maklumat bagi menghasilkan pemahaman yang tepat mengikut apa yang dibaca (Abdul Aziz 1996; Grabe 2009). Malah para sarjana turut bersetuju mengaitkan aktiviti membaca dan keupayaan memahami sesuatu sebagai satu konsep kemahiran yang penting dalam menentukan pencapaian atau kejayaan sama ada dalam bidang pendidikan mahupun profesional (Alderson 1984; Bernhardt 1991; Rivers 1981; Marohaini 2014).

Untuk memahami lebih mendalam tentang kemahiran membaca beberapa takrifan dan pandangan dari sudut psikolinguistik, kognitif serta interaksi antara bahasa dan pemikiran perlu dibincang dan dikaji (Safiah 1990). Wujudnya pelbagai takrifan dan pandangan tentang perlakuan membaca adalah disebabkan sukarnya untuk memuktamadkan satu definisi yang tepat bagi menjelaskan maksud membaca. Hal ini berlaku berkemungkinan kebanyakan pengertian yang dikemukakan adalah berbentuk separa dengan tumpuan kepada beberapa aspek atau bidang tertentu sahaja serta berbentuk khusus seperti aspek kognitif dan pengamatan, tahap perkembangan kemahiran, jenis bacaan dan lain-lain bergantung kepada fokus kajian bagi seseorang penyelidik (Marohaini 2014).

Beberapa definisi yang dikemukakan oleh para sarjana seperti Lado (1964) menyebut perlakuan membaca merupakan satu proses menangkap pola sesuatu bahasa dari perlambangan tulisannya. Proses menangkap pola bahasa boleh dijelaskan ciri-cirinya meliputi proses mengecam perkataan, mengaitkan perkataan dengan bunyi dan seterusnya menterjemahkan kepada makna (Denchant 1970). Harris dan Sipay (1980) menyatakan perlakuan membaca merupakan satu proses mendapat interpretasi yang bermakna tentang lambang-lambang bercetak atau bertulis yang boleh menjadikan pembaca itu memahami apa yang dibacanya apabila berlaku interaksi di antara pengamatan pembaca tentang lambang-lambang tersebut. Manakala Kenedy (1981) pula memerihalkan aktiviti membaca sebagai proses yang melibatkan beberapa tahap keupayaan. Tahap-tahap keupayaan tersebut merangkumi proses mengecam bentuk visual, menghubungkan dengan makna, memahami dan menginterpretasikan maksud. Sementara Steinberg (1982) menjadikan aspek komunikasi sebagai salah satu elemen yang terlibat dalam proses membaca menerusi pertukaran idea-idea antara penulis dan pembaca dalam bentuk-bentuk tulisan. Anderson et al. (1985) pula memberi takrifan membaca sebagai satu proses membina makna daripada teks yang padanya tercatat tulisan-tulisan dan ia memerlukan kepada kemahiran yang kompleks dalam menghubungkan maklumat-maklumat yang datang dari pelbagai sumber. Sebagai asas perbincangan, sebahagian sarjana terutama dari negara Barat membuat rumusan berdasarkan kepelbagaian takrifan yang wujud dengan mengaitkan kemahiran membaca itu sebagai satu proses yang kompleks dalam minda (Bernhardt 2011; Grabe 2009).

Koda (2005) turut merumuskan bahawa walaupun terdapat kepelbagaian pandangan mengenai definisi dan konsep kemahiran membaca yang diutarakan para sarjana, namun kesemuanya menjurus kepada asas anggapan dan kepercayaan yang sama iaitu suatu kefahaman bacaan yang berkesan adalah hasil daripada kesepaduan interaksi antara maklumat pada teks dan prawujud pengetahuan pembaca. Beliau seterusnya mengaitkan tentang konsep kesepaduan interaksi antara teks dan pengetahuan sedia pembaca serta perkaitannya dengan aspek kognitif kepada tiga bahagian. **Pertama;** peranan penyahkodan (*decoding*) simbol atau lambang tulisan dalam menghasilkan maklumat-maklumat berkaitan linguistik. **Kedua;** keupayaan minda dalam membentuk atau mengintegrasikan pemikiran, pengetahuan, idea serta makna tersurat dan tersirat dari teks. **Ketiga;** kesepaduan dan penyatuan antara maklumat yang dapat dihasilkan dan difahami daripada teks dengan pengetahuan sedia ada pembaca.

Sebagai penjelasan lanjut, McKenna dan Stahl (2009) membina kerangka model kognitif yang menghubungkan tiga dimensi keupayaan pembaca dengan kefahaman. Tiga dimensi tersebut ialah pengecaman perkataan, komponen pengetahuan bahasa dan pengetahuan tentang strategi bacaan. Dimensi pertama iaitu melibatkan keupayaan mengecam serta mengenal pasti patah perkataan yang merangkumi beberapa peneringkatan kebolehan asas seperti kesedaran fonologi, gambaran asas perkataan, penyahkodan dan kelancaran. Manakala dimensi kedua iaitu keupayaan pengetahuan bahasa pula melibatkan tiga elemen utama iaitu kosa kata, pengetahuan sedia ada serta pengetahuan tentang struktur tatabahasa pada ayat. Ketiga-tiga elemen tersebut memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada proses kefahaman bahasa. Seterusnya dimensi ketiga ialah pengetahuan tentang strategi bacaan yang menggambarkan pembaca mempunyai pendekatan dan strategi tertentu apabila berhadapan dengan satu-satu bentuk teks bacaan. Hubungan kait antara ketiga-tiga dimensi tersebut ditunjukkan pada Rajah 1.



RAJAH 1. Model Kognitif Kefahaman Bacaan McKenna dan Stahl



### **Konsep Kemahiran Membaca Teks Menurut Pandangan Sarjana Islam**

Umum mengetahui bahawa dunia tamadun Islam turut memainkan peranan penting dalam perkembangan ilmu pengetahuan. Peristiwa penurunan wahyu pertama Al-Quran ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W merupakan salah satu peristiwa yang agung dalam sejarah dunia Islam. Wahyu yang mengandungi lima ayat pertama dari Surah Al-‘Alaq tersebut adalah berkisar tentang perintah Allah S.W.T mengenai suruhan membaca menerusi perkataan Iqra’ yang diulang sebanyak dua kali. ‘Abadi (2014) ketika menjelaskan manhaj dan prinsip konsep bacaan berdasarkan kepada lima ayat pertama Surah Al-‘Alaq tersebut telah mengaitkan tentang dua bentuk prinsip bacaan iaitu bacaan pada penciptaan (*qirā’ah fī al-khalq*) dan bacaan berdasarkan apa yang tersurat pada kitab wahyu (*qirā’ah fī al-kitāb al-masṭūr*). Menurut ‘Abadi, prinsip bacaan pada penciptaan dan kejadian adalah merujuk kepada intipati ayat pertama dan ayat yang kedua dalam Surah Al-‘Alaq yang bermaksud:

*“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia menciptakan manusia dari sebuku darah beku”.*

Perlakuan membaca pada prinsip bacaan pertama berlaku secara zahir dan hakiki serta dapat diperhatikan kesannya menerusi keupayaan serta kebolehan manusia menyebut dan mempelajari kosa kata atau patah perkataan sehingga dapat menghasilkan suatu bentuk pemahaman melalui pemerhatian ke atas kejadian dan penciptaan yang wujud secara realiti. Perlakuan dan kemampuan manusia untuk membaca, menyebut dan memahami patah perkataan merupakan satu bentuk anugerah kurniaan Ilahi menerusi proses kognitif yang menghasilkan satu bentuk pemahaman. Ini dapat diperhatikan menerusi tafsiran dari Surah Al-Baqarah ayat ke-31 yang bermaksud:

*“Dan Dia yang telah mengajar Nabi Adam akan segala nama-nama benda”.*

Prinsip bacaan yang kedua pula adalah merujuk kepada pembacaan patah perkataan atau kalimat yang telah ditentukan bentuk susunannya sebagaimana yang termaktub pada helaian mashaf Al-Quran yang tidak akan berlaku sebarang bentuk pindaan walaupun satu huruf ataupun satu baris. ‘Abadi (2014) turut menjelaskan bahawa prinsip bacaan yang kedua adalah berkait rapat dengan ciri-ciri mukjizat Al-Quran yang terjaga kesuciannya pada setiap peringkat yang merangkumi sebutan bunyi huruf, susunan patah perkataan, ketinggian makna, sebab-sebab penurunan ayat atau disebut sebagai asbabun nuzul sehingga ke peringkat pembukuannya. Prinsip bacaan yang kedua ini terangkum dalam tafsiran ayat ketiga sehingga ayat kelima Surah Al-‘Alaq yang bermaksud:

*“Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar melalui pena dan tulisan. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya”.*

Menerusi penjelasan prinsip-prinsip bacaan dari sudut pandang Islam jelas menunjukkan bahawa wujudnya perkaitan antara konsep kurniaan, anugerah dan bimbingan Ilahi dengan keupayaan serta kebolehan manusia dalam setiap perlakuan termasuk dalam konsep kemahiran membaca.

Seterusnya, perbincangan maksud *qira’ah* iaitu bacaan dari sudut istilah pula turut dibincangkan dalam kalangan sarjana Arab. Al-Naqah (1985) dan Tu’aimah (1989) sebagai contoh menjelaskan bahawa *qira’ah* adalah satu proses kemahiran yang kompleks melibatkan aspek kognitif merangkumi aspek pemikiran, pemahaman, penelitian dan penilaian. Secara umumnya, proses membaca memerlukan kepada empat elemen iaitu mengenal simbol bacaan, menginterpretasi, menganalisis serta mempraktikkannya dalam kehidupan. Samak (1998) pula berpandangan bahawa proses membaca menerusi pancaindera penglihatan merupakan proses perkaitan antara bahasa pertuturan dengan bahasa perlambangan tulisan yang melibatkan aktiviti kognitif dalam mendapatkan ilmu pengetahuan sama ada dari sudut kebudayaan, kesenian, keagamaan dan lain-lain. Manakala menurut Naif (1991) perlakuan membaca merupakan proses yang berlaku berdasarkan kemampuan pembaca mengenal dan

menterjemahkan simbol-simbol serta lambang-lambang tulisan berbentuk huruf serta tanda kasus kepada makna yang difahami. Pemahaman yang diperolehi tersebut dapat diukur melalui tindak balas terhadap apa yang dibaca sama ada ketika atau selepas membaca.

Pandangan tersebut selari dengan Shahatah (dalam Al-Raminny 2009:47) yang menjelaskan *qira'ah* sebagai proses kognitif yang melibatkan pentafsiran simbol dan lambang sewaktu pembaca menekuni teks bacaan dan berusaha untuk memahami makna serta perkaitannya dengan pengetahuan sedia ada yang melibatkan tahap pemikiran di peringkat analisis, sintesis, penilaian dan penyelesaian masalah. Lubdaawi (2014:133) turut mengungkapkan pengertian *qira'ah* dari sudut istilah iaitu:

"القراءة هي مجموع النشاط الإدراكي الذي يصرفه الإنسان تجاه المسطور والمنظور بهدف التبين والبيان في عالمي الغيب والشهادة."

Pengertian mengenai konsep bacaan di atas jelas menunjukkan bahawa perlakuan membaca adalah bagaimana manusia selaku pembaca mengaktifkan minda pemikiran menerusi proses-proses yang melibatkan kognitif dalam memahami sesuatu yang berbentuk simbol tulisan teks wahyu (*al-mastur*) dan juga berbentuk panorama kejadian alam (*al-manzur*) dengan tujuan untuk mencari suatu penjelasan dan keterangan yang wujud pada alam ghaib dan alam nyata.

Menerusi pandangan serta pendapat yang dinyatakan oleh para sarjana Islam mengenai perlakuan membaca jelas menunjukkan wujudnya persamaan dengan apa yang diperkatakan oleh para sarjana Barat dari aspek definisi serta konsep umum bacaan terutama yang melibatkan proses kognitif dalam menterjemahkan simbol, perlambangan serta bunyi huruf-huruf pada setiap patah perkataan bagi memperoleh serta menghasilkan makna dan pemahaman. Namun begitu, terdapat juga sudut perbezaan pandangan antara para sarjana Arab dan sarjana Barat dari aspek output atau hasil pemprosesan kognitif. Sarjana Arab seperti 'Abadi (2014) dan Lubdaawi (2014) serta para sarjana Islam yang lain lebih menekankan serta menonjolkan aspek kefahaman yang mencakupi aspek metafizik dan falsafah ketuhanan yang dapat membezakan perkara baik dan buruk serta pahala dan dosa.

Sebagai rangkuman yang dapat disimpulkan berdasarkan pandangan para sarjana Arab mengenai konsep bacaan, adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh Al-Raminny (2009) dalam ulasan beliau mengenai perkara-perkara asas yang melibatkan proses kognitif dan output dari kemahiran membaca. **Pertama;** proses penyahkodan simbol, lambang tulisan pada patah perkataan adalah asas dalam bacaan, namun proses memahami makna patah perkataan adalah lebih utama dan penting. **Kedua;** menerusi proses bacaan yang berkesan mampu melahirkan seorang pembaca yang berinformasi dan berpengetahuan tinggi dalam mengharungi kehidupan. **Ketiga;** proses penyampaian PdP kemahiran membaca yang berkualiti dan tersusun mampu menjadikan aktiviti membaca sesuatu pengalaman yang menyeronokkan. **Keempat;** proses bacaan yang berkesan mampu merangsang minda seorang pembaca mencapai tahap pemikiran tinggi yang melibatkan keupayaan untuk melakukan penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya menghasilkan sesuatu yang baharu serta membezakan antara kebenaran dan kebatilan.

### Isu Kemahiran Membaca Teks Bahasa Arab Sebagai B2

Bermula dari abad ke-19, para sarjana di peringkat global telah membahaskan pelbagai isu tentang PdP bahasa Arab sebagai B2. Antara isu yang menjadi topik perbahasan adalah mengenai tahap penguasaan pelajar dalam komponen kemahiran membaca yang mempengaruhi kefahaman bacaan (Al-Rajih 2006; Gebril & Taha-Thomure 2014; Taha-Thomure 2008). Ini memberi gambaran bahawa kemahiran membaca sebagai salah satu daripada empat komponen kemahiran bahasa yang memerlukan kepada proses pemantapan

dan penambahbaikan dari pelbagai sudut. Saranan tersebut dapat diperhatikan melalui pernyataan oleh Brustad (2006:351):

*“Research is needed on every aspect of reading in Arabic. To what extent do processing skills overlap in Arabic and European languages? What syntactic structures can pose stumbling blocks for English-speaking learners of Arabic? How much morphology do learners need to use the root and pattern system effectively in reading comprehension? How much vocabulary do learners need to read with reasonable comprehension at each level of proficiency? What role does morphology play in reading Arabic? And what stage do learners begin to synthesize reading strategies and become interactive readers?”*

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, untuk memastikan kajian longitudinal panel mampu untuk diulangi oleh penyelidik lain pada masa akan datang, ia hanya dapat dilakukan dengan memberi tumpuan kepada penggunaan konsep yang konsisten dan berstruktur. Dalam kajian ini, kami telah memilih modal komuniti sebagai satu konsep yang perlu diperhatikan. Konsep ini adalah berdasarkan teori khusus yang dikenali sebagai *Asset-based Community Development* (ABCD) yang menurut Fisher et al. (2009) teori ini dipopularkan oleh McKnight dan Kretzmann.

Dalam konteks Orang Asli, setelah mengkaji pelbagai rujukan, kami menyedari bahawa tidak ada kajian yang telah dilakukan yang menumpukan pada analisis perubahan di kalangan Orang Asli secara sistematik berdasarkan modal komuniti dalam rangka kajian longitudinal panel. Oleh itu, ia menjadi kelemahan ketara yang berlaku dalam melaksanakan kajian ke atas Orang Asli di Malaysia. Walau bagaimanapun, bagi kami ia adalah perkara biasa, kerana keadaan itu bukan hanya berlaku di Malaysia dan ke atas Orang Asli sahaja, tetapi juga berlaku di tempat dan kumpulan komuniti lain. Memandangkan kekangan tersebut (dan juga kesukaran untuk mendapatkan kajian tentang Orang Asli yang sesuai dengan kajian longitudinal panel), makalah ini tidak hanya bertujuan untuk menerangkan bagaimana kami melaksanakan kajian longitudinal panel sahaja, tetapi kami juga menumpukan kepada untuk menjelaskan perubahan modal komuniti dalam Suku Negrito secara sistematik.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Pendekatan, Reka Bentuk Dan Teori Kajian**

Kajian ini telah dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif yang mana kami percaya pendekatan ini adalah sesuai untuk mencapai objektif kajian. Objektif kajian ini memerlukan kami menentukan dan mengukur modal-modal komuniti berdasarkan teori *Asset-based Community Development* (ABCD). Dalam kajian ini, hanya lima (5) jenis modal komuniti yang diukur, iaitu 1) modal insan, 2) modal sosial, 3) modal ekonomi, 4) modal semula jadi, dan 5) modal budaya.

Kesemua modal komuniti telah dipilih setelah mempertimbangkan kesesuaian mereka untuk menjelaskan realiti kehidupan Orang Asli. Seperti yang telah dibincangkan sebelumnya, kajian ke atas Orang Asli diperhatikan tentang apa yang mereka ada, bukannya membincangkan realiti apa yang mereka ada. Berbeza dengan teori ABCD, teori ini percaya bahawa setiap ahli komuniti mempunyai potensi mereka sendiri dan potensi tersebut dimiliki

oleh mereka tanpa mempertimbangkan entiti luar. Walaupun ada pandangan yang menyatakan konsep “modal” sebagai istilah kapitalisme di mana tujuan mereka adalah untuk mengeksploitasi sesuatu dalam komuniti dari aspek mendapatkan manfaat ekonomi, namun realitinya adalah tidak begitu. Dalam kajian ini modal merujuk kepada potensi komuniti dalam bentuk tertentu yang dapat digunakan oleh komuniti untuk faedah mereka sendiri.

Sebagai contoh, modal manusia didefinisikan sebagai pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki oleh komuniti. Dalam konteks Orang Asli, ini dapat diteliti melalui pengetahuan tradisional dan kontemporari yang mereka peroleh melalui pelbagai sumber, sama ada secara turun menurun atau melalui sistem pendidikan formal. Dalam modal sosial, tiga jenis hubungan manusia perlu diperhatikan, iaitu modal sosial ikatan, modal sosial rapatan dan modal sosial jaringan.

Sementara itu, modal ekonomi merujuk kepada aset dalam bentuk wang atau bukan wang yang dimiliki oleh ahli komuniti. Modal semula jadi diterjemahkan sebagai sumber alam di persekitaran mereka yang boleh diakses. Akhir sekali, modal budaya merujuk kepada nilai dan norma yang dipegang oleh ahli komuniti. Itu termasuk bagaimana mereka menerjemahkan kehidupan mereka. Dalam kajian ini, pemilikan mereka modal masyarakat diperhatikan dalam dua tahun yang berbeza, iaitu pada tahun 2012 dan 2015 berdasarkan prinsip longitudinal panel. Tempoh ini dianggap mencukupi untuk memerhatikan perubahan pemilikan modal komuniti kerana kehidupan mereka mampu berubah disebabkan interaksi mereka dengan orang luar dan lokasi mereka berdekatan dengan penempatan masyarakat lain.

### **Lokasi, Sampel, Pensampelan Dan Saiz Sampel**

Kajian ini melibatkan tiga daripada enam suku Negrito, iaitu Lanoh, Kensiu dan Jahai. Tiga suku Negrito lain yang tidak termasuk Bateq, Kintak dan Mendriq. Walau bagaimanapun, hanya tiga daripada mereka dipilih untuk terlibat dalam kajian ini kerana kriteria mudah, iaitu lokasi mereka adalah hampir kepada kumpulan masyarakat lain, sama ada orang Melayu atau masyarakat lain. Khususnya berkaitan suku Lanoh, penempatan mereka berada di kampung Air Bah, Lenggong, Perak. Responden Jahai berada di kawasan Rancangan Penempatan Semula (RPS) di Air Banun Gerik, Perak. Sementara itu penempatan Kensiu terletak di Ulu Legong, Baling, Kedah.

Pada peringkat awal, ini telah merancang untuk melibatkan semua Ketua Isi Rumah Negrito (KIR) di lokasi kajian. Walau bagaimanapun, rancangan itu tidak dapat dilaksanakan kerana sukar untuk melibatkan semua KIR kerana mereka sibuk mengumpulkan sumber hutan dan sebahagian daripada mereka enggan terlibat. Oleh itu, kajian ini memilih untuk menggunakan pensampelan kemudahan, tetapi tetap memastikan bahawa mereka akan dipilih untuk fasa kedua tahun. Jadual 1 mewakili saiz sampel yang diperoleh dalam kajian ini dalam dua fasa bagi tahun 2012 dan 2015.

**Jadual 1. Saiz Sampel Responden.**

<b>Suku kaum</b>	<b>Fasa 1 (2012)</b>	<b>Fasa 2 (2015)</b>
Lanoh	44	46
Jahai	47	62
Kensiu	56	36
<b>Jumlah</b>	<b>147</b>	<b>144</b>

### **Implementasi Kajian Longitudinal Panel**

Kajian ini dilaksanakan dengan mempertimbangkan selang tiga tahun dari fasa pertama kepada fasa kedua. Menetapkan masa yang berlainan untuk fasa kedua pengumpulan data selepas tiga tahun. Memandangkan banyak kajian yang dilakukan ke atas Orang Asli adalah berbentuk 'one-off', ini boleh menjadikan data tersebut tidak konkrit untuk menjelaskan perubahan yang dihadapi oleh Orang Asli. Sebaliknya, perubahan Orang Asli hanya dilakukan berasaskan andaian atau kajian dalam bentuk keratan rentas sahaja.

Dari sisi lain, perubahan Orang Asli sentiasa diperhatikan pada variabel atau konsep yang tidak sistematik. Tetapi, tidak dapat dinafikan bahawa pengukuran perubahan mempunyai justifikasi mereka sendiri dan berasaskan teori yang berkaitan dengan latar belakang penyelidik. Teori paling popular untuk memerhatikan perubahan adalah teori perubahan sosial. Walau bagaimanapun, dalam konteks penyelidikan Orang Asli, elemen perubahan ini telah dilakukan secara tidak sistematik dan sekali lagi berdasarkan kepada data 'one-off' atau penyelidikan kohort sahaja. Berbeza dengan kajian ini, perubahan tersebut tidak hanya diukur berdasarkan pendekatan longitudinal panel, tetapi secara sistematik memerhatikan perubahan berdasarkan variabel tertentu, iaitu modal komuniti. Berdasarkan variabel ini, perubahan yang berlaku pada Orang Asli bukan hanya diukur secara konsisten, tetapi secara sistematik diperhatikan dan mudah diulang-laksana oleh penyelidik lain dalam masa dan konteks berbeza.

Kajian ini mampu melaksanakan kajian longitudinal panel kerana mempunyai tiga kekuatan, iaitu 1) enumerator yang terlatih dan tetap, 2) kerangka pensampelan, dan 3) senarai sampel yang direkodkan secara sistematik. Mengenai enumerator yang terlatih dan tetap, enumerator dipilih dari kalangan pelajar pasca siswazah. Memandangkan tempoh pengajian mereka adalah antara dua hingga tiga tahun, mereka dapat menjadi enumerator yang tetap untuk dua fasa kajian yang berlainan. Ini adalah kekuatan kajian ini yang mana proses pengumpulan data adalah lancar dan mudah, terutamanya untuk fasa kedua kerana mereka sedia mengenali sampel kajian.

Kedua, kajian ini mempunyai kerangka pensampelan yang diperoleh daripada JAKOA, iaitu sebuah organisasi yang berautoriti ke atas Orang Asli. Walau bagaimanapun, kerangka pensampelan kajian ini tidak hanya diperoleh JAKOA semata-mata, tetapi juga diperoleh berasaskan kedudukan rumah responden. Keadaan ini memudahkan kami untuk mengumpulkan data bagi tahun yang berbeza. Ketiga, selain itu kami juga mencatat dengan jelas dan sistematik setiap rumah responden. Rumah-rumah itu ditandai dengan kad yang dilekatkan di setiap rumah responden sebagai tanda bahawa pengumpulan data telah dilakukan dan akan diulang untuk kali kedua kelak.

Walaupun bagaimanapun, setelah melaksanakan pengumpulan data untuk fasa kedua, kami telah berhadapan dengan dua masalah, iaitu, 1) responden enggan terlibat sebagai responden, dan 2) 'kehilangan' responden. Mengenai keengganan responden untuk terlibat, walaupun enumerator telah berjaya mengenal pasti mereka, beberapa responden enggan terlibat dalam pengumpulan data untuk fasa kedua. Terdapat banyak sebab yang diberikan, termasuk kekangan masa dan komitmen. Mengenai pertimbangan etika, responden tidak boleh dipaksa dan mesti terlibat secara sukarela. Oleh itu, mereka tidak terlibat dengan proses pengumpulan data untuk fasa kedua.

Berkaitan dengan masalah 'kehilangan' responden, masalah ini berlaku kerana dua faktor, iaitu, 1) responden meninggal atau bermigrasi ke tempat lain, dan 2) responden mempunyai komitmen kerja. Bagi faktor pertama, jumlah responden yang mati tidaklah besar, begitu juga dengan responden yang berhijrah ke tempat lain. Bagi faktor komitmen kerja, beberapa responden tidak berada di rumah mereka kerana bekerja. Ini berlaku kepada mereka yang bekerja sendiri dan akses hutan untuk jangka masa yang panjang. Ini menyebabkan enumerator tidak dapat menghubungi mereka. Disebabkan kedua-dua masalah

ini, responden yang diperolehi dalam fasa kedua tidak sama bilangannya. Jadual 2 menunjukkan kesetaraan penglibatan responden untuk fasa pertama dan kedua.

**Jadual 2. Kesetaraan Penglibatan Responden untuk Fasa Pertama dan Kedua.**

	<b>Fasa 1 (2012)</b>	<b>Fasa 2 (2015)</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Kesetaraan (%)</b>
Lanoh	20 /44	20 /46	40 /90	44.4
Kensiu	19 /56	19 /36	38 /92	41.3
Jahai	18 /47	18 /62	36 /109	33.0
<b>Jumlah</b>	<b>57 /147</b>	<b>57 /144</b>	<b>114 /291</b>	<b>39.2</b>

Dalam kajian ini, bagi memastikan ianya dilaksanakan berasaskan prinsip kajian longitudinal panel, dalam proses analisis data kami hanya memilih responden yang terlibat dalam pengumpulan data untuk kedua-dua fasa sahaja. Sementara itu, responden yang tidak konsisten tidak dilibatkan dalam kajian ini. Mereka disusun dengan teliti dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS.

### **Kaedah Pengumpulan Dan Analisis**

Oleh kerana kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif, data dikumpulkan dengan menggunakan borang soal selidik yang dibentuk berdasarkan teori ABCD dan ianya mengandungi lima modal komuniti, iaitu modal insan, sosial, semula jadi ekonomi dan budaya. Kami membuat keputusan ini selepas mempertimbangkan dua realiti utama Orang Asli, iaitu modal komuniti yang ada dalam masyarakat Orang Asli dan kepentingan modal dalam mengukur perubahan yang berlaku dalam kehidupan mereka.

Modal insan dalam kajian ini dioperasionalkan sebagai pengetahuan tradisional dan kontemporari yang dimiliki oleh responden. Pengetahuan tradisional adalah pengetahuan yang secara tradisinya dimiliki dan diamalkan oleh kumpulan mereka, kemudiannya diwarisi kepada generasi seterusnya. Sementara itu, pengetahuan kontemporari merujuk setiap pengetahuan yang diperolehi dari sistem arus perdana seperti dari pendidikan formal. Modal sosial pula ialah hubungan responden dengan orang lain yang dikategorikan kepada tiga kategori, iaitu modal sosial ikat, rapat dan jaringan.

Modal semula jadi dikenali sebagai persekitaran yang diakses oleh mereka seperti hutan dan produknya. Ia termasuklah flora dan fauna, sungai dan haiwan, dan apa sahaja yang secara tradisinya telah digunakan oleh mereka untuk pelbagai tujuan. Selain itu, ia juga merangkumi aktiviti ekonomi kontemporari seperti aktiviti rekreasi dan eko-pelancongan. Sementara itu, modal ekonomi dioperasionalkan sebagai pemilikan aset dalam bentuk pemilikan peribadi dan pemilikan komunal. Modal komuniti terakhir diukur dalam kajian ini adalah modal budaya yang dioperasionalkan sebagai sistem nilai dan identiti mereka. Sistem nilai termasuk sistem nilai moden yang hanya berbeza dengan nilai tradisional.

Data dianalisis dengan menggunakan dua jenis statistik, iaitu statistik deskriptif dan inferens. Kami menggunakan sisihan min dan piawai bagi statistik deskriptif. Manakala min digunakan untuk mengukur nilai purata bagi setiap variabel. Kemudian sisihan piawai digunakan untuk menentukan julat nilai pembezaan untuk setiap variabel kajian. Untuk statistik inferens, Analisis Multivariate of Covariance (MANCOVA) telah digunakan. Prosedur ini yang boleh menentukan pembezaan berlaku antara lima variabel kajian dalam dua fasa kajian berbeza.

## HASIL KAJIAN

Dalam Jadual 2, 3 dan Rajah 1, kami mendedahkan hasil kajian yang mengandungi empat petunjuk utama, pertama, lima jenis modal komuniti, iaitu modal insan, modal sosial, modal semula jadi, modal ekonomi dan modal budaya. Kedua, tahun pengumpulan data yang berbeza. Ketiga, suku Orang Asli Negritos, dan keempat, hasil kajian dalam bentuk min dan sisihan piawai.

Berkaitan hasil kajian keseluruhannya, dalam konteks modal insan, hasil kajian menunjukkan berlakunya perubahan pemilikan modal insan dalam kalangan suku Negrito, meskipun perbezaannya hanyalah kecil antara tahun 2012 dan 2015. Ini berlaku secara ke atas semua suku kaum yang terlibat dengan kajian ini. Hasil kajian ini disokong oleh keputusan ujian-t pada jadual 3, yang menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahun dan pemilikan modal insan yang berbeza ( $t = 66.839$ ,  $P = .000 < .05$ ) bagi semua suku Negrito.

Dalam konteks modal sosial, data menunjukkan terdapatnya perbezaan pemilikannya bagi tahun yang berbeza. Keadaan ini hampir berlaku kepada semua responden berdasarkan nilai sisihan piawai. Hasil kajian ini selari dengan keputusan ujian-t yang menunjukkan adanya perbezaan antara pemilikan modal sosial dalam tahun kajian yang berbeza ( $t = 52.686$ ,  $P = .000 < .05$ ). Berbeza pula dengan pemilikan modal semula jadi dan ekonomi, hasil kajian mendapati tidak ada perbezaan pemilikan modal semula jadi dan ekonomi dalam kalangan responden dan situasi ini terjadi pada semua responden. Bagi hasil kajian modal budaya, data menunjukkan bahawa wujudnya perbezaan modal budaya sangat kecil dalam kalangan responden dalam tahun yang berbeza. Dan ini berlaku kepada semua responden. Ini selari dengan hasil ujian-t, yang mana data menunjukkan kewujudan pembezaan pemilikan modal budaya pada tahun yang berbeza.

Dalam konteks modal insan bagi suku Lanoh, hasil kajian menunjukkan perbezaan pemilikannya dalam tahun yang berbeza, di mana modal insan meningkat bagi tahun 2015 berbanding tahun 2012. Pada masa yang sama, pemilikan itu adalah berbeza dalam kalangan suku Lanoh itu sendiri. Fakta ini disokong oleh keputusan ujian-t yang menunjukkan berbeza modal insan dalam tahun yang berbeza ( $t = 38.748$ ,  $P = .000 < .05$ ). Keadaan ini juga berlaku berkaitan pemilikan modal sosial, iaitu berbeza dalam 2012 dan 2015. Namun, pemilikannya dalam kalangan responden adalah hampir sama berdasarkan nilai sisihan piawai (.9). Keputusan t-ujian juga menunjukkan keadaan yang sama di mana berbeza pemilikan modal sosial dalam kalangan Lanoh ( $t = 42.928$ ,  $P = .000 < .05$ ).

Berbeza sama sekali dengan pemilikan modal semula jadi dan ekonomi, hasil kajian menunjukkan tidak ada perbezaan pemilikan kedua-dua modal tersebut bagi tahun yang berbeza. Maksudnya, modal semula jadi dan ekonomi mereka tidak berubah dalam tempoh empat tahun. Tetapi untuk modal budaya, hasil kajian menunjukkan terdapatnya perubahan pemilikan modal sosial dalam tahun yang berbeza dan ini berlaku dalam kalangan komuniti itu sendiri. Hasil ujian-t turut menunjukkan perkara yang sama, iaitu pemilikan modal komuniti ini pada tahun yang berbeza dalam kalangan suku Lanoh ( $t = 84.414$ ,  $P = .000 < .05$ ).

Berkaitan dengan hasil kajian ke atas suku Kensiu, hasil kajian dapat difahami bahawa wujudnya perubahan pada pemilikan modal insan, antara tahun 2012 dan 2015. Berdasarkan hasil ujian-t, ia mengesahkan terdapatnya perbezaan pemilikan modal insan dalam kalangan Kensiu dalam tahun yang berbeza ( $t = 41.570$ ,  $P = .000 < .05$ ). Bagi hasil kajian modal sosial, pemilikan modal sosial juga berubah mengikut tahun yang berbeza. Ini selari dengan hasil ujian-t yang menunjukkan perbezaan pemilikan modal sosial dalam kalangan Kensiu pada tahun yang berbeza ( $t = 29.308$ ,  $P = .000 < .05$ ). Walau bagaimanapun, hasil kajian menunjukkan pemilikan modal semula jadi dan ekonomi tidak berubah dalam tahun-tahun


yang berbeza. Tetapi, pemilikan modal budaya dalam kalangan Kensiu adalah berubah seperti yang ditunjukkan dalam keputusan ujian-t ( $t= 45.834, P=.000<.05$ ).

Dalam kes suku Jahai, hasil kajian menunjukkan bahawa pemilikan modal insan adalah telah berubah dalam tahun yang diperhatikan. Berasaskan keputusan ujian-t, terdapat perbezaan pemilikan modal insan dalam kalangan Jahai berdasarkan perbezaan tahun ( $t= 38.179, P=.000<.05$ ). Ini juga berlaku pada modal sosial dan modal budaya, di mana terdapat perbezaan dalam kalangan Jahai terhadap pemilikan modal insan. Berdasarkan hasil ujian-t, kedua-dua modal komuniti menunjukkan perbezaan, di mana nilai modal sosial adalah  $t= 24.657, P=.000<.05$  dan modal budaya  $t= 59.376, P=.000<.05$ . Sementara itu, sama ada modal semula jadi atau ekonomi, kedua-duanya tidak berubah dalam tempoh tahun berbeza yang diperhatikan.

Berdasarkan hasil kajian dari statistik Multivariate dengan menggunakan prosedur MANCOVA sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4, dengan menjadikan perbezaan tahun sebagai faktor, suku berbeza sebagai *covariate* dan kesemua modal komuniti sebagai variabel bersandar, hasilnya menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan pemilikan modal komuniti oleh responden. Maksudnya, mereka semua menghadapi realiti yang sama dan memiliki modal komuniti yang sama tanpa mengira latar belakang suku mereka. Rumusannya, mereka menghadapi perubahan yang sama dalam konteks modal insan, sosial, ekonomi, semula jadi dan budaya; dan poin yang paling penting ialah, mereka telah berubah.

Jadual 2. Min dan sisihan piawai pemilikan modal komuniti mengikut tahun berbeza.

	Modal Insan				Modal Sosial				Modal Semula Jadi				Modal Ekonomi				Modal Budaya			
	2012		2015		2012		2015		2012		2015		2012		2015		2012		2015	
	M	SD	M	SD	M	SD	M	SD	M	SD	M	SD	M	SD	M	SD	M	SD	M	SD
Keseluruhan	11.3	1.8	11.7	1.7	7.6	1.7	8.2	1.2	30.0	0.0	30.0	0.0	26.0	0.0	26.0	0.0	16.0	1.5	16.1	1.6
Lanoh	10.5	1.5	12.0	1.9	8.1	1.5	8.7	0.9	30.0	0.0	30.0	0.0	26.0	0.0	26.0	0.0	15.9	1.1	16.4	1.3
Kensiu	11.8	1.8	10.9	1.0	7.1	1.5	7.7	1.2	30.0	0.0	30.0	0.0	26.0	0.0	26.0	0.0	16.3	1.6	15.5	2.1
Jahai	11.8	1.8	12.2	1.8	7.4	2.0	8.1	1.5	30.0	0.0	30.0	0.0	26.0	0.0	26.0	0.0	16.2	1.8	16.4	1.4



Rajah 1. Min dan sisihan piawai pemilikan modal komuniti mengikut tahun berbeza..



Jadual 3. Hasil Ujian-t Perbezaan Modal Komuniti mengikut Tahun.

	Overall			Lanoh			Kensiu			Jahai		
	t	df	Sig. (2-tailed)	t	df	Sig. (2-tailed)	t	df	Sig. (2-tailed)	t	df	Sig. (2-tailed)
Year	30.150	101	.000	18.735	39	.000	16.155	29	.000	16.703	31	.000
Human capital	66.839	101	.000	38.748	39	.000	41.570	29	.000	38.179	31	.000
Social capital	52.686	101	.000	42.928	39	.000	29.308	29	.000	24.657	31	.000
Cultural capital	105.807	101	.000	84.414	39	.000	45.834	29	.000	59.376	31	.000

Jadual 4. Ujian MANCOVA.

Multivariate Tests <sup>a</sup>						
Effect		Value	F	Hypothesis df	Error df	Sig.
Difference year	Pillai's Trace	.047	1.590 <sup>b</sup>	3.000	97.000	.197

a. Design: Intercept + A7 + Tahun

b. Exact statistic

## RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Sebagai ringkasan, kajian ini memaparkan cara dan proses untuk melaksanakan penyelidikan berdasarkan pendekatan longitudinal panel ke atas Orang Asli dari suku Negrito. Ini termasuklah pendekatan dan reka bentuk kajian yang mengaplikasikan teori ABCD dalam melaksanakan kajian longitudinal panel secara sistematik. Kajian ini juga secara efektifnya menentukan bagaimana untuk melaksanakan pensampelan kajian untuk memilih responden bagi tahun-tahun yang berbeza, termasuklah berkongsi cabaran yang dihadapi ketika melaksanakan kajian seperti kehilangan responden. Walau bagaimanapun, ini telah memberikan hala tuju yang baik kepada penyelidik lain pada masa yang akan datang untuk mengendalikan kajian longitudinal panel pada masa akan datang. Berkaitan hasil kajian keseluruhannya, kajian ini berjaya mengukur dan menunjukkan perubahan yang berlaku ke atas Negrito berasaskan pemilikan modal insan, sosial dan budaya mereka. Tetapi berbeza dengan modal semula jadi dan ekonomi, yang tidak ada perubahan pada pemilikannya yang berlaku kepada semua responden.

Berasaskan hasil kajian ini, dua implikasi utama yang memberi kesan secara langsung kepada Negrito, iaitu 1) keperluan untuk memperoleh data komprehensif dan kredibiliti dalam kajian sosial berdasarkan kajian longitudinal panel, dan 2) fakta-fakta tentang realiti perubahan Negritos. Seperti yang dijelaskan dalam permasalahan kajian, sukar untuk mendapatkan sumber rujukan untuk membimbing cara untuk melaksanakan kajian longitudinal panel kerana kekangan yang dihadapi oleh penyelidik terdahulu. Tetapi, kajian ini membuktikan bahawa kajian longitudinal panel bukan sahaja dapat dilaksanakan dalam semua projek penyelidikan, tetapi juga mudah dilakukan. Implikasi kedua adalah, berdasarkan data kajian longitudinal panel, kita dapat menjelaskan dengan yakin perubahan yang berlaku ke atas Negrito secara sistematik berasaskan modal komuniti mereka. Oleh itu, pandangan yang menyatakan bahawa perubahan tidak berlaku ke atas Orang Asli, khususnya Negritos adalah tertolak dengan jelas.

Berdasarkan implikasi dari kajian ini, kami mengesyorkan agar kajian pada masa hadapan perlu dilakukan dalam bentuk kajian longitudinal panel. Ini selari dengan kehendak dan tuntutan data raya yang mana data raya dapat membantu bukan sahaja memerhati perubahan mereka, tetapi juga data yang membantu untuk membangunkan mereka dengan cara lestari.

## RUJUKAN

- Al-Mekhlafi, M. H., Surin, J., Atiya, A. S., Ariffin, W. A., Mahdy, A. K. M. & Che Abdullah, H. (2008). Pattern and predictors of soil-transmitted helminth reinfection among aboriginal schoolchildren in rural Peninsular Malaysia. *Acta Tropica*, 107, 200-204.
- Ahmed, A., Al-Mekhlafi, H. M., Al-Adhroey, A. H., Ithoi, I., Abdulsalam, A. M. and Surin, J. (2012). The nutritional impacts of soil-transmitted helminths infections among Orang Asli schoolchildren in rural Malaysia. *Parasites & Vectors*, 5, 119.
- Amir Zal, W. A. (2017). The practice of community potential mapping as a guideline for community development in Malaysia. *Community Development Journal*, 52(1), 1-19.
- Amir Zal, W. A., Mustaffa Omar & Hood Salleh (2016). The Terminologies Associated with Development and Marginalization for Orang Asli in Malaysia. *Development in Practice*, 26, (7), 933-948.
- Amir Zal, W. A., Hood Salleh, Mustaffa Omar & Sharina Halim (2014). The Vulnerability of Modal komuniti as a Threat to Orang Kuala Community Development in Malaysia. *Sage Open*, 4(2), 1-9.

- Azrina Abdullah, Or Oi Ching & Kamal Solhaimi, F. (2011). *Collectors and traders: A study of Orang Asli involvement in wildlife trade in the Belum-Temenggor Complex, Perak*. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Bardsley, D. K. (2018). Indigenous Knowledge and Practice for Climate Change Adaptation (pp. 359-367). *Encyclopedia of the Anthropocene*.
- Bozigar, M., Gray, C. L. & Bilborrow, R. E. (2016). Oil Extraction and Indigenous Livelihoods in the Northern Ecuadorian Amazon. *World Development*, 78, 125-135.
- Boyd, C. P., Hayes, L., Wilson, R. L. & Bearsley-Smith, C. (2008). Harnessing the social capital of rural communities for youth mental health: an asset-based community development framework. *The Australian Journal of Rural Health*, 16, 189-193.
- Chenoweth, J., Anderson, A. R., Kumar, P., Hunt, W. F., Chimbwandira, S. J. & Mooref, T. L. C. (2018). The interrelationship of green infrastructure and natural capital. *Land Use Policy*, 75, 137-144.
- Estrin, S., Mickiewicz, T. & Stephan, U. (2016). Human capital in social and commercial entrepreneurship. *Journal of Business Venturing*, 31, 449-467.
- Fisher, K., Geenen, J., Jurcevic, M., McClintock, K. & Davis, G. (2009). Applying asset-based community development as a strategy for CSR: A Canadian perspective on a win-win for stakeholders and SMEs Business Ethics. *A European Review*, 18 (1), 66-82.
- Fowler, F. J. (2009). *Survey Research Methods*. California: SAGE Publication Inc.
- Gepp, A., Linnenluecke, M. K., O'Neill, T. J. & Smith, T. (2018). Data raya techniques in auditing research and practice: Current trends and future opportunities. *Journal of Accounting Literature*, 40, 102-115.
- Gericke, D., Burmeister, A., Löwe, J., Deller, J. & Pundt, L. (2018). How do refugees use their social capital for successful labor market integration? An exploratory analysis in Germany. *Journal of Vocational Behavior*, 105, 46-61.
- Gupta, A., Raman, K. & Shang, C. (2018). Social capital and the cost of equity. *Journal of Banking and Finance*, 87, 102-117.
- Haines, A. (2009). Asset-based community development. In Phillips, R. & Pittman, R. H. (2009). *An Introduction to Community Development* (pp. 38-48). USA: Routledge.
- Higgins-Desbiolles, F., Trevorrow, G. & Sparrow, S. (2014). The Coorong Wilderness Lodge: A case study of planning failures in Indigenous tourism. *Tourism Management*, 44, 46-57.

## **PENUKARAN SISTEM KEWANGAN KONVENSIONAL KEPADA ISLAM DAN SUMBANGANNYA KEPADA PEMBANGUNAN SISTEM KEWANGAN ISLAM DI MALAYSIA**

Nurul Iman Mohd Zain  
Universiti Malaysia Kelantan  
nuruliman@umk.edu.my

Luqman Abdullah  
Universiti Malaya  
luqmanabdullah@um.edu.my

Mohd Edil Abd Sukor  
Universiti Malaya  
mohdedil@um.edu.my

Mohd Kamil Ahmad  
Universiti Malaysia Kelantan  
mohdkamil@umk.edu.my

### **ABSTRAK**

Sistem kewangan dan perbankan konvensional adalah sangat berbeza dengan sistem kewangan dan perbankan Islam. Walaupun kedua sistem ini mempunyai fungsi yang sama, iaitu peranannya sebagai 'badan perantara' di antara unit lebihan (surplus unit) and unit kekurangan (deficit unit), namun setiap urusan dan operasi yang dijalankan adalah berbeza. Ini disebabkan falsafah dan elemen teras yang menjadi tonggak kepada perjalanan bagi kedua-dua sistem adalah berbeza. Justeru, fenomena penukaran sistem bagi sesetengah perbankan konvensional untuk menjadi sebuah perbankan yang patuh syarak adalah fenomena positif, di mana fenomena ini dapat menggalakkan perkembangan dan pembangunan sistem kewangan Islam di Malaysia, yang sememangnya adalah sebuah negara Islam, bukan sahaja di peringkat serantau, malahan ke peringkat global. Artikel ini bertujuan menjelaskan sumbangan penukaran sistem ini ke atas pembangunan sistem kewangan Islam di Malaysia. Kaedah kualitatif digunakan bagi menganalisis dokumen, laporan-laporan tahunan, sejarah, dan kajian-kajian terdahulu. Hasil kajian mendapati bahawa, Malaysia merupakan antara negara yang giat memajukan sistem kewangannya ke arah sistem kewangan Islam. Walaupun sistem kewangan konvensional masih beroperasi, namun usaha untuk menjadikan sistem kewangan Islam sebagai alternatif kepada sistem berteraskan riba dan faedah adalah usaha yang positif, sekali gus berpotensi memperkasakan kedudukan Malaysia sebagai hub kewangan Islam antarabangsa, di samping menawarkan pelbagai nilai tambah.

**Kata Kunci:** Perbankan Islam; Perbankan Konvensional; Penukaran; Sistem Kewangan Konvensional dan Sistem Kewangan Islam.

### **PENGENALAN SISTEM KEWANGAN**

Umumnya, sistem ekonomi dan sistem kewangan adalah saling berkait rapat. Ini kerana sistem kewangan adalah sebahagian daripada aktiviti yang terdapat dalam sistem ekonomi. Sistem kewangan adalah penggerak utama bagi mengumpul dana-dana dan sumber kewangan penting yang menyokong aktiviti-aktiviti ekonomi dalam sesebuah negara. Sistem ini melibatkan pengurusan dana di antara dua pihak, iaitu, pihak yang digelar si penghutang dan

pihak kedua sebagai si pemiutang (Khon, Meir, 1991). Secara jelasnya, di dalam mana-mana sistem ekonomi sekalipun, terdapat pihak yang mempunyai dana lebihan (*surplus fund unit*), dan ada pihak yang kekurangan dana (*deficit fund unit*). Pemilik dana lebihan berjaya mengumpul dana mereka melebihi penggunaan dana dan berhasrat melabur dana lebihan ini sementara tidak menggunakannya. Manakala, pihak yang kekurangan dana mungkin terpaksa meminjam kerana kemampuan berbelanja mereka melebihi sumber dana. Maka, pergerakan dana daripada pihak berlebihan kepada pihak yang kekurangan memerlukan suatu mekanisme atau pihak ketiga yang boleh dipercayai dan diharapkan (Asyraf Wajdi et. al, 2011). Secara ringkasnya, sistem kewangan adalah satu mekanisme kompleks yang menemukan unit lebihan dengan unit kurangan melalui institusi-institusi kewangan atau pasaran kewangan bagi membolehkan penyaluran simpanan untuk suatu pelaburan produktif, dengan menggunakan instrumen-instrumen kewangan tertentu (Bank Negara Malaysia, 1994). Ini menunjukkan bahawa sistem kewangan mempunyai tiga komponen utama, iaitu, instrumen kewangan (*financial instruments*), institusi kewangan (*financial institutions*) dan pasaran kewangan (*financial markets*).

## **SISTEM PERBANKAN DAN INSTITUSI KEWANGAN DALAM SISTEM KEWANGAN MALAYSIA**

Sistem perbankan dan institusi kewangan merupakan institusi yang mencipta dan memperniagakan instrumen-instrumen kewangan di samping memudahkan aliran antara sumber dan pengguna. Dalam melaksanakan peranannya sebagai pencipta dan peniaga instrumen kewangan, institusi kewangan merupakan peserta penting dalam melaksanakan pelbagai fungsi utama dalam sistem kewangan. Fungsi terpenting sekali ialah bertindak sebagai pengantara kewangan. Pengantara kewangan memudahkan proses penyaluran dana tabungan untuk pelaburan, iaitu proses pertukaran dana tabungan daripada unit lebihan dalam sesebuah ekonomi dengan obligasi kewangan (janji untuk bayar) daripada unit kurangan (Ab. Mumin, 1999).

Pengantara kewangan di Malaysia terdiri daripada institusi kewangan perbankan (*monetary institutions*) dan institusi kewangan bukan bank (*non-monetary institutions*). Institusi kewangan perbankan terdiri daripada bank pusat, bank perdagangan (konvensional), bank Islam (perdagangan), dan bank pelaburan (konvensional dan Islam). Manakala, institusi kewangan bukan bank terdiri daripada institusi kewangan pembangunan (IKP), kumpulan wang simpanan dan pencen, syarikat insurans, syarikat insurans semula, pengendali takaful, dan pengendali takaful semula. Sistem perbankan memainkan peranan sebagai mekanisme untuk menyalurkan simpanan bagi pelaburan produktif, daripada unit lebihan (sebagai sumber) kepada unit kurangan (sebagai pengguna). Manakala, pengantara-pengantara kewangan bukan bank pula berperanan melengkapkan lagi institusi-institusi perbankan dalam mengumpul, menggalakkan dan menggerakkan simpanan-simpanan bagi memenuhi keperluan ekonomi dan kewangan semasa. Di Malaysia, institusi perbankan terletak dibawah penyeliaan Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai bank pusat di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA 2013) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA 2013), manakala bank pelaburan dikawal selia secara bersama dengan Suruhanjaya Sekuriti, di mana BNM bertanggungjawab bagi memastikan keselamatan dan kemantapan sistem kewangan terpelihara, di samping melindungi kepentingan pendeposit. Manakala Suruhanjaya Sekuriti pula bertanggungjawab atas pengendalian urusan dan pasaran bank pelaburan untuk menggalakkan integriti pasaran dan memberi perlindungan kepada pelabur (Laporan Bank Negara Malaysia, 2005). Institusi kewangan bukan bank pula terletak di bawah penyeliaan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan (Ab. Mumin, 1999), di mana institusi kewangan

pembangunan tertakluk juga dengan penyeliaan BNM, di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (DFIA 2002).

Di Malaysia, sistem kewangannya agak unik kerana ianya dilaksanakan secara dwi-sistem. Dwi-sistem bermaksud melaksanakan sistem kewangan konvensional, dan dalam masa yang sama, membenarkan operasi sistem kewangan Islam. Perbankan-perbankan dan institusi-institusi kewangan di Malaysia boleh beroperasi sama ada dalam kedua-dua bentuk sistem ini, ataupun memilih untuk beroperasi dalam salah satu dari kedua-dua bentuk sistem ini. Ini seperti yang dinyatakan di dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009, bahawa sistem kewangan di Malaysia hendaklah terdiri daripada sistem kewangan konvensional dan sistem kewangan Islam (Akta Bank Negara Malaysia, 2009).

## **PERBEZAAN SISTEM KEWANGAN ISLAM DAN SISTEM KEWANGAN KONVENSIONAL**

Fungsi perbankan dan lain-lain perantara kewangan merupakan unsur utama dalam sesebuah sistem kewangan, tidak kira konvensional ataupun Islam. Walaupun demikian, masih terdapat perbezaan ketara antara kedua sistem tersebut. Perbezaan antara sistem-sistem ini boleh dilihat dari sudut falsafah, etika dan sistem operasi yang mereka jalankan. Dari sudut falsafah, sistem kewangan konvensional dilaksanakan berasaskan kefahaman kapitalisme, di mana fahaman ini memisahkan agama dari lain-lain urusan kehidupan, termasuklah urusan ekonomi, kewangan dan muamalat. Sistem kewangan konvensional secara keseluruhannya menegaskan tentang kebebasan mutlak adalah hak setiap individu, dan sistem ini menggalakkan supaya keputusan kewangan dibuat hanya berasaskan kepada pertimbangan untung dan rugi semata-mata. Sebaliknya, dalam sistem perbankan Islam secara khusus, dan sistem kewangan Islam secara umumnya, manusia dianggap sebagai wakil di bumi, dan sebarang harta yang dimiliki oleh manusia hanya merupakan amanah semata-mata dan bukannya milik yang mutlak. Oleh yang demikian, sistem kewangan Islam tidak boleh berasaskan semata-mata hanya kepada pertimbangan untung dan rugi. Keputusan-keputusan kewangan yang dibuat oleh seseorang individu atau syarikat dalam sistem kewangan Islam seharusnya berlandaskan kepada panduan yang ditentukan oleh agama Islam dan bukannya kepentingan diri semata-mata. Islam memang tidak melarang mencari keuntungan, asalkan tidak mengetepikan kepentingan masyarakat, negara dan agama (Nor Mohamed Yacop, 1996).

Manakala dari sudut etika pula, sistem kewangan Islam bertunjangkan kepada falsafah Islam yang agung di mana ianya memberi keutamaan kepada akidah, tauhid dan akhlak. Sebaliknya konsep ini tidak dipraktikkan dalam sistem kewangan konvensional. Sistem kewangan Islam bukan sahaja dilaksanakan untuk mengelakkan aktiviti riba, malah nilai dan etika Islam mesti menjadi unsur penting dalam sebarang aktiviti perekonomian, dan muamalat yang dijalankan. Perbezaan asas antara sistem perbankan konvensional dan sistem perbankan Islam bukanlah semata-mata atas ketidakwujudan elemen kadar faedah atau riba dalam sistem perbankan Islam. Sebagai penjelasan, sesebuah bank Islam masih tidak boleh dianggap Islamik jika unsur eksploitasi masih lagi wujud dalam operasi mereka. Tetapi hakikatnya, konsep penghapusan riba hendaklah dikaji mengikut nilai-nilai Islam seperti keadilan sosial, konsep *al-'adl wa al-ihsan* dan integrasi antara nilai-nilai akhlak dengan sistem kewangan. Misalnya, sesebuah bank Islam yang menerima dana dari pendeposit berasaskan perkongsian untung, tetapi menetapkan nisbah secara eksploitatif, iaitu dengan sebegitu rupa untuk memastikan pendeposit menerima pulangan minimum, tidak boleh dikatakan melaksanakan perbankan Islam. Begitu juga, sekiranya sesebuah bank Islam menyediakan dana untuk pengusaha sebegitu rupa agar sebahagian besar keuntungan menjadi milik bank tidak juga boleh dikatakan melaksanakan perbankan Islam. Oleh itu, sistem

perbankan Islam tidak boleh hanya ditafsirkan sebagai penggantian elemen riba dengan mekanisme perkongsian untung. Pelaksanaan sistem perbankan Islam mestilah bersandarkan kepada nilai-nilai Islam, seperti keadilan sosial dan konsep *al-adl wa al-ihsan* (Nor Mohamed Yakcop, 1996).

Seterusnya, dari sudut operasi pula, faktor utama yang membezakan antara sistem kewangan Islam dan konvensional ialah segala urusannya mestilah dikendalikan tanpa wujudnya unsur-unsur faedah (*riba*), ketidakpastian (*gharar*), pertaruhan dan judi (*maysir*). Ini disebabkan Islam menghalang ummahnya daripada mengambil dan memakan riba, melibatkan diri dalam aktiviti perjudian kerana ianya tergolong dalam dosa-dosa besar, dan menjauhi *gharar* dalam sebarang aktiviti muamalat dan perekonomian (Sudin Haron, 1996). Sebaliknya, sistem ekonomi Barat, seperti yang disebutkan sebelum ini, adalah berfalsafah dan bertunjangan kepada keperluan kebendaan. Justeru itu, muncullah konsep-konsep seperti kebebasan mutlak individu dalam pemilikan harta dan memaksimumkan nilai ekonomi yang secara langsung memisahkan manusia daripada keperluan rohani dan akidahnya. Dalam dunia kapitalis, objektif memaksimumkan keuntungan serta memenuhi keperluan materialisme merupakan pertimbangan utama. Oleh yang demikian, persoalan riba tidak pernah berbangkit dalam sistem kapitalis kerana keuntungan menjadi asas kepada pemberian pinjaman. Namun, dalam sistem perbankan Islam, konsep pinjaman dan pembiayaan diamalkan atas semangat persaudaraan dan bantu membantu dan bukan satu cara untuk mendapatkan keuntungan. Ini dapat dilihat menerusi tujuan pengwujudan sistem kewangan Islam yang menekankan aspek untuk menentukan penggunaan modal sama ada dalam bentuk wang atau harta lain yang digerakkan dengan cara yang cekap dan adil supaya jumlah yang diperlukan untuk pelaburan atau penggunaan akan sentiasa dapat disediakan melalui tabungan. Cara yang cekap dan adil di sini bermaksud melihat kepada pergerakan wang yang cekap sehingga tidak timbul kekurangan atau kelebihan yang membawa keadaan yang tidak stabil dalam sesuatu sistem itu. Manakala, sistem kewangan konvensional hanya memberi penekanan tentang keuntungan dan pertambahan modal tanpa diseimbangkan dengan prinsip keadilan dan kemakmuran ekonomi ummah yang menjadi dasar utama kepada sistem kewangan Islam (Ab. Mumin, 2006).

## **KONSEP PENUKARAN SISTEM KEWANGAN KONVENSIONAL KEPADA SISTEM KEWANGAN ISLAM**

Apabila disebut tentang penukaran atau *conversion*, sudah tentu tergambar di minda tentang perihal dua perkara yang berbeza, di mana perkara pertama ingin ditukarkan menjadi perkara kedua. Sekiranya dua perkara tersebut adalah sama, tidak ada gunanya proses penukaran tersebut. Sebagai contoh, sekiranya seorang beragama Kristian ingin '*convert*' kepada agama Islam, ini bermakna agama Kristian adalah amat berbeza dengan agama Islam. Perbezaan tersebut wujud pada dasar atau akar umbi bagi sesuatu konsep sistem tersebut. Apabila perbezaan sudah wujud pada akarnya, sudah tentu akan menghasilkan perbezaan pada cabangnya. Begitu juga dengan sistem kewangan konvensional dan sistem kewangan Islam, di mana keduanya merupakan sistem yang berbeza. Setiap urusan dan operasi yang dijalankan berlandaskan falsafah, dan elemen teras yang berbeza. Apabila falsafah dan teras yang menjadi tunjang kepada sesuatu sistem sudah berbeza, sudah pasti perbezaan antara kedua sistem ini lebih menonjol pada aspek etika, urustadbir dan operasi serta pengstrukturkan produk yang ditawarkan.

Oleh itu, penukaran sistem dalam konteks sistem kewangan, merujuk kepada sistem perbankan dan institusi kewangan konvensional berubah kepada sistem perbankan dan kewangan Islam, sama ada secara sebahagian atau keseluruhan. Penukaran, jika disorot dari segi bahasa, merujuk kepada perihal menukarkan, mengubah, memindahkan, menggantikan

dan lain-lain (Kamus Dewan, 2005). Istilah ini bertepatan dengan istilah *conversion* dalam bahasa Inggeris, kerana istilah ini membawa maksud serupa seperti yang dibawakan oleh Kamus Dewan, iaitu perihal menukarkan sesuatu kepada sesuatu bentuk, tujuan atau sistem yang lain (Longman Dictionary, 2007). Dalam bahasa Arab pula, antara istilah yang merujuk kepada penukaran adalah *al-tahawwul*. Perkataan '*al-tahawwul*' menurut bahasa ialah bergerak dari satu kedudukan ke kedudukan yang lain, atau perubahan dari satu keadaan kepada keadaan yang lain (Ibn Manzur, t.th). Istilah-istilah ini amat bertepatan dengan kondisi perbankan dan institusi kewangan konvensional yang berubah menjadi entiti lain dan berbeza daripada entitinya yang terdahulu. Namun, ada sesetengah institusi melakukan penukaran hanya pada operasi pentadbirannya sahaja, seperti menubuhkan subsidiari atau jendela islamik, atau menawarkan produk-produk perbankan Islam tanpa tujuan untuk menukarkan bank atau institusi induk kepada patuh syariah sepenuhnya, di mana situasi ini dikenali sebagai penukaran separa penuh. Situasi penukaran sama ada secara penuh atau sebahagian saja dapat digambarkan melalui definisi penukaran menurut istilah Fiqh. Dalam ilmu Fiqh, '*tahawwul*' merujuk perubahan atau penukaran dari keadaan buruk (*fāsid*) menurut syarak kepada keadaan yang baik (*ṣālih*) menurut syarak (Husain Muhammad Makhluḥ, 2009) Ini bermaksud perubahan baru adalah lebih baik dari keadaan sebelumnya. Jika institusi kewangan konvensional yang sebelum ini mengandungi elemen-elemen fasid dan menyalahi undang-undang Islam, seperti keterlibatannya dengan riba dan seumpamanya, berubah kepada satu keadaan yang lebih baik iaitu berubah kepada sistem yang patuh syariah dan berlandaskan undang-undang muamalat Islam. Walaupun penukaran secara keseluruhan adalah yang terbaik, namun kita juga tidak dapat menafikan perubahan sebahagian (*partial conversion*) juga membawa kepada keadaan yang lebih baik. Bank atau institusi kewangan konvensional yang mempunyai subsidiari atau jendela perbankan Islam adalah lebih baik keadaannya daripada bank atau institusi kewangan konvensional yang tidak langsung menawarkan perkhidmatan perbankan Islam. Justeru, istilah penukaran bukan sahaja menggambarkan penukaran secara keseluruhan, malahan merangkumi juga penukaran secara sebahagian.

## **BENTUK-BENTUK PENUKARAN SISTEM PERBANKAN DAN INSTITUSI KEWANGAN DI MALAYSIA**


Seperti yang dinyatakan sebelum ini, penukaran merujuk kepada perubahan sistem, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian. Justeru, sistem perbankan dan institusi kewangan konvensional di Malaysia kebanyakannya beralih atau *convert* kepada sistem patuh syariah melalui beberapa bentuk, antaranya penukaran secara penuh dan penukaran separa penuh.

### **Penukaran secara penuh (*full conversion*)**

Penukaran secara penuh bererti sesuatu bank atau sesuatu institusi kewangan konvensional bertukar sistem dan taraf kepada sistem yang patuh syariah secara menyeluruh termasuk operasi, falsafah, etika dan sebagainya bagi membolehkannya mematuhi segala undang-undang muamalat Islam dan menjauhi larangannya. Ini bermakna institusi kewangan yang sebelum ini berlandaskan muamalat konvensional, telah berubah status seterusnya membolehkannya menjalankan setiap transaksi perniagaan yang patuh syariah. Penukaran ini disebut sebagai penukaran secara perbankan Islam penuh (*full-fledged Islamic Banking*). Antara contoh penukaran secara *full fledge* yang berlaku di Malaysia adalah Agrobank dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. Kedua-dua institusi ini merupakan institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah subseksyen 2 (1), Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, yang dilantik oleh Bank Negara Malaysia.



Rajah 1: Ilustrasi Bentuk Penukaran Secara Penuh



### **Penukaran separa penuh (*partial conversion*)**

Penukaran separa penuh pula bererti sesuatu institusi konvensional hanya melakukan penukaran pada struktur dan operasi pentadbirannya sahaja, dan menawarkan produk perbankan Islam, tanpa menghapuskan dan memberhentikan operasi induknya. Jelasnya, operasi induk masih kekal dan perniagaan konvensional masih berjalan, tetapi dalam masa yang sama tetap menyediakan alternatif dalam menyediakan perkhidmatan perbankan Islam kepada pelanggan. Justeru, penukaran separa penuh merujuk kepada penukaran secara penubuhan jendela perbankan Islam dan penubuhan anak syarikat perbankan Islam atau subsidiari.

Jendela perbankan Islam merujuk kepada sebuah jabatan yang berasingan yang ditubuhkan di dalam sesebuah perbankan atau institusi kewangan konvensional, yang beroperasi di bawah bimbingan ketat Lembaga atau Majlis Penasihat Syariah yang dilantik oleh perbankan tersebut, dengan tujuan untuk membangun dan menawarkan produk kewangan Islam kepada pelanggan yang berkeinginan untuk mendapatkan produk tersebut. Jendela ini boleh menawarkan produk dan perkhidmatannya melalui cawangan konvensional atau cawangan Islam berdedikasi di dalam bank konvensional. Manakala, subsidiari perbankan Islam pula merujuk kepada sebuah entiti berasingan yang ditubuhkan oleh sesuatu institusi atau perbankan konvensional induk untuk menawarkan perkhidmatan dan produk perbankan Islam. Perbezaannya dengan jendela perbankan Islam, adalah terletak pada struktur pengoperasiannya. Subsidiari adalah segala urusan dan perkhidmatan perbankan Islam yang disediakan berada dalam sebuah bangunan yang bebas dari bank konvensional induk, manakala jendela perbankan Islam berada di dalam bangunan perbankan konvensional yang sama, tetapi jabatan khusus yang disediakan untuk urusan muamalat Islam diasingkan bagi memastikan ianya dapat beroperasi menawarkan perkhidmatan perbankan Islam. Kelebihan utama subsidiari adalah terletak pada keputusannya yang bersifat autonomi, di mana terdapat lebih banyak kawalan terhadap pemasaran dan jualan berbanding jendela. Bagaimanapun, masih terdapat pengaruh dari bank induk terhadap subsidiari, kerana bank induk mempunyai 'hubungan pemegang' dengan syarikat subsidiarinya.

Di dalam undang-undang perniagaan, iaitu Akta Syarikat 2016, Seksyen 4 (1) (a) (b), menjelaskan bahawa, sesebuah syarikat induk akan dianggap sebagai 'syarikat pemegang' dan anak syarikat akan dianggap 'syarikat subsidiari' sekiranya salah satu syarat yang berikut dipenuhi: (1) perbadanan yang lain itu; (i) mengawal keanggotaan lembaga pengarah perbadanan itu; (ii) mengawal lebih daripada setengah kuasa mengundi perbadanan itu; atau (iii) memegang lebih daripada setengah modal syer dikeluarkan perbadanan itu, tidak termasuk mana-mana bahagian modal syer yang terdiri daripada syer keutamaan; atau (2) perbadanan itu ialah suatu subsidiari mana-mana perbadanan yang menjadi subsidiari

perbadanan yang lain itu. Oleh itu, berdasarkan akta ini, jika wujudnya ‘struktur piramid’ dalam perhubungan di antara subsidiari-subsidiari dengan syarikat pemegangan, maka syarikat pemegangan berkenaan dikenali sebagai ‘syarikat ibu atau induk’. Contohnya, jika syarikat B dan syarikat C masing-masing adalah subsidiari kepada syarikat A, maka A adalah ‘syarikat ibu atau induk’ kepada syarikat B dan syarikat C.

Di Malaysia, hampir keseluruhan subsidiari perbankan Islam terdiri daripada jendela perbankan Islam yang berubah kepada subsidiari perbankan Islam. Perubahan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor, yang kebanyakannya adalah berasaskan kepada pematuhan syariah, antaranya modal permulaan yang dibiayai sepenuhnya oleh bank konvensional induk, pengurusan rizab, laporan kewangan dan trend global (Saiful Azhar Rosly, 2005). Faktor-faktor ini pada hakikatnya berpunca daripada satu perkara yang tidak dapat dinafikan, iaitu, perniagaan perbankan yang berasaskan faedah dan perniagaan perbankan yang berlandaskan syariah Islam yang dijalankan serentak di bawah satu bumbung boleh mengundang kekaburan dan ketidakpastian (gharar) mengenai kesahan keuntungan yang dijana daripada perniagaan tersebut. Justeru, penukaran jendela kepada subsidiari perbankan Islam adalah satu pencapaian positif. Walaupun penukaran tersebut bukan penukaran secara penuh, dari sebuah perbankan konvensional kepada sebuah perbankan Islam penuh, tetapi penukaran jendela kepada subsidiari juga perlu dipuji kerana ianya boleh menjadi salah satu langkah dalam merangka dan memperkasakan sebuah sistem kewangan Islam dalam negara ini. Ini berdasarkan kaedah fiqh,

"يفعل البعض من الأمور، إن شق فعل سائر الأمور"


Tafsirannya: Dilakukan sebahagian daripada perkara yang menjadi suruhan, sekiranya sukar untuk dilaksanakan keseluruhan suruhan tersebut (al- Sa’di, 2007).

Ini membawa maksud, jika kita tidak berdaya untuk mencapai tujuan kita serta merta, (iaitu sebuah sistem kewangan Islam yang menyeluruh), umat Islam wajib berusaha untuk membawa realiti yang lebih dekat kepada tujuan, walaupun selangkah demi selangkah (Nor Mohamed Yakcop, 1996).

Selain justifikasi di atas, penubuhan jendela dan subsidiari perbankan Islam turut digolongkan dalam penukaran sistem, kerana dua faktor ini, iaitu:

1. Perbankan atau institusi kewangan konvensional yang menubuhkan jendela atau subsidiari, hakikatnya mengubah sistem kewangannya kepada satu sistem yang lain. Asalnya, mereka mengaplikasi sistem kewangan konvensional dalam segala operasi, transaksi dan urusniaga dalam sistem perbankan mereka. Namun, apabila mereka membuka jendela atau menubuhkan subsidiari perbankan Islam, ini bermakna mereka mengubah sistem asalnya kepada dwi sistem, iaitu sistem kewangan konvensional beroperasi selari dengan sistem kewangan Islam.
2. Apabila perkataan ‘*conversion*’ atau penukaran digunakan, ianya membawa maksud berubah (*change*), dan selalunya perubahan ini sama ada perubahan ke arah yang lebih baik atau lebih buruk, di samping entiti lama masih lagi wujud. (Cambridge Dictionary). Ini bermaksud, entiti yang sama tetapi berlaku perubahan padanya. Justeru, dalam hal perbankan, apabila sesebuah bank menubuhkan jendela atau subsidiari, ianya masih mengekalkan entitinya sebagai perniagaan perbankan, tetapi berlaku perubahan pada sistemnya, dan perubahan yang berlaku adalah perubahan ke arah lebih baik, di mana perbankan konvensional yang ada jendela atau subsidiari perbankan Islam adalah lebih baik keadaannya daripada perbankan konvensional semata-mata.

Rajah 2: Ilustrasi Penukaran Separa Penuh



## SUMBANGAN PENUKARAN SISTEM KEWANGAN KONVENSIONAL KEPADA ISLAM KEPADA PEMBANGUNAN SISTEM KEWANGAN ISLAM DI MALAYSIA

Terdapat beberapa sumbangan penukaran sistem terhadap pembangunan sistem kewangan Islam di Malaysia yang dapat dikenalpasti, antaranya:

### **Penukaran Sistem Kepada Patuh Syariah Sebagai Alternatif Kepada Sistem Kewangan Konvensional.**

Sumbangan terbesar penukaran sistem ialah kejayaannya memperkenalkan alternatif dan jalan keluar kepada sistem riba yang menjadi tulang belakang kepada sistem kewangan dan perbankan konvensional. Pengharaman riba dalam Islam adalah sangat jelas seperti yang dinyatakan dalam al-Quran yang bermaksud:

“Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata (berpendapat), sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba...”

Surah al-Baqarah 2:275

“Wahai orang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkan saki baki riba jika kamu benar-benar beriman, sekiranya kamu tidak meninggalkannya, terimalah pengisytiharan perang daripada Allah dan Rasul-Nya.”

Surah al-Baqarah 2:278-279

Dengan melakukan penukaran sistem, ianya menggambarkan satu usaha besar pihak bank dalam meninggalkan operasi dan urusan niaga riba yang telah diamalkan sebelum ini. Sementara penubuhan jendela dan subsidiari perbankan juga menunjukkan usaha selangkah demi selangkah untuk memperkasakan sistem kewangan Islam.

Dalam Islam, urusan niaga riba adalah haram. Namun, sebagai gantinya Allah telah menghalalkan perniagaan. Justeru itu, hukum ketidakharaman perbankan konvensional bukan terletak pada perniagaan perbankan itu sendiri, tetapi pada transaksi dan urusan niaga yang tidak mematuhi hukum syarak. Ini kerana, segala bentuk perniagaan, apabila sesuai dengan etika perniagaan Islam, maka hal tersebut dibolehkan bahkan dianjurkan. Apabila berlakunya penukaran, maka apa yang ditinggalkan bukan pada perniagaan itu, tetapi pada amalan operasi, transaksi dan urusan niaga yang menyalahi kehendak syarak. Ini berdasarkan kaedah Fiqh, di mana semua bentuk muamalat pada asalnya adalah harus. Keharusan ini dibenarkan selagi mana tidak ada dalil yang mengharamkan (al-Ghazali, 1999). Ini bermakna, urusan niaga perbankan diharuskan selagi tidak mengandungi riba, *gharar*, *maisir*, *jahalalah* dan unsur-unsur lain yang tidak dibenarkan syarak.

### Perubahan Landskap Dan Struktur Sistem Kewangan Malaysia

Landskap dan struktur sistem kewangan di Malaysia akan turut berubah apabila berlakunya penukaran sistem. Sebelum wujudnya institusi kewangan Islam (iaitu pada tahun 1963), dan perbankan Islam (iaitu pada tahun 1983), sistem kewangan Malaysia wujud dalam satu bentuk sahaja, iaitu sistem kewangan konvensional, sama ada perbankan, institusi kewangan, insurans dan sebagainya, kesemuanya bertransaksi dengan transaksi sistem konvensional. Setelah berlakunya penukaran, (iaitu bermula dengan penukaran separa penuh), landskap sistem kewangan Malaysia mulai berubah, dari perbankan konvensional kepada perbankan konvensional beserta dengan jendela, dari jendela kepada subsidiari, dan ada yang dari perbankan konvensional penuh kepada perbankan Islam penuh, dan perubahan ini akan berterusan sekiranya bilangan bank konvensional yang akan turut serta melakukan penukaran bertambah dari masa ke semasa. Jadual di bawah menunjukkan senarai perbankan dan institusi kewangan Islam dan status pengoperasiannya di Malaysia kini.

No	Status operasi	Nama Bank
1	Bank Islam Tempatan (perbankan Islam penuh dari awal penubuhan)	Bank Islam Malaysia Berhad
2	Bank Islam Tempatan (hasil daripada proses penggabungan dan pengambilalihan)	Bank Muamalat Malaysia Berhad
3	Bank Islam Asing (perbankan Islam penuh)	1. Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad 2. Al-Rajhi Banking and Investment Corporation (Malaysia) Berhad
4	Institusi Kewangan Pembangunan Islam (hasil dari penukaran)	1. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia 2. Agrobank
5	Bank Islam Tempatan yang bermula dengan jendela, kemudian bertukar menjadi subsidiari kepada Bank Konvensional Tempatan	1. RHB Islamic Bank Berhad 2. Hong Leong Islamic Bank Berhad 3. CIMB Islamic Bank Berhad 4. Affin Islamic Bank Berhad 5. Ambank Islamic Bank Berhad

		6. Alliance Islamic Bank Berhad 7. Maybank Islamic Berhad 8. Public Islamic Bank Berhad
6	Bank Islam Asing, yang menjadi subsidiari kepada Bank Konvensional Asing.	1. HSBC Amanah Malaysia Berhad 2. Standard Chartered Saadiq Berhad 3. Asian Finance Bank Berhad 4. OCBC Al-Amin Bank Berhad

Sumber: Bank Negara Malaysia, 2018

### **Prestasi Perbankan Islam (Yang Sebelumnya Adalah Konvensional) Yang Semakin Maju Dan Kukuh.**

Penukaran sistem dari sistem konvensional kepada sistem patuh syariah tidak melemahkan sistem kewangan khususnya dan sistem ekonomi negara umumnya, bahkan menggalakkan pertumbuhan yang pesat sektor perbankan Islam di negara ini. Bank Rakyat, contohnya, merupakan sebuah institusi yang berjaya mengubah keseluruhan operasi, perkhidmatan, sistem dan aset daripada perbankan konvensional kepada perbankan Islam sepenuhnya pada 2002. Langkah berani bermula pada 1993 itu menyaksikan koperasi kredit ini kini menjadi peneraju dalam penyediaan perkhidmatan kewangan yang patuh syariah sepenuhnya. Hari ini Bank Rakyat menjadi antara institusi kewangan Islam yang dihormati dan disegani di Malaysia dan di persada antarabangsa. Dengan aset berjumlah RM99.2 bilion pada akhir tahun 2016, menjadikan Bank Rakyat sebagai sebuah bank koperasi Islam yang terbaik di Malaysia, dan institusi kewangan koperasi yang terkukuh di dunia. (Laporan Tahunan Bank Rakyat, 2016). Bank Rakyat juga pernah melakar sejarahnya yang tersendiri apabila meraih keuntungan sebelum cukai dan zakat berjumlah RM2.02 bilion bagi tahun kewangan 2011, iaitu kali pertama keuntungan mereka melebihi angka RM 2 bilion. Ia adalah institusi kewangan nombor satu berdasarkan pulangan atas Aset (ROA) mengikut majalah *The Asian Banker*, mengatasi semua bank komersil di negara ini. (Laporan Tahunan Bank Rakyat, 2012). Kejayaan Bank Rakyat tidak hanya terhad kepada sektor koperasi. Dalam sektor kewangan Islam di Malaysia, Bank Rakyat pernah menjadi institusi kewangan Islam yang kedua terbesar (termasuk bank komersil) di Malaysia dengan aset hampir RM83 bilion pada akhir tahun 2013. Pada tahun itu juga, keuntungan Bank Rakyat adalah yang kelima paling tinggi daripada kesemua bank komersil dan koperasi di negara ini. (Laporan Tahunan Bank Rakyat, 2013).

Tidak ketinggalan juga dengan Agrobank, di mana pada tahun 2016, iaitu setelah setahun beroperasi sebagai perbankan Islam penuh, telah mencapai pertumbuhan pembiayaan tahunan tertinggi, iaitu peningkatan sebanyak 16.7% berbanding tahun sebelumnya. Begitu juga dengan pertumbuhan deposit telah mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan, iaitu peningkatan sebanyak 23.1% berbanding tahun sebelumnya. Jika disorot pencapaian kewangan Agrobank selama 5 tahun, tahun 2016 merupakan tahun yang menyaksikan peningkatan dalam banyak perkara, termasuk pembiayaan dan pendahuluan (peningkatan 18.4%), keuntungan sebelum cukai dan zakat (peningkatan 20.0%), ekuiti pemegang saham (peningkatan 5.5%), pulangan atas aset purata (sebelum cukai) (peningkatan 0.1%), pulangan atas ekuiti (sebelum cukai) (peningkatan 0.9%) (Laporan Tahunan Agrobank, 2016). Manakala, Maybank Islamic Berhad, di mana bank induknya iaitu Maybank Berhad merupakan sebuah bank yang paling awal menerima sistem perbankan Islam, iaitu pada tahun 1993, melalui Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) yang kemudiannya dikenali sebagai Skim Perbankan Islam (SPI), iaitu melalui pembukaan perbankan jendela islamik, yang kemudiannya ditukar menjadi subsidiari pada tahun 2008. Pada tahun 2009, Maybank

Islamic Berhad melakar sejarah apabila menjadi penyedia perkhidmatan perbankan Islam yang terbesar di rantau Asia Pasifik dengan jumlah aset hampir RM34.7 bilion dan merupakan antara sepuluh institusi kewangan Islam yang ulung di dunia. (Laporan Tahunan Maybank, 2009).

### **Menyumbang Kepada Kepelbagaian Instrumen Dan Produk Kewangan Islam Serta Jumlah Institusi Perbankan Islam Yang Meningkatkan.**

Apabila berlakunya penukaran sistem, hakikatnya, ia menyumbang kepada mempelbagaikan instrumen dan produk kewangan Islam. Ini kerana, produk dan kontrak-kontrak yang digunakan dalam perbankan dan institusi kewangan Islam perlu berbeza dari produk-produk perbankan konvensional. Prinsip-prinsip syariah perlu diaplikasikan dalam produk-produk perbankan Islam, seperti konsep *al-wadi'ah* untuk simpanan, konsep *bay' bithaman ajil* atau *ijarah al-muntahiyah bittamlik* bagi pembiayaan jangka panjang, dan konsep *al-murabahah* atau *al-musyarakah* bagi pembiayaan jangka pendek dan sederhana dan seumpamanya.

Apabila kepelbagaian produk dapat diperkenalkan, maka sambutan orang ramai juga dapat dipertingkatkan, seterusnya dapat memperkasakan sistem kewangan Islam. Dalam pembiayaan, sistem perbankan Islam mengamalkan kadar tetap (*fixed rate*) yang dikenali sebagai margin keuntungan, manakala sistem perbankan konvensional pula mengambil kira keuntungan berdasarkan kadar faedah (*interest rate*) yang sentiasa berubah-ubah mengikut situasi semasa dalam pasaran. Meskipun dalam sistem perbankan Islam, contohnya dalam pembiayaan *tawarruq* tidak mengalami perubahan kadar keuntungan selepas kontrak dimeterai, tetapi penetapan kadar tersebut pada permulaannya sedikit sebanyak dipengaruhi oleh kadar faedah semasa. Orang ramai kebiasaannya akan berusaha untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan dengan kadar faedah atau margin keuntungan yang lebih rendah. Permintaan terhadap pinjaman konvensional akan meningkat jika para pelanggan percaya bahawa kadar faedah yang ditetapkan pada masa itu adalah rendah berdasarkan situasi ekonomi semasa. Begitu juga sebaliknya, permintaan terhadap pinjaman ini akan merosot jika pelanggan menjangkakan kadar faedah akan naik dan ini menjadikan jumlah pembayaran balik pinjaman melambung tinggi. Oleh itu, penggunaan kadar faedah tetap oleh sistem perbankan Islam dilihat sebagai cara terbaik bagi entiti perniagaan yang membuat pinjaman atau pembiayaan disebabkan ia lebih stabil dan pasti (*certain*) dari segi pembayaran balik. Sehingga tahun 2016, pembiayaan *tawarruq* oleh perbankan Islam telah meningkat lebih 34% mencakupi 22.4% daripada jumlah terkumpul pembiayaan berlandaskan syariah. Deposit Islam berasaskan *tawarruq* juga meningkat pada kadar 7.5% pada tahun yang sama, menggambarkan permintaan yang lebih tinggi terhadap pulangan kadar tetap bagi deposit yang ditawarkan berasaskan kontrak *tawarruq* (Bank Negara Malaysia, 2016).

Selain kepelbagaian produk, penukaran sistem juga dapat mempertingkatkan jumlah perbankan dan institusi kewangan Islam dalam sistem kewangan negara. Walaupun sistem perbankan konvensional merupakan sistem perbankan moden terawal, telah lama bertapak di Malaysia serta mempunyai kedudukan yang kukuh dalam pasaran melalui monopolinya dalam penawaran pelbagai jenis produk dan variasi instrumen, namun, penukaran sistem yang telah berlaku sejak 1993 (pelancaran Skim Perbankan Tanpa Faedah telah memulakan penubuhan jendela), menunjukkan bahawa institusi perbankan Islam secara tidak langsung mampu mewujudkan persaingan secara sihat dengan sistem perbankan konvensional yang sedia ada. Sehingga kini, terdapat 16 buah bank perdagangan Islam (termasuk subsidiari perbankan Islam), dua buah institusi kewangan pembangunan Islam, 11 buah jendela Islam dan tiga buah bank pelaburan Islam. (Bank Negara Malaysia, 2018).

### **Memenuhi Hasrat Negara Untuk Menjadikan Malaysia Sebagai Hub Kewangan Islam.**

Tujuan utama sistem kewangan Islam ialah untuk memenuhi keperluan umat Islam terhadap satu sistem yang benar-benar menepati lunas-lunas syariah, sebagai satu sistem kewangan yang komprehensif serta mampu bersaing dengan sistem konvensional yang telah wujud berdekad-dekad lamanya. Sebagai sebuah negara Islam, Malaysia telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mewujudkan sistem kewangan Islam dan berfungsi selaras dengan prinsip-prinsip syariah yang telah digariskan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah dari segi matlamat, falsafah dan operasi (Ab. Mumin, 2006). Selain mewujudkan sistem kewangan Islam dalam negara, Malaysia berhasrat menjadikan negara ini sebagai hub atau pusat kewangan Islam bertaraf antarabangsa. Inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC) yang dilancarkan pada tahun 2006 adalah untuk membangunkan Malaysia sebagai pasaran antarabangsa kewangan Islam. Sejak sistem perbankan Islam mula beroperasi lebih 30 tahun yang lalu, kewangan Islam di Malaysia telah membangun dan meningkat maju lantas menjadi pasaran kewangan Islam yang canggih, yang bercirikan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang teguh, pasaran utama yang mendalam dan pasaran sekunder yang aktif, tenaga mahir bertaraf dunia yang pelbagai dan mempunyai hubungan global yang luas serta penawaran rangkaian produk yang pelbagai. Inisiatif MIFC ini terdiri daripada rangkaian komuniti pengawal selia sektor kewangan negara, termasuk Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Bursa Malaysia (Bursa Saham Kuala Lumpur), kementerian dan agensi Kerajaan, bersama-sama dengan penyertaan industri daripada institusi perbankan, takaful, takaful semula, pasaran modal, institusi pembangunan modal insan dan syarikat khidmat bantuan profesional yang menyertai dan bekerjasama dalam kewangan Islam. Malaysia mengalu-alukan pengamal industri untuk menjalankan perniagaan antarabangsa dalam kewangan Islam dalam persekitaran perniagaan yang amat kondusif. Malaysia sebagai destinasi pelaburan kewangan merupakan pasaran yang menawarkan peluang pelaburan berlandaskan Syariah global melalui pelbagai institusi kewangan antarabangsa, kepakaran yang meluas serta rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan Islam. (Siaran Akhbar Bank Negara Malaysia, 2013). Justeru, penukaran sistem yang giat dilakukan oleh sebahagian perbankan dan institusi kewangan konvensional menepati apa yang dihasratkan oleh negara dan kerajaan.

### **KESIMPULAN**

Hasrat untuk memperkembangkan dan memajukan sistem kewangan dan perbankan Islam di Malaysia perlu kepada penyertaan dan sokongan padu daripada semua pihak, sama ada pihak kerajaan, perbankan dan institusi kewangan serta umat Islam keseluruhannya. Penyertaan dan sokongan padu mereka dapat dilihat menerusi usaha-usaha sebahagian besar institusi perbankan dan institusi kewangan konvensional dalam melaksanakan penukaran sistem daripada sistem konvensional yang sememangnya sudah sebatu dalam industri mereka kepada sistem yang patuh syarak, tidak kira secara penuh (*full fledged*) atau pun separa penuh (*partial conversion*). Penukaran sistem yang dilakukan oleh mereka, hakikatnya, banyak memberi sumbangan kepada pembangunan sistem kewangan Islam, antaranya menjadi alternatif kepada sistem berteraskan riba, mengubah struktur sistem kewangan negara ke arah yang lebih baik dan membangun, prestasi perniagaan yang lebih terkehadapan dan maju, mempelbagaikan instrumen kewangan Islam, meningkatkan jumlah institusi perbankan Islam, dan seterusnya dapat mengekalkan Malaysia sebagai hub kepada perbankan dan kewangan Islam di rantau ini dan di peringkat antarabangsa.

## BIBLIOGRAFI

- Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor. (2006). “Struktur Sistem Kewangan Islam (SKI) di Malaysia” dalam *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ab. Mumin Ab. Ghani. (1999). *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Akta Bank Negara Malaysia 2009.
- Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.
- Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
- Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
- Akta Syarikat 2016.
- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad. (1999). *al-Mustasfa min ‘Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Ihya al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Sa’di, Abdul Rahman bin Nasir. 2007. *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah: al-Manzumah wa Syarhuha*. Arab Saudi: Wizarah al-Awqaf wa al-Suún al-Islamiyyah.
- Asyraf Wajdi Dusuki et al. (2011). *Islamic Financial System: Principles and Operations*. Kuala Lumpur: ISRA
- Bank Negara Malaysia. (1994). *Money and Banking in Malaysia*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. (2005). “Sistem Perbankan” dalam Laporan Bank Negara Malaysia, dicapai pada 28 September 2018, <http://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/bm/2005/cp05.pdf>.
- Bank Negara Malaysia. (2016) “Pembangunan Kewangan Islam” dalam *Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2016*, <http://www.bnm.gov.my/files/publication/fsp/bm/2016/cp04.pdf>
- Bank Negara Malaysia. “Malaysia: Pasaran Kewangan Islam Dunia” dalam Siaran Akhbar Bank Negara Malaysia. 1 Ogos 2013. No. Ruj: 08/13/01, [http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bn\\_press&pg=bn\\_press&ac=2741&lang=bn](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bn_press&pg=bn_press&ac=2741&lang=bn)
- Bank Negara Malaysia. “Senarai Institusi Kewangan” dalam laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai pada 29 September 2018, [http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=fs\\_mfs&pg=fs\\_mfs\\_list&ac=384&lang=bn](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=fs_mfs&pg=fs_mfs_list&ac=384&lang=bn).
- Cambridge Dictionary, entri “change”, laman sesawang *Cambridge Dictionary*, dicapai pada 1 Oktober 2018, <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/change>.
- Cambridge Dictionary, entri “conversion”, laman sesawang *Cambridge Dictionary*, dicapai pada 1 Oktober 2018, <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/conversion>.
- Ḥusain Muḥammad Makhlūf. 2009. *Ma ‘ānī Kalimāt al-Qur’ān Tafsīr wa Bayān*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, ed. 1.
- Ibn Manẓūr, Muhammad bin Mukrim Al-Anṣārī. t.th. *Lisān Al-‘Arab*. Beirut: Dār Ṣādir, ed. 2.
- Jaafar Ahmad. (1991). “The Financial System of Malaysia: The Commercial Bank and The Capital Market”, dalam Hisashi Yokoyama dan Mokhtar Tamin, ed., *Malaysian Economy in Transition*. Tokyo: Institute of Developing Economics.
- Kamus Dewan. 2005. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khon, Meir. (1991). *Money, Banking and Financial Markets*. Chicago: The Dryden Press.
- Laopran Tahunan Maybank Berhad. 2009. Kuala Lumpur: Maybank Berhad.
- Laporan Tahunan Agrobank. 2016. Kerjasama Strategik Pemacu Pertumbuhan. Kuala Lumpur: Agrobank.
- Laporan Tahunan Bank Rakyat. 2012. Menyentuh Kehidupan: Ini Yang Kami Lakukan. Kuala Lumpur: Bank Rakyat.



- Laporan Tahunan Bank Rakyat. 2013. Menerajui Perubahan. Kuala Lumpur: Bank Rakyat.
- Laporan Tahunan Bank Rakyat. 2016. Masa Depan Mampan. Kuala Lumpur: Bank Rakyat.
- Longman Business English Dictionary. 2007. England: Pearson Longman.
- Nor Mohamed Yacop. (1996). *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Saiful Azhar Rosly, "Islamic Banking Windows Transform to Subsidiaries," *The Star Online*, 31 Oktober 2005, Kolum Business News.
- Sudin Haron. (1996). *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

## **THE OMBUDSMAN OF THE REPUBLIC OF CHAPTER OF BENGKULU PROVINCE IN ENHANCING COMMUNITY PARTICIPATION**

Zahran Mabrukah Tomimi  
University of Bengkulu, Bengkulu, Indonesia  
Email: [zahranmabrukah@outlook.com](mailto:zahranmabrukah@outlook.com)

### **ABSTRACT**

In the stages of development activities, public participation is absolutely necessary in order to improve the performance of programs and/or development projects. In the context of the functions, duties and authority of the Ombudsman RI Representative of Bengkulu province, public participation is one of the elements that will support the improvement of the performance of the Ombudsman of the Republic of Indonesia of Bengkulu province as Representative institutions the watchdog organization of the public service. Among others against the settlement receptivity and pegaduan tasks report. The Organization of the public participation made during this involves various elements of the community members, among others, of the students, lessons, academics, journalists, activist non-governmental organizations, community and profession, social activist a little or a lot have an understanding and knowledge of the functions and duties of the Ombudsman of the Republic of Indonesia of Bengkulu Province Representative. The purpose of organizing public participation, among others, to get the support of the community; pressing the (potential) conflict; and the public can meet his needs on its own, thereby reducing the burden of the Government. As for the implementation of the activities carried out by the Ombudsman of the Republic of Indonesia of Bengkulu province was Representative (i) Seminars or public discussion or public lectures about the Ombudsman of the Republic of Indonesia of Bengkulu province and Representative public service. (ii) training on the public service. (iii) the Apprenticeship of Sanak Ombudsman. To optimize the participation of society in the oversight of the public service as a whole, the Ombudsman RI Representative of Bengkulu province could reach out to the rest of the County and town in the province of Bengkulu to society, be it civil apparatus State or Government institutions. In order to make the community more about what it is and find out how the Ombudsman procedure report on the maladministration and the public know where they will be pitted if find such things in order for the public service in the province of Bengkulu better future.

### **BACKGROUND**

The Constitution of the Republic of Indonesia Year 1945 confirms the guarantees over justice and the legal certainty for all citizens as intended in article 28 h subsection (2) and section 28D subsection (1). 1945 constitution also guarantees the right of every person to advance himself in the fight for the right collectively to build community, the nation and the State as referred to in article 28C paragraph (2).

Service to the community and law enforcement are carried out in the framework of the Organization of the State and governance is a part that is inseparable from the efforts to improve the welfare and justice and legal certainty for the the whole citizens. Therefore, it is necessary supervision towards the Organization of the public service by the organizers of the State and Government. This is the application of the principle of democracy that needs to be developed to prevent and eliminate the misuse of authority by public service providers apparatus. Ombudsman of the Republic of Indonesia (called the Ombudsman RI) present in order to conduct surveillance against the Organization of the public service. Based on the provisions of article 1 point 1 Act No. 37 Year 2008 about the Ombudsman of the Republic

of Indonesia, supervision is exercised against the public service commissioned by the organizers of the State and the Government, said that organized by the State-owned enterprise, region, and State-owned legal entity as well as private bodies or individuals who are given the task of organizing the public service, that some or all of their funds from the budget income and expenditures of the State and/or budget revenues and shopping area.

The purpose of the Ombudsman is to realize the State of RI law that a democratic, just, and prosperous; encourage the 56th State and Government efektif and efficient, honest, open, clean, and free from corruption, collusion, and nepotism; improve the quality of service in all areas of the country so that every citizen of the real field so that every citizen and the occupation of Justice, security, and prosperity are the better; help create and enhance efforts to eradication and prevention practices of maladministrasi, collusion, corruption, and nepotism; and enhance the culture of national law, the legal consciousness of the public, and the rule of law are the core of truth and justice.

The function of the Ombudsman RI as a watchdog organization of the public service defined back in Act No. 2009 25 years Of public service. Article 35 paragraph (1) of Act No. 25-year 2009 stated that the supervision of the Organization of the public service is carried out by internal and external supervisory watchdogs. Further, article 35 paragraph (2) makes it clear that the definition of the internal organization of the supervision of the public service is carried out through:

- a. Supervision by the immediate supervisor in accordance with the regulations; and
- b. Oversight by the supervisor in accordance with functional laws invitations.

Whereas the definition of the external supervision of the Organization of the public service is set out in paragraph 35 (3) Act No. 25 of the year 2009 is done through:

- a. Supervision by the public in the form of reports or public complaints in the public service;
- b. Oversight by Ombudsman RI in accordance with laws and regulations;
- c. Oversight by the House of representatives Daerah district/city.

Based on these provisions, the public also serves to conduct surveillance against the Organization of the public service. In this case, the supervision by the public is done by delivering a report or complaint.

The role of the community in the supervision of the Organization of the public service is certainly different from the role of the Ombudsman of RI. The role of the Ombudsman of Indonesia as reflected in article 7 Act No. 37 Year 2008 gave the task to the Ombudsman RI to receive reports of alleged maladministration in implementing public service; evaluating the substance of statements; follow up report is included in the scope of the authority of the Ombudsman in RI; initiate an investigation on the initiative of its own against the alleged maladministration in implementing public service; performs coordination and cooperation with State institutions or other government agencies as well as civic and individual institutions; building a network of employment; do maladministrasi prevention efforts in organizing the public service; and do other duties provided by law.

Different roles between society and the Ombudsman of the RI is not contradictory, but rather complementary to each other in the framework of external scrutiny against the Organization of the public service. Community participation is one of the elements which can support the terlasakannya fungsi, duties and authority of the Ombudsman as an institution Trustees the Providence RI public. The existence of a complaint submitted by members of the public to the Ombudsman regarding RI maladministrasi in public services is a form of public participation is the basis for the Ombudsman RI to run tasks and those powers. Without the participation of the community against the Ombudsman functions RI, it is certain that the pengawasan against the Organization of the public service will not be optimally, given the

limitations of the Ombudsman RI to obtain information about the existence of a maladministrasi experienced 230 million residents of Indonesia.

## **REVIEW OF THE LITERATURE**

### **The Public Service**

The public service Act No. 2009 25 years of public service public service defines as follows: public service is an activity or series of activities in the framework of the fulfilment of the needs of the service in accordance with the legislation for each citizen and resident of goods, services, and/or administrative services provided by the organizer of the public service.

According to b. Libois, said that public services are all activities that must be guaranteed, organized and supervised by the Government, because it is necessary for the realization and development of social dependency, and in fact, its realization It is difficult to be implemented without the intervention of government power. In the definition of it, contained the idea want to enhance social solidarity, fight against the irrational egoism to guarantee the fulfilment of social needs in the framework of the collective achievement of the objectives. There are three traits that mark public service: (i) there is a qualitative difference between activities that are recognized as public services and activities and upcoming activities of the initiative and personal or private purposes; (ii) the difference in public services this means more important compared to other similar activities, then arranged special; (iii) the public service has a public legitimacy inherent in the power of the State.

Citizens expect public service can serve with honesty and management resources appropriately, and be accountable to the public. Public service in a fair and accountable can generate public confidence. Public service ethics is needed as the pillars and public confidence as the basis for the realization of a good government.

### **The Role Of Community In The Public Service In Accordance With Act No. 2009 25 Years Of Public Service**

As the embodiment of a synergistic relationship in the implementation of a system of good governance, i.e. the relationship of the three actors as in the concept of Good Governance, i.e., the State, society, and the private, The Government strives to involve the participation of the community in any policy formulation. So also in the public service. The role of the community in the public service has been regulated in article 39 of law No. 25 of the year 2009 that reads as follows:

- 1) The role of the community in implementing public service started drafting service standard up to evaluation and award.*
- 2) The role of the community as referred to in subsection (1) is manifested in the form of cooperation, the fulfillment of the rights and obligations of the community, as well as its active role in policy formulation of public service.*
- 3) The public can form a supervisory institution of the public service.*
- 4) Procedures for including this sort of society in public service is regulated further in government regulations.*

From the above statement, indicating the seriousness of the Government's involvement in the community to make policy. As mentioned in paragraph 1 above, points out that starting from formulation up to evaluation in terms of the public service must involve the community. However, in practice the Government has yet to fully implement the mandate of the legislation.

In terms of the role of the community as well as this, other than provided for in the legislation is also reinforced in the Government Regulation No. 96 Year 2012 Of Law No.

2009 25 years Of public service. In the regulations the Government has arranged starting from article 40 to article 47 which reads as follows:

**Pasal 40**

*The Organizer is obligated to include the community in the public service in an effort to build a system of organizing the public service in a fair, transparent, and accountable.*

**Pasal 41**

*Including this sort of society in public service as stipulated in article 40 covers the entire process of organizing public services that include:*

- a. policy formulation of public service;*
- b. preparation of standard service;*
- c. supervision and evaluation in the Organization of the public service; and*
- d. the grant awards.*

**Pasal 42**

*(1) Including this sort of society in public service as referred to in article 41 are delivered in the form of feedback, responses, reports, and/or complaint to the organizer and the organizer of the direct supervisor as well as related parties in accordance with the provisions of legislation or through the mass media.*

*(2) The Organizer is obliged to provide information to the public regarding the follow-up to the resolution of the input, responses, reports, and/or a complaint as referred to in paragraph (1).*

**Pasal 43**

*Including this sort of society in the monitoring and evaluation of the Organization of the public service, as stipulated in article 41 the letter c is manifested in the form of:*

- a. Supervision and evaluation of the implementation of the standard service;*
- b. supervision of the application of the policy against; and*
- c. surveillance against the imposition of sanctions.*

**Pasal 44**

*Including this sort of society in the awarding of the prize as stipulated in article 41 d realized in the form of monitoring, evaluation, and assessment of performance Organizers.*

**Pasal 45**

*Including this sort of society in public service as referred to in article 41 refers to the principle as follows:*

- a. directly related to the user community services;*
- b. has competence according to the type of service in question, and;*
- c. set out the deliberations, consensus, and the diversity of the community.*

**Pasal 46**

*Including this sort of society in public service as referred to in article 41 can be done individually, a representative user group services, representatives of the Group of observers as well as representatives of the legal entities that have concern for public service.*

**Pasal 47**

*Community based organizations can be credited to the organizers or Implementers that have good service performance fit the capabilities or competencies.*

The existence of the above government regulations, it is mandatory that the Government include snacks that assert the community in the public service. It can be seen from article 39 of law No. 25 of the year 2009 which States that the procedures for including this sort of society in public services will be set forth in a government regulation. And Government Regulation No. 96 the year 2012 is a continuation that proves that the community be included in mandatory public service.

## **DISCUSSION AND ANALYSIS**

On the supervisory system of the Ombudsman, participation is a crucial precondition and become mainstream. To achieve the goal (embodying good governance) Ombudsman in Indonesia is in charge, among others, seeking participation of society by creating conditions conducive to the realization of simple, clean bureaucracy, good public services, the Organization of an efficient and professional judiciary including the judicial process which is independent and fair so that it can be guaranteed there will be no partiality. The supervision of the Ombudsman is a representation of the supervision carried out by the community or civil society groups. The workings of the Ombudsman is also similar to the workings of the civil society, free of charge, and many other conveniences. In addition to the very determined by the political will of the State organizers and political support in Parliament, the effectiveness of the Ombudsman's work is also largely determined by how far the community has an understanding of the Ombudsman. Awareness of the need for voicing practices and irregularities of courage society reported irregularities committed by the organizer of the State that provide public servants.

Participation and the role of society in the oversight of the public service is required in the form of, among others, find, obtain, and provide data or information concerning the public service, and the right to convey advice and opinions are responsible of public services that are less satisfactory. The intention of the community roles and participation in order to realize the rights and responsibilities of the community in the public service. In addition, it is expected that more roles and also excites the community to exercise social control against the Ministry of public.

Public complaints can serve as indicators in the assessment of the quality of public services. The more complaints the better it will be, because it shows the existence of public participation in the public service. The participation of the community in the form of public complaints to the development of public services is essential for the implementation of government programs, ranging from planning, implementation, and evaluation and award.

In this regard, the Organization of the public participation by the Ombudsman Representative of Bengkulu province of Indonesia will be directed to build the quality of incoming complaints every complaint to Ombudsman RI Representative of Bengkulu province does not end with closed or rejected because it did not meet the requirements set out in the legislation. This is in line with the goals of public participation itself, i.e. so that the development program had the support of the community and the public can meet his needs on its own, thereby reducing the burden of the Government.

The workings of the Ombudsman include how and in what ways the Ombudsman receives report of community, the process of research administration, the process of preparing resumes, preparing the request for clarification until discharge recommendation the Ombudsman. Based on public complaints that the Ombudsman received the Republic of Indonesia (ORI) until the eve of the september 2018 reach 9,873 public complaints, the Ombudsman of the Republic of Indonesia, especially in the Representation of Bengkulu province there are 769 complaints reports community which is dominated by Government-related complaints. Although it has shown an increase from this year, but it was not yet able

to represent society's satisfaction over the level of public services. But keep in mind that the fact that the community is still reluctant to conduct the complaint dissatisfaction against the public services they have received. Whereas public complaints is very important and is needed by the Government in improving the quality of public services in order to better.

Based on the public participation activities have been held, then members of the community who are involved in community participation activities organized by the Ombudsman RI the Representatives province of Bengkulu are expected to Act as follows:

In the complaint the public service:

1. Open knowledge society about Ombudsman RI Representative of Bengkulu province;
2. Provides information about the public service and the indication of maladministration;
3. Refer to the Ombudsman of RI Representatives of Bengkulu province by providing information in regard to any members of the public who wish to convey complaints;
4. Convey information to convey the complaint to the Ombudsman Representative of Bengkulu province of Indonesia.

In the completion report:

1. Open community-based complaint unit or become a reference for other community members who submit a report or complaint;
2. Do mentoring to the rapporteur the rapporteur in terms of conveying complaints to organizers of public service;
3. Do mentoring to reporters who convey the complaint to the Ombudsman RI Representative of Bengkulu province after a variety of other efforts have not provided justice for reporters.

To optimize the participation of society in the oversight of the public service as a whole, the Ombudsman RI Representative of Bengkulu province could reach out to the rest of the County and town in the province of Bengkulu to society, be it civil apparatus State or Government institutions. In order to make the community more about what it is and find out how the Ombudsman procedure report on the maladministrasi and the public know where they will be pitted kalo find such things in order for the public service in the province of Bengkulu better future.

## **CONCLUSION**

The number or the increasing number of reports submitted to the Ombudsman community certainly is not separated from society's attitude that is increasingly critical in addressing problems in the Organization of the public service. The critical attitude is then poured in the form of a report to the Ombudsman. A large number of public complaints or reports also describe how the community was keen to have the presence of an agency that can accommodate various complaints that plagued the community. For that, of course, the presence of State institutions such as the Ombudsman very eagerly awaited by the community. The number of complaints submitted course organizers will know what are the deficiencies and shortcomings in the Organization of the public service. When weaknesses and shortcomings that could've been resolved in the end public service provided will be more qualified.

To realize the right of communities to participate in the supervision of the Organization of the public service, the Ombudsman RI Representative of Bengkulu province need to devise guidelines as a reference in organizing community participation, in order to build and

developing community participation which lead to improvements to public services by the organizers of the State and Government.

### REFERENCE

- Fitri, Ahmad. 2017. *Melayani Partisipasi Publik (Catatan 17 Tahun Ombudsman. Republik Indonesia)* Diakses Pada 26 September 2018, Tersedia Pada: <http://www.ombudsman.go.id/artikel/r/artikel--melayani-partisipasi-publik-catatan-17-tahun-ombudsman-republik-indonesia>
- Haryatmoko 2011. *Etika Publik untuk Integritas Pejabat Publik dan Politisi*, PT Gramedia Pustaka, Jakarta.
- Keputusan Ketua Ombudsman Republik Indonesia No 45 Tahun 2017 Tentang Pedoman Penyelenggaraan Partisipasi Masyarakat Di Lingkungan Ombudsman Republik Indonesia.
- Undang-Undang Nomor 37 Tahun 2008 Tentang Ombudsman Republik Indonesia.
- Undang-Undang Nomor 25 Tahun 2009 Tentang Pelayanan Publik.



## PENGHASILAN NILAI SOSIAL DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI DI NGO-BMI MALAYSIA

Marwan bin Ismail  
Universiti Malaysia Kelantan  
marwan@umk.edu.my

Kevin Fernandez  
Universiti Malaysia Kelantan  
kevin@umk.edu.my

### ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai nilai sosial yang terhasil dari program pembangunan komuniti yang dijalankan oleh NGO-BMI. Fokus kajian ini lebih tertumpu kepada jenis penghasilan nilai sosial yang diperolehi dalam sesuatu program yang di jalankan oleh NGO kepada golongan memerlukan di Malaysia. Memandangkan kekurangan kajian mengenai jenis dan kaedah pengukuran nilai sosial di kalangan NGO-BMI di Malaysia. Ia telah membuka ruang kajian untuk diteroka dengan lebih lanjut mengenai isu tersebut. Metodologi kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dengan menemubual 20 informan yang terdiri dari kepimpinan utama dan pertengahan di 13 NGO-BMI Malaysia. Hasil kajian ini telah mengkategorikan beberapa jenis nilai sosial yang terdapat dalam program pembangunan komuniti yang dijalankan oleh NGO-BMI. Hasil kajian ini mendapati belum terdapat kaedah penilaian berasaskan model pengukuran SROI dalam program pembangunan komuniti yang dijalankan oleh NGO-BMI. Oleh yang demikian pengkaji mencadangkan agar terdapat kajian pada masa hadapan bagi membangunkan model SROI untuk diaplikasikan oleh NGO berorientasikan kebajikan di Malaysia.

**Kata Kunci:** Penghasilan nilai sosial; NGO-BMI; Pembangunan komuniti; *Social Return on Investment* (SROI).

### Pengenalan

Penghasilan nilai sosial merupakan suatu elemen penting dalam sesuatu inisiatif program pembangunan komuniti yang berorientasikan keusahawanan sosial. Oleh itu, nilai sosial merupakan hasil usaha yang telah dilaksanakan oleh sesuatu institusi sosial seperti organisasi bukan kerajaan (NGO). Perkara ini dapat difahami secara jelas melalui matlamat yang biasanya dinyatakan secara jelas dalam visi dan misi sesebuah NGO. Dimana pencapaian kepada misi dan misi tersebut dilaksanakan melalui program pembangunan komuniti untuk golongan sasaran tertentu. Oleh yang demikian, program pembangunan komuniti yang dilaksanakan akan memberikan keadilan sosial dan penambahbaikan kepada kualiti kehidupan masyarakat berteraskan prinsip hak-hak asasi manusia. Justeru itu, kertas ini akan memberikan fokus kepada jenis penghasilan nilai sosial dalam program pembangunan komuniti yang telah dilaksanakan di NGO-BMI dan apakah terdapat model penilaian nilai sosial berteraskan kepada *Social Return on Investment* (SROI) di NGO-BMI Malaysia.

### Sorotan Literatur

Oleh itu, pengkaji akan membawa beberapa sorotan literatur yang telah dibincangkan oleh para sarjana mengenai pembangunan komuniti, nilai sosial dan SROI dalam kertas kerja ini.

### **Pembangunan Komuniti**

Pengertian pembangunan komuniti menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), ia melibatkan suatu proses yang menggabungkan pelbagai usaha dalam sesuatu komuniti, usaha badan kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk memperbaiki taraf ekonomi, sosial dan kebudayaan yang akan membawa kesan yang positif kepada pembangunan negara secara menyeluruh (Haris dan Abd. Hadi, 2012).

Bagi Mohammad Shattar (2003) pembangunan komuniti dapat diertikan sebagai usaha bersungguh-sungguh daripada semua pihak terutamanya masyarakat yang terlibat untuk memperbaiki taraf kehidupan dan kualiti kehidupan mereka. Justeru itu, ia turut melibatkan unsur kerjasama, dan juga penggunaan sumber yang sedia bagi tujuan tersebut. Oleh itu, kedua-dua unsur tersebut merupakan antara perkara penting yang perlu dipertimbangkan bagi memastikan kejayaan kepada sesuatu usaha untuk memperbaiki kualiti dan mutu kehidupan masyarakat.

Walau bagaimanapun, Intyre (1999) telah mengenalpasti lima (5) elemen utama untuk mentakrifkan konsep pembangunan komuniti. Ianya kadangkala berkaitan dengan suatu proses, kaedah, program, pergerakan atau paradigma baru dalam melaksanakan tindakan sosial ke arah perubahan kualiti kehidupan yang lebih baik kepada suatu kelompok masyarakat (Intyre, 1999).

Abdul Rahman Aziz (2004 b) telah merumuskan pengertian pembangunan komuniti ini kepada lima (5) unsur utama. Pertama, sesebuah masyarakat boleh dianggap sebagai maju, jika majoriti ahli masyarakatnya mempunyai keperluan yang mencukupi untuk mereka melalui kehidupan seharian. Kedua, kemakmuran yang diperolehi adalah untuk membawa kesejahteraan kepada kehidupan, bukannya bertujuan kemaksiatan. Ketiga, ianya, berupaya untuk memberi jaminan kepada kesenangan, keselamatan serta perlindungan untuk seluruh anggota masyarakat. Keempat, kewujudan semangat dan usaha untuk menyuburkan nilai-nilai kekeluargaan dalam kehidupan manusia. Kelima, kewujudan unsur keadilan di kalangan anggota yang hidup dalam sesuatu masyarakat.

Sehubungan itu juga, suatu inisiatif yang melibatkan program pembangunan komuniti adalah untuk memenuhi tuntutan yang berkaitan dengan keperluan hak asasi setiap manusia keperluan kepada sumber air minuman yang bersih, makanan, tempat perlindungan, pakaian, kebersihan, kesihatan, pendidikan, pendapatan, peluang pekerjaan, alam persekitaran, hak pembuatan keputusan, hak wanita dan hak golongan minoriti (Abdul Rahman Aziz, 2003 a).

Apa yang dapat pengkaji rumuskan mengenai definisi pembangunan komuniti ialah suatu usaha yang dilaksanakan secara berorganisasi sama ada oleh pihak kerajaan atau pihak swasta, atau NGO atau komuniti untuk memenuhi pelbagai keperluan yang berkaitan dengan hak asasi manusia sama ada yang berbentuk material ataupun bukan kebendaan dalam sebuah masyarakat.

### **Penghasilan Nilai Sosial**

Manakala penghasilan nilai sosial pula ia sebagai suatu usaha untuk membawa penambahbaikan kepada keperluan asas manusia. Umpamanya, penambahbaikan untuk memperolehi peluang pendidikan yang lebih terbuka, rawatan kesihatan, bekalan air bersih dan keadilan sosial (Hulgard, 2010). Sementara itu, Ormiston dan Seymour (2011) menyatakan penghasilan nilai sosial, adalah berkaitan dengan pembasmian kemiskinan, penyediaan kemudahan pendidikan, penjagaan kesihatan dan membuka peluang pekerjaan yang lebih terbuka kepada golongan kurang upaya dan tema sosial lain yang berkaitan (Ormiston & Seymour, 2011).

Senada dengan itu juga, Certo dan Miller (2008) menjelaskan, nilai sosial merupakan hasil usaha untuk memenuhi keperluan asas dalam masa panjang yang kepada masyarakat yang memerlukan. Umpamanya, penyediaan keperluan barangan makanan, kediaman,

pendidikan dan perkhidmatan kesihatan. Selanjutnya, bagi Mc. Lean (2006), Sullivan Mort, Weerawardena dan Carnegie (2003), maksud nilai sosial, adalah berkaitan dengan penghasilan kekayaan menerusi pembangunan ekonomi dan pendidikan. Manakala, nilai sosial bagi Thake dan Zadek (1997) pula, adalah mengenai keadilan sosial seperti ketaksamaan jantina. Drayton (2002), nilai sosial adalah sesuatu usaha yang diperolehi untuk memberi jalan penyelesaian terhadap masalah kemiskinan yang berlaku dalam masyarakat (dalam Christlieb, 2012 ).

Phills, Deigmier & Miller (2008) pula, mentakrifkan nilai sosial sebagai suatu usaha untuk menghasilkan faedah kepada masyarakat atau inisiatif untuk mengurangkan kos yang dihadapi oleh masyarakat. Manfaat ini bukan sahaja akan diperolehi untuk golongan yang kurang bernasib baik tetapi ia juga untuk masyarakat keseluruhannya. Terlebih dahulu, ia melibatkan tindakan usahawan sosial untuk mengenalpasti keperluan atau permasalahan sosial yang dihadapi oleh masyarakat (Phills, et. al., 2008).

Namun, terdapat tiga (3) aktiviti penting yang saling berkaitan dengan penghasilan nilai sosial. Antaranya; a) Hubungan inovasi dan persekitaran luar, b) sumber dalaman dan pelbagai kebolehan c) peranan rangkaian kerja (Ormiston & Seymour, 2011). Walaubagaimanapun bagi Auerswald (2009), penghasilan nilai sosial tidak dapat dipisahkan dari ruanglingkup aktiviti keusahawanan berasaskan pasaran, kerana ia memungkinkan berlakunya pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sosial. Oleh itu, nilai sosial yang diperolehi dari aktiviti tersebut merupakan sumber yang boleh digunakan untuk menghadapi cabaran dan mengenalpasti permasalahan yang berlaku dalam persekitaran masyarakat, khususnya melibatkan kelemahan pasaran untuk menyediakan sesuatu barangan. Umpamanya, pemberian subsidi dan pelaburan semula lebih nilai yang diperolehi dari aktiviti keusahawanan melalui pembentukan usaha baru akan memberi manfaat kepada masyarakat keseluruhannya (Auerswald, 2009).

Manakala, bagi Christian Lautermann (2013) pula, penghasilan nilai sosial merupakan sesuatu yang melangkaui kepentingan peribadi atau tujuan pemerolehan keuntungan yang berorientasi pasaran dalam sesuatu aktiviti perniagaan. Oleh itu nilai sosial bermaksud suatu usaha untuk menghasilkan faedah atau mengurangkan kos yang dihadapi oleh masyarakat. Ianya, melalui usaha mengenalpasti keperluan sosial dan masalah yang berlaku. Justeru, nilai sosial merupakan sesuatu inisiatif untuk membawa perubahan dan penambahbaikan kepada keperluan masyarakat, agar kualiti kehidupan mereka menjadi lebih baik. Perubahan sebenar bermakna, ianya dapat menyelesaikan permasalahan yang berlaku atau usaha untuk memaksima nilai sosial yang diperolehi untuk melahirkan masyarakat yang lebih baik (Lautermann, 2013 ).

Sementara itu, Wood dan Leighton (2010), merumuskan nilai sosial merupakan sesuatu nilai yang diperolehi hasil dari sesuatu program atau penglibatan organisasi yang memberi kesan kepada kesejahteraan hidup individu atau komuniti, atau modal sosial dan alam sekitar. Semuanya ini dirujuk sebagai hasil “lembut” kerana ianya bukan sesuatu yang mudah untuk di ukur secara khusus tentang keberkesanan sesuatu program yang telah dilaksanakan. Namun, nilai sosial tersebut masih boleh difahami jika mempunyai satu dasar yang di rangka oleh pakar tentang bagaimana hasil “lembut” ini boleh di ukur (Wood & Leighton, 2008)

Bagi Ormiston dan Seymour (2011), pengukuran mengenai nilai sosial yang diperolehi boleh di kenalpasti melalui pendekatan penjajaran misi, objektif dan strategi program yang telah di laksanakan oleh sesuatu organisasi yang terlibat. Sehubungan itu, bagi Costa, Ramus dan Andreaus (2011), Pencapaian jangka panjang sesebuah organisasi bukan berorientasikan keuntungan hendaklah berasaskan kepada kemampuannya untuk menghasilkan nilai sosial semaksimum mungkin sepertimana yang telah tercatat dalam misinya. Oleh itu, adalah menjadi keutamaan kepada sesebuah organisasi untuk membuat

pengukuran tentang pencapaian nilai sosial. Ini dapat dilaksanakan melalui pembentukan sistem pengurusan yang mempunyai tanggungjawab kepada pemegang taruh, pihak berkepentingan dan kumpulan sasaran bagi memenuhi objektif penubuhannya (Costa, et al., 2011).

Walau bagaimanapun bagi Christlieb (2012) untuk mengukur kaedah penilaian sosial bukanlah boleh dilihat dari aspek keuntungan kewangan, atau pemegang taruh mahupun pun usahawan sosial semata-mata, tetapi hendaklah juga dilihat dari perspektif mereka yang menerima manfaat dari sesuatu misi sosial. Pengukurannya hendaklah berasaskan kepada jumlah peluang yang boleh ditawarkan dan apakah perkara yang sangat bernilai bagi seseorang. Ia merangkumi peluang seseorang untuk menikmati kehidupan secara bebas dan memperolehi lebih banyak pilihan untuk menikmati kehidupan yang lebih berkualiti. Oleh itu, pembangunan model pengukuran nilai sosial merupakan sesuatu yang mempunyai ketepatan, kebolehpercayaan dan kesahan. Ianya boleh dilaksanakan dalam pelbagai bidang yang mempunyai kaitan dengan program keusahawanan sosial (Christlieb, 2012).

Hasil dari perbincangan mengenai nilai sosial oleh Ormiston dan Seymour (2011), Certo dan Miller (2008), Mc. Lean (2006), Mort, Weerawardena dan Carnegie (2003), Thake dan Zadek (1997) Drayton (2002), Lautermann, (2013). Umumnyabagi pengkaji, dapatlah dirumuskan konsep nilai sosial ini sebagai suatu inisiatif yang bertujuan untuk memperolehi kualiti kehidupan yang lebih baik dan mewujudkan sebuah masyarakat yang sejahtera. Tujuannya adalah melangkaui kepentingan peribadi dan matlamat yang berorientasikan perniagaan. Oleh itu, nilai sosial dapatlah dijelaskan sebagai, setiap usaha yang dapat menghasilkan kepada pengwujudan atau penambahbaikan kepada setiap perkara yang menjadi hak asasi setiap individu manusia untuk mempunyai kualiti kehidupan yang sejahtera dan melahirkan masyarakat yang lebih baik. Seterusnya pengkaji akan meneliti program yang dilaksanakan oleh NGO Berkebajikan Melayu Islam dari aspek penghasilan nilai sosial bagi tujuan penambahbaikan terhadap kualiti kehidupan dan mewujudkan keadaan persekitaran masyarakat yang lebih baik di Malaysia. Umpamanya, aspek kesihatan, peluang pekerjaan, latihan dan pendidikan kepada golongan yang memerlukan seperti ibu tunggal, orang kurang upaya, anak yatim, warga tua, penagih dadah dan komuniti miskin.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk kualitatif di mana data utama diperolehi melalui sesi temubual secara bersemuka dengan 20 informan yang terdiri dalam kalangan kepimpinan utama dan pertengahan di 13 Organisasi Bukan Kerajaan berkebajikan Melayu Islam (NGO-BMI) di Malaysia. Sehubungan itu, bagi tujuan pengutipan data di lapangan, analisis dan mengeintrepretsi data bagi menjawab objektif kajian mengenai jenis dan kaedah pengukuran SROI di NGO-BMI Malaysia ini berasaskan kepada tema yang berkaitan dengan nilai sosial dan keeadah pengukuran SROI.

## **HASIL KAJIAN**

Bagi pengkaji, dapatan menunjukkan majoriti NGO-BMI yang melaksanakan program pembangunan komuniti adalah bertujuan untuk membantu menyelesaikan isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat. Oleh itu, inisiatif yang telah digembelengkan ini telah membawa penambahbaikan kepada kualiti kehidupan yang lebih baik kepada masyarakat. Khususnya, kepada kelompok sasaran yang memerlukan bantuan. Ianya, terdiri dari pelbagai kelompok yang terdapat dalam masyarakat. Ianya melibatkan komuniti miskin dan berpendapatan rendah, ibu tunggal, orang asli, remaja hanyut, muallaf, gelandangan, penagih dadah, orang asli, anak yatim dan sebagainya.

Oleh itu, matlamat kepada program pembangunan komuniti yang dijalankan oleh NGO-BMI ini adalah untuk memberi nilai sosial kepada masyarakat tersebut. Sehubungan itu, inisiatif yang dilaksanakan ini adalah berkaitan dengan penyediaan atau penambahbaikan kepada keperluan hak asasi manusia dalam pelbagai aspek sama ada dari aspek mewujudkan peluang ekonomi, pendidikan, kesihatan, perumahan, pemulihan dadah, makanan, pakaian, agama, akhlak dan sebagainya. Dapatan ini akan dinyatakan dengan lebih lanjut sepertimana berikut;

Informan 20, menyatakan harapan dari program pembangunan komuniti yang dilaksanakan oleh organisasi beliau akan dapat membawa perubahan mutu kehidupan yang lebih baik kepada komuniti yang di bantu pada masa akan datang. Terutamanya, untuk menjadikan mereka dapat menjalani kehidupan berdikari tanpa perlu mengharapkan bantuan dari pihak kerajaan atau mengharapkan simpati dari pihak lain untuk memenuhi keperluan kehidupan seharian mereka.

*saya nok di establish kan pada masa hadapan mereka,...misalnya kita bantu orang asli....dia boleh hidup diluar sana...mereka tak perlu,,bergantung kepada kerajaan lagi.....dengan ilmu mereka boleh berdiri di atas kaki sendiri... macam...anak-anak yatim dia tak jadi malu..dihinggap kemurungan dia jadi orang yang boleh berdikari sendiri..begitu juga ibu tunggal...mereka tak perlu menunggu simpati dari orang lain....jadi berlaku perubahan....kita nok lihat mereka lebih sustain...(Inf 20)*

Sehubungan itu nilai sosial juga adalah berkaitan dengan program bantuan yang disediakan untuk memenuhi keperluan asas yang lebih baik kepada golongan memerlukan berbanding dengan keadaan mereka sebelumnya. Contohnya pembelaan terhadap masalah nasib anak yatim dengan menyediakan kemudahan asas yang lengkap dan berkualiti kepada mereka. Justeru, kemudahan yang disediakan di sini merangkumi segala keperluan mereka sama ada keperluan peribadi, makan, minum, pakaian dan pendidikan. Ini untuk memastikan mereka memperolehi kemudahan dan keperluan yang sempurna sepertimana yang dinikmati oleh anak-anak yang mempunyai ibu dan bapa. Selain kemudahan tersebut, anak-anak yatim ini diberi peluang untuk memperolehi latihan kemahiran seperti disediakan kursus jahitan dan masakan bagi membolehkan mereka dapat menjalani kehidupan yang berdikari selepas mereka meninggalkan kehidupan di asrama. Sepertimana yang telah dinyatakan oleh informan 5.

*cuma di YAATIM kita lebih membantu pada student tu,.. dari A sampai Z,.. lah untuk dia belajar dan segala keperluan pelajar,.. kita cuba membantu lah,.. aaa ada perubahan ...sebagai contoh hok doh mari sini ni,.... dari hok tok pandai baca,.. dah boleh membaca lah,.. walaupun tok capai tahap cemerlang, tuh...kalau hok duduk di rumah serba kekurangan tu ... jadi mari di sini kita bagilah apa yang hok perlu tu...student tu boleh menjalani kehidupan seperti orang lain lah dari segi makan tu,,pakai ,sekolah tu,... kemahiran untuk peningkatan kendirilah untuk diri dia sendirilah,..kalau sekiranya aa dia tak leh gi dari segi akademik aaa sekurang-kurangnya dia boleh berdikari dari segi kemahiran diri dia,...selalunya,.. kita aaa,..lebih kepada macam masakan,.. jahitan kita buat jugalah,.. secara berkala gitu,.. ,...(Inf 5)*

Sehubungan itu juga terdapat organisasi yang turut menyediakan latihan-latihan pekerjaan kepada orang kurang upaya (OKU), agar mereka dapat memperolehi peluang-peluang pekerjaan untuk menyara kehidupan mereka. Justeru program latihan yang sedemikian dapat menyediakan asas untuk mereka menjalani kehidupan yang berdikari tanpa perlu bergantung kepada bantuan orang lain sepanjang hidup mereka. Ini antara nilai-nilai sosial yang telah di perolehi dari program pembangunan komuniti yang dilaksanakan di organisasi tersebut.

*saya tumpukan kepada OKU...pasal kesukaran mereka ni untuk mendapat pekerjaan,...so kita kena bantu mereka ini...apabila mereka mampu menyeberangi sungai yang dalam kita dah tak perlu bantu lagi,..(Inf 16)*

Nilai sosial ini bukan hanya semata-mata penambahbaikan atau perubahan kepada kualiti hidup yang di perolehi dalam konteks material tetapi perubahan juga di lihat dalam konteks yang bukan material, umpamanya perubahan dari aspek ilmu pengetahuan kepada golongan yang dibantu. Kesan dari program latihan dan didikan yang diberikan oleh organisasi ini juga akan memberi kesan positif secara tidak langsung kepada mutu kehidupan sesebuah keluarga dan masyarakat.

*Saya lihat untung sosial ni,...magnanya,.. kalau dia, selain daripada yang nampaklah,.. makna dia boleh aaa...memberikan kehidupan yang lebih baik,..kepada diri dia,..mungkin dari sudut ilmunya, mungkin,..tak untung,.. dari sudut berniaga,.. tak untung sangat,.. tapi dari segi ilmu dia bertambah...bila ilmu dia bertambah tu,.. saya lihat juga dari unsur keberkatan disitukan,..magnanya limpahan juga kepada anak-anak dia tu kan...(Inf 7)*

Sehubungan itu, pengkaji mendapati objektif kepada program pembangunan komuniti yang dijalankan ini telah memberikan pentakrifan baru kepada nilai sosial. Ianya bukan semata-mata berasaskan kepada perihal yang berkaitan dengan penambahbaikan mutu kehidupan yang berbentuk fizikal, tetapi ianya juga berkaitan dengan penambahbaikan kepada unsur spiritual dan penghayatan agama serta tingkahlaku seperti ibadat, akhlak dan moral kepada kelompok yang menerima bantuan dari program pembangunan komuniti yang telah dijalankan untuk mereka.

*...kalau kebanyakan badan-badan kebajikan, dia tengok kalau orang susah, dia lebih senang sikit, daripada biasa,..ataupun hidup dia melarat, kepada kurang melarat, kalau gaji sekian gaji dia bertambah,..tapi saya kiralah, benda-benda ekonomi, ataupun benda-benda,.. hidup ni, orang Malaysia ni dia boleh cari, susah-susah dia pun,.. sebagaimana doktor lain nak merawat pesakit fizikal ni,..tak susah sangat,..rawat-rawat dia baik, tapi yang susahnya lepas dia baik tu, dia sembahyang tak,..jadi value tu kami punya, aaa,..target (Inf 9)*

Dapatan ini juga menunjukkan nilai sosial juga adalah berkaitan dengan keperluan manusia untuk memperolehi ajaran agama yang benar. Justeru bagi pengkaji hak untuk mengamal dan memperolehi ajaran Islam yang benar merupakan nilai sosial yang diperlukan oleh setiap manusia. Perkara ini merupakan sebahagian dari hak asasi yang perlu dipenuhi untuk kesejahteraan kehidupan manusia. Oleh itu, majoriti Organisasi Bukan Kerajaan berkebakikan yang berorientasikan Islam menjadikan objektif utama kepada program pembangunan komuniti adalah untuk menyampaikan mesej dakwah Islam sama ada kepada masyarakat bukan muslim mahupun masyarakat muslim. Dapatan ini berdasar dari kenyataan dari informan 1, 2, 6,7,8 dan 9.

*ABIM....ni amanahkan ...jadi, apabila, menyampaikan Islam kepada non muslim dan hanyut, remaja hanyut,.. tu hok kohor jauh tu, kita tarik balik,..bukan semata nak bina akidah dia, tapi kena bina sosial dia,.... Tarbiah,..pendidikan dia, sosial, ekonomi dan sebagainya,..(Inf 2)*

*....buat kerja Islam yang cukup penting kepada negara kita ,... misalnya di Kelantan ni, saya buat rumah anak yatim,..dulu ni, hampir 20 tahun,.. mana ada orang buat rumah anak yatim ni,.. majlis agama ni pun baru buat yer.... Jadi, lepas tu dia tengok,..kita buat rumah nak yatim tu,.. kita uruskan anak yatim tu dengan baik, anak-anak yang bagus, tempat pun bersih...(Inf1)*

*Social values kita kena tengok...kok agama la,.. bukan social values tu,.. you tengok kok ore putih,... dia kata universal values,..tapi masuk di Malaysia, saya*

*tukar, saya tolak hok tu, ...agama Islam, nilai Islam...pasal kita ore Islam, ore melayu, Program Pembangunan Komuniti (Inf 6)*

*kira dakwah lah ni,.. dakwah bihal.... Yang kita buat ni,..kita consider sebagai dakwahlah,.. dalam objektif tu ada,..untuk melaksanakan tujuan dakwah, CSR,..tu ada sebutlah,..makna tidak secara,..directlah,.. tapi ada tulis kat situ lah,..(merujuk kepada laporan tahunan Wakaf Annur).. satu-satulah,..dia ada banyak objektif dia kat situ, kan,.. (Inf 7)*

*tapi pada golongan hok, tertentu (gelandangan) niche punya ni, dok,... tak ada ore approach,..(P) ore gelandangan,..berkenaan dengan ibadat gapo ni,.. buat aktiviti sembahyang gapo ni?... (buat, buat,...ajar dia .. tapi puak ni,..kita ajar,..kita ceramah,.. ore ni kita mula dengan Alif Ba Ta,....memang depa ni zero,....dia nok tu mari cermah tu kerana lepas tu ada makan,..tapi tak apa,..memang lagu tu,.. (Inf 8)*

*...kalau kebanyakan badan-badan kebajikan, dia tengok kalau orang susah, dia lebih senang sikit, daripada biasa,..ataupun hidup dia melarat, kepada kurang melarat, kalau gaji sekian gaji dia bertambah,..tapi saya kiralah, benda-benda ekonomi, ataupun benda-benda,.. hidup ni, orang Malaysia ni dia boleh cari, susah-susah dia pun,.. sebagaimana doktor lain nak merawat pesakit fizikal ni,..tak susah sangat,..rawat-rawat dia baik, tapi yang susahnyanya lepas dia baik tu, dia sembahyang tak,..jadi value tu kami punya, aaa,..target ... (P) Boleh tak saya katakan definisi kepada social values yang dibuat oleh ISMA ini, adalah penambahbaikan terhadap akidah dan amalan Islam ? (I) ya, itu,.. itu dia, itu dia,.. itu dia,..(Inf 9)*

Kebanyakan program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh Organisasi Bukan Kerajaan Berkebakjikan ini menampakkan terdapatnya penambahbaikan dari aspek kualiti kehidupan yang dinyatakan dalam konteks kajian ini sebagai nilai sosial. Sehubungan itu dapatan kajian menunjukkan terdapat organisasi yang belum melaksanakan pengukuran impak kepada program pembangunan komuniti yang tekah dijalankan dengan lebih tersusun dan bersistemetik.

*Pengukuran tu,.. hok tu,..kita tak ada, kayu pengukur,..la ni baru nak buat,.. kita baru bina SOP, lepas tu,.. apa ni,..KPI gapo ni ha,....(Inf 3)*

Meskipun begitu, terdapat beberapa NGO-BMI yang telah membuat kajian impak mengenai program yang telah mereka jalankan. Kebiasaannya kajian impak yang telah dijalankan ini lebih menjurus kepada pengukuran bilangan program yang telah dijalankan dan pengukuran impak yang diperolehi dari kepada golongan sasaran. Contohnya perubahan keputusan peperiksaan yang telah diperolehi oleh pelajar atau impak dalam bentuk petunjuk perubahan pendapatan.

*Macam kebanyakannya kita buat sebelum ini adalah impact kita berasaakan kepada aktiviti ekonomi sahaja, tetapi masa kita buat measurement itu kita ada ukur, macam kebolehan dia dan keluarga dia,, pendidikan anak-anak dia macam lebih kepada yang tidak melibatkan ekonomi lah,..(Inf 10)*

Namun bagi pengkaji keperluan untuk mewujudkan mekanisme pengukuran impak yang lebih bersistemeik perlu diwujudkan oleh organisasi ini. Umpunya dengan menggunakan pendekatan pengukuran *Social Return on Investment* (SROI) yang telah dikemukakan oleh Jan Christlieb (2012). Pendekatan pengukuran berasaskan kepada *Social Return on Investment* (SROI) ini merupakan suatu perkara yang baru dan belum lagi di amalkan secara meluas di kalangan organisasi bukan kerajaan berkebakjikan di Malaysia.

*(I) Kita belum buat SROI. Saya ada attend satu meeting dengan korporat mereka ada nyatakan bahawa mereka hanya akan sumbangkan jika ada NGO yang buat ...macamana cakap aa ... kami mengira SROI... saya tanya*

*macamana dia kira.. sebenarnya tiada lagi NGO's yang buat. So benda tu sangat kritikal kepada kita kerana jika kita tak tunjuk benda itu orang tak confidence dengan us (Inf 11)*

Bagi pengkaji, kepentingan impak sosial ini perlu diukur berdasarkan kaedah yang tersusun dan bersisitemik dan melihat kepada beberapa unsur penting yang melibatkan pembentukan instrument pengukuran fizikal dan non fizikal yang lebih menyeluruh kepada sesuatu program pembangunan komuniti yang telah dijalankan untuk komuniti berkaitan. Selain itu, ia boleh dijadikan tanda aras untuk melakukan penambahbaikan terhadap pendekatan program pembangunan komuniti yang sedia ada. Sehubungan itu juga, dapat dijadikan sebagai petunjuk prestasi kepada organisasi, staf, atau sukarelawan yang terlibat. Pengukuran mengenai nilai sosial ini bukan sahaja penting untuk melihat keberkesanan kepada golongan yang dibantu dan organisasi. Malah ia juga dapat dijadikan strategi untuk menarik kerjasama agensi dan individu lain untuk turut bekerjasama dalam program pembangunann komuniti yang telah di jalankan oleh sesebuah organisasi yang berorientasikan kebajikan. Contohnya, laporan yang telah di sediakan itu dapat menarik bakal penyumbang yang berpotensi untuk menyumbangkan apa jua bantuan sama ada dari aspek kewangan atau fasiliti bagi tujuan tersebut.

*kita dorong, korporat-korporat, GLC's, supaya,.. bui keyakinan pada dia,..yakin,.. kena bui goni (kena bagi benda ini).. kor dia,.. result budak,.. kawo lo ni ada 8 A, 5 A, 6 A,.. PMR,..UPSR,..budak kampung,..budak kita ambik sini,.. set kampung,..tak dak budak bandar,.. kita memberanikan diri,..kerana kerja hok kita buat ni,.. kerja,..hok tuhan suruh,..(Inf 4).*

## **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

Hasil kajian menunjukkan program pembangunan komuniti yang dijalankan oleh NGO-BMI ini adalah bermatlamatkan untuk memberi nilai sosial kepada masyarakat yang di bantu sama ada ia melibatkan bantuan kepada permasalahan yang dihadapi oleh ibu tunggal, gelandangan, orang miskin, orang asli, warga emas, orang kurang upaya (OKU), penagih dadah, pesakit buah pinggang, penyediaan bekalan air bersih, permasalahan akhlak, akidah dan sebagainya.

Program bantuan yang diberikan oleh NGO-BMI ini melibatkan program pembangunan komuniti yang berbentuk bantuan fizikal dan non fizikal. Bantuan yang bersifat fizikal ini lazimnya melibatkan bantuan kewangan, peralatan, kemudahan kediaman, makanan, pakaian dan sebagainya. Manakala bantuan yang berbentuk bukan fizikal melibatkan pendidikan, latihan dan motivasi. Oleh itu, penglibatan sukarelawan di NGO-BMI dalam setiap program yang dijalankan adalah untuk menawarkan perkhidmatan bagi menghadapi permasalahan yang berlaku dalam masyarakat. Seterusnya inisiatif ini dapat mempertingkatkan mutu kehidupan yang lebih baik kepada masyarakat yang di bantu. Oleh itu, dapatan kepada inisiatif sosial yang dijalankan oleh NGO-BMI untuk mempertingkatkan nilai sosial ini mempunyai kaitan langsung dengan keperluan hak asasi setiap manusia seperti mana yang telah dibincangkan oleh para sarjana lalu seperti Abdul Rahman Aziz (2003a,b); Muhammad Shattar (2003); Intyre, (1999) dan Haris & Abdul Hadi (2012).

Sehubungan itu nilai sosial yang telah berjaya membawa perubahan kepada mutu kehidupan masyarakat miskin, ibu tunggal dan anak yatim agar mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih sempurna berbanding sebelumnya. Selain itu, pengkaji mendapati matlamat kepada nilai sosial yang dijalankan melalui program pembangunan komuniti di kalangan NGO-BMI juga melibatkan persoalan penambahbaikan kepada mutu akhlak dan kehidupan beragama dalam masyarakat. Sehubungan itu, matlamat kepada nilai sosial turut



melibatkan penambahbaikan kepada akhlak, akidah dan tatacara beragama yang disarankan dalam ajaran Islam.

Oleh itu, dapatan kajian ini selari dengan kajian Hulgard (2010) iaitu nilai sosial ini berkaitan dengan suatu inisiatif untuk membawa penambahbaikan kepada keperluan asas manusia, Certo & Miller (2011), hasil usaha untuk memenuhi keperluan asas, Ormiston & Seymour (2011) penghasilan nilai sosial berkaitan dengan pembasmian kemiskinan, penyediaan kemudahan pendidikan, penjagaan kesihatan, mewujudkan peluang pekerjaan, Mort, Weerawardenma & Carnegie (2003) penghasilan kekayaan melalui pembangunan ekonomi dan pendidikan, Degmeir & Miller (2008) inisiatif yang memberi faedah kepada masyarakat, Lauterman (2013) nilai sosial inisiatif untuk membawa perubahan dan penambahbaikan kepada kualiti kehidupan manusia.

Walau bagaimanapun, apa yang membezakan dapatan kajian ini dengan kajian yang telah dilakukan oleh sarjana di atas. Pengkaji mendapati matlamat kepada nilai sosial yang dijalankan melalui program pembangunan komuniti di kalangan NGO-BMI melibatkan persoalan penambahbaikan kepada kualiti akhlak masyarakat dan amalan beragama. Selain itu, kajian ini mendapati majoriti NGO-BMI di Malaysia masih belum dapat melaksanakan satu kaedah pengukuran kepada nilai sosial yang berasaskan kepada perspektif golongan yang menerima bantuan seperti mana yang disarankan oleh Christlieb (2012).

## PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Jabatan Pendaftar Universiti Malaysia Kelantan, dan Unit Cuti Belajar, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, kerana telah memberikan peluang dan pembiayaan kepada saya untuk membuat kajian di peringkat Doktor Falsafah di Universiti Utara Malaysia. Begitu juga tidak ketinggalan kepada keperihatinan dan dorongan dari Profesor Dr. Farok bin Zakaria, mantan Pengarah serta rakan-rakan sekerja di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Aziz.(2003 a). *Falsafah Pembangunan*. Sintok : Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Rahman Aziz & Dani Salleh (pnyt.). (2003b). *Asas Kefahaman Pengurusan Pembangunan*. Sintok : Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Auerswald, Philip.(2009). “Creating Social Value”. *Standford Social Innovation Review*. Pp 51-55.
- Christlieb, Jan .(2012). *Measuring Social Value Creation : A Quantitatvie Study Among Social Entrepreneurs*. Master thesis, Faculty of Business, Technische Universitat Berlin.
- Costa, Ericka., Ramus, Tommaso & Andreaus, Michele.(2011). “Accountabilty as a Managerial Tools in Non-Profit Organizations : Evidence From Italian CSVs”. *Voluntas* (2011), 22 : 470-493.
- Hulgard, Lars. (2010). “Discourse of Sosial Entreprenuship-Variation of Same Theme”. *EMES Eropean Research Network*. WP. No.10/10.
- Intyre, Gertrude Mac. (1999). “Active Partners : Education and Community Development”. *Education + Training*. Vol.41. Number 4. (1999). pp. 175-183.
- Lautermann, Christian. (2013). “The Ambiguities of (social) Values Creation : Towards and Extended Undrstanding of Entrepreneurial Value Creation for Society”. *Social Enterprise Journal*. Vol.9 Issues : 2.

- Muhamamd Shaatar Sabran. (2003). “Model Pembangunan Komuniti”. *Pertanika. Journal Social Sciences & Humanities*. 11(2) : 135-145.
- Ormiston, Jarrod & Seymour, Richard. (2011). “Understanding Value Creation in Social Entrepreneurship : The Important of Alignment Mission, Strategy and Impact Measurement”. *Journal of Social Entrepreneurships*, Vol 2. No. 2, 125-150, October 2011. London : Routledge.
- Phills, A., Deigmier & T. Miller. (2008). “Rediscovering Social Innovation”. *Stanford Social Innovation Review*. Fall 2008. Vol. 6, No 4.
- Wood, Claudia dan Leighton, Daniel. (2010). *Measuring the Gap between Policy and Practice*. London : Demos.

### **Temubual**

- Cik Haziqah Nasirah bt. Zulbahari, Penyelaras Program Pembangunan Komuniti, Yayasan Sejahtera (Temubual Jun 10, 2014).
- Cik Rossimah bt. Mohamed, Ketua Program Yayasan Sejahtera (Temubual, Februari 4, 2014).
- Dato’ Dr. Abdul Razak bin Kechik, Pengerusi Islamic Outreach Abim, IOA (Temubual, November 12, 2013).
- Dato’ Hj. Ismail bin Hj. Hassan merupakan pengerusi Majlis Pusat Kebajikan Se Malaysia (MPKSM) Kelantan (Temubual, Disember 14, 2013).
- Datuk Yunus Fathi, Presiden, Persatuan Pengasih Malaysia (Temubual, Januari 23, 2014).
- En. Mohd Fadhullullah bin Fadil, merupakan pegawai program Islamic Relief Malaysia, IRM (Temubual, April 18, 2014).
- En. Mohd Hafizuddin bin Awang, Penolong Pengurus *Charirty Shop* di Islamic Releif Malaysia, IRM (Temubual, April 18, 2014).
- En. Mohd. Khairi bin Hj. Mohd. Arshad, Pengurus, Akademi Pembangunan Ummah (APU) (Temubual Oktober 9, 2013).
- En. Sulaiman bin Abdul Kadir, Pengurus Program, Persatuan Pengasih Malaysia (Temubual, Januari 23, 2014)
- Hj. Mohamad bin Yaakob, Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Anak Yatim Kelantan (YAATIM) (Temubual, Februari 9, 2014)
- Professor Dr. Zainur Rashid bin Zainuddin, Pengerusi ISMA Luar Negara (Temubual, April 18, 2014).
- Puan Hazirah bt. Yahya, Ketua Pegawai Pelajaran Yayasan Anak Yatim Kelantan (YAATIM) (Temubual, Februari 9, 2014).
- Puan Humairah bt. Norizan, Penolong Pegawai Sumber Manusia, Islamic Releif Malaysia, IRM ( Temubual, April 18, 2014).
- Tuan Haji Hakimee bin Abdullah, Naib Pengerusi/ Bendahari Yayasan Peramah (Temubual, Ogos 31, 2013).
- Tuan Haji Hoesni bin Haji Hussein, Pengarah, Yayasan Kemiskinan Kelantan (Oktober 28, 2013).
- Tuan Haji Kamaruddin bin Md. Amin, Bendahari Islamic Outreach ABIM, IOA Kelantan (Temubual, November 12, 2013).
- Tuan Haji Mohamad Ali bin Hj. Mohd Alias, Pengerusi, Majlis Pusat Kebajikan se Malaysia (MPKSM) Selangor (Temubual Disember 21, 2013).
- Tuan Haji Tuan Haji Tuan Qamaruddin bin Tuan Mohammed , Timbalan Pengerusi Islamic Outreach ABIM, Kelantan (Temubual, November 12, 2013)
- Tuan Hj. Nazaruddin bin Ali, Timbalan Pengurus , Waqaf An-Nur Corporation (Temubual , Disember 19, 2013).

Y.Bhg. Datuk Hajjah Mastika Junaidah Bt. Hussin, Yang di Pertua Majlis Pusat Kebajikan Se Malaysia (MPKSM) (Temubual Disember 21, 2013).

**Latarbelakang Pengarang**

Marwan bin Ismail, merupakan pensyarah kanan di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, UMK. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah), Diploma Lulusan Ijazah dalam Pengurusan Sumber Manusia, Sarjana Sastera (Sains Politik), UKM dan memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sosiologi Pembangunan, UUM.

Kevin Fernandez merupakan pensyarah kanan di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah. Memperolehi ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Perniagaan, dan Sarjana Sastera serta Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sains Politik. Beliau banyak mengkaji dan menulis dan membentangkan kertas kerja berkaitan dengan “Counter Terroris”

## **SEBUAH ETNOGRAFI: LOCAL GENIUS MENDUKUNG KETAHANAN EKONOMI KOMUNITAS ADAT TERPENCIL (KAT) SUKU MANDRAS DI BENGKULU**

Yunilisiah

Faculty of Social and Political Sciences, Bengkulu University, Indonesia

[yunihelmilian@yahoo.co.id](mailto:yunihelmilian@yahoo.co.id)

[yunilisiah@unib.ac.id](mailto:yunilisiah@unib.ac.id)

### **ABSTRACT**

The purpose of research to describes the phenomena of function Local Genius support the economic on a Isolated Custom Community Tribe of Mandras in Bengkulu. This tribe physically identified , they are living in poverty in the forest the province of Bengkulu. In fact they still develop the life of established social and balanced in order the practice of a social structure, socio-economic and social cultur. The research uses the qualitative method with an approach ethnography. The collection of data is partisipant-obsevation through direct observation and in-depth interviews and documentation Data analyzed by model interactive based on interprestation qualitative in inductive with the approach emik. The research found that people tribes Mandras life develop social life in the forest derived from a bloodlines. A source of production the economics of natural resources in the forest. For them the forest not only have economic value but also having value spiritual, social and moral. On the basis of it, function Local Genius is resources transformed from the customary rules which is singular and having total institutional is also linear support the economic. Meaning all of life people tribes Mandras controlled by one rule originating from Local Genius be used as a ruleof law customary and is formal.

**Keywords:** Ethnography, Local Genius, Rule of Customary Law, Tribel Economic.

### **PENDAHULUAN**

#### **Latar Belakang Masalah**

Di Indonesia dalam Kepres No.111/1999 menyatakan bahwa Komunitas Adat Terpencil menjadi Komunitas 2 (dua) kategorikan yaitu masyarakat terpencil dan masyarakat terasing (tertutup dari orang luar dan *close corporate* dengan status berkelana, menetap sementara dan menetap. Persebaran KAT meluas hampir seluruh propinsi di Indonesia. Mereka mendiami tempat-tempat yang secara geografis relatif sulit dijangkau, seperti di pedalaman, hutan, pegunungan, perbukitan, laut, daerah pantai, rawa-rawa dan kepulauan terpencil. Sebagian dari mereka ada yang menjalani kehidupan secara nomaden, yaitu berpindah-pindah dari satu tempat ke tempat yang lain.

Desa Sungai Lisai di huni oleh suku Mandras dan merupakan bagian dari KomunitasAdat Terpencil yang dikategorikan sebagai masyarakat terasing. Mereka menetap dalam hutan TNKS ( Hutan Nasional Kerinci Sebelat) Provinsi Bengkulu. Suku Mandras, hingga sekarang belum terungkap dalam pengembangan ilmu pengetahuan sosial budaya serta praktik-pratik pengembangan masyarakat.

Orang Suku Mandra secara fisik mereka miskin dan hidup menetap dalam hutan belantara dan tidak terpengaruh oleh kekuatan budaya luar seperti pengaruh globalisasi, modernisasi dan monetisasi/kapitalis., terlibat dengan dunia luar melalui perdagangan yang sudah terjadi sejak zaman penjajah. Namun mereka secara *cultural* tetap hidup dengan sistem budaya eksklusif dari leluhur. Artinya ada sesuatu kekuatan sumberdaya lain di luar kekuatan tersebut, yang dimiliki oleh masyarakat Suku Mandras, salah satu adalah eksistensi *Local Genius*.

*Local Genius* menjadi relevan sebagai sumber kekuatan (*the strength perspective*) yang dapat diperhitungkan dalam mendukung ketahanan ekonomi masyarakat dan sekaligus dapat menjadi titik tolak pengentasan kemiskinan. Pendekatan program pengentasan kemiskinan harus dirubah, yaitu melalui tehnik pemberdayaan kelompok miskin dengan persektif konsep kekuatan (*the strength perspective*) *Local Genius* dirasakan perlu dilakukan karena berkaitan dengan pelaksanaan program pemberdayaan masyarakat (*empaworment*) secagai wacana (*discourse*) dalam pencitraan bagi orang Suku Mandras dalam satuan komunitas masyarakat terasing.

## **RUMUSAN MASALAH**

Permasalahan penelitian ini difokuskan pada pemahaman tentang *Local Genius* dari *Local Genius*, didalamnya merupakan komponen kultural yang memiliki kekuatan ketahanan ekonomi keluarga pada Komunitas Adat Terpencil (KAT).

## **TUJUAN PENELITIAN**

Studi etnografi memberikan sumbangan landasan dan arah pemecahan masalah kehidupan ekonomi masyarakat suku terasing. Penelitian ini juga dapat merupakan bahan kajian metodologis dikalangan akademisi ilmu sosial dan ilmu pengembangan masyarakat dalam konteks ilmu terapan serta memperkaya kajian *Local Genius* secara substantif, serta memberikan wacana tentang karakteristik nilai sosial budaya yang beragam

## **TINJAUAN PUSTAKA**

### **Komunitas Adat Terpencil**

Komunitas adat Terpencil adalah warga masyarakat secara objektif mereka hidup berkelompok, mendiami lokasi-lokasi masih terisolir yang berada di daerah dataran tinggi (daerah pegunungan), daerah dataran rendah (rawa), daerah pedalaman, daerah aliran sungai, daerah perbatasan dan bahkan tinggal di atas perahu atau daerah pinggiran pantai dengan lokasi orbitasi umumnya sulit dijangkau (Depsos RI, 2003:8).

Konsep Komunitas adat Terpencil mengalami perubahan klasifikasi oleh Departemen Sosial Republik Indonesia. Hal ini dilakukan bentuk kepedulian dan komitmen pemerintah dalam mempercepat proses pembangunan nasional yang berada pada daerah-daerah terpencil (sulit terjangkau) dan Masyarakat terasing ( secara sosial budaya dan belum bisa membaur pada masyarakat sekitar dan berdasar nilai leluhur) agar mereka secara bersama-sama dengan masyarakat Indonesia lainnya ikut dalam proses pembangunan (Pemberdayaan Komunitas Adat Terpencil, 2003).

Kriteria Komunitas Adat Terpencil(KAT) tertuang dalam Keppres No. 111/1999 mencakup 7 (tujuh) unsur yaitu (1) komunitas yang relatif kecil, tertutup dan homogen, (2) organisasi sosial atau pranata sosial bertumpu pada hubungan kekerabatan kental dengan norma-norma adat, (3) terpencil secara sosial budaya, geografis dengan masyarakat yang lebih luas, (4) hidup dengan sistem ekonomi yang subsisten, (5) teknologi masih sederhana, (6) ketergantungan dengan alam dan sumberdaya setempat relatif tinggi, (7) terbatasnya pelayanan sosial, ekonomi, dan politik. Selain itu secara antropologis dalam kehidupan masyarakat KAT dapat dikategorikan berdasarkan pola hidup yang masih berkelana (mereka berpindah-pindah, tidak ada kontak dengan dunia luar), menetap sementara (mereka berpindah dan menetap dalam waktu tertentu, sudah ada kontak dengan dunia luar dan mulai mengenal bercocok tanam), dan menetap (mereka menetap ditempat tertentu dan hidup keseharian sudah ada kontak dengan dunia luar, berkelompok dalam jumlah lebih besar,

sudah mengenal teknologi sederhana yang diperoleh dari luar, bercocok tanam dan masih cenderung tetap menolak akses dari luar atau melemah peran tokoh adat).

Komunitas Adat Terpencil (KAT) secara objektif menggambarkan tatanan kehidupan masyarakat yang berhubungan dengan aspek sosial budaya bersifat local, relative kecil, tertutup, tertinggal, homogen, terpencar berpindah-pindah atau menetap. Selain itu penghidupan tergantung pada sumber daya alam dan masih bersifat subsisten serta kurang memperoleh akses pelayanan sosial (Departemen Sosial Republik Indonesia, 2009;7-12). Artinya, permasalahan Komunitas Adat Terpencil (KAT) bersifat multidimensional, namun mereka mampu memelihara ketahanan ekonomi. Kesanggungan mereka memelihara ketahanan ekonomi ditentukan oleh kekuatan *local genius* sebagai sumber energi dalam kehidupan sosial.

### **Local Genius**

Kekuatan *Local Genius* bersumber dari unsur-unsur pengetahuan lokal secara tradisional mampu bertahan dan bahkan memiliki kemampuan untuk memfilter unsur-unsur budaya dari luar untuk mempertahankan *sustainable* masyarakat. Konsep *Local Genius* ini berakar dari sistem pengetahuan dan pengelolaan lokal dan tradisional (Mitchell et al., 2010: 298). *Local Genius* ini merupakan istilah yang mula pertama dikenalkan oleh Quaritch Wales. Para antropolog membahas secara panjang lebar pengertian *Local Genius* yang menekankan pada aspek *cultural identity*, identitas/kepribadian yang ada pada suatu komunitas atau masyarakat bahkan bangsa. Dimensi *cultural identity* ini bukan hanya memberikan identitas kekuatan bagi suatu masyarakat agar mampu mengelola nilai budaya yang dimiliki, tetapi juga dapat memfilter kebudayaan asing, disesuaikan dengan watak dan identitas budaya sendiri sehingga masyarakat tersebut mampu untuk bertahan hidup.

*Local Genius* atau disebut juga kearifan lokal (*local wisdom, indigenous knowledge, traditional knowledge* dan *local knowledge*) dipahami sebagai nilai kebudayaan yang bersumber dari sistem pengetahuan lokal sebagai akal budi untuk tujuan tindakan. *Local Genius* sebagai sumber energi sosial dari sistem pengetahuan kolektif masyarakat yang memiliki unsur-unsur gagasan-gagasan, nilai-nilai, pandangan-pandangan setempat (*local*) yang bersifat kebijakan, kearifan, bernilai baik yang melembaga dan diikuti oleh anggota masyarakatnya untuk tetap hidup bersama secara dinamis dan harmoni (Ridwan, 2007:29).

Substansi *Local Genius* adalah kebenaran yang telah mentradisi yang berupa nilai-nilai, norma, etika, cara-cara perilaku secara tradisional menggambarkan peradaban. Secara substansial *Local Genius* merupakan nilai-nilai kebenaran yang dipedomani masyarakat dalam setiap tujuan tindakan. Gambaran peradaban tidak hanya merupakan suatu produk berorientasi pada nilai-nilai semata, namun diikuti oleh ketentuan sanksi. Implementasi dari sanksi diwujudkan dari ketentuan kebenaran sumber yang berasal dari aturan-aturan Sang Pencipta dan nilai humanis berasal dari tradisi masa lalu (Sartini, 2004:112).

*Local Genius* yang berlaku dalam kehidupan masyarakat sebagai tradisi yang memiliki nilai-nilai dasar yang menjadi ciri dan inti kehidupan budaya masyarakat serta kedudukannya sebagai sentral karena kekuatannya yang mampu bertahan dari pengaruh unsur-unsur dari luar (Poepowardojo, 1989;121-122). Hal ini menunjukkan bahwa *Local Genius* dibangun dan dipertahankan oleh masyarakat sebagai media integrasi agar masyarakat tetap hidup dalam keseimbangan, khususnya keseimbangan memelihara ketahanan ekonomi keluarga.

### **Ketahanan Ekonomi keluarga**

Ketahanan ekonomi keluarga adalah gambaran sisi ekonomi keluarga, ada pembagian kerja dalam kegiatan produksi untuk dapat memenuhi kebutuhan anggota-anggota keluarga berupa pangan dan non pangan (Levy, dalam kutipan Sajogyo, 2007: 21). Kemampuan keluarga untuk berusaha dan bekerja adalah bentuk ketahanan ekonomi keluarga dalam

memenuhan kebutuhan-kebutuhan barang dan jasa (Ihromi 2009; 269-270). Namun diketahanan ekonomi keluarga adalah merupakan suatu strategi adaptasi sosial suatu masyarakat untuk dapat memenuhi syarat minimal dibutuhkan oleh keluarga (Ahimsa P, 2003:10-12).

## METODE PENELITIAN

Jenis penelitian kualitatif ini menggunakan pendekatan etnografi, dengan teknik pengumpulan data *partisipant observation*, melalui pengamatan langsung. Selain itu juga dilakukan dan wawancara mendalam, genealogis, catatan lapangan, wawancara dan dokumentasi. Proses tahapan penelitian yaitu (1) Tahap pertama penelitian memilih masyarakat sebagai objek penelitian. Komunitas Adat Terpencil (KAT) Suku Mandras yang hidup dalam hutan belantara. Peneliti membentuk tim peneliti untuk mengenali, menginventarisir sarana dan pra-saranan di lokasi penelitian, kontak-kontak pendahuluan kepada informan, membangun relasi dengan elit dan warga desa. (2) Tahapan kedua peneliti adalah investigasi bekerja dilapangan (*field work*), melakukan pengecekan ulang (*cross chek*) dengan nara sumber lain. (3) Tahap ketiga menafsirkan dari data-data yang didapatkan (*reading, interperation, and getting straight*). (4) Tahap keempat peneliti melakukan cek ulang terhadap data primer dan menganalisis data-data yang relevan secara teoritis. Kemudian dianalisis secara kualitatif melalui 3(tiga) proses yaitu reduksi, penyajian dan penarikan kesimpulan yang bergerak secara bolak balik diantara tiga proses tersebut dalam satu lingkaran yang bersifat interaktif. Mekanisme analisis ini bersifat komparatif yang bertujuan dapat merumuskan konsep dari *Local Genius* dalam memberi dukungan pada dinamika ketahanan ekonomi keluarga.

## HASIL PENELITIAN DAN PEMBAHASAN

### Historis Local Genius Suku Mandras

Historis tumbuh dan berkembang *Local Genius* orang Suku Mandras, dimulai dari pemahaman mereka tentang asal mulanya kejadian alam.

*“Aa’lap ini yang d’cito ka Tuhan dat manusio na m’liharoo na-o Tuhan. Pa’m’liharoo Aa’lap na-perlo k’jo be’samo antaa manusio s’hinggo dapek b’tahat na idup dat s’lambat ontu dunio, stelo mati. S’tiok manusio atau kelumpuk ketoptoda na-o tugas b’bedo na d’sesuaika kekyo t’aadii da’i Tuhan. Na ka’salamat nang tu bilo-mano manuiso patu dat s’lalu b’tanggungjawab m’laksanakat ato’an Tuhan. Ato’an tuu la dicontokat oleh nine moyang nan dahulu’ dan onto an-na cucunyo. Bi’lo mano kito ing’ka ato’an nan ado, mako kito binaso, hanco’ dan ruh nine moyang hanco-ka toptoda.*

Secara harfiah maksudnya adalah bahwa Alam ini diciptakan oleh Tuhan Yang Maha Esa dan manusia ditugaskan memelihara ciptaan-Nya. Pemeliharaan ciptaan Tuhan, salah satunya memerlukan kerjasama antar manusia sehingga dapat mempertahankan dan keselamatan kehidupan di dunia dan keselamatan sesudah meninggalkan dunia. Tugas setiap manusia atau kelompok manusia berbeda berdasarkan tempat, dimana mereka hidup dan takdirnya. Keselamatan itu diperoleh bila antar manusia patuh dan konsekuen melaksanakan aturan kebenaran yang ada. Pelaksanaan aturan-aturan kebenaran, telah dilaksanakan oleh nenek moyang kita dan diwariskan untuk anak cucunya, supaya tetap meneladani sesuatu kebenaran yang telah dijalani oleh nenek moyang kita. Bila kita tidak mematuhi aturan bersumber dari *Local Genius* yang ada, maka kita akan binasa, hancur dan ruh-ruh nenek moyang yang merusak semua yang ada di pemukiman ini.

Kebenaran dipercaya oleh orang Suku Mandras bersifat tunggal yaitu kebenaran yang bersumber dari prinsip-prinsip aturan bersumber dari *Local Genius* yang berasal dari leluhurnya. Kebenaran itu sudah ada saat Sang Pencipta menciptakan alam dan manusia. Hakekat prinsip-prinsip kebenaran adalah untuk menyelamatkan manusia dengan cara memelihara alam semesta dimana kita berada (dalam hutan atau perkotaan) membangun kehidupan secara turun-temurun. Kebenaran aturan bersumber dari *Local Genius* dijadikan acuan untuk bertindak atau berperilaku, termasuk tata cara mengakses sumberdaya yang dibutuhkan untuk mempertahankan kelangsungan kehidupan khususnya yang berkaitan dengan ketahanan ekonomi dalam bentuk aturan-aturan hukum adat.

In addition, the discussion of merging humanitarianism and volunteerism with the spirit of being Maryam will help others to digest the words of Allah which are related to her aside from matters concerning pregnancy, women or womanly and motherhood. The choice of being free to serve humanity and universe in the name of Allah is the nearest way to make the mother of Isa (peace be upon him) as an example of being *muharraran*, once upon a time, to all nations and humanity.

From this point, the conclusion can be related as in the figure below:




FIGURE 1: three stages of Maryam's upbringing and Allah's supervision

It is a new perspective to be looked into when we discuss the story of Maryam (peace be upon her). In such example, Allah has brought a hidden lesson for us on how to stick to His guidance. By stretching either thematic or rhetorical study about Maryam, we can find another angle of determination in perhaps repairing our broken understanding of The Book of Allah. Let alone the word *muharraran* emphasized how important a servant must be in obedience to his or her Lord here, wherein throughout Surah Maryam we can then explore the relationship between us and Allah in more details rhetorically (Alhassen, 2016).

In contrast with the past, it is a common situation to see female leaders lead the non-government organizations, join international collaborations and empower other fellow ladies. In fact, some men are empowered too and they are eager to encourage Muslim women to join the field. They are needed to help overcoming uncontrolled situations especially to dealing with sensitive cases among female victims. As such, female figures also are a part of the successful campaigns for awareness and education related to environment and animal survival. Their voices are mostly heard as much as other fellow volunteers or workers of the other gender.

Certainly, as Muslims we must agree to put obedience – with a sincere intention and Islamic code and conduct – as a major focus of our involvements. Parents can start nurturing their children with a similar education done by Hannah to Maryam which was based on Islamic knowledge and upbringing with good manners that can develop a responsible personality in their characters. These are the key of success in their growing process. Besides being clear and transparent between the team members are as important as having sincerity, we also need to be aware on how to put boundaries between cultural values and religious approaches especially when collaborating with the communities of different faiths.

## ACKNOWLEDGEMENT

I want to express my gratitude as in the last two paragraphs in conclusion, I am sharing my experiences while involving with firstly; Greenpeace as a supporter and volunteer for environmental protection and awareness.

Having been involved for nearly a year, I met great people regardless religions, races and culture. In last Ramadan, I was one of the biggest working team voluntarily during the Rainbow Warrior ship tour in Port Klang, from 2 to 5 June 2018. The newly appointed captain of the ship was Hettie Geenan, a female captain who was replacing Captain Peter Willcox for the ship tour. There are many Muslims, men and women, joined this organization in many countries for the same purpose of saving the earth and preserve the environment. I was honored as I was appointed to contribute as a trainer for the second Non-Violence Training (a compulsory training to Greenpeace volunteers) and translated the Malay version of Rang-Tan official video. We are in an effort to bringing awareness and stopping the dirty palm oil. Another Muslim leader from Greenpeace Indonesia, Kiki Taufik, had led the team of 30 activists in Bitung, North Sulawesi on 25 September 2018, in occupying a palm oil refinery, Wilmar.

Secondly, the most memorable experience is being a lead teacher at a refugee support centre called Rohingya Women Development Network (RWDN) in Sentul, Kuala Lumpur. It was founded by a Rohinya lady, Sharifah Shakira, who sees a brighter future for the community in Malaysia. The point of the importance of being sincere, clear and transparent is a result observed in a year of managing the Quran class here. I am also currently one of the committee board members and we are time-to-time collaborating with UNHCR to strengthen the organization with ideas, roles and action plans. The struggle we are facing is what makes us believe that involving in humanitarianism or volunteerism in order to help humanity (in this specific area is refugees) rebuild their spiritual and emotional beings is a duty to be taken. The result was also examined in the training “Strengthening the Capacity of RWDN” by UNHCR on 10 October 2018. Among other key points was the anticipation of men to join RWDN and together help the refugees and other vulnerable communities to get back to normal lives, be empowered gradually and continue to obtain education in their lives.

## REFERENCES

### Journal Article

- Alhassen, Leyla Ozgur (2016) “A Structural Analysis of Surat Maryam, Verses 1-58” *Journal of Qur’anic Studies* 18.1, pp.92-116.
- Ferris, Elizabeth (2011) “Fatih and Humanitarianism: It’s Complicated” *Journal of Refugee Studies* Vol. 24, No. 3, pp.606-625.
- Sahri, Mardhiyyah, Mohd Dasuqkhi Mohd Sirajuddin, Khairudin Murad and Asmidar Alias (2016) “An Analysis of Religious Factoring Empowering Youth Volunteers” *Contemporary Issues and Development in the Global Halal Industry*, Chapter 20, pp. 219-228.
- Helms, Elissa (2003) “Women as Agents of Ethnic Reconciliation? Women’s NGOs and International Intervention in Postwar Bosnia–Herzegovina” *Women’s Studies International Forum*, Vol. 26, No. 1, pp. 15 – 33.

### Book

- Al-Sha’rawi, Muhammad Mutawalli (1991) *Tafsir Al-Sha’rawi*. Akhbar Al-Yawm; Egypt.
- Asad, Muhammad (2001) *This Law of Ours and Other Essay*. Islamic Book Trust; Kuala Lumpur.

- Azad, Abul Kalam (ed) (2006) *Basic Concept of the Qur'ān*. Islamic Book Trust; Kuala Lumpur.
- Boisard, Marcel A. (2003) *Humanism in Islam*. Islamic Book Trust; Kuala Lumpur.
- Imam Al-Qurtubi (2006) *Al-Jami' Li-Ahkam Al-Qur'an (Tafsir Al-Qurtubi) Vol.5*. Al-Resalah Publisher; Beirut Lebanon.

### **Internet source**

- HAMKA *Tafsir Surat Ali-Imran ayat 33 - 37 - Tafsir Al-Azhar*, (electronic book on the Internet).
- Kreps, David. 2012. *In/Visibility of LGBTQ People in the Arab Spring: Making LGBTQ Voices Heard*. [Internet] University of Salford Manchester. Available at: <http://usir.salford.ac.uk/22908/> [Accessed 10 August 2018].
- Potter, Antonia (2005) *We the Women: Why Conflict Meditation is Not A Job for Men*. Centre for Human Dialogue; Geneva. Available at: <https://www.hdcentre.org/publications/we-the-women-why-conflict-is-not-just-a-job-for-men/>
- Tee, Kenneth (2018, 10 August). After discourse, Putrajaya to focus on finance, guidance, acceptance of transgenders. Malay Mail. Available at: <https://www.malaymail.com/s/1661223/after-discourse-putrajaya-to-focus-on-finance-guidance-acceptance-for-trans> [Accessed 10 August 2018].
- The Noble Quran [online open source for Quran's translations] Available at: <https://quran.com/>
- Timpf, Katherine (2018, 6 February). Some Activists Want to Turn 'LGBT' Into 'LGBTQQICAPF2K+' for Inclusion. National Review. Available at: <https://www.nationalreview.com/2018/02/lgbt-new-acronym-meaningless/> [Accessed 10 August 2018].

### **Conference Paper / Proceedings**

- Sulaiman, Kabuye Uthman. 2011. *Volunteerism from Islamic Perspective*. (International Conference on Humanities) [Internet] International Islamic University Malaysia Kuala Lumpur. Available at: [http://irep.iium.edu.my/6624/2/Kabuye\\_Uthman\\_Sulaiman.pdf](http://irep.iium.edu.my/6624/2/Kabuye_Uthman_Sulaiman.pdf) [Accessed 30 September 2018].

## **SINERGISME WAKAF PENDIDIKAN TINGGI DAN KEUSAHAWANAN SOSIAL**

Syahida binti Sidek  
Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah,  
Universiti Malaysia Kelantan  
Email : [nanasywa88@yahoo.com](mailto:nanasywa88@yahoo.com)

### **ABSTRAK**

Wakaf pendidikan telah lama mendapat tempat bagi pengurusan tertinggi institusi pendidikan di Malaysia. Namun begitu, ia masih dianggap baru di arena pendidikan tinggi ekoran beban kewangan yang semakin meningkat dan wakaf dilihat sebagai mekanisme yang ampuh bagi mengatasi masalah tersebut. Elemen Wakaf telah pun diolah dalam bentuk yang pelbagai untuk menjana kewangan dan juga menyediakan prasarana bagi kelestarian pengurusan institusi pendidikan. Pelbagai usaha untuk memaksimumkan manfaat wakaf dijalankan bagi memastikan bahawa manfaat dari harta wakaf tersebut dapat dinikmati oleh penerima-penerima manfaat wakaf ini. Oleh yang demikian, timbul usaha untuk menginovasikan pengurusan harta wakaf supaya dapat mencambahkan manfaat semaksima mungkin sebelum sampai kepada penerima manfaat. Salah satu daripada usaha tersebut adalah melalui sinergisme wakaf pendidikan dan keusahawanan sosial. Konsep keusahawanan sosial yang semakin berkembang di Malaysia memberikan impak positif bagi menjaga dan memperbaiki nilai-nilai yang ada dalam sesebuah masyarakat atau golongan sasaran. Aktiviti keusahawanan sosial yang bukan bermatlamatkan keuntungan semata-mata tetapi lebih bertujuan menjaga kebajikan masyarakat yang terlibat dalam aktiviti ini mempunyai potensi besar untuk kelestarian dan kemandirian pengurusan di IPT. Kajian ini akan menggunakan metod kajian kualitatif iaitu pengumpulan data perpustakaan dan juga temubual separa berstruktur (*semi structured interview*). Hasil analisa kajian menunjukkan bahawa tiga bentuk model sinergisme yang boleh diwujudkan dan telah dikenalpasti antara wakaf pendidikan tinggi dan keusahawanan sosial dalam membantu kemandirian IPTA dari sudut ekonomi dan juga untuk memperkasakan institusi wakaf.

**Kata Kunci** : Wakaf Pendidikan Tinggi, Keusahawanan Sosial, Wakaf

### **PENGENALAN**

Menyelusuri sejarah pendidikan tinggi pada zaman dahulu, universiti-universiti tersohor seperti Universiti Al-Azhar dimesir, Madrasah Nizamiyyah di Baghdad dan univerisiti-universiti di Turki merupakan antara model kejayaan institusi pengajian tinggi yang dibiayai oleh wakaf. Ia jelas membuktikan bahawa pengurusan wakaf yang baik mampu membantu kelestarian pengurusan sesebuah institusi pendidikan tinggi dalam mendepani kos pengurusan yang sentiasa meningkat. Bukti kecemerlangan universiti wakaf dapat dilihat apabila idea wakaf pendidikan tinggi ini telah diciplak dan diolah dalam bentuk endowmen oleh Universiti dibarat seperti Universiti Harvard dan Universiti Oxford. Jutaan dana dollar telah berjaya dikumpulkan sebagai modal pengoperasian yang sangat berkesan bagi universiti tersebut sebagai sebuah IPT besar dan terkemuka melalui endowmen .Justeru, sebagai umat Islam, kita tidak seharusnya berpeluk tubuh melihat apa yang berlaku tanpa mengambil apa-apa tindakan untuk menyemarakkan peranan wakaf bagi memajukan bidang pendidikan tinggi. Ini kerana, dana wakaf jika diuruskan secara bersistematik dan amanah mampu berperanan untuk membantu pembangunan dan pembiayaan IPT dan sekaligus menyahut saranan kerajaan supaya IPT terutamanya universiti awam mencari dana sendiri tanpa bergantung sepenuhnya kepada dana kerajaan lagi (Sharifah, 2016).



Kos pendidikan yang semakin hari dijangka semakin meningkat seiring dengan kenaikan harga barang dan perkhidmatan di Malaysia membimbangkan ramai pihak. Walaupun demikian, terdapat kekangan belanjawan yang dihadapi oleh pihak kerajaan dalam memajukan sektor pendidikan ini. Pembiayaan pendidikan yang mahal dan telah mengekang pelajar untuk mendapatkan pendidikan, terutamanya bagi mereka yang membuat pembiayaan sendiri (Mutiarra et. al,2018). Ini menyebabkan tidak semua pelajar mendapat kesempatan untuk mengakses pembelajaran hingga pendidikan tinggi. Oleh yang demikian, idea menjadikan wakaf sebagai opsyen sumber dana wajib telah hampir diaplikasikan oleh IPT seluruh Malaysia kerana ia diyakini sebagai satu strategi yang berpotensi untuk menampung perbelanjaan kerajaan dalam sektor pendidikan. Wakaf pendidikan tinggi ini dianggap sebagai salah satu solusi yang berpotensi untuk memastikan pendidikan tetap lestari dan dapat dinikmati oleh seluruh masyarakat. Ia tidak hanya boleh mengurangkan perbelanjaan awam tetapi pada masa yang sama memenuhi keperluan sosial sesebuah negara(Syakir et.al, 2017).

Sejarah telah membuktikan, sumbangan wakaf amatlah penting sebagai pemangkin kepada perkembangan ekonomi, meningkatkan taraf kualiti hidup masyarakat serta menjamin kesinambungan syiar Islam. Menurut (Nurdin, 2015) sekiranya wakaf tidak dibangunkan secara optimum, sudah pasti ia tidak dapat memberikan manfaat yang berkesan kepada masyarakat dan juga benefisiari. Oleh yang demikian, idea untuk menginovasikan wakaf dengan mensinergikannya dengan konsep keusahawanan sosial ini perlu ada bagi mencari mekanisme yang ampuh untuk kemandirian institusi pendidikan tinggi. Ini kerana kejayaan demi kejayaan yang telah dicipta oleh aktiviti keusahawanan sosial dalam menangani masalah yang wujud dalam kelompok-kelompok tertentu yang menjadi sasaran.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan temu bual bagi mengumpulkan data. Data sekunder telah diperolehi dengan menganalisis intipati karya-karya penulisan yang berkaitan dengan wakaf dan keusahawanan sosial. Karya-karya tersebut mempunyai kaitan dengan konsep pengurusan wakaf di IPT di Malaysia. Kedua, kajian yang merujuk kepada sumber-sumber ijthadi dan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh ramai pengkaji sebelumnya dalam bidang wakaf. Kajian kepustakaan digunakan untuk mengumpulkan data yang didapati daripada buku-buku, jurnal, artikel, penulisan tesis dan disertasi yang berkaitan. Rujukan berkaitan wakaf daripada sumber-sumber tradisional dan kontemporari akan dilakukan untuk menyingkap semula falsafah wakaf dalam Islam dan pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi diperingkat dunia dan di Malaysia. Selain itu, bagi tujuan memahami gagasan keusahawanan sosial, kaedah ini juga digunapakai dan pengkaji akan merujuk penulisan-penulisan buku, artikel, jurnal yang bagi menjelaskan konsep keusahawanan sosial ini.

Selain itu data juga dikumpulkan melalui kaedah temubual separa berstruktur (*Semi Structured Interview*) bagi mendapatkan pandangan informan tentang sinergisme wakaf pendidikan tinggi dan keusahawanan sosial. Metod analisis kandungan akan digunapakai bagi menganalisis data yang diperolehi melalui kaedah temubual. Analisis kandungan terhadap data temubual yang akan menjawab tema-tema yang telah dibina pada awalnya. Melalui analisis kandungan ini, tema-tema baru yang ditemukan akan mencambahkan maklumat baru yang amat penting dalam sesebuah penyelidikan disamping tema-tema lama yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan.

## **SINERGISME WAKAF PENDIDIKAN TINGGI DAN KEUSAHAWANAN SOSIAL**

### **Konsep Wakaf Pendidikan Tinggi**

Wakaf pendidikan merupakan sesuatu dana sama ada dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan yang diperlukan bagi kelangsungan pembangunan pendidikan. Wakaf pendidikan tinggi telah mula rancak berkembang di Malaysia selaras dengan hasrat kerajaan Malaysia yang ingin mengurangkan kebergantungan pendidikan tinggi kepada dana kerajaan sepenuhnya. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) merupakan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pertama di Malaysia yang menubuhkan tabung wakaf pendidikan melalui IUM Endowment Fund pada tahun 1999. Perkembangan ini diikuti oleh beberapa buah IPT lain dari tahun ke tahun (Roslina et.al, 2015). Agenda wakaf pendidikan tinggi akhir-akhir ini mendapat perhatian pelbagai pihak, terutama pihak kementerian pendidikan tinggi (KPT) sebagaimana dinyatakan di dalam buku ungu ( *Purple Book* ). Ia dapat dilihat melalui usaha-usaha KPT menggesa IPT-IPT untuk menjana dana kewangan sendiri melalui kaedah-kaedah tertentu supaya dapat meneruskan pengurusan IPT dengan lebih baik.

Walaupun instrumen wakaf dalam pendidikan tinggi di Malaysia masih belum dioptimumkan sebaik mungkin khususnya diperingkat pendidikan tinggi. Buktinya, masih belum ada sebuah Universiti Awam (UA) yang berdiri sepenuhnya diatas harta wakaf. Namun yang demikian, beberapa model wakaf IPT/IPTS yang telah memasukkan elemen wakaf dalam sebahagian pengurusan dan pengoperasian mereka boleh dijadikan contoh untuk kita merenovasikan dan menginovasikan wakaf IPT dengan lebih baik. Apabila kefahaman tentang konsep asal wakaf itu jelas, maka disitu akan lahir idea-idea yang mantap dalam menginovasikan wakaf supaya manfaatnya bukan sahaja dapat dikekalkan dan memenuhi tujuan, malahan dapat dimaksimumkan. Justeru, pengurusan dan pembangunan harta wakaf dinegara ini mestilah bersifat inovatif, kreatif dan proaktif berpaksikan kepada hukum syarak (Che Zuina, 2012).

Dalam mendepani masalah ekonomi global, konsep wakaf pendidikan tinggi perlu diterokai dan diinovasikan agar lebih relevan dengan konteks masa hari ini dan dalam masa yang sama mampu mencapai objektif untuk memberikan manfaat semaksima mungkin kepada bidang sosial dan ekonomi. Sinergi antara wakaf dan keusahawanan sosial ini jika diaplikasikan, kekuatannya dijangka mampu menghasilkan model wakaf pendidikan tinggi yang baharu, yang lebih inovatif, kreatif dan produktif. Model inilah yang dijangka akan melestarikan sistem wakaf dalam pendidikan tinggi dalam mendepani krisis peningkatan dana yang mana diketahui bahawa sistem pembiayaan pendidikan tinggi menggunakan dana kerajaan tidak lagi lestari pada masa kini (Ridhwan et al, 2014).

### **Perkembangan Wakaf Pendidikan Tinggi Di Malaysia**

Di Malaysia pada masa kini, terdapat beberapa institusi pengajian tinggi swasta yang lebih terkehadapan dalam membina institusi pendidikan tinggi berasaskan wakaf antaranya ialah, Universiti Islam Malaysia, Kolej Universiti Bestari, Kolej Universiti Islam Perlis dan Kolej Universiti Islam Selangor. Kebanyakan Universiti-universiti ini menyediakan peluang pendidikan kepada anak-anak orang fakir dan miskin dan anak-anak yatim yang kurang berkemampuan membiaya pendidikan tinggi. Selain itu, terdapat beberapa universiti awam (UA) di Malaysia yang sangat serius menjadikan konsep wakaf sebagai kaedah penjana kewangan universiti seperti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaysia (UM) dan juga Universiti Putra Malaysia (UPM). Agenda wakaf institusi pendidikan tinggi swasta dimulai dengan wujudnya universiti wakaf iaitu Universiti Islam Malaysia (UIM) yang terletak di Cyberjaya dan Kolej Universiti Bestari. UIM merupakan universiti pertama ditubuhkan di bawah naungan Majlis Raja-raja Melayu pada 12 Oktober 2010. UIM dianggap sebagai

pelopor kepada wakaf pendidikan negara dan akan dijadikan panduan untuk penubuhan wakaf institusi pendidikan tinggi di masa akan datang walaupun masih belum mencapai status wakaf penuh. Begitu juga KUB yang telah menjadi rujukan pelaksanaan wakaf Ipt di Malaysia kerana telah berjaya memulakan agenda membangunkan IPT melalui konsep wakaf.

Setiap idea wakaf yang dibangunkan di universiti awam ini mempunyai perspektif yang berbeza dan ia menentukan pengamalan aktiviti pengumpulan dana dan pengurusan dana wakaf universiti tersebut. USIM sebagai contoh, mengetengahkan konsep universiti hybrid iaitu gabungan konsep keusahawanan sosial (*Enterprise Sosial*), pematuhan syariah dan pembiayaan wakaf. Berbeza dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang telah menubuhkan IIUM Endowment Fund dengan mengembangkan dana wakaf yang dikumpul melalui sumbangan individu dan organisasi-organisasi dengan kaedah pelaburan bagi mengembangkan dana sedia ada. Hasil ini yang digunakan untuk menyempurnakan objektif penubuhan untuk mengatasi masalah kewangan yang agak serius di kalangan pelajar dari luar negara. Walaubagaimanapun, sehingga kini statistik menunjukkan bahawa bantuan kepada pelajar tempatan adalah lebih banyak lagi berbanding dengan pelajar luar negara (Syakir et.al, 2017). Di Universiti Putra Malaysia (UPM) pula, proses pengumpulan dana wakaf lebih tertumpu kepada wakaf tunai yang biasa disumbangkan oleh staf-staf universiti dan juga orang ramai. Selain itu, produk-produk terpilih yang dihasilkan oleh beberapa fakulti dikomersialkan sebagai cara penajaan dana wakaf sebelum manfaatnya disalurkan kepada pihak yang memerlukan terutamanya pelajar-pelajar miskin. Proses pengumpulan dana wakaf di Kolej Universiti Bestari (KUB) pula sedikit berbeza, percubaan mensinergikan elemen wakaf dan keusahawanan bagi menjana aset wakaf dilihat amat menarik dan lestari buat masa ini. Hasil dari aktiviti keusahawanan yang dijalankan, digunakan untuk membeli aset wakaf dan juga membangunkan prasarana wakaf bagi tujuan kegunaan pemegang taruh didalam universiti. Walaubagaimanapun, kaedah penajaan harta wakaf seperti wakaf kaki, wakaf tunai tetap menjadi tulang belakang kepada aktiviti pengumpulan dana wakaf di KUB.

### **Konsep keusahawanan sosial**


Keusahawanan sosial ialah model keusahawanan yang tidak hanya mementingkan keuntungan dan bukan menjadikan keuntungan sebagai fokus atau matlamat utama, malah menekankan kepada pewujudan masyarakat yang berimpak positif dan saksama (Suraiya & Ahmad, 2015). Aktiviti keusahawanan sosial merupakan satu pendekatan inovatif ke arah mengtransformasi sosial masyarakat kearah yang lebih baik. Walaupun masih baru, namun keusahawanan sosial semakin mendapat perhatian dalam setiap peringkat, baik pemerintah mahupun NGO-NGO untuk merangka satu mekanisme yang ampuh sistem keusahawanan yang melibatkan kebajikan sosial kelompok sasaran. Usahawan sosial merupakan individu yang mempunyai penyelesaian inovatif (*innovative solution*) kepada masalah sosial yang sedang dihadapi oleh masyarakat di sekeliling. Seorang usahawan sosial akan mengambil apa juga peluang dan kesempatan yang terbuka, yang mana tidak disedari oleh orang lain, untuk memperbaiki sistem masyarakat, mengilhamkan pendekatan baru dan juga memikirkan cara penyelesaian yang baru untuk memperbaiki lagi masyarakat sekelilingnya. Usahawan sosial mempunyai misi sosial. Kekayaan atau keuntungan bukan misi utama namun mereka akan lebih mementingkan pencapaian dan impak misi sosialnya.

Menurut Dees (2001), keusahawanan sosial menggabungkan semangat misi sosial dengan imej perniagaan seperti disiplin, inovasi dan penentuan. Dalam bahasa yang mudah difahami, keusahawanan sosial menggunakan pendekatan keusahawanan untuk membongkar masalah sosial dan menanganinya dengan cara yang mendatangkan kemenangan kepada kedua-dua pihak. Keusahawanan Sosial (*Social Entrepreneurship*) akhir-akhir ini semakin popular terutama selepas Dr. Muhammad Yunus, pengasas Grameen Bank di Bangladesh

selepas beliau dianugerahi Nobel keamana (Nobel Peace) pada tahun 2006. Di Malaysia sendiri kegiatan ini masih belum mendapat perhatian yang menyeluruh daripada kerajaan dan para tokoh masyarakat kerana belum ada kejayaan yang menonjol secara nasional. Walaubagaimanapun, penubuhan Amanah Ikhtiar Malaysia merupakan antara idea awal untuk merealisasikan keusahawanan sosial bertitik tolak dari idea penubuhan Gramen Bank di Bangladesh. Walaubagaimanapun, pelbagai usaha telah mula dijalankan bagi menerapkan konsep keusahawanan sosial dalam membantu megurangkan masalah sosial di negara kita.

Menurut Marwan (2016), hasil penyelidikan beliau telah mengemukakan empat domain utama dalam keusahawanan sosial iaitu mengenalpasti peluang, inovasi sosial, perniagaan sosial dan nilai sosial. Domain pertama iaitu mengenalpasti peluang bermaksud kemampuan seseorang usahawan untuk melihat masalah yang berlaku dalam masyarakat sebagai satu peluang untuk diselesaikan dengan cara yang lebih baik. Manakala, Inovasi sosial pula adalah suatu aktiviti yang baharu, baharu, berinovatif efektif dan efisien yang didorong untuk memenuhi keperluan sosial Marwan Ismail (2014).

Dalam keusahawanan sosial, wujudnya elemen perniagaan sosial bermaksud keusahawanan sosial ialah sebuah entiti yang tidak berobjektifkan untuk memaksimumkan keuntungan kewangan tetapi berobjektifkan *socialdriven* melalui pendekatan perniagaan. Domain yang keempat ialah nilai sosial yang mana dikatakan keusahawanan sosial itu suatu usaha untuk membawa penambahbaikan kepada keperluan asas manusia seperti pembasmian kemiskinan, penyediaan peluang pendidikan, rawatan kesihatan, bekalan air bersih, peluang pekerjaan dan juga keadilan sosial.



**Jadual 1 : Domain dalam keusahawanan sosial**

Konsep keusahawanan sosial menurut (Hisham, 2018) merupakan suatu pendekatan hybrid yang melibatkan pendekatan perniagaan sebagai medium dan nilai sosial sebagai objektif utama kepada sesuatu inisiatif sosial yang dijalankan oleh institusi sosial. Proses ini akhirnya berupaya mewujudkan kelestarian kewangan kepada organisasi tersebut melalui program yang dijalankan yang mana bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat atau kelompok sasaran.

### **Sinergi Wakaf Pendidikan Tinggi dan Keusahawanan Sosial**

Proses sinergisme wakaf dan keusahawanan sosial dalam memperkasakan wakaf pendidikan tinggi ini tidaklah menafikan bentuk lain dalam proses pendanaan wakaf IPT. Pelbagai cara dan bentuk yang diinovasikan oleh pihak IPT bagi mendapatkan dana dalam bentuk wakaf sama ada wakaf bentuk lama seperti wakaf tunai, wakaf kaki dan juga wakaf produktif seperti wakaf korporat, wakaf saham, wakaf I-REITs (*Real Estate Investment Trust*) dan wakaf sukuk (*Bond*). Semua bentuk dan kedah penjanaan dana wakaf ini selagi tidak menyalahi prinsip asal wakaf iaitu menahan asal dan mengembangkan manfaat dari harta tersebut masih boleh digunakan tanpa ragu-ragu. Walaubagaimanapun, wakaf IPT harus diterokai dari segenap sudut supaya wujud mekanisme yang ampuh dan lestari bagi kemandirian IPT dari sudut pengoperasian dan tadbir urus yang semaki hari semakin menelan belanja yang besar. Sinergisme wakaf pendidikan dan keusahawanan sosial ini antara usaha untuk memperkayakan kaedah pengurusan dana wakaf yang mana isu kelestarian dana wakaf pendidikan tinggi ini sememangnya menjadi perbincangan pengkaji akademik dan pembuat dasar, menurut Zakariya Man dan Salihu AbdulWaheed dalam ( Mutiara et.al), isu yang dipertaruhkan dalam kelestarian wakaf IPT adalah berkait dengan persoalan bagaimana dan wakaf dapat digunakan dan dimanfaatkan sebaiknya secara cekap dan berkesan.

### **DAPATAN AWAL KAJIAN**

Berdasarkan kajian yang dijalankan, model-model wakaf IPT yang telah mula melaksanakan mekanisme pengurusan wakaf dalam pengoperasian universiti mengadaptasikan model wakaf tunai, model bisnes, penggunaan instrumen perbankan islam dan keusahawanan sosial dalam model wakaf mereka. Dapatan awal kajian melalui analisis kandungan temubual bersama pakar-pakar dalam bidang wakaf dan keusahawanan sosial menunjukkan wakaf dan keusahawanan sosial mempunyai keupayaan tersendiri untuk disinergikan, memandangkan kedua-duanya mempunyai beberapa elemen filantropi yang berobjektifkan manfaat kepada umat Islam secara khususnya. Secara ringkasnya, bentuk sinergi yang boleh dirangka dari konsep wakaf dan keusahawanan sosial adalah sinergi teras wakaf, sinergi teras keusahawanan sosial dan sinergi mutual simbiosis.

### **Sinergi Teras Wakaf**

Melalui sinergi ini, konsep wakaf akan menjadi teras bagi institusi pendidikan tinggi tersebut dalam usaha kemandirian kewangan dalam pengurusan IPT sama ada UA mahupun US. Penjanaan dana wakaf akan bergerak lebih agresif untuk mengumpulkan sebarang bentuk harta wakaf sama ada fasiliti, harta tak alih seperti tanah. Selain itu, sinergi ini mengoptimalkan apa sahaja bentuk pengumpulan dana wakaf seperti wakaf tunai, wakaf elektronik melalui kaedah potongan gaji dan juga wakaf produktif melalui pelaburan berisiko rendah menggunakan instrumen kewangan Islam seperti *Mudharabah*. Pada peringkat awal, fokus utama penjanaan dana wakaf bertumpu kepada pemegangtaruh universiti sebelum disebarluaskan kepada individu dan orang ramai serta masyarakat setempat. Secara asasnya, wakaf IPT diwujudkan dengan permulaan mewujudkan fasiliti, bangunan, tanah yang telah diwakafkan. Sekiranya hal ini telah disempurnakan pada peringkat awal, maka usaha untuk mengembangkan harta wakaf ini akan menjadi lebih mudah untuk disinergikan dengan elemen keusahawanan sosial.

Aktiviti keusahawanan sosial boleh diadaptasi dalam proses pengembangan dana wakaf yang telah terkumpul. Dalam masa yang sama, pendidikan tentang peri pentingnya wakaf perlu disuburkan secara terus menerus supaya normalisasi budaya wakaf ini dapat diteruskan. Aktiviti keusahawanan sosial melalui empat proses dalam domain utama di garapkan, bermula dengan mengenalpasti peluang- peluang untuk menjalankan aktiviti

berasaskan perniagaan yang melibatkan sekumpulan golongan sasaran yang telah dikenalpasti. Sebagai contoh mudah, pemain dalam keusahawanan sosial mengenalpasti golongan sasar yang ingin dibantu dalam area berdekatan universiti wakaf, sekiranya mereka adalah golongan penduduk kampung yang mahir dalam bercucuk tanam, kemahiran mereka ini berupaya menghasilkan satu bentuk penajaan kewangan sekiranya ditadbir urus dengan baik oleh para pakar dalam bidang tersebut. Masyarakat yng terpilih dibekalkan dengan kemahiran yang berterusan tentang pertanian, diberi kemudahan-kemudahan lain yang dianggap penting bagi membantu aktiviti ini berkembang seterusnya berusaha memasarkan hasil diperingkat global. Aktiviti keusahawanan sosial melibatkan masyarakat luar ini selain berupaya memberikan impak dari sudut ekonomi, ia juga berupaya memberikan impak sosial dimana wujud hubungan dua hala diantara pemegangtaruh universiti dan juga masyarakat setempat sekaligus membantu universiti menjadi agen perubahan masyarakat. Aktiviti kusahawanan sosial dalam kategori sinergi ini boleh dipelbagaikan mengikut peluang yang dikenalpasti terdapat pada golongan sasaran yang ingin dibantu. Hasil yang dijana dari aktiviti berasakan perniagaan ini berupaya membantu kelestarian operasi IPT wakaf jika ditadbir urus dengan baik.

### **Sinergi Teras Keusahawanan Sosial**

Sinergi teras keusahawanan sosial mengangkat aktiviti-aktiviti keusahawanan sebagai satu idea penting yang perlu dikembangkan lebih awal sebelum elemen wakaf diolah bagi membantu aktiviti keusahawanan sosial membangunkan sebuah IPT wakaf yang mandiri dan lestari dari sudut ekonomi. Aktiviti keusahawanan sosial boleh dimulakan di dalam universiti tersebut, mengadaptasi apa sahaja peluang yang ada untuk dikembangkan melalui asas perniagaan. Sebagai contoh, pihak universiti boleh mengambil inisiatif menjalankan akitiviti keusahawanan sosial berasaskan perniagaan yang mengambilkira apa sahaja kemudahan yang telah ada dalam kawasan universiti atau diluar kawasan universiti dengan kerjasama dengan anggota masyarakat setempat, menghidupkan tanah-tanah terbiar sebagaimana yang dianjurkan dalam islam dalam membicarakan konsep *ihya' almawat*, sehingga membuahkan hasil jangka masa panjang dan jangka masa pendek. Penghasilan produk diatas jenama universiti oleh sekelompok golongan sasar yang berkemahiran dikalangan pelajar juga boleh dianggap sebagai aktiviti keusahawanan sosial. Walaubagaimanapun, ia memerlukan kepada proses penyelidikan dan pembangunan yang berterusan bagi menggunakan peluang yang ada dengan baik dan bijaksana. Hasil dari aktiviti keusahawanan sosial ini, membantu pihak universiti untuk menyediakan prasarana wakaf bagi membangunkan sebuah IPT berasaskan wakaf. Pemilikan tanah wakaf, pembangunan fasiliti wakaf, kemudahan infrastruktur pelajar berasaskan wakaf melalui hasil aktiviti keusahawanan sosial berupaya menjadikan sebuah universiti wakaf yang mempunyai kewangan yang kukuh kerana kejayan aktiviti keusahawanan sosial yang telah diusahakan lebih awal. Walaupun begitu, konsep wakaf dilihat tidak menonjol dalam sinergi teras keusahawanan ini kerana kejayaan besar perolehan dana adalah melalui sumber aktiviti keusahawanan sosial. Walaubagaimanapun, idea untuk membangunkan universiti wakaf lebih mudah kerana ia dimulakan dengan pemerolehan dan pemilikan harta wakaf secara berdikit-dikit dan seterusnya dikembangkan kepada pengembangan harta wakaf sehingga boleh menampung masalah –masalah kewangan melibat pengoperasian universiti itu sendiri dan juga membantu pelajar-pelajar kearah pendidikan wakaf berbentuk percuma pada masa akan datang.

### **Sinergi Mutual Simbosis**

Mutual simbiosis adalah sinergi yang melibatkan interaksi yang erat diantara dua komponen yang masing-masing mempunyai kekuatan yang tersendiri dan apabila digabungkan akan saling menguntungkan bagi kedua pihak. Wakaf sebagaimana yang diketahui, mempunyai

kekuatan tersendiri dalam memperkasakan ekonomi umat Islam. Aktiviti keusahawanan sosial yang semakin rancak pula semakin mendapat tempat bagi usahawan-usahawan sosial yang bermotifkan keuntungan kepada masyarakat. Kedua-duanya mempunyai kepentingan dan kekuatan yang tersendiri yang mana jika disinergikan pasti akan memberikan impak yang sangat besar dalam kemandirian kewangan IPT. Di IPT, usaha mensinergikan keduanya melalui kaedah mutual simbiosis bagi memperkasakan wakaf pendidikan tinggi melalui penanaan dana yang pelbagai bergerak seiring dengan aktiviti keusahawanan sosial. Ia harus dimulakan secara serentak bagi mengumpulkan dana yang akhirnya akan dimanifestasikan sebagai dana wakaf IPT berkenaan. Sinergi ini mempunyai kekuatan yang tersendiri apabila proses pengumpulan dana wakaf dan pengumpulan dana melalui aktiviti keusahawanan sosial. Kedua-duanya gagasan ini mempunyai potensi besar untuk disepadukan. Melalui sinergi ini, perolehan dana dari pengembangan harta asal wakaf membantu aktiviti keusahawanan sosial tanpa menghilangkan asalnya, dan hasil keuntungan dari aktiviti keusahawanan sosial berasaskan perniagaan di gunakan untuk perolehan harta yang kemudiannya diisytiharkan sebagai harta wakaf IPT. Kedua-dua gagasan ini saling membantu antara satu sama dan saling berkait, dan saling memerlukan antara satu sama lain untuk menjadi mekanisme ampuh bagi membantu menjana pendapatan IPT dan membangunkan sebuah IPT wakaf.

## KESIMPULAN

Dalam mencari mekanisme untuk melestarikan institusi pendidikan tinggi menerusi wakaf, pelbagai inovasi harus dilakukan sesuai dengan konteks masa hari ini. Walaubagaimanapun, inovasi tersebut mestilah tidak bercanggah dengan prinsip wakaf dalam Islam. Wakaf institusi pendidikan tinggi yang berorientasikan keusahawanan sosial ini akan cuba menggabungkan dua gagasan atau konsep yang hebat dalam mekanisme pengurusan wakaf IPT. Ia tidak lain dan tidak bukan adalah untuk kelestarian institusi pendidikan tinggi tersebut untuk lebih mandiri dari aspek kewangan pada masa akan datang dan dalam masa yang sama dapat menyelesaikan masalah sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat hari ini. Cadangan model-model sinergi wakaf IPT berorientasikan keusahawanan sosial ini diharapkan dapat memberikan gambaran awal untuk mensinergikan dua gagasan yang hebat ini untuk memantapkan institusi wakaf dalam pembangunan IPT berasaskan instrument wakaf yang lebih lestari sebagaimana yang berlaku kepada Universiti Al-Azhar di Mesir.

## RUJUKAN

- Abdullah bin Muhammad Basmeih. (1994). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Asmak Ab Rahman (2009) ,Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya DiMalaysia, *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 1 (2009) 113-152113.
- Al-Al-Khasaf, Abu Bakr Ahmad Umar As-Syaibani, Ahkam al-Awqaf dan At-Torifi, Abdul Aziz bin Marzuq, At-Tahjil Fi Takhrij Ma Lam Yukharraj Fi Irwa' Al-Ghalil, h15.
- Baharuddin Sayin, Azri Bhari & Mohd Hamizan Ab Hamid (2015). Majlis Agama Islam Negeri Belum Mempunyai Perancangan Mewujudkan Wakaf Pendidikan Tinggi. Dalam Baharuddin Sayin (Ed.), *Wakaf Pendidikan Tinggi di Malaysia Satu Penantian*, (Edisi 1, h. 29-37). Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- Burhan Che Daud (2015). The application of waqf in medieval Syria: a historical survey during the period of sultan Nur al-Din (1146-74) and sultan Salah al-Din (1174-93).

- Che Zuina binti Ismail, *Pembangunan Tanah Wakaf : Analisis Menurut Perundangan Dan Perlaksanaannya Di Malaysia*, Tesis Phd, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012.
- Ibnu Manzur. (1993). *Lisan al-'Arab, Cet. 3*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy & Muassasah al-Tarikh al-'Arabiyy.
- Ibnu Qudamah, Abu Muhammad 'Abdullah,(1992), Mughni,Kaherah, Dar Hajr j. 8, h. 186. Ibnu Hajar Al-Asqalani,Syihabuddin Ahmad Ibn Ali, *Fathul Bari*,Beirut, Dar Al-Fikr Al-'Arabi.
- Habibollah Salarzahi, Hamed Armesh, Davoud Nikbin, (2010) *Waqf as a Social Entrepreneurship Model in Islam*, International Journal of Business and Management.
- Hamidi Abdul Ghani(2013), Kertas Khas- Saham Wakaf Menurut Perspektif Islam : Kearah Perlaksanaannya di Negeri Kelantan, Journal Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra , 2013.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), (2017), diperoleh pada 15 Januari 2017 daripada <http://www.jawhar.gov.my/definisi/wakaf/>
- Marwan Ismail (2014). *Pembangunan komuniti menerusi keusahawanan sosial : kajian kes mengenai organisasi bukan kerajaan di Malaysia*. International Conference on Social Entrepreneurship ICSE 7- 9 Nov 2014.
- Merriam, S.B. .(2001). *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. San Fransisco: Jossey-Bass Pub.
- Md Nurdin Ngadimon (2015) , *Pembangunan Wakaf: Pendanaan Melalui Sukuk Sustainable And Responsible Investment (Sri)*. Muzakarah Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan Di Malaysia Kali Ke- 11, anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), di Dewan Persidangan Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia (BNM).
- Mohammad Tahir Sabit Haji Mohammad, Abdul Hamid Mar Iman, Ismail Omar (2005), *An ideal financial mechanism for the development of the waqf properties in malaysia*, Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Afandi Mat Rani, Baharuddin Sayin, Ahmad Zaki Abd Latiff, Amal Hayati Ishak & Razali Othman. (t.t). *Tranformasi Wakaf di Malaysia; Isu dan Cabaran*. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ), Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- Mohd Ali Bahari Abdul Kadira, Suhaimi Mhd Sarifb (2016), *Social Entrepreneurship, Social Entrepreneur and Social Enterprise:A Review of Concepts,Definitions and Development in Malaysia*, Journal of Emerging Economies and Islamic Research ,Vol 4 No 2.
- Mohd Saedon Awang Othman( 1988) , Peranan Wakaf di dalam pembanguna ummah, dalam Ahmad Ibrahim et al, Al-Ahkam Jilid 6, Undang-undang keluarga dan pentadbiran wakaf, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Syakir Mohd Taib, Wan Kamal Mujani & Ermy Azziaty Rozali,*Universiti Islam Malaysia (UIM) Wakaf Pendidikan Tinggi Pertama Di Malaysia*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mokthar Hj. Ismail, Mohd. Isa Mohd. Deni, Muna Sulaiman & Hairullfazli Muhammad Som. (2015). *Melestari Ekonomi Institusi Pengajian Tinggi Islam melalui Wakaf (210002037)*. Bangi: Pusat Pembangunan Penyelidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Muhammad b. 'Ali al-Syawkani (2000) *Nayl al-Awtar min Ahadith Sayyid alAkhbar Syarh Muntaqa al-Akhbar Syarh Muntaqa al-Akhbar*. Qahirah: Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Mustafa Al-Khin, Mustafa al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji (2004). *al-Fiqh alManhaji 'ala Mazhab al-Imam as-Shafi'i, terj. Kitab Fiqh Mazhab Syafie*, vol. 5. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.



- Al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya Bin Syarf (1994), *sahih muslim bi syarh al-nawawi*, Jil 1 Beirut : Dar Al-Ma'rifah.
- Nicholls, A. (Ed.) (2008). *Social Entrepreneurship: New Models of Sustainable Social Change*, Oxford University Press, Oxford.
- Noor Hisham Md Nawawi, Burhan Che Daud (2016), *Sinergisme konsep wakaf pendidikan dan gagasan keusahawanan sosial Islam : wasilah pembangunan komuniti intelektual mandiri*. Researchgate.
- Noor Hisham Md Nawawi, Marwan Ismail, Burhan Che Daud, Zain mubarak (2016), *Wakaf Pendidikan Tinggi dan Gagasan Keusahawanan Sosial : Semakan semula konsep-konsep utama*, Universiti Malaysia Kelantan.
- Noresah Baharom, Md. Nor Ab. Ghani, Ibrahim Ahmad, Azizah Supardi, Saidah Kamin, Aziah Tajudin, Salmah Jabbar, Hairani Mohd Khalid, Rodziah Abdullah (Eds.). (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Osman Sabran. (2002). *Pengurusan Harta Wakaf*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Othman Lebar. (2014). *Penyelidikan Kualitatif; Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), (2017), diperoleh pada 20 April 2017 daripada <http://www.wakafselangor.gov.my/en2/images/stories/pws/cartaorganisasi/carta.jpg>
- Roslina Hashim, Rahisam Ramli, Nur Farhana Dahalan, Nur Yuhanis Ismon & Shahrina Romli, *Prospek Penjanaan Dana Wakaf Institusi Pengajian Tinggi (Ipt) Melalui Instrumen Pelaburan*, Akademi Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Melaka.
- Sharifah Zubaidah Syed Abdul Kader (2016), *Cabaran Memperkasa Wakaf Menurut Perspektif Perundangan*, Seminar Wakaf Pendidikan Tinggi , Universiti Malaysia Kelantan.
- Siti Mashitoh Mahmood (2000), *The Administration of Waqf, Pious Endowment in Islam: A Critical Study of The Role of the State Islamic Religious Councils As The Sole Trustees of a Awqaf Assets and the Implementation of Istibdal in Malaysia with Special Reference to the Federal Territory of Kuala Lumpur*, Tesis Ph.D, The University of Birmingham.
- Siti Mashitoh Mahmood & Asmak Ab Rahman (2015). "Financing Universities through Waqf, Pious Endowment: Is It Possible?" *Humanomics*, vol. 29 (2), 80-87.
- Siti Mashitoh Mahmood (2007). "Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah dan Undang-Undang Serta Aplikasinya di Malaysia." *Jurnal Syariah*, vol. 15 (2).
- Siti Zakiah Ali & Hairunnizam Wahid (2014). "Peranan dan Kepentingan Dana Wakaf Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia," dalam *Prosiding PERKEM Ke 9*, vol. 9.
- Siti Umairah Ali Hamdan Siti Mashitoh Mahmood (2016), Aplikasi Prinsip Berkekalan Wakaf Di Institusi Pengajian Tinggi Terpilih: Perspektif perundangan *Application Of Perpetuity Principle Of Waqf In Some Selected Higher Educational Institutions: A Legal Perspective*, *Journal of Shariah Law Research* vol. 1 (2) 229-250.
- Sudin Haron. 1990. *Ke arah menjadi usahawan berjaya*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- The Meaning of "Social Entrepreneurship" Author: J. Gregory Dees, Reformatted and revised: May 30, 2001.
- Zietlow, J.T. (2002), "Releasing a new wave of social entrepreneurship", *Nonprofit Management and Leadership*, Vol. 13 No. 1, pp. 85-90.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (2011). *Fiqh dan Perundangan Islam Jilid VIII*. (Syed Ahmad Syed Hussain et.al., Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).



Centre for Language Studies and Generic Development  
Universiti Malaysia Kelantan Kampus Bachok  
Beg Berkunci 01, 16300,  
Bachok Kelantan.  
Telephone : 09-779 7445  
Fax : 09-7797442

eISBN 978-967-2229-17-9



9 789672 229179